

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA ADN
BAGI MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA DEWAN
NEGERI SELANGOR KETIGA BELAS TAHUN 2014
PADA 24 – 28 NOVEMBER & 01 – 05 DISEMBER 2014**

- TELAH DIKEMASKINI SEHINGGA 24 NOVEMBER 2014

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
1.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	MARRIS Dan Peruntukan Pembangunan (Bersekali soalan no. 190, 224, 242, 264, 300 & 352)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
2.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Penerbitan Akhbar Selangor Times	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
3.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	UNISEL (Bersekali soalan no. 70 & 306)	UNISEL	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
4.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sunga Burong)	Program Bantuan Nelayan	Jabatan Perikanan	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
5.	Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)	Pemutihan Kilang-kilang Haram (Bersekali soalan no. 332 & 361)	PTG Selangor	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
6.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Kejadian Tanah Runtuh Di Apartmen Teratai Bukit Beruntung	JKR / MDHS	Y.B. Tuan Iskandar bin. A. Samad
7.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Mengembalikan Kegemilangan Bola sepak Selangor	MSN	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
8.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	HORAS (Bersekali soalan no. 139)	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
9.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
10.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Minyak Masak Terpakai (Bersekali soalan no. 360)	SPBT	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
11.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Perkembangan Program Bas Awam Antara Bandar.	Seksyen Makro	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
12.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Harga Rumah Mampu Milik (Bersekali soalan no. 207, 237)	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
13.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Kenaikan Fi Perniagaan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
14.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Bajet Dan Peruntukan Kerajaan Prihatin	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman
15.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Pelaburan (Bersekali soalan no. 48, 151, 202, 216, 240)	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
16.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Kuat Kuasa Akta Pengurusan Strata 2013 (AKTA 757)	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
17.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Usaha Pencegahan Denggi	SPBT	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
18.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Geran Selangorku (Bersekali soalan no. 231)	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
19.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Masjid Ummah-Sentrik	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
20.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Orang Asli	JAKOA / Seksyen Agihan	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
21.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Air Tidak Terhasil (<i>Non Revenue Water</i>)	Pejabat Menteri Besar	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
22.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Pengurusan Flat Kos Rendah	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
23.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Pusat Wanita Berdaya (PWB) (Bersekali soalan no. 157 & 209)	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
24.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Garis Kemiskinan Selangor	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman
25.	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)	Masalah Iklan Haram Yang Terlalu Banyak Seolah-olah Dibiarkan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
26.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Pembasmian Tikus	SPBT	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
27.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Permohonan Sekolah Kafa Taman Kemuning Banting, Kuala Langat	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
28.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Bekalan Daging Segar	Jab. Veterinar	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
29.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Projek Rumah Terbengkalai Di Puncak Alam	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
30.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Cukai Taksiran, Lesen Perniagaan Dan Iklan Terhadap Konsesi Tol Lebu Raya	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
31.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Sampah	SPBT	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
32.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Gaji Guru Kafa	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
33.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Penyelesaian Banjir Kilat Di Kajang	MPKj	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
34.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	Mesyuarat Penuh	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
35.	Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)	Pengangkutan Awam	Seksyen Makro	Y.B. Dato' Teng Chang Khim

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
36.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Graduan Terlibat Aktiviti Militan	KUIS	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
37.	Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/ Arulanandam (Seri Andalas)	Perjanjian Penstrukturan Semula Industri Air Selangor (Bersekali soalan no. 170, 340 & 342)	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
38.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Pembinaan Incinerator Di Shah Alam Dan Kuala Langat	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
39.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Jumlah Pelancong Dan Produk Pelancongan (Bersekali soalan no. 212)	TSSB	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
40.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Sumber Air Mentah (Bersekali soalan no. 46)	LUAS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
41.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Pendidikan Pra-Sekolah	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
42.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Hal Ehwal Wanita	Seksyen Sektoral	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
43.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Peruntukan Infrastruktur Untuk Kampung- Kampung Melayu Dan Kampung-Kampung Tradisi	Seksyen Agihan	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Abdul Talib

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
44.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Perumahan Dan Hak Milik Tanah FELDA Di Hulu Selangor	a) Seksyen Sektoral b) P D/T Hulu Selangor c) Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
45.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Sekolah Tamil Desa Coalfields	Seksyen Sektoral	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
46.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Sumber Air Mentah	Seksyen Makro / LUAS	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
47.	Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)	Peruntukan Insurans Kesihatan Untuk ADUN Dan Pegawai Di Pusat Khidmat DUN	Pej. Dewan	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
48.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Iklim Pelaburan Negeri	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
49.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Pelantikan Badan Pengurusan <i>Uptown</i> Seksyen 24	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
50.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
51.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Kompetensi Pengerusi Dan Ahli-Ahli JKKK	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
52.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Rizab Kewangan	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
53.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Bayaran Gratuiti Kepada Kakitangan Menteri Besar Incorporated (MBI) Yang Menamatkan Tempoh Perkhidmatan Semasa Menteri Besar Terdahulu.	Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
54.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Pusat Teater Shah Alam	MBSA	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
55.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Sampah Haram	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
56.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Profail Kemiskinan Bandar	SPBT	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
57.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Tabung Bencana Alam Selangor	Unit Bencana	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
58.	Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)	Masalah Jalan-jalan Di Bawah Kawalan JKR	JKR	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
59.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Kelewatan Bayaran Manfaat Bulanan Skim Mes Tunas.	RMSB / BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
60.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Jualan Minuman Keras	SPBT / P D/T Petaling	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
61.	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)	Banyak Tempat Tumpuan Pelancong Sering Diabaikan Penyenggaraannya.	SPBT	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
62.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Pelantikan Penyelia Wanita Berdaya	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
63.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Penjelasan Kebenaran Isu Sabotaj Dan Gengsterisme Di Loji Takungan Air Dan Cara Tanganinya.	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
64.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Bidang Perindustrian Dan Perdagangan	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
65.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Trafik Dan Pengurusan Lalu lintas	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
66.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Konsep " <i>First-In-First- Out</i> " Dalam Pengurusan Tanah	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
67.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Pencemaran	a) JAS b) SPBT c) Jab. Perhutanan	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
68.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Tapak Pelupusan Sampah Daerah Hulu Langat	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
69.	Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)	Penyelenggaraan Jalan, Longkang, Pembersihan Rumput Milik Jabatan Kerja Raya Dan Jabatan Parit Dan Saliran.	SPBT/ JPS	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
70.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Status UNISEL Dan Skim Beri Insentif Kepada Mahasiswa	UNISEL	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
71.	Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)	Hubungan Antara Agama	SPBT	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
72.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Perubatan Percuma Warga Emas	SPBT	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
73.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Kesan <i>Goods & Services Tax</i> (GST)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
74.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Pencemaran Sungai	LUAS	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
75.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Halal Hub	KDEB	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
76.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Portfolio Pekerja Ladang	Seksyen Sektor	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
77.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Jabatan Ternakan	PKPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
78.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Akhbar Selangorkini	CCSB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
79.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Cadangan Kawasan Simpanan Air Terawat Bawah Tanah	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
80.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Premium Tanah	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
81.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Perlaksanaan Program SPIES	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
82.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Dasar Rumah Ibadat Bukan Islam	SPBT	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
83.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Sukan Layar	MSN	Y.B. Tuan Amirudin b.Shari
84.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Tanah Rizab Melayu (Bersekali soalan no. 166)	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
85.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Dasar Pembasmian Kemiskinan Selangor	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman
86.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	FAS (Football Association Selangor)	MSN	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
87.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Program Mammogram	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
88.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Perpustakaan Awam Sungai Besar	PPAS	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
89.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Jenayah Dan Keselamatan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
90.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Menaiktaraf Penapis Loji Rawatan Air	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
91.	Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)	Pengurusan Sampah Di Kawasan Kampung	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
92.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Program Air Percuma	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
93.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	<i>Blueprint</i> Pengangkutan Awam	Seksyen Makro	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
94.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Projek Penternakan Babi Moden	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
95.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Pakej Sepadu Usahawan Hingga Berjaya	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
96.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Urus Tadbir Baik Negeri	a) Pejabat Menteri Besar b) Unit Integriti	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
97.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Perumahan (Bersekali soalan no. 163)	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
98.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Bharu)	Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
99.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Pembinaan Masjid	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
100.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Trek Basikal Di Bandar Shah Alam	MBSA	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
101.	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)	Program Pembangunan Sukan Negeri Dilihat Tidak Menyumbang Atlit Ke Peringkat Nasional	MSN	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
102.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Biasiswa Menteri Besar	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
103.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Penggerak Belia Tempatan (Pebt)	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
104.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Penasihat Ekonomi Negeri Selangor (Bersekali soalan no. 356)	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
105.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Belanjawan MBPJ 2015	MBPJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
106.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Sewa Petak Pasar Pagi Dan Malam Setiap PBT	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
107.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Dewan Orang Ramai Dan Taman PBT Perlu Penyelenggaraan Berjadual	SPBT / MPK	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
108.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Pengurusan Krisis Air	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
109.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Program Peningkatan Hasil Padi	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
110.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Penglibatan PKNS Dalam Pembangunan PJ Sentral	PKNS	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
111.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Skim HPIPT Anak Selangor.	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
112.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Naik Taraf Bukit Broga Sebagai Tempat Pelancongan	SPBT	Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
113.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Medan Selera Dan Gerai Milik Pihak Berkuasa Tempatan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
114.	Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)	Pembinaan Pintu Gerbang Di Pandamaran	MPK	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
115.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Rumah Terbangkalai Kampung Tongkah Morib, Banting (Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat)	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
116.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Hasil Tangkapan Nelayan Di Sungai Selangor Berkurangan	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
117.	Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/ Arulanandam (Seri Andalas)	Skim Bantuan Kebajikan – Perkhidmatan Bantuan Kewangan	Jab. Kebajikan Masyarakat Selangor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
118.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Kutipan Hasil Cukai Negeri Selangor	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
119.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Tempat Perhimpunan Awam	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
120.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Kerosakan Struktur Bangunan Dan Mendapan Tanah Di Taman Emas Dengkil	MP Sepang	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
121.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Mikrokredit: MIMBAR (Bersekali soalan no. 211)	MIMBAR	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
122.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Perkhidmatan Bas Percuma Dan Pemasangan Stesen Bas Di Lokasi Yang Sesuai	a) MPAJ b) & c) Seksyen Makro	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
123.	Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)	Peruntukan Pengurusan Pejabat	P D/T Petaling	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
124.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Taman Hutan Simpan Negeri	Jab. Perhutanan	Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping
125.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Status Projek Bermasalah	MPKj	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
126.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Pemberian Tanah Kepada Sekolah	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
127.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Kampung Tradisi Melayu Pinggiran Bandar Perlu Jalan Yang Bagus	Seksyen Sektoral	Y.B.Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
128.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Muzium Permainan Tradisional Rakyat Di Bukit Melawati	PADAT	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
129.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	RM2.5 Juta Untuk Kajian Dan Penyelidikan	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
130.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Pendidikan Punjabi	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
131.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Menaiktaraf Jalan Negeri (B131) Dan Persimpangan Dengan Jalan Persekutuan (FT54)	JKR	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
132.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Cerun Runtuh	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
133.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Projek Lebuhraya Di Bawah Bajet 2015 Kerajaan Persekutuan (Bersekali soalan no. 204)	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
134.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Peruntukan MARRIS Dan Syarikat Konsesi KPS-HCM Sdn Bhd	JKR	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
135.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Pengurusan Dan Pentadbiran	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
136.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Punca Banjir Di DUN Sungai Panjang, Sungai Besar	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
137.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Prestasi Pasukan Bola Sepak Selangor Menurun Semenjak Tahun 2009 Dan Tidak Memenangi Sebarang Piala.	MSN	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
138.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	<i>Products Makanan Dan Minuman Halal</i>	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
139.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Projek HORAS Oleh Kerajaan Negeri Selangor	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
140.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Agenda Memperkasa Belia	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
141.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Papan Iklan " <i>Billboard</i> " Dan Papan Iklan Digital	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
142.	Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)	Peruntukan Dan Keberkesanan PWB Di setiap DUN	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
143.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Projek Pembangunan Desa (Bersekali soalan no. 265)	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
144.	Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)	Pinjaman RM400 Juta Untuk Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
145.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Lebuhraya SUKE Dan Pemasangan Pencawang Elektrik Di DUN Teratai	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
146.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Projek Rumah Terbengkalai Sejak Sebelum 2008 Di DUN Meru.	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
147.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Perobohan Gerai Penjaja	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
148.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Pembinaan Dewan Orang Ramai	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
149.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) (Bersekali soalan no. 214 & 239)	Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
150.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	WIFI Selangorku (Bersekali soalan no. 164 & 220)	BTM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
151.	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)	Pelaburan Dalam Negeri Selangor	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
152.	Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)	Tanggungjawab Ketua Kampung	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
153.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Pembinaan <i>Skatepark</i> Atas Nama PBT	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
154.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Polisi "Value For Money"	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
155.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Sekolah Menengah Agama Rakyat	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
156.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	<i>E-Consent</i>	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
157.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Pusat Wanita Berdaya (PWB)	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
158.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Peningkatan Hasil Pesawah Padi	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
159.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Belanjawan 2014 Dan Rizab Negeri Untuk Belia Dan Sukan	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
160.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Pengambilalihan SYABAS	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
161.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Hadiah Pengajian IPT	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
162.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Bahu Jalan Rendah – Jabatan Kerja Raya	JKR	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
163.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Pembangunan Perumahan	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
164.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	Perkhidmatan WIFI Percuma (Telah bersekali soalan no. 150)	BTM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
165.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Maahad Tahfiz Sains	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
166.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Tanah Rizab Melayu	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
167.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Masalah Pendapatan Petani Negeri Selangor	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
168.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Rizab PBT	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
169.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Masalah Pengurusan Bangunan Pangsapuri Kos Rendah Oleh JMB Khususnya Di Sri Perantau	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
170.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Perjanjian Air Selangor	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
171.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Agenda Pemberdayaan Wanita	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
172.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Seksyen Sektor	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
173.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Tempoh Lanjutan Pajakan Tanah Dan Kadar Premium.	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
174.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Portfolio Hal Ehwal Wanita	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
175.	Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/ Arulanandam (Seri Andalas)	Sistem Tender Terendah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	PWN	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
176.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Pengurusan Air Mentah	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
177.	Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)	Program Warga Emas Sihat & Produktif	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
178.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Cawangan Kerajaan Tempatan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
179.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor Berjumlah Rm413juta Kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
180.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Kemiskinan Di Desa Dan Kampong	Seksyen Sektor	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
181.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Kebajikan Dan Peluang Melanjutkan Pembelajaran Untuk Guru-Guru KAFA Dan Sekolah Agama JAIS	JAIS	Y.B.Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
182.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Portfolio Pembangunan Usahawan	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
183.	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)	Masalah Rumah Urut Haram Yg Terlalu Banyak Seolah-olah Tiada Kawalan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
184.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Perhutanan Negeri	Jab. Perhutanan	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
185.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Penempatan	Seksyen Sektor	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
186.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Peruntukan Dari Kerajaan Persekutuan	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
187.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Jalan Raya	JKR	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
188.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Wanita Dan Masyarakat	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
189.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Pembangunan SRA & Masjid Di DUN Meru	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
190.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Peruntukan MARRIS	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
191.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Dasar “Setiap Individu Miliki Kediaman”	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
192.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS)	PKPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
193.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	<i>Skatepark</i> Di DUN Hulu Kelang	MPAJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
194.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Hotel Bajet Tawar Khidmat Seks	PDRM	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
195.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Taman Asuhan Kanak-kanak	Jab. Kebajikan Masyarakat Selangor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
196.	Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)	Masalah Pemindahan Penghuni-penghuni Di Jalan Papan Dan Jalan Bukit Kerayong	MPK	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
197.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Tanah Terbiar	P D/T Hulu Langat	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
198.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Penempatan Desa Ehsan	Lembaga Zakat Selangor	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
199.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Di Musim Buah-buahan Terdapat Lambakan Buah-buahan Tempatan Yang Tidak Di Dapat Dijual	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
200.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Pinjaman RM80 Juta Kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
201.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Projek Bazar Darul Ehsan Kanchong Darat, Kuala Langat	MDKL	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
202.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Pelaburan Negeri	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
203.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Dasar Kebajikan	Seksyen Sektor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
204.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Lebuhraya Kinrara Damansara (KIDEX)	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
205.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Banjir Kilat DUN Gombak Setia	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
206.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Dasar Kerajaan Negeri	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
207.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Rumah Mampu Milik	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
208.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	Kawasan Luar Bandar	Seksyen Sektoral	Y.B.Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
209.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Peruntukan Untuk Memberdayakan Pusat Wanita Berdaya	Seksyen Sektoral	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
210.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Perancangan MDKS Ke Atas Tanah Lapang Di Hadapan Rumah Murah PKNS Jalan Klang Dan Taman Seri Piai	MDKS	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
211.	Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)	Usahawan Melalui Skim MIMBAR	MIMBAR	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
212.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	Sektor Pelancongan	TSSB	Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping
213.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	<i>'Citizen Journalist</i> Dan Pemasangan <i>'Billboard'</i>	SPBT / CCSB	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
214.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Menteri Besar Incorpo rated (Telah bersekali soalan no. 149)	Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
215.	Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)	Lembu-lembu Korban Aidul Adha	PKPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
216.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Pelaburan Dalam Negeri	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
217.	Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)	Kerja-kerja Hartanah Di Hulu Langat	P D/T Hulu Langat	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
218.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Pengurusan Sumber Alam	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
219.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	Agenda Pembedayaan Wanita	Seksyen Sektoral	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
220.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Kemudahan WIFI Percuma (Telah bersekali soalan no. 150 & 164)	BTM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
221.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Masalah Pelantikan Kontraktor Pembinaan Kelas F Rumah PPRT Di Daerah Petaling	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
222.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Manfaat Caruman Takaful Bernilai RM2500	RMSB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
223.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Merakyatkan Ekonomi Selangor : Hadiah Ke IPT	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
224.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Peruntukan MARRIS Untuk 2014	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
225.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Usahawan	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
226.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Gerai Tepi Jalan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
227.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Kemiskinan Bandar Begitu Ketara Antara Pendapatan Golongan Orang Kaya Dan Miskin	Seksyen Sektor	Y.B Tuan Ganabatirau a/ Veraman
228.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Kerja-kerja Baik Pulih Infrastruktur Dan Jalan Oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat	JKR	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
229.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Naik Taraf Parit JPS Jalan Hamzah Alang.	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
230.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Portfolio Hal Ehwal Pengguna	SPBT	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
231.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Geran Selangorku	Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
232.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Pembangunan Mahasiswa	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
233.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Pindaan Rancangan Tempatan PBT	JPBD	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
234.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Portfolio Adat-Adat Melayu	PADAT	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
235.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Keselamatan Dan Jenayah	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
236.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Status Pelaburan Asing Ke Selangor	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
237.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Projek Rumah Mampu Milik	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
238.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Banjir Kilat Kawasan Bandar	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
239.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	MB Incorporated (MBI) (Telah bersekali soalan no. 149)	Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
240.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Pelaburan	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
241.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Tanah Wakaf Kuala Langat	MAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
242.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Peruntukan Sistem Maklumat Jalan Raya Malaysia (MARRIS)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
243.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Pengurusan Sumber Manusia: Kebajikan Kakitangan Kerajaan Negeri Selangor	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
244.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Pusat Giat Mara Selayang	P D/T Gombak	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
245.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Persatuan Sukan & Bola Sepak	MSN	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
246.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Teknologi Perusahaan Produk Halal	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
247.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Gerai-gerai Haram Dalam Kawasan PBT	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
248.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Gaji Minima	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
249.	Y.B. Puan Dr .Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Program Pembangunan Belia	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
250.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Prospek Ekonomi Negeri 2015	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
251.	Y.B. Datuk Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Kajang)	Pendidikan Kanak-kanak	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
252.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	Isu Banjir Kilat Kampung Labu Lanjut	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
253.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Penambahan Anggota Penguatkuasa PBT	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
254.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Portfolio Pemodenan Pertanian	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
255.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Cerun	PWN	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
256.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Bantuan Kebajikan	Jab. Kebajikan Masyarakat Selangor	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
257.	Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)	Jenayah Ragut	PDRM	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
258.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Pembangunan Kampung Baharu	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
259.	Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)	<i>ASEAN Economic Community (AEC)</i>	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
260.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Di Selangor	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
261.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Geran Selangorku Usahawan Muda RM30 Juta	Menteri Besar Incorporated	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
262.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Rakyat Berpendapatan Tinggi	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
263.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)	Belanjawan Responsif Gender	PWN / Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
264.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Peruntukan MARRIS	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
265.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Pembangunan Desa	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
266.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Portfolio Kebajikan	Seksyen Sektoral	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
267.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)	Kawasan Tadahan Air Selangor	LUAS	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
268.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Kemudahan Nurseri Dan Tadika	BPSM	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
269.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Infrastruktur Jalan Raya Rumput Dan Bahu Jalan DUN Meru	MPK	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
270.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Industri Nurseri, Landskap Dan Pokok Hiasan	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
271.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Pertukaran Menteri Besar	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
272.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)	Jalan-jalan MARRIS Di Bawah DUN Kota Anggerik	JKR / MBSA	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
273.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Kerosakan Rumah- rumah Dalam Kawasan Perumahan Bernam Purchase Bagi Penempatan Orang Asal Di Sebahagian Lot Projek Tebatan Banjir Mukim Tanjong Dua Belas Daerah Kuala Langat Oleh B – Lee Architect Dan Tetuan Canal City Construction Sdn Bhd.	PNSB	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
274.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Permatang Kuartza Bukit Tabur Hulu Kelang	JPBD	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
275.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Pembangunan Belia	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
276.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
277.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Rumah Kos Rendah	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
278.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Portfolio Alam Sekitar	SPBT	Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping
279.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Perbelanjaan Dan Bajet Untuk Pembangunan Usahawan DUN Teratai	Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
280.	Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)	Penempatan Semula Kampung Darul Mujahidin Batu 9 Kebun Bharu, Sijangkang Kuala Langat	MDKL	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
281.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	<i>Oktoberfest</i>	MBPJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
282.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Kumpulan Perangsang (KPS)	Kumpulan Perangsang	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
283.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Gazet Jalan Dan MARRIS	JKR	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
284.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Portfolio Kerajaan Tempatan	SPBT	Y.B Tuan Ean Yong Hian Wah
285.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Masalah Kekurangan Tanah Perkuburan Bukan Islam	JPBD / Seksyen Agihan	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
286.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Sistem Perparitan	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
287.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Pengurusan Sampah	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
288.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Rumah Terbiar	MBPJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
289.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Langkah –langkah Kerajaan Bagi Yang Tidak Melunaskan Bayaran Penyelenggaraan.	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
290.	Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)	Portfolio Perindustrian Dan Perdagangan	SSIC	Y.B. Dato' Teng Chang Khim
291.	Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)	Kemudahan Awam	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
292.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Program <i>Blue Print</i> Membasmi Kemiskinan	Seksyen Sektoral	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
293.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Prestasi Ekonomi Negeri 2014	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
294.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Kakitangan PBT	BPSM	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
295.	Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan (Tanjung Sepat)	Prasarana Dan Kemudahan Awam	a) & b) LUAS c) Seksyen Sektoral	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
296.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Bekalan Ikan	Jabatan Perikanan	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
297.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Jalan Persekutuan 1 Tanjung Malim - Rawang (FT001)	JKR	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
298.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Kerja Pembangunan Tanah Di sekitar Jalan Teratai Dan Dahlia.	MPK	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
299.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Portfolio Pendidikan	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
300.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Peruntukan MARRIS Terkumpul	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
301.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Kemudahan Padang Awam Dan Mini Stadium	MPAJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
302.	Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus (Kuang)	Ikrar Pelantikan EXCO	Pej. Dewan	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
303.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Bazar Darul Ehsan, Kanchong, Kuala Langat	MDKL	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
304.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Pinjaman Pengajian	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
305.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Pusat Dialisis Rakyat (PDR) (Bersekali soalan no. 337)	SPBT	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
306.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Graduan UNISEL	UNISEL	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
307.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Program Penerangan	CCSB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
308.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan	Portfolio Pengurusan Bangunan	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
309.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Bajet Selangor 2015	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
310.	Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah binti Ali (Selat Klang)	Dewan Orang Ramai Pulau Ketam	P D/T Klang	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
311.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Bas Berhenti-henti	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
312.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Kumpulan Darul Ehsan (KDEB)	KDEB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
313.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Masalah Perparitan Gunasama Di Lot-Lot Persendirian	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
314.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Komuniti Berpagar Dan Kejiranan Berpengawal Di Taman Warisan Setia, Kota Warisan	MP Sepang	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
315.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Tunggakan Cukai Tanah Di Pejabat Daerah Dan Tanah	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
316.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Peruntukan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Parit JPS	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
317.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Kajian Adat-Adat Melayu	PADAT	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
318.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Universiti Malaya Health Metropolis	MBPJ	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
319.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Pembangunan Semula 18 Blok Rumah Pangsa PKNS Di Keramat AU2 Hulu Kelang	PKNS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
320.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Menaik Taraf Sistem Perparitan	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
321.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Penggunaan Air	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
322.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Kolej INPENS	INPENS	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
323.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Portfolio Kemiskinan	Seksyen Sektoral	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
324.	Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)	Bomba Sukarela	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
325.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Pendidikan : SPIES, TUNAS & TAWAS	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
326.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias	Penerangan Negeri	CCSB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
327.	Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)	Jabatan Pengairan Dan Saliran	JPS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
328.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Langkah Menarik Pelanggan Ke Perpustakaan Awam.	PPAS	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
329.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Portfolio Infrastruktur Dan Kemudahan Awam	Seksyen Makro	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
330.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)	Tanah <i>Canal City</i>	PNSB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
331.	Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)	Peluang Melanjutkan Pelajaran Kepada Belia Yang Telah Bekerja Selepas SPM	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
332.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Lesen Operasi Kilang	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
333.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Kemiskinan Dan Peluang Pekerjaan Di Negeri Selangor	Seksyen Sektoral	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
334.	Y.B. Tuan Dr Abdul Rani bin Osman (Meru)	Pembangunan Kedai PLB Di Bawah Pejabat Daerah	PDT Klang	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
335.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Saham Air	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
336.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Mengurangkan Penggunaan Bekas Polisterena	SPBT	Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping
337.	Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)	Pusat Dialisis Rakyat (PDR)	SPBT	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
338.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Kegiatan Teksi Haram	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
339.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Program Adat Kaum	PADAT	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
340.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Penstrukturan Semula Air Selangor	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
341.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Dasar Pendidikan Tinggi	BPSM	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
342.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Penstrukturan Dan Perjanjian Air	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
343.	Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)	Pemaju Dan Pembangunan Haram	PDT Hulu Langat	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
344.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Portfolio Belia Dan Sukan	Seksyen Sektor	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
345.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Pembinaan Semula Gerai-gerai, Medan-medan Selera Dan Pasar Awam PBT	SPBT / MBPJ / PWN	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
346.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Perumahan Generasi Kedua Di FELDA.	PTG Selangor	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
347.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Polisi Tender Terendah	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
348.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Pilihanraya Kerajaan Tempatan	SPBT	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
349.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Institusi Masjid	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
350.	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)	Bidang Kuasa LUAS - Jeti Pendaratan Ikan	LUAS	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
351.	Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)	Kenderaan Terbiar	MPSJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
352.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Peruntukan Rizab Tunai Melalui Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
353.	Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)	Bajet Untuk Belia Selangor	PWN	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
354.	Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)	Kedudukan Kewangan Negeri Selangor	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
355.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Kawasan Rumah Terbiar Dan Tidak Berpenghuni	MDKS	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
356.	Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)	Pinjaman Sebanyak RM 423 Juta Kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	KDEB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
357.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Fungsi Penasihat Ekonomi Negeri Di Majlis Tindakan Ekonomi Negeri	Pejabat Menteri Besar	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
358.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Status Penubuhan Polis Bantuan MBPJ	MBPJ	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
359.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Teknologi Pemodenan Pertanian	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
360.	Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)	Minyak Masak Kutipan Semula	SPBT	Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping
361.	Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang)	Aduan Kilang Haram	PTG Selangor	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
362.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (Bukit Gasing)	Masalah Banjir Di DUN Bukit Gasing	MBPJ	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
363.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (Kota Damansara)	Portfolio Perumahan	LPHS	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad
364.	Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)	Pasar Awam Sungai Besar	MDSB	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
365.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	YAWAS	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
366.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Program Sentuhan Anjing	MAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
367.	Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz (Semenyih)	Kekerapan Berlaku Gangguan Air Di DUN Semenyih	Seksyen Makro	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
368.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Kebajikan Penjaja	MDKS	Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
369.	Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong)	Dasar Kewangan Dan Bajet	PWN	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
370.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)	Pasir	KSSB	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

BIL.	NAMA ADUN / KAWASAN	TAJUK	MULUT (Jawapan oleh)	DIJAWAB OLEH
371.	Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah (Bukit Melawati)	Sumbangan Sektor Pertanian	Jab. Pertanian	Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib
372.	Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (Hulu Bernam)	Masalah Denggi	SPBT	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi
373.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor	Y.B Tuan Ganabatirau a/l Veraman
374.	Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Abdul Malik (Sungai Air Tawar)	Portfolio Hal Ehwal Islam	JAIS	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
375.	Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro (Jeram)	Paras Empangan Air	LUAS	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : MARRIS DAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Adakah kerajaan negeri akan meningkatkan peruntukan MARRIS untuk projek turapan jalan dan saliran air
 - b) Sila nyatakan langkah kerajaan negeri untuk memastikan kualiti projek di bawah MARRIS mematuhi spesifikasi yang ditetapkan
 - c) Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk meluaskan skop peruntukan MARRIS

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini Kerajaan Negeri sedang mengkaji dasar pengagihan peruntukan di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri Selangor (MARRIS) bagi tahun 2015. Fokus akan diberikan kepada penyelenggaraan jalan dan longkang di tepi jalan yang dibenarkan oleh Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).
- b) Kerajaan Negeri telah membuat perancangan yang komprehensif seperti berikut:-
 - i. Memastikan semua Jabatan/Agensi Pelaksana memahami keperluan sebenar dalam membuat permohonan pelaksanaan kerja-kerja di bawah MARRIS yang selari dengan Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan;
 - ii. Memastikan semua Jabatan/Agensi Pelaksana mengemaskini data di dalam Sistem MARRIS *Online* untuk semua jalan di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana;
 - iii. Membuat semakan ke atas jalan-jalan yang berdaftar dan tidak berdaftar;
 - iv. Mengemaskini rekod perubahan taraf jalan (fokus kepada semakan taraf jalan kerana ia memberi kesan kepada per km jalan yang didaftarkan);
 - v. Memastikan Agensi pelaksana menyediakan perancangan awal untuk suku tahun pertama;

- vi. Selain aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan-permohonan tambahan yang selaras dengan skop MARRIS berdasarkan kepada keperluan tambahan; dan
 - vii. Penambahbaikan ke atas tatacara pengurusan Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri ini dibuat dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian di Pihak Kerajaan Negeri.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa berpandukan kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri seperti tertakluk pada perenggan 11, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersedia untuk meningkatkan peruntukan MARRIS tertakluk kepada keupayaan agensi pelaksana manakala kelulusan peruntukan selain daripada jalan dan longkang akan dipertimbang mengikut permohonan atau *case by case basis*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PENERBITAN AKHBAR SELANGORTIMES

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap permintaan menerbitkan semula Akhbar SelangorTimes ?
- b) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap permintaan menerbitkan semula Akhbar SelangorTimes ?
- c) Sila nyatakan sejauh manakah keberkesanan sebaran maklumat yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Akhbar Selangor Times merupakan Akhbar inisiatif swasta yang disokong kerajaan negeri. Ketika ini Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses menyusun semula peranan yang dimainkan oleh media yang dikendalikan sendiri oleh pihak Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor sedang membuat penelitian dan perincian mengenai semua saluran komunikasi Kerajaan Negeri termasuklah akhbar Selangor Times. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi apa jua pertimbangan bagi menambah baik saluran komunikasi sedia ada kepada rakyat.

c) Sebaran maklumat kerajaan Negeri Selangor disebarkan menerusi pelbagai medium media sama ada secara atas talian, televisyen ataupun akhbar.

Kerajaan Negeri turut memiliki agensi berita khusus iaitu Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) untuk memastikan maklumat mengenai Selangor direkod dan disebarluaskan kepada rakyat. Sebaran maklumat juga dilaksanakan melalui kerjasama pihak ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Jawatankuasa Masjid dan Surau di seluruh negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyalurkan maklumat terus kepada Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN dan ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan maklumat dan program terkini Kerajaan Negeri disebarkan dan dimaklumkan hingga ke akar umbi rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : UNISEL

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bagaimanakah sumber dana Tabung Biasiswa Anak Selangor diperoleh dan manfaatnya kepada UNISEL?
 - b) Terbelakah nasib pelajar terpaksa berhenti disebabkan kewangan dengan wujudnya tabung ini?
 - c) Pengurusan bangunan asrama, siapakah yang dilantik dan apakah terma syarat-syarat?

JAWAPAN:

- a) UNISEL tidak mempunyai Tabung Biasiswa Anak Selangor kerana tabung ini telah diwujudkan oleh Pejabat Exco Pendidikan sebagai inisiatif memberi pinjaman kepada anak-anak Selangor yang ingin melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta. – <http://tkwbns.selangor.gov.my/>. Sumber dana adalah daripada Kerajaan Negeri Selangor.

UNISEL boleh memanfaatkan tabung ini jika ianya ditubuhkan bermatlamat untuk membantu anak-anak Selangor di UNISEL yang tidak mampu membayar yuran, dan diberikan dalam bentuk biasiswa atau pinjaman mengikut kelayakan.

- b) Tabung ini perlu memasukkan salah satu objektifnya ialah untuk membantu menyelesaikan masalah kewangan pelajar yang tidak mampu membayar yuran secara pinjaman.
- c) Pengurusan bangunan asrama – dikendalikan sendiri oleh UNISEL di bawah kolej kediaman UNISEL kampus UNISEL Bestari Jaya;

UNISEL melantik Encik Muhammad bin Hashim sebagai Pengetua Kolej. Beliau berjawatan Pensyarah Kanan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Lantikan Pengetua Kolej adalah secara `multi tasking' – secara kontrak 2 tahun.

Beliau dibantu oleh Timbalan Pengetua dan Penolong Pengurus secara sepenuh masa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN NELAYAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada nelayan yang berpendapatan rendah & apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan?
 - b) Nyatakan jumlah nelayan yang berpendapatan rendah yang telah menerima bantuan ini setakat hari ini mengikut kawasan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Perikanan untuk membantu nelayan. Jumlah peruntukan yang disalurkan pada tahun 2012 sebanyak RM141,250, tahun 2013 sebanyak RM196,900 dan tahun 2014 (sehingga November) sebanyak RM531,000. Peruntukan yang disalurkan adalah bagi bantuan peralatan menangkap ikan, sampan, enjin sangkut serta alatan keselamatan kepada nelayan.
- b) Nelayan yang dikategorikan berpendapatan rendah adalah kebanyakannya terdiri daripada nelayan pantai atau tradisional dan juga yang bekerja sebagai kru atau awak-awak di atas vesel/bot menangkap ikan komersil (bot pukut jerut dan pukut tunda). Bilangan nelayan tersebut yang telah menerima bantuan adalah seperti berikut;

Tahun	Kawasan	Bilangan penerima	Jenis Bantuan
2012	Kuala Langat	19	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut
2013	Kuala Selangor	17	Enjin Sangkut
2014	Kuala Selangor	7	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut, Alatan Keselamatan
	Sabak Bernam	522	
	Kuala Langat	23	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 Seri Andalas)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah dasar kerajaan dalam melaksanakan pemutihan kilang-kilang haram?
 - b) Perlu ada sedikit kelonggaran dalam usaha untuk memutihkan kilang-kilang haram yang telah beroperasi sekian lama, tetapi mengapa peraturannya tetap sama seperti permohonan Kebenaran Merancang yang baru?

JAWAPAN:

- a) Dalam melaksanakan dasar pemutihan kilang tanpa kebenaran kerajaan telah melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) semenjak tahun 2006 untuk memutihkan kilang haram. PPKTK ini telah dilanjutkan beberapa tahun lagi bagi memberi peluang kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang untuk menyertai program tersebut. Berikut adalah faktor-faktor yang menyebabkan PPKTK tidak mencapai sasaran:-
 - i) Pemilik tanah tidak berkemampuan untuk membayar premium tambahan yang terlalu tinggi walaupun telah diberi potongan;
 - ii) Pemilik tanah terikat dengan perjanjian sewaan tanah di mana pemilik tanah menyewakan tanah pada kadar yang rendah menyebabkan pemilik tanah enggan membuat permohonan tukar syarat dan Kebenaran Merancang;
 - iii) Pemilik tanah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman bank kerana tempoh pajakan yang hampir luput dan usia pemilik tanah yang telah lanjut; dan
 - iv) Pemilikan tanah yang ramai dan menyebabkan pemilik-pemilik tanah enggan membuat permohonan tukar syarat dan permohonan Kebenaran Merancang.

Walaubagaimanapun, satu Kajian Khas Kilang tanpa Kebenaran sedang dilaksanakan dan hasil kajian tersebut dijangka akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Disember 2014.

- b) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memutihkan kilang haram, Kerajaan Negeri telah memberikan kelonggaran kepada mereka untuk mematuhi peraturan dan undang-undang. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK). Antara kelonggaran yang diberikan dalam PPKTK adalah seperti berikut:

- i. Pemilik tanah tidak dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- ii. Dikecualikan daripada dikenakan premium khas.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga telah melonggarkan syarat-syarat teknikal PBT dan agensi yang berkaitan berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran. Antaranya, pengurangan anjakan bangunan, tapak parking dan lain-lain kelonggaran. Langkah ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pemilik tanah dan pengusaha kilang menyertai PPKTK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

**TAJUK : KEJADIAN TANAH RUNTUH DI APARTMEN TERATAI
BUKIT BERUNTUNG**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah punca-punca yang menyebabkan kejadian tanah runtuh di Apartmen Teratai Bukit Beruntung berlaku?
 - b) Adakah unit cerun pihak MDHS atau JKR mengetahui masalah pergerakan tanah sebelum kejadian berlaku?
 - c) Senaraikan jumlah kos kerja-kerja pembaikan cerun yang terlibat selepas kejadian berlaku.

JAWAPAN:

JKR

- a) Punca kejadian tanah runtuh adalah disebabkan oleh longkang cerun tidak diselenggara dengan baik.
- b) Pihak JKR tidak mengetahui pergerakan tanah sebelum kejadian berlaku.
- c) Jumlah kos kerja-kerja pembaikan sementara dan penstabilan cerun dengan menggunakan kaedah *sheet pile* adalah berjumlah RM 485,000.00.

MDHS

- a) Kejadian pergerakan tanah di lokasi berkenaan adalah disifatkan sebagai suatu keadaan cerun yang telah mulai gagal tetapi belum menyebabkan runtuhannya sepenuhnya. Punca sebenar pergerakan tersebut masih dalam siasatan pihak pakar cerun iaitu Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) JKR namun berdasarkan kejadian di peringkat awal yang dilaporkan, berkemungkinan disebabkan beberapa siri hujan lebat yang telah melanda kawasan berkenaan beberapa hari sebelum hari kejadian. Berdasarkan pemerhatian pihak MDHS di lokasi, rekahan tanah telah berlaku di sebahagian cerun (bahagian atas) berkemungkinan telah wujud sebelum ini tanpa disedari kerana ditutupi dengan pokok-pokok besar. Air larian permukaan telah memasuki rekahan-rekahan tersebut menyebabkan kandungan air dalam tanah bertambah sehingga memberi tekanan tinggi pada cerun dan menjadi tidak stabil. Berlaku gelungsuran tanah di beberapa bahagian cerun apabila tanah yang berat dengan kandungan air mulai longgar dan bergerak turun dan menghimpit longkang di kaki cerun serta

menolak dinding penahan yang diperbuat dari jenis `key stone wall`. Tekanan tanah ini telah merosakkan dinding `key stone wall` sehingga berubah dari kedudukan asal dimana dinding ini telah dibina oleh Pemaju pada tahun 2009 selepas berlaku runtuh kecil.

Pembangunan Apartment Teratai ini telah siap dibina oleh Pemaju (tuan Medan Prestasi S.B) dan diberi CF pada akhir tahun 2003 melibatkan sebanyak 3322 unit rumah kos rendah berkonsep Apartment 5 tingkat di atas sebahagian Lot PT 11041 Mukim Serendah. Terdapat keseluruhan 12 blok yang dibina oleh pemaju dimana 3 blok iaitu Blok J, Blok K dan Blok L berada berdekatan dengan cerun yang bermasalah.

- b) Pihak MDHS tidak mengetahui dan tidak menerima apa laporan rasmi berkaitan ancaman tanah runtuh di kawasan berkenaan sebelum kejadian kerana kawasan tersebut masih diselenggara oleh pihak Pemaju yang bertindak sebagai Management Corporation (MC) untuk mengurus kawasan blok apartment yang masih belum memiliki strata title.
- c) Kos bagi kerja-kerja pembaikan cerun oleh pihak CKC adalah berdasarkan kaedah yang digunakan untuk memulih dan membuat pengukuhan cerun bersesuaian pilihan dengan kehendak Kerajaan Negeri dan pada masa ini ia masih dalam proses semakan pihak berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN BOLASEPAK SELANGOR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab sejak 2005 pasukan bola sepak Selangor gagal menjadi juara Piala Malaysia?
- b) Apakah rancangan kerajaan melalui FAS untuk membangunkan semula pasukan bola sepak Selangor?
- c) Apakah program-program yang akan dilaksanakan dan berapakah dana yang diperuntukkan bagi tujuan ini?

JAWAPAN:

- a) Sukan bolasepak adalah sukan yang paling berprestij di mana-mana Negara. Di Malaysia, sukan ini juga tidak kurang hebatnya walaupun di peringkat antarabangsa Malaysia bukanlah pasukan 'favourite' bagi Negara-negara maju khususnya di peringkat Asia. Manakala di Selangor bolasepak terkenal dengan gelaran Red Giant dan Selangor juga pernah menjadi kuasa besar sukan bolasepak suatu ketika dahulu.

Kerajaan negeri melihat kegagalan pasukan bola sepak Selangor gagal menjadi juara Piala Malaysia dari segi pelbagai aspek termasuk dari segi pengurusan kewangan, pengurusan pasukan, jurulatih, pemilihan pemain dan sebagainya. Ini termasuklah persaingan pasukan lain dalam penambahan dana dan tajaan. Walau bagaimanapun perkara ini kerajaan negeri perlulah melihat semua aspek punca kegagalan pasukan tersebut bukan menuding jari kepada seseorang bagi mencari kesalahan disebabkan kegagalan tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian menyeluruh dari segi aspek perlu dibuat bagi memastikan pasukan bola sepak Selangor standing dengan pasukan bola sepak negeri lain seperti Pahang dan Johor Darul Takzim (JDT).

- b) Kerajaan negeri melalui FAS perlu mengkaji semula perancangan dari semua aspek yang rapi bagi membangunkan semula pasukan bola sepak Selangor oleh kerana perancangan ini perlu pemerhatian lebih teliti oleh kerana perkara-perkara ini perlu melibatkan semua pihak.
- c) Pihak kerajaan negeri melalui FAS dalam perancangan untuk melaksanakan beberapa program bagi memantapkan pasukan bola sepak Selangor pada masa akan datang dan ini melibatkan perancangan yang rapi serta peruntukan yang besar bagi mewujudkan pasukan yang mantap serta pembangunan bola sepak Selangor dapat dijalankan dengan lebih teratur. FAS bukan sahaja

menumpukan pasukan bolasepak, malah pasukan lain seperti futsal lelaki dan wanita, bolasepak wanita dan bolasepak pantai lelaki dan wanita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : HORAS

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek horas
- b) Sejauh manakah kemampuan projek ini untuk memastikan bekalan air yang stabil di Selangor
- c) Apakah faktor-faktor bagi memastikan kejayaan projek ini

JAWAPAN:

- a) Data limpahan di *River Gate* SSP1/Baraj Bestari Jaya menunjukkan penghasilan air di hiliran lembangan Sungai Selangor berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air terawat dan jika tidak digunakan sebagai sumber air, ia akan terbuang ke sungai dan laut serta boleh meningkatkan risiko banjir.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan pembangunan penakungan air larian di hiliran sungai melalui konsep *Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS)*. Sistem HORAS ini akan melibatkan penakungan *stormwater* dari Sungai Selangor di kawasan *tailing ponds* atau bekas lombong bijih Bestari Jaya (Batang Berjantai) yang luas berdekatan dengan UNISEL dan loji rawatan air SSP 1, SSP 2 dan SSP 3. Bagi fasa pertama, projek HORAS yang dikenali sebagai HORAS 600 telah diperkenalkan dan dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Komponen utama yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi tujuan melaksanakan projek HORAS600 adalah:-

- a) Pembinaan Kolam Takungan HORAS dengan keluasan 166 hektar hingga mencapai kedalaman 23.5 meter dari paras tanah bagi tujuan penyambungan kepada akuifer bawah tanah bagi mendapatkan kapasiti air sejumlah 600 JLH.
- b) Pembinaan Kolam Penapisan (*Filter Ponds*) bagi mengalirkan air lebihan/air larian (*storm water*) dari sungai untuk ditakung dalam Kolam Takungan;
- c) Kerja-kerja perlindungan tebing kolam takungan menggunakan geotextiles;
- d) Pembinaan stesen mengepam air mentah

Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Tetuan Juruperunding Zaaba Sdn. Berhad (JPZ) sebagai perunding bagi menjalankan kajian reka bentuk dan pemantauan projek bagi kerja pembinaan kolam takungan, kolam penapisan (*filter ponds*) dan *ancillary works* manakala Tetuan SMHB Sdn. Bhd. telah dipertanggungjawab untuk mereka bentuk dan memantau komponen bagi kerja-kerja pembinaan stesen mengepam air mentah.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melantik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan Kolam Takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan oleh KSSB telah bermula semenjak 15 Mac 2014 dan dijangka akan siap pada 30 September 2015.

Bagi memudahkan pemantauan dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri, projek HORAS600 ini telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut dan ianya dilaksanakan secara berperingkat:

Fasa	Tajuk	Catatan
1	Cadangan Kerja-Kerja Mengorek Dan Menyiapkan Takungan Melalui Konsep Penakungan Air Larian Di Hiliran Sungai Melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Sg Darah, Bestari Jaya	Dilaksanakan oleh KSSB
2	Pakej 1 – Cadangan membina dan menyiapkan kerja-kerja pengukuhan tebing sungai dan tebing kolam takungan melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Sg Darah, Bestari Jaya	Akan ditender
	Pakej 2 – Pembinaan Stesen Pam Air Mentah	Kajian reka bentuk dan pemantauan oleh SMHB Sdn. Bhd.
3	Pakej 1 - Cadangan Kerja-Kerja Mengorek Dan Menyiapkan Takungan Melalui Konsep Penakungan Air Larian Di Hiliran Sungai Melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Hang Tuah, Mukim Bestari Jaya	Dilaksanakan oleh KSSB
	Pakej 2 – Cadangan Membina Dan Menyiapkan Muka Sauk, Pembentong Sambungan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Projek <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Hang Tuah, Mukim Bestari Jaya	Akan ditender

Sehingga 25 September 2014, dilaporkan kemajuan di tapak telah mencapai 19.88% berbanding jadual sebanyak 22.83%. Setakat ini, kerja-kerja pengorekan yang dijalankan oleh KSSB tertumpu kepada kawasan bagi Fasa 1 sahaja. Bagi Fasa 2 dan 3, kerja-kerja masih belum dilaksanakan kerana terlibat dalam proses pengambilan tanah.

- b) Di bawah Projek Mitigasi 2 yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor menggunakan pinjaman dari Kementerian Kewangan, telah dipersetujui oleh Suruhanjaya Petrukhidmatan Air Negara (SPAN) bahawa Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1) dan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3(SSP 3) hendaklah mengeluarkan air terawat melebihi kapasiti reka bentuk antara 10 – 20% (*overloading*). Bagi memenuhi kehendak pengeluaran secara *overloading* ini, Kerajaan Negeri Selangor perlu menyediakan sumber air mentah yang mencukupi untuk diproses oleh kedua-dua loji rawatan tersebut.

Bagi menampung permintaan *over loading* tersebut dan sebagai langkah persediaan untuk memastikan sumber air mentah mencukupi, Kerajaan Negeri Selangor telah membangunkan projek HORAS600. Berdasarkan kepada data limpahan di Baraj Bestari jaya, adalah didapati sumber *stormwater* Sungai Selangor adalah mencukupi untuk ditakung ketika berlaku lebihan daripada penggunaan loji-loji di Sungai Selangor. Keupayaan takungan ini dianggarkan mencukupi untuk 4 bulan tanpa aliran dari Sungai Selangor ketika musim kemarau pertengahan tahun.

Anggaran awal mendapati pengeluaran antara 300 JLH hingga 600 JLH boleh diperolehi dari takungan HORAS berdasarkan kepada keluasan dan kedalaman takungan. Melalui projek ini, air dari sungai yang keruh boleh dijernihkan dengan tempoh pemendapan. Projek ini juga akan ditambah dengan penggunaan kaedah *bed filtration* yang mana ini boleh mengurangkan proses rawatan air setakat pengendapan klorin untuk disinfeksi. Kaedah ini dijangka dapat menjimatkan kos CAPEX dan kos operasi loji.

Pembangunan kolam takungan melalui konsep *Hybrid Off River Augmentation System (HORAS)* sebagai sumber air terawat untuk menampung air larian di hiliran sungai memberi kebaikan antaranya:-

- a) Mengurangkan penggantungan sepenuhnya kepada pelepasan air dari empangan;
 - b) Mengelakkan pembaziran air yang dianugerahkan oleh Allah melalui hujan dengan pengurusan sumber air yang lestari;
 - c) Mengelakkan risiko banjir di penempatan kawasan hiliran sungai.
- c) Konsep pembangunan HORAS ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan yang telah membincangkan mengenai satu Kertas Makluman bertajuk "Penggunaan *Storm Water* di hiliran sungai sebagai sumber air terawat" dalam Majlis Mesyuarat Sumber Air (MSAN) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 01 November 2012.

Pembangunan takungan air larian di hiliran sungai boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap tidak membazir kepada sumber air sedia ada dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan

alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.

Selain itu, pembangunan projek HORAS ini boleh dianggap sebagai insurans Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air mentah alternatif disediakan. Dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak untuk menjayakan pembangunan HORAS ini, Kerajaan Negeri yakin perancangan yang telah dibuat mampu memberi kejayaan kepada projek ini sekaligus membantu mengurangkan kegusaran beberapa pihak akan kekurangan sumber bekalan air mentah di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP)

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap penubuhan JPP bawah kerajaan Pusat
 - b) Berapakah ahli JPP yang dilantik di Selangor?
 - c) Apakah Akta yang membenarkan penubuhan JPP dan bagaimana akta boleh digunakan bagi menghalangnya?

JAWAPAN:

- a) Susulan daripada Cabutan daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-26/2014 yang diadakan pada 9 Julai 2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 27/2014 pada 16 Julai 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk menimbang dan **menangguhkan** cadangan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.
- b) Maklumat tidak dapat diperolehi daripada Jabatan Pembangunan Negeri Selangor.
- c) Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013 yang bersetuju:-
 - (i) Penubuhan JPP dalam kawasan PBT serta pemberian elaun;
 - (ii) Penubuhan Majlis Perwakilan Penduduk;
 - (iii) Pewujudan Unit Kesejahteraan Bandar di PBT; dan
 - (iv) Meluluskan peruntukan RM63 juta setahun

serta kertas cadangan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-67 yang diadakan pada 4 Mac 2014 telah bersetuju dengan penubuhan JPP di kawasan PBT dan meminta supaya kadar bayaran JPP dan JKKK diselaraskan. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) seperti mana yang diperuntukan di bawah Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membentuk suatu dasar negara untuk memajukan, membangunkan dan mengawal kerajaan tempatan di seluruh Persekutuan dan untuk mentadbir mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya; dan Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk sedemikian.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang diperuntukkan juga di dalam Jadual II Senarai Ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Maka Kerajaan Negeri juga boleh membuat keputusan untuk menggunakan atau tidak dasar yang diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : MINYAK MASAK TERPAKAI

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak minyak masak terpakai yang telah dikitar semula menjadi biodiesel oleh PBT sejak setiap tahun sejak tahun 2010 sehingga sekarang?
- b) Adakah kerajaan akan menggubal Enakmen yang baru untuk mewajibkan pengusaha-pengusaha makanan mengitar semula menjadi biodiesel?

JAWAPAN:

- a) Jumlah minyak masak terpakai yang telah dikitar semula menjadi biodiesel oleh PBT setiap tahun sejak 2010 sehingga sekarang adalah seperti di jadual di bawah :

PBT	NAMA SYARIKAT USAHASAMA	JUMLAH KUTIPAN MINYAK MASAK UNTUK BIODIESEL				
		2010	2011	2012	2013	2014
MBSA		900	1,000	1,200	5,648	5,904
MBPJ	Kris Biofuels Sdn Bhd	-	4,000	7,000	36,665	7,200
MPK	Komuniti 'River Rangers'	-	-	-	1,637.9	1,850
MPAJ	Kris Biofuels Sdn. Bhd.	-	-	-	4,581	1,503.9
MPSJ	Fathopes / CGV Industries	-	17,300	8,700	6,200	21,829.5
MPS	Kris Biofuels Sdn. Bhd.	-	-	-	935.5	-
MPKj	Intrack Technology (M) Sdn. Bhd.	5,649	-	-	-	-
MPSp	Syarikat Pembinaan Sri Gunung	-	-	-	1,162	1,552

MDHS	-	TIADA PROGRAM				
MDKL	-	TIADA PROGRAM				
MDKS		TIADA PROGRAM				
MDSB		TIADA PROGRAM				
PEJABAT SUK SELANGOR	Kris Biofuels Sdn. Bhd.	TIADA PROGRAM				226.5
JUMLAH (KG)		5,649	21,300	15,700	56,829.4	40,065.9

- b) Kerajaan negeri berhasrat untuk mewajibkan semua premis-premis terutama premis makanan untuk menjalankan kitar semula minyak masak termasuk pengusaha-pengusaha makanan di pasar malam. Kerajaan negeri juga bercadang untuk mewujudkan satu Garis Panduan kitar semula minyak masak sebagai satu panduan di dalam aktiviti kitar semula minyak masak termasuk termasuk mewajibkan pengusaha-pengusaha makanan menyokong aktiviti ini disamping menjaga alam sekitar serta kesihatan orang ramai.

Garis Panduan tersebut juga akan dijadikan sebagai satu landasan pelaksanaan terhadap program kitar semula minyak masak untuk tujuan kegunaan Biodiesel dan bukannya dikitar semula untuk dijadikan minyak masak atau bahan di dalam masakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : PERKEMBANGAN PROGRAM BAS AWAM ANTARA BANDAR.

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat manakah perkembangan program mewujudkan perkhidmatan bas awam antara bandar bagi seluruh negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan memastikan sistem pengangkutan awam di seluruh Negeri Selangor dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, Kerajaan Negeri menyokong usaha untuk mewujudkan perkhidmatan bas awam antara bandar yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama-sama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melalui Projek Penambahbaikan Bas Henti-henti atau *Commuter Bus Improvement Project* (CBIP).

Cadangan projek CBIP di Negeri Selangor masih di peringkat fasa kajian bagi tiga (3) daerah iaitu Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Manakala daerah Kuala Langat akan menjadi daerah perintis bagi projek ini yang akan bermula pada tahun hadapan. Projek bagi daerah perintis akan merangkumi pelan rangkaian bas, operasi dan infrastruktur bas di daerah tersebut manakala daerah lain akan menggunakan pelan infrastruktur daerah perintis sebagai gambaran dari segi prinsip dan garis panduan infrastruktur bas.

Pihak Kerajaan Negeri percaya bahawa perancangan rapi oleh PBT untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan bas yang disediakan dapat diperluaskan dan ditambahbaik seiring dengan peningkatan taraf infrastruktur awam di seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : HARGA RUMAH MAMPU MILIK

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek perumahan rumah mampu milik dibawah kelolaan kerajaan negeri?
- b) Adakah berlaku kenaikan harga rumah mampu milik ini?
- c) Apakah langkah efektif yang diambil oleh kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah bagi yang kurang berkemampuan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya telah mempunyai sembilan projek perumahan rumah mampu milik (Rumah Selangorku) yang melibatkan 4,867 unit rumah. Daripada sembilan projek tersebut, dua projek telah siap, tiga projek dalam pembinaan dan empat projek lagi masih belum bermula dan dalam proses kelulusan pelan- pelan pembangunan. Perincian projek dan status adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Projek dan Status Pembinaan Rumah Selangorku

Bil.	Pemaju	Projek	Bil. Unit	Status
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi	124	Projek Siap Dibina
2.		Bukit Botak, Selayang	1,422	Projek Siap Dibina
3.		Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi	129	Projek Dalam Pembinaan
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam.	104	Projek Dalam Pembinaan

Bil.	Pemaju	Projek	Bil. Unit	Status
5.	Semponia Sdn. Bhd. & Country	Sutera Damansara,	236	Projek Dalam

	Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Mukim Pekan Baru Sungai Buloh.		Pembinaan
6.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	Taman Ukay Indah, Sg. Sering, Daerah Gombak.	2496	Projek Belum Dibina
7.	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. & SAP Holding Berhad	Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	276	Projek Belum Dibina
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Taman Keruing Rasa, Daerah Hulu Selangor.	Belum Dimuktamadkan	Projek Belum Dibina
9.		Seksyen 1 Antara Gapi, Daerah Hulu Selangor.	80	Projek Belum Dibina
JUMLAH			4,867	

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menetapkan harga jualan kawalan Rumah Selangorku di Negeri Selangor adalah di antara RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit. Oleh yang demikian, tidak timbul isu berkenaan kenaikan harga jualan rumah memandangkan ianya telah ditetapkan pada harga kawalan.
- c) Dasar Rumah Selangorku yang diperkenalkan bermula 1 Januari 2014 yang telah menetapkan harga jualan rumah mampu milik di antara RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bergantung kepada saiz binaan, jenis rumah dan lokasi dijangka akan membantu lebih ramai golongan khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana di bawah RM3,000 sebulan untuk memiliki Rumah Kos Rendah (Rumah Selangorku Jenis A) dan pendapatan sekeluarga di bawah RM8,000 sebulan untuk memiliki Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku Jenis B atau C atau D). Semoga dasar yang diperkenalkan ini akan dapat mencapai visi Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu keluarga satu kediaman yang sempurna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : KENAIKAN FI PERNIAGAAN

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kenaikan pendapatan yang diperolehi oleh pihak PBT di Negeri Selangor hasil dari kenaikan FI ini ?
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak polisi kenaikan FI lesen perniagaan ini ?
- c) Apakah rasional pihak Kerajaan untuk menaikkan FI lesen perniagaan ini.?

JAWAPAN:

- a) Kenaikan pendapatan yang diperolehi oleh pihak PBT di Negeri Selangor hasil dari kenaikan Fi lesen perniagaan adalah sebanyak **RM16,294,495.92** bagi 11 PBT kecuali Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) yang belum melaksanakannya. Jadual Jumlah Kenaikan Pendapatan PBT adalah seperti di bawah:-

BIL	PBT	JUMLAH KENAIKAN PENDAPATAN (RM)
1.	MBSA	1,920,000.00
2.	MBPJ	4,900,000.00
3.	MPK	1,019,206.00
4.	MPAJ	119,490.00
5.	MPSJ	3,000,000.00
6.	MPS	1,200,000.00
7.	MPKj	1,100,000.00
8.	MPSp	635,000.00
9.	MDKL	99,750.00
10.	MDKS	2,080,272.92
11	MDHS	tidak laksana kenaikan kadar Fi lesen
12.	MDSB	220,777.00
JUMLAH		16,294,495.92

BIL	PBT	KENAIKAN PENDAPATAN
1.	MBSA	Jumlah peningkatan hasil bagi MBSA setelah melaksanakan kadar

		<p>baru fi lesen berdasarkan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Industri 2007 berbanding dengan kadar fi lesen terdahulu UUK Fi Lesen 1987 adalah berjumlah RM1,920,000.00 atau secara keseluruhan sebanyak 24.5%.</p> <p>Seperti jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>JENIS LESEN</th> <th>BIL. AKAUN</th> <th>HASIL UUK 1987 (RM)</th> <th>HASIL UUK 2007 (RM)</th> <th>PERBEZAAN (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perniagaan</td> <td>7,401</td> <td>3.99 Juta</td> <td>4.38 Juta</td> <td>0.39 Juta</td> </tr> <tr> <td>Perindustrian</td> <td>4,742</td> <td>3.84 Juta</td> <td>5.37 Juta</td> <td>1.53 Juta</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>12,143</td> <td>7.83 Juta</td> <td>9.75 Juta</td> <td>1.92 Juta</td> </tr> </tbody> </table>	JENIS LESEN	BIL. AKAUN	HASIL UUK 1987 (RM)	HASIL UUK 2007 (RM)	PERBEZAAN (RM)	Perniagaan	7,401	3.99 Juta	4.38 Juta	0.39 Juta	Perindustrian	4,742	3.84 Juta	5.37 Juta	1.53 Juta	JUMLAH	12,143	7.83 Juta	9.75 Juta	1.92 Juta
JENIS LESEN	BIL. AKAUN	HASIL UUK 1987 (RM)	HASIL UUK 2007 (RM)	PERBEZAAN (RM)																		
Perniagaan	7,401	3.99 Juta	4.38 Juta	0.39 Juta																		
Perindustrian	4,742	3.84 Juta	5.37 Juta	1.53 Juta																		
JUMLAH	12,143	7.83 Juta	9.75 Juta	1.92 Juta																		
2.	MBPJ	<p>Majlis telah menggunakan kadar baru ini sejak tahun 2012 dan menggunakan keseluruhannya mulai pada tahun 2013. Hasil daripada penggunaan kadar fi 2007 ini sebanyak 23.44 % peningkatan hasil diterima iaitu pada tahun 2012 kutipan hasil adalah RM20.9 juta dan RM25.8 juta bagi tahun 2013. Kenaikan fi lesen perniagaan bagi MBPJ adalah RM4,900,00.00.</p>																				
3.	MPK	<p>Kenaikan fi lesen tersebut di Majlis telah menyumbang sebanyak RM1,019,206.00 hasil daripada pembaharuan lesen perniagaan pada tahun 2014.</p>																				
4.	MPAJ	<p>Jumlah Kenaikan = RM 119,490.00 Peratus Kenaikan = 3.3%</p>																				
BIL	PBT	KENAIKAN PENDAPATAN																				
5.	MPSJ	<p>(a) Kenaikan pendapatan yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) hasil dari kenaikan fi ini adalah sebanyak RM3,000,000.00.</p> <p>(b) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) kini sedang mempertimbangkan penelitian semula Jadual Kedua Fi Lesen Tahunan sebelum pindaan dilaksanakan ke atas Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPSJ) 2007. Kerajaan Negeri melalui urusetia Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN telah mengadakan bengkel</p>																				

		<p>melibatkan semua PBT di Selangor untuk menyemak kadar fi lesen yang digunakan pada masa ini.</p> <p>(c) Kadar fi lesen di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor tidak disemak sejak lebih kurang 20 tahun (sebelum ianya diwartakan pada tahun 2007). Fi lesen sedia ada menggunakan kadar fi lesen pada tahun 1987 dan ianya telah digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selama 26 tahun.</p>																						
6.	MPS	RM 1,200,000.00																						
7.	MPKj	Berdasarkan perbandingan anggaran kadar perolehan hasil bagi tahun 2013 berbanding tahun 2014 jumlah kenaikan dianggarkan sebanyak RM1,100,000.00 dengan peratusan sebanyak 17.19%.																						
8.	MPSp	<p>Jumlah anggaran pegangan lesen MPSepang sehingga 30 September 2014 adalah sebanyak 8,126 pegangan.</p> <p>Anggaran peratus kenaikan secara keseluruhan bagi lesen tred perniagaan pada tahun 2015 adalah sebanyak 48% atau kenaikan daripada RM1.320 juta kepada RM1.955 juta. Kenaikan sebanyak RM635,000.00.</p>																						
BIL	PBT	KENAIKAN PENDAPATAN																						
9.	MDKL	Anggaran kenaikan pendapatan yang diperolehi oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) hasil dari kenaikan kadar Fi Lesen adalah RM99,750.00 setahun.																						
10.	MDKS	<p>Hasil pendapatan lesen perniagaan selepas kenaikan kadar fi lesen adalah seperti dibawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">KOD</th> <th rowspan="2">PERKARA</th> <th colspan="3">JUMLAH PENDAPATAN</th> <th rowspan="2">JUM.</th> <th rowspan="2">(%)</th> </tr> <tr> <th>01.01.2014 – 31.10.2014 (RM)</th> <th>01.01.2013 – 31.10.2013 (RM)</th> <th></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>71455</td> <td>Lesen Tred Perniagaan</td> <td>1,323,922.44</td> <td>756,350.48</td> <td>2,080,272.92</td> <td>42.87</td> </tr> <tr> <td>71456</td> <td>Lesen Papan</td> <td>206,578.80</td> <td>189,733.13</td> <td>396,311.93</td> <td>8.15</td> </tr> </tbody> </table>	KOD	PERKARA	JUMLAH PENDAPATAN			JUM.	(%)	01.01.2014 – 31.10.2014 (RM)	01.01.2013 – 31.10.2013 (RM)		71455	Lesen Tred Perniagaan	1,323,922.44	756,350.48	2,080,272.92	42.87	71456	Lesen Papan	206,578.80	189,733.13	396,311.93	8.15
KOD	PERKARA	JUMLAH PENDAPATAN			JUM.	(%)																		
		01.01.2014 – 31.10.2014 (RM)	01.01.2013 – 31.10.2013 (RM)																					
71455	Lesen Tred Perniagaan	1,323,922.44	756,350.48	2,080,272.92	42.87																			
71456	Lesen Papan	206,578.80	189,733.13	396,311.93	8.15																			

		Iklan				
11	MDHS	MDHS tidak laksana kenaikan kadar Fi lesen				
12.	MDSB	MDSB telah memperolehi tambahan pendapatan hasil daripada kenaikan 10% lesen perniagaan berjumlah RM 220,777.00.				

- b) Ya, Kerajaan Negeri bercadang untuk menyemak kadar Fi Lesen yang baharu bermula tahun 2015 serta menyeragamkan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
- c) Pentadbiran sebelum ini bersetuju untuk menaikkan kadar fi lesen perniagaan memandangkan kali terakhir fi lesen perniagaan dikaji adalah pada tahun 1987. Sehubungan itu, kadar baru fi lesen 2007 telah diluluskan bagi membolehkan PBT meningkatkan kutipan hasil selain untuk melesenkan beberapa kategori perniagaan yang sebelum ini tidak terdapat dalam UUK yang lama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : BAJET DAN PERUNTUKAN KERAJAAN PRIHATIN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratusan bajet 2014 dan cadangan bajet 2015 untuk Kerajaan Prihatin daripada jumlah bajet Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah keluarga yang mendapatkan manfaat daripada Kerajaan Prihatin Negeri Selangor setakat Oktober 2014?
- c) Sejauh manakah kejayaan program WALA setakat Oktober 2014?

JAWAPAN:

- a) Program Kerajaan Prihatin telah diwujudkan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan, mempunyai rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki bagi memiliki sebuah rumah yang lebih selesa untuk didiami. Program Kerajaan Prihatin ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan yang mana jumlah pendapatan seisi rumah adalah dibawah RM1,500.00 sebulan. Bantuan ini diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai.

Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2014, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta daripada jumlah bajet keseluruhan Kerajaan Negeri sebanyak RM800 juta. Peruntukan tersebut merangkumi peruntukan sumbangan kepada Badan – Badan Bukan Kerajaan (NGO) sebanyak RM500,000.00 yang memohon sumbangan melalui jawatankuasa ini. Manakala bagi tahun 2015, dianggarkan peruntukan sejumlah RM1.5 juta tersebut dikekalkan. Peruntukan ini digunakan bertujuan untuk melaksanakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Kerajaan Prihatin, pembelian barangan program serta program – program turun padang Y.B EXCO ke daerah – daerah di Negeri Selangor. Sebahagian peruntukan ini juga digunakan bagi membiayai kos bina baru rumah dan baik pulih rumah yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang terhad tersebut telah ditambah dengan sumbangan peruntukan berjumlah RM5.1 juta daripada anak – anak syarikat negeri. Anak syarikat yang memberi sumbangan kepada Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

(PKPS), Lembaga Zakat Selangor (LZS). Sumbangan yang diterima ini digunakan khas untuk Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.

- b) Sejak penubuhan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, golongan miskin di Negeri Selangor mendapat manfaat dan keselesaan pembinaan rumah baru dan juga baik pulih rumah. Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah membantu seramai 97 keluarga yang terdiri daripada bangsa Melayu, India dan Cina di seluruh daerah di Negeri Selangor. Pemberian bantuan ini merangkumi pemberian sumbangan bina baru rumah, baik pulih rumah serta pemberian hamper barangan makanan harian bagi meringankan bebanan mereka.

Jawatankuasa Kerajaan Prihatin juga memainkan peranan dalam menyalurkan sumbangan khas kepada mangsa – mangsa ribut di daerah Pandamaran, Klang. Sumbangan khas tersebut telah diterima oleh seramai 30 penduduk di kawasan tersebut pada satu majlis khas yang diadakan bersama penduduk yang disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar.

Mangsa – mangsa ribut tersebut telah menerima sumbangan berjumlah RM29,500.00 berbentuk cek daripada jawatankuasa ini. Sedikit sebanyak sumbangan tersebut dapat digunakan bagi meringankan beban mereka yang terlibat dalam membaiki dan memulakan semula kehidupan mereka yang terjejas daripada bencana tersebut.

- c) Soalan dipanjangkan kepada Wanita Ladang (WALA) untuk dijawab.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : PELABURAN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan dari luar negara masuk ke Selangor untuk tempoh 2010 - 2014?
- b) Nyatakan jenis-jenis (sektor) dan nilai pelaburan masuk untuk tempoh 2010 - 2014?
- c) Apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan bekalan tenaga elektrik dan air mencukupi menjelang 2020?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh 2010 hingga 2014, sebanyak 1,221 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 45.539 bilion. Dari jumlah tersebut sebanyak RM 19.319 bilion adalah daripada pelaburan asing.

Tahun	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	8,741,999,611
2012	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	11,734,817,935
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
Jan - Julai 2014	153	9,659	2,706,991,219	1,881,102,933	4,588,094,152
Jumlah	1,221	104,512	26,220,037,059	19,319,716,892	45,539,753,951

- b) Jenis – jenis industri dan nilai pelaburan bagi tempoh 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

Industri	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Transport Equipment	188	23,321	10,599,511,944	2,722,317,923	13,321,829,867
Electronics & Electrical Products	125	13,995	1,191,786,598	3,881,097,941	5,072,884,539
Industri	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)

Food Manufacturing	93	7,387	1,830,473,626	2,726,931,646	4,557,405,272
Chemical & Chemical Products	123	4,418	1,863,154,842	2,487,986,019	4,351,140,861
Rubber Products	49	15,347	3,268,963,219	539,320,938	3,808,284,157
Basic Metal Products	61	3,754	1,695,230,238	1,358,785,974	3,054,016,212
Machinery & Equipment	151	9,062	1,359,984,194	1,052,087,745	2,412,071,939
Non-Metallic Mineral Products	32	1,635	412,588,334	1,770,243,997	2,182,832,331
Fabricated Metal Products	101	5,049	879,696,057	617,651,961	1,497,348,018
Plastic Products	101	5,643	865,998,809	519,560,603	1,385,559,412
Paper, Printing & Publishing	21	2,006	388,434,493	577,560,370	965,994,863
Scientific & Measuring Equipment	30	3,284	621,721,412	197,503,458	819,224,870
Beverages & Tobacco	9	1,380	278,960,599	449,894,746	728,855,345
Furniture & Fixtures	50	3,865	301,152,440	47,248,104	348,400,544
Wood & Wood Products	36	1,896	231,966,522	90,267,348	322,233,870
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	14	751	186,056,645	128,677,814	314,734,459
Textiles & Textile Products	22	1,125	155,511,388	113,353,566	268,864,954
Lain-Lain	14	582	78,727,703	39,226,738	117,954,441
Leather & Leather Products	1	12	10,118,000	0	10,118,000
Jumlah	1,221	104,512	26,220,037,063	19,319,716,891	45,539,753,954

Sumber : MIDA

- c) Penyediaan infrastruktur asas yang lengkap adalah perlu dalam usaha membantu kerajaan menarik pelabur-pelabur dalam dan luar negara, sekaligus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik bagi meningkatkan kemasukan pelabur, mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk dan meningkatkan kemajuan dalam aktiviti ekonomi. Ini termasuklah penyediaan infrastruktur utiliti serta bekalan air yang merupakan nadi kepada perkembangan pembangunan di negeri ini. Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dan sangat memahami kebimbangan para pelabur khususnya dalam memastikan sumber air di Selangor dalam keadaan yang mencukupi ekoran krisis air yang pernah melanda negeri ini berikutan kesannya yang boleh mendatangkan risiko yang besar dari segi sosial,

ekonomi dan politik. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan kedua-dua bekalan air dan elektrik mencukupi menjelang 2020.

Dalam memastikan air mentah sentiasa berterusan dan tidak mengalami sebarang gangguan yang boleh memberi kesulitan kepada pengguna, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan persetujuan untuk melaksanakan Projek Langat 2. Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses membangunkan projek yang dinamakan *Hybrid of River Augmentation Storage/System (HORAS)* di kawasan Bestari Jaya, Kuala Selangor. Melalui projek ini, dianggarkan sejumlah 600 JLH kapasiti air mentah boleh dihasilkan bagi membantu pengabstrakan air di loji-loji rawatan air selain dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap pelepasan air dari empangan. Kerajaan Negeri Selangor yakin, masalah ketidakcukupan air mentah dapat diatasi sepenuhnya dengan pelaksanaan kedua-dua projek yang dinyatakan tadi.

Selain memberi fokus kepada penambahan sumber air mentah, Kerajaan Negeri juga telah menggariskan dasar bagi memastikan sumber air mentah dari sungai-sungai sedia ada tidak dicemari. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan semua agensi yang berkaitan sentiasa berganding bahu mengadakan pemantauan berkala supaya penyumbang kepada terjadinya pencemaran air mentah dapat dihukum melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa memberi komitmen penuh dan sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Tenaga dalam menjayakan projek-projek menaiktaraf pembangunan sistem penghantaran elektrik yang berkaitan dengan pertambahan beban, pengukuhan sistem dan perkembangan projek *Central Area Reinforcement (CAR)* bagi memastikan bekalan elektrik mencukupi seiring dengan pembangunan pesat di seluruh negeri Selangor. Kerjasama yang berterusan ini juga adalah perlu bagi mengelak sebarang kejadian *blackout* seperti yang pernah berlaku pada 13 Januari 2005 di kawasan tengah dan selatan Semenanjung Malaysia daripada berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : KUAT KUASA AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) akan berkuat kuasa di Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk penubuhan Tribunal di bawah Akta tersebut?
- c) Berapa lamakah Tribunal tersebut boleh menerima, mendengar dan memutuskan aduan mengenai sesuatu perkara?

JAWAPAN:

- a) Seksyen 1(3) Akta 757 memperuntukan dengan jelas Akta ini **hendaklah mula berkuatkuasa di setiap Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Pihak berkuasa Negeri.**
Selaras dengan peruntukan itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, telah mengadakan kunjungan hormat pada 23 Oktober 2014 dengan Kerajaan Negeri Selangor iaitu Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Ali, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor bagi membincangkan struktur, pelaksanaan dan bidang kuasa pengurusan strata di Negeri Selangor dan seterusnya mendapatkan persetujuan berkenaan penubuhan Tribunal Pengurusan Strata (TPS).
Tertakluk kepada sebarang perubahan, pihak-pihak bersetuju untuk menetapkan tarikh permulaan penguatkuasaan Akta 757 bermula pada 1 Januari 2015.
- b) Secara dasarnya, selepas penguatkuasaan Akta 757 suatu Tribunal yang dikenali sebagai Tribunal Pengurusan Strata akan ditubuhkan seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian IX Akta 757. Keanggotaan Tribunal adalah berdasarkan kepada lantikan Menteri bagi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada dua puluh anggota lain.
Walaupun bagaimanapun, semasa kunjungan hormat yang diadakan pada 23 Oktober 2014, Dato' Menteri Besar Selangor telah memohon pertimbangan KPKT untuk membenarkan keanggotaan Tribunal turut diisi oleh wakil kerajaan Negeri Selangor kerana kesan pelaksanaan Tribunal ke atas kerajaan negeri secara langsung akan menghadkan kuasa kerajaan negeri dalam proses pendakwaan, medium perbincangan, dan rayuan bagi pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pesuruhjaya Bangunan (COB).

- c) Tindakan sesuatu tuntutan kepada Tribunal adalah bermula selepas pemohon memfailkan tuntutan menggunakan borang dan fi yang ditetapkan di dalam Seksyen 108 Akta 757.

Tribunal boleh bersidang pada mana-mana hari, pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi. Walaubagaimanapun, Seksyen 117 Akta 757 memperuntukkan dengan jelas award hendaklah dibuat **tanpa kelengahan, jika dapat dilaksanakan, dalam masa enam puluh (60) hari dari hari pertama pendengaran bermula di hadapan Tribunal.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : USAHA PENCEGAHAN DENGGI

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri meneliti dan memanfaatkan teknologi baru dalam menangani permasalahan denggi? Sila nyatakan teknologi tersebut.
- b) Sila nyatakan kekerapan dan usaha yang dilakukan oleh semua agensi untuk menangani isu denggi ini di setiap PBT

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan menangani masalah denggi di Negeri selangor melalui pendekatan aktiviti kesedaran dan pendidikan. Pendidikan kesihatan kepada pelajar-pelajar sekolah iaitu di peringkat Pra Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan Cina dan India, Sekolah Rendah Agama Rakyat dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah diberikan.

Kerajaan Negeri Selangor percaya dengan usaha mendidik pelajar-pelajar sekolah ini dapat mengubah sikap dan pemikiran masyarakat dalam jangka masa panjang agar sentiasa mementingkan kebersihan dan memastikan kawasan persekitaran mereka bebas dari tempat pembiakan nyamuk aedes seterusnya dapat mengurangkan kes denggi di Negeri Selangor.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah memanfaatkan pelbagai teknologi baru di dalam menangani masalah denggi di Negeri Selangor. Antara teknologi yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. **Penggunaan Nyamuk Gajah (Toxorhynchites)**
MPSJ sedang menjalankan kajian ke atas keberkesanan menggunakan Nyamuk Toxo untuk mengawal populasi nyamuk aedes. Kajian ini melibatkan usahasama dengan pihak USM. Jentik-jentik Nyamuk Toxo yang dibiakkan akan memakan jentik-jentik nyamuk aedes sekaligus mengurangkan pembiakan nyamuk aedes yang menjadi pembawa kepada demam denggi. Buat masa ini 2 tapak kajian telah dikenalpasti dan dilaksanakan iaitu di Kg Sri Aman dan Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16. Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan keputusan yang positif di dalam mengurangkan kes denggi di kawasan MPSJ.

- ii. **Alat Perangkap Magnetik (Mosquito Magnet)**
Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan di dalam tindakan mengkaji keberkesanan penggunaan alat perangkap magnetik iaitu *Mosquito Magnet*. Alat ini berfungsi dengan mengeluarkan karbon dioksida yang akan menarik perhatian nyamuk untuk datang dan seterusnya terperangkap di dalam alat tersebut. Kajian ini akan dijalankan dengan kerjasama pihak MBSA.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga akan mengkaji teknologi-teknologi yang digunakan di luar negara serta pengalaman negara lain dalam menangani isu denggi sebagai contoh, Taiwan telah menggunakan teknologi air laut untuk menyiram kawasan-kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk dan di dapati ianya berkesan.

- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Unit Vektor di setiap PBT Negeri Selangor menjalankan aktiviti Pencegahan dan Kawalan setiap hari melalui aktiviti Terjah dan Musnah tempat pembiakan nyamuk aedes, larvaciding dan pendidikan kesihatan di sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi. Sehingga 21 November 2014, pemeriksaan pembiakan aedes telah diadakan di 338,620 premis, dimana 5,943 didapati positif, manakala 1,779 kompaun telah dikeluarkan serta 571 notis juga telah dikeluarkan kepada pihak-pihak berkenaan. Sebanyak 3,389,204 semburan fogging SRT/ULV telah dijalankan, 789 gotong royong telah di jalankan serta 1648 taklimat denggi telah diberikan kepada murid-murid sekolah oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Selangor. Maklumat lengkap adalah seperti dalam **Lampiran A.**

LAMPIRAN A

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PEMERIKSAAN PEMBIAKAN AEDES (PPA)	TEMPAT POSITIF PEMBIAKAN	KOMPANUN	NOTIS	SEMBURAN SRT/ ULV	AKTIVITI PENCEGAHAN	
						AKTIVITI GOTONG ROYONG	TAKLIMAT DENGGI DI SEKOLAH (BIL.MURID)
MBSA	83256	620	638	7	735993	76	5647
MBPJ	20273	535	632	212	87277	72	13,237
MPK	69425	2394	85	4	790887	53	6,350
MPSJ	41289	136	76	0	626265	162	3,790
MPAJ	8992	96	30	23	281183	39	3,150
MPKj	21576	215	36	141	193214	71	2,100
MPS	43333	1079	134	123	47136	48	16,733
MPSp	20897	10	0	10	27553	78	19,713
MDKL	18033	0	8	0	87271	40	18,360
MDKS	12951	423	48	34	70774	71	7,389
MDHS	11546	425	20	16	260050	41	6,480
MDSB	63506	10	72	1	181601	58	2,100
JUMLAH	338,620	5,943	1,779	571	3,389,204	809	105,049

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pihak manakah yang menguruskan Geran Selangorku? Apakah mekanisme yang diambil untuk menjamin ketelusan pengurusan?
- b) Mengapakah perbelanjaan Geran Selangor tidak dibentangkan sebagai sebahagian daripada bajet?
- c) Berapakah daripada RM300 juta Geran Selangorku yang telah dibelanja (bukan dilulus)? Sila jelaskan perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Geran Selangorku telah ditamatkan pada tahun 2013 dan program-program selepas tarikh tersebut pada dasarnya untuk diteruskan perlaksanaannya di bawah portfolio Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap (Standco) yang terlibat.
- b) Status Perbelanjaan Geran Selangorku setakat 1 Oktober 2013, adalah seperti berikut:-

STATUS KESELURUHAN PROGRAM GERAN SELANGORKU

BIL	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN	lo Program Projek	KOMITMEN	BAKI PERUNTUKAN
1	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000.00	1	50,000.00	9,950,000.00
2	PEMBASMIAN RASUJAH & PENYELEWENGAN	15,000,000.00	1	250,000.00	14,750,000.00
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000.00	14	3,434,019.63	26,565,980.37
4	DARI KEBAJIKAN KEPADA PEKERJA	20,000,000.00	0	0.00	20,000,000.00
5	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000.00	7	1,770,757.20	28,229,242.80
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000.00	6	3,038,062.71	26,961,937.29
7	INFRASTRUKTUR	50,000,000.00	213	31,576,873.86	18,423,126.14
8	INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000.00	30	5,325,005.50	24,674,994.50
9	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	5,000,000.00	8	318,548.50	4,681,451.50
10	PROGRAM JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000.00	1	248,741.67	9,751,258.33
11	PROGRAM PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000.00	1	1,944,033.60	18,055,966.40
12	PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000.00	5	335,930.00	2,664,070.00
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000.00	5	4,120,472.02	879,527.98
14	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000.00	5	1,681,300.12	8,318,699.88
15	PENINGKATAN KEHIDUPAN HIDUP RAKYAT	5,000,000.00	4	190,000.00	4,810,000.00
16	PENINGKATAN KEWAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000.00	0	0.00	5,000,000.00
17	PENGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000.00	1	202,276.38	21,797,723.62
		300,000,000.00	302	54,486,021.19	245,513,978.81

ii. Bukan Fizikal:

Bil.	GERAN	UMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
1	KEUSAHAWAN MUDA	30,000,000	7	1,770,757.20	1	Program Selangor Motor Race 2012	647,850.00
					2	Pertandingan Bola Keranjang antara Kampung-Kampung Baru Cina di Seluruh Negeri Selangor	59,050.00
					3	Program Belia	150,000.00
					4	Program Pembangunan Remaja	125,000.00
					5	Program Gotong Royong Anak Muda Prihatin Masjid - Pembaikan & Pemulihan Tandas Masjid	125,857.20
					6	Program Pembangunan Belia, Masyarakat & Pencerdasan Rakyat tahun 2012-2013	200,000.00
					7	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 1-4)	159,200.00
					8	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 5-7)	203,800.00
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	6	3,038,062.71	1	Shopping Tawas	1,600,000.00
					2	Skim Tunas	1,016,600.00
					3	Program Amal oleh Persatuan Pembantuan Kristian Malaysia	10,000.00
					4	Membaikpulih Perpustakaan Awam Sg Pelek	195,000.00
					5	T-Shirt Tuisyen Rakyat	122,659.00
					6	Pembiayaan van untuk pelajar-pelajar Sekolah Agama Menengah Rawang	93,803.71
9	PEMULIHAN ALAM	5,000,000	8	318,548.50	1	State Wide Photography Competition as a Fundraising Tool to Reforest Selangor	53,600.00
					2	Mangrove Patch Mapping Gezetterment and Conservation	47,000.00
					3	Karnival Hijau Sempena Hari Bumi Sedunia	20,000.00
					4	Program Climate Change Awareness Seminars and Briefing by CETDEM	50,000.00
					5	Program Pekan Frinjan 2012 di Shah Alam	50,000.00
					6	Community Outreach Claw	80,000.00
					7	Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan DUN Skinchan	10,000.00
					8	Program Perlindungan Alam Sekitar	7,948.50
10	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	1	248,741.67	1	Program Wifi Selangor	248,741.67
11	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	1	1,944,033.60	1	Penyediaan Bilik Simpanan Fail Tanah di Stadium MBSA	1,944,033.60

Bil.	GERAN	JUMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
12	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	5	335,930.00	1	Program Pameran Pusat Kebudayaan N.Selangor & Menandatangani Memorandum Persefahaman Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang	77,530.00
					3	Peralatan Nasyid, Kompang, Marhaban untuk Pusat Kebudayaan, Surau, Maajad Tahfiz & Masjid (8 Persatuan)	63,400.00
					4	Program Ilmuan Budaya Bersama Rakyat (9 Daerah)	180,000.00
					5	Pertandingan Kompang Berirama peringkat Negeri Selangor	15,000.00
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	5	4,120,472.02	1	Pembiayaan Kos Guaman dan Ikat Jamin	380,500.00
					2	Program Pendemokrasian di 56 DUN Selangor (Semakan Daftar Pemilih & Batahan)	3,506,232.86
					3	Mobilisasi Himpunan Kebangkitan Rakyat	7,550.00
					4	Forum Air Untuk Rakyat	196,776.16
					5	Program Manifesto Kepada Rakyat	29,413.00
14	PENERANGAN MAKLUMAT MFGFR1	10,000,000	5	1,681,300.12	1	Program Penerangan Melalui Iklan (Akhbar & Laman Web), Banner, Bunting	967,450.27
					2	SMS Blast untuk Hari Perayaan	63,661.85
					3	Kempen T-Shirt Selangorku / Karnival	486,000.00
					4	Program Merakytakan Informasi Selangor	45,900.00
					5	Pameran Katun Zunar	32,500.00
					6	Program Penerangan Isu Talam	51,375.00
					7	Program Pengenalan Disleksia Selangor	5,000.00
					8	Program Manifesto Rakyat	29,413.00
15	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	4	190,000.00	1	Pertubuhan ILTC Malaysia - sumbangan untuk OKU	10,000.00
					2	Peruntukan Projek Spirulina	150,000.00
					3	Program Kesihatan Bersama Rakyat oleh Hope On Wheels	10,000.00
					4	Peruntukan Kejohanan Sukan Paralimpik Peringkat Kebangsaan 2012 di Pahang	20,000.00
16	KEMAHIRAN PENJAWAT	5,000,000	0	0.00			
17	PEMBANGUNAN LUAR	22,000,000	1	202,276.38	1	Program System of Rice Intensification (SRI) untuk Pesawah Selangor	202,276.38
JUMLAH KESELURUHAN		20,000,000	59	17,584,141.83			

iii. Fizikal:

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGOR KU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan					
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutarga	RM	No. Prj	RM	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutarga	RM	No. Prj
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	9	10	19	760,021	9	760,021	0	20	20	0	0	0	0	0	0
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	8	11	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	1	0	1	146,250	1	146,250	0	1	1	0	0	0	0	0	0
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	11	14	222,586	3	222,586	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	13	15	366,715	2	366,715	0	2	2	0	0	0	0	0	0
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	14	14	0	0	0	1	9	10	175,721	1	175,721	1	175,721	175,721
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	3	0	3	160,098	3	160,098	1	2	3	197,302	1	197,302	1	197,302	197,302
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	11	2	13	1,096,260	11	1,096,260	1	3	4	184,179	1	184,179	1	184,179	184,179
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	5	1	6	740,681	5	740,681	0	0	0	0	0	0	0	0	0
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	10	1	11	828,519	10	828,519	1	15	16	180,546	1	180,546	1	180,546	180,546
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	27	35	938,332	8	938,332	1	6	7	188,430	1	188,430	1	188,430	188,430
14	PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	Jeram & Ijok	1	0	1	42,861	1	42,861	0	0	0	0	0	0	0	0	0
15	13	PTD Gombak	Kuang	3	0	3	506,618	3	506,618	1	0	1	198,058	1	198,058	1	198,058	198,058
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	2	5	258,641	3	258,641	1	2	3	197,317	1	197,317	1	197,317	197,317
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	3	41	44	451,675	3	451,675	1	13	14	187,874	1	187,874	1	187,874	187,874
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	6	66	72	913,510	6	913,510	1	6	7	169,106	1	169,106	1	169,106	169,106
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	4	8	12	500,740	4	500,740	0	1	1	0	0	0	0	0	0
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	8	10	18	1,540,583	8	1,540,583	1	20	21	194,502	1	194,502	1	194,502	194,502
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	3	2	5	966,158	3	966,158	1	0	1	200,000	1	200,000	1	200,000	200,000
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	5	7	663,013	2	663,013	1	1	2	196,396	1	196,396	1	196,396	196,396
24	21	PTD Gombak	Cempaka	2	11	13	398,752	2	398,752	1	2	3	190,792	1	190,792	1	190,792	190,792
25	22	PTD Gombak	Teratai	2	13	15	467,640	2	467,640	1	3	4	144,507	1	144,507	1	144,507	144,507
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	3	5	8	155,085	3	155,085	1	7	8	182,716	1	182,716	1	182,716	182,716
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000	1	174,000	174,000

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGORKU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan			
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga	RM	No. Prj	RM	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga
25	PTD	Hulu Langat	Kajang	7	11	18	1,195,970	7	1,195,970	1	11	12	184,294	1	184,294	
26	PTD	Hulu Langat	Bangi	2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575	
27	PTD	Hulu Langat	Balokong	2	6	8	443,210	2	443,210	0	2	2	0	0		
28	PTD	Petaling	Sri Kembangan	1	1	2	485,722	1	485,722	0	2	2	0	0		
29	PTD	Petaling	Sri Serdang	2	10	12	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843	
30	PTD	Petaling	Kinrara	2	10	12	731,781	2	731,781	0	2	2	0	0		
31	PTD	Petaling	Selang Jaya	2	9	11	679,310	2	679,310	0	2	2	0	0		
32	PTD	Petaling	Sri Setia	1	0	1	253,509	1	253,509	0	1	1	0	0		
33	PTD	Petaling	Taman Medan	4	6	10	629,290	4	629,290	0	16	16	0	0		
34	PTD	Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
35	PTD	Petaling	Kampung Tunku	1	4	5	411,470	1	411,470	0	7	7	0	0		
36	PTD	Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
37	PTD	Petaling	Bukit Lanjan	3	0	3	186,586	3	186,586	1	2	3	168,041	1	168,041	
38	PTD	Petaling	Paya Jeras	2	3	5	435,960	2	435,960	1	2	3	167,180	1	167,180	
39	PTD	Petaling	Kota Damansara	3	5	8	847,788	3	847,788	1	2	3	151,836	1	151,836	
40	PTD	Petaling	Kota Anggerik	1	6	7	225,485	1	225,485	1	4	5	154,727	1	154,727	
41	PTD	Petaling	Batu Tiga	2	0	2	343,030	2	343,030	0	0	0	0	0		
42	PTD	Petaling	Meru	10	37	47	1,052,554	10	1,052,554	1	0	1	160,164	1	160,164	
43	PTD	Klang	Sementa	1	14	15	222,600	1	222,600	0	0	0	0	0		
44	PTD	Klang	Sungai Pinang	5	39	44	1,185,785	5	1,185,785	0	3	3	0	0		
45	PTD	Klang	Selat Klang	2	82	84	622,015	2	622,015	0	5	5	0	0		
46	PTD	Klang	Pelabuhan Klang	2	1	3	162,848	2	162,848	0	1	1	0	0		
47	PTD	Klang	Pandamaran	1	3	4	135,413	1	135,413	0	0	0	0	0		
48	PTD	Klang	Kota Alam Shah	1	9	10	342,705	1	342,705	0	0	0	0	0		
49	PTD	Petaling	Sri Andales	7	2	9	922,125	7	922,125	1	4	5	158,749	1	158,749	
50	PTD	Petaling	Sri Muda	16	89	105	2,392,787	16	2,392,787	0	9	9	0	0		
51	PTD	Kuala Langat	Sijangking	9	5	14	984,060	9	984,060	1	1	2	179,853	1	179,853	
52	PTD	Kuala Langat	Telok Detok	9	32	41	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698	
53	PTD	Kuala Langat	Monib	8	25	33	947,676	8	947,676	1	0	1	171,020	1	171,020	
54	PTD	Kuala Langat	Tanjung Sepat	2	4	6	166,614	2	166,614	1	0	1	183,895	1	183,895	
55	PTD	Selang	Dengkil	3	31	34	505,717	3	505,717	0	0	0	0	0		
56	PTD	Selang	Sungai Pelek	3	50	53	308,120	3	347,597	1	12	13	169,686	1	169,686	
				213	755	968	31,576,874	213	31,616,351	30	207	237	5,325,006	30	5,325,006	
				Bilangan S/Harga		Tawaran Sebenar	% Jimat	Anggaran Jabatan								
				213		31,576,874	18%	38,350,197								

c) Program-program di bawah Geran Selangorku telah banyak membantu pembangunan fizikal di Selangor terutamanya infrastruktur jalan raya dan sukan yang menjurus kepada mempertingkatkan kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Memandangkan program-program ini melibatkan kolaborasi pelbagai pihak termasuk PBT, PTD, JKR, UPEN ia berjaya memupuk kerjasama di antara semua pihak yang terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : MASJID UMMAH-SENTRIK

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan telah membina banyak masjid. Apakah pelan tindakan kerajaan untuk memastikan agar masjid-masjid benar-benar berfungsi untuk membangunkan khaira ummah?
- b) Adakah kerajaan telah mengupayakan masjid untuk melatih ahli kariah mencapai solat tahap anil fahsyah wal mungkar?

JAWAPAN:

- a) Pelan tindakan yang diambil bagi memastikan masjid-masjid berfungsi untuk membangunkan khaira ummah:
 - i) Memperkasa pegawai dan jawatankuasa masjid seluruh Selangor untuk menggerak dan mempelbagaikan fungsi masjid sebagai pusat ilmu, pusat tarbiyah, dakwah, kebajikan, sosial, ekonomi dan perpaduan ummah,
 - ii) Menggerak dan mengaktifkan fungsi serta peranan masjid bersama NGO Islam, ahli korporat dan ahli kariah,
 - iii) Bekerjasama dengan persatuan belia untuk menarik minat remaja/ belia untuk turut hadir ke masjid.
- b) Kerajaan telah mengupayakan masjid untuk melatih ahli kariah mencapai solat tahap anil fahsyah wal mungkar dengan melaksanakan program seperti;
 - i) Melaksanakan Program Smart Solat Remaja dan Belia di lebih 50 buah masjid di Negeri Selangor setiap tahun,
 - ii) Melaksanakan Program Daurah Penghayatan Remaja Islam di 30 buah masjid setiap tahun,
 - iii) Melaksanakan Program Tahsin Ibadah Dewasa di kalangan masjid,
 - iv) Melaksanakan Program Tahsin Ibadah Solat ketika sakit,
 - v) Pengajian Feqh berkitab melalui guru takmir bertauliah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : ORANG ASLI

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri didalam program kebajikan dan pendidikan masyarakat Orang Asli?
- b) Apakah peranan Badan Bertindak Orang Asli Selangor (BBOAS) dan berapakah peruntukan yang telah Kerajaan Negeri disalurkan kepada badan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan program dan projek kecil khusus bagi tujuan pembangunan masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor. Di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) bagi anak yang dilahirkan di Selangor untuk mendapat tabungan sebanyak RM1,500.00 pada ketika umur 18 tahun. Selain TAWAS, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan Hadiah Anak Masuk Universiti sebanyak RM1,500.00 bagi anak-anak Selangor yang ditawarkan pengajian peringkat diploma dan ijazah. Program MES ini adalah bagi seluruh rakyat di Negeri Selangor termasuk anak-anak Orang Asli di Negeri Selangor.

Dalam hal berkaitan pendidikan, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk memperkenalkan biasiswa Sagong Tasi iaitu biasiswa khas untuk anak-anak Orang Asli Negeri Selangor yang berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Industri Selangor (UNISEL).

Melalui peruntukan pembangunan negeri tahun 2014 berjumlah RM400,000.00, sejumlah **RM346,619.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Empat Puluh Enam Ribu Enam Ratus Sembilan Belas Sahaja)** telah dibelanjakan bagi membiayai program dan projek pembangunan khusus bagi masyarakat Orang Asli.

- b) BBTOAS yang dipengerusikan oleh YB Cik Elizabeth Wong Keat Ping berfungsi sebagai badan untuk menyelesaikan masalah pewartaan tanah yang dialami oleh masyarakat Orang Asli di Selangor serta isu-isu berkaitan pembangunan di kampung-kampung Orang Asli di seluruh negeri Selangor.

Dalam hal ini, pelantikan BBTOAS adalah mulai tahun 2009 dengan cara menggunakan bayaran secara elaun bulanan kepada lima (5) orang pegawai penyelaras melalui Akaun Amanah Pembangunan Orang Asli.

Walau bagaimanapun, mulai Januari tahun 2012 seramai 12 orang pegawai penyelaras Sekretariat BBTOAS yang telah dilantik secara **contract for service** seperti **JADUAL 2** berikut:

JADUAL 2

Bil	Jawatan	Bilangan	Cadangan Elaun Bulanan (RM)	Jumlah (RM)
1	Pegawai Penyelaras Dasar	1	2,800.00	2,800.00
2	Penyelaras Daerah (Sepang, Gombak/ Petaling/ Hulu Langat dan Kuala Langat)	4	1,500.00	6,000.00
3	Konsultan	3	2,000.00	6,000.00
4	Pegawai Penyelidik	4	1,800.00	7,200.00
JUMLAH		12		
Jumlah Bayaran Gaji Bulanan		22,000.00		
Jumlah Bayaran Gaji Tahunan		264,000.00		

(ruangan ini sengaja dikosongkan)

Sehubungan itu, peruntukan yang telah Kerajaan Negeri salurkan kepada Badan tersebut bagi bayaran gaji dan elaun serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan adalah berjumlah **RM994,709.73 (Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu Tujuh Ratus Sembilan Dan Sen Tujuh Puluh Tiga Sahaja)** seperti **JADUAL 3** berikut:

JADUAL 3

Bil	Tahun	Perkara		Jumlah (RM)
		Gaji / Elaun (RM)	Lain-Lain Perbelanjaan (RM)	
1.	2009	11,533.20	15,870.00	27,403.20
2.	2010	34,673.35	137,554.10	172,227.45
3.	2011	24,000.00	55,461.00	79,461.00
4.	2012	218,600.00	50,800.00	269,400.00
5.	2013	286,000.00	-	286,000.00
6.	2014	160,218.08	-	160,218.08
JUMLAH		735,024.63	259,685.10	994,709.73

(ruangan ini sengaja dikosongkan)

Bagi kerja –kerja pengukuran kawasan pemetaan komuniti tanah Adat Orang Asli bagi tempoh Julai 2013 hingga Jun 2014, pihak Badan Bertindak Orang Asli Selangor (BBTOAS) telah membuat pemetaan seluas **1,727.22 ekar** bagi 16 buah kampung Orang Asli kepada tanah adat seperti di **JADUAL 4** berikut:

JADUAL 4

Bil.	Nama Kampung	Daerah	Anggaran Keluasan (ekar)
1.	Kampung Pulau Banting	Kuala Langat	187.54
2.	Kampung Tarih	Kuala Langat	86.8
3.	Tanah Perkuburan Tarih	Kuala Langat	2.51
4.	Kampung Pulau Indah	Kuala Langat	289.4
5.	Tanah Kubur Bukit Damar	Selangor	1.0
6.	Kampung Jengkuk Sepang Kecil	Selangor	46.04
7.	Kampung Ulu Chuchuh	Selangor	100.79
8.	Tanah Adat Sepang Kecil	Selangor	102.79
9.	Tanah Adat Sepang Kecil	Selangor	86.30
10.	Tanah Adat Kebun 46	Selangor	25.65
11.	Tanah Kebun Muafaf	Selangor	5.27
12.	Kampung Bangkong Sungai Pelek	Selangor	185.52
13	Kampung Sungai Belankan	Selangor	607.61
14	Kampung Sungai Sg Larah	Hulu Selangor	Dalam Pelaksanaan
15	Kampung Tanjung Rambai Genting Peras	Hulu Langat	Dalam Pelaksanaan
16	Kampung Air Kuning	Petaling	Dalam Pelaksanaan
JUMLAH			1,727.22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : AIR TIDAK TERHASIL (*NON REVENUE WATER*)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah air tidak terhasil sementara menunggu penstrukturan semula industri air berjaya dilaksanakan?
- b) Senaraikan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Selangor dan lokasi penggantian paip baru mengikut pecahan daerah bagi tahun 2010-2015.

JAWAPAN:

- a) Penyelesaian menyeluruh ke atas ke atas masalah NRW ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif. Dengan terlaksananya penstrukturan semula industri perkhidmatan air, ianya dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Perjanjian Utama yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Berhad (Air Selangor) pada 12 September 2014 adalah merupakan langkah pertama ke arah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri air Negeri Selangor.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa pengoperasian menitikberatkan faktor kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan

pengguna. Ini dapat mewujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama.

Pada masa ini, sebagai persediaan untuk menambah baik operasi perkhidmatan air khususnya dalam mengurangkan NRW, Kerajaan Negeri Selangor melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah bersedia dengan perancangan yang akan dilaksanakan sebaik sahaja penstrukturan semula dimuktamadkan.

- b) Berdasarkan perancangan yang dibuat oleh SYABAS, panjang paip yang perlu diganti adalah sepanjang 6,423km. Berikut merupakan ringkasan bagi perancangan SYABAS bagi projek penggantian paip lama:

TAHUN	PANJANG PAIP (km)
2005 -2008	811
2009 – 2011	7.5
2011 - 2015	210

Sebagai operator agihan tunggal juga, SYABAS telah dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula semua sistem agihan termasuk paip perhubungan yang berusia lebih 50 tahun termasuk paip paip usang. Cadangan penukaran paip perhubungan berusia lebih 50 tahun memang telah ada di dalam cadangan kerja-kerja pembangunan yang akan dilaksanakan oleh SYABAS menggunakan peruntukan CAPEX.

Hakikat sebenar yang berlaku, sebagai operator SYABAS telah tidak kompeten dalam melaksanakan tanggung jawab untuk membekalkan air kepada pengguna. SYABAS mendesak supaya sumber air ditambah ke dalam sistem agihan, sedangkan SYABAS tidak pernah mengakui kelemahan dalam menangani masalah Air Tidak Berhasil (NRW). Kejadian paip pecah dan paip bocor yang tidak terkawal telah menyebabkan berlakunya gangguan bekalan air kepada pengguna.

Justeru itu, melihat kepada kegagalan SYABAS sebagai operator bekalan air tunggal, Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor sebagai penyelesaian jangka panjang ke atas semua masalah operasi yang dihadapi oleh seluruh rakyat Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : PENGURUSAN FLAT KOS RENDAH

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pembangunan flat kos rendah yang mempunyai dan tidak mempunyai JMB atau MC yang berfungsi? Sila beri pecahan mengikut PBT
- b) Bagi flat yang tidak mempunyai JMB berfungsi, apakah tindakan kerajaan untuk mentadbir flat ini?

JAWAPAN:

- a) Setakat bulan November 2014, pangsapuri kos rendah yang mempunyai dan tidak mempunyai JMB atau MC mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	BIL. PANGSAPURI KOS RENDAH	PANGSAPURI KOS RENDAH		
			MEMPUNYAI JMB/MC		TIDAK MEMPUNYAI JMB/MC
			BIL. JMB	BIL. MC	BIL. JMB/MC
1.	MBSA	401	159	60	182
2.	MBPJ	183	119	20	44
3.	MPK	144	90	3	51
4.	MPAJ	180	68	55	57
5.	MPSJ	115	35	23	57
6.	MPS	59	32	13	14
7.	MPKj	264	91	62	111
8.	MPSp	8	4	2	2
9.	MDHS	17	15	-	2
10.	MDKL	7	7	-	-
11.	MDKS	17	7	10	-

BIL.	PBT	BIL. PANGSAPURI KOS RENDAH	PANGSAPURI KOS RENDAH		
			MEMPUNYAI JMB/MC		TIDAK MEMPUNYAI JMB/MC
			BIL. JMB	BIL. MC	BIL. JMB/MC
12.	MDSB	1	1	-	-
JUMLAH		1396	628	248	520

b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mentadbir pangsapuri kos rendah yang tidak mempunyai JMB. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) masih meneruskan program-program Memberdaya Komuniti bagi pangsapuri yang tidak mempunyai JMB melalui pelbagai pendekatan iaitu:

- i. COB seringkali mengadakan sesi penerangan dan turun padang bersama komuniti mengenai kewajipan menubuhkan JMB dan tanggungjawab mengurus bangunan berstrata. Walaubagaimanapun kehadiran penduduk amat mengecewakan kerana didapati penduduk tidak berminat untuk mengurus bangunan
- ii. COB melantik ejen pengurusan untuk mentadbir dan mengurus kawasan pemajuan kos rendah yang bermasalah selaras peruntukan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) [Akta 663]

Mengadakan semula Mesyuarat Pertama/Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi melantik ahli jawatankuasa baru JMB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan nasib PWB?
- b) Sudah berapa lamakah elaun Penyelia PWB dihentikan dan apakah perancangan untuk memberdayakan PWB?

JAWAPAN:

- a) Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan penjenamaan semula kepada Pusat Komuniti Wanita (PKW) yang telah diwujudkan sejak tahun 2009 di lapan (8) DUN awal di Selangor.

Pada awal pengujudannya, penubuhan PWB ini diselaras oleh mantan Yang Berhormat Exco bersama-sama Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor.

Peralatan asas sama ada di bidang jahitan ataupun masakan yang dipilih oleh PWB disediakan oleh Kerajaan Negeri sebagai permulaan dan tanda sokongan pelaksanaan program dan aktiviti di bawah PWB tersebut.

Bagi pemantapan jati diri dan memberdayakan diri para penyelia bersama barisan jawatankuasa kecil mereka, Kerajaan Negeri turut melaksanakan kursus-kursus seperti kursus kewangan, komunikasi di bawah pelaksanaan program-program berstruktur.

Manakala bagi PWB yang berhasrat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti tambahan atas inisiatif PWB tersebut tetapi kekurangan modal, peruntukan turut disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah pelaksanaan program-program tidak berstruktur melalui penyediaan kertas kerja dan perincian perbelanjaan oleh PWB terbabit dan tertakluk kepada baki peruntukan pembangunan dan kelulusan Yang Berhormat Exco.

Sehingga Oktober 2014, daripada jumlah keseluruhan 56 DUN, sebanyak 44 PWB telah ditubuhkan. Manakala, baki 12 DUN masih dalam tindakan mengenalpasti kesesuaian lokasi penubuhan PWB dan permohonan oleh DUN yang berkaitan.

Sehingga kini, PWB masih bergiat aktif dalam melaksanakan program-program yang telah dirancang. Malah permohonan peruntukkan masih lagi disalurkan kepada PWB yang memohon peruntukkan untuk melaksanakan program-program daripada 12 bidang keutamaan yang ditetapkan melalui peruntukan pembangunan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga.

- b) PKW atau kini dikenali sebagai PWB telah diselia oleh seorang penyelia yang bertindak sebagai penggerak diperingkat komuniti. Para penyelia PWB tersebut tidak dijanjikan apa-apa bayaran elaun kerana konsep asal adalah secara sukarela.

Walau bagaimanapun, atas dasar prihatin, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju memberikan saguhati berbentuk elaun bagi tempoh enam (6) bulan sahaja mulai Jun 2013 sehingga Disember 2013 melalui peruntukan Geran Selangorku dibawah Menteri Besar Incorporated (MBI). Selepas tempoh tersebut tiada apa-apa saguhati atau bayaran yang diberikan.

Buat masa ini, satu kajian terperinci sedang dijalankan bagi menambahbaik pelaksanaan PWB sehingga ke akar umbi meliputi semua aspek bagi memastikan kelancaran PWB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : GARIS KEMISKINAN SELANGOR

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar garis kemiskinan terkini negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah kadar ini dikira dan apakah formula atau faktor yang menjadi pertimbangan?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Soalan ini dijawab bersama soalan (a) dan (b) bertajuk Garis Kemiskinan Selangor daripada YB. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro (Jeram).

Paras Garis Kemiskinan (PGK) merupakan pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah (IR) bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. PGK digunakan untuk mengenalpasti bilangan isi rumah miskin dan mengukur insiden kemiskinan. PGK keseluruhan terdiri daripada PGK makanan dan PGK bukan makanan. Sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Sebagai makluman, PGK peringkat Nasional bagi tahun 2007 bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM720 seisi rumah. Manakala bagi Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM830 dan RM960 seisi rumah. Bagi tahun 2012 pula, PGK di peringkat Nasional adalah selaras dengan Rancangan Ekonomi Kesepuluh (RMK-10), yang mana PGK makanan dan bukan makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin berdasarkan kepada kiraan adalah RM830.00 seisi rumah. Manakala bagi Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM920 dan RM1,090 seisi rumah.

PGK yang digunapakai di Selangor pula adalah sebanyak RM1,500.00. Ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 1/2009 pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dan memutuskan supaya PGK Negeri Selangor dinaikkan ke RM1,500.00. Namun begitu, tiada satu asas pengiraan yang dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 Sri Muda)**

**TAJUK : MASALAH IKLAN HARAM YG TERLALU BANYAK SEOLAH-OLAH
DIBIARKAN**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dari sudut undang-undang bagi mengatasinya. Huraikan

JAWAPAN:

- a) Antara tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dari sudut undang-undang bagi mengatasinya masalah iklan haram adalah:-
- i. Tangkapan kepada mereka yang menggantung iklan-iklan haram, tindakan kompaun dikenakan.
 - ii. Bagi iklan-iklan 'ah long' pula, nombor telefon telah dimajukan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi tujuan pembatalan pendaftaran nombor talian telefon.
 - iii. PBT juga telah bekerjasama dengan Bahagian Jenayah dan Komersial PDRM bagi membanteras penampalan iklan-iklan 'ah long' dengan mengadakan operasi bersepadu bersama pihak PDRM dan NGO.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PEMBASMIAN TIKUS

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha untuk membasmi tikus dan keberkesanannya mengikut PBT masing-masing
- b) Nyatakan kos yang dibelanjakan untuk membasmi tikus mengikut PBT masing-masing
- c) Adakah Kerajaan menyediakan pelan komprehensif untuk mengatasi masalah tikus yang semakin membimbangkan

JAWAPAN:

- a) Usaha dan kos perbelanjaan yang telah dilakukan oleh PBT bagi pembasmian tikus adalah seperti berikut:-

Nama PBT	Usaha-usaha Pembasmian Tikus	Kos Perbelanjaan (RM)
MBSA	i. Penggunaan perangkap ii. Penggunaan rancun tikus iii. Bekerjasama dengan penduduk dan MPP bagi aktiviti penangkapan dan kawalan tikus di kawasan kediaman.	4,000.00
MBPJ	i. Kaedah umpan racun tikus dan perangkap tikus ii. Pihak majlis bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan program Pembasmian Tikus di kawasan SS 2 pada tahun 2014 iii. Pemberian sangkar tikus permua kepada penduduk di kawasan SS 2 dan Flat Desa Mentari PJS 6 iv. Racun tikus digunakan iaitu "Racumin Paste" diletakkan di tempat pembiakan tikus. Kutipan bangkai	9,900.00

	<p>akan dibuat selepas 3 hari dan dilupuskan.</p> <p>v.Kawalan tikus di kawasan Majlis ditumpukan berdasarkan aduan orang awam dan gerai-gerai majlis.</p>	
MPK	Menguatkuasakan syarat-syarat kesihatan dan pelesenan terhadap semua premis berlesen tentang langkah-langkah kesihatan dan pengawalan serangga, lipas dan tikus	Tiada kerana pelesen akan menanggung kos pembasmian
MPAJ	MPAJ menggunakan perangkap tikus dan racun tikus dalam operasi kawalan tikus. Pemerhatian mendapati ianya memberi impak yang positif kerana berjaya mengurangkan populasi tikus di kawasan pentadbiran MPAJ	8,440.00
MPS	<p>i. Penggunaan kaedah "Hot Spot tikus"</p> <p>ii. Menggunakan racun, perangkap dan sauk</p>	30,000.00
MPSJ	<p>i. Program kawalan pemusnahan dijalankan berdasarkan aduan yang diterima (i-Responz)</p> <p>ii. Tindakan secara proaktif dilakukan setiap hujung minggu dan penglibatan bersama di dalam program-program anjuran Jawatankuasa Penduduk (JKP)</p> <p>iii Penggunaan umpan beracun (racun digaul dengan roti) sebagai kaedah kawalan dengan menaburnya di tempat-tempat terdapat kurungan tikus.</p> <p>iv. Pihak MPSJ sentiasa menjalankan pemeriksaan tahap kebersihan di premis makanan dan mewajibkan setiap premis yang menjalankan aktiviti pembersihan dan membuat kawalan makhluk perosak di premis masing-masing.</p>	850.00 per operasi

MPKJ	Pihak Majlis telah menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas kebersihan premis makanan dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan awal.	16,000.00
MPSP	i. Menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas kebersihan premis makanan. ii. Kawalan ke atas pengeluaran sisa makanan dengan pematuhan dan penguatkuasaan 'grease trap' iii. Rutin aktiviti kawalan tikus secara program bulanan – pasa awam / medan selera / pusat penjaja	13,000.00
MDKL	Operasi pembasmian dilakukan secara berkala	5,200.00
MDKS	Pihak Majlis telah memasang perangkap tikus di kawasan yang dikenal pasti berpotensi secara berjadual dan berkala. Satu program membasmi tikus secara besar-besaran telah dijalankan pada tahun 2013 sehingga sekarang	5,360.00
MDHS	Pihak Majlis telah menjalankan pemeriksaan secara progresif di kawasan tumpuan tikus seperti pasar awam dan pasar malam.	10,000.00
MDSB	Mengedarkan perangkap tikus besi dan gam tikus kepada geran dan premis.	1,600.00

- c) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil pelbagai langkah yang komprehensif bagi membasmi pembiakan tikus yang semakin membimbangkan. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-
- i. Mempertingkatkan pemeriksaan, penggreddan dan penguatkuasaan terhadap premis-premis makanan di mana premis yang didapati tidak mencapai piawaian tindakan penutupan premis akan dikenakan.

- ii. Premis-premis makanan yang berlesen dikehendaki menjalankan tindakan Kawalan Serangga dan Tikus di premis mereka.
- iii. Memperketatkan syarat-syarat Pengeluaran Lesen Baru serta Pembaharuan Lesen.
- iv. Mempertingkatkan operasi pembersihan di kawasan-kawasan pasar basah dan kawasan lain yang berpotensi untuk pembiakan tikus.
- v. Mengadakan promosi dan pendidikan kesihatan dengan pelbagai cara termasuk ceramah, edaran risalah serta pameran berkaitan Leptospirosis.
- vi. Melaksanakan operasi kawalan tikus secara berjadual serta mengadakan Perangkap Tikus dan Gam Perekat Tikus secara percuma kepada pemilik premis perniagaan.

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT telah menetapkan sasaran yang jelas dalam mengatasi masalah pembiakan tikus di Negeri Selangor iaitu untuk mengurangkan Populasi Tikus dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan secara berterusan serta menguatkuasakan undang-undang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

**TAJUK : PERMOHONAN SEKOLAH KAFA TAMAN KEMUNING BANTING,
KUALA LANGAT**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan Sekolah KAFA Taman Kemuning Banting, Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Sekolah Berada Dalam Kawasan Surau Taman Kemuning, di mana Jawatankuasa Surau (Pengerusi Surau) dilantik sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengurusan Sekolah Secara tidak langsung Jawatankuasa Pengurusan Sekolah bertanggungjawab ke atas sekolah berkenaan. Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa atau penduduk berhak memohon kepada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat supaya membina bangunan Sekolah Rendah Agama Rakyat. Pembinaan sekolah KAFA adalah mengikut garis panduan berdasarkan akta-akta seperti:

- i) AKTA KEBENARAN MERANCANG 172**
- ii) AKTA 133 (BANGUNAN JALAN DAN PERPARITAN)**
- iii) AKTA 1988 PERKHIDMATAN BOMBA**
- iv) AKTA2 KECIL PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
- v) ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH ISLAM 1988 DAN
PINDAAN ENAKMEN 2001 (SUBKAEDAH)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : BEKALAN DAGING SEGAR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status bekalan daging mentah meliputi ayam, daging lembu dan kambing?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan bekalan daging untuk kegunaan rakyat tempatan mencukupi?
- c) Adakah anak syarikat terbabit dalam projek ternakan?

JAWAPAN:

a) Status bekalan daging mentah di negeri ini adalah :

Komoditi	Permintaan	Pengeluaran	Kadar Saradiri
Ayam	176,475 tan	70,590 tan	40%
Daging Lembu	45,714 tan	960	2.1%
Kambing	4,500 tan	90	2.0%

- b) Strategi kerajaan negeri untuk memastikan bekalan daging untuk kegunaan rakyat tempatan mencukupi adalah :
 - i. Menambah bilangan ladang komersial
 - ii. Meningkatkan produktiviti ladang sedia ada
 - iii. Menggalakkan intergrasi ternakan dengan ladang kelapa sawit.
 - iv. Menumpukan kepada aktiviti hiliran (pemprosesan) daging
 - v. Mengimport daging daripada negeri-negeri lain dan luar negara.

[MAKLUMAT TAMBAHAN]

Sebagai sebuah negeri yang lebih menumpukan ekonomi kepada sektor hartanah, perkhidmatan dan pembuatan (perindustrian), negeri Selangor dijangka tidak mampu untuk mencapai saradiri dalam pengeluaran daging pada masa hadapan akibat kekurangan sumber seperti tanah dan makanan. Namun, penduduk negeri ini mempunyai kuasa beli lebih tinggi untuk mengimport daripada negeri-negeri lain dan luar negara seperti India. Tambahan pula, negeri ini merupakan hub pemasaran dan pemprosesan daging negara. Maka itu, isu kekurangan daging tidak timbul di negeri ini.

- c) Anak syarikat yang terbabit dalam projek ternakan adalah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor atau PKPS dan bidang Lembu Daging, Lembu Susu dan Ayam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI DI PUNCAK ALAM

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ramai pemilik-pemilik tidak dapat C.F. untuk masuk rumah oleh sebab pemaju. apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod pentadbiran ini hanya mengenalpasti satu (1) projek yang masih belum siap dibina dengan Sijil Layak Menduduki di Puncak Alam iaitu Projek Alam Mutiara yang dimajukan oleh MZ Development Sdn Bhd manakala pemilik tanah adalah Tetuan Mujur Zaman Sdn Bhd. Pada asalnya, keseluruhan tanah merupakan tanah milikan 712 peneroka melibatkan sebanyak 19 hakmilik blok dengan keluasan tanah adalah 718.13 hektar atau 1,774.54 ekar. Melalui Perjanjian Pengurusan antara 712 peneroka dan Mujur Zaman Sdn. Bhd. yang telah ditandatangani pada tahun 2000 di mana Mujur Zaman Sdn. Bhd. bersetuju membayar pampasan **sebanyak RM360,000.00** seorang yang terdiri dalam berbentuk wang tunai sejumlah RM180,000.00 dan sebuah rumah bernilai RM180,000.00.

Walaupun bagaimanapun, pemaju MZ Development Sdn Bhd gagal menyiapkan 924 unit rumah teres 2 tingkat yang dimajukan pada tahun 2003 dengan kemajuan kerja ditapak hanya mencapai 10% hingga 20% siap. Pada tahun 2006, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengisytiharkan projek ini sebagai Projek Terbengkalai. Namun pada 15 Februari 2012, Pemaju MZ Development Sdn Bhd telah dikenakan perintah penggulungan oleh Mahkamah dan melantik Jabatan Insolvensi Selangor sebagai pelikuidasi.

Berikutan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam usaha memulihkan semula projek ini melalui tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah milikan Mujur Zaman Sdn Bhd. Pada 11 Oktober 2012, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telahewartakan cadangan pengambilan tanah terlibat untuk tujuan pengambilan tanah. Walaupun bagaimanapun, usaha untuk meneruskan proses pengambilan tanah ini terpaksa **ditangguhkan** disebabkan atas Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 3 Disember 2012 untuk semakan semula kehakiman yang dibuat oleh pemohon iaitu Mujur Zaman Sdn Bhd. Lanjutan daripada beberapa kes perbicaraan diadakan, Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor masih menunggu tarikh perbicaraan baru oleh Mahkamah Rayuan yang akan diadakan pada 05 Januari 2015 bagi memutuskan keputusan sama ada tindakan pengambilan tanah boleh diteruskan

atau dibatalkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri masih tidak boleh berbuat apa-apa ke atas tanah tersebut termasuk meneruskan proses pengambilan tanah dan seterusnya bagi kerja-kerja pemulihan sehingga Mahkamah membuat keputusan muktamad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

**TAJUK : CUKAI TAKSIRAN, LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN TERHADAP
KONSESI TOL LEBUH RAYA**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan PBT yang telah mengenakan cukai taksiran, lesen perniagaan dan iklan terhadap pemegang konsesi tol lebuhraya?
- b) Berapakah jumlah yang telah dikutip mengikut setiap PBT setakat tahun 2014?
- c) Nyatakan konsesi tol lebuhraya yang telah membayar cukai tersebut

JAWAPAN:

- a) Semua Bangunan Konsesi Tol Lebuhraya di kawasan pentadbiran PBT dikenakan cukai taksiran selaras dengan Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun bagi pengenaan lesen perniagaan untuk pejabat urusan, pondok tol, pejabat jualan tiket/kad dan iklan yang dipamerkan di kawasan konsesi masih tertangguh berikutan terdapat percanggahan dimana pihak konsesi serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak bersetuju dikenakan lesen bagi aktiviti tersebut.

MBSA, MBPJ dan MPSJ telah memaklumkan kepada Konsesi tol lebuhraya yang terlibat dikawasan masing-masing agar memohon lesen namun tiada permohonan dikemukakan sehingga kini. PBT berpendapat pengeluaran lesen adalah selaras dengan Akta 171 dan Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007.

- b) Jumlah yang telah dikutip mengikut setiap PBT setakat tahun 2014 adalah seperti berikut:

LAMPIRAN A

c) Berikut disenaraikan konsesi tol lebuhraya yang telah membayar cukai :

PBT	KONSESI LEBUHRAYA
MBSA	LKSA, PLUS, GCE dan KESAS
MBPJ	PLUS
MPK	SHAHPADU
MPAJ	Tiada Konsesi dikawasan PBT
MPSJ	PLUS,ELITE,BESRAYA,LDP dan KESAS
MPS	PLUS, LATAR dan KARAK
MPKj	PLUS, LEKAS, SILK dan Grand Saga
MPSp	SKVE, MEX dan ELITE
MDKS	LATAR
MDHS	Tiada Konsesi dikawasan PBT
MDKL	SKVE DAN ELITE
MDSB	Tiada Konsesi dikawasan PBT

LAMPIRAN A

PBT: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	Projek Usahasama Lebuhraya Berhad	67,460.40	PLUS
2.	Guthrie Corridor Expressway	54,012.00	GCE
3.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam	53,449.20	LKSA
4.	KESAS Sdn.Bhd.	17,094.00	KESAS
JUMLAH		192,015.60	

PBT: MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	Projek Usahasama Lebuhraya Berhad	0.00	PLUS

PBT: MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	Shapadu Holdings Sdn. Bhd.	20,160.00	SHAHPADU

PBT: MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
Tiada Konsesi di kawasan PBT			

PBT: MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	Projek Usahasama Lebuhraya Berhad	56,448.00	PLUS
2.	Expressway Lingkaran Tengah Sdn.Bhd	14,040.00	ELITE
3.	Besraya (M) Sdn.Bhd	9,072.00	BESRAYA
4.	Lingakran Trans Kota Sdn.Bhd	67,752.00	LDP
5.	Kesas Sdn.Bhd.	21,312.00	KESAS
JUMLAH		168,624.00	

PBT: MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	MTD Prime Sdn.Bhd	137,116.10	KARAK
2.	Projek Usahasama Lebuhraya Berhad	132,952.69	PLUS
3.	KL-Kuala Selangor Ekspreesway Berhad	Jan 2014	LATAR

PBT: MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad	480,000.00	PLUS
2.	Lebuhraya Kajang Seremban		LEKAS
3.	Ssitem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn.Bhd.		SILK
4.	Grand Saga Sdn.Bhd		GRAND SAGA

PBT: MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	SKVE Holdings Sdn.Bhd	11,592.00	SKVE
2.	Maju Expressway Sdn.Bhd.	43,948.80	MEX
3.	Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad	61,706.40	ELITE
JUMLAH		117,607.20	

PBT: MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
Tiada Konsesi di kawasan PBT			

PBT: MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	SKVE Holdings Sdn.Bhd.	85,767.90	SKVE
2.	Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad	52,636.20	ELITE
JUMLAH		138,404.10	

PBT: MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
1.	KL-Kuala Selangor Ekspreesway Berhad	33,183.60	LATAR

PBT: MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL.	SYARIKAT KONSESI	CUKAI TAKSIRAN (RM)	LEBUH RAYA
Tiada Konsesi di kawasan PBT			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : SAMPAH

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) YAB Dato' Menteri Besar mahukan masalah sampah diselesaikan dalam masa 3 bulan, apakah bentuk pendekatan yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- b) Sekiranya gagal apakah langkah seterusnya?
- c) Apakah status perkembangan terkini permasalahan tersebut sama ada positif atau negatif?

JAWAPAN:

- a) Bagi mencapai hasrat YAB Dato' Menteri Besar untuk menyelesaikan masalah sampah dalam masa 3 bulan, PBT mengambil pendekatan berdasarkan pelan tindakan seperti berikut antaranya:-
 - i. PBT akan memastikan semua kontraktor sisa pepejal mematuhi jadual kutipan sampah domestik & pembersihan awam dengan melakukan pemantauan rutin berterusan berdasarkan jadual di lapangan & pemantauan berdasarkan aduan.

- ii. MBSA sebagai contoh, telah membuat semakan kerja kutipan melalui sistem *Automatic Vehicles Locating System (AVLS)* yang diletakkan di lori kompaktor bagi memantau pergerakan kenderaan mengutip sampah.
 - iii. PBT mengeluarkan notis (*Notice to Correct – NTC*) terhadap kegagalan kerja di lapangan oleh kontraktor yang dilantik serta menamatkan perkhidmatan kontraktor yang gagal melaksanakan tugasnya.
 - iv. PBT melaksanakan pengurusan sampah yang lebih sistematik dengan mengenalpasti kawasan bagi cadangan tambahan unit tong sampah dan penggantian contohnya di kampung tradisional dan kawasan komersial)
 - Meningkatkan aktiviti pemantauan bagi memastikan kerja – kerja pembersihan kawasan dan kutipan sampah dijalankan mengikut jadual.
 - Kenalpasti kawasan yang menjadi tumpuan longgokan sampah (bahu jalan, kawasan lapang, bawah pokok) dan tindakan pembersihan diambil dengan segera.
 - Mengenalpasti dan menempatkan tong sampah (standing bin) di kawasan tumpuan awam yang kekurangan / tiada tong sampah (hentian bas, kawasan rekreasi dan kawasan komersial).
 - v. Menggerakkan pasukan '*In House*' iaitu skuad rayau dan 'on call' bagi menyelesaikan aduan dengan mengutip sampah domestik dan pembersihan awam dalam tempoh 24 jam selepas menerima aduan.
 - vi. Mengambil tindakan ke atas pembuangan sampah pukat/haram dengan mengenalpasti lokasi '*hot spot*' sampah haram & status hakmilik tanah untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik sampah haram/ pemilik tanah yang telah dikenalpasti. Memasang papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di lokasi pembuangan sampah haram yang telah dikenalpasti.
 - vii. Melakukan hebahan kepada penduduk dengan mengedarkan risalah dan pamflet mengenai maklumat kontraktor dan penyelia PBT, maklumat tatacara pembuangan sampah yang sistematik dan penguatkuasaan undang-undang oleh PBT. Selain itu papan tanda jadual dan maklumat kontraktor di kawasan kediaman penduduk turut dipasang.
- b) Kerajaan Negeri optimis masalah sampah diseluruh Negeri Selangor boleh diatasi secara drastik walaupun tidak sepenuhnya. Oleh itu, usaha-usaha yang dijalankan agar tidak menemui kegagalan Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengambil pendekatan lebih ke arah meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan amalan pengurusan sampah yang lebih sistematik bermula daripada kediaman / premis dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat untuk mendidik dan menerapkan amalan kitar semula, pengasingan sampah, pembuangan sampah dengan cara yang betul dan perihatin terhadap kebersihan kawasan

sekeliling kediaman / premis. Manakala bagi faktor disebabkan oleh kegagalan kerja kontraktor dilapangan, pihak PBT akan mengambil tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih drastik terhadap kontraktor yang terlibat.

- c) Semua PBT telah melaksanakan pelan tindakan pembersihan sampah dengan baik seperti yang telah dirancang dan telah menunjukkan perkembangan yang positif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : GAJI GURU KAFA

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk menambah elaun guru-guru KAFA ?
- b) Nyatakan jumlah guru KAFA di Negeri Selangor mengikut daerah dari tahun 2008 hingga 2014.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri telah bersetuju untuk menambah elaun guru KAFA dari RM1300 ke RM1500. Walaubagaimaanapun, keputusan tersebut masih belum dilaksanakan.
- b) Jumlah guru KAFA mengikut daerah dari 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
	DAERAH							
1	KLANG	971	988	990	1001	1020	1019	1027
2	K.LANGAT	436	448	449	454	456	459	498
3	K.SELANGOR	559	570	558	574	569	610	629
4	H.LANGAT	1038	1176	1154	1143	1140	1154	1178
5	H.SELANGOR	285	382	302	328	340	379	404
6	S.BERNAM	431	411	443	443	419	421	389
7	GOMBAK	757	907	903	892	831	827	834
8	PETALING	1193	1230	1264	1265	1209	1209	1268
9	SEPANG	202	250	309	334	389	447	450
	JUMLAH	5872	6362	6372	6134	6373	6525	6677

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : PENYELESAIAN BANJIR KILAT DI KAJANG

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan jangka masa panjang untuk mengelakkan kejadian banjir kilat di Kajang?
- b) Minta kerajaan negeri kemukakan rancangan Pelan Induk Tebatan Banjir di Sungai Jeluh dan Sungai Langat bagi mencegah kejadian banjir di Kajang

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia telah menjalankan beberapa kajian bagi mengatasi masalah banjir di Kajang. Di antara kajian yang akan dan telah dilakukan adalah :
 - I. Stormwater Management & Drainage Masterplan Study For The Town Of Sg. Besi, Kuala Lumpur and Seri Kembangan, Selangor (2008).
 - II. Stormwater Management & Drainage Masterplan Study For MPKj, Selangor (2010).
 - III. Rekabentuk terperinci Sistem Saliran Mesra Alam bagi Bandar Kajang, Selangor (2013).
- b) Pihak JPS Malaysia dan JPS Daerah Hulu Langat, Selangor telah memaklumkan dan mengemukakan Pelan Induk Tebatan Banjir di Sg. Jeluh & Sg. Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : MESYUARAT PENUH

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri Selangor sekiranya ADUN dan ahli parlimen bukan sahaja sebagai pemerhati dalam mesyuarat penuh di setiap majlis tetapi diberi kuasa untuk memberi pandangan sebagai penambahbaikan ?

JAWAPAN:

- a) Peranan dan kuasa ADUN adalah seperti menurut Bab 1 Bahagian VI, Perlembagaan Persekutuan dan Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. ADUN boleh menyampaikan apa-apa pandangan dan pendapat mengenai perkara/isu yang melibatkan rakyat melalui Ahli Majlis atau secara terus kepada PBT untuk diselesaikan atas inisiatif mereka atau jemputan daripada PBT seperti mana yang ditetapkan di bawah Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), semua Mesyuarat PBT boleh dihadiri oleh orang ramai melainkan jika selainnya diputuskan oleh PBT itu. Dalam hal ini, ADUN termasuklah dalam kategori berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan kemudahan pengangkutan awam di seluruh Selangor, terutama di kawasan-kawasan pedalaman yang belum mempunyai kemudahan awam seperti dari Ampang ke Pangsoon dan ke Sungai Lui.
- b) Jika ada, minta dikemukakan perancangan tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

Perancangan untuk mengadakan kemudahan awam yang sedang diusahakan pihak Kerajaan Negeri adalah perkhidmatan bas percuma di kawasan bandar. Kemudahan bas ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengenalpasti laluan-laluan kritikal terutamanya di kawasan berkepadatan tinggi. Buat masa ini, perkhidmatan bas percuma hanya dapat disediakan bagi kawasan bandar sahaja.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin untuk membantu rakyat mendapat perkhidmatan kemudahan awam di setiap peringkat negeri termasuk di kawasan-kawasan pedalaman. Namun begitu, keupayaan Kerajaan Negeri adalah terhad dan hanya dapat dilaksanakan di kawasan bandar seperti Petaling Jaya, Shah Alam dan Subang Jaya. Manakala penyediaan perkhidmatan bas henti-henti merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menambahbaik perkhidmatan bas awam sedia ada di Negeri Selangor dengan mewujudkan perkhidmatan ini di kawasan-kawasan luar bandar seperti Projek Penambahbaikan Bas Henti-henti atau *Commuter Bus Improvement Project* (CBIP) yang dirangka oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bersama PBT. Projek CBIP merangkumi pelan rangkaian bas, operasi dan infrastruktur bas bagi daerah-daerah perintis. Cadangan CBIP di Negeri Selangor adalah melibatkan daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor yang masih diperingkat kajian manakala daerah Kuala Langat akan menjadi daerah perintis bagi projek CBIP yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : GRADUAN TERLIBAT AKTIVITI MILITAN

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan dengan terperinci berkenaan laporan yang dikeluarkan oleh PDRM berkenaan graduan KUIS yang terlibat dengan kumpulan militan di Syria?
- b) Apakah faktor penglibatan graduan KUIS yang terlibat dengan kumpulan militan ini?
- c) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan perkara ini tidak berulang?

JAWAPAN:

- a) Adalah dimaklumkan penama Syamimi Faiqah binti Sulaiman merupakan bekas pelajar KUIS yang telah diberhentikan kerana gagal mencapai gred minimum dalam peperiksaan akhir Sesi II 2012/2013.
- b) Penglibatan beliau di dalam aktiviti militan adalah selepas beliau diberhentikan daripada KUIS dan tidak berkaitan dengan sistem pengajian di KUIS
- c)

Nota:

Berikut adalah kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh pihak KUIS pada 13hb Oktober 2014 mengenai penglibatan bekas pelajar tersebut untuk makluman dan perhatian semua pihak.

KENYATAAN MEDIA
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
PENJELASAN STATUS PENGAJIAN SYAMIMI FAIQAH BINTI SULAIMAN

1. Merujuk kepada laporan beberapa media arus perdana pada 12 Oktober 2014 berkaitan penglibatan Bekas Pelajar KUIS dengan ISIS.
2. Pihak KUIS mengesahkan bahawa Syamimi Faiqah Binti Sulaiman telah mendaftar Program Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & Sunnah) Sesi II 2012/13 (Melalui surat tawaran bertarikh 27 November 2012).
3. Syamimi Faiqah Binti Sulaiman telah gagal mencapai gred minimum dalam peperiksaan akhir Sesi II 2012/13.
4. Syamimi Faiqah Binti Sulaiman secara rasmi diberhentikan dari KUIS melalui surat Bahagian Pengurusan Akademik, KUIS pada 10 Jun 2013 kerana mencapai CGPA kurang dari 2.00 selaras dengan Peraturan Akademik KUIS (Pindaan 2011) Seksyen 10 paragraf 10.2.
5. KUIS memandang serius penglibatan mahasiswa KUIS dengan aktiviti yang tidak diiktiraf oleh ajaran Islam dan Kerajaan Malaysia. Jika Mahasiswa KUIS didapati terlibat dengan perkara seumpamanya, KUIS akan bertindak memberhentikan Mahasiswa terbabit serta merta.
6. Sekian maklumbalas daripada KUIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 Seri Andalas)**

TAJUK : PENJANJIAN PENGSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dokumen perjanjian industri air dapat didedahkan kepada umum, seperti yang dijanjikan oleh mantan Menteri Besar Selangor?
- b) Selangor membayar 10 sen/1000 liter air mentah dari Pahang, tetapi Singapura hanya membayar 3 sen/1000 liter kepada Johor. Mengapa perbezaan yang ketara?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan asas-asas ketelusan dan integriti di dalam semua perkara apatah lagi dalam hal yang melibatkan rakyat secara langsung seperti industri perkhidmatan air. Salah satu objektif penstrukturan industri perkhidmatan air negara sebagaimana yang pernah dibahaskan di dalam Parlimen adalah untuk memastikan bahawa kepentingan pengguna dipelihara. Selari dengan ini, prinsip ketelusan (transparency) sudah semestinya menjadi salah satu prinsip utama yang harus diutamakan di dalam mana-mana perjanjian yang ditandatangani setelah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta IPA 2006) diwartakan. Proses yang tidak telus dan diselubungi dengan rahsia seperti yang diguna pakai pada waktu sebelum AKTA IPA 2006 diwartakan seharusnya tidak lagi dipraktikkan pada masa ini.

Memandangkan perjanjian penstrukturan semula ini melibatkan kepentingan umum, Kerajaan Negeri Selangor telah berapa kali menggesa Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) supaya isi kandungan perjanjian-perjanjian yang terlibat perlu didedahkan kepada umum.

Namun demikian, di dalam perjanjian-perjanjian berkaitan dengan industri perkhidmatan air yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan dengan Kerajaan Persekutuan, terdapat peruntukkan mengenai "Kerahsiaan" dan diklasifikasikan sebagai Dokumen Terperingkat. Sebarang pendedahan ke atas Perjanjian tersebut kepada pihak lain selain daripada yang telah dipersetujui, boleh menyebabkan pihak-pihak terdedah kepada tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Dalam hal ini, sebelum Kerajaan Negeri Selangor boleh mendedahkan perjanjian-perjanjian tersebut kepada pihak ketiga, kebenaran dan persetujuan Kerajaan Persekutuan perlulah diperoleh terlebih dahulu.

Selepas Perjanjian Utama (Master Agreement) mengenai penstrukturan semula ditandatangani pada 12 September 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah menulis kepada KTTHA pada 9 Oktober 2014 bagi mendapatkan persetujuan supaya perjanjian tersebut dapat diklasifikasikan sebagai dokumen awam. Dengan membenarkan Perjanjian-perjanjian ini diklasifikasikan sebagai dokumen awam, segala dakwaan dan tohmahan bahawa proses rundingan dijalankan tidak telus dan memanfaatkan sesuatu pihak sahaja dapat disangkal dengan sepenuhnya. Namun demikian, tiada sebarang maklum balas bertulis yang diterima dari pihak KTTHA berhubung permohonan tersebut.

- b) Perjanjian jual beli air mentah di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura ditandatangani pada tahun 1962 manakala Perjanjian di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang ditandatangani pada 22 November tahun 2007. Ini jelas menunjukkan bahawa persetujuan dan penetapan ke atas harga pembelian tersebut dibuat sebelum tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : PEMBINAAN INCINERATOR DI SHAH ALAM DAN KUALA LANGAT

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri akan meneruskan pembinaan incinerator di Shah Alam dan Kuala Langat?
- b) Adakah kerajaan negeri mempunyai kepakaran yang cukup untuk menguruskan selia incinerator ini?
- c) Adakah pembinaan incinerator ini dapat memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang tempatan selepas siap?

JAWAPAN:

- a) Incinerator merupakan salah satu daripada pelbagai teknologi moden yang digunakan secara meluas di kebanyakan negara-negara maju. Sehingga saat ini, tiada perancangan khusus Kerajaan Negeri untuk membina incinerator di Shah Alam dan Kuala Langat.
- b) Pengurusan serta kepakaran penyeliaan sesebuah loji incinerator bergantung kepada 'business model' yang dirancang. Oleh kerana tiada perancangan khusus Kerajaan Negeri untuk membina incinerator di Shah Alam dan Kuala Langat, maka **perkara ini tidak wajar ditimbulkan**.
- c) Sememangnya setiap loji incinerator yang beroperasi akan memberikan peluang pekerjaan. Namun demikian, oleh kerana tiada perancangan khusus Kerajaan Negeri untuk membina incinerator di Shah Alam dan Kuala Langat, maka jumlah peluang pekerjaan yang akan tercipta dengan pengoperasian incinerator **masih belum dapat dipastikan**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : JUMLAH PELANCONG DAN PRODUK PELANCONGAN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelancong dalam dan luar negeri yang melancong ke Negeri Selangor pada tahun 2014?
- b) Apakah tarikan terbaru pelancongan yang di rancang di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelancong dalam dan luar negara yang melancong ke Negeri Selangor pada tahun 2014 sehingga bulan September adalah seperti berikut;

Tahun	Pelancong	Bilangan Pelancong
2014 (sehingga September)	Dalam Negara	2,700,341
	Luar Negara	1,940,888
	Jumlah Pelancong	4,641,229

Pada tahun 2013, jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor adalah sebanyak 6,701,437. Pelancong domestik adalah sebanyak 3,576,050 dan pelancong luar negara adalah sebanyak 3,125,387.

Dijangkakan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor pada tahun 2014 dijangka akan terus meningkat sehingga hujung tahun kerana Kempen Tahun Malaysia 2014 masih giat dijalankan dan cuti persekolah semakin hampir. Selain itu juga, program promosi yang telah dijalankan membantu meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor. Tambahan pula, Negeri Selangor merupakan pintu masuk ke Malaysia dan menyebabkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor.

- b) Produk pelancongan merupakan elemen terpenting dalam menentukan kehadiran pelancong ke sesuatu destinasi. Ianya boleh dikategorikan sebagai produk semulajadi dan buatan manusia. Terdapat banyak produk baru yang terdapat di Negeri Selangor, yang diwujudkan bagi menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke negeri ini. Antaranya ialah:

Bil	Produk	Kategori	PBT/ Daerah
1.	Mitsui Premium Outlet	Factory/ Premium Outlet	MPSp/ Sepang
2.	Ideal Convention Center	Pusat Konvensyen	MBSA/ Petaling
3.	Midlands Convention Center	Pusat Konvensyen	MBSA/ Petaling
4.	The Strand	Pusat Membeli-belah	MBPJ/ Petaling
5.	Paradigm mall	Pusat Membeli-belah	MBPJ/ Petaling
6.	One City	Pusat Membeli-belah/ Hotel	MPSJ/ Petaling
7.	Setia Walk	Pusat Membeli-belah	MPSJ/ Petaling
8.	KLIA 2	Lapangan Terbang/ Pusat Membeli-belah	MPSp/ Sepang
9.	Amverton Cove Golf & Island Resort	Golf/ Hotel	MDKL/ Kuala Langat
10.	Royal Klang Heritage Walk	Warisan	MPK/ Klang
11.	Istana Alam Shah	Warisan	MPK/ Klang
12.	Chocolate Museum	Muzium/ Makanan	MBPJ/ Petaling
13.	Damansara Performing Arts Center (DPAC)	Seni Persembahan	MBPJ/ Petaling
14.	Dusun Garden Fairies	Eko/ Penginapan	MPKj/ Hulu Langat
15.	Fish Valley Semenyih	Eko/ Sukan Lasak/ Makanan	MPKj/ Hulu Langat

Bil	Produk	Kategori	PBT/ Daerah
16.	Paradise Valley	Eko/ Latihan/ Sukan Lasak	MPKj/ Hulu Langat
17.	Klang River Cruise	Eko/ Agro	MPK/ Klang
18.	ATV Ezzy Ride	Sukan Lasak	MBSA/ Klang
19.	Perkampungan Orang Asli Suku Temuan	Warisan/ Eko	MPSJ/ Hulu Langat
20.	Bandar Warisan Batu Arang	Warisan	MPS/ Gombak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : SUMBER AIR MENTAH

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perincian insiden air mentah tercemar sepanjang lima tahun lalu sehingga mengakibatkan bekalan air bersih terjejas?
- b) Apakah strategi, perancangan program dan prosedur untuk memastikan bekalan air mentah negeri bebas daripada pencemaran?

JAWAPAN:

- a) Tindakan setiap insiden pencemaran air mentah yang berlaku sehingga menyebabkan bekalan air bersih terjejas adalah diselesaikan melalui Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar. Senarai insiden bagi lima tahun seperti berikut :

TAHUN	BILANGAN KES
2010	2
2011	8
2012	20
2013	16
2014	20

Peningkatan jumlah kes kecemasan pada tahun bermula tahun 2012 adalah disebabkan kes pencemaran yang berulang iaitu pencemaran kekeruhan dan Loji Pembersihan Air (LPA) yang terlibat adalah LPA Ampang Intake, LPA Pangsoon, LPA Sungai Rumput dan LPA Wangsa Maju. Punca kekeruhan di LPA ini adalah disebabkan hujan yang lebat di hulu sungai yang melibatkan kawasan hutan semulajadi. Beberapa inisiatif telah diambil bagi menangani masalah ini antaranya mengenalpasti kawasan-kawasan yang terdedah kepada risiko hakisan dan langkah-langkah kawalan perlindungan dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut.

Senarai terperinci kes kecemasan adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

- b) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pemantauan dan siasatan berkala dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya;

- i) pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
- ii) pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
- iii) pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air. Untuk kes pencemaran yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Seksyen Shah Alam.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dipantau dan dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya;

- i) Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai. Tiada aktiviti berisiko tinggi yang menyumbang kepada pencemaran terhadap Sungai Selangor dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan tersebut,
- ii) Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat, dan
- iii) Pembangunan *Decision Support System, (DSS)* bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik di mana pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

LAMPIRAN D

KES KECEMASAN SEPANJANG TAHUN 2010

BIL	TARIKH	NAMA SUNGAI	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	KESAN
1.	26/3/10	Sg. Bernam	Sisa kumbahan	Kilang kelapa sawit	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek
2.	7/9/10	Sg. Semenyih	Ammonia (<i>Leachate</i>)	Tapak Pelupusan Sampah Sungai Kembong	HENTI TUGAS di LPA Sg. Semenyih

KES KECEMASAN SEPANJANG TAHUN 2011

BIL	TARIKH	NAMA SUNGAI	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	KESAN
1.	26/3/11	<i>Main Canal</i> dari Sg. Bernam	Warna dan pH	Air hitam dari Hutan Raja Muda Musa	HENTI TUGAS di LPA Sg. Sireh selama 435 jam
2.	7/5/11	Sg. Langat	Diesel	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 8 jam
3.	14/5/11	Sg. Gombak	Diesel	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di Muka Sauk Gombak selama 3 jam 45 minit
4.	18/5/11	Sg. Langat	Diesel	Kilang Memproses Batu Bata	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 7 jam 30 minit
5.	21/11/11	Sg. Langat	Diesel	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 6 jam 30 minit
6.	21/11/11	Sg. Semenyih	Diesel	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di Muka Sauk Jenderam Hilir selama 1 jam 45 minit
7.	22/11/11	Sg. Langat	Diesel	Kilang Memproses Kayu	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 9 jam
8.	5/12/11	Sg. Selangor	Kekeruhan	Tanah Runtuh dan Runtuhan Tebing di Hutan Simpan Gading	HENTI TUGAS di LPA Rantau Panjang selama 4 jam LPA SSP3 – Bukit Badong selama 2jam MENGURANGKAN KAPASITI KEPADA 40% di SSP1 & SSP2

KES KECEMASAN SEPANJANG TAHUN 2012

BIL	TARIKH	NAMA SUNGAI	JENIS PENCEMARAN	PUNCA	KESAN
1.	24/2/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 6 jam 30 minit
2.	25/2/12	Sg. Semenyih	Ammonia	Tapak Pelupusan Sampah Pajam	HENTI TUGAS di LPA Sg. Semenyih selama 2 jam 20 minit
3.	25/2/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 5 jam
4.	29/2/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 2 jam 45 minit
5.	29/2/12	Sg. Semenyih	Ammonia	Tapak Pelupusan Sampah Pajam	HENTI TUGAS di LPA Sg. Semenyih selama 2 jam 10 minit
6.	7/3/12	Sg. Langat	Diesel	Industri Kuari	HENTI TUGAS di LPA Batu 11 Cheras selama 9 jam 30 minit
7.	7/3/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 72 jam
8.	26/4/12	Sg. Selangor	Air Berbau	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA SSP2 selama 16 jam 15 minit
9.	20/5/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 4 jam 30 minit
10.	1/6/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 2 jam 45 minit
11.	5/7/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 5 jam 30 minit
12.	8/7/12	Sg. Bernam	Ammonia	Tidak Diketahui	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 9 jam 30 minit
13.	17/7/12	Sg. Bernam	Ammonia	Ladang Ternakan Ayam	HENTI TUGAS di LPA Sg. Selisek selama 4 jam 30 minit

14.	1/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 2 jam 40 minit
15.	2/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 2 jam 45 minit
16.	3/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 2 jam 30 minit
17.	4/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 35 minit
18.	5/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 45 minit
19.	5/11/12	Sg. Langat	Tersumbat dengan bahan-bahan yang hanyut akibat air deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Pangsoon selama 8 jam
20.	6/11/12	Sg. Ampang	Kekeruhan dan Arus Deras	Hujan Lebat	HENTI TUGAS di LPA Ampang Intake selama 3 jam 30 minit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan anak-anak Selangor mendapat pendidikan awal sekolah yang berkualiti? Berapakah yang diperuntukkan untuk pendidikan pra-sekolah?
- b) Nyatakan program pendidikan pra-sekolah yang dikendalikan oleh kerajaan negeri dan pusat di Selangor

JAWAPAN:

- a) Usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak Negeri Selangor mendapat pendidikan awal sekolah yang berkualiti antaranya ialah :
 - i. menyediakan platform yang dapat menyatukan para pengusaha tadika yang berbeza latar belakang melalui Majlis Permuafkatan Tadika Selangor (MPTS);
 - ii. melaksanakan Program Skim Tunas Selangor, iaitu program bantuan yuran sebanyak RM50 kepada keluarga yang kurang berkemampuan, ini adalah di antara usaha untuk memastikan semua rakyat Selangor dapat mendedahkan anak-anak mereka kepada Pendidikan awal kanak-kanak;
 - iii. melaksanakan kursus atau program-program latihan kepada para guru yang terlibat dengan pra-sekolah, dengan memberi penekanan kepada modul Pembangunan Modal Insan Selangor; dan
 - iv. menyediakan ruang dan program untuk kanak-kanak menunjukkan bakat dan potensi mereka melalui pelbagai program contohnya seperti Hari Tadika Negeri Selangor.

Jumlah peruntukan yang di peruntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pra sekolah adalah sebanyak RM3 Juta untuk Program Skim Tunas dan sebanyak RM300,000 untuk program pembangunan pra sekolah dan pendidikan awal kanak-kanak.

- b) Program Pendidikan Pra Sekolah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri antaranya ialah :
- i. Program Skim Tunas Selangor
 - ii. Program Hari Tadika Selangor
 - iii. Program pembangunan dan latihan guru-guru pra sekolah di Negeri Selangor.

Program Pra Sekolah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan antaranya ialah :

PRASEKOLAH KPM

- Bantuan makan murid (RM1.80 sehari bagi Semenanjung / RM2.05 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012, Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Kepada Sekolah Berdasarkan Per Kapita Murid)
- Peruntukan PCG Murid (RM100.00/ murid setahun)
- Bantuan Kokurikulum (RM25.00/ murid setahun)
- Bayaran Takaful (RM1.50/ murid setahun)

TABIKA KEMAS

Maklumat tidak diperolehi namun mengikut sumber bantuan diterima adalah seperti bantuan kepada prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

TABIKA PERPADUAN

Maklumat tidak diperolehi namun mengikut sumber bantuan diterima adalah seperti bantuan kepada prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

PERMATA

Pemohon yang menghantar anak ke PERMATA Negara tidak akan dikenakan sebarang yuran kerana ianya merupakan program percuma yang membantu keluarga berpendapatan rendah khususnya.

BANTUAN PENDIDIKAN PRASEKOLAH UNTUK TADIKA SWASTA

1. Bantuan yuran kepada murid tadika dan murid keperluan khas* dari keluarga berpendapatan rendah^ – RM150 atau mengikut kadar tadika.
2. Pengusaha pendidikan prasekolah juga boleh memohon untuk geran sekali sahaja bernilai sehingga RM20,000*. – Tadika Baru
3. Kursus Intensif KSPK Kepada Guru-guru tadika berdaftar KPM.

*(*Tawaran ini terbuka kepada semua pengusaha taska dan prasekolah swasta atau tidak berasaskan keuntungan di seluruh Malaysia.)*

(^Pendapatan per kapita isi rumah tidak melebihi RM700 bagi kanak-kanak taska dan RM800 bagi kanak-kanak keperluan khas)

Semua pengusaha prasekolah berlesen dan tidak berlesen serta NGO digalakkan untuk mendaftar dengan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) agar layak dipertimbangkan untuk mengakses insentif tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : HAL EHWAL WANITA

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan data terkini bagi jumlah ibu tunggal yang telah didaftarkan di negeri ini
- b) Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu ibu tunggal?
- c) Apakah peranan kerajaan negeri terhadap isu penderaan wanita dan kanak-kanak?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Ibu Tunggal yang berdaftar dengan sistem e-Bu adalah seramai **17,167 orang** (data diperolehi setakat Oktober 2014. Sumber dari Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), pengendali sepenuhnya sistem e-Bu).
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah melaksanakan pelbagai usaha-usaha untuk membantu ibu tunggal di Negeri Selangor antaranya ialah melalui bimbingan dan latihan yang telah disediakan serta pinjaman mikro Kredit melalui SKIMSEL dan MIMBAR.

Kerajaan Negeri Selangor juga berhasrat untuk mewujudkan skim-skim yang boleh memberi manfaat kepada ibu tunggal yang akan dirangka mulai tahun 2015.

- c) Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dan mengambil berat soal isu penderaan wanita dan kanak-kanak. Melalui peruntukkan disediakan dibawah Program *One Stop Crisis Centre* (OSCC), kerajaan negeri mengadakan lawatan ke hospital-hospital yang mempunyai unit khas OSCC meninjau pelaksanaan program yang dijalankan dan juga telah menyediakan kit peralatan asas kepada mangsa penderaan.

Kerajaan Negeri juga melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita telah mengadakan kempen-kempen kesedaran Wanita Menentang Jenayah (Womens Against Crime) di seluruh kawasan PBT dan daerah.

Pihak kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan Program Advokasi Gender kepada seluruh wanita, bagi mempertingkatkan ilmu dan pengetahuan dalam menghadapi cabaran hidup.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG
MELAYU DAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISI**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai peruntukan khusus untuk pembangunan infrastruktur?
- b) Berapakah jumlah yang dicadangkan supaya kampung-kampung tradisi mempunyai taraf infrastruktur yang terbaik?
- c) Apakah usaha kerajaan untuk tegak dan selari kan tiang elektrik di kebanyakan kampung tradisi terutama di jalan utama.

JAWAPAN:

a) Dan b)

Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan khusus tahunan untuk pembangunan kampung Melayu dan kampung tradisi di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Peruntukan tersebut disediakan bagi tujuan projek pembangunan luar bandar yang menumpukan kepada kerja-kerja baik pulih kemudahan asas desa dan jalan-jalan kampung di bawah kawalan Pejabat Daerah.

Pelaksanaan projek-projek membina baru / membaikpulih / menaiktaraf pembangunan infrastruktur kampung melayu dan kampung tradisi adalah berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) / Ketua Komuniti, aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah/Tanah dan permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan keperluan dan tahap kritikal sesuatu permohonan projek.

Kerajaan Negeri prihatin terhadap keperluan pembangunan di kawasan luar bandar termasuk kawasan kampung Melayu dan kampung tradisi di Negeri Selangor dan sentiasa komited dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar terutamanya pembangunan infrastruktur dan sosial untuk ditambah baik.

Bagi menunjukkan kesungguhan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khusus setiap tahun sebanyak RM12.9 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur kampung Melayu dan kampung tradisi dan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, bagi tempoh empat (4) tahun; iaitu daripada tahun 2011 sehingga tahun 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah **RM 85,713,559.19 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Lima Juta Tujuh Ratus Tiga Belas Ribu Lima Ratus Lima puluh Sembilan dan Sen Sembilan Belas Sahaja)** dengan melaksanakan **3,263** projek pembangunan infrastruktur seperti pembaikan jalan, longkang dan perparitan, jambatan, balai Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan kampung tradisi, dewan serbaguna serta kemudahan sukan melibatkan sembilan (9) daerah di Negeri Selangor.

Selain penyediaan peruntukan khusus tersebut, Kerajaan Negeri juga sedia mempertimbangkan permohonan dari masa ke semasa sekiranya keperluan pelaksanaan projek pembangunan tersebut adalah mendesak.

- c) Bagi tujuan pengalihan utiliti di kawasan kampung termasuk tiang elektrik, ianya dilaksanakan sekiranya jalan tersebut terlibat dengan kerja-kerja menaiktaraf atau pelebaran jalan sahaja sama ada oleh Pejabat Daerah atau Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, keperluan pengalihan utiliti tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat pembekal utiliti berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : PERUMAHAN DAN HAK MILIK TANAH FELDA DI HULU SELANGOR

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek pecah tanah rumah 2012 oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan Selangor di Sg Tenggi Selatan?
- b) Apakah status permohonan geran peneroka peringkat 6 di Soeharto dan Sungai Tenggi Selatan?
- c) Kenapa tanah yang diambil oleh MB Incorp seluas 1800ekar tidak diagihkan kepada peneroka?

JAWAPAN:

- a) Satu Upacara Pecah Tanah Projek Perumahan 2012 di Sungai Tenggi Selatan telah diadakan pada 28 Oktober 2012 bagi Projek Perumahan Generasi Ke 2 / 3 Felda yang telah disempurnakan oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Projek ini telah dirancang oleh Sekretariat Task Force Felda Negeri Selangor di mana melibatkan pembinaan 60 unit rumah bagi generasi peneroka

Jesteru itu, pihak Sekretariat telah diminta untuk menyelidik serta mendapatkan maklumat bagi perkara ini dan memastikan bahawa projek ini dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar segera.

Walaupun bagaimanapun, pihak sekretariat gagal untuk mengemukakan sebarang status tanah serta laporan penyelidikan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sehingga satu keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang disahkan pada 23 Januari 2013 menyatakan bahawa Kontrak Ahli Sekretariat Task Force Felda Negeri Selangor dihentikan pada 30 Jun 2013.

Sehingga kini tiada sebarang bentuk hakmilik yang dikeluarkan kerana kawasan tersebut belum diwartakan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bagi Felda Sungai Tenggi Selatan.

- b) Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 25/2012 pada 4 Julai 2012 melalui Kertas MMK No. 40/25/2012 telah membuat pertimbangan seperti berikut:
- i) Menolak Permohonan Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 Felda Sungai Tenggi Selatan
 - ii) Meluluskan secara pewartaan di bawah Seksyen 4,5,6 dan 8 Akta GSA 1960 kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan hanya untuk ladang dan penempatan peneroka seramai 139 orang di Felda Sg Tenggi Selatan, Mukim Sungai Tinggi Daerah Hulu Selangor seperti nama di lampiran F seluas lebih kurang 679.97 hektar (1,679 ekar).
 - iii) Meluluskan permohonan secara pemberimilikan kepada Permerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) Felda Sg Tenggi Selatan, Mukim Sungai Tinggi daerah Hulu Selangor seluas leboh kurang 1,128 hektar (2,780 ekar).
 - iv) Disyorkan lulus untuk tapak kilang sawit dan perumahan kakitangan kilang seluas lebih kurang 60 hektar (148.26 ekar) kepada Felda dengan bayaran dan syarat-syarat yang dikenakan.

Proses pengeluaran hakmilik kepada 139 peneroka di Felda Sungai Tenggi ditangguhkan kerana urusan pewartaan di bawah Akta Tanah (GSA 1960) masih belum selesai. Permohonan Ukur (No PU 14/2014) telah dihantar dan penyediaan pelan warta masih di dalam tindakan pihak Jabatan Ukur Dan Pemetaan (JUPEM) pada 9.4.2014.

Manakala di Felda Soeharto pula tiada permohonan hakmilik yang tertangguh di Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor.

- c) Dimaklumkan bahawa tanah Felda Sg. Tenggi Selatan seluas lebih kurang 4,695 ekar yang mana didapati seluas lebih kurang 2,780 ekar adalah berstatus tanah kerajaan Negeri Selangor.

Keputusan MMKN ke 25/2012 pada 4/7/2012 diminit MMKN ke 26/2012 pada 18/7/2012 memutuskan tanah seluas 2,780 ekar tersebut diluluskan secara pemberimilikan kepada MBI dan diusahakan bersama PKPS bagi menaiktaraf sektor penanaman kelapa sawit dengan lebih teratur.

Kerajaan Negeri tidak mengagih-agihkan tanah tersebut kerana peneroka terlebih dahulu telah menerima tanah seluas lebih kurang 1,679 ekar yang diuruskan oleh pihak FELDA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : SEKOLAH TAMIL DESA COALFIELDS

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pembangunan sekolah tersebut telah terhenti. sila huraikan masalah-masalah pembangunan.
- b) Pihak mana sepatutnya bertanggungjawab untuk menyiapkan pembangunan sekolah.

JAWAPAN:

- a) Sekolah Tamil Desa Coalfield merupakan projek pembangunan yang dirancang untuk menjaga dan memberi peluang kepada anak pekerja ladang mendapatkan pendidikan yang sempurna dalam menjamin masa depan mereka.

Perancangan dan pembangunan sekolah tersebut telah terhenti seketika berhubungkait dengan penyelesaian isu penyerahan balik tanah oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri. Isu tanah ini merangkumi semua aspek antaranya adalah permohonan pewartaan daripada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), proses pembangunan dan susun atur serta keperluan tapak yang mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan juga kelulusan – kelulusan berkaitan daripada agensi dan jabatan terlibat sebelum kerja – kerja fizikal di atas tanah dapat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS), Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor (PTDKS), Majlis Daerah

Kuala Selangor (MDKS), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) serta Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) akan memastikan permasalahan yang timbul diselesaikan dengan segera berdasarkan bidang kemahiran masing – masing bagi memastikan projek pembangunan Sekolah Tamil Desa Coalfield dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan.

- b) Sekolah Tamil Desa Coalfield merupakan salah satu projek Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang kepada rakyat Selangor khususnya anak – anak pekerja ladang di Negeri Selangor.

Pembangunan Sekolah Tamil Desa Coalfield ini terletak di bawah seliaan dan bidang kuasa Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR). Pelaksanaan pembangunan sekolah ini akan melalui beberapa fasa pembangunan yang dipantau oleh agensi yang berkenaan. Antara perkara dan aspek yang perlu di dalam pembangunan sesebuah sekolah adalah seperti pelan lokasi, skop projek, keperluan & spesifikasi sekolah, dokumentasi, pemantauan pelaksanaan projek dan juga keperluan – keperluan dalaman sekolah seperti makmal, pondok pengawal, tempat letak kenderaan dan sebagainya.

Bagi memastikan pembangunan projek sekolah ini terlaksana dan mengikut spesifikasi, beberapa siri mesyuarat yang diadakan bersama Kerajaan Negeri dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS), Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor (PTDKS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) serta Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : SUMBER AIR MENTAH

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keberkesanan operasi pengepaman air ke Sungai Selangor dan kos yang terlibat.
- b) Status terkini projek *Hybrid Off River Augmentation System*.
- c) Senaraikan jumlah operasi dan kos pembenihan awan di kawasan tadahan air Empangan Sg Selangor mengikut bulan tahun ini.

JAWAPAN:

- a) Operasi pengepaman air kolam ke Sungai Selangor telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri sebagai langkah untuk memastikan Negeri Selangor mempunyai air mentah yang mencukupi apabila menghadapi musim kemarau kelak. Sebanyak 18 unit pam dengan kapasiti 960 JLH telah ditempatkan di kolam-kolam untuk menjalankan operasi pengepaman air kolam ke Sungai Selangor bagi membantu meningkatkan kapasiti air mentah. Secara tidak langsung, operasi pengepaman ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pelepasan air dari empangan untuk diabstrak oleh loji-loji rawatan air bagi tujuan pemprosesan rawatan air. Sebanyak sembilan (9) kolam-kolam alternatif telah dikenalpasti untuk membantu dalam operasi pengepaman seperti berikut:

- 1) Kolam Hang Tuah
- 2) Kolam Kambing Susu
- 3) Kolam KL-Larut
- 4) Kolam HORAS
- 5) Kolam MBI
- 6) Kolam Kg. Timah
- 7) Kolam Tan Chong

Pada peringkat awal operasi pengepaman dilaksanakan sekitar Jun 2014, kapasiti pengeluaran air kolam yang diperolehi dari kesemua kolam adalah sebanyak 300MLD sahaja. Namun, dengan perancangan rapi dan pemantauan berkala yang dibuat, keupayaan operasi pengepaman telah berjaya mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 800MLD pada 10 Ogos 2014.

Walaubagaimanapun, sepanjang bulan Ogos 2014, Lembangan Sungai Selangor telah menerima taburan hujan yang banyak. Oleh yang demikian, operasi pengepaman air dari kolam ke sungai telah dihadkan pengeluarannya berikutan hujan yang berterusan telah membantu meningkatkan *baseflow* sungai. Pada waktu ini, operasi pengepaman air lebihan sungai ke kolam dilaksanakan bagi mengisi kolam takungan untuk digunakan sewaktu musim kering kelak.

Anggaran kasar bagi kos yang terlibat di dalam keseluruhan operasi pengepaman air sungai adalah sejumlah RM 15 juta merangkumi kos pembelian dan sewaan pam, penggunaan minyak diesel, kos penyenggaraan dan sebagainya.

- b) Projek *Hybrid Off River Augmentation System* atau HORAS telah pun bermula dan diberi milik tapak pada 15 Mac 2014. Bagi memudahkan pemantauan dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri, projek HORAS ini telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut dan ianya dilaksanakan secara berperingkat:

Fasa	Tajuk	Catatan
1	Cadangan Kerja-Kerja Mengorek Dan Menyiapkan Takungan Melalui Konsep Penakungan Air Larian Di Hiliran Sungai Melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Sg Darah, Bestari Jaya	Dilaksanakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)
2	Pakej 1 – Cadangan membina dan menyiapkan kerja-kerja pengukuhan tebing sungai dan tebing kolam takungan melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Sg Darah, Bestari Jaya	Akan ditender
	Pakej 2 – Pembinaan Stesen Pam Air Mentah	Kajian reka bentuk dan pemantauan oleh SMHB Sdn. Bhd.
3	Pakej 1 - Cadangan Kerja-Kerja Mengorek Dan Menyiapkan Takungan Melalui Konsep Penakungan Air Larian Di Hiliran Sungai Melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Hang Tuah, Mukim Bestari Jaya	Dilaksanakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)
	Pakej 2 – Cadangan Membina Dan Menyiapkan Muka Sauk, Pembentong Sambungan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Projek <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Hang Tuah, Mukim Bestari Jaya	Akan ditender

Sehingga 25 September 2014, dilaporkan kemajuan di tapak telah mencapai 19.88% berbanding jadual sebanyak 22.83%. Setakat ini, kerja-kerja pengorekan yang dijalankan oleh KSSB tertumpu kepada kawasan bagi Fasa 1 sahaja. Bagi Fasa 2 dan 3, kerja-kerja masih belum dilaksanakan kerana terlibat dalam proses pengambilan tanah.

Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor telah pun mengemukakan pelan pengambilan balik tanah bagi 141 ekar kawasan yang terlibat dengan pembinaan kolam takungan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor untuk diproses. Dijangka Borang K akan dikeluarkan pada akhir bulan Januari 2015.

Dengan selesainya projek ini, Negeri Selangor akan mempunyai sumber air tambahan sebanyak 600 JLH untuk digunakan sekiranya berlaku musim kemarau yang berpanjangan.

- c) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di kawasan tadahan air Empangan Sungai Selangor bagi meningkatkan kadar intensiti hujan dan seterusnya paras air empangan. Terdapat dua (2) kaedah pelaksanaan operasi pembenihan awan yang telah dijalankan iaitu dengan menggunakan *hygroscopic flare* dengan kerjasama pembekal perkhidmatan yang dilantik, AFJets Sdn. Bhd. dan juga semburan larutan garam (sodium klorida) dengan kerjasama Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Pelaksanaan OPA adalah tertakluk kepada kesesuaian cuaca dan juga kewujudan awan kumululus menara.

Jumlah operasi pembenihan awan yang telah dijalankan di kawasan tadahan air Empangan Sungai Selangor dari Mac sehingga 10 November 2014 ialah sebanyak 191 kali dengan jumlah kos keseluruhan ialah RM 3,467,597.59. Perincian adalah seperti jadual berikut:

Bulan	AFJets		TUDM	
	Bilangan OPA	Kos (RM)	Bilangan OPA	Kos (RM)
Mac	3	Bayaran oleh MKN dan JMM	-	-
April	17	394,268.00	-	-
Jun	15	302819.00	-	-
Mei	8	199,569.00	-	-
Julai	13	245,988.00	-	-
Ogos	36	590,239.00	12	816,270.59
September	18	290,594.00	6	
Oktober	45	627,850.00	3	
November	15	-	-	-
JUMLAH	170	2,651,327.00	21	816,270.59

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 Seri Serdang)**

**TAJUK : PERUNTUKAN INSURAN KESIHATAN UNTUK ADUN DAN PEGAWAI DI
PUSAT KHIDMAT DUN**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah cadangan atau usaha untuk menyediakan insurans kesihatan kepada ADUN-ADUN dan Petugas PKM

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 14/2014 bertarikh 23 April 2014 telah mengarahkan PNSB Insurans Broker menilai dan mengkaji Insurans Perubatan Y.B. Ahli Dewan Negeri berserta tiga (3) orang kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan telah dicadangkan supaya Skim Insurans yang ditawarkan benar-benar bermanfaat kepada semua Y.B. Ahli Dewan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : IKLIM PELABURAN NEGERI

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor-faktor yang mewujudkan iklim kondusif dan boleh menarik pelabur asing?
- b) Sejauh manakah kesan pergolakan politik dan pertukaran Dato Menteri Besar terhadap pelaburan ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh JACTIM & JETRO pada tahun 2013, antara faktor yang mewujudkan iklim kondusif dan boleh menarik pelabur mengikut keutamaan seperti berikut;-
 - a. Faktor kestabilan politik – polisi pelabur yang konsisten.
 - b. Kebanyakan pekerja tempatan yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris memudahkan komunikasi dengan pihak pelabur.
 - c. Polisi pelaburan yang mesra pelabur
 - d. Kemudahan infrastruktur
 - e. Keselamatan
 - f. Persekitaran kediaman yang selesa dan kemudahan pembelajaran bagi anak-anak *Expatriate*.
- b) Secara dasarnya pergolakan politik tidak memberikan impak secara langsung kepada aktiviti pelaburan kerana walaupun berlaku pertukaran tampuk kepimpinan negeri, namun polisi pelaburan masih tetap sama dan tiada berlaku sebarang perubahan.

Dari segi pentadbiran pula tiada isu berbangkit kerana walaupun berlaku pertukaran, urusan-urusan pentadbiran masih berjalan seperti biasa.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui SSIC sentiasa mengadakan pertemuan dengan para pelabur yang melabur di Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas serta membantu menyelesaikan isu yang berbangkit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : PELANTIKAN BADAN PENGURUSAN UPTOWN SEKSYEN 24

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah dan bagaimanakah proses pelantikan badan pengurusan *Uptown* Seksyen 24 yang telah mengalami kebakaran pada 15 Oktober 2014 lalu?

JAWAPAN:

- a) Badan pengurusan Kompleks Muhibah (Uptown) Seksyen 24 Shah Alam yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengawal dan menguruskan operasi Uptown Seksyen 24 Shah Alam adalah Syarikat Dataran Usahawan Selangor Sdn. Bhd (DUS SB).

DUS SB merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Pendaftaran Syarikat 1965, Suruhanjaya Syarikat Malaysia. DUS SB telah menguruskan Uptown Seksyen 24 Shah Alam mulai tahun 2006.

Proses pelantikan DUS SB adalah melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 8/2006 bertarikh 19 April 2006 dan satu Perjanjian Kontrak Pengurusan Kompleks Muhibah Seksyen 24 Shah Alam telah ditandatangani diantara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan pihak DUS SB. Kontrak tersebut telah tamat pada 31 Disember 2012 dan disambung semula mulai 1 Februari 2012 hingga 31 Januari 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

**TAJUK : PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEPADA KUMPULAN DARUL EHSAN
BERHAD (KDEB)**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembayaran pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.2 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) untuk mengambil alih Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB)?
- b) Adakah kerajaan negeri dapat mengutip pinjaman tersebut seperti yang dijanji di sidang bajet tahun lepas?

JAWAPAN:

- a) Pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.20 juta kepada KDEB akan matang pada 28 November 2014.

Pada 13 November 2014, KDEB telah membentangkan cadangan penangguhan dan penyelesaian pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.20 juta kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor ("MTES") yang mana cadangan adalah seperti berikut:-

- (i) Pembayaran balik pinjaman sebanyak RM5.0 juta oleh KDEB pada 28 November 2014; dan
- (ii) Pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah akan ditangguhkan selama satu tahun sehingga 28 November 2015 bagi membolehkan KDEB meneruskan pelan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.

Berikutan daripada perbentangan tersebut, MTES secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan penangguhan dan penyelesaian pinjaman sebanyak RM413.20 juta seperti di atas.

Pembayaran balik baki pinjaman akan diselesaikan melalui opsyen-opsyen berikut (berdasarkan yang mana lebih awal):-

- (i) **Opsyen 1:-**
Penyelesaian baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah melalui terbitan Redeemable Non-Convertible Unsecured Loan Stock

("RULS") pada Oktober 2015 selepas selesai pengambilalihan 100% saham di dalam KHSB.

ATAU

(ii) **Opsyen 2:-**

Penyelesaian baki pinjaman RM408.2 juta berserta faedah melalui hasil penjualan 100% saham KHSB kepada syarikat berkaitan kerajaan negeri dalam sektor hartanah.

Bagi mengurangkan risiko KNS berkenaan pembayaran balik pinjaman, KDEB telah mencadangkan kepada MTES untuk mencagarkan baki saham-saham KHSB yang bebas dari cagaran sebanyak 371,502,285 unit saham iaitu bersamaan 82.56% ekuiti saham di dalam KHSB sebagai sekuriti kepada pinjaman dari KNS. Berikutan itu, KNS akan mempunyai cagaran bernilai RM297.2 juta berdasarkan nilai asset sesaham KHSB sebanyak RM0.80 sesaham pada 31 Disember 2013 bersamaan lebih kurang 72% daripada nilai baki pinjaman.

- b) Pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada KDEB akan matang pada 28 November 2014. KDEB akan membuat pembayaran balik sebanyak RM5.0 juta pada 28 November 2014. Majlis Tindakan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya bertarikh 13 November 2014 secara dasarnya telah meluluskan cadangan KDEB agar pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah akan ditangguhkan selama satu tahun sehingga 28 November 2015 bagi membolehkan KDEB meneruskan pelan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB. Sehingga 31 Oktober 2014, KDEB memegang 94.80% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : KOMPETENSI PENERUSA DAN AHLI-AHLI JKKK

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Penerusa dan Ahli JKKK di seluruh Selangor?
- b) Apakah tugas-tugas utama Penerusa dan Ahli-ahli JKKK?
- c) Apakah rancangan kerajaan dalam memberi latihan agar Penerusa dan Ahli-ahli JKKK mampu menguasai serta menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada orang ramai?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Penerusa dan Ahli JKKK di seluruh Selangor pada masa ini dianggarkan seramai 4,885 orang. JKKK di setiap kampung terdiri daripada seorang Penerusa, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan ahli-ahli yang lain. Pada dasarnya, jumlah keanggotaan JKKK hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya lima (5) orang dan tidak melebihi lima belas (15) orang yang mewakili semua lapisan masyarakat. Komposisi JKKK hendaklah mengandungi perwakilan seperti berikut:
 - i) Nazir Masjid atau Penerusa Surau - 1 Orang
 - ii) Wakil Wanita - 1 Orang
 - iii) Wakil Belia - 1 Orang
- b) Tugas-tugas utama Penerusa adalah mempengerusikan mesyuarat JKKK, bertanggungjawab menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan juga keselamatan kampung dari semasa ke semasa, bertanggungjawab menentukan segala program dan aktiviti-aktiviti yang dirancangan oleh kerajaan berjalan lancar dan sempurna, menjadi penolong penasihat (mengikut mana-mana tatacara dan kaedah yang berkaitan) kepada badan sukarela lain yang ada di dalam kampung seperti Jawatankuasa Masjid/ Surau, Persatuan Belia dan Perkumpulan Wanita.

Tugas-tugas Setiausaha pula ialah memanggil mesyuarat JKKK apabila diperlukan atas arahan Penerusa, menjadi setiausaha mesyuarat JKKK, bertanggungjawab menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat JKKK, bertanggungjawab menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat JKKK serta melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Penerusa JKKK.

Tugas-tugas ahli JKKK yang lain adalah memberi pandangan dan pendapat membina dengan jelas, sentiasa bersedia menerima dan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab termasuk juga mengetuai biro-biro yang ditubuhkan, menghormati pengerusi dan ahli-ahli lain serta keputusan yang diambil, mendapatkan maklumat-maklumat kampung dan memaklumkan kepada Pengerusi dan ahli-ahli lain, melaksanakan tugas-tugas yang diberi oleh Pengerusi atau yang diputuskan di dalam mesyuarat JKKK serta menyimpan RAHSIA mesyuarat.

- c) Rancangan Kerajaan Negeri dalam memberi latihan agar Pengerusi dan Ahli-ahli JKKK mampu menguasai serta menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada orang ramai ialah dengan melaksanakan kursus-kursus dan seminar yang berkaitan iaitu Kursus Penyediaan Minit Mesyuarat Ketua Kampung, Seminar Pemantapan JKKK, Bengkel Kenali Kampungku, Program Sasaran Kerja Tahunan dan sebagainya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menganjurkan Program Ramah Mesra antara YB EXCO bersama-sama Penghulu dan Ketua Kampung bagi memaklumkan tentang dasar-dasar dan program baru Kerajaan untuk disampaikan dan dihebahkan kepada orang-orang kampung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : RIZAB KEWANGAN

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rizab kewangan negeri terkini?
- b) Apakah dasar, prinsip dan strategi negeri terhadap simpanan rizab tersebut?

JAWAPAN:

- a) Rizab kewangan negeri yang terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Oktober 2014 adalah berjumlah RM3,328.03 juta dengan perincian seperti berikut:-

	RM Juta
Wang Awam	
Wang Tunai	113.80
Pelaburan	3,214.23
	<u>3,328.03</u>
Dipegang Bagi :	
Kumpulanwang Disatukan	
Akaun Hasil Disatukan	1,476.31
Akaun Pinjaman Disatukan	11.94
Akaun Amanah Disatukan	1,839.78
	<u>3,328.03</u>

- b) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, rizab kewangan negeri adalah terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah. Lebihan rizab tunai Kerajaan Negeri pada dasarnya adalah

bertujuan untuk mengurus kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan seperti digunakan bagi menampung perbelanjaan defisit, perancangan perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus, menyediakan peruntukan tanpa perlu mencari sumber lain serta dijadikan sumber bagi perbelanjaan luar jangka.

Justeru, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November 2013 telah meluluskan penggunaan rizab negeri bagi projek-projek pembinaan jambatan ketiga Klang sebanyak RM150 juta dan pembinaan rumah mampu milik sebanyak RM100 juta. Program dan projek yang telah dirangka ini adalah sebahagian daripada rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi pembangunan sosio ekonomi rakyat negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

**TAJUK : BAYARAN GRADUITI KEPADA KAKITANGAN MENTERI BESAR
INCORPORATED (MBI) YANG MENAMATKAN TEMPOH
PERKHIDMATAN SEMASA MENTERI BESAR TERDAHULU.**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah keseluruhan bayaran tersebut.
- b) Sila senaraikan nama-nama penerima dan jumlah bayaran yang telah diberikan.
- c) Apakah formula yang digunakan oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) untuk membuat bayaran tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan bayaran tersebut melibatkan implikasi kewangan syarikat sebanyak RM2.3 juta.
- b) Jumlah keseluruhan bayaran tersebut melibatkan implikasi kewangan syarikat sebanyak RM2.3 juta yang melibatkan seramai lapan (8) orang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Utama, Pegawai Kanan dan Pegawai dibawah lantikan MBI seperti berikut :-
 - 1) Cik Faekah Binti Haji Hussin
 - 2) Puan Rohany Binti Dato' Talib
 - 3) Puan Arfa'eza Binti Ab. Aziz
 - 4) Puan Rahimah Binti Kamaruddin
 - 5) Tuan Dr. Sulaiman Bin Masri
 - 6) Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Talib
 - 7) Encik Abdul Halim Bin Mohamed Yusof
 - 8) Tuan Nazuri Bin Tuan Ismail
- c) Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah MBI pada 25hb Ogos 2014, mantan Pengerusi MBI telah bersetuju agar penghargaan dan / atau pampasan yang dibuat bolehlah berpandukan keputusan MMKN pada 3hb September 2014 berkenaan ganjaran para pegawai ahli MMKN yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka. Dalam keputusan, ganjaran yang diberikan adalah berdasarkan pengiraan pada kadar 17.5% daripada satu bulan gaji untuk sepanjang tempoh perkhidmatan yang telah diberikan.

Pihak pengurusan MBI berpendapat kadar yang berlainan lebih sesuai digunakan kerana kesemua pegawai yang terlibat adalah tangga eksekutif dan ke atas dan mencadangkan agar pengiraan dibuat atas kadar pada 30% sebulan untuk sepanjang tempoh perkhidmatan yang telah dijalankan atau sekurang-kurangnya 3 bulan gaji. Kertas Ringkasan berkaitan Penghargaan Perkhidmatan Kepada Lantikan Politik / Kontrak Pegawai Dato' Menteri Besar dan Pengerusi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) ini juga telah dikemukakan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri No. 34 / 37 / 2014 sebagai makluman oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang disediakan oleh mantan Ketua Pegawai Eksekutif MBI. Melalui keputusan dasar Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI tersebut juga bersetuju agar pihak pengurusan mengemukakan beberapa opsyen lain bagi nilai dan perkiraan penghargaan dan / atau pampasan tersebut dalam masa terdekat untuk dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PUSAT TEATER SHAH ALAM

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pusat tersebut ?
- b) Sila nyatakan bagaimanakah Pusat Teater Shah Alam ini dapat menyumbangkan kepada kesenian dan kebudayaan Negeri Selangor ?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan membina Pusat Teater Shah Alam ini menepati prinsip *value for money*?

JAWAPAN:

- a) Melalui cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertarikh 23 Julai 2014 kertas EXCO-MTES No.6/22/2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 29/2014 pada 6 Ogos 2014 telah menimbang dan bersetuju untuk menyerahkan pengurusan Teater Shah Alam kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).Sehubungan itu, pihak PADAT akan menyelaraskan operasi dan pengisian aktiviti penggunaanTeater Shah Alam.

Di pihak Majlis pula proses penyerahan akan dilakukan kepada pihak PADAT pada bulan Mac 2015 setelah program terakhir yang telah dijadualkan lebih awal selesai dilaksanakan. Selepas tarikh tersebut, pihak PADAT akan mengambilalih pengurusan keseluruhan bangunan tersebut.

- b) Di Negeri Selangor masih belum ada lokasi khas bagi penggiat seni dan budaya khususnya penggiat seni teater untuk mempamerkan karya-karya mereka. Golongan ini terpaksa mencari fasiliti dan platform di tempat lain khususnya di sekitar Lembah Klang.

Dengan adanya Teater Shah Alam, ianya memberikan satu kemudahan yang amat dinanti-nantikan bukan sahaja kepada penggiat teater tetapi juga kepada penggiat seni dan budaya di Negeri Selangor untuk mengadakan aktiviti dan program berkaitan.

Teater Shah Alam akan menjadi lokasi tumpuan penggiat seni dan kebudayaan bukan sahaja di Negeri Selangor malahan diharap dapat menarik penggiat seni dari seluruh Negara.

- c) Pembinaan Teater Shah Alam ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri untuk menyediakan fasiliti yang lengkap dan bersesuaian untuk memperkasakan aktiviti seni dan budaya di Negeri Selangor kerana kecemerlangan dan ketamadunan sesebuah Negara bangsa bukan sahaja diukur dari segi pembangunan, kemakmuran dan kepesatan ekonomi sahaja tetap dilihat dari segi perkembangan aktiviti seni dan budaya.

Sehubungan itu, Teater Shah Alam ini merupakan lambang kepada kemajuan dan ketamadunan Negeri Selangor iaitu Negeri yang termaju di Malaysia. Bangunan Teater Shah Alam ini juga dibina sebagai satu fasiliti yang lengkap bagi penggiat seni untuk mempersembahkan idea kreatif dan nilai-nilai seni dan budaya untuk dikongsi dan ditatap oleh komuniti

Selain daripada aktiviti seni dan budaya, Teater Shah Alam juga dibuka untuk aktiviti dan program yang mempunyai nilai-nilai komersial sejajar dengan prinsip *value for money*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini.
- b) Berapakah kerugian kerajaan dalam menguruskan sampah haram.
- c) Berapakah jumlah tapak pelupusan sampah haram yang telah dirampas serta kompaun sejak Pakatan Rakyat memerintah.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan pelan tindakan jangka panjang untuk tempoh tiga (3) hingga empat (4) tahun. Antara tindakan-tindakan yang diambil dalam pelan jangka panjang ini termasuklah:-
 - i. Menggubal Enakmen Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor;
 - ii. Menyediakan Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Negeri Selangor yang akan menentukan kaedah pengurusan dan pelupusan yang efektif dan mengikut kajian kos;
 - iii. Melaksanakan pembersihan awam secara *in-house* di PBT secara berperingkat mulai tahun 2015; dan
 - iv. Menyediakan SOP penyediaan dokumen tender dan proses pelantikan kontraktor kutipan sampah di seluruh PBT.
- b) Anggaran jumlah kerugian PBT dalam menguruskan sampah pukal/haram pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM4,872,175.84**. Sila rujuk jadual di bawah:-

BIL.	PBT	Anggaran Kos Pengurusan Sampah Haram/ Longgok Di Luar Skop kerja Perkhidmatan Kutipan 2014 (RM)
1.	MBSA	31,220.00
2.	MBPJ	630,000.00
3.	MPSJ	338,000.00
4.	MPS	31,521.84
5.	MPKj	1,300,000.00

6.	MPK	1,766,000.00
7.	MPSp	249,700.00
8.	MDKS	250,460.00
9.	MDKL	50,000.00
10.	MDHS	225,274.00
11.	MPAJ	Tiada (Diurus secara in-house)
12.	MDSB	Tiada (Diurus secara in-house)
	Jumlah	4,872,175.84

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- c) Sebanyak tiga (3) notis pemulihan tanah telah dikeluarkan dan tiada tapak pelupusan haram yang dirampas oleh Kerajaan Negeri. Sebelum Pejabat Tanah membuat rampasan tanah di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (KTN), Pejabat Tanah akan mengeluarkan Notis Pemulihan Tanah melalui Notis 7A Seksyen 128 KTN kepada pemilik tanah supaya memulihkan atau membersihkan kawasan tapak tanah tersebut sebelum mengeluarkan Notis 8A KTN untuk rampasan tanah. Jika tiada tindakan dilakukan, barulah rampasan atau pelucuthakan tanah dilakukan (Rujukan: Pejabat Tanah).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PROFAIL KEMISKINAN BANDAR

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah cukai tertunggak bagi tahun 2008 hingga 2014 mengikut PBT?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah cukai tertunggak?

JAWAPAN :

- a) Jumlah cukai taksiran tertunggak meningkat dengan purata 1% setiap tahun. Tunggakan cukai taksiran 12 PBT Negeri Selangor bagi tahun 2014 sehingga September adalah berjumlah RM 271 juta. Berikut jumlah tunggakan cukai taksiran dari tahun 2008 sehingga September 2014 mengikut PBT adalah Seperti berikut:\

PBT	Tahun 2008 (RM JUTA)	Tahun 2009 (RM JUTA)	Tahun 2010 (RM JUTA)	Tahun 2011 (RM JUTA)	Tahun 2012 (RM JUTA)	Tahun 2013 (RM JUTA)	Sehingga September 2014 (RM JUTA)
MBSA	52.11	52.01	51.35	44.56	41.54	41.42	28.71
MBPJ	42.49	41.76	43.64	45.07	43.20	37.59	21.25
MPK	47.97	57.08	41.82	41.69	44.43	49.55	29.12
MPAJ	25.92	30.26	34.28	33.03	38.54	43.68	32.94
MPSJ	50.76	54.92	62.28	63.68	65.25	67.57	58.05
MPS	28.25	23.07	19.51	34.76	30.51	28.74	19.01
MPKj	33.74	36.78	39.58	39.72	41.77	42.89	34.73
MPSp	22.81	20.44	20.41	22.76	23.43	24.01	19.30
MDKS	6.91	9.20	11.92	14.48	12.17	7.81	3.38
MDHS	28.55	23.32	23.73	23.55	22.20	23.75	17.12
MDKL	8.62	10.31	10.08	8.31	7.07	9.01	5.90
MDSB	1.54	1.94	1.92	2.30	2.23	2.13	1.72
JUMLAH	349.72	361.15	360.57	373.97	372.39	378.21	271.29

b) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar kutipan cukai semasa sebanyak 90% dan kutipan tunggakan cukai taksiran sebanyak 70% bagi semua PBT. Selain itu, PBT komited dalam memastikan tunggakan cukai dapat dikutip dengan strategi yang telah dilaksanakan seperti berikut:

- I. Menjalankan “personal approach” bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi.
- II. Mewujudkan Jawatankuasa / Task Force yang berfungsi untuk memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan cukai yang tinggi.
- III. Memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi menggalakkan bayaran tunggakan cukai.
- IV. Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara online.
- V. Menyediakan kaunter bergerak bagi mempermudah bayaran dengan lokasi yang strategik.
- VI. Memperkasakan operasi penyitaan harta secara berkala bagi individu atau syarikat yang tegar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : TABUNG BENCANA ALAM SELANGOR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah dana Tabung Bencana Alam Selangor bagi tahun 2008-2014.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan bencana alam yang disalurkan mengikut pecahan daerah dan insiden bencana alam bagi tahun 2008-2014.
- c) Apakah jenis bencana alam yang boleh dituntut sagu hati di bawah Tabung Bencana Alam?

JAWAPAN:

- a) Jumlah dana yang telah digunakan bagi **Tabung Bencana Khas Negeri Selangor** dari tahun 2008-2014 berjumlah RM 14,472,335.16 dan baki semasa adalah berjumlah RM 5,589,935.65.

Bagi **Tabung Amanah Bencana Alam** pula, baki akaun semasa adalah sebanyak RM 41,511,081.77. Penggunaan kumpulan wang ini tertakluk kepada seksyen 5, wang dalam Kumpulan Wang tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud kecuali bagi maksud yang diperuntukkan oleh Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011.

Berikut disertakan maklumat nilai aset bersih tabung ini sehingga 19 November 2014 :

BUTIRAN	AMAUN (RM)
Tunai di bank	20,815.73
Simpanan tetap	4332,332.79
Faedah deposit dan simpanan tetap terakru	12,933.25
Pelaburan saham amanah	13,145,000.00
Pelaburan mandate pengurusan ekuiti	24,000,000.00
Jumlah keseluruhan	41,511,081.77

Nota :

1. Tiada sebarang liabiliti direkodkan pada tarikh kewangan.
2. Asas perakaunan menggunakan asas tunai ubahsuai dimana pendapatan dan perbelanjaan direkodkan menggunakan konsep akrual. Walau bagaimanapun, pelaburan direkodkan pada nilai kos.

Sumber : Perbendaharaan Negeri Selangor

- b) Berikut adalah jumlah peruntukan bencana alam yang disalurkan mengikut pecahan daerah dan insiden bencana alam bagi tahun 2008-2014 (rujuk **LAMPIRAN A**)
- c) Berikut adalah jenis bencana alam dan kadar yang boleh dituntut di bawah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor :

BIL.	INSIDEN	KADAR
1.	Mangsa banjir, tanah runtuh, ribut	RM 500.00
2.	Mangsa kebakaran a) Musnah sebahagian b) Musnah keseluruhan	RM 250.00 RM 500.00
3.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	RM 1000.00

Sumber : Arahan Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor

LAMPIRAN A

JUMLAH PERUNTUKAN BENCANA ALAM YANG DISALURKAN MENGIKUT PECAHAN DAERAH DAN INSIDEN BENCANA ALAM BAGI TAHUN 2008-2014

DAERAH	JENIS INSIDEN	JUMLAH INSIDEN DALAM TAHUN							JUMLAH PERUNTUKAN PENYALURAN BANTUAN BENCANA ALAM HINGGA MAC 2014 (RM)
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
KLANG	BANJIR	8	4	14		4	3	4	617,9209.90
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT	4	9	10		6	11	6	
	KEBAKARAN	12	10	17		16	16	4	
	LAIN-LAIN								
GOMBAK	BANJIR	2		1	1	3	9		334,989.00
	TANAH RUNTUH	7					1	1	
	RIBUT	6	5	1	4	4	3	8	
	KEBAKARAN		6	1	2	10	17	7	
	LAIN-LAIN								
SEPANG	BANJIR	1	2	2	2	5	1	3	399,582.30
	TANAH RUNTUH					1			
	RIBUT			1	1	1	1		
	KEBAKARAN		1	1	4	1	3	14	
	LAIN-LAIN					1			

DAERAH	JENIS INSIDEN	JUMLAH INSIDEN DALAM TAHUN							JUMLAH PERUNTUKAN PENYALURAN BANTUAN BENCANA ALAM HINGGA MAC 2014 (RM)
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
SABAK BERNAM	BANJIR								249,298.00
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT	20	97	14	21	21			
	KEBAKARAN	11	12	14	11	4			
	LAIN-LAIN								
HULU SELANGOR	BANJIR	1	1		2	4	5	3	301,251.00
	TANAH RUNTUH	1	1						
	RIBUT	1			8	4	12	6	
	KEBAKARAN	1		4	4	4	9	1	
	LAIN-LAIN								
HULU LANGAT	BANJIR		1		1	1		5	5,075,935.56
	TANAH RUNTUH				1			1	
	RIBUT							22	
	KEBAKARAN								
	LAIN-LAIN								
KUALA SELANGOR	BANJIR						1	1	469,157.40
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT						12	9	
	KEBAKARAN						8	8	
	LAIN-LAIN							4	

DAERAH	JENIS INSIDEN	JUMLAH INSIDEN DALAM TAHUN							JUMLAH PERUNTUKAN PENYALURAN BANTUAN BENCANA ALAM HINGGA MAC 2014 (RM)
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
KUALA LANGAT	BANJIR	1	11	1	1	2	1		1,180,322.00
	TANAH RUNTUH				1				
	RIBUT		2	4	5	6	7	10	
	KEBAKARAN		28	6	3	6	10	4	
	LAIN-LAIN	1	4			23	1	9	
PETALING	BANJIR	4	2	3	2		1		282,590.00
	TANAH RUNTUH								
	RIBUT	5	4	11	7	3	4	9	
	KEBAKARAN	3	8	8	8	16	7	11	
	LAIN-LAIN								

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

TAJUK : MASALAH JALAN-JALAN DI BAWAH KAWALAN JKR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan jalan-jalan di Negeri Selangor di bawah kawalan JKR kini berada dalam keadaan yang teruk dan berlubang-lubang, contohnya Jalan Banting, Pandamaran. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki dan menurap jalan-jalan JKR tersebut?

JAWAPAN:

- a) Rancangan kerajaan negeri adalah :-
- i. Melaksanakan 50% kerja selenggaraan jalan negeri secara kontrak berpusat diperingkat JKR Negeri mulai Mac 2015.
 - ii. Penilaian kerosakan pavement jalan akan dilaksanakan oleh kontraktor pakar mulai Januari 2015 bagi tujuan kerja-kerja pembaikan jalan.
 - iii. Senarai jalan-jalan yang akan dibaiki telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : KELEWATAN BAYARAN MANFAAT BULANAN SKIM MES TUNAS

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah bayaran bulanan masih berlaku kelewatan sehingga 2 bulan?
- b) Adakah semakan semula kelulusan dibuat atas pemohon sama setiap bulan?
- c) Bebanan kepada pengusaha Tadika. Bolehkah bayaran secara 3 fasa setahun tanpa lewat sebelum tamat penggal sekolah?

JAWAPAN:

RMSB

- a) Tidak berkaitan.
- b) Semua permohonan yang telah diluluskan tidak lagi menjalani proses semakan semula kelulusan setiap bulan. Kelulusan hanya dibuat sekali sahaja. Bagi pemohon yang layak dan berjaya, bayaran akan bermula pada bulan permohonan mereka diluluskan untuk satu-satu tahun. Bayaran akan dibuat setiap bulan sehingga ke bulan November tahun tersebut.
- c) Tidak berkaitan.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

- a) Kelewatan pembayaran belaku untuk pembayaran bulan September sehingga November. Ini kerana permohonan pembayaran yang dibuat adalah secara pukal untuk tiga bulan. Namun begitu pihak pentadbiran sedang mempercepatkan proses pengeluaran cek dan dijangka akan selesai sebelum akhir tahun.
- b) Semakan kelulusan yang dibuat adalah berbeza untuk setiap bulan, bergantung kepada senarai nama tadika yang telah dibekalkan oleh pihak Rangkaian Mesra Sendirian Berhad (RMSB) kepada Kerajaan Negeri.
- c) Cadangan ini akan dipertimbangkan, ini kerana Kerajaan Negeri terikat dengan prosedur pembayaran hanya akan dibuat selepas suatu perkhidmatan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : JUALAN MINUMAN KERAS

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan lesen penjualan minuman keras di Selangor?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan dari 2008 hingga 2014?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri sekiranya peniaga tidak mematuhi syarat penjualan minuman keras?

JAWAPAN:

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- a) Dimaklumkan bahawa pemohon baru lesen penjualan minuman keras perlu mengemukakan dokumen yang disenaraikan dalam senarai semak seperti di lampiran 2 dua bulan sebelum bermulanya penggal baru. Pemohon juga dikehendaki membuat iklan di surat khabar mengenai cadangan perniagaan tersebut bagi mendapatkan maklumbalas orang awan sekiranya terdapat sebarang bantahan,

Setiap permohonan yang lengkap tanpa sebarang bantahan daripada orang awam akan diterima dan dikemukakan kepada pihak Kastam, PBT dan juga Pihak Jabatan Kesihatan Daerah.

Surat maklumbalas permohonan tersebut akan diperolehi daripada pihak Kastam manakala Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Jabatan Kesihatan akan memberi maklumbalas terperinci semasa mesyuarat Lembaga pelesenan diadakan iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Pengerusi Lembaga Pelesenan akan meluluskan permohonan setelah mendapat sokongan dan persetujuan daripada semua pihak (termasuk Ahli Lembaga Pelesenan, pihak Polis, dll). Surat kelulusan daripada Pejabat Daerah dikeluarkan kepada pemohon untuk mendapatkan Lesen Menjual Minuman Keras dengan kadar bayaran yang telah ditetapkan di Akta Eksais 1976

- b) Berikut adalah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan dari 2008 hingga 2014 mengikut daerah : (sila rujuk Lampiran 1)
- c) Pihak Berkuasa Tempatan akan mengadakan lawatan ke premis perniagaan minuman keras dari masa ke semasa bagi memerhati dan memantau keadaan disekitar premis tersebut dan juga memastikan penjual mengikut syarat-syarat perniagaan sepanjang waktu perniagaan.

Sekiranya terdapat sebarang aduan daripada orang awam, pihak Pejabat Daerah/ Tanah bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Kastam akan membuat lawatan ke premis tersebut. Pihak kastam akan membuat rampasan dan kompaun terhadap peniaga yang tidak mengikut syarat perniagaan berdasarkan Akta Eksais 1976. Pihak Berkuasa Tempatan juga akan bertindak untuk menyita premis serta merampas barangan/produk peniaga yang tidak mematuhi syarat-syarat perniagaan.

LAMPIRAN 1

PTD	Jumlah Permohonan Penjualan Minuman Keras													
	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014	
	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus
Klang	414	252	386	326	385	323	394	323	393	346	392	346	406	367
Petaling	750	716	760	716	780	756	745	736	860	844	730	714	670	657
Kuala Langat	5	3	6	3	5	1	3	2	5	5	5	4	1	1
Hulu Langat	0	0	126	115	241	226	269	247	0	0	290	271	273	35
Sabak Bernam	35	30	38	30	42	30	42	31	41	32	34	32	18	16
Kuala Selangor	41	41	45	45	50	45	45	45	46	46	45	45	49	48
Gombak	7	72	12	126	14	101	6	139	14	157	16	146	6	153
Hulu Selangor	56	56	56	56	56	56	56	62	62	62	62	62	62	62
Sepang	5	2	4	4	3	3	5	3	12	7	12	6	10	8
JUMLAH	1313	1172	1433	1421	1576	1541	1565	1588	1433	1499	1586	1626	1495	1347

PEJABAT DAERAH/ TANAH PETALING

- a) Untuk permohonan baru, pemohon mesti mendapatkan lesen perniagaan dan hiburan dari PBT terlebih dahulu, perlu diwartakan dalam suratkhobar dan perlu mengikut checklist yang disediakan oleh Pihak Pejabat Tanah. Selepas itu permohonan tersebut akan diproses dan dihantar kepada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Polis, Pihak PBT dan Jabatan Kastam. Jabatan Teknikal akan membuat semakan terhadap permohonan tersebut. Seterusnya permohonan tersebut akan dibincangkan dalam Mesyuarat Pelesenan yang akan diadakan 4 kali setahun. Manakala permohonan pembaharuan juga akan dihantar kepada Jabatan Teknikal dan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Pelesenan. Selepas Mesyuarat surat akan dihantar kepada pemohon samaada lulus atau tidak.

b) P D/T Petaling

JUMLAH PERMOHONAN MINUMAN KERAS													
2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014	
Terima	lulus	Terima	lulus	Terima	lulus	Terima	lulus	Terima	lulus	Terima	lulus	Terima	lulus
750	716	760	716	780	756	745	736	860	844	730	714	670	657

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 Sri Muda)**

**TAJUK : BANYAK TEMPAT TUMPUAN PELANCONG SERING DIABAIKAN
PENYENGGARAANNYA.**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan khusus bagi pembangunan pelancongan negeri dari 2008-2013 dan peruntukan yang dikhususkan untuk pembiayaan penyenggaraan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan khusus bagi tujuan pembiayaan penyenggaraan kerana kerja-kerja penyenggaraan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau agensi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan pembangunan bagi menaik taraf produk pelancongan yang kebiasaannya digunakan bagi menaik taraf kemudahan di tempat pelancongan. Tujuan penyenggaraan produk-produk pelancongan negeri adalah untuk memastikan kemudahan serta infrastruktur pelancongan negeri berada dalam keadaan baik, selesa dan lengkap bagi menjaga imej Kerajaan Negeri. Berikut adalah jumlah peruntukan pembangunan pelancongan negeri dari tahun 2008 sehingga 2013:

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2008	500,000.00
2.	2009	900,000.00
3.	2010	500,000.00
4.	2011	4,000,000.00
5.	2012	2,500,000.00
6.	2013	2,500,000.00
7.	2014	2,500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		13,400,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : PERLANTIKAN PENYELIA WANITA BERDAYA

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pelantikan penyelia wanita berdaya (PWB) akan dilaksanakan?
- b) Berapa elaun atau gaji bulanan yang akan dibayar kepada PWB?
- c) Apakah KPI atau sasaran kerja setiap PWB yang dilantik?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal wanita Dan Keluarga masih dalam proses penyediaan kertas kerja penambahbaikan PWB termasuk isu perlantikan penyelia.
- b), c) Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) kini dalam proses penyediaan kertas cadangan penambahbaikan program PWB yang akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dalam masa terdekat. Oleh yang demikian isu pelantikan, jumlah gaji dan KPI penyelia adalah tertakluk kepada kelulusan MMKN tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

**TAJUK : PENJELASAN KEBENARAN ISU SABOTAJ DAN GENGSTERISM DI LOJI
TAKUNGAN AIR DAN CARA TANGANINYA.**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kebenaran wujud unsur sabotaj dan gengsterism di loji-loji takungan air pada Hari Raya Aidilfitri lepas dan bagaimanakah perkara tersebut ditangani?

JAWAPAN:

- a) Sewaktu operasi pengepaman air kolam dijalankan bagi membantu menambah kapasiti sumber air mentah, terdapat beberapa insiden sabotaj telah dilaporkan oleh para petugas dari Lembaga urus Air Selangor (LUAS), Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS Negeri). Berikut merupakan ringkasan insiden yang berlaku:

Tarikh / Masa	Lokasi kejadian	Butiran
1 Okt 2014 1.00 – 2.00 pagi	Kolam Takungan MBI	Kejadian berlaku di Kolam Takungan MBI yang mana operasi pengepaman dioperasikan oleh pihak KSSB. Pihak operator seramai dua (2) orang didatangi dan diugut oleh tiga (3) orang yang tidak dikenali dengan parang. <i>Starter</i> pam telah dicuri dan beberapa wayar utama pam dipotong dan telah mengakibatkan kegagalan pam untuk berfungsi.
11 Sept 2014 11.00 malam	Kolam Kambing Susu C	Petugas KSSB melaporkan kunci pam enjin telah hilang dari milikan. Perkara tersebut disedari sewaktu operasi pengepaman hendak dimulakan. Bilangan pam yang terlibat adalah sebanyak dua (2) pam. Dilaporkan kunci tersebut telah dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tarikh / Masa	Lokasi kejadian	Butiran
4 Sept 2014 4.00 – 6.30 petang	Kolam Tan Chong	Pam yang dioperasikan oleh KSSB telah mengalami kemusnahan. Dilaporkan paip tersebut telah dibakar oleh pihak pihak yang tidak bertanggungjawab. Laporan polis telah dibuat di Balai Polis Rawang.
30 Ogos 2014 6.30 petang	Kolam Takungan MBI	Sewaktu rondaan dibuat, petugas mendapati satu (1) pam yang dioperasikan oleh JPS Negeri telah mengalami kerosakan seperti berikut: <i>Wiring</i> pam rosak Bateri hilang Radiator tersumbat <i>Switch board</i> hilang Minyak pada tangki dicuri

Satu bilik gerakan pemantauan bekalan air yang beroperasi selama 24 jam telah diwujudkan bagi menyelaraskan segala aktiviti dan laporan berhubung operasi pengepaman di tapak. Wakil daripada LUAS, KSSB, JPS Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Unit Bencana Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama mengambil tanggungjawab untuk memantau dan melaporkan segala maklumat dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah yang timbul di tapak.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menambah bilangan pasukan peronda yang terdiri daripada anggota RELA, anggota polis bantuan dan penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu kawalan keselamatan pam-pam serta para petugas yang terlibat dalam operasi pengepaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : BIDANG PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah fokus bidang perindustrian dan perdagangan negeri?
- b) Bagaimanakah potensi bidang perindustrian dan perdagangan di tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Dalam menggalakkan pertumbuhan sektor perindustrian di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri memfokus kepada beberapa industri seperti (dengan izin):-
 - i. **Electrical & Electronic Industry**
 - 1. *Consumer Electronics*
 - 2. *Electronic Components*
 - 3. *Industrial Electronics*
 - 4. *Electrical Products*
 - ii. **Life Sciences Industry**
 - 1. *Biotechnology*
 - 2. *Pharmaceuticals*
 - 3. *Medical Devices*
 - iii. **Transport Equipment**
 - 1. *Automotive*
 - 2. *Aviations/MRO*
 - iv. **Machinery & Engineering**
 - v. **Food Industry**
 - 1. *Raw Materials*
 - 2. *Food & Beverages*
 - 3. *Dairy Products*

Manakala dalam sektor perdagangan, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan untuk membantu syarikat-syarikat PKS tempatan untuk:-

- i. mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa.
- ii. Menggunapakai kemudahan IT dalam operasi perniagaan seperti *e-commerce* agar syarikat dapat berdaya saing.
- iii. Menggalakkan perniagaan bagi menjadikan Negeri Selangor sebagai Pusat Perdagangan (*Trade Centre*)

- b) Buat masa ini, SSIC Berhad tidak dapat memberi tindak balas terhadap pertanyaan ini kerana data ekonomi di Selangor dan Malaysia tidak mudah diperolehi. Selain itu, data-data tersebut tidak diselaras di antara agensi-agensi dan organisasi-organisasi kerajaan. Sehubungan dengan itu, SSIC Berhad mengambil inisiatif dengan lebih proaktif untuk memperkukuhkan pengumpulan data ekonomi di Selangor pada masa akan datang bagi memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi dan promosi pelaburan di Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : TRAFIK DAN PENGURUSAN LALULINTAS

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memperbaiki sistem pengurusan trafik menerusi Pelan Induk Pengurusan Trafik Selangor
- b) Minta nyatakan status terkini projek lebuh raya bermasalah seperti projek lebuh raya KIDEX
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan jaringan pengangkutan yang mengutamakan kepentingan rakyat

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memohon pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor untuk menjalankan kajian *Transit Oriented Development* (TOD) dalam merangka pembangunan berorientasikan transit di Negeri Selangor. Manakala Pelan Induk Pengurusan Trafik Selangor belum dirangka untuk pelaksanaan memandangkan kajian TOD akan lebih menyeluruh serta merangkumi aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalan raya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor. Kajian Impak Lalulintas (TIA) juga merupakan kaedah yang digunakan bagi mengenalpasti tahap kesesakan jalan raya. Laporan kajian akan memberi beberapa penyelesaian alternatif atau penambahbaikan untuk mengatasi masalah pengurusan lalu lintas yang dijalankan.

(Jawapan kepada pertanyaan berkaitan status terkini projek lebuh raya di Negeri Selangor termasuk projek lebuh raya KIDEX telah dijawab bersekali dengan pertanyaan daripada Y.B Bukit Gasing, Y.B Batu Tiga, Y.B Pelabuhan Klang dan Y.B Sungai Panjang oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor)

- b) Projek lebuh raya Kinrara-Damansara *Expressway* (KIDEX) belum dimuktamadkan pelaksanaannya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah meminta dan menetapkan pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) supaya terus mengadakan dialog, perbincangan ataupun *Town Hall Meeting* bagi berkongsi semua maklumat berhubung perancangan ini dan ia mestilah dikemukakan kepada semua *stakeholders*.

Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuhraya di Negeri Selangor seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2015 dengan syarat-syarat ketat seperti berikut:

- i. Penswastaan hendaklah meletakkan keutamaan atau kepentingan rakyat kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.
- ii. Kerajaan Negeri juga akan mendesak pihak-pihak yang membangunkan mana-mana lebuhraya untuk membentangkan kadar pulangan setiap lebuhraya termasuklah kadar tol; dan
- iii. Kos juga perlu mengambil kira *international risk and return reward*.
- iv. Pandangan dan pendapat awam serta pihak berkepentingan (*stakeholders*) diambilkira dan diberi pertimbangan sebelum keputusan muktamad oleh pihak Kerajaan Negeri.

Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
 - ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
 - iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal;
 - iv. Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan *Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)*.
- c) Kerajaan Negeri berusaha melaksanakan projek-projek pembangunan yang seiring dengan penyediaan jaringan pengangkutan awam untuk memberi kemudahan kepada rakyat. Kerajaan Negeri juga sentiasa terbuka untuk menerima cadangan bagi pembinaan jaringan lebuhraya yang dapat menghubungkan antara lebuhraya dan jalan raya sedia ada selagi ia mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan disamping memberi kelebihan dan faedah kepada negeri dan rakyat. Pelaksanaan jaringan pengangkutan yang mantap dan mengutamakan kepentingan rakyat akan menjadi asas kepada perancangan sistem pengangkutan awam di seluruh Negeri Selangor. Komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan lagi taraf sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : KONSEP *FIRST-IN-FIRST-OUT* DALAM PENGURUSAN TANAH

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan telah memperkenalkan konsep "*First-In-First-Out*" (FIFO) dalam pengurusan tanah beberapa tahun dahulu. Bagaimana konsep ini diterjemahkan ke dalam carta aliran kerja di setiap PDT dan PTGS?
- b) Apakah mekanisme-mekanisme untuk semak dan pantau keberkesanan pelaksanaan konsep ini?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) telah melaksanakan Konsep "*First-In-First-Out*" (FIFO) bagi setiap permohonan tanah yang diterima daripada pemohon. Setiap permohonan lengkap yang diterima akan diberikan nombor perserahan dan permohonan yang diterima awal akan diproses terus mengikut giliran terdahulu.
- b) Pelaksanaan Konsep FIFO dipantau melalui sistem fail dengan memastikan setiap permohonan selesai mengikut tempoh dan Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : PENCEMARAN

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah komitmen kerajaan untuk mengatasi pencemaran kualiti air, udara dan bau khususnya di sungai-sungai dan pantai-pantai?
- b) Berapakah kos yang telah diperuntukkan dan dibelanjakan bagi melaksanakan program pemulihan alam sekitar?
- c) Apakah kerajaan berjaya memelihara kawasan hutan simpan di Selangor dari dicerobohi?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi pencemaran kualiti air, udara dan bau di sungai-sungai dan pantai-pantai yang mana berpunca dari pelepasan buangan dari aktiviti industri, perniagaan dan komersil, pelepasan kumbahan serta pembuangan sisa pepejal, Kerajaan Negeri mempunyai komitmen yang tinggi di dalam menyelesaikan masalah pencemaran tersebut dengan mengambil langkah-langkah sewajarnya, antaranya melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:
 - i. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi kawalan pencemaran air, udara dan bau di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya oleh Jabatan Alam Sekitar. Selain dari itu, agensi-agensi lain juga turut menguatkuasakan undang-undang di bawah bidangkuasa mereka seperti Akta Kerajaan Tempatan, 1974 (Akta 133) di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Enakmen Lembaga Urus Air Selangor, 1999 di bawah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Kanun Tanah Negara, 1965 di bawah Pejabat Tanah dan Daerah, Akta Perhutanan Negara, 1984 di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Enakmen Peladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor;
 - ii. Jabatan Alam Sekitar menjalankan program penguatkuasaan berjadual ke atas kilang-kilang yang dikenalpasti berisiko melakukan pencemaran air atau udara bagi memastikan kilang-kilang tersebut sentiasa mematuhi peraturan;

- iii. Jabatan Alam Sekitar serta lain-lain agensi berkaitan juga turut menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku aktiviti yang boleh mengakibatkan pencemaran kepada kualiti air, udara dan bau di sungai-sungai dan pantai-pantai Negeri Selangor bagi pengesanan awal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran;
 - iv. Selain dari itu, aktiviti program pendidikan dan kesedaran kepada orang awam, pihak industri, para petani dan pihak-pihak yang berkepentingan dilaksanakan seperti mengadakan seminar, bengkel, ceramah dan pameran bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti yang boleh menyumbang kepada pencemaran kepada kualiti air, udara dan bau; dan
 - v. Untuk makluman, dari 1 Januari 2014 – 17 November 2014 Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima sebanyak 2,023 aduan yang terdiri daripada aduan pencemaran air termasuklah pencemaran badan air seperti sungai atau pantai, udara, bunyi bising, buangan sisa pepejal dan lain-lain. Pada tempoh tersebut, tindakan undang-undang yang telah diambil kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ialah sebanyak 87 kes telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah di mana 63 kes adalah bagi kesalahan pencemaran air dan udara manakala tindakan kompaun ialah sebanyak 528 kompaun telah dikeluarkan.
- b) Untuk makluman ahli yang berhormat, Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar memperuntukan RM 450,000.00 setahun bagi melaksanakan program pemulihan alam sekitar dan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran kepada orang awam dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar. Manakala mulai tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar memperuntukan RM 1,000,000.00 setahun untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan pemulihan dan pendidikan alam sekitar.
- c) Ya, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) pada masa kini masih mengekalkan 70 buah hutan simpan di dalam Hutan Simpanan Kekal dan telah diwartakan di seluruh Negeri Selangor dengan jumlah keluasan lebih kurang 250,129 ha atau pun 31.54% daripada keluasan Negeri Selangor dan Jabatan Perhutanan juga telah berjaya mewartakan Taman Warisan Negeri Selangor seluas 93,001.84 ha dan tiada pewartaan keluar HSK semenjak tahun 2012 hingga masa kini. Disamping itu, pada masa kini Jabatan Perhutanan mengambil langkah proaktif di dalam menyelesaikan masalah pencerobohan rizab hutan seperti berikut:-

i) Rondaan Berkala

Jabatan Perhutanan menjalankan rondaan di sepanjang sempadan di luar-luar hutan simpanan kekal. Tumpuan diberikan terhadap kawasan-kawasan yang berhampiran dengan penempatan.

ii) Pemantauan Udara

Jabatan juga menjalankan pemantauan udara untuk mengenalpasti secara menyeluruh kawasan-kawasan yang berkemungkinan berlaku pencerobohan hutan.

iii) Pemantauan melalui imej satelite

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSSM) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan sistem yang dikenali sebagai '*Forest Monitoring Using Remote Sensing*' (FMRS). Dalam sistem ini, pemantauan kawasan '*hot-spot*' dan sebarang kes dikesan melalui perubahan imej satelite. Kawasan ini dibuat diperingkat Unit Penguatkuasaan dan Pegawai-pegawai Hutan Daerah.

iv) Program Kesedaran

Jabatan Perhutanan juga melaksanakan penerangan-penerangan dengan memberi input mengenai elemen-elemen kesalahan hutan dari masa ke semasa mengikut program yang telah ditetapkan. Penglibatan aktif dari masyarakat di sekitar hutan simpanan kekal. Penubuhan Persatuan Pertubuhan Sahabat Hutan Paya Gambut Selangor Utara (SHGHU).

Selain dari langkah-langkah yang dijelaskan sebelum ini, Jabatan juga telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengurangkan kejadian pencerobohan hutan.

- Membina Penghadang/ 'boom-gate' pada jalan masuk ke kawasan-kawasan yang sensitif dan terdedah kepada pencerobohan. Ianya dipantau dari semasa ke semasa.
- Jabatan juga mengambil tindakan penguatkuasaan dengan memusnahkan tanaman-tanaman serta menjalankan program tanaman semula dengan pokok-pokok hutan menggunakan peruntukan tahun semasa. Bagi kawasan-kawasan yang baru dikesan, Jabatan mengeluarkan notis terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil.

Maklumat tambahan daripada Jabatan Alam Sekitar:

1. Undang-undang berkaitan kawalan pencemaran air dan udara di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah seperti berikut:-
 - i. Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berkaitan larangan pencemaran udara;
 - ii. Seksyen 24, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berkaitan larangan pencemaran ke atas tanah;
 - iii. Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berkaitan larangan pencemaran ke dalam sungai;
 - iv. Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berkaitan larangan pembakaran terbuka;
 - v. Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berkaitan larangan pelupusan haram buangan terjadual;
 - vi. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977;
 - vii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978;
 - viii. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987;
 - ix. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989;
 - x. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
 - xi. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan
 - xii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SAMPAH DAERAH HULU LANGAT

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap bantahan penduduk yang tidak membenarkan tapak pelupusan sampah di Sungai Lalang Semenyih?
- b) Di manakah cadangan tapak pelupusan sampah yang baru di Daerah Hulu Langat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri masih dalam proses untuk mengkaji pilihan-pilihan terbaik dalam menangani masalah tapak pelupusan sampah di Semenyih. Tapak pelupusan sampah sedia ada pada masa ini adalah di Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong 12. Namun begitu, tapak ini terlalu jauh dan menyebabkan peningkatan kos kepada syarikat pengurusan sampah di kawasan Hulu Langat. Pihak MPKj telah menandatangani perjanjian konsesi bersama Syarikat Recycle Energy Sdn. Bhd. (RESB) pada tahun 2004. Namun begitu, sehingga kini syarikat tersebut masih gagal untuk membuktikan keberhasilan teknologi yang digunapakai dan sumbangannya dalam menangani isu sampah di Hulu Langat ini.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses membuat tinjauan tapak pelupusan sampah di Sungai Lalang. Namun begitu, Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa pemilihan dan pembinaan tapak pelupusan ini akan melalui proses-proses yang ketat yang melibatkan ulasan dan kebenaran dari pelbagai jabatan antaranya Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri sedang mengkaji pilihan untuk membangunkan sebuah stesen pemindahan (*transfer station*). Objektif utama stesen pemindahan ini adalah untuk mengurangkan kos penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan dan bagi mengatasi masalah jadual kitaran kutipan pihak kontraktor MPKj yang terjejas akibat durasi perjalanan yang jauh.

- b) Kerajaan Negeri bercadang untuk membina tapak pelupusan sampah yang baru di Sungai Lalang bagi menangani masalah sampah di Hulu Langat. Cadangan sedia ada adalah di tanah seluas 50 ekar bersebelahan Kampung Sg. Lalang, Semenyih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 Seri Andalas)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN, LONGKANG, PEMBERSIHAN RUMPUT
MILIK JABATAN KERJA RAYA DAN JABATAN PARIT DAN SALIRAN**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan mengatasi masalah penyelenggaraan jalan, longkang, pembersihan rumput milik Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Parit Dan Saliran (JPS) yang kadang-kadang berkeadaan tidak terurus sehingga mengaibkan Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak PBT contohnya MBSA akan menghantar surat yang disertakan bersama laporan bergambar dan notis amaran yang dikeluarkan di bawah Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang meminta pihak terbabit mengambil tindakan pembersihan dalam tempoh yang telah ditetapkan di dalam notis tersebut. Secara alternatif Majlis juga boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pemantauan dari masa ke semasa turut dijalankan dlapangan bagi menyelesaikan aduan awam yang diterima. Selain itu, forum berkala turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang diadakan pada setiap bulan bersama beberapa jabatan berkaitan seperti JKR dan JPS oleh pihak MPK bagi membincangkan isu berbangkit termasuklah masalah penyelenggaraan jalan, longkang, pembersihan rumput milik Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Parit Dan Saliran (JPS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : STATUS UNISEL DAN SKIM BERI INSENTIF KEPADA MAHASISWA

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim penaja yuran yang ditawarkan oleh UNISEL dan syaratnya
- b) Sejauh manakah skim tawaran UNISEL membantu mahasiswa Selangor?
- c) Berapakah mahasiswa yang dapat suguhati Mahasiswa Kerajaan Selangor setakat Oktober 2014, terutamanya DUN Teratai?

JAWAPAN:

a)

(i) Skim penaja yuran yang ditawarkan oleh unisel dan jumlah pelajar yang menerima penajaan tersebut setakat jun 2014;

(ii) Syaratnya – Terpulang kepada pihak penaja samada penajaan berupa pinjaman atau biasiswa

BIL	JENIS BIASISWA	JUMLAH
1	PERBADANAN TABUNG PENGAJIAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	2900
2	BIASISWA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA	6
3	DANA PENDIDIKAN KARANGKRAF	110
4	JPA SABAH	10
5	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA	23
6	KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA	29
7	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	6
8	LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	437

9	MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	801
10	MALAYSIAN INTERNATIONAL SCHOLARSHIP (MIS)	1
11	PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS)	2
12	PERKESO	11
13	PERMODALAN NASIONAL BERHAD	3
14	S.U.K PULAU PINANG	2
15	S.U.K SELANGOR	45
16	YAYASAN PELAJARAN JOHOR	4
17	YAYASAN SELANGOR	127
18	YAYASAN TELEKOM MALAYSIA	1
19	YAYASAN TERENGGANU	1
20	YEMEN EMBASSY	1
JUMLAH KESELURUHAN		4520

- b) UNISEL tidak menawarkan apa-apa bentuk biasiswa atau pinjaman. Semua penajaan adalah dari organisasi- organisasi daripada kerajaan Persekutuan atau agensi-agensi kerajaan-kerajaan negeri seluruh Malaysia.
- c) UNISEL tidak mempunyai rekod bilangan mahasiswa yang mendapat saguhati berkenaan. Sila Y.B Teratai rujuk pada pihak SUK yang memberi saguhati Mahasiswa Kerajaan Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA AGAMA

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi merapatkan lagi jurang kefahaman antara agama bagi mempertingkatkan lagi suasana saling menghormati?

JAWAPAN:

- a) Usaha-usaha yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi merapatkan lagi jurang kefahaman antara agama adalah dengan menganjurkan Program Perayaan bagi setiap agama secara terbuka bagi membolehkan semua masyarakat di Negeri Selangor dapat bersama-sama merasai dan memahami budaya agama yang lain. Ini akan meningkatkan rasa hormat menghormati antara kaum kerana masing-masing mempunyai cara tersendiri untuk menyambut hari kebesaran masing-masing.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengadakan satu perjumpaan bersama semua ketua keagamaan di Negeri Selangor untuk mendapatkan kesepakatan hal-hal berkaitan keagamaan.

Bagi usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam pula adalah menyalurkan peruntukan kepada semua jenis rumah Ibadat Selain Islam termasuk kepada Persatuan-Persatuan yang menguruskan rumah ibadat tersebut. Sehingga Oktober 2014, sebanyak RM2,440,600 telah disalurkan kepada 231 buah rumah ibadat bagi menjalankan aktiviti keagamaan serta baikpulih bangunan ibadat. Peruntukan ini disalurkan adalah khusus untuk aktiviti sambutan perayaan, aktiviti pendidikan agama dan bantuan pengajaran dan pembelajaran keagamaan dan seumpamanya.

Selain itu juga, peruntukan ini untuk membantu baikpulih kerosakan bagi memberi keselesaan dan kemudahan yang kondusif kepada penganut tersebut semasa menjalankan aktiviti keagamaan.

Jawatankuasa HESI juga mempertimbangkan bangunan Ibadat selain Islam yang terletak diatas tanah Kerajaan bersesuaian dengan penggunaannya atas syor daripada jabatan teknikal seperti Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan serta mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap isu seperti keperluan tapak perkuburan kubur selain Islam dimana satu garis panduan sedang dibangunkan bagi memantau perkara berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : PERUBATAN PERCUMA WARGA EMAS

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik terkini pemberian khidmat perubatan percuma kepada warga emas?
- b) Berapakah jumlah warga emas yang telah menerima perkhidmatan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai program khusus bagi khidmat perubatan percuma kepada warga emas. Namun, **Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor** Kerajaan Negeri telah membantu ramai pesakit termasuk warga emas yang kurang bernasib baik dalam mendapatkan bantuan dan rawatan perubatan.

Diantara bantuan yang di sediakan dibawah program ini ialah Dialisis, Katarak Mata, Pembedahan Kecil, Lain-lain Rawatan dan Kaki Palsu. Data menunjukkan 94% penerima bantuan program ini adalah terdiri daripada warga emas. Jumlah kelulusan adalah bergantung kepada bantuan yang diluluskan iaitu yang menepati syarat-syarat bantuan dan baki peruntukan yang masih ada.

Oleh yang demikian, ingin saya jelaskan di sini bahawa Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor adalah untuk seluruh rakyat Negeri Selangor.

- b) Jumlah permohonan daripada warga emas bagi tahun ini, sehingga 15 November 2014 adalah **159 permohonan** bagi pelbagai jenis rawatan. Daripada 159 permohonan ini, 80 permohonan adalah daripada warga emas dan diluluskan serta menepati syarat-syarat bantuan yang telah di tetapkan. Daripada 80 permohonan tersebut, rawatan dialisis adalah sebanyak 50 permohonan, katarak mata – 14 permohonan, pembedahan kecil – 5 permohonan, kaki palsu – 1 permohonan dan lain-lain rawatan – 10 permohonan.

Ringkasan jadual permohonan dan kelulusan bagi warga emas adalah seperti berikut:-

BIL	RAWATAN	JUMLAH PERMOHONAN	MOHONAN LULUS
1	SIS	85	50
2	RAK MATA	32	14
3	BEDAHAN KECIL	9	5
4	LAIN RAWATAN	31	10
5	PALSU	2	1
JUMLAH		159	80

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : KESAN GOODS & SERVICES TAX (GST)

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menghadapi tahun 2015 apabila dilaksanakan GST, khususnya bagi rakyat yang menjadi pengguna?
- b) Jelaskan di mana dalam Belanjawan 2015 diperuntukkan wang bagi meredakan kesan GST?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang sangat peduli rakyat sesungguhnya sangat merasa terkesan hasil daripada pengenaan sistem percukaian GST kelak. Anggaran Perbelanjaan 2015 sebanyak RM2.422 bilion akan dimanfaatkan sebaiknya bagi mengurangkan kesan kenaikan harga akibat pengenaan cukai tersebut.

Dalam mendepani pengenaan GST, Kerajaan Negeri telah merangka dasar fiskal dengan cara meningkatkan hasil negeri dan membelanjakan hasil tersebut untuk kebajikan ekonomi rakyat. Terjemahan perbelanjaan ini dinyatakan dalam bentuk berbagai program, antaranya pendidikan, sosio-ekonomi dan keusahawanan seperti yang terdapat dalam belanjawan 2015.

- b) Dalam belanjawan yang dicadangkan ini, Kerajaan Negeri bersedia meneruskan beberapa program yang memberi impak kepada rakyat selain mengadakan program-program baru yang dapat meringankan beban rakyat. Beberapa program dan inisiatif baru yang terdapat dalam belanjawan 2015 ialah:-
 - (i) Tabung Biasiswa Selangorku sebanyak RM10 juta setahun.
 - (ii) Program Bantuan Sara Diri Anak Selangor berjumlah RM12 juta setahun.
 - (iii) Peruntukan Biasiswa sebanyak RM5 juta untuk pengajian di peringkat doktor falsafah dalam bidang strategik dan kritikal.
 - (iv) Mewujudkan 10 biasiswa Sagong Tasi untuk anak-anak Orang Asli.
 - (v) Peruntukkan RM3 juta di bawah sektor pengangkutan untuk mengadakan perkhidmatan awam percuma di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan terpilih; dan

- (vi) Peruntukkan RM10 juta untuk sektor pelaburan dan perniagaan bagi membolehkan rakyat yang terlibat memasarkan produk dan membina rangkaian pemasaran ke peringkat nasional dan global.

Kerajaan Negeri juga memutuskan beberapa program dan inisiatif sedia ada dikekalkan dan ada juga yang diperkukuhkan dengan penambahan peruntukkan, antaranya:-

- (i) Hadiah Anak Masuk Universiti diperuntukkan RM8 juta setahun.
- (ii) Kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah sebanyak RM16 juta setahun.
- (iii) Pemberian air percuma diperuntukkan RM165 juta setahun.
- (iv) Skim Tunas sebanyak RM4 juta setahun, meningkat dari RM3 juta pada tahun 2014.
- (v) Program Pembasmian Kemiskinan sebanyak RM9.368 juta setahun.
- (vi) Program Kemahiran Teknikal diperuntukkan RM4 juta, meningkat 100 peratus berbanding tahun ini.
- (vii) Program Kerajaan Prihatin kekal dengan peruntukkan RM1 juta setahun.
- (viii) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang kekal sebanyak RM1 juta setahun.
- (ix) Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak meningkat dari RM2.6 juta kepada RM 3.2 juta setahun.
- (x) Pelbagai program di bawah Jabatan Pertanian sebanyak RM14.47 juta setahun, berbanding RM10 juta tahun ini.
- (xi) Pelbagai program di bawah Jabatan Veterinar berjumlah RM7.7 juta setahun.
- (xii) Perkhidmatan Masyarakat kelolaan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri dan Yang Berhormat Ahli Parlimen yang ditingkatkan kepada RM51.9 juta setahun.
- (xiii) Skim Mesra Usia Emas berjumlah RM25 juta setahun.
- (xiv) Skim Kesihatan Wanita sebanyak RM1 juta setahun.
- (xv) Sektor Keusahawanan berjumlah RM3.4 juta setahun; dan
- (xvi) Perumahan Rakyat dan Kehidupan Bandar sebanyak RM21.88 juta setahun.

Semua peruntukkan di atas yang diterjemah dalam bentuk program berjumlah RM 376.9 juta, sesungguhnya akan dapat dinikmati oleh rakyat pelbagai lapisan yang terkesan dari pelaksanaan GST.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri akan mengamalkan penjimatan dalam perbelanjaan operasi terutamanya dalam aktiviti - aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan. Di samping usaha - usaha tersebut, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan dasar perolehan yang menekankan kepada *value for money* yang turut memberi impak kepada usaha - usaha penjimatan tanpa menjejaskan kualiti pembangunan yang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kejadian pencemaran air sungai berlaku bagi memastikan bekalan air terawat tidak terjejas

JAWAPAN:

- a) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pemantauan dan siasatan berkala dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya;

- i) pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
- ii) pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
- iii) pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompauan dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air. Untuk kes pencemaran yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Seksyen Shah Alam.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dipantau dan dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan;

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya;

- i) Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai. Tiada aktiviti berisiko tinggi yang menyumbang kepada pencemaran terhadap Sungai Selangor dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan tersebut.
- ii) Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat, dan

- iii) Pembangunan *Decision Support System, (DSS)* bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik di mana pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : HALAL HUB

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Halal hub Selangor akan mula dilaksanakan?
- b) Apakah peranan UNISEL dalam usaha ini?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan Selangor?

JAWAPAN:

- a)
 - i. Central Spectrum (M) Sdn Bhd, anak syarikat KDEB, bertanggungjawab untuk memajukan Projek Pembangunan Hab Halal Selangor, Pulau Indah (HHS).
 - ii. Pembangunan HHS berkeluasan kasar 700 ekar telah siap dibangunkan dengan infrastruktur pada tahun 2012.
 - iii. Keluasan lot perindustrian untuk jualan ialah 450 ekar; di mana setakat Oktober 2014, 366 ekar telah dijual kepada 24 orang pelabur dan 84 ekar masih dibuka untuk jualan.
 - iv. Setakat Oktober 2014, terdapat 7 lot yang telah beroperasi dan 1 lot dalam pembinaan.
- b) Buat masa ini, UNISEL tiada peranan dalam pembangunan SHH.
- c) Kerajaan Negeri Selangor tidak menyediakan apa-apa peruntukan untuk pembangunan SHH.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PORTFOLIO PEKERJA LADANG

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian portfolio EXCO Pekerja Ladang tahun 2014?
- b) Apakah perancangan program dan dasar untuk membela nasib pekerja ladang Selangor?
- c) Setakat ini berapakah jumlah pekerja ladang yang dibantu sejak tahun 2008?

JAWAPAN:

- a) Portfolio Pekerja Ladang merupakan jawatankuasa yang tertumpu kepada kebajikan pekerja ladang di Negeri Selangor. Pencapaian portfolio EXCO Pekerja Ladang bagi tahun 2014 yang boleh dianggap besar adalah di mana berjaya membantu para pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah - masalah yang dihadapi melalui lawatan turun padang dari ladang ke ladang untuk mendengar cadangan dan pandangan mereka dalam menambah baik jawatankuasa ini. Di bawah portfolio Pekerja Ladang juga, beberapa sesi perbincangan bersama majikan pekerja ladang ataupun pemilik ladang berkenaan telah diadakan dalam mengekalkan fasiliti sedia ada seperti tapak rumah ibadat serta sekolah-sekolah di kawasan ladang sebagai kemudahan pekerja.

Di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, portfolio EXCO amat menitik beratkan nasib dan kebajikan pekerja ladang dalam mendapatkan kediaman yang selesa untuk didiami. Antara contoh pencapaian adalah seperti di bawah:

- i. Ladang Bukit Rajah - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil sebagai kemudahan ibadat kepada mereka.
- ii. Ladang Bangi – Seramai 22 orang pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan majikan tersebut dalam membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri.
- iii. Ladang Semenyih- Seramai 22 orang pekerja ladang telah dibantu melalui perbincangan bersama majikan dan mencapai persetujuan untuk membina

22 buah rumah untuk pekerja ladang serta menyediakan tapak rumah ibadat.

- iv. Ladang tumbok – Seramai 12 orang telah diberi bantuan untuk mendapatkan rumah.

Portfolio Pekerja Ladang masih meneruskan perbincangan sebegini demi memastikan hak dan kebajikan pekerja ladang dijaga. Melalui kaedah ini, pencapaian ini boleh dianggap satu kejayaan yang besar oleh Kerajaan Negeri di bawah Portfolio Pekerja Ladang bagi tahun 2014 dengan menunjukkan peningkatan terhadap jumlah pekerja ladang yang dibantu dari tahun - tahun sebelum ini.

- b) Hala tuju dan pembangunan pekerja ladang terletak di bawah kuasa Kementerian Sumber Manusia secara amnya. Program - program dan dasar peringkat nasional sedang giat digubal dan dilaksanakan bagi membela nasib pekerja ladang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang senantiasa merangka dasar dan program yang membantu secara khusus pekerja ladang dan anak – anak pekerja ladang di Negeri Selangor di dalam aspek kebajikan, sosial dan juga pendidikan. Program – program seperti motivasi, sumbangan pelajar cemerlang UPSR, subsidi tambang sekolah diadakan sedikit sebanyak dapat membantu pekerja ladang dan anak – anak mereka untuk terus berusaha dan menanam keyakinan diri untuk terus maju dan berdaya saing dengan masyarakat di luar sekali gus mengurangkan bebanan yang mereka tanggung.

Kerajaan Negeri sentiasa mencuba merangka idea dan pendekatan baru dan kaedah yang paling sesuai dan efisien bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi dan pembangunan pekerja ladang di Negeri Selangor secara keseluruhannya.

- c) Tabung Pendidikan Anak – Anak Pekerja Ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan kepada anak – anak pekerja ladang. Skim ini terbuka kepada anak – anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Antara program – program di bawah peruntukan ini adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah**

- Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga. Sehingga Oktober 2014, seramai 2,295 pelajar telah mendapat manfaat daripada skim ini.

ii. Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia

Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa. Sehingga Oktober 2014, seramai 19 pelajar telah mendapat manfaat daripada skim ini.

iii. Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)

Penyampaian wang adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang. Sehingga Oktober 2014, seramai 3,150 pelajar telah mendapat manfaat daripada skim ini.

iv. Program – program Pendidikan Bagi Anak – Anak Pekerja Ladang

Dilaksanakan bagi meningkatkan semangat dan motivasi anak para pekerja ladang dalam menimba ilmu pengetahuan dan meningkatkan keyakinan diri serta menanam semangat untuk bangun dan terus maju ke hadapan. Secara tidak langsung dapat membantu keluarga - keluarga daripada belenggu kemiskinan.

Di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang sepertimana yang dapat dilihat dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah bagi tahun 2013.

Melalui usaha sama yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bersama Badan – Badan Bukan Kerajaan (NGO), mutu pendidikan anak pekerja ladang diharap dapat meningkat dari masa ke semasa dengan program-program yang telah dilaksanakan. Antara program bersama NGO yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Motivasi UPSR, program seminar kepada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah serta program kem motivasi. Antara NGO-NGO yang pernah terlibat di dalam penganjuran program seperti berikut :

1. Pertubuhan Suara Makkal Suara Kita Malaysia
2. Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan & Kebajikan Masyarakat Malaysia
3. Persatuan Pendidikan Wawasan Selangor
4. Persatuan Penganut Samarasa Suttha Sanmargam
5. Persatuan Pendidikan Warisan Selangor
6. Persatuan Kebajikan Penduduk Tamil Kawasan Bukit Rajah
7. Persatuan Pendidikan Wariasi UIQ Selangor
8. Persatuan Kebajikan Mahavatar Babaji Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : JABATAN TERNAKAN

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Lembu korban dua tahun berturut-turut kurus-kurus. Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah dilantik sebagai pembekal lembu korban bagi tahun 2013 dan 2014 yang dilantik menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Bagi tahun 2014, jumlah lembu yang di bekalkan adalah sebanyak 763 ekor yang melibatkan 681 lokasi penghantaran. Pada Jun 2014, PKPS telah membeli lembu jenis "Brahman Cross" dengan anggaran berat minima 220 kg seekor dan dibesarkan/digemukkan dalam masa 3 bulan untuk mencapai berat badan 250 kg.

PKPS memohon maaf atas kekurangan dan kesulitan yang timbul akibat daripada beberapa ekor lembu yang tidak mencapai berat 250kg.

Oleh kerana kesesakan di kandang, terdapat beberapa ekor lembu ini tidak dapat makan secara sempurna dan menyebabkan berat minima 250 kg seekor tidak dapat dicapai. Semasa penghantaran, PKPS menerima beberapa aduan daripada penerima dan tindakan PKPS selepas menerima aduan adalah seperti berikut:

1. Lembu yang cacat seperti patah kaki semasa proses menurunkan lembu telah diganti.
2. Lembu yang kecil ditambah dengan seekor lagi lembu secara percuma

Bagi menangani masalah ini, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan oleh PKPS pada pembekalan yang akan datang:

1. PKPS akan memastikan kesemua lembu yang dibekalkan adalah daripada jenis "Brahman Cross". Lembu-lembu ini akan mula dibawa masuk pada bulan Mac 2015 dengan berat minima 230 kg seekor untuk proses pembesaran/penggemukan.
2. PKPS akan membeli mesin penimbang dan akan menimbang setiap ekor lembu-lembu yang diterima sebelum digemukkan di dalam Ladang PKPS.

3. Pengasingan lembu antara lembu kecil dan lembu besar akan dilaksanakan terlebih dahulu.
4. PKPS akan menimbang sekali lagi setiap ekor lembu-lembu tersebut sebelum diagihkan kepada penerima dan berat lembu akan di "tagging" pada telinga lembu tersebut.
5. PKPS akan mengundang wakil daripada Pejabat Menteri Besar atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menyaksikan proses penimbangan lembu tersebut dimana ianya akan dilaksanakan 4-5 hari sebelum penghantaran.
6. PKPS akan melantik pakar pemakanan dan seorang Dr. Veterinar dalam memastikan pemakanan dan kesihatan lembu-lembu tersebut dipantau dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : AKHBAR SELANGORKINI

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah edaran akhbar Selangorkini bagi setiap edisi dan bagaimanakah pengedaran akhbar ini dilakukan?
- b) Apakah usaha kerajaan dalam mengangkat nilai kebebasan media akhbar Selangorkini?
- c) Nyatakan jumlah perbelanjaan setahun untuk operasikan akhbar Selangorkini

JAWAPAN:

- a) Suratkhbar Selangorkini telah diterbitkan bagi menyampaikan maklumat am berkaitan Negeri Selangor dari semasa ke semasa disamping berita dari luar Negeri Selangor kepada rakyat di Negeri Selangor khususnya. Justeru bagi mencapai keberkesanan sebagai medium penyebaran maklumat pengeluaran akhbar Selangorkini setiap bulan adalah sebanyak 169,000 naskah.
- b) Sejak pentadbiran baharu diketuai Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, Selangorkini tidak hanya memaparkan berita satu pihak sebaliknya turut menyiarkan berita Adun pembangkang setiap minggu yang mengkritik Kerajaan Selangor.

Ia dapat dilihat melalui paparan berita Adun Semenyih pada keluaran 7-14 November 2014 dan Adun Kuang (keluaran 14-21 November 2014).

Rakyat pula boleh menyuarakan masalah, malah mengkritik pentadbiran kerajaan termasuk agensi dan pihak berkuasa tempatan melalui segmen APA KES.

APA KES menghimpunkan aduan rakyat yang disalurkan kepada Selangorkini melalui emel dan facebook untuk siaran akhbar satu halaman penuh.

- c) Perbelanjaan-perbelanjaan berikut telah digunakan bagi tahun berakhir Disember 2013, bagi merealisasikan penyampaian maklumat kepada rakyat khususnya di Negeri Selangor. Iaitu : -

Bil	Perkara	RM
1	Kos Pentadbiran	5,983,225
2	Kos Percetakan Selangorkini	3,259,745
3	Kos Pengeluaran / Edaran Selangorkini	1,800,510

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : CADANGAN KAWASAN SIMPANAN AIR TERAWAT BAWAH TANAH

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri mempunyai pelan jangka masa panjang untuk membina kawasan simpanan air terawat bawah tanah seperti Empangan Bukit Dumbar di Pulau Pinang?
- b) Berapa kos yang diperlukan untuk membina kawasan air terawat bawah tanah tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berdasarkan Kajian Semula Sumber Air Negara (2000-2050), jumlah taburan hujan tahunan di Negeri Selangor adalah sebanyak 2,190mm manakala jumlah air larian permukaan adalah sebanyak 6.38 billion meter padu setahun bersamaan dengan 17,000 juta liter sehari (JLH) setelah mengambil kira jumlah penyejatan dan susupan semula air bumi. Ini bermakna, Negeri Selangor masih lagi mempunyai 9,168 JLH air larian permukaan yang masih belum dimanfaatkan. Ini termasuklah air di dalam kolam tadahan banjir dan bekas lombong yang mana sebahagiannya terus mengalir ke laut.

Negeri Selangor mempunyai jumlah air mentah yang mencukupi berdasarkan kepada data-data yang ditunjukkan di atas dan mempunyai potensi yang besar untuk memanfaatkan penggunaan air larian di hiliran sungai sebagai sumber air terawat tanpa membiarkan ia terbuang begitu sahaja.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan Pembangunan kolam takungan melalui konsep *Hybrid Off River Augmentation System (HORAS)* sebagai sumber air terawat untuk menakung air larian di hiliran sungai. Pembangunan takungan air larian di hiliran sungai boleh memberi kesan kepada budaya rakyat dalam mengamalkan sikap tidak membazir kepada sumber air sedia ada dan pada masa yang sama memupuk semangat cintakan alam sekitar di mana rakyat akan menjadi lebih bertanggung jawab dalam menjaga kebersihan sungai-sungai yang merupakan sebahagian dari sumber air mereka.

Melalui kajian yang telah dibuat, Projek HORAS dianggarkan berupaya membekalkan sebanyak 600JLH air mentah. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor belum bercadang untuk menggunakan air bawah tanah sebagai sumber air mentah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar Premium Tanah sedia ada diterima rakyat?
- b) Apakah dasar akan datang tentang kadar premium tanah?
- c) Berapakah perolehan hasil premium tanah tahun 2013 dan status yang terkini?

JAWAPAN:

- a) Kadar premium tanah bagi tujuan perniagaan, industri dan pertanian telah diguna pakai semenjak tahun 2003 berdasarkan Kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2005). Manakala penetapan kadar premium tanah bagi tujuan kediaman adalah berdasarkan Pekeliling PTGS Bilangan 6 Tahun 2011 dan nilai-nilai daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang berkuat kuasa mulai Jun 2011.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar-dasar sedia ada berkaitan kadar premium tanah.
- c) Jumlah perolehan hasil premium tanah bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH
2013	1,118,928,500.50
2014 (sehingga 10/11/2014)	963,126,696.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : PERLAKSANAAN PROGRAM SPIES

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan akan meneruskan program SPIES ini.
- b) Apakah bentuk program-program latihan lain yang akan diperkenalkan.
- c) Berapa peruntukan yang disediakan untuk keseluruhan program latihan ini.

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Modal Insan sedang dalam proses menilai program SPIES dan melihat pendekatan bagi menambahbaik pendekatan yang ada dalam SPIES.
- b) Jawatankuasa Tetap Modal Insan sedang dalam proses menilai program SPIES dan melihat pendekatan bagi menambahbaik pendekatan yang ada dalam SPIES.
- c) Program Pembangunan Modal Insan SPIES merupakan salah satu platform Kerajaan Negeri bagi melaksanakan dasar bina insan yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah **42,326,787.40** bermula Ogos 2008 hingga 17 November 2014. Maklumat seperti JADUAL I di bawah :

JADUAL I :
Perbelanjaan Pembangunan Modal Insan Ogos 2008 – 17 November 2014

KOD PROJEK	TAHUN	PERBELANJAAN (RM)
P01-12001	Ogos 2008	3,557,760.00
P01-12001	2009	7,796,754.00
P01-12001	2010	9,247,816.00
P01-07001	2011	5,938,977.00
P01-07001	2012	5,519,454.00
P01-07001	2013	5,656,988.40
P01-07001	<i>Perbelanjaan sehingga 17 November 2014</i>	4,609,038.00
Jumlah		42,326,787.40

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : DASAR RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan pendirian kerajaan negeri berkenaan rumah Ibadat bukan Islam yang menduduki di atas tanah kerajaan?
- b) Berapakah jumlah RIBI yang telah di rekod kan di setiap pejabat daerah dan tanah negeri Selangor sejak tahun 2008 hingga kini?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) ke 23/2008, dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa, mana-mana Bangunan Keagamaan yang dibina secara tidak sah di atas tanah-tanah Kerajaan termasuk rizab jalan, sungai dan parit selepas 1 Mac 2008 akan dikenakan tindakan perobohan.

Segala **tindakan penguatkuasaan** perlulah mematuhi Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan di bina tanpa kebenaran di Negeri Selangor yang telah diluluskan didalam MMKN ke 4/2014. Garis panduan ini menetapkan segala tindakan penguatkuasaan perlulah dibawa ke dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam sebelum diangkat ke MMKN untuk pertimbangan.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam juga bertanggungjawab untuk menyemak dan mempertimbangkan setiap **permohonan pewartaan** tanah kerajaan, tukar syarat tanah untuk pembinaan bangunan bagi Rumah Ibadat Selain Islam.

Setiap permohonan akan di bincangkan di peringkat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam berdasarkan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan, satu kertas ringkasan beserta persetujuan yang di putuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam akan di angkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Walaupun bagaimanapun, terdapat permohonan yang tidak dapat dipertimbangkan untuk diwartakan sekiranya tanah yang dipohon terletak di atas tapak kemudahan awam tertentu seperti rizab sungai, rizab jalan, rizab kawasan lapang, rizab rentis TNB dan juga rizab kawasan pelupusan sampah, rizab tadika dan rizab balairaya.

- b) Jumlah RIBI yang telah di rekodkan di setiap pejabat daerah dan tanah negeri Selangor sejak tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti jadual dibawah:

PBT	TOKONG	KUIL	GEREJA	GUDWARA	JUMLAH
MBSA	15	59	12	1	87
MBPJ	52	44	37	2	135
MPK	297	165	13	0	475
MPAJ	31	10	23	2	66
MPSJ	57	68	4	2	131
MPS	34	35	0	4	73
MPKj	101	57	11	1	170
MPSp	26	28	3	0	57
MDHS	90	46	6	4	146
MDKL	78	124	16	1	219
MDKS	43	154	8	1	206
MDSB	21	19	5	0	45
JUMLAH	845	809	138	18	1,810

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : SUKAN LAYAR

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bersedia membantu menyediakan kemudahan prasarana pusat latihan sukan perahu layar di Pantai batu Laut?
- b) Berapakah peruntukan kerajaan bagi membantu memajukan sukan perahu layar bagi tahun 2010 - 2014?

JAWAPAN:

- a) Sukan Perahu Layar merupakan salah satu sukan yang diletakkan di bawah Program Pembangunan Sukan di Negeri Selangor. Pusat Latihan Sukan Perahu Layar merupakan sebuah pusat latihan yang dibangunkan oleh Persatuan Sukan layar Negeri Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor semenjak tahun 2000 lagi. Saban tahun sukan ini sentiasa melahirkan atlet yang cemerlang bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah hingga ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa memantau kemudahan prasarana bagi membolehkan atlet berlatih dengan sempurna. Sehingga kini Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah membantu menyediakan kemudahan untuk berlatih iaitu ramp untuk memudahkan laluan bot ke laut pada 2007. Malah pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memperuntukkan bantuan bagi menaiktaraf ramp di Pusat Perahu Layar Pantai Batu Laut ini. Kerajaan Negeri juga sentiasa menaik taraf peralatan-peralatan latihan dan kejohanan termasuklah pembelian bot-bot baru mengikut keperluan atlet. Terbaru, Persatuan ini telah dibekalkan dengan Sembilan (9) buah bot baru untuk digunakan semasa Sukan Malaysia yang lalu.
- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah menyediakan bantuan peruntukan bagi memajukan sukan Perahu Layar pada setiap tahun. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah bergantung kepada kejohanan-kejohanan yang disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Hasil daripada peruntukan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, beberapa orang jaguh dunia telah berjaya dilahirkan dikalangan atlet-atlet Negeri Selangor. Berikut adalah jumlah peruntukan yang digunakan dari tahun 2010-2014 :-

Tahun	Jumlah (RM)	Catatan
2010	147,217.00	Penyertaan kejomahan, peralatan dan 4 buah bot
2011	68,344.00	Penyertaan kejomahan dan peralatan
2012	74,728.00	
2013	92,642.00	
2014	374,224.10	Penyertaan kejomahan, peralatan dan 9 buah bot
Jumlah	757,155.10	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keluasan terkini Tanah Rizab di Melayu Negeri Selangor?
- b) Berapa banyak Tanah Rizab Melayu yang telah ditukar status kepada bukan Tanah Rizab Melayu?
- c) Adakah tanah yang ditukar status ini digantikan semula?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sehingga 30 Oktober 2014, keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor adalah seluas **402,755.42 ekar** dan keluasan Tanah Rizab Melayu yang telah ditukar status kepada Bukan Tanah Rizab Melayu adalah **11,077.87 ekar**. Pecahan TRM mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

- c) Semua TRM yang dibatalkan di Negeri Selangor perlu dibuat penggantian selaras dengan Perkara 89 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan dan Pekeliling PTGS Bilangan 2 Tahun 1980. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan mengenalpasti tanah-tanah yang bersesuaian dan sama jenis serta keluasan untuk dicadangkan sebagai tanah penggantian ke atas Tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan.

LAMPIRAN A

KEDUDUKAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM) DI SEMBILAN (9) DAERAH
SEHINGGA 30 OKTOBER 2014

DAERAH	KELUASAN TRM (a)	KELUASAN PEMBATALAN (b)	KELUASAN PENGgantian (c)	KELUASAN BELUM DIGANTI (d=b-c)	KELUASAN PADA 30/10/14 (e=a-b+c)
Ekar					
Petaling	2,617.88	0	0	0	2,617.88
Gombak	12,895.05	6.38	0	6.38	12,888.67
Klang	23,474.88	5.99	0	5.99	23,468.89
Sepang	28,500.94	4,621.93	2,325.60	2,296.33	26,204.61
Hulu Selangor	36,850.83	1,539.37	1,002.00	537.37	***36,313.46
Hulu Langat	33,325.79	22.34	23.61	-1.27	33,327.06
Kuala Langat	39,577.00	4,822.33	3,800.37	1,021.96	**38,555.04
Kuala Selangor	56,895.19	0	0	0	56,895.19
Sabak Bernam	172,485.00	59.53	59.15	0.38	172,484.62
JUMLAH	406,622.56	11,077.87	7,210.73	3,867.14	402,755.42

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PDT)

Nota:

* Seluas 1,024.20 ekar daripada 3,800.37 ekar TRM telah diganti di Daerah Hulu Selangor, iaitu TRM Bukit Tarek.

** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Kuala Langat adalah 37,530.84 ekar kerana perkara seperti di *.

*** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Hulu Selangor adalah 37,337.66 ekar kerana perkara seperti di *.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : DASAR PEMBASMIAN KEMISKINAN SELANGOR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar pembasmian kemiskinan Kerajaan Negeri Selangor yang boleh digunapakai oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah menetapkan Paras Garis Kemiskinan adalah sebanyak RM1,500.00 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 1/2009 pada 7 Januari 2009. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup golongan miskin seperti Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS, Program Pemberian Baucer sempena Perayaan dan Program *Back to School*.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mikrokredit Selangor, Skim Mikrokredit Miskin Bandar dan pelbagai lagi. Melalui program-program yang telah disediakan ini, ianya diharap akan membolehkan golongan sasaran terus mendapat manfaat serta memastikan peluang ekonomi secara saksama tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih makmur dan berdaya maju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : FAS (FOOTBALL ASSOCIATION SELANGOR)

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan peranan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengembalikan zaman kegemilangan Pasukan Selangor pada musim akan datang?

JAWAPAN:

- a) Beberapa perancangan akan dibuat antaranya adalah seperti merangka pelan strategik secara keseluruhan samaada dari aspek barisan kepimpinan sehinggalah kepada operasinya untuk jangkamasa panjang, mengkaji secara terperinci dan mempelajari aspek-aspek pembangunan prestasi atlit dari Negara-negara maju seperti Jepun, Korea kerana negara-negara ini telah mempunyai pengalaman bertanding ke peringkat dunia. Selain itu, aspek Sains Sukan haruslah diterapkan sejak peringkat awal lagi supaya ianya menjadi sehati dan membantu prestasi atlit secara 'ergogenic aids'nya.

Salah satu pendekatan baru yang harus diambil adalah dari sudut psikologi semua yang terlibat dalam pengurusan pasukan termasuklah pemain. Pendekatan psikologi yang baik akan menambahkan lagi kekuatan sesebuah pasukan tersebut. Selain itu juga, semua individu yang terlibat di dalam pengurusan pasukan bolasepak ini haruslah bersikap terbuka dan bersedia menerima

perubahan implikasi dari pembangunan teknologi yang pesat dan juga hal-hal lain dalam arena bolasepak.

Peranan Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan pengurusan pasukan dan pencapaian prestasi atlet mestilah di tahap yang perlu dicapai melalui 'KPI' yang digariskan. Pihak kerajaan Negeri Selangor akan memantau keberkesanan program dan membantu pasukan ini dalam aspek kewangan kepada pasukan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

TAJUK : PROGRAM MAMMOGRAM

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peserta yang membuat pemeriksaan?
- b) Dimanakah ia dilaksanakan?
- c) Mengapakah program ini dihentikan pada 2013 sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Program Mammogram adalah di bawah Skim Kesihatan Wanita (SKW) yang telah dilancarkan pada tahun 2010 sehingga kini (setakat 31 Oktober 2014) telah dimanfaatkan oleh seramai 18,745 orang wanita diseluruh Negeri Selangor.
- b) Pada tahun 2010 sehingga tahun 2012, operasi pelaksanaan program Mammogram telah dilaksanakan oleh Forest Medical Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2013 penambahbaikan terhadap SKW sedia ada telah dilaksanakan dimana ianya dilakukan oleh *National Cancer Society Malaysia* (NCSM) dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA).
- c) Program Mammogram tidak pernah dihentikan pelaksanaannya. Pelaksanaan Mammogram masih diteruskan malah tindakan penambahbaikan program telah diambil dan dilaksanakan secara berterusan sehingga kini. Untuk makluman sehingga Oktober 2014 seramai 18,742 orang mendapat manfaat daripada program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM SUNGAI BESAR

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos operasi, kos penyelenggaraan dan gaji kakitangan yang bertugas di Perpustakaan Awam Sungai Besar?
- b) Apakah jenis-jenis koleksi buku dan bilakah kali terakhir pembelian buku dilakukan?
- c) Apakah program yang telah dijalankan untuk manfaat pengunjung dan penduduk sekitar perpustakaan ini?

JAWAPAN:

- a) Perpustakaan Awam Sungai Besar yang terletak didalam Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam telah dibuka pada tahun 1977. Perpustakaan ini mempunyai seorang Penolong Pustakawan dan 5 orang kakitangan sokongan yang lain. Kos operasi Perpustakaan Sungai Besar adalah berjumlah RM 359,129.00 meliputi bayaran gaji dan emolumen berjumlah RM181,827.00, bayaran utiliti berjumlah RM61,910.00 dan bayaran penyelenggaraan berjumlah RM115,392.00 setahun.
- b) Perpustakaan Daerah Sungai Besar mempunyai koleksi bahan bacaan secara keseluruhannya yang meliputi koleksi rujukan dan pinjaman bagi kategori pengguna dewasa, remaja dan kanak-kanak berjumlah **48,883 naskah** dan statistik penerimaan buku baru perbandingan dalam tempoh 3 tahun adalah sebagaimana berikut:

Koleksi	2012	2013	2014 (sehingga Oktorber)
Bahan baru koleksi rujukan dan pinjaman (dewasa, remaja dan kanak-kanak)	602 naskah	3,001 naskah	2,083 naskah

Jenis-jenis koleksi buku yang terdapat di perkhidmatan Daerah, seperti **Perpustakaan Awam Sungai Besar**, adalah sama seperti Perkhidmatan Ibu Pejabat Shah Alam dari segi perolehan dengan asas-asasnya sebagaimana berikut:

a) Koleksi Rujukan

Meliputi koleksi panduan dan rujukan serta penyelidikan kepada masyarakat seperti kamus, atlas, bibliografi, buku istilah, almanak, direktori, ensiklopedia, manual, biografi, akta dan lain-lain. Meliputi semua bidang perkara dan lain-lain yang difikirkan munasabah oleh perpustakaan.

b) Koleksi pinjaman

Bahan monograf dari pelbagai subjek yang merupakan koleksi utama perpustakaan untuk pinjaman. Ianya terdiri daripada bahan bacaan ilmiah dan fiksi meliputi kategori komputer, falsafah, agama, sains sosial, bahasa, matematik, perubatan, kesenian, kesusasteraan, geografi dan sejarah.

c) Koleksi Selangor/tempatan

Merangkumi semua sumber perpustakaan mengenai negeri Selangor. Koleksi ini mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan Selangor atau maklumat berkaitan Daerah Sabak Bernam dan mempunyai nilai-nilai kebangsaan atau warisan negeri yang tinggi. Didapati dalam bentuk buku, majalah, artikel, keratan akhbar, laporan dan risalah.

d) Koleksi Peperiksaan

Terdiri daripada buku-buku rujukan UPSR, PMR, SPM, STPM yang terdapat dalam pelbagai subjek dan penerbit. Buku-buku ulangkaji ini khusus untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

- c) Perpustakaan Awam Sungai Besar sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai program untuk menarik minat pengunjung dan penduduk sekitarnya. **Jumlah keseluruhan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang Januari 2014 hingga Oktober 2014 adalah sebanyak 639 aktiviti.**

Antara program yang dijalankan adalah:-

BIL	PROGRAM
1	Kelas tuisyen berskala kecil yang melibatkan kanak-kanak masyarakat disekitar perpustakaan untuk subjek Bahasa Inggeris setiap hari sabtu.
2	Kelas pengajian Al Quran bersama masyarakat terutama golongan ibu/surirumah
3	Program ' <i>Jom Baca 10 Minit</i> ' antara program yang berkesan dalam memasyarakatkan perpustakaan.

BIL	PROGRAM
4	Aktiviti hujung minggu melibatkan sesi bercerita, buku kegemaran saya, origami, permainan dalaman dan sebagainya
5	Program musim cuti persekolahan seperti teknik pencarian bahan dan maklumat di perpustakaan
6	Pinjaman berkelompok untuk sekolah tadika dan menerima lawatan sambil belajar
7	Kempen keahlian dan mengedarkan pamphlet mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan di Karnival atau program anjuran Jabatan / masyarakat setempat dan ke sekolah-sekolah yang ada disekitar.
8	Kelas masakan yang melibatkan masyarakat setempat dengan kerjasama KEMAS sebagai salah satu cara mendekatkan masyarakat dengan perpustakaan.
9	Perpustakaan juga menyediakan ruang pameran mengikut tema tertentu serta Sudut Pertanian untuk memudahkan pengguna maklumat mengenai bidang pertanian.
10	Kemudahan melayari internet dengan kos penggunaan yang berpatutan di Pusat Siber Rakyat, masyarakat boleh mendapatkan maklumat dengan dibantu oleh petugas. Ia juga memberi kemudahan kepada penjawat awam menggunakan HRMIS dan mencari bahan di perpustakaan menggunakan OPAC.
11	Pusat Siber Rakyat juga berfungsi sebagai Kelas berskala kecil untuk belajar komputer kepada pelajar dan masyarakat.
12	Gotong royong membersihkan perpustakaan yang melibatkan masyarakat setempat dan AJK Kampung.
13	Program-program Bacaan Yassin dan tahlil serta ceramah anjuran bersama jabatan-jabatan lain seperti SYABAS, Bomba, Polis disamping aktiviti mingguan yang melibat kanak-kanak serta aktiviti Musim Cuti Sekolah juga akan lebih mengeratkan ukhuwah antara masyarakat dan perpustakaan.
14	Program latihan cegah kebakaran bersama Jabatan Bomba untuk kakitangan dan pengguna perpustakaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : JENAYAH DAN KESELAMATAN

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri nyatakan usaha untuk meningkatkan '*community policing*' untuk dijalankan di semua zon PBT
- b) Minta kerajaan negeri jelaskan usaha-usaha untuk mencegah sindiket judi haram
- c) Apakah cadangan kerajaan untuk mewujudkan sistem amaran '*Crime Alert*' sebagai perkongsian maklumat kepada rakyat Selangor

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menggalakkan semua PBT untuk melaksanakan program Pasukan Keselamatan Kejiranan atau Polis Komuniti / *Community Policing* di dalam kawasan pentadbirannya. Sebagai contoh di MBPJ melalui program PJ SAFE "Safety For All" memperuntukkan sebanyak RM 700,000.00 pada tahun 2014. Dari Januari sehingga kini terdapat 61 permohonan telah diterima dan sejumlah RM 280,000.00 telah dibayar kepada 51 RT / RA dan 5 JMB. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan secara kolektif kepada persatuan-persatuan penduduk secara aktif untuk terlibat di dalam program-program keselamatan yang dianjurkan di kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Program ini juga turut melibatkan pihak Polis DiRaja Malaysia. Di samping itu, pihak Majlis telah mengadakan 4 kali majlis dialog dan pameran di kawasan komuniti sekitar Petaling Jaya. Di samping itu juga, PBT juga bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi memperluaskan pergerakan kawalan keselamatan. Antara usaha PBT untuk meningkatkan aktiviti polis komuniti adalah:-
 - i. Menyediakan anggota penguatkuasa bersama dengan pihak PDRM;
 - ii. Rondaan dilakukan dikawasan *hotspot* kadar jenayah yang tinggi oleh pihak PDRM.
 - iii. Dua (2) orang wakil daripada Bahagian Penguatkuasaan yang akan dijadualkan untuk menyertai rondaan tersebut.
 - iv. Pihak MBSA juga mengadakan aktiviti kawalan keselamatan yang melibatkan kawasan pangsapuri yang telah disenaraikan sebagai

kawasan hotspot kadar jenayah yang tinggi yang dikenali Program Skim Rondaan Keselamatan Dan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor (SEROJA) yang mana ianya diselaraskan oleh Lembaga Perumahan & Harta Negeri Selangor (LPHS). Program ini akan diperluaskan lagi di lima (5) buah kawasan pangsapuri di MBSA.

- b) Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui PBT dalam memerangi sindiket judi haram adalah PBT meningkatkan operasi sekurang-kurangnya 2 kali seminggu. Semua barangan premis yang melakukan aktiviti sindiket judi haram juga akan disita. Selain itu, pemantauan yang berterusan kerap dilakukan oleh anggota penguatkuasa bagi mengelakkan aktiviti-aktiviti tersebut berulang. Kerjasama orang awam juga amatlah digalakkan kerana PBT juga menyediakan talian on-line atau e-aduan untuk penyaluran aduan secara terus kepada PBT. Premis Perniagaan yang didapati melanggar syarat atau melakukan kegiatan judi dibalik perniagaannya, tindakan menarik balik lesen dan membatalkan lesen peniaga akan dilakukan oleh PBT.
- c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan system crime alert di PBT. Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah ini didapati dapat mengurangkan kadar jenayah, Kerajaan Negeri bersedia mengkaji kesesuaian sistem ini untuk dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : MENAIKTARAF PENAPIS LOJI RAWATAN AIR

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan akan menaiktaraf penapis di LRA Batu11 Cheras dan Bukit Tampoi untuk mengatasi permasalahan pencemaran air sungai oleh tahap amonia yang sering berlaku?
- b) Nyatakan perancangan Kerajaan dalam usaha penukaran paip-paip bekalan air yang uzur

JAWAPAN:

- a) Kejadian henti tugas loji penapis air (LPA) Bukit Tampoi dan LPA Batu 11 Cheras adalah berpunca dari pencemaran sumber air mentah dari Sungai Langat. Pencemaran tersebut adalah disebabkan oleh kandungan ammonia yang melebihi paras yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sumber-sumber ammonia di dalam sungai adalah :-
 - baja untuk pembangunan-pembangunan tanah dan pertanian.
 - tapak pelupusan sampah leachate dan pembangunan tanah yang tidak terkawal.
 - kumbahan yang tidak dirawat daripada penternakan ayam itik, rumah-rumah setinggan di tepi sumber air, tangki-tangki septik, kilang-kilang, tandas-tandas sementara di tapak-tapak pembinaan.
 - air kumbahan yang dilepaskan daripada kawasan-kawasan perumahan, komersil, institusi dan kemudahan-kemudahan berkaitan.
 - pelepasan air kumbahan dan bahan-bahan kimia bertoksik daripada pelbagai industri.
 - aliran air di permukaan disebabkan oleh hujan lebat
 - minyak dan air kumbahan daripada bilik-bilik air dan dapur
 - efluen loji olahan kumbahan perbandaran

Pada ketika ini, piawaian untuk air mentah bagi loji-loji pembersihan air (LPA) iaitu Kualiti Air Mentah adalah ditetapkan oleh Jabatan Bekalan Air, Malaysia di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA).

Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, paras ammonia yang dibenarkan bagi setiap loji rawatan air untuk meneruskan proses rawatan adalah hanya pada tahap 1.5 ppm. Melihat kepada keadaan yang berlaku di Loji Rawatan Air Bukit Tampo dan Loji Batu 11 Cheras, kandungan ammonia yang dicatatkan pada waktu itu adalah pada kadar 3 – 4 ppm. Kadar ammonia yang tinggi tidak sesuai dirawat kerana pihak operator loji rawatan air terpaksa menggunakan dosing bahan kimia yang banyak yang mana akan memberi kesan buruk pada kualiti air minuman dan juga pada kesihatan pengguna. Walaupun terdapat cadangan untuk menaik taraf loji rawatan air bagi mengatasi masalah pencemaran ammonia ini, ianya bukanlah penyelesaian yang terbaik kerana paras ammonia yang tinggi masih tidak boleh dirawat sekaligus bertentangan dengan garis panduan yang telah dikeluarkan.

Oleh yang demikian, cara terbaik untuk mengatasi masalah pencemaran ammonia ini adalah dengan menyediakan sumber air mentah yang mencukupi bagi membolehkan proses pencairan (*dilution*) dilakukan secara semulajadi. Dengan kapasiti air sungai yang banyak, kandungan ammonia yang tinggi dapat dipulihkan dan seterusnya dapat mengelakkan kejadian penutupan loji akibat pencemaran ammonia.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Mitigasi Tambahan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) untuk meningkatkan bekalan air mentah di Sungai Langat melalui penyaluran air mentah dari terowong yang telah siap dibina ke Sungai Langat. Projek ini dijadualkan siap pada akhir tahun 2014 ini dan dengan siapnya projek ini, sumber air mentah tambahan boleh dialirkan ke Sungai Langat terutamanya ketika paras sungai rendah bagi tujuan untuk meningkatkan kebolehan penulenan sendiri air sungai.

Selain dari penyaluran air mentah tersebut, bagi tujuan menjaga kebersihan sungai-sungai di Selangor, Kerajaan Negeri adalah tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui:

- i. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979
 - ii. Enakmen LUAS 1999; dan
 - iii. Akta Kerajaan Tempatan.
- b) Melalui Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS, berkuat kuasa pada 01

Januari 2005, semua aset bekalan air telah diserahkan untuk dikendalikan oleh SYABAS. Bermula dari tarikh tersebut, SYABAS adalah satu-satunya pihak tunggal yang telah diberikan kuasa untuk mengendalikan, menyelenggarakan dan mengoperasikan semua aset air di Negeri Selangor, wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sebagai operator tunggal, SYABAS telah dipertanggung jawabkan untuk membuat meneliti semula semua sistem agihan termasuk paip perhubungan yang berusia lebih 50 tahun. Cadangan penukaran paip perhubungan berusia lebih 50 tahun memang telah ada di dalam cadangan kerja-kerja pembangunan yang akan dilaksanakan oleh SYABAS menggunakan peruntukan CAPEX.

Namun demikian, melihat kepada masalah operasi yang dihadapi oleh SYABAS, Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor sebagai penyelesaian jangka panjang ke atas semua masalah operasi yang dihadapi oleh seluruh rakyat Negeri Selangor.

Di bawah Model baru itu, Kerajaan Negeri Selangor boleh menyediakan dasar bagi memastikan paip-paip perhubungan yang berusia lebih 50 tahun akan ditukar secara berfasa setelah mendapat kelulusan dari SPAN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan khas kepada Ketua-ketua Kampung untuk pengurusan sampah memandangkan perkara ini masih lagi tidak diatasi?
- b) Apakah sudah ada mekanisma tertentu untuk pengurusan sampah di kampung-kampung ? Jika ada, minta dinyatakan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberi peruntukan khas kepada ketua-ketua kampung.
- b) Ya, terdapat PBT yang menyediakan tong sampah di kawasan kampung-kampung yang berhampiran dengan jalan PBT. Tong sampah tersebut diletakkan di lokasi yang bersesuaian supaya lori sampah PBT dapat mengutipnya. Selain itu, ada kerja-kerja penyelenggaraan kawasan seperti di kawasan kampung telah distrukturkan contohnya MBSA telah melantik kontraktor bagi kerja kutipan sampah domestik melalui tender terbuka. Walau bagaimanapun, pengurusan sampah di kampung-kampung yang jauh daripada kawasan PBT diuruskan sendiri oleh penduduknya. Selain itu juga, ADUN digalakkan membuat program gotong royong bersama-sama Ahli Majlis, ketua kampung serta penduduk dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT sebanyak RM10,000.00 kepada setiap ADUN bagi menerapkan kesedaran dalam persekitaran yang bersih. Antara contoh pelaksanaan program gotong royong yang telah dijalankan bertemakan "Terjah Denggi" di seluruh daerah Negeri Selangor pada 16 November 2014 lalu melibatkan kerjasama EXCO, Datuk Bandar/YDP, Pegawai Daerah, ADUN, Ahli Majlis dan penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk program air percuma bagi tahun 2014?
- b) Adakah kerajaan negeri di bawah kepimpinan Dato Menteri Besar kini akan meneruskan program ini?

JAWAPAN:

- a) Sehingga bulan Ogos 2014 jumlah keseluruhan bayaran air percuma adalah sebanyak RM866,045,180.01. Dari jumlah ini, sebanyak RM234,119,560.07 dibayar oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bermula dari Jun 2008 hingga Mac 2010, manakala bermula dari bulan April 2010, jumlah yang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak RM631,925,619.94.
- b) Sebagaimana yang telah dijanjikan, Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan program pemberian 20 meter padu air percuma kepada semua rakyat Negeri Selangor meliputi pengguna air domestik yang mempunyai meter air individu dan bagi pengguna pangsapuri yang belum mempunyai meter individu melalui program "LAPOR DAN DAPAT" (dahulunya dikenali sebagai SISTEM KUPON) selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : BLUEPRINT PENGANGKUTAN AWAM

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri bagi menyediakan sistem pengangkutan awam yang senang diakses untuk kurangkan kesesakan lalu lintas?
- b) Senaraikan jumlah subsidi dan kawasan terlibat yang disalurkan oleh SPAD kepada syarikat bas untuk jajaran sosial di Negeri Selangor bagi tahun 2008-2014.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil pendekatan dengan menjalankan kajian-kajian tertentu sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan sebarang projek pengangkutan awam. Kajian yang dijalankan akan meliputi sistem pengangkutan awam sedia ada, rangkaian jalan raya serta lalu lintas untuk membolehkan sistem pengangkutan awam yang dilaksanakan di Negeri Selangor mudah dan senang diakses serta mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

Berdasarkan kepada kajian dan semakan yang telah dibuat sebelum ini, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyediakan perkhidmatan bas percuma antara bandar. Perkhidmatan bas percuma yang dikenali sebagai bas komuniti ini telah dilaksanakan di Petaling Jaya dan Shah Alam. Antara laluan yang telah diberikan perkhidmatan ini di Petaling Jaya adalah laluan yang bermula di Jalan PJS 3/2 melalui Jalan Templer, Jalan Penchala, Jalan Universiti, dan Jalan Gasing manakala di Shah Alam, bas komuniti bermula di Hentian Pusat Bandar, Seksyen 14 dan melalui Seksyen 2, 7, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18.

- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses ke atas maklumat daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berkenaan penyaluran subsidi oleh SPAD kepada syarikat bas untuk jajaran sosial di Negeri Selangor bagi tahun 2008 sehingga 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : PROJEK PENTERNAKAN BABI MODEN

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan masih berhasrat untuk menggerakkan semula projek ini memandangkan ianya akan menyelesaikan masalah pencemaran yang sering mengganggu kesihatan dan kehidupan penduduk di kawasan Kuala Langat?
- b) Apakah halangan-halangnya dan apakah cara-cara penyelesaian yang dicadangkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri akan meneruskan semula projek Penternakan Babi Moden (Modern Pig Farming(MPF) ini memandangkan ianya mendatangkan kebaikan kepada semua pihak dan seterusnya dapat mengatasi isu pencemaran sebagaimana yang telah dibangkitkan.
- b) Bagi meneruskan pelaksanaan projek MPF ini, sudah tentulah terdapat halangan-halangan daripada pihak-pihak berkaitan yang berkepentingan di kawasan tersebut. Justeru itu, sebelum pelaksanaan projek MPF, Kerajaan Negeri akan memberikan pemahaman kepada semua golongan iaitu masyarakat setempat dan juga penternak sedia ada.

Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi perjumpaan dan penerangan dengan semua penduduk tempatan yang berkepentingan di kawasan tersebut dan memaklumkan kepada mereka bahawa dengan adanya konsep penternakan moden ini masalah berkaitan pencemaran bau dan alam sekitar akan dapat diatasi secara menyeluruh.

Langkah seterusnya, Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi perjumpaan dan penerangan dengan semua penternak untuk memaklumkan bahawa dengan wujudnya sistem penternakan moden ini, perniagaan mereka tidak akan terjejas malah ianya akan lebih mendatangkan hasil yang lebih baik. Produk ternakan mereka akan menjadi lebih berkualiti dan menepati piawaian penternakan. Dalam masa yang sama juga, penternak perlu dimaklumkan tentang kesan baik kepada alam sekitar dan penduduk setempat serta mewujudkan suasana 'menang-menang' di antara penduduk dan penternak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : PAKEJ SEPADU USAHAWAN HINGGA BERJAYA

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pakej bersepadu yang lengkap untuk menjadikan seorang usahawan sederhana menjadi usahawan yang berjaya?
- b) Adakah program inkubator di peringkat setiap DUN bagi memastikan potensi setiap DUN boleh dicungkil dan digilap?
- c) Berapakah peruntukan bagi pembangunan usahawan setiap kawasan DUN?

JAWAPAN:

- a) Usahawan sederhana adalah usahawan berjaya. Mengikut definisi oleh SME Corp. Malaysia, perniagaan ataupun perusahaan yang diklasifikasikan sebagai perusahaan sederhana bagi kategori pembuatan ialah perusahaan yang nilai jualan tahunannya daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta atau daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja manakala definisi perusahaan sederhana bagi kategori pembuatan dan sektor lain pula ialah perusahaan yang nilai jualan tahunannya dari RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta atau daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja.

Berpandukan nilai jualan tahunan terendah bagi kategori pembuatan iaitu RM15 juta setahun, seorang usahawan sederhana adalah usahawan yang berpendapatan minimum sebanyak RM1.25 juta sebulan dan bagi kategori perkhidmatan dan sektor lain pula yang nilai jualan tahunannya dari RM3 juta setahun, seorang usahawan sederhana adalah usahawan yang berpendapatan minimum sebanyak RM250 ribu sebulan.

Berikut adalah definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana oleh SME Corp. Malaysia:-

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan kurang daripada RM300 ribu atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5	Jualan tahunan daripada RM300 ribu hingga kurang daripada RM15 juta atau daripada 5 hingga	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta atau daripada 75

	orang	kurang daripada 75 pekerja	hingga tidak melebihi 200 pekerja
Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan kurang daripada RM300 ribu atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang	Jualan tahunan daripada RM300 ribu hingga kurang daripada RM3 juta atau daripada 5 hingga kurang daripada 30 pekerja	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta atau daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja

Keperluan setiap usahawan adalah berbeza dengan usahawan yang lain. Walau bagaimanapun, boleh dianggap disimpulkan pakej bersepadu yang lengkap untuk menjadikan seorang usahawan yang berjaya ialah:-

- (i) Mempunyai minat untuk menceburi bidang perniagaan;
- (ii) Mempunyai motivasi untuk berjaya di dalam perniagaan / bidang yang diceburi. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor telah menganjurkan Bengkel 2 hari bertajuk Mangkin Keusahawan Diri (MKD);
- (iii) Mempunyai / mempelajari asas perniagaan. Asas perniagaan ini boleh dipelajari melalui perancangan perniagaan dan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Bengkel Rancangan Perniagaan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad;
- (iv) Mengikuti perkembangan trend terkini perniagaan seperti perniagaan atas talian. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor juga telah menganjurkan Bengkel Peningkatan Jualan melalui *Facebook Marketing*;
- (v) Mengambil peluang dan ruang pasaran terbuka. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Seminar ASEAN *Economic Community (AEC)*, *Free Trade Agreement (FTA)* dan Taklimat Panduan Mengeksport.

- b) Terdapat beberapa program inkubator yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, program inkubator tersebut tidak dipecahkan mengikut kawasan DUN sebaliknya dilaksanakan mengikut Daerah kerana penempatan pegawai-pegawai penyelaras dan agensi pelaksana adalah mengikut daerah seperti Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Pertanian Daerah, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan Pejabat Perikanan Daerah. Y.B. ADUN bolehlah berhubung dengan setiap agensi yang terlibat untuk mensyorkan supaya program-program bermanfaat diusahakan di DUN mereka sekiranya mempunyai potensi dan bersesuaian untuk dipertimbangkan. Berikut adalah diantara program inkubator yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan pelaksanaan:-

Telah dilaksanakan

- (i) Vendor Inkubator Payung;
- (ii) Sub Kontraktor Bumiputera; dan
- (iii) Pusat Inkubator Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Hulu Langat (ditanggungjawab sementara pengoperasian)

Perancangan

- (i) Pusat Pengumpulan IKS Daerah Sepang;
 - (ii) Pusat Pengumpulan IKS Daerah Kuala Langat;
 - (iii) Projek Inkubator Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Shah Alam;
 - (iv) Pusat Jualan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor Daerah Sabak Bernam; dan
 - (v) Pusat Jualan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor Daerah Kuala Selangor
- c) Peruntukan pembangunan usahawan Negeri Selangor tidak dipecahkan mengikut DUN sebaliknya diagihkan mengikut Jabatan yang kemudiannya disalurkan ke setiap daerah mengikut keperluan.

Peruntukan Pembangunan Usahawan setiap tahun adalah berbeza mengikut keperluan dan perancangan. Peruntukan keseluruhan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor bagi tahun 2014 sahaja adalah seperti berikut:-

Bil.	Jabatan	Jumlah (RM)
1	Seksyen Sektor	2,200,000.00
2	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	1,208,046.00
3	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	1,450,000.00
6	SKIMSELS	2,000,000.00
7	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	3,893,000.00
Jumlah (RM)		10,751,046.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : URUS TADBIR BAIK NEGERI

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Dato Menteri Besar untuk memastikan urus tadbir baik kerajaan negeri?
- b) Bagaimanakah untuk memastikan elemen integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran negeri sekarang?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah pun berikrar untuk membudayakan nilai integriti, kebertanggungjawaban dan tata kelola yang baik dalam pentadbiran. Semua anggota perkhidmatan awam dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri perlu mempunyai jati diri merangkumi sikap amanah, keterbukaan dan ketelusan.

Selain itu, Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat sebagai usaha untuk membolehkan rakyat mendapatkan akses maklumat secara munasabah dari setiap jabatan Kerajaan Negeri Selangor bagi menunjukkan ketelusan dan pentadbiran amanah.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum ini turut telah mengarahkan supaya Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negara atau PAC bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri Selangor (*special select committee*) untuk memantau teguran Ketua Audit Negara ke atas semua Jabatan dan Agensi Negeri untuk memastikan setiap satu mengamalkan tata kelola yang berhemah dan berintegriti dalam mengendalikan urusan kewangan dan proses tender.

- b) Integriti dan akauntabiliti merupakan asas kepada sebuah tadbir urus yang baik. Justeru, Kerajaan dalam usaha memantapkan integriti telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa 1 Ogos 2013 di mana ia merupakan suatu pendekatan *blue ocean strategy* yang menggabungkan Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan Pegawai Agensi dalam menguruskan integriti secara lebih fokus, terancang, menepati keperluan dan kesesuaian Agensi. Penubuhan Unit Integriti juga merupakan suatu inisiatif bagi terus memantapkan integriti dalam memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti seterusnya membendung salah

laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Menyahut seruan Kerajaan tersebut, Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah ditubuhkan secara rasmi pada 2 Jun 2014. Unit Integriti ini ditubuhkan dengan harapan dapat menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti supaya inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan dengan lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum. Sehubungan itu, terdapat dua (2) seksyen di bawah Unit Integriti seperti berikut:

- i. Seksyen Pengukuhan Integriti, Tadbir Urus dan Pematuhan; dan
- ii. Seksyen Pengesanan dan Pengesahan, Tatatertib dan Pengurusan Aduan

Untuk makluman, Seksyen Pengukuhan Integriti, Tadbir Urus dan Pematuhan bertanggungjawab dalam memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi. Di samping itu, seksyen ini juga berperanan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta tadbir urus yang terbaik dilaksanakan oleh Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Seksyen Pengesanan dan Pengesahan, Tatatertib dan Pengurusan Aduan pula menjalankan fungsi mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi dengan memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil.

Oleh yang demikian, penubuhan Unit Integriti ini dapat memastikan elemen integriti dan akauntabiliti Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berada pada landasan yang betul.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : PERUMAHAN

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri merancang untuk meningkat pembinaan rumah kos rendah di kawasan Kuala Selangor khususnya di Ijok.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) ketika ini masih lagi mengenalpasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk dibangunkan dengan Projek Rumah Selangorku dari harga RM42,000 sehingga RM250,000.00. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus bagi penyediaan Rumah Selangorku Jenis A (Rumah Kos Rendah) di DUN Ijok.

Walau bagaimanapun, rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) mendapati sekurang-kurangnya terdapat enam (6) Projek Rumah Selangorku yang akan dibangunkan oleh pihak swasta di keseluruhan Daerah Kuala Selangor berdasarkan kelulusan yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Keseluruhan unit yang diluluskan untuk dibina adalah melebihi 1,929 unit yang merangkumi dari Rumah Selangorku Jenis A sehinggalah Rumah Selangorku Jenis D.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : JAWATANKUASA PEMULIHAN PROJEK TERBENGGALAI (JPPT)

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan mesyuarat JPPT yang diadakan pada tahun 2014
- b) Nyatakan mesyuarat JPPT yang membincangkan projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin sejak tahun 2011
- c) Adakah JPPT mengambil tindakan terhadap projek yang hampir terbengkalai seperti projek Taman Desa Bukit Bujang, Ampang Pecah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah mesyuarat JPPT yang telah diadakan pada tahun 2014 adalah sebanyak 7 kali seperti berikut :

BIL	TARIKH	JUMLAH PROJEK
1	29 Januari 2014	4 Projek
2	14 Februari 2014	5 Projek
3	04 April 2014	4 Projek
4	06 Jun 2014	4 Projek
5	21 Julai 2014	4 Projek
6	05 September 2014	4 Projek
7	17 November 2014	5 Projek

- b) Projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin merupakan projek berlesen dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dikategorikan sebagai projek terbengkalai oleh KPKT pada 31 Disember 2001. Memandangkan projek ini dibawah pemantauan KPKT dari masa ke semasa, maka mesyuarat secara berkala diatitkan oleh KPKT bagi membincangkan pemulihan projek ini. Berdasarkan status terkini, projek ini telah dijual oleh pelikuidasi iaitu Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd kepada Tetuan Punari Sdn Bhd melalui proses tender. Tetuan Punari Sdn Bhd akan bertanggungjawab dalam usaha memulihkan semula projek terbengkalai dan menyelesaikan masalah pembeli. Walau bagaimanapun, pembida daripada pihak lain telah melahirkan ketidakpuashatian dan mempertikaikan proses penjualan tanah ini dibuat oleh pelikuidasi maka pembida daripada pihak lain telah memfailkan permohonan ke Mahkamah bagi mencabar keputusan pembelian yang dibuat oleh Tetuan Punari Sdn Bhd. Sehubungan dengan kes tersebut, Mahkamah telah menetapkan tarikh

kes perbicaraan pada bulan April 2015 bagi menentukan keputusan kes tersebut. Ini telah menyebabkan usaha untuk meneruskan proses pemulihan projek terbengkalai terpaksa ditangguhkan sehingga Mahkamah membuat keputusan.

- c) Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor yang dimajukan oleh ARK Development Sdn.Bhd adalah bukan dibawah pemantauan dan tindakan JPPT yang dipengerusikan oleh saya. Ini memandangkan isu terlibat adalah berkaitan dengan permohonan pemberimilikan tanah ke atas 77 plot / unit yang berstatus tanah kerajaan daripada pemaju ARK Development Sdn Bhd. Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 23 Oktober 2014 telah meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada pemaju ARK Development Sdn Bhd ke atas 77 plot yang terdiri daripada 64 unit yang telah siap dibina namun Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan manakala 13 plot telah siap dibina dengan Sijil Layak Menduduki dengan dikenakan kadar premium pada harga pasaran. Selain itu, ARK Development Sdn Bhd hendaklah membina dan menyiapkan tangki air mengikut keperluan dan ulasan terkini SYABAS bagi keseluruhan Fasa 1. Selain itu, baki pemberimilikan ke atas 70 lot perumahan, 60 unit kedai dan stesen minyak dalam Fasa 1 hanya didaftarkan setelah kerja infrastruktur dan tangki air disiapkan dalam masa enam (6) bulan selepas Borang 5A dikeluarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PEMBINAAN MASJID

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pembinaan Masjid pada setiap tahun dan adakah masih terdapat projek terbengkalai?
- b) Apakah status projek pembinaan Masjid Zakaria di Gombak?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pembinaan Masjid pada setiap tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014
<i>2 buah</i>	<i>3 buah</i>	<i>2 buah</i>	<i>4 buah</i>

*NOTA- Bilangan masjid dibina pada tahun berkenaan diambilkira dari tarikh milik tapak sesebuah projek

Mengikut rekod, tiada projek yang dikategorikan sebagai projek **terbengkalai**. Walau bagaimanapun, terdapat 2 (*dua*) projek yang dikategorikan sebagai **projek sakit** iaitu projek Masjid Ukay Perdana (*Gombak*) dan Masjid Al-Islah Sementara (*Klang*).

- b) Status terkini cadangan pembinaan Masjid Zakaria ialah dalam proses untuk pengambilan tanah untuk laluan jalan masuk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : TREK BASIKAL DI BANDAR SHAH ALAM

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana keberkesanan pembinaan trek basikal di Bandar Shah Alam?
- b) Berapakah purata pengguna trek basikal dalam tempoh sebulan?
- c) Senaraikan program-program yang dilaksanakan kerajaan negeri bagi membudayakan aktiviti berbasikal?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2012, MBSA telah membina trek basikal yang berasingan dari jalanraya sejauh 10km dengan lebar trek 12 kaki dan kos hampir RM5 juta. Ianya bukan sahaja untuk trek basikal tetapi juga adalah untuk pejalan kaki. Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, penggunaan trek basikal Nampak ketara pada hari Jumaat dan cuti hujung minggu khususnya di Pusat Bandar yang digunakan oleh warga Shah Alam, pelajar-pelajar dari Universiti Madinah dari kawasan sekitar Seksyen 3,4,6,7,8 dan 9 serta warga kerja dari pejabat kerajaan dan swasta yang menggunakan trek tersebut untuk berjalan kaki ke pusat Bandar. Bagi keluarga yang menggunakan trek basikal ini mereka merasakan lebih selamat kerana ia jauh dari laluan trafik yang membahayakan mereka. Oleh itu, MBSA yakin bahawa penggunaannya akan terus meningkat dengan kemajuan pesat Bandar Shah Alam di mana pelajar-pelajar daripada sekolah antarabangsa, SOHO dan DEMC di pusat Bandar yang akan menyumbang kepada keberkesanan pembinaan trek basikal ini. Di samping itu, pihak Tourism Selangor dengan kerjasama MBSA juga telah membincangkan 'buggy tour' melalui trek basikal dan pedestrian di sekeliling pusat Bandar dan Taman Tasik Shah Alam. Program pembinaan trek basikal dan pedestrian ini akan diteruskan lagi pada tahun 2015 yang akan menghubungkan Stadium Shah Alam dari pusat Bandar dengan jarak 10 KM dan anggaran kos RM 7 juta.
- b) Pada masa ini MBSA belum membuat kajian terperinci purata bulanan terhadap jumlah penggunaan trek basikal Shah Alam. Walaubagaimanapun MBSA mengambil maklum perkara ini dan akan membuat kajian tersebut pada tahun 2015.

- c) Pihak MBSA telah menganjurkan program-program berkaitan aktiviti berbasikal dengan kerjasama pihak NGO, swasta dan agensi lain pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual:-

PROGRAM KAYUHAN SHAH ALAM 2013

BIL	PROGRAM	AGENSI	TARIKH/LOKASI
1	Kayuhan Sinar Shah Alam & Kayuhan Belia Selangor (BES) 2013	Belia Selangor	Februari 2013 / Dataran Kemerdekaan
2	Kejohanan Lumba Basikal/ Kriterion Shah Alam 2013	NGO	16 Februari 2013 / Depan Laman Budaya
3	Kayuhan 60 Earth Hour 2013	Worldwide Holdings Berhad / SUK /JAIS / MRCB / SIRIM QAS / UNISEL / MSU / TNB / Quality HotEL / Jab. kesihatan Neg. Selangor /PKNS (korporat	23 Mac 2013 / Dataran Shah Alam
4	Kayuhan Santai Shah Alam - MPSJ	MPSJ	13 April 2013 / Hadapan Wisma MBSA
5	Kayuhan Shah Alam Trees For Life	Jabatan Taman & Rekreasi, MBSA & NGO	21 April 2013 /Trek Basikal, Seksyen 4
6	Kayuhan santai Shah Alam	MBSA	18 Mei 2014/ Dataran Kemerdekaan
7	Kayuhan Zon Bersih Bulan Jun 2013	MBSA	2 Jun 2013 /Laluan Basikal, Seksyen 4
8	Kayuhan Gotong Royong zon Bersih	MBSA	8 Jun 2013 /Parcel Seksyen 10 & 11
9	Kayuhan Santai Shah Alam	MBSA	17 Ogos 2013/ Dataran Kemerdekaan
10	Kayuhan Santai Shah Alam ke TasikBiru, Kundang	MBSA & Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	28 September 2013 / Tasik Biru, Kundang
11	Kayuhan Komuniti	Kolej Komuniti	12 Oktober 2013/Hadapan SACC convention center
12	Kayuhan Syiria for life	UNISEL Shah Alam	21 Disember 2013/ UiTM Shah Alam
13	Kayuhan Jalinan Kasih Pelajar Uitm	UiTM Shah Alam	21 Disember 2013/ UiTM Shah Alam

PROGRAM KAYUHAN SHAH ALAM 2014

BIL	PROGRAM	AGENSI	TARIKH/LOKASI
1	Kayuhan Santai Shah Alam Edisi Pertama	MBSA	26/1/2014 Dataran Kemerdekaan
2	Kayuhan Santai Shah Alam Edisi Ke-2	MBSA	23 Mac 2014 / Dataran Kemerdekaan Shah Alam
3	Kejohanan Lumba Basikal / Kriterion Shah Alam 2013	Kejohanan Lumba Basikal/ Kriterion Shah Alam 2013	Kejohanan Lumba Basikal / Kriterion Shah Alam 2013
4	Kayuhan Shah Alam Enduride 2014	Pedal Explorer (NGO)	18 Mei 2014 / Extreme Park, Sek. 13
5	Kayuhan Si Jantung Hati 2014	Metro	24 Mei 2014 / Dataran Kemerdekaan
6	Kayuhan Belia I'm for u	Polis Shah Alam	31 Mei 2014/ Dataran Kemerdekaan
7	Kayuhan "Shah Alam Trees For Life"	UMW Toyota	23 Ogos 2014 / Persiaran Hemisfera, Seksyen U5
8	Kayuhan Kemerdekaan ke - 57	MBSA	27 Ogos 2014/ Hadapan Wisma
9	Majlis Pelepasan Shah Alam City Rides	Tourism Selangor	20 September 2014 / Dataran Kemerdekaan
10	Program Kayuhan santai Shah Alam Night Cycle 2014	MBSA	18 Oktober 2014 / Hadapan Wisma
11	Kayuhan Save Gaza	Mercy Malaysia	25 Oktober 2014/ Dataran kemerdekaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 Sri Muda)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI DILIHAT TIDAK
MENYUMBANG ATLET KE PERINGKAT NASIONAL**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masalah utama yang dihadapi persatuan sukan di selangor? Huraikan
- b) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan memandangkan banyak kemudahan sukan ada di Negeri Selangor. Huraikan

JAWAPAN:

- a) Majlis Sukan Negeri Selangor mempunyai sebanyak 41 persatuan sukan negeri berprestasi tinggi yang telah bergabung. Tujuan utama persatuan sukan negeri ini adalah membangunkan sukan masing-masing mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh badan sukan dunia dan sukan-sukan ini juga adalah sukan-sukan yang kebanyakannya dipertandingkan di Kejohanan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama pihak persatuan sukan negeri bertanggungjawab untuk merangka program tahunan yang menjurus kepada pembangunan prestasi atlet. Walau bagaimanapun terdapat tiga (3) masalah utama yang dihadapi oleh Persatuan Sukan Negeri buat masa ini. Di antaranya adalah berkaitan peruntukan kewangan yang disalurkan kepada pihak Majlis Sukan Negeri untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan bersama persatuan-persatuan negeri adalah tidak mencukupi. Peruntukan ini perlu untuk melaksanakan program-program pencarian bakat baru (TID), latihan pusat, penganjuran kejohanan, menyertai kejohanan, pembelian peralatan latihan dan kejohanan mengikut teknologi terkini serta lain-lain program binaan yang perlu untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi.

Dari segi kemudahan sukan pula, Majlis Sukan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang kemudahan sukan yang dimiliki oleh pihak Majlis bagi memudahkan atlet menjalankan latihan mengikut masa dan kesesuaian atlet. Buat masa ini pihak Majlis terpaksa menyewa kemudahan sukan yang terdapat di Pihak Berkuasa Tempatan dan juga swasta yang mana ianya melibatkan kos yang tinggi. Kemudahan-kemudahan yang dimiliki oleh pihak Berkuasa Tempatan ini juga tidak memberi ruang yang secukupnya untuk atlet-atlet menggunakan bagi memenuhi program-program latihan sepanjang masa. Kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat dibawah seliaan PBT ini juga tidak dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan yang sepatutnya untuk membolehkan latihan dijalankan disitu. Walau

bagaimanapun kekurangan yang dihadapi itu tidak menjadi halangan untuk Negeri Selangor melahirkan atlet-atlet diperingkat Nasional dan Antarabangsa. Terkini dua (2) daripada lima (5) penyumbang pingat emas sukan asia 2014 di Incheon datangnya daripada atlet Negeri Selangor iaitu :-

Karate-do - Syakilla Salni binti Jefry Krishnan
Sukan Layar - Ahmad Syukri bin Abdul Aziz dan Mohd Faizal Norizan

Selain daripada itu juga seramai 45 orang atlet Negeri Selangor telah terpilih untuk mewakili Negara di Kejohanan Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2014 yang lalu.

- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan memandangkan kemudahan sukan banyak di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun kebanyakan kemudahan sukan yang ada di Negeri Selangor ini tidak berada dalam keadaan yang baik dan lengkap bagi membolehkan kejohanan diadakan samada diperingkat Negeri, kebangsaan atau antarabangsa. Walaupun terdapat kemudahan yang boleh digunakan untuk penganjuran diperingkat tertinggi tetapi tidak dapat dilaksanakan gara-gara kadar sewaan yang tinggi dikenakan oleh pihak Berkuasa Tempatan bagi menggunakan kemudahan tersebut tersebut contohnya Stadium Malawati dengan kadar sewa RM 20,000.00 (hari biasa) dan RM 25,000.00 (hujung minggu). Kerajaan Negeri bekerjasama terus dengan persatuan kebangsaan melalui Persatuan Sukan Negeri untuk menganjurkan kejohanan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Kejohanan Liga Futsal Kebangsaan/Felda/FAM 2014, Kejohanan Taekwondo Antarabangsa 2014, Kejohanan Futsal Asian 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : BIASWISA MENTERI BESAR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Biasiswa Menteri Besar akan ditawarkan seperti yang dijanji di Manifesto Pakatan Rakyat Selangor?
- b) Apakah status penubuhan biasiswa tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Penubuhan biasiswa Menteri Besar tidak pernah dibawa ke pihak Perbendaharaan Negeri untuk dibincangkan dan diperhalusi berhubung prosedur dan tatacara pelaksanaan sehingga hari ini tidak ada mekanisme yang telah dirangka bagi melaksanakan program biasiswa tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat faedah-faedah yang lain selain daripada elaun bulanan kepada Pengerusi PeBT yang dilantik?
- b) Apakah terdapat cadangan kerajaan ingin memperkenalkan program seumpama Parlimen Belia yang melibatkan PeBT?
- c) Apakah terdapat cadangan untuk memberikan pendidikan lanjutan kepada Pengerusi yang dilantik?

JAWAPAN:

- a) Pelantikan PeBT dibuat dalam tempoh dua (2) tahun sekali dimana Pengerusi PeBT yang dilantik telah diberikan elaun bulanan kepada Pengerusi PeBT sebanyak RM400.00 dan Pengerusi Induk PeBT sebanyak RM500.00 setiap bulan sebagai penghargaan kepada penglibatan dalam menggerakkan program-program belia di peringkat PeBT. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif di bawah Program Pemerkasaan Belia dengan kelulusan peruntukan keseluruhan sebanyak RM376,000.00 bagi 40 orang peserta dengan kos sebanyak RM9,400 seorang di mana Pengerusi PeBT telah diberi peluang untuk mengikuti program tersebut. Sebanyak 12 tempat telah disediakan untuk Pengerusi PeBT mengikuti Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) tersebut.

- b) Kerajaan Negeri akan mengadakan Program Sidang DUN Anak Muda yang dijadualkan pada Disember 2014. Tujuan program ini diadakan adalah sebagaimana berikut :-
- i) Program ADUN Muda Selangor merupakan satu program khusus untuk mahasiswa dan mahasiswi kelahiran Selangor dan/atau yang sedang menyambung pengajian di institut-institut pengajian tinggi di Selangor, PeBT dan NGO untuk mengalami prosiding sebenar di Dewan Undangan Negeri Selangor sebagai seorang Ahli Dewan Negeri (ADUN).
 - ii) Peserta-peserta akan mempelajari prosedur dan proses penggubalan undang-undang di peringkat negeri. Mereka akan memainkan peranan sebagai seorang ADUN di dalam satu sidang Dewan Negeri untuk menyuarakan pendapat mereka tentang polisi-polisi kerajaan dan juga mencadangkan usul-usul khususnya yang memberi impak kepada golongan anak muda.
 - iii) Program ADUN Muda Selangor 2013 telah diperkenalkan buat pertama kali di Dewan Negeri Selangor pada 16 - 18 Disember 2013 anjuran Pejabat Speaker dengan kerjasama Pejabat Dewan Negeri Selangor. Seramai 30 peserta dipilih daripada 265 pemohon dari seluruh Selangor dan juga negeri-negeri lain. Peserta-peserta yang terpilih telah mewakili 30 kawasan DUN dalam Dewan Negeri dan membahaskan usul-usul yang telah dirangka oleh para peserta sendiri.
- c) Di antara program-program yang telah dijalankan bertujuan untuk memberikan Pendidikan Lanjutan kepada Pengerusi yang dilantik adalah seperti berikut :-
- i) Program Pengajian Pendidikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Peringkat Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) di bawah Program Pemerkasaan Belia Tahun 2014-2015 dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (IPSAS,UPM) bertujuan untuk memberi ruang yang khusus kepada golongan belia bagi melanjutkan pelajaran serta dapat mengembangkan bakat kepimpinan mereka sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan belia berpendidikan, aktif, kreatif, sihat dan berfikiran jauh ke hadapan sebagai aset pembangunan negeri pada masa akan datang.
 - ii) Seterusnya program Kurusu Asas Kepimpinan PeBT telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 3 dan 4 Mei 2014, 10 dan 11 Mei 2014 dan 24 dan 25 Mei 2014 bertujuan sebagaimana berikut :-

- a) Memberikan penerangan kepada pengerusi PeBT baru berkaitan tanggungjawab dan peranan masing-masing mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan Negeri Selangor;
 - b) Mengukuhkan semangat kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan peserta serta mengeratkan hubungan silaturahim antara pengerusi PeBT dengan pegawai-pegawai pemantau dari Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Bahagian Pembangunan Belia MSNS dan UPEN; dan
 - c) Membentuk jati diri yang padu bermula dari dalam jiwa dan diterjemahkan dengan sikap dan akhlak murni khususnya sebagai pemimpin belia setempat.
- iii) Program Pengucapan Awam telah diadakan pada 27 dan 28 September 2014 yang bertujuan sebagaimana berikut :-
- a) Memberi latihan dan bimbingan bagi mengukuhkan kemahiran;
 - b) Membentuk PeBT yang berketrampilan; dan
 - c) Melahirkan pemimpin yang berwibawa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI NEGERI SELANGOR

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah elaun setiap bulan yang dibayar kepada beliau ?
- b) Berapakah pegawai yang bertugas di pejabatnya ?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang perlu dibayar untuk pengurusan pejabatnya ?

JAWAPAN:

Sila Rujuk Hansard pada 1 Disember 2014 (Isnin).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : BELANJAWAN MBPJ 2015

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan belanjawan 2014 dan 2015?
- b) Berapakah yang diperuntukkan untuk pembangunan baru infrastruktur 2015 berbanding 2014?
- c) Berapa yang dibelanjakan dan nyatakan pulangan penganjuran fiesta/festival antarabangsa tersebut.

JAWAPAN:

a)

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
RINGKASAN ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2015**

HASIL	2014	2015
	RM	RM
Hasil Cukai	204,000,000	220,000,000
Hasil Bukan Cukai	92,476,100	97,503,900
Geran Keseimbangan :-		
i) Persekutuan	5,000,000	5,000,000
ii) Negeri	-	-
Sumbangan Bantu Kadar	1,750,180	1,583,300
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,752,000	1,772,000
Jumlah Hasil	304,978,280	325,859,200
PERBELANJAAN		
Emolumen	85,077,150	91,425,060

Perkhidmatan dan Bekalan	178,133,670	190,123,910
Aset	7,766,780	25,168,000
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,524,790	1,729,530
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	5,267,440	6,658,930
Perbelanjaan Mengurus	277,769,830	315,105,430
Perbelanjaan Pembangunan Biayaan Majlis	46,550,060	56,616,030
	2014	2015
	RM	RM
Jumlah Perbelanjaan	324,319,890	371,721,460
Kelebihan/ (Kekurangan)	(19,341,610)	(45,862,260)
Jumlah Besar	304,978,280	325,859,200

b)

Program	2014 RM	2015 RM	Tambah / Kurangan	
			RM	%
Jalan, Perparitan & Jambatan	21,886,020	25,098,010	3,211,990	14.68

c)

c.1 Justifikasi kepada penganjuran

- i. Penganjuran PJ International Fair merupakan salah satu program di bawah Rangka Kerja Polisi Sustainable 2030 di bawah Halatuju Utama : Habitat Kita (Mewujudkan Bandaraya Indah Dan Berdaya Murni). Seksyen 52 dipilih bagi pelaksanaan projek perintis “Livable City Petaling Jaya”.
- ii. Pemilihan Seksyen 52 sebagai lokasi projek perintis “Livable City Petaling Jaya” adalah berdasarkan pandangan pemilik-pemilik kedai sekitar pusat Bandar seksyen 52 semasa dialog bersama YAB Dato Menteri Besar Selangor di Dewan Sivik, MBPJ di bawah program khas Mesra Rakyat dan Pelancaran Logo Selangorku

pada 14 Oktober 2011 yang menyatakan bahawa Pusat Bandar Seksyen 52 , walaupun menjadi pusat pentadbiran utama di Petaling Jaya tetapi merupakan bandar mati kerana aktiviti ekonomi dan sosial tidak berlaku sepertimana bandar-bandar lain. Lanjutan daripada itu YAB Dato Menteri Besar meminta supaya MBPJ mengambil langkah-langkah sewajarnya terhadap pandangan tersebut. Tindakan untuk menghidupkan aktiviti ekonomi sosial dan budaya di pusat bandar utama ini adalah bagi menyahut seruan YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan pandangan daripada pemilik-pemilik kedai di Pusat Bandar tersebut.

- iii. Penganjuran aktiviti bertaraf antarabangsa PJ International Fair 2014 di Seksyen 52, Petaling Jaya selain disebabkan oleh perkara (i) dan (ii) di atas, juga merupakan salah satu langkah untuk menjadikan MBPJ sebagai sebuah “Pihak Berkuasa Tempatan bersaing” dimana pewujudan “hubungan antarabangsa” menjadi sebahagian daripada kriteria di bawah “star rating” Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini.
- iv. MBPJ adalah di antara PBT di negeri Selangor yang telah mempunyai hubungan antarabangsa dengan beberapa buah bandaraya luar negara di bawah Program “Sister City” seperti Guangzhou Cina, Bandung Indonesia dan Saitama, Jepun. Sebagai satu langkah untuk mempromosikan bandaraya Petaling Jaya, penganjuran PJ internasional fair menjadi kesempatan terbaik untuk menunjukkan kelebihan Petaling Jaya disamping memberi peluang untuk hubungan baru dengan bandaraya-bandaraya yang lain yang menjadi peserta festival berkenaan.

c.2 Faedah / Pulangan Penganjuran

- i. Memperkenalkan bandaraya Petaling Jaya di mata dunia.
 - a. Kehadiran lebih 174 peserta daripada 9 buah negara dan 170 peserta daripada 7 negeri di Malaysia telah dapat mempromosikan bandaraya Petaling Jaya di mata dunia dan di peringkat kebangsaan. Peserta-peserta ini telah diberi pendedahan kepada kemudahan utama yang terdapat di Petaling Jaya seperti Hotel-hotel, Pusat Membeli Belah, Bazar Muhibbah dan lain-lain lokasi tarikan utama di Petaling Jaya.
- ii. Meningkatkan sektor pelancungan di Petaling Jaya dan di Negeri Selangor.

- a. Sektor pelancongan seperti bidang perhotelan, pusat membeli belah dan bazaar di Petaling Jaya telah menerima impak yang positif hasil kunjungan lebih 300 peserta luar dan dalam negara sepanjang penganjuran festival antarabangsa ini. Bilangan pengunjung di pusat-pusat membeli belah telah meningkat dengan adanya persembahan “pocket show” dari kumpulan kebudayaan 9 buah negara luar dan 7 kumpulan negeri-negeri di Malaysia.
 - b. Sepanjang festival antarabangsa ini, produk-produk pelancongan dari Negeri Selangor dan negeri-negeri lain di Malaysia juga dipamerkan meliputi hasil-hasil kraftangan dan permainan tradisional negeri-negeri berkenaan. Ini bukan sahaja memberi kesan positif kepada sektor pelancongan di Negeri Selangor tetapi di negeri-negeri lain di Malaysia juga.
- iii. Mempromosikan budaya rakyat dan permainan tradisional negeri Selangor dan negeri-negeri lain di Malaysia.
- a. Penganjuran festival antarabangsa bertemakan kebudayaan dan kesenian rakyat ini dapat mempromosikan budaya dan cara hidup rakyat negeri Selangor dan negeri-negeri lain di Malaysia kepada peserta-peserta luar negara dan juga pengunjung daripada penduduk Petaling Jaya.
- iv. Faedah kepada Penduduk Petaling jaya Golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang tidak mampu ke luar negara.
- a. Penduduk Petaling Jaya yang berpendapatan rendah dan tidak mampu ke luar negara berpeluang melihat budaya dan cara hidup negara-negara luar seperti Thailand, Mesir, Korea, Ghana, Iran dan Indonesia serta negeri-negeri di Malaysia seperti Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor.
- v. Faedah ekonomi kepada peniaga-peniaga Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya
- a. Bilangan pengunjung bagi festival antarabangsa ini berjumlah 15,000 orang dari dalam dan luar negara memberi impak positif kepada aktiviti ekonomi di Pusat Bandar Seksyen 52 yang telah menawarkan perkhidmatan restoran dan hotel-hotel budget.

- vi. Penerimaan positif penduduk Petaling Jaya
 - a. Kajian pendapat yang dibuat oleh Unit Perhubungan Awam MBPJ di lokasi-lokasi persembahan “pocket show” dan tapak festival antarabangsa mendapat maklumbalas positif penduduk Petaling Jaya dan meminta MBPJ memperbanyakkan aktiviti persembahan kebudayaan untuk memberi pendedahan kepada penduduk tempatan seterusnya menghidupkan Bandar Petaling Jaya.

- vii. Kemudahan Infrastruktur Baru di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya
 - a. Sempena penganjuran aktiviti PJ International Festival, kemudahan infrastruktur sediaada di Pusat Bandar Seksyen 52 telah dipertingkatkan dan diperbaharui dengan penyediaan tempat-tempat awam yang baru seperti “boulevard”, pengindahan pintu-pintu gerbang dan jejambat pejalan kaki, pengindahan lorong belakang kedai, penyediaan tong-tong sampah baru, penanaman pokok-pokok landskap, penyediaan lampu-lampu berhias, pembinaan ramp dan tempat letak kereta OKU serta lain-lain kemudahan yang memberi manfaat kepada pengunjung ke Pusat Bandar Seksyen 52. Secara keseluruhannya kemudahan-kemudahan ini telah membawa keceriaan dan keindahan kepada Pusat Bandar Seksyen 52 sebagai Pusat Separa Wilayah bagi bandaraya Petaling Jaya.

c.3 Perbelanjaan Penganjuran

Perbelanjaan bagi penganjuran PJ International Fair 2014 – Folklore Festival adalah RM439,600.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : SEWA PETAK PASAR PAGI DAN MALAM SETIAP PBT

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kutipan sewa petak pasar pagi dan malam tahun 2013 dan hingga kini di setiap PBT?
- b) Adakah kerajaan negeri kaji semula untuk menurunkan kadar sewa petak setiap RM4? Dan
- c) Jumlah perbelanjaan kutipan sampah digunakan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan sewa petak pasar pagi dan malam pada tahun 2013 adalah sebanyak **RM9,738,515.80** dan sebanyak **RM11,691,782.70** pada tahun 2014. Sila rujuk **Lampiran 1**.
- b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar sewa tapak pasar sebanyak RM4.00 seperti yang telah diputuskan oleh MMKN pada tahun 2009 kerana kadar tersebut adalah minimum dan berpatutan di mana jumlah kutipan sewa tapak tersebut juga digunakan oleh PBT untuk menampung kos perbelanjaan pembersihan sampah termasuk kos air dan elektrik.
- c) Anggaran perbelanjaan kutipan sampah (Pasar Pagi dan Pasar Malam) bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM8,127,197.50. Sila rujuk jadual di **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 1

**JUMLAH KUTIPAN SEWA PETAK PASAR PAGI DAN MALAM
BAGI TAHUN 2013 HINGGA OKTOBER 2014**

Bil.	PBT	Tahun 2013		Tahun 2014	
		Pasar Pagi (RM)	Pasar Malam (RM)	Pasar Pagi (RM)	Pasar Malam (RM)
1.	MBSA	431,160.00	308,932.00	790,460.00	504,776.00
2.	MBPJ	2,335,314.50		2,325,171.50	MBPJ hanya mengenakan bayaran lesen petak RM208.00 setahun bagi satu petak
3.	MPK	644,928.00	1,658,282.00	985,618.00	1,822,930.00
4.	MPAJ	Belum ambil alih		265,362.00	473,727.00
5.	MPSJ	793,645.00	586,894.00	264,353.00	575,231.00
6.	MPS	47,640.00	325,560.00	48,120.00	404,080.00
7.	MPKj	502,395.50	671,752.00	1,131,915.00	635,651.20
8.	MPSp	418,217.80		472,046.00	
9.	MDKL	429,565.00		343,978.00	
10.	MDHS	51,000.00	13,897.00	36,920.00	95,655.00
11.	MDKS	106,394.00	385,639.00	86,449.00	326,666.00
12.	MDSB	15,548.00	11,752.00	58,448.00	44,226.00
JUMLAH		9,738,515.80		11,691,782.70	

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

LAMPIRAN 2

PBT	Perbelanjaan Kutipan Sampah (RM)
MBSA	372,132.00
MBPJ	2,325,171.50
MPK	1, 163, 640.00
MPAJ	418,309.12
MPSJ	1,260,689.28
MPS	846,228.00
MPKj	1,881,756.00.00
MPSp	336,000.00
MDKL	29,352.40
MDHS	205,920.00
MDKS	331,639.20
MDSB	120,000.00
Jumlah Keseluruhan	8,127,197.50

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI DAN TAMAN PBT PERLU PENYELENGGARAN
BERJADUAL**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan MPK untuk penyelenggaraan dewan orang ramai Telok Pulai?
- b) Bagaimana kerajaan negeri boleh memastikan dewan-dewan MPK diselenggara dengan baik bagi kepentingan awam?
- c) PBT kerap mengadu tidak cukup peruntukan untuk mengurus taman permainan. Apa Peranan kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Majlis bagi tujuan penyelenggaraan kerja-kerja sivil di Dewan Orang Ramai Teluk Pulai adalah sebanyak RM180,968.00 bagi tahun 2015.
- b) Pasukan untuk pembersihan dewan adalah secara 'in house' setiap hari. Pihak Majlis Perbandaran Klang menyediakan jadual penyelenggaraan secara berkala yang meliputi kerja-kerja pembaikan, pembersihan dewan, keselamatan dan persekitaran dewan di kesemua dewan Majlis bagi memastikan dewan-dewan MPK diselenggara dengan baik.
- c) Terdapat 891 padang permainan yang bersaiz di antara 0.2 – 4 ekar di bawah kawasan pentadbiran MPK yang mempunyai kos penyelenggaraan yang tinggi dan peruntukan kos mengurus taman permainan Majlis adalah sebanyak RM6,032,280.00 setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PENGURUSAN KRISIS AIR

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan projek Langat 2?
- b) Apakah status terkini penstrukturan semula pemegang-pemegang konsesi syarikat bekalan air?

JAWAPAN:

(Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali)

Melalui penelitian saya, terdapat banyak soalan-soalan yang telah ditanyakan tentang perkara berkaitan penstrukturan industri bekalan air Negeri Selangor serta yang melibatkan perjanjian air yang telah ditandatangani sebelum ini. Antara soalan tersebut datangnya dari :

- i) Y.B. Sekinchan;
- ii) Y.B. Permatang;
- iii) Y.B. Bukit Gasing;
- iv) Y.B. Lembah Jaya; dan
- v) Y.B. Kuang

Saya yakin dan percaya semua Ahli Yang Berhormat juga sangat berminat berkaitan isu yang melibatkan penstrukturan dan perjanjian air ini.

Izinkan saya untuk menjawab bersekali semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi.

Saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut:

- i) Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Bekalan Air Negeri Selangor
- ii) Terma-terma Perjanjian
- iii) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat
- iv) Projek Langat 2
- v) Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water ,NRW*)

1) **Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya**

Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (Perjanjian Induk Atau *Master Agreement*) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai diantara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor.

Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB). Dengan persetujuan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri yang telah diberi amanah oleh rakyat, akan mentadbirnya dengan penuh hemah demi kebaikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua (2) lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

2) **Terma-terma Perjanjian**

Pada umumnya terma-terma umum perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya adalah:

- i) Persetujuan untuk saling memudahcara bagi menjayakan penstrukturan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- ii) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuti syarikat-syarikat konsesi;
- iii) Persetujuan untuk sewa-pajak aset-aset bekalan air;
- iv) Penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan (*operation and maintenance*) industri perkhidmatan air kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Pemberian lesen perkhidmatan kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor; dan

- vi) Kebenaran pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) serta penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pengujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

3) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat

Usaha dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah bertujuan semata-mata untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa Air Selangor beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memantau agar Air Selangor mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampaui. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, Air Selangor dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, Air Selangor akan beroperasi secara holistik dan ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) bagi tujuan memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh Air Selangor akan dipantau secara langsung melalui kuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi bagi pembelian air terawat seperti mana keadaan pada masa ini.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

4) Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL 2)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangn Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor pada 4 September 2014, telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kebenaran Merancang telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana Projek Langat 2 ini.

Pada ketika ini, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAAB adalah masih diperingkat Kerja Awal seperti Kerja-kerja pembersihan tapak.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor akan mencari dan mengguna ruang yang ada untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat secara menyeluruh. Ruang yang saya maksudkan ini termasuklah

memastikan pembinaan LRAL2 yang melibatkan kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan, akan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur pembaziran yang kelak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pewujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

5) **Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water* ,NRW)**

Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor antaranya untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kadar NRW. Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa NRW adalah sesuatu yang merugikan rakyat. Oleh itu wajarlah tumpuan diberikan untuk menurunkan kadar NRW.

Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : PROGRAM PENINGKATAN HASIL PADI

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan akan meneruskan program peningkatan hasil padi
- b) Apakah langkah-langkah untuk menambah baik program ini.
- c) Berapa peruntukan disediakan untuk program ini

JAWAPAN:

- a) Kerajaan akan meneruskan program peningkatan hasil padi melalui Program Pembangunan Tanaman Padi yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Selangor
- b) Langkah-langkah menambahbaik program ini adalah:

1. Aktiviti meningkatkan hasil padi.

Aktiviti peningkatan hasil padi akan diperhebatkan melalui pendekatan seperti berikut:

a. Pengamalan Pakej Teknologi Padi

Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada :

- Penggunaan transplanter dan benih CL bagi kawalan padi angin atau benih
- Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah Pembajaan
- Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)

b. Perladangan Persis

Membangun dan menilai teknologi pengurusan tanaman padi yang bersesuaian dan ke arah amalan pertanian baik. Kearah itu, data asas dan maklumat kesuburan tanah dikumpul dan dianalisa untuk mengetahui tahap kesuburan tanah pada masa tersebut dan aktiviti tanaman padi dipantau dengan menggunakan teknologi pertanian persis atau teknologi '*Remote Sensing*'.

c. **Pengurusan Perosak Bersepadu**

Salah satu faktor yang mempengaruhi peningkatan hasil padi adalah pengurusan perosak dan penyakit tanaman padi. Keadaan ini memerlukan pemerhatian dan penumpuan khusus kepada pengurusan secara bersepadu perosak dan penyakit, terutamanya bila berlaku wabak (*outbrake*).

2. Automasi dan mekanisasi

Aktiviti ini bertujuan mempromosi automasi dan mekanisasi serta aktiviti persawahan dengan memperluaskan penggunaan mesin dan jentera oleh pengusaha sawah. Mesin, jentera dan peralatan terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa yang sesuai akan diperolehi sebagai kaedah mempromosi penggunaan di kalangan pengusaha.

3. Pembangunan institusi petani

Memperkasakan modal insan dan meningkatkan keupayaan R & D pegawai dan petani dalam sektor tanaman padi melalui latihan amali dan teori oleh pakar. Juga melalui kursus, *hands-on*, lawatan, seminar dan sesi kerja.

4. Pengurusan Berpusat Padi.

Menggalakkan pesawah dalam satu kawasan atau blok untuk bergabung dan berfungsi sebagai satu unit pengeluaran supaya semua aktiviti berkaitan tanaman padi dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Serta menggalakkan penubuhan kumpulan-kumpulan pesawah yang mengamalkan Pertanian Lestari. Pesawah akan diberi insentif berdasarkan kecekapan pengurusan yang mematuhi 10 faktor penentu meningkatkan hasil padi, aktiviti-aktiviti pertanian lestari serta pensijilan Amalan Pertanian Baik (MyGAP).

c) Peruntukkan yang disediakan untuk program pada tahun 2014 ini adalah seperti berikut:

Daerah	Peruntukkan Pembangunan (RM)	Peruntukkan Mengurus (RM)
Sabak Bernam	151,489.00	1,253,205.00
Kuala Selangor	80,000.00	925,425.00
Jumlah	231,489.00	2,178,630.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PENGLIBATAN PKNS DALAM PEMBANGUNAN PJ SENTRAL

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila jelaskan penglibatan PKNS dalam projek pembangunan PJ sentral dan urusan berkenaan dengan Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) dan Nusa Gapurna.

JAWAPAN:

- a) PKNS dan Bisraya telah menandatangani satu perjanjian jual beli pada tahun 2007 untuk memajukan tanah PKNS yang merupakan ibu pejabat PKNS di Petaling Jaya seluas 9.845 ekar. Dalam perjanjian tersebut, Bisraya akan menyumbang kepada PKNS sebanyak RM74.6 juta, iaitu RM13 juta dalam bentuk tunai dan RM61.6 juta berbentuk nilai bangunan yang akan dijadikan ibu pejabat PKNS yang baru di atas tanah PKNS sendiri seluas 1.8 ekar di Shah Alam. Pada tahun 2010, PKNS telah mengkaji semula cadangan di atas dengan membuat keputusan untuk melibatkan diri dalam pembangunan secara usaha sama dengan Bisraya, di mana PKNS memegang 30% saham dalam entiti syarikat yang akan memajukan tapak seluas 9.845 ekar. Perjanjian usaha sama ini ditandatangani 03/09/2010 yang mana PKNS menamakan PKNS Holdings Sdn Bhd dan Bisraya menamakan syarikat milik penuhnya iaitu Nusa Gapurna. Entiti syarikat baru ini dikenali dengan P.J. Sentral.

Dalam tempoh 2010 sehingga Jun 2014 terdapat beberapa pertelingkahan komersial yang menyebabkan usaha sama ini dirujuk ke mahkamah ekoran daripada tindakan Nusa Gapurna menjual ekuitinya kepada MRCB. Walau bagaimanapun, pada 20 Jun 2014 PKNS Holdings telah menandatangani perjanjian penyelesaian dengan pihak Nusa Gapurna dan pihak MRCB.

Kaedah penyelesaian yang telah dipersetujui di antara kesemua pihak adalah PKNS Holdings menjual kesemua saham miliknya di dalam P.J Sentral kepada MRCB pada nilai RM85.3 juta iaitu (30% pegangan saham dalam P.J Sentral) dan MRCB melalui P.J Sentral memberi hak pembangunan (development right) kepada PKNS Holdings untuk membangunkan satu menara yang berkeluasan 862,511 kaki persegi atau bersamaan dengan 60 tingkat pejabat komersial pada nilai balasan sebanyak RM91.1 juta atau bersamaan dengan 32.05% daripada luas lantai bersih kawasan pembangunan.

Pembayaran baki 2.05% perbezaan hak pembangunan yang kena dibayar oleh PKNS Holdings kepada MRCB ialah sebanyak RM5.8 juta sahaja.

Dengan penyelesaian ini PKNS mendapat semula “development right” sebuah Menara 60 tingkat di Petaling Jaya.

- a) PKNS dan Bisraya telah menandatangani Perjanjian Jualbeli untuk memajukan tapak seluas 9.854 ekar di Petaling Jaya di mana 8.054 ekar dijual kepada Bisraya. Sebagai balasan Bisraya akan menyumbang sebanyak RM74.6 juta kepada PKNS iaitu RM13 juta dalam bentuk tunai dan RM61.6 juta dalam bentuk pembinaan ibu pejabat PKNS di atas tanah seluas 1.8 ekar.

Bagaimanapun dalam tahun 2010 PKNS telah mengkaji semula cadangan asal dan membuat keputusan untuk melibatkan diri dalam pembangunan secara usahasama dengan Bisraya secara 70% : 30%, di mana PKNS memegang 30% saham.

Pada 03 September 2010 Perjanjian Usahasama ditandatangani. PKNS diwakili oleh PKNS Holdings Sdn Bhd dan Bisraya diwakili oleh Nusa Gapurna, syarikat usahasama dikenali sebagai P.J Sentral.

P.J Sentral telah membeli tanah 8.054 ekar dari Bisraya dan tanah 1.8 ekar dari PKNS dan telah menyelesaikan semua pembayaran.

Tanpa pengetahuan PKNS Holdings, Nusa Gapurna pada Februari 2013 telah memasuki satu Perjanjian dengan MRCB untuk menjual pegangan saham-saham milik Nusa Gapurna dengan harga RM729 juta. Ini termasuk juga pegangan saham 70% milik Nusa Gapurna di dalam P. J Sentral pada nilai RM199 juta.

Nusa Gapurna telah menggunakan klausa "Drag Along" di dalam Perjanjian Pemegang Saham untuk memaksa PKNS Holdings melepaskan pegangan saham sebanyak 30% kepada MRCB.

PKNS Holdings telah mengemukakan saman terhadap MRCB dan Nusa Gapurna di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk menghalang transaksi penjualan saham tersebut dan untuk Mahkamah membuat deklarasi bahawa PKNS Holdings berhak untuk melaksanakan hak "Pre-Emption" iaitu hak untuk membuat tawaran balas dan membeli pegangan Nusa Gapurna di dalam P.J Sentral. Bagaimanapun pada 27 Februari 2014 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat keputusan yang berpihak kepada MRCB dan Nusa Gapurna.

Lanjutan dari keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang berpihak kepada MRCB dan Nusa Gapurna, PKNS Holdings telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan dan juga memfailkan injunksi untuk menghalang Nusa Gapurna dan MRCB daripada melengkapkan transaksi sementara rayuan di Mahkamah Rayuan diselesaikan. Permohonan injunksi tersebut telah didengar pada 7 Mac 2014 di mana Mahkamah memutuskan Nusa Gapurna dan MRCB dihalang dari menguatkuasakan, melaksanakan atau menyempurnakan penjualan saham sementara rayuan diputuskan.

Pada hari pendengaran rayuan di Mahkamah Rayuan pada 26 April 2014, pihak-pihak di dalam rayuan telah memohon penangguhan untuk satu rundingan penyelesaian. Mahkamah Rayuan bersetuju untuk menunda dan menetapkan pendengaran kes rayuan pada 23 Jun 2014.

Pada 20 Jun 2014, pihak-pihak yang terbabit telah menandatangani perjanjian penyelesaian dan dengan perjanjian penyelesaian tersebut, PKNS Holdings telah menarik balik rayuan tersebut.

Kaedah penyelesaian yang telah dipersetujui di antara kesemua pihak adalah secara PKNS Holdings menjual kesemua saham miliknya di dalam P. J Sentral kepada MRCB pada nilai RM85.3 juta iaitu (30% pegangan saham dalam P.J Sentral) dan MRCB melalui P. J Sentral memberi hak pembangunan ("development right") kepada PKNS Holdings untuk membangunkan satu menara yang berkeluasan 862,511 kaki persegi atau bersamaan dengan 60 tingkat Pejabat Komersial pada nilai balasan sebanyak RM91.1 juta atau bersamaan dengan 32.05% daripada luas lantai bersih kawasan pembangunan.

Pembayaran baki 2.05% perbezaan hak pembangunan yang kena dibayar oleh PKNS Holdings kepada MRCB ialah sebanyak RM5.8 juta sahaja.

Dengan penyelesaian ini PKNS mendapat semula "development right" sebuah Menara 60 tingkat Pejabat Komersial di Petaling Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : SKIM HPIPT ANAK SELANGOR

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai galakan dan kebajikan kepada pelajar. Bolehkah bayaran dibuka kepada setiap pendaftaran peringkat pengajian Diploma & Ijazah?
- b) Adakah halangan untuk menetapkan tempoh 2 minggu kelulusan dan bayaran selepas serahan borang dan dokumen lengkap?

JAWAPAN:

- a) Permohonan HPIPT adalah dibuka sepanjang tahun untuk pinjaman di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Insentif HPIPT diberikan secara 'one-off'.
- b) Setiap permohonan perlu diproses mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan dan proses kerja tersebut melibatkan prosedur kerja Bendahari Negeri.

Purata permohonan yang diterima adalah 1,500 sebulan dan meningkat semasa sesi kemasukan baru pelajar ke IPTA / IPTS.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mempunyai halangan untuk memproses permohonan sehingga bayaran dikemukakan dalam tempoh 2 minggu kerana mempunyai kekangan dari segi tenaga kerja dan sistem. Bahagian ini dalam proses membangunkan sistem baru yang diharapkan akan dapat meningkatkan sistem penyampaian HPIPT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : NAIK TARAF BUKIT BROGA SEBAGAI TEMPAT PELANCONGAN

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf Bukit Broga sebagai sebuah tempat pelancongan di Selangor?
- b) Apakah syarat-syarat untuk menaiktaraf sesebuah tempat tersebut sebagai tempat pelancongan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dari masa ke semasa sentiasa merancang dan mengambil inisiatif untuk menaik taraf kawasan-kawasan yang sesuai sebagai tempat pelancongan di Negeri Selangor. Dalam konteks Bukit Broga, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah mempromosikan kawasan ini sebagai sebuah tempat pelancongan di dalam laman web rasmi, media-media sosial dan pelbagai saluran media lain. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pula telah menjadikan kawasan ini sebagai produk pelancongan Hulu Langat dan turut dimasukkan di dalam laman web rasmi MPKj. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui MPKj juga bercadang untuk menaik taraf kemudahan maklumat dengan memasang papan tanda arah dan papan maklumat yang berkaitan di Bukit Broga pada masa akan datang.
- b) Sesuatu kawasan boleh dinaiktarafkan sebagai kawasan pelancongan sekiranya memenuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan dalam Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992. Pada masa yang sama, terdapat beberapa akta-akta dan peraturan lain berkaitan yang perlu dipatuhi iaitu:
 - i. Akta Industri Pelancongan 1992;
 - ii. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;
 - iii. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992;
 - iv. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan Institusi Latihan Pelancongan) 1994;

- v. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1992;
- vi. Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999; dan
- vii. Peraturan-Peraturan Kenderaan Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Kenderaan Pelancongan) 2000.

Sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menaik taraf sesuatu produk pelancongan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan bersama Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) akan memastikan produk pelancongan memenuhi beberapa faktor dan kriteria sebelum menaik taraf sesebuah tempat menjadi produk pelancongan. Kriteria utama adalah sesuatu tempat produk pelancongan itu hendaklah dimasukkan di dalam kalendar dan senarai pelancongan negeri dan menjadi salah satu tempat pelancongan yang dipromosikan oleh TSSB sebagai sebuah badan pelancongan negeri yang bertanggungjawab untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Selain dari itu, beberapa faktor dan kriteria yang diambil kira adalah seperti berikut:

- i) **Kemudahan Infrastruktur**
Kemudahan Infrastruktur asas perlu disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memberi keselesaan kepada pengunjung dan juga para pengusaha.
- ii) **Kemudahan Jalan dan Akses**
Kemudahan jalan dan akses yang baik adalah perlu untuk kemudahan pelancong dan juga peniaga untuk ke tempat pelancongan yang ingin dibangunkan.
- iii) **Nilai Komersial**
Nilai komersial sesuatu tempat dapat menggambarkan “*x-factor*” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
- iv) **Promosi**
Kaedah promosi yang dijalankan antaranya Sesi Pelancaran, Laman Web Rasmi, Laman Media Sosial, dan hebahan melalui media cetak. Selain itu, pihak pengusaha perlu menyediakan pakej dan bahan promosi yang menarik untuk memberi peluang pengunjung menikmati kelebihan yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : MEDAN SELERA DAN GERAI MILIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan lebih banyak medan selera dan gerai bawah PBT untuk mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi kepada peniaga kecil?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan khas untuk menaiktaraf gerai dan medan selera milik PBT yang usang?

JAWAPAN:

- a) Bagi mewujudkan lebih banyak medan selera dan gerai, PBT mensyaratkan pemaju untuk membina kemudahan awam termasuk dewan, tadika, gerai dan menyerahkan bangunan tersebut kepada pihak PBT yang kemudiannya boleh disewakan kepada penyewa dan peniaga tempatan. Perkara ini biasanya disyaratkan di dalam Kebenaran Merancang.
- b) Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan mengumpul maklum balas daripada PBT berhubung senarai semua medan selera yang diselenggara oleh PBT bagi tujuan penyelarasan dan naik taraf kemudahan- kemudahan sedia ada di PBT. Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan akan menyediakan laporan tersebut berserta pecahan peruntukan bagi cadangan pembangunan tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

TAJUK : PEMBINAAN PINTU GERBANG DI PANDAMARAN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Negeri telah bersetuju pada awal tahun ini supaya membina pintu gerbang di Jalan Besar Pandamaran atas sumbangan Kerajaan Negeri tetapi sehingga kini pembinaan masih belum dimulakan. Bila pintu gerbang tersebut akan dibina?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM55,506.00 melalui peruntukan Projek-projek Kampung Baru/Bagan untuk pihak Majlis melaksanakan pembinaan tersebut. Majlis telah menyediakan pelan dan senarai kuantiti kerja bagi pembinaan tersebut. Surat telah dikemukakan kepada pihak JKR Daerah Klang dan pihak JKR Daerah Klang telah memanjangkan perkara ini kepada pihak JKR Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

**TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI KAMPUNG TONGKAH MORIB, BANTING
(PEJABAT TANAH DAN DAERAH KUALA LANGAT)**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek rumah terbengkalai di Kampung Tongkah, Morib Banting (Projek Syarikat Era Permai Sdn. Bhd) ?
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan sebahagian permohonan (bekas pekerja ladang). Apakah status baki permohonan yang lain?

JAWAPAN:

- a) Keputusan MMKN ke 13/2014 bertarikh 2 April 2014 telah menimbang dan meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada 71 orang pekerja Ladang Dusun Durian untuk tujuan kediaman (tapak rumah).

Lain-lain permohonan iaitu 38 permohonan tujuan kediaman dan 11 permohonan tujuan bangunan perniagaan ditolak.

Notis 5A telah dikeluarkan kepada 68 pemohon yang telah diluluskan pelupusan secara pemberimilikan bertarikh 25 Ogos 2014. Manakala 3 pemohon lain telah meninggal dunia sebelum premium sempat dijelaskan. Deraf kertas ringkasan telah dibuat untuk diangkat semula untuk pertimbangan MMKN bagi mendapatkan kelulusan waris kepada pemohon yang telah meninggal dunia.
- b) Bagi permohonan yang ditolak menerusi keputusan MMKN ke 13/2014, Pentadbir Tanah Kuala Langat mencadangkan supaya pemohon-pemohon tersebut mengisi semula Jadual 1 bagi permohonan pelupusan secara pemberimilikan di bawah seksyen 76 KTN 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : HASIL TANGKAPAN NELAYAN DI SUNGAI SELANGOR BERKURANGAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tidak ada bantuan dari pihak yang BERTANGGUNGJAWAB untuk memulihkan keadaan dengan melepaskan benih-benih ikan dan udang untuk membantu meningkatkan hasil tangkapan di masa depan?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perikanan Negeri Selangor sebagai pihak yang bertanggungjawab telah mengambil langkah memulihkan keadaan bagi meningkatkan hasil tangkapan. Program umum bukan sahaja dilaksanakan di Sungai Selangor malah di beberapa sungai dan tasik. Program pelepasan umum dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan stok ikan yang sedia ada. Program pelepasan dilakukan bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun berterusan bagi menampakkan dan meningkatkan hasil. Spesis yang hendak dilepaskan perlulah spesis asli dari sungai tersebut dan bukan spesis asing. Pelepasan spesis asing adalah dilarang kerana boleh mengganggu ekosistem atau habitat asal dan seterusnya menghapuskan spesis asal di sungai tersebut. Untuk rekod pada tahun 2013 sebanyak 210,000 ekor benih ikan dan udang dilepaskan. Antara sungai terlibat ialah Sungai Bernam dan Ban Canal, Tanjung Karang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 Seri Andalas)**

TAJUK : SKIM BANTUAN KEBAJIKAN - PERKHIDMATAN BANTUAN KEWANGAN

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bantuan Kebajikan kepada individu-individu yang layak, dibayar oleh kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mengapa ianya tidak dibayar terus oleh kerajaan Negeri kerana 70 peratus dari bayaran tersebut datangnya dari kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) **JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA DARIPADA
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI BAGI TAHUN 2014**

PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PENERIMA BANTUAN	PERATUS
Negeri	14,269,551.85	7,304	12.85%
Persekutuan	111,058,278.00	32,149	87.15 %
JUMLAH	125,327,829.85	39,453	100 %

Medium bayaran bantuan kepada klien adalah seperti berikut:

1. bank
2. bayaran tunai di kaunter pejabat
3. bayaran tunai di rumah klien bagi kes terlantar dan tidak berupaya mengambil duit di pejabat.

Skim-skim bantuan di bawah kerajaan negeri adalah seperti berikut:

1. Skim Bantuan Am
2. Bantuan Latihan Belia
3. Bantuan Bencana

Skim Bantuan Persekutuan pula adalah seperti berikut:

1. Bantuan Kanak-kanak (BKK)
2. Bantuan Anak Pelihara (BAP)
3. Bantuan Orang Tua (BOT)
4. Elaun Pekerja Cacat (EPC)
5. Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)
6. Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Bekerja (BTB)
7. Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)
8. Bantuan Geran Pelancaran.
9. Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas (TSBB)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : KUTIPAN HASIL CUKAI NEGERI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah kutipan hasil cukai Kerajaan Negeri sehingga bulan September tahun 2014?
- b) Sila senaraikan jumlah kutipan hasil cukai Negeri secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu?
- c) Apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi kutipan hasil cukai Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Butiran terperinci jumlah kutipan hasil cukai Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2014 adalah seperti dalam **Jadual 2 di Lampiran 1**. Ringkasan butiran hasil Kerajaan Negeri adalah seperti di bawah:-

Jadual 1 : Kutipan Hasil Negeri Selangor Sehingga 30 September 2014

PERIHAL	JUMLAH (RM)
Hasil Cukai	505,725,195.21
Hasil Bukan Cukai	1,124,535,674.14
Terimaan Bukan Hasil	227,723,449.70
JUMLAH HASIL	1,857,984,319.05

- b) Jumlah kutipan Hasil Negeri secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu adalah seperti dalam Jadual 3 di bawah :-

**Jadual 3 : Perbandingan Kutipan Hasil Cukai Negeri Selangor
Tahun 2011 – 2013**

PERIHAL	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Hasil Cukai	534,323,456.32	553,097,140.22	548,956,137.39
Hasil Bukan Cukai	791,183,353.58	1,146,656,705.66	1,398,856,433.00
Terimaan Bukan Hasil	308,502,335.21	255,059,226.87	202,161,862.07
JUMLAH HASIL	1,634,009,145.11	1,954,813,072.75	2,149,974,432.46

- c) Kerajaan Negeri mengutip dan memperoleh hasil melalui beberapa jenis hasil / terimaan iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai disumbangkan daripada kutipan hasil Cukai Tanah, Cukai Hasil Hutan, Cukai Parit & Taliair dan Cukai Hiburan.

Faktor utama yang mempengaruhi prestasi kutipan Hasil Cukai adalah seperti berikut :-

Hasil Cukai Tanah:

- 1) Gerak kerja mengutip hasil Cukai Tanah Semasa dan Cukai Tanah Tunggakan oleh semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor dilaksanakan secara berterusan dan dipantau secara langsung oleh:-
 - (i) Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil, Penyusunan Strategi dan Kewangan Unit Hasil Daerah;
 - (ii) Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Peringkat Negeri;
 - (iii) Jawatankuasa Tunggakan Cukai Tanah Anak Syarikat bagi memantau cukai tanah tertunggak Anak Syarikat/Agensi Kerajaan Negeri; dan
 - (iv) Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip) dengan pendekatan berikut.

- 2) Wujudnya situasi hak milik bermasalah yang menyukarkan kutipan cukai tanah tertunggak seperti berikut:-
 - (i) pembeli hartanah enggan membayar cukai tanah kerana pemaju masih memegang milikan atas tanah. Urusan pindah milik juga tidak dilaksanakan kerana memerlukan kos tambahan seperti duti setem dan yuran guaman;

- (ii) bangunan berbilang tingkat atau strata yang belum dipindah milik kepada hak milik strata individu berikutan pelbagai masalah seperti tiada Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body) dan pemaju telah tiada atau digulung;
- (iii) projek pembangunan atau perumahan terbengkalai dan syarikat pemaju telah digulung;

Cukai Hasil Hutan

- 1) Jabatan Hutan Negeri Selangor telah membuat penstrukturan semula dengan mewujudkan Unit Pengurusan Ekonomi Hutan khusus bagi memantau kutipan hasil pelbagai lesen dan permit sedia ada.
- 2) Jabatan Hutan Negeri Selangor juga telah menukar kaedah kutipan hasil di Balai Pemeriksa Hutan (Kuari) dari manual kepada sistem berkomputer yang meminimalkan kesilapan dan mengelakkan ketirisan.

Cukai Parit dan Taliair

- 1) Hasil Caruman Parit yang dikutip oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dipengaruhi oleh faktor peningkatan atau pengurangan permohonan tukar syarat tanah oleh pihak pemaju sebelum memohon kebenaran merancang bagi sesuatu pembangunan.

Cukai Hiburan

- 1) Gerak kerja melalui pemeriksaan ke premis-premis hiburan dilaksanakan sepanjang tahun oleh Unit Cukai Hiburan, Perbendaharaan Selangor. Pemeriksaan terus ke premis-premis hiburan berlesen ini bagi memastikan hasil daripada aktiviti hiburan dikutip selaras dengan Akta Duti Hiburan 1953.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : TEMPAT PERHIMPUNAN AWAM

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tujuan PBT menentukan lokasi 'tempat perhimpunan awam' , apakah kriteria-kriterianya dan bagaimanakah cara-cara untuk memindanya setelah lokasi-lokasi tersebut telah diwartakan.

JAWAPAN:

- a) Bagi lokasi yang dimiliki oleh PBT, tujuan penentuan lokasi adalah bagi memudahkan PBT menyelia dari aspek keselamatan lokasi berkenaan sekiranya bercadang untuk menjadikannya sebagai tempat perhimpunan aman di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012). PBT mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan sama ada:
- i) Menentukan mana-mana lokasi yang dimiliki oleh PBT boleh dijadikan tempat perhimpunan aman dibawah APA 2012; atau
 - ii) Menentukan untuk tidak memilih mana-mana lokasi di bawah kuasa PBT untuk dijadikan sebagai tempat berhimpun dibawah APA 2012.

Manakala, penentuan kriteria pemilihan sesuatu lokasi untuk dijadikan tempat perhimpunan aman di bawah APA 2012 adalah lokasi tersebut **tidak diwartakan sebagai Kawasan Larangan atau Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan Tempat Larangan 1959** dan tidak berhampiran (pada kadar 100 meter) dengan kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan dalam Jadual Pertama APA 2012 untuk dijadikan sebagai kawasan perhimpunan aman seperti berikut:

1. Empangan, takungan dan kawasan tadahan air;
2. Loji rawatan air;
3. Stesen penjana elektrik;
4. Stesen minyak;
5. Hospital;
6. Balai bomba;
7. Lapangan terbang;
8. Landasan keretapi;
9. Terminal Pengangkutan awam darat;
10. Pelabuhan, terusan, limbungan, dermaga, jeti, jambatan dan marina;
11. Tempat ibadat; dan
12. Tadika dan Sekolah.

Sekiranya pemilik lokasi telahewartakan lokasi miliknya sebagai tempat perhimpunan aman di bawah APA 2012 dan bercadang untuk melakukan pindaan, pemilik perlu menghantar makluman rasmi kepada Kementerian ini dan memaklumkan tujuan pindaan berkenaan. Kementerian akan menentukan melalui Jabatan Peguam Negara sama ada memadai pindaan kecil dilakukan pada warta asal atau perlu membatalkan warta sedia ada dan menyediakan draf pewartaan baru.

Kerajaan Negeri masih belum lagi melaksanakan APA 2012 di Negeri Selangor memandangkan Kerajaan Negeri masih lagi menunggu PBT menyenaraikan kawasan perhimpunan bagi diwartakan sebagai tempat perhimpunan awam setakat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

**TAJUK : KEROSAKAN STRUKTUR BANGUNAN DAN MENDAPAN TANAH DI
TAMAN EMAS DENGKIL**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan PBT bagi menangani masalah penduduk di kawasan ini?
- b) Berapakah kos yang terlibat untuk kerja baik pulih kawasan tersebut?
- c) Bilakah penyelesaian muktamad dan kerja baik pulih dapat dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Kejadian mendapan tanah mula dikesan pada tahun 2010 hasil dari aduan-aduan penduduk. Pihak Majlis telah mengarahkan pihak Pemaju Tetuan Kemajuan Langat Sdn. Bhd. untuk membuat kerja-kerja pembaikan. Disebabkan kejadian mendapan tanah masih berterusan pihak majlis mengarahkan pihak pemaju untuk membuat laporan kajian 'Settlement Prediction' . Hasil dari laporan tersebut pihak pemaju telah membuat surat akujanji bertarikh 17hb Ogos 2012 untuk memantau secara menyeluruh serta membaik pulih kerosakan yang diakibatkan oleh mendapan tanah terlibat untuk tempoh 10 tahun.
- b) Dalam akujanji pemaju, segala kos untuk pembaikan struktur asal tidak termasuk struktur tambahan (ubahsuai) akan ditanggung oleh pihak pemaju Tetuan Kemajuan Langat.
- c) Kerja-kerja baikpulihan sepenuhnya hanya akan dilaksanakan selepas proses pemendapan tanah selesai yang dijangka akan tamat dalam 2 tahun lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : MIKROKREDIT: MIMBAR

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan dana pembiayaan mikrokredit kepada rakyat yang tidak putus-putus memerlukan bantuan skim tersebut?

JAWAPAN:

- a.) Kerajaan Negeri melalui Program Hijrah akan memperuntukkan sejumlah dana tambahan untuk program mikrokredit MIMBAR dan SKIMSEL.

Setakat ini, peruntukan yang telah disalurkan kepada MIMBAR dan SKIMSEL adalah seperti berikut:-

PROGRAM	JUMLAH DILULUSKAN	JUMLAH DISALURKAN
SKIMSEL	RM50 JUTA	RM23, 499, 690.00
MIMBAR	RM20 JUTA	RM15,931,656.58
JUMLAH	RM 70 JUTA	RM39,431,346.58

Memandangkan sambutan yang menggalakkan dan adanya keperluan untuk meningkatkan dana pembiayaan mikrokredit kepada rakyat Selangor, maka Kerajaan negeri melalui Program Hijrah bersetuju untuk meningkatkan jumlah Dana kepada SKIMSEL dan MIMBAR.

SKIMSEL daripada dana asal sebanyak RM50Juta ditambah RM10 Juta lagi menjadi RM60 Juta manakala MIMBAR daripada dana sedia ada sebanyak RM20 Juta ditingkatkan sebanyak RM20 juta lagi menjadi RM40 Juta.

Ini menjadikan dana keseluruhan adalah RM100 Juta. Kedua-dua Program ini adalah di bawah Yayasan Dar Al-Qard Al Hasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN BUS PERCUMA DAN PEMASANGAN STESEN BAS DI
LOKASI YANG SESUAI**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor akan menyediakan perkhidmatan bas percuma di MPAJ dalam tempoh masa 2 tahun?
- b) Adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk menyeragamkan struktur stesen bas di lokasi yang sesuai di seluruh Selangor?
- c) Berapakah bajet Selangor untuk perkhidmatan bas percuma?

JAWAPAN:

- a) MPAJ telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi pembelian bas tersebut atas sebab kekangan peruntukan kewangan. Jumlah permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh MPAJ kepada Kerajaan Negeri Selangor adalah RM 2 juta.
- b) Pembinaan stesen bas di Negeri Selangor adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kebanyakan pembinaan stesen bas bagi kawasan pembangunan baru perlu disediakan oleh pihak pemaju. Manakala terdapat stesen bas yang dibina oleh PBT dengan menggunakan peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Namun begitu, Kerajaan Negeri memohon supaya pihak PBT perlu memastikan pembinaan stesen bas tersebut diseragamkan dari segi spesifikasi yang ditetapkan serta pemilihan lokasi yang tepat untuk menjamin rakyat mendapat manfaat.
- c) Dalam melaksanakan program perkhidmatan bas percuma, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan kajian bagi mengenalpasti lokasi laluan serta kos operasi yang perlu dikeluarkan. Untuk perkhidmatan bas percuma yang telah dilaksanakan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, anggaran kos pelaburan hampir mencecah RM1 juta setahun melibatkan pembelian bas dan kos operasi yang perlu ditanggung. Impak dan maklumbalas positif yang diterima daripada pengguna perkhidmatan bas percuma tersebut mendapati terdapat permintaan yang tinggi supaya Kerajaan Negeri menambahbaik perkhidmatan tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan sejumlah peruntukan di dalam bajet 2015 bagi tujuan penambahbaikan dan pembelian bas tambahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 Seri Serdang)**

TAJUK : PERUNTUKAN PENGURUSAN PEJABAT

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah peruntukan tambahan pengurusan pejabat dinaikkan dari RM10,000 kepada RM30,000 setahun, memandangkan harga kos barangan yang semakin meningkat

JAWAPAN:

- a) Siling bagi perbelanjaan pengurusan pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) adalah sebanyak RM10,000 setahun seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2013-Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor. Sekiranya ada keperluan mendesak untuk menaikkan peruntukan bagi pengurusan pejabat, permohonan bolehlah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan, **tanpa tambahan kepada peruntukan tahunan sedia ada ADN.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : TAMAN HUTAN SIMPAN NEGERI

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi dan keluasan Taman Hutan Simpan Negeri kini?
- b) Adakah terdapat sebarang ancaman terhadap hutan simpan ini?
- c) Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa hutan simpan ini terus terpelihara hingga generasi seterusnya?

JAWAPAN:

- a) Keluasan Taman Warisan (hutan simpan) Selangor yang telah digazetkan oleh kerajaan negeri sejak 2008 ialah 93,001.84 hektar (ha). Keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diwartakan sebagai Taman Warisan pada 2007 berjumlah 91,144.52 ha manakala pada tahun 2010 seluas 1,857.32 ha. Maklumat tambahan, senarai Taman Warisan (hutan simpan) mengikut keluasan dan tarikh pewartaan adalah sepertimana di **Jadual I**.
- b) Pada masa kini, kerajaan negeri tidak menghadapi sebarang ancaman untuk mengekalkan kawasan dan khazanah hutan di Taman Negeri Selangor. Walau bagaimanapun ada kemungkinan juga kawasan ini akan terlibat dengan aktiviti pembangunan seperti cadangan pembinaan lebuh raya baru, pencawang dan jajaran talian elektrik di masa akan datang. Kerajaan negeri akan membuat pertimbangan sewajarnya untuk mengekalkan khazanah hutan sedia ada sebelum membuat sesuatu keputusan yang melibatkan sebarang aktiviti pembangunan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) khususnya Taman Negeri Selangor.

Walaupun bagaimanapun, mana-mana kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) termasuk Taman Negeri Selangor yang terlibat dengan aktiviti pembangunan atau perubahan status tanah perlu melalui satu proses "*public hearing*" bagi tujuan mendapatkan maklumbalas daripada masyarakat awam. Negeri Selangor adalah satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang menggunakan kaedah ini selaras dengan Seksyen 11, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

- c) Kerajaan Negeri Selangor amat komited untuk mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sedia ada iaitu seluas 250,129 ha (31.54%) daripada 793,020 ha keluasan Negeri Selangor. Usaha ini akan dapat direalisasikan melalui

“Moratorium 25 Tahun Pembalakan” di mana tiada aktiviti pengusahasilan hutan di dalam HSK di Negeri Selangor selama 25 tahun bermula daripada tahun 2010.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan juga telah meluluskan dan dimaklumkan mengenai beberapa perancangan pengurusan hutan mengikut jenis dan pengelasan hutan. Di antaranya adalah (i) Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011 – 2020, (ii) *Integrated Management For North Selangor Peat Swamp Forest* 2014 – 2023, (iii) Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2009 - 2019, (iv) Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011 – 2020, (v) Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013 – 2022, (vi) Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara, (vii) Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor, (viii) Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2012 – 2015 dan (ix) Rancangan Tahunan Hutan. Ke semua dokumen dan maklumat perancangan pengurusan hutan adalah amat penting dan berguna sebagai garis panduan di dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan khususnya di Negeri Selangor.

Selain itu, JPNS juga merupakan Jabatan Perhutanan Negeri yang pertama dapat mengekalkan *Zero CARs* bagi tahun ketiga (3) berturut-turut (2012 – 2014) bagi Audit Pensijilan *Malaysia Criteria and Indicator (MC&I)* (Hutan Asli) iaitu satu standard pematuhan pencapaian Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Manakala bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, JPNS juga telah mencapai *Zero CARs* bagi dua (2) tahun berturut-turut (2012 – 2013) dan ini menjadi pemangkin bagi seluruh warga JPNS untuk mengulangi kejayaan yang sama bagi tahun 2014.

Disamping itu, kawalan dan penguatkuasaan hutan turut dijalankan secara berterusan oleh JPNS bagi memastikan HSK / Taman Warisan Negeri di Negeri Selangor ini tidak diceroboh oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan negeri melalui JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK / Taman Negeri Selangor akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Jadual I: Senarai hutan simpan mengikut keluasan dan tarikh pewartaan.

Bil.	Hutan Simpan	Keluasan (Ha)	Tarikh Pewartaan
1.	HS. Ampang	91,144.52	25.1.2007
2.	HS. Ampang Pechah		
3.	HS. Bukit Kutu		
4.	HS. Batang Kali		
5.	HS. Gading		
6.	HS. Hulu Langat		
7.	HS. Hulu Selangor		
8.	HS. Kanching		
9.	HS. Semangko		
10.	HS. Serendah		
11.	HS. Sg. Lalang		
12.	HS. Ulu Gombak		
	<i>Jumlah Kecil</i>	91,144.52	
13.	HS. Ulu Gombak Tambahan (Klang Gates)	897.587	22.1.2010
14.	HS. Ulu Gombak Tambahan 1 (Permatang Kuarza)	114.480	
15.	HS. Templer	845.25	29.1.2010
	<i>Jumlah Kecil</i>	1,857.32	
	JUMLAH KESELURUHAN	93,001.84	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : STATUS PROJEK BERMASALAH

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri menyatakan status terkini Taman Shahjaya, Batu 10 yang belum dikurniakan Sijil Layak Menduduki (CF)
- b) Apakah langkah yang diambil untuk menentukan pengelasan hayat bangunan-bangunan lama
- c) Nyatakan jumlah bangunan yang melepasi tempoh hayat dan masih digunakan

JAWAPAN:

a),b) dan c)

Kelulusan Kebenaran Merancang adalah di bawah Jabatan Perancangan Bandar & Desa dan Pelan Bangunan di bawah Kerajaan Negeri (SUK). Tiada rekod bagi kelulusan Pelan Bangunan di peringkat PBT. Makluman pembayaran cukai bermula pada 2002.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH KEPADA SEKOLAH

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memberi tanah kepada mana-mana sekolah yang menghadapi permasalahan kekangan ruang supaya murid-murid mempunyai ruang yang lebih selesa untuk pembelajaran.

JAWAPAN:

- a) Bagi menyelesaikan masalah sekolah yang menghadapi kekangan ruang pembelajaran, ianya adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tiada halangan untuk menimbang sebarang permohonan tanah daripada Kementerian Pelajaran bagi tujuan penyediaan ruang pembelajaran yang lebih selesa kepada murid-murid sekolah.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran perlu membuat permohonan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Bayaran premium bagi tapak sekolah adalah sebanyak RM1,000.00 (nominal) seperti yang tertakluk dalam Pekeliling PTGS Bilangan 4/ 1984 dan Pekeliling PTGS Bilangan 3/ 1997.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : KAMPUNG TRADISI MELAYU PINGGIRAN BANDAR PERLU JALAN
YANG BAGUS**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dan dimanakah kerajaan negeri memulakan penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang berstatus lot persendirian dan tidak dapat peruntukan dibawah PLB ?
- b) Berapakah peruntukan kerajaan negeri bagi tindakan holistik Pejabat Tanah-JKKK untuk menyelesaikan masalah kualiti jalan kampung?

JAWAPAN:

- a) Dasar Kerajaan Negeri sedia ada tidak membenarkan sebarang pelaksanaan projek termasuk projek menaiktaraf dan membaiki jalan di atas tanah hak milik persendirian.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah dan Tanah telah memulakan proses penyenaian dan semakan status jalan serta mengenal pasti jalan-jalan kampung yang terletak di atas tanah hak milik persendirian. Pada asalnya, jalan-jalan tersebut dibina atas dasar kepentingan bersama penduduk kampung atau dikenali sebagai izin lalu oleh pemilik tanah terbabit.

Melalui kaedah yang sedang dilaksanakan sekarang, pihak Pejabat Daerah dan Tanah akan melaksanakan kerja-kerja ukur tanah / 'land survey' bagi mendapatkan jajaran jalan dan sempadan yang sebenar. Langkah seterusnya akan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas selesai kerja-kerja ukur tersebut sama ada melalui proses Esmen(Seksyen 282 KTN), atau mengguna pakai Hak Lalulalang Pentadbir Tanah (Seksyen 388 & 389 KTN) atau kaedah terakhir iaitu pengambilan balik semula tanah (Seksyen 3).

- b) Bagi peruntukan tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM6,110,473.48 (Ringgit Malaysia: Enam Juta Satu Ratus Sepuluh Ribu Empat Ratus Tujuh Puluh Tiga dan Sen Empat Puluh Lapan Sahaja) bagi 160 buah projek penyelenggaraan jalan kampung di seluruh Negeri Selangor di bawah peruntukan pembangunan luar bandar (PLB).

Bagi peruntukan di bawah MARRIS 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sejumlah RM13,217,588.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Juta Dua Ratus Tujuh Belas Ribu Lima Ratus Lapan Puluh Lapan Sahaja) bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL RAKYAT DI BUKIT MALAWATI

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki semula muzium tersebut?
- b) Berikan satu tempoh masa yang tepat, muzium tersebut siap dibaikpulih?

JAWAPAN:

- a) Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah menyediakan peruntukan untuk membaiki muzium tersebut dan telah melantik JKR Kuala Selangor melaksanakannya. Pihak JKR telah melantik kontraktor untuk membaiki semula muzium tersebut. Surat Setuju Terima untuk membaikpulih bangunan telah dikeluarkan pada 24 Oktober 2014 kepada syarikat berjaya. Kerja-kerja elektrik akan dimulakan sebaik sahaja kerja baikpulih bangunan selesai.
- b) Tempoh Pelaksanaan baikpulih bangunan;
Tarikh mula : 27 Oktober 2014. Tarikh siap : 24 Disember 2014

Tempoh Pelaksanaan kerja-kerja elektrikal
Tarikh mula : Disember 2014. Tarikh siap : Februari 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : RM2.5 JUTA UNTUK KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian peruntukan RM2.5 juta dalam Belanjawan 2014 untuk Kajian dan Penyelidikan

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.5 juta untuk Kajian dan Penyelidikan di mana ianya adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memperkasakan dasar-dasar kerajaan negeri yang bertujuan untuk menyelaras penyediaan perancangan strategik negeri, menyelaras penyediaan pelan pembangunan negeri, menyediakan laporan ekonomi negeri, menjadi pusat geodata negeri, memantau pelaksanaan pelan pembangunan dan mengumpul serta menerbit maklumat asas negeri.

Peruntukan RM2.5 juta dalam Belanjawan 2014 untuk Kajian dan Penyelidikan dipecahkan kepada dua (2) pecahan peruntukan seperti berikut:-

- i) Kajian / Pelaksanaan Pelan Induk – RM1 juta
- ii) Penyelidikan dan Pembangunan Ekonomi – RM1.5 juta

Berikut adalah perincian peruntukan bagi Kajian dan Penyelidikan bagi tahun 2014:-

i) Kajian / Pelaksanaan Pelan Induk

- Laporan Ekonomi Tahun 2013/2014 – RM99,900.00
- Penyediaan Kompilasi Data Demografi Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan – RM78,300.00
- Penyediaan Kompilasi Maklumat Asas Negeri Selangor 2014 – RM68,600.00
- Kajian Keberkesanan Perangkap Nyamuk Magnetik oleh SPBT – RM20,000.00
- Kajian Perumahan Kos Rendah di Negeri Selangor oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor – RM500,000.00

- Permohonan peruntukan untuk menjalankan Kajian Penilaian Kenaikan Elaun Guru-guru dan Ketua Guru KAFA-JAIS oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia – RM22,500.00

ii) Penyelidikan dan Pembangunan Ekonomi

- Kajian Cadangan Pembentukan Dasar Belia Negeri Selangor – RM130,707.00
- Khidmat nasihat dan kepakaran berhubung kaedah untuk menstabilkan bangunan yang mengalami mendapan dan material yang boleh digunakan untuk mengisi lompondan akibat mendapan tersebut - RM98,000.00
- Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor - RM276,302.74
- Kajian Geoteknikal Dan Penilaian Risiko Geologi Rezab Batu Caves, Selayang Untuk Kerajaan Negeri Selangor - RM150,000.00
- *Integrated Solid Waste Management Study* - RM209,880.00
- Kertas Cadangan Kajian Impak Sosial Terhadap Pemindahan Pusat Ekuestrian dan Sukan Selangor Turf Club (STC) Sg Besi ke Sg Tinggi, Hulu Selangor - RM65,500.00
- Kertas Cadangan Kaji selidik Penilaian Asas (Baseline Study) dan Pengesanan (Tracking Study) Untuk Penambahbaikan Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor - RM696,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : PENDIDIKAN PUNJABI

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pernahkah Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan untuk pembangunan dan perkembangan Bahasa Punjabi di Negeri Selangor sejak tahun 2008? Jika ya, nyatakan butir-butir.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia membantu Pusat-pusat Pendidikan Punjabi di Negeri Selangor yang dikendalikan oleh Punjabi Education Trust Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri belum pernah menyalurkan apa-apa bantuan untuk pembangunan dan perkembangan Bahasa Punjabi di Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri bersedia meneliti cadangan membantu Pusat Pendidikan Punjabi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : MENAIKTARAF JALAN NEGERI (B131) DAN PERSIMPANGAN DENGAN
JALAN PERSEKUTUAN (FT54)**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menaiktaraf jalan tersebut untuk mengatasi kesesakan?
- b) Bilakah projek menaiktaraf jalan tersebut (B131) akan dijalankan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengatasi kesesakan di jalan tersebut.
- b) Cadangan projek menaiktaraf jalan B131 telah dipohon dalam RMK-11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : CERUN RUNTUH

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan untuk memastikan cerun-cerun bukit di kawasan pembangunan dan perumahan selamat?
- b) Apakah prosedur bagi kawal selia dan pemantauan kawasan cerun tersebut?

JAWAPAN:

- a) Projek-projek pembangunan di kawasan Tanah Tinggi dan Berbukit perlu mematuhi Garipanduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor Tahun 2010. Pembangunan di kawasan Kelas III dan IV perlu dirujuk dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTKSAS) diperingkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri. PBT perlu menubuhkan Jabatan/Bahagian khusus berkaitan cerun bagi menguruskan :
 - i) Projek pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi;
 - ii) Melaksanakan pemantauan kesan-kesan bercerun;
 - iii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan cerun; dan
 - iv) Melaksanakan kerja-kerja pengukuhan/penstabilan cerun.
- b) Kaedah pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala dijalankan oleh Bahagian Cerun, Jabatan Kejuruteraan yang merujuk kepada kaedah penyeliaan / pemantauan dan pembaikan yang disyorkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Pihak Majlis juga melantik kontraktor penyelenggaraan secara tahunan bagi menyelenggara dan membaikpulih segala kerosakan pada cerun. Prosedur atau pemantauan yang diambil adalah seperti berikut:
 - i) Melaksanakan pemantauan, pemeriksaan dan perancangan kerja pemuliharaan cerun;
 - ii) Menjalankan penyelenggaraan cerun-cerun kritikal sepertimana dalam senarai inventori secara berkala;
 - iii) Menyemak dan menilai cadangan pelan rekabentuk cerun dan tembok penahan yang di kemukakan oleh pemaju yang telah disahkan oleh jurutera profesional bertauliah;
 - iv) Menyemak dan memberikan ulasan permohonan pelan kebenaran merancang yang dikemukakan;

- v) Memeriksa dan memantau pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi secara berkala ; dan
- vi) Menilai laporan / rekod penyelenggaraan cerun / tembok penahan yang di kemukakan oleh pemaju yang telah disahkan oleh jurutera profesional bertauliah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA DI BAWAH BAJET 2015 KERAJAAN PERSEKUTUAN

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Belanjawan 2015 kerajaan persekutuan akan melaksanakan empat lagi lebuhraya di negeri Selangor menjelang 2015 : Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang, Pantai Barat(Taiping-banting), Lingkaran Luar KL-Hubungan Timur dan Damansara-Shah Alam. Apakah pendirian kerajaan Selangor mengenai keempat projek lebuhraya baru tersebut?

JAWAPAN:

- a) Belanjawan 2015 Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan empat lagi lebuhraya di Negeri Selangor menjelang 2015 : Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang, Pantai Barat (Taiping-Banting), Lingkaran Luar KL-Hubungan Timur dan Damansara-Shah Alam.

Projek lebuhraya Kinrara-Damansara *Expressway* (KIDEX) belum dimuktamadkan pelaksanaannya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah meminta dan menetapkan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) supaya terus mengadakan dialog, perbincangan ataupun *Town Hall Meeting* bagi berkongsi semua maklumat berhubung perancangan ini dan ia mestilah dikemukakan kepada semua *stakeholders*.

Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuhraya di Negeri Selangor seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2015 dengan syarat-syarat ketat seperti berikut:

- i. Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment - TIA*) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuhraya dan juga penduduk sekitar dengan mengambilkira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;
- ii. Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (return of investement - ROI); dan

iii. Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

Dalam hal ini, pandangan dan pendapat awam serta pihak yang berkepentingan perlu diambil kira dan diberi pertimbangan supaya keutamaan atau kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal; dan
- iv. Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan *Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS DAN SYARIKAT KONSESI KPS-HCM SDN BHD

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan syarikat konsesi KPS-HCM Sdn Bhd dalam kerja penyelenggaraan jalan di Selangor?
- b) Adakah tender terbuka diadakan semasa menganugerahkan kontrak tahunan yang berjumlah RM35 juta ini kepada KPS-HCM?
- c) Bagaimanakah pembayaran RM35 juta ini dibuat? Adakah ia berdasarkan prestasi?

JAWAPAN:

- a) Peranan syarikat konsesi KPS-HCM Sdn Bhd dalam kerja penyelenggaraan jalan di Selangor adalah berdasarkan 3 skop kerja utama dalam kontrak iaitu;
 - i. Penyelenggaraan kerja-kerja rutin
 - ii. Penyelenggaraan kerja-kerja berkala
 - iii. Penyelenggaraan kerja-kerja kecemasan
- b) Tidak ada tender terbuka diadakan.
- c) Pembayaran dibuat berdasarkan kerja yang telah dilaksanakan seperti berikut ;
 - i. **Penyelenggaraan Kerja-kerja Rutin**
 - Mengikut pusingan kerja yang telah ditetapkan dalam kontrak berdasarkan 4 kategori jalan iaitu Jalan Protokol, Jalan *Primary*, Jalan *Secondary* dan Jalan Minor
 - ii. **Penyelenggaraan Kerja-kerja Berkala**
 - Mengikut Arahan Kerja (AK) daripada Jurutera Daerah JKR yang berkenaan.
 - iii. **Penyelenggaraan Kerja-kerja Kecemasan**
 - Mengikut Arahan Kerja (AK) daripada Jurutera JKR Daerah yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan maklumat program terkini sampai dan difahami oleh pimpinan bawahan?
- b) Apakah mekanisma penerangan kerajaan dalam memberi maklumat, pendidikan dan kesedaran kepada rakyat?
- c) Apakah langkah kerajaan bagi mengelakkan birokrasi dalam pentadbiran dan memberi perkhidmatan kepada rakyat?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kebanyakan maklumat program terkini diselaraskan di pejabat sekretariat, Pejabat Dato' Menteri Besar yang menyalurkan maklumat terus kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri dan penyelarass DUN masing-masing untuk memastikan program maklumat terkini ini sampai dan difahami pimpinan peringkat bawahan. Sebarang maklumat program kerajaan negeri juga disembarkan menerusi pelbagai medium media massa sama ada 35

Secara atas talian ataupun televisyen ataupun akhbar. Antaranya adalah pautan TV Selangorku, penerbitan akhbar Selangorku, Selangor Kini dan mulai tahun hadapan akan meluluskan penerbitan akhbar Selangor Times. Kerajaan negeri juga turut memiliki agensi berita khusus iaitu CCSB atau Communication Corporation Sdn Bhd untuk memastikan maklumat program disebarluaskan pada rakyat. Pengurusan MBI yang baru akan meneliti semula struktur CCSB supaya diperkemaskan agar sistem penyampaian maklumat ini dapat diperkemaskan dan dipertingkatkan. Pelbagai langkah juga telah dibuat untuk mengurangkan kerenah birokrasi di antaranya ialah hari bertemu pelanggan yang dianjurkan oleh pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PUNCA BANJIR DI DUN SUNGAI PANJANG, SUNGAI BESAR

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan drastik yang diambil untuk menangani masalah banjir yang berlaku dari FR5-Pekan Sungai Besar sehingga Pasir Panjang?
- b) Apakah punca sekiranya berlaku banjir kilat di kawasan luar bandar ini?
- c) Nyatakan status sistem perparitan di kawasan DUN Sungai Panjang?

JAWAPAN:

- a) Tindakan drastik yang diambil bagi menangani masalah banjir yang berlaku dari R5-Pekan Sungai Besar sehingga Pasir Panjang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah mengeluarkan kerja-kerja pembersihan parit yang sedang dijalankan di sepanjang 70km di kiri dan kanan parit merangkumi kerja-kerja pembersihan dan membuang segala halangan, semak samun dan sampah sarap yang berada di sepanjang parit tersebut. Peruntukan yang digunakan bagi kerja-kerja pembersihan tersebut adalah menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun, permohonan peruntukan bagi tahun 2015-2016 sebanyak RM1.5 juta telah dikemukakan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan ianya telah berada di bawah pengetahuan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor untuk pertimbangan.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya banjir yang berlaku di Dun Sungai Panjang seperti :
 - i. Terdapat halangan lintasan yang dibina oleh penduduk dihadapan rumah penduduk yang terlalu kecil,
 - ii. kejadian air pasang surut air laut di mana air di dalam tidak dapat dibuang disebabkan air laut pasang,
 - iii. faktor geografi tanah penduduk yang terlalu rendah.

- c) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor sedang menunggu pengesahan dari pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya tidak berlaku pertindihan konsesi ke atas kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak Road Care. Walaubagaimanapun, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor tiada halangan untuk mengambil alih ke atas kerja-kerja penyelenggaraan di sepanjang parit tersebut bergantung kepada peruntukan yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

**TAJUK : PRESTASI PASUKAN BOLA SEPAK SELANGOR MENURUN SEMENJAK
TAHUN 2009 DAN TIDAK MEMENANGI SEBARANG PIALA.**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedia merombak pengurusan FAS?
- b) Adakah Kerajaan sedia untuk menambah peruntukan untuk FAS?
- c) Apakah rancangan untuk meningkatkan prestasi pasukan bola Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) FAS hanya boleh dirombak oleh ahli gabungan FAS sahaja dalam Mesyuarat Agongnya. Kerajaan tidak boleh mencampur tangan dalam menentukan pengurusan FAS dan jika ini berlaku, FAS boleh digantung oleh FAM, AFC dan FIFA.
- b) Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan penambahan peruntukan untuk FAS. Perkara ini kerana untuk menjadikan satu pasukan yang kuat dan gagah, ianya memerlukan peruntukan yang besar dan memakan jumlah wang yang tinggi. Dengan penambahan peruntukan untuk FAS juga akan dapat memudahkan pengurusan di mana pasukan Selangor atau gelaran Red Giant ini dapat menarik pemain-pemain yang baik dari negeri lain mahupun Negara luar dengan tawaran gaji yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pertimbangan-pertimbangan tersebut akan dinilai secara terperinci kerana perbelanjaannya akan memakan jumlah yang besar. Sebagai makluman, pasukan JDT membajetkan RM40 juta setahun, Felda RM30 juta, PDRM RM20 juta, ATM RM18 juta dan Pahang RM12 juta setahun. Manakala pemain terbaik pasukan akan menerima gaji bulanan sekitar RM60-120 ribu sebulan.
- c) FAS akan merangka semula merangka pelan strategik secara keseluruhan sama ada dari aspek barisan kepimpinan sehinggalah kepada operasinya untuk jangka masa panjang, mengkaji secara terperinci dan mempelajari aspek-aspek pembangunan prestasi atlit dari Negara-negara maju seperti Jepun, Korea kerana negara-negara ini telah mempunyai pengalaman bertanding ke peringkat dunia. Selain itu, aspek Sains Sukan haruslah diterapkan sejak peringkat awal lagi

supaya ianya menjadi sehati dan membantu prestasi atlit secara 'ergogenic aids'nya. Salah satu pendekatan baru yang harus diambil adalah dari sudut psikologi semua yang terlibat dalam pengurusan pasukan termasuklah pemain. Pendekatan psikologi yang baik akan menambahkan lagi kekuatan sesebuah pasukan tersebut.

Selain itu juga, semua individu yang terlibat di dalam pengurusan pasukan bola sepak ini haruslah bersikap terbuka dan bersedia menerima perubahan implikasi dari pembangunan teknologi yang pesat dan juga hal-hal lain dalam arena bola sepak. Dan pihak kerajaan akan menimbang untuk memanggil semula pemain-pemain Selangor yang berhijrah ke negeri lain.

Tambahan lagi, Kerajaan Negeri juga telah mula mencari bakat-bakat baru bagi mencari pelapis-pelapis barisan pemain pasukan bola Negeri Selangor seperti mengadakan kejohanan bola sepak di setiap daerah di Selangor. Contohnya akan diadakan kejohanan bola sepak pendedahan peringkat daerah FAS. Dengan bakat-bakat baru dan muda dapat memberikan nafas baru dalam pasukan bola Negeri Selangor. Pendekatan dari sudut psikologi dari pakar-pakar psikologi juga akan dapat membantu pasukan untuk memperkuat dari aspek mental dan fizikal untuk menambahkan lagi kekuatan dan kesungguhan dalam permainan bola sepak bagi pasukan bola Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : *PRODUCTS* MAKANAN DAN MINUMAN HALAL

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kerajaan negeri memantau dan memastikan barang-barang makanan dan minuman mempunyai akuan halal selepas kebanjiran produk dari luar negeri berada di pasaran?
- b) Siapakah jabatan yang terlibat untuk memantau?
- c) Jumlah sitaan dibuat sejak tahun 2013 hingga kini ikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Akta Perihal Dagangan 2011, perakuan halal hanya diwajibkan terhadap semua produk hasil daging yang diimport dari luar negeri. Bagi produk makanan dan minuman yang lain, perakuan halal yang dikuatkuasakan adalah bersifat sukarela (tidak diwajibkan).

Bagi menjamin status halal produk luar negeri, sehingga 24 Julai 2014, pihak JAKIM telah mengiktiraf 73 bahan pensijilan halal antarabangsa yang kompeten untuk memperakukan status halal produk di negara masing-masing.

- b) Pemantauan dan penguatkuasaan halal adalah melibatkan agensi-agensi utama berikut;
 - i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
 - ii) Pihak Berkuasa Tempatan
 - iii) Kementerian Kesihatan Malaysia
- c) Tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PROJEK HORAS OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sebenar kos pembiayaan Projek HORAS yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah kapasiti sebenar jumlah air mentah yang telah dihasilkan sejak pelaksanaan sistem ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan projek ini selepas Loji Langat 2 beroperasi?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan HORAS ini akan dilaksanakan mengikut 2 fasa pembangunan seperti berikut:-

Fasa Pertama – HORAS 600
Fasa Kedua - HORAS 3000

HORAS 600 akan dibangunkan di kawasan bekas lombong di Kg Sungai Darah, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor. Mengikut kajian yang telah dibuat, komponen utama yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi tujuan melaksanakan projek HORAS 600 adalah:-

- i. Kolam Takungan dengan keluasan 166 hektar hingga mencapai kedalaman 23.5 meter dari paras tanah bagi tujuan penyambungan kepada akuifer bawah tanah bagi mendapatkan kapasiti air sejumlah 600 JLH.
- ii. Kerja-kerja pelindungan tebing kolam takungan menggunakan geotextiles;
- iii. Kerja-kerja pembaikan dan pelindungan sungai sejauh 3.8 km bagi tujuan menambah baik aliran sungai dengan kaedah melebar dan mendalamkan Sungai Selangor; dan
- iv. Stesen mengepam air mentah.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan Kolam Takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan oleh KSSB telah bermula semenjak 15 Mac 2014 dan dijangka akan siap pada 30 September 2015.

Kos pembinaan bagi komponen-komponen lain di dalam pembangunan HORAS 600 ini hanya akan dapat ditentukan selepas tender bagi pelantikan kontraktor dimuktamadkan. Kerajaan Negeri Selangor akan melantik kontraktor-kontraktor bagi pembangunan HORAS 600 ini melalui kaedah tender terbuka dan dijangkakan tender tersebut akan dikeluarkan pada Januari 2015.

- b) Melalui kajian yang telah dibuat, dianggarkan jumlah air mentah yang boleh dihasilkan dari pembangunan HORAS 600 ini adalah sebanyak 500 – 600 JLH.

Pada ketika ini, pembangunan HORAS 600 masih di peringkat kerja-kerja pengorekan bagi pembinaan kolam takungan. Kerja-kerja pengorekan tersebut telah dibuat oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) semenjak 15 Mac 2014.

Semasa Negeri Selangor berhadapan dengan krisis air berikutan dari penurunan paras Empangan Sungai Selangor (SSD) dan Empangan Sungai Tinggi (STD) akibat keadaan cuaca panas yang luar biasa ditambah dengan pengurangan kadar hujan yang ketara pada awal tahun 2014, salah satu usaha yang telah dibuat bagi meningkatkan paras SSD dan STD adalah melalui kaedah mengepam air dari beberapa kolam takungan yang ada di Bestari Jaya. Salah satu kolam tersebut adalah kolam takungan di bawah HORAS 600 yang sedang dibuat pengorekan oleh KSSB. Mengikut rekod, secara purata pada ketika ini, kolam HORAS 600 yang sedang direkabentuk ini telah dapat menyumbang sebanyak 160JLH.

- c) Pembangunan HORAS 600 ini akan diteruskan walaupun Projek Loji Langat 2 telah beroperasi. Pembangunan HORAS 600 ini boleh dijadikan sebagai simpanan atau insuran bagi Kerajaan Negeri Selangor sekiranya berlaku insiden-insiden luar jangka ke atas Loji Langat 2 seperti pencemaran air mentah atau kerosakan peralatan atau perkakasan hingga menyebabkan air loji berkenaan tidak dapat membekalkan air.

Selain itu, melalui kajian "*Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur And Putrajaya Water Supply System Augmentation Study*" yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor mendapati beberapa kawasan di Negeri Selangor seperti utara Negeri Selangor, sebahagian kawasan Kelang, Pulau Indah serta pembangunan baru seperti Elmina dan KWASA Land tidak dimasukkan di dalam rangkaian

bekalan air di bawah Projek Langat 2. Pembangunan HORAS boleh dijadikan sebagai sumber bagi menampung permintaan kawasan-kawasan yang tidak dimasukkan di dalam perancangan pembangunan Langat 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : AGENDA MEMPERKASA BELIA

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mempersiapkan golongan belia dengan program latihan pekerjaan
- b) Minta kerajaan negeri jelaskan rancangan untuk menaiktaraf kemudahan dan fasiliti sukan di Selangor
- c) Nyatakan usaha-usaha kerajaan negeri untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor

JAWAPAN:

a),b) dan c)

Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan program pemerkasaan belia bagi membantu golongan belia miskin di Selangor bagi menaikkan taraf hidup mereka dari segi latihan kemahiran / vokasional bagi belia-belia di desa adalah melalui kerjasama yang dijalinan bersama pihak INSPENS untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, motorsikal, sistem komputer dan penyaman udara.

Latihan-latihan yang dijalankan ini sebagai persediaan kepada mereka dalam menghadapi persaingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran / vokasional. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mengadakan program-program seperti SPIES untuk menonjolkan aspek kepimpinan di kalangan belia sebagai pemimpin pada masa akan datang.

Seterusnya Program Jom Kerja juga telah dijalankan dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Pendidikan bermula tahun 2009 hingga November 2014 dengan keseluruhan permohonan yang hadir adalah seramai 8739 orang.

Pada tahun 2015, peruntukan bagi projek menaiktaraf dan membaikpulih kemudahan sukan telah dinaikkan dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM9,075,000.00. Ini berikutan Kerajaan Negeri telah meluluskan projek membaikpulih Stadium Hoki Pandamaran, Klang dengan jumlah sebanyak RM4,445,000.00 dan projek membaikpulih Stadium Hoki, Petaling Jaya dengan kos sebanyak RM3,510,000.00 yang mana kedua-dua projek tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2015 oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk melaksanakan projek menaiktaraf kemudahan dan fasiliti sukan di Selangor dengan memperuntukkan sebanyak RM20,000.00 untuk setiap DUN dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM1,120,000.00. Perancangan ini dibuat bertujuan untuk memastikan kemudahan sukan di Selangor sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan dapat digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sukan.

Di antara usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor dengan bantuan perniagaan kepada anak muda dalam usaha untuk membantu mereka menceburi diri dalam bidang keusahawanan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menyediakan kemudahan penyediaan sewaan premis perniagaan kepada golongan usahawan seperti di Uptown Shah Alam dan Pasar Seri. Seterusnya, kerajaan juga turut menyediakan Kursus Keusahawanan kepada mereka bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan pinjaman daripada Skim Sel dan Mimbar bagi memulakan perniagaan.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta dari jumlah Rizab Negeri bagi projek pembangunan usahawan dan pemerksaan belia. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan telah merancang untuk mengadakan program dengan kerjasama daripada Inpens dan Jabatan-jabatan Kerajaan dan NGO seperti mewujudkan Yayasan BES, Program-program kemahiran dan teknikal, Program-program keusahawanan dan Program Pemerksaan Belia. Program-program tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan anak muda untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan, kepimpinan dan kemahiran dalam usaha untuk melahirkan generasi yang berpendidikan dan berpengetahuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : PAPAN IKLAN "*BILLBOARD*" DAN PAPAN IKLAN DIGITAL

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sebarang insiden keruntuhan "*Billboard*" yang telah berlaku di negeri Selangor?
- b) Apakah garis panduan untuk memastikan "*Billboard*" yang dipaparkan adalah selamat?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula mengenai kesesuaian untuk membenarkan papan iklan digital dipasangkan di jalan raya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PBT didapati dua (2) PBT iaitu MPK dan MPAJ pernah mengalami insiden keruntuhan billboard iaitu:

MPK	2 insiden di kawasan pentadbiran Klang. Kedua-duanya terletak di atas tanah persendirian, struktur yang roboh tidak memasuki kawasan awam. Kedua-dua insiden di percayai berpunca dari angin dan hujan ribut
MPAJ	Terdapat 2 unit billboard jenis <i>free standing</i> di dalam kawasan Majlis yang roboh pada tahun 2008

- b) Sebelum sebarang kelulusan pemasangan "billboard" dipertimbangkan untuk pembinaan di dalam kawasan pentadbiran PBT, syarat utama yang dikenakan kepada pihak operator ialah hendaklah melantik Jurutera Bertauliah bagi penyediaan / pengesahan pelan dan kekukuhan struktur yang akan dibina di tapak.
- c) Makluman awal Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dalam perancangan untuk membuat kajian dari segi keselamatan paparan iklan digital kepada pemandu jalan raya. Kerajaan Negeri berpandangan untuk menunggu keputusan kajian tersebut sebelum tindakan selanjutnya di ambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 Seri Serdang)**

TAJUK : PERUNTUKAN DAN KEBERKESANAN PWB DISETIAP DUN

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah elaun penyelaras PWB disetiap DUN sebulan?
- b) Adakah peruntukan disediakan disetiap DUN pada setiap tahun?
- c) Sejauh manakah program PWB telah dilaksanakan disetiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Pusat Komuniti Wanita (PKW) atau kini dikenali sebagai Pusat Wanita Berdaya (PWB) diselia oleh seorang penyelia yang bertindak sebagai penggerak kepada aktiviti di setiap PWB. Para penyelia PWB tersebut tidak dijanjikan apa-apa bayaran elaun kerana kerana konsep asal adalah secara sukarela.

Walau bagaimanapun, atas dasar prihatin, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju memberikan saguhati berbentuk elaun bagi tempoh enam (6) bulan sahaja mulai Jun 2013 sehingga Disember 2013 melalui peruntukan Geran Selangorku dibawah Menteri Besar Incorporated (MBI). Selepas tempoh tersebut tiada apa-apa saguhati atau bayaran yang diberikan.

Buat masa ini satu kajian terperinci sedang dijalankan bagi menambahbaik pelaksanaan PWB sehingga ke akar umbi meliputi semua aspek bagi memastikan kelancaran PWB.

- b) Tiada peruntukan khusus untuk program wanita di setiap DUN disediakan. Walau bagaimanapun peruntukan disediakan mengikut keperluan permohonan oleh pihak PWB melalui kertas kerja untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga.
- c) PWB telah mengadakan pelbagai program sejak tahun 2008 hingga kini. Program-program yang telah dilaksanakan adalah berbentuk berstruktur dan tidak berstruktur, ini bagi memenuhi permintaan wanita-wanita setempat. Keaktifan PWB adalah bergantung kepada agresifnya wanita setempat dalam DUN tersebut. Antaranya program dan aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

BERSTRUKTUR (Teori/Syarah/Pembentangan)	TIDAK BERSTRUKTUR (Praktikal)
Program Kesihatan	Bengkel Masakan
Program Pengurusan Kewangan	Bengkel Kraftangan
Program Aplikasi ICT	Bengkel Jahitan
Program Kepimpinan	

Melalui program-program tersebut, wanita-wanita setempat berjaya diberdayakan dan mampu berdikari dengan peningkatan ekonomi dan keyakinan diri serta mampu berdaya saing dalam menghadapi situasi semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN DESA

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini kawasan yang menjadi pilot projek pembangunan desa ?
- b) Apakah kayu pengukur untuk menentukan kejayaan atau kegagalan projek pembangunan desa ?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 Oktober 2014, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa siri perbincangan dengan Syarikat Nestle (M) Sdn Bhd berhubung perancangan projek pembangunan desa yang akan dibuat dengan kerjasama syarikat tersebut. Walau bagaimanapun syarikat tersebut memaklumkan bahawa pada masa ini, mereka telah mempunyai cukup bekalan bahan mentah yang akan digunakan bagi produk-produk mereka. Sekiranya syarikat tersebut tidak dapat memberikan kerjasama seperti yang dipohon, Kerajaan Negeri akan mencari syarikat-syarikat lain yang berminat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membantu projek-projek pembangunan desa yang akan dilaksanakan di Negeri Selangor.
- b) Antara kayu pengukur yang boleh digunakan untuk mengukur kejayaan atau kegagalan projek pembangunan desa adalah pengurangan jurang perbezaan pendapatan antara kawasan bandar dan desa. Walau bagaimanapun pengukuran ini tidak dapat dibuat di dalam tempoh yang singkat. Program yang berterusan perlu dilaksanakan di dalam satu jangka masa yang panjang untuk memastikan keberkesanan sesebuah projek pembangunan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 Seri Andalas)**

**TAJUK : PINJAMAN RM400 JUTA UNTUK KUMPULAN PERANGSANG
SELANGOR BERHAD (KPSB)**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kemanakah pinjaman RM400 juta yang diberi oleh kerajaan Negeri kepada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB) digunakan?
- b) Berapakah kadar faedah dan tempuh bayaran balik pinjaman tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah memberikan kemudahan pinjaman kepada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB).
- b) Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah memberikan pinjaman kepada KPSB maka, soalan b) adalah tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

**TAJUK : LEBUHRAYA SUKE DAN PEMASANGAN PENCAWANG ELEKTRIK
DI DUN TERATAI**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan laluan lebuh raya SUKE?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah mengkaji dengan teliti cadangan dan bantahan penduduk atas pemasangan pencawang elektrik TNB di DUN Teratai?
- c) Adakah Kerajaan membenarkan pemasangan tol lebuh raya di Selangor? di mana?

JAWAPAN:

- a) Pihak konsesi PROLINTAS Sdn. Bhd. telah membentangkan cadangan jajaran Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE) kepada Pihak Berkuasa Negeri pada 12 April 2012, dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 14/2012 yang bersidang pada 18 April 2012 telah bersetuju secara dasarnya bagi melakarkan jajaran Lebuhraya SUKE ke dalam Pelan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Tiada kelulusan muktamad telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Keputusan muktamad hanya akan dipertimbangkan setelah pihak pemohon; dalam hal SUKE adalah PROLINTAS, mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pihak PROLINTAS telah mengadakan beberapa siri *Town Hall Meeting* dan pameran di MPAJ dan MPKj pada 8 hingga 23 Februari 2012.

- b) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil berat akan pandangan wakil rakyat serta penduduk tempatan berhubung perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Ini termasuklah rancangan pembangunan pencawang elektrik TNB yang jajarannya melibatkan DUN Teratai dan merentasi pentadbiran MPAJ. Projek tersebut merupakan sebahagian daripada sistem grid nasional iaitu projek Talian 275kV Bentong – Ampang Timur – Kampong Pandan yang akhirnya akan berhubung dengan laluan talian penghantaran elektrik TNB Mahkota Cheras.

Beberapa siri taklimat dan perbincangan lanjut telah dibuat bersama dengan penduduk tempatan, Badan Bukan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan tidak ketinggalan Ahli Parlimen Pandan dan ADUN Teratai bagi memilih beberapa opsyen laluan yang dapat mengurangkan impak dari segi sosial dan ekonomi sebelum diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Pandangan-pandangan daripada wakil rakyat dan penduduk tempatan akan sentiasa diberi pertimbangan. Ulasan dan syarat-syarat yang telah digariskan oleh semua agensi teknikal telah dibentangkan di mesyuarat MTES dan telah diberi pertimbangan kelulusan.

Kerajaan Negeri juga turut mendapatkan pelbagai input daripada Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian (JKPTG), Jabatan Perhutanan, Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung laluan talian penghantaran elektrik TNB Mahkota Cheras.

Berdasarkan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) 24/2014 pada 25 Jun 2014, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya laluan pencawang elektrik TNB bagi pembinaan Projek Penghantaran Elektrik 275kv TNB dari Cheras Hartamas ke Pencawang Masuk Utama (PMU) Mahkota Cheras adalah melalui rezab Hutan Simpan Sungai Bukit Seputeh dan tidak melalui kawasan perumahan. Pihak TNB telah menyediakan *Environment Management Plan* (EMP) sepertimana yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Pada masa yang sama, pembinaan projek penghantaran Talian 275kV Bentong – Ampang Timur – Kampong Pandan dan projek Talian 275kv dari Cheras Hartamas ke Pencawang Masuk Utama (PMU) Mahkota Cheras juga telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 6 November 2014 dan 13 November 2014 bagi tujuan pelaksanaan seterusnya oleh pihak TNB.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dalam mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan empat (4) lebuh raya di Negeri Selangor menjelang tahun 2015 seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2015.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa pandangan dan pendapat pihak awam serta pihak-pihak berkepentingan akan diberi pertimbangan dan diambilkira sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga akan mendesak pihak-pihak yang membangunkan mana-mana lebuh raya untuk membentangkan kadar pulangan setiap lebuh raya termasuklah kadar tol.

Pandangan pihak awam serta pihak berkepentingan ini termasuklah suara hati persatuan penduduk yang terlibat dalam sesebuah pembangunan termasuklah pembangunan lebuh raya. Pembangunan sesebuah lebuh raya mesti memberi manfaat dan keuntungan kepada pengguna dan rakyat.

Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI SEJAK SEBELUM 2008 DI DUN MERU.

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan siap, sedang dimaju semula dan tidak dapat diselamatkan? Senaraikan.
- b) Apakah halangan untuk diselamatkan?
- c) Adakah rancangan pengambilan semula tanah terhadap projek ini yang tidak diteruskan oleh LPHS?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja dan kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Namun begitu, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor diberikan peranan dan tanggungjawab dalam melaksanakan pemantauan ke atas projek terbengkalai bermula pada Disember 2006. Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan semakan dengan rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum tahun 2008 hanya mengenalpasti data setakat tahun 2007 di mana tiada jumlah projek perumahan terbengkalai yang berjaya disiapkan dan sedang dimajukan semula. Manakala jumlah projek perumahan terbengkalai yang tidak dapat dipulihkan atau diselamatkan adalah sebanyak 10 projek melibatkan 427 unit.
- b) Faktor utama yang menghalang bagi usaha pemulihan atau menyelamatkan semula projek perumahan terbengkalai adalah disebabkan berikut :
 - (i) Kerajaan Negeri **tiada 'Locus Standy'** dan bukan pihak berkepentingan ke atas projek perumahan terbengkalai dan hanya bertindak sebagai 'mediator' bagi mendapatkan mekanisma penyelesaian ke arah pemulihan projek. Ini memandangkan Perjanjian Jual Beli (PJB) melibatkan kontrak antara kedua-dua pihak iaitu pembeli dan pemaju maka Kerajaan Negeri hanya memberi khidmat nasihat kepada pembeli untuk mengambil tindakan sewajarnya.

- (ii) Pemaju dikenalpasti telah **dikenakan perintah penggulungan (bankrap)** oleh Mahkamah dan seterusnya Mahkamah melantik pelikuidasi sebagai pentadbir syarikat pemaju (digulung). Pelikuidasi memerlukan masa yang panjang bagi mendapatkan semula maklumat projek dan pembeli terlibat serta kelulusan Mahkamah untuk setiap tugas yang dilaksanakan. Ini seterusnya, pelikuidasi memerlukan persetujuan semua pihak terlibat bagi meneruskan usaha pemulihan projek ini termasuk pemuitang (creditor), pemegang gadaian (*bridging loan*), pembiayaan akhir (end financier), pemilik tanah (sekiranya berkaitan), pihak pembeli, dan pihak berkepentingan yang terlibat.
 - (iii) Projek tersebut dikenalpasti sebagai **projek defisit** dan pemaju akan **mengalami kerugian** sekiranya projek diteruskan semula. Berlakunya pertambahan kos projek yang tinggi disebabkan oleh faktor kenaikan harga bahan binaan, kos infrastruktur yang terlalu tinggi dan sebagainya berbanding harga jualan rumah pada ketika itu. Terdapat juga, tuntutan kemajuan kerja yang dibuat oleh pemaju melebihi kemajuan sebenar ditapak.
 - (iv) Kegagalan pemaju terdahulu **mematuhi syarat-syarat pembangunan** yang ditetapkan seperti tiada kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan daripada pihak Berkuasa Tempatan dan isu pengeluaran hakmilik individu yang masih belum diselesaikan terlebih dahulu sebelum pemajuan dilaksanakan. Selain itu juga, terdapat pemaju yang mengabaikan isu-isu keselamatan dalam prosedur kelulusan yang ditetapkan seperti penggunaan bahan material yang tidak diluluskan atau mengikut spesifikasi yang dibenarkan.
- c) Proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri bagi menentukan sama ada pelaksanaan pengambilan tanah akan dibuat ke atas projek terbengkalai atau sebaliknya. Namun perkara ini adalah diluar bidang kuasa LPHS untuk membuat keputusan tersebut. Ini kerana, pengambilan tanah ini akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan Negeri dalam proses pembayaran pampasan kepada mana-mana pihak berkepentingan ke atas projek terlibat. Sehubungan dengan itu, 'Kajian Kemungkinan' secara menyeluruh perlu dikenalpasti terlebih dahulu sama ada projek adalah berpotensi dipulihkan atau tidak berupaya dipulihkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : PEROBOHAN GERAI PENJAJA

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur merobohkan gerai penjaja?
- b) Senaraikan gerai penjaja yang telah dirobohkan kerajaan negeri dari 2013 hingga 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Prosedur perobohan gerai dilakukan dengan pengeluaran Notis Amaran kali pertama dan sekiranya tidak dipatuhi, Notis Amaran kali kedua akan dikeluarkan, sekiranya masih ingkar kedua-dua Notis Amaran, tindakan perobohan boleh dilakukan di bawah Seksyen 46(1)(a) Akta 133 AJPDB 1974 iaitu menyenggara gerai di tempat awam atau UUKP 2007 iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen daripada PBT (penjaja). Tindakan bersepadu juga boleh dilakukan bersama Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan. Bagi Penjaja yang didapati menjalankan aktiviti perniagaan di tanah kerajaan tindakan pengeluaran notis merobohkan boleh digunakan di bawah Seksyen 425 Akta Kanun Tanah Negara manakala di atas tanah persendirian tindakan pengeluaran notis boleh digunakan di bawah Seksyen 31 Akta Perancangan Bandar 172 atau Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

- b) Bilangan gerai penjaja yang telah dikenakan tindakan perobohan dari tahun 2013 hingga 2014 mengikut PBT adalah **418** buah gerai seperti di bawah:-

BIL.	PBT	TAHUN 2013	TAHUN 2014
1.	MBSA	0	0
2.	MBPJ	0	60
3.	MPSJ	0	0
4.	MPS	20	17
5.	MPAJ	2	1
6.	MPK	35	0
7.	MPKj	99	130
8.	MPSp	0	0
9.	MDKS	0	10
10.	MDKL	3	1
11.	MDSB	0	0
12.	MDHS	23	17
	JUMLAH	182	236
JUMLAH KESELURUHAN		418	

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk bina dewan orang ramai mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007-2014.
- b) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri Selangor bagi pastikan setiap taman ada sekurang-kurangnya satu dewan untuk kegunaan penduduk tempatan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan pembangunan bagi dewan orang ramai sebanyak RM500,000.00 setahun. Walau bagaimanapun, terdapat PBT yang menyediakan peruntukan sendiri dalam membina dewan orang ramai di kawasan masing-masing. Semua peruntukan membina dewan orang ramai mengikut PBT adalah seperti berikut:-

BIL.	PBT	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI YANG DIBINA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI (SEPerti DI LAMPIRAN)
1.	MBSA	Tiada Peruntukan		Lampiran A
2.	MBPJ	Tiada Peruntukan		Lampiran B
3.	MPK	11	2,154,873.00	Lampiran C
4.	MPAJ	4	3,100,000.00	Lampiran D
5.	MPSJ	Tiada Peruntukan		Lampiran E
6.	MPS	Tiada Peruntukan		Lampiran F
7.	MPKj	Tiada Peruntukan		Lampiran G
8.	MPSp	2	1,589,487.00	Lampiran H

BIL.	PBT	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI YANG DIBINA	JUMLAH PERUNTUK AN (RM)	SENARAI LOKASI (SEPERTI DI LAMPIRAN)
9.	MDKL	Tiada Peruntukan		Lampiran I
10.	MDKS	2	1,500,000.00	Lampiran J
11	MDHS	2	3,500,000.00	Lampiran K
12.	MDSB	12	758,188.85	Lampiran L
JUMLAH		33	12,602,548.85	

LAMPIRAN A

PBT : MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
Tiada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk Majlis Bandaraya Shah Alam bagi pembinaan dewan di kawasan pentadbiran Shah Alam.				

LAMPIRAN B

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
Tiada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk MBPJ				

LAMPIRAN C**PBT : MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
1.	2007 2012		Tiada	
2.	2013	5	150,000.00	<ol style="list-style-type: none">1. Baik Pulih Dewan Batu Nilam15, Bukit Tinggi Klang.2. Baik Pulih Bumbung Dan Salur Air Hujan Di Dewan Meru.3. Baik Pulih Bumbung Dan Salur Air Hujan Di Dewan Klang Jaya.4. Mengganti 3 Unit Hawa Dingin Di Dewan Andamaran.5. Naik Taraf Sistem Elektrik Di Dewan Kampung Idaman.
3.	2014	6	2,004,873.00 (menaik taraf / membaikpulih dewan)	<ol style="list-style-type: none">1. Dewan Hamzah (RM 554,560.00)2. Dewan Meru (RM 338,672.00)3. Dewan Telok Pulai (RM 180,968.00)4. Dewan Sukan Klang

				(RM 411,363.00)
				5. Dewan Sukan Pandamaran RM 328,340.00
				6. Dewan Pandamaran Jaya (RM 190,970.00)
JUMLAH			2,154,873.00	

LAMPIRAN D**PBT : MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)**

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
1.	2013	2	1.25 juta	TIADA MAKLUMAT
2.	2014	2	1.85 juta	
		4	3.1	

LAMPIRAN E

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
------------	--------------	-----------------------------------------------	---------------------------------------	-----------------------

Berdasarkan rekod dan semakan MPSJ, semua dewan yang dibina adalah menggunakan peruntukan pihak Majlis, serahan daripada Pejabat Tanah Daerah Petaling dan serahan daripada pihak pemaju berdasarkan syarat Kebenaran Merancang semasa kerja-kerja pemajuan dijalankan. Sehingga kini pihak Majlis mempunyai sebanyak 14 buah Dewan Serbaguna yang merangkumi kawasan Zon Subang Jaya, Kinrara, Puchong, Serdang dan Seri Kembangan.

LAMPIRAN F

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
Tiada Peruntukan				

LAMPIRAN G

PBT : MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
Tiada Peruntukan				

LAMPIRAN H

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)

Dari tahun 2007 hingga 2013 tiada peruntukan untuk membina dewan orang ramai diterima daripada pihak Kerajaan Negeri. Manakala pada tahun 2014 adalah seperti di bawah :-

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
1.	2007 2013		Tiada	
2.	2014	2	1,589,487.00	1. Taman Putra Prima, Puchong 2. Taman Dahlia, BBST

LAMPIRAN I

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
TIADA PERUNTUKAN				

LAMPIRAN J**PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)**

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
1.	2007 2013	Tiada maklumat diberikan oleh PBT		
2.	2014	2	1.5 juta	Tiada maklumat diberikan oleh PBT

LAMPIRAN K**PBT : MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)**

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
1.	2007-2014	2	3.5 juta	Dibina dan disiapkan pada tahun 2007 semasa kerajaan BN iaitu:- i) Dewan Komuniti Serendah ii) Dewan Komuniti Bandar Bukit Sentosa

LAMPIRAN L

PBT : MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

BIL	TAHUN	BILANGAN DEWAN ORANG RAMAI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SENARAI LOKASI
1.	2007-2014		83,149.45	Dewan Seri Bernam
			10,550.00	Dewan Tun Razak
			42,948.40	Dewan Simpang Lima
			-	Dewan Pasir Panjang
			52,775.00	Dewan Sekinchan
			416,272.00	Dewan BNO
			-	Dewan Sepak Takraw
			-	Dewan Dato' Hormat
		12	125,794.40	Dewan Parit Baru
			-	Dewan Parit 6
			26,700.00	Dewan Bagan Terap
			-	Dewan Binjai Jaya
JUMLAH		12	758,188.85	

- b) Kerajaan Negeri telah meluluskan pemakaian Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) yang memperuntukkan bahawa PBT mensyaratkan penyediaan Kompleks Komuniti /Pusat Komuniti mengikut skala pembangunan perumahan oleh pemaju. Antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	KOMPLEKS KOMUNITI	PUSAT KOMUNITI
1.	Keluasan Tapak Minimum	1.2 Hektar (3 ekar)	0.4 Hektar
2.	Keluasan Lantai	185mp-1,850mp (2,000kp-20,000kp)	315mp (3,400kp)
3.	Tadahan Penduduk (orang)	10,000 penduduk (Kawasan Bandar)	3,000 – 10,000 penduduk (Kawasan Bandar, Sebuah Mukim)
4.	Komponen Kemudahan	1. Gelanggang Tenis	
		2. Gelanggang Badminton	
		3. Gelanggang Bola Tampar	
		4. Ruang Bermain Ping Pong	
		5. Gimnasium/Bilik Senamrobik	
		6. Surau/Bilik Solat	
		7. Tandas	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PEMERBADANAN MENTERI BESAR (MBI)

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah peranan dan matlamat penubuhan MBI?
- b) Sila nyatakan apakah aktiviti utama dan jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh MBI mengikut pecahan daerah?
- c) Sila senaraikan Nama Pengerusi dan Pegawai Kanan MBI serta gaji ,elaun dan kesemua kemudahan yang dinikmati?

JAWAPAN:

- a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ditubuhkan di bawah Enakmen No. 3, Tahun 1994 Negeri Selangor di bawah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 18hb Mei 1994. Antara kegiatan utama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) adalah bertindak sebagai "investment arm" bagi pihak Kerajaan Negeri di mana objektif penubuhannya adalah bagi melaksanakan pengawasan bersepadu yang berkesan ke atas pelaburan yang dibuat bagi pihak Kerajaan Negeri. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) juga berperanan sebagai medium pelaksana bagi agenda Kerajaan Negeri Selangor melalui arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor di samping mengambil alih fungsi Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI) sepenuhnya setelah badan itu di "dormankan".
- b) Antara kegiatan utama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) adalah bertindak sebagai "investment arm" bagi pihak Kerajaan Negeri di mana objektif penubuhannya adalah bagi melaksanakan pengawasan bersepadu yang berkesan ke atas pelaburan yang dibuat bagi pihak Kerajaan Negeri. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) juga berperanan sebagai medium pelaksana bagi agenda Kerajaan Negeri Selangor melalui arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor di samping mengambil alih fungsi Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI) sepenuhnya setelah badan itu di "dormankan".

Jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh MBI adalah lebih kurang 8,809.82 ekar dan keluasan tanah mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :-

i.	Daerah Hulu Langat	-	656.64 ekar
ii.	Daerah Petaling	-	47.74 ekar
iii.	Daerah Gombak	-	374.48 ekar
iv.	Daerah Klang	-	492.65 ekar
v.	Daerah Kuala Langat	-	1,172.28 ekar
vi.	Daerah Sepang	-	0.00 ekar
vii.	Daerah Kuala Selangor	-	3,523.88 ekar
viii.	Daerah Hulu Selangor	-	2,542.15 ekar
ix.	Daerah Sepang	-	0.00 ekar

- c) Lembaga Pengarah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) terdiri daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor selaku Pengerusi, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri selaku Ahli Lembaga Pengarah. Tiada sebarang elaun tahunan yang diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah.

Senarai Pegawai Kanan MBI berserta butiran seperti di Lampiran 2.

LAMPIRAN 2**SENARAI NAMA DAN JAWATAN BAGI PEGAWAI KANAN PENTADBIRAN
MBI**

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	PN. IZARINA BINTI ISHAK	SETIAUSAHA SYARIKAT (KUMPULAN) / AKAUNTAN
2.	EN.RASHIDI BIN JONID	PENGURUS AKAUN / AKAUNTAN
3.	PN. NORAL IZLEEN BINTI AHMAD LATFFI	PENGURUS HAL EHWAL TANAH & HARTANAH
4.	EN. AHMAD FUAD BIN NOOR	PENGURUS PROJEK & KEJURUTERAAN
5.	EN. MOHD ZAINU BIN SAAT	PENGURUS AUDIT DALAM & PENGURUSAN RISIKO

**SENARAI NAMA DAN JAWATAN PEGAWAI KANAN KHIDMAT SOKONGAN
MBI UNTUK PEJABAT YAB DATO' MB**

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	TENKU MARAZIYAH BINTI TENKU SULAIMAN	PENGURUS KANAN TUGAS-TUGAS KHAS KEPADA YAB DATO' MB
2.	EN. MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM	SETIAUSAHA POLITIK (TUGAS-TUGAS KHAS) MERANGKAP SETIAUSAHA SULIT KEPADA YAB DATO' MB
3.	EN. AZMAN BIN ABIDIN	SETIAUSAHA POLITIK II (KAW)
4.	MOHD RADZI BIN ABDUL RAZAK	PEGAWAI AKHBAR

Gaji dan elaun adalah satu maklumat yang rahsia serta persendirian untuk didedahkan. Namun pihak YB ADN boleh mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat tersebut sekiranya diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas fasa pelaksanaan 2010-2013 melalui Geran Selangorku apakah status WIFI Selangorku?
- b) Adakah perancangan akan datang untuk menambah lagi lokasi di setiap DUN?
- c) Jika ada, berapakah yang diperuntukkan bagi meneruskan WIFI percuma bagi 2014-2018?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2013 Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat negeri Selangor dengan menempatkan 112 lokasi di seluruh Selangor dengan memperuntukkan 2 lokasi di setiap DUN. Perkhidmatan ini menggunakan sepenuhnya peruntukkan Geran Selangorku sebanyak RM 2,747,959.86.

Seperti yang sedia maklum Geran Selangorku tidak lagi membiayai dan mengeluarkan dana untuk program-program seperti WiFi Selangorku ini.

- b) Pada masa kini tiada penambahan lokasi WiFi Selangorku dibuat, cuma perubahan lokasi WiFi Selangorku telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap penggunaan internet percuma ini kepada lokasi yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi.
- c) Namun begitu beberapa usaha sedang dijalankan dengan mengadakan perbincangan bersama pihak penyedia rangkaian internet bagi membolehkan perluasan capaian perkhidmatan internet ke seluruh negeri Selangor. Hasil perbincangan ini nanti akan di bentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 Sri Muda)**

TAJUK : PELABURAN DALAM NEGERI SELANGOR

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nilai pelaburan langsung dari luar negara mengikut daerah dan bilangan syarikat yang terlibat
- b) Apakah kerajaan Negeri ada cadangan untuk mewujudkan Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) bagi kemudahan pelabur berurusan bagi mendapatkan lesen beroperasi

JAWAPAN:

- a) Nilai pelaburan langsung dari luar negara mengikut daerah dan bilangan syarikat seperti berikut:-

Daerah	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan Asing (RM)
Klang	16	1,426	1,027,077,389
Petaling	27	2,335	491,704,736
Hulu Selangor	4	203	130,117,254
Sepang	3	335	117,260,987
Kuala Langat	3	231	58,677,493
Gombak	5	211	32,214,721
Hulu Langat	3	77	24,050,353
Jumlah	61	4,818	1,881,102,933

- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mewujudkan Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) bagi kemudahan pelabur berurusan bagi mendapatkan lesen beroperasi kerana tiada keperluan dan tambahan pula OSC telah diwujudkan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri sentiasa membantu, menyelaras dan memantau permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh indus.tri sehingga beroperasi.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan SSIC sebagai agensi pemudahcara pelaburan bagi para pelabur merujuk dan mendapatkan khidmat nasihat serta bantuan dalam hal-hal pelaburan di Negeri Selangor.

SSIC juga berperanan untuk membantu pelabur dalam mendapatkan kelulusan-kelulusan pembangunan serta membantu menyelesaikan isu berbangkit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

TAJUK : TANGGUNGJAWAB KETUA KAMPUNG

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tanggungjawab utama seorang Ketua Kampung apabila Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan nampaknya bertanggungjawab lebih kurang yang sama tetapi adalah lebih berkuasa dari segi pentadbiran.
- b) Adakah kewujudan Ketua Kampung masih perlu dan bermakna pada masa ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Ketua Kampung adalah seorang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di Negeri Selangor. Pelantikan yang dibuat mengikut Pekeliling Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (Pekeliling Selangor Bil. 2 Tahun 1991).

Ketua Kampung bertanggungjawab di atas kemajuan dan keselamatan kampungnya di samping mematuhi syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut:

- i) Bertanggungjawab menyampaikan kepada penduduk kampung segala dasar-dasar Kerajaan dan menasihati mereka supaya mematuhi dan taat setia kepada Kerajaan yang memerintah di samping memberikan unjuran, galakan dan tegahan seperti berusaha ke arah kemajuan dan pembangunan diri, keluarga dan kampung, mengamalkan suruhan agama dan berpegang kepada adat resam bangsa yang bersesuaian dengan kehendak masa, menggalakkan orang-orang kampung membayar apa-apa hasil kepada kerajaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, memberikan bantuan yang munasabah kepada kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas di dalam kampung, menggalakkan pembentukan semangat perpaduan dan kerjasama antara satu sama lain dan mencegah dan menjauhkan diri dari perbuatan jenayah.
- ii) Hendaklah berunding dengan Penghulu Mukim terlebih dahulu bagi semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kemajuan dan keselamatan kampung sebelum disampaikan kepada Kerajaan.

- iii) Bahawa perkhidmatan sebagai Ketua Kampung adalah dikawal oleh peraturan-peraturan dan tata tertib yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Kesimpulan yang boleh dibuat hasil daripada pemerhatian Kerajaan Negeri di peringkat dasar, kewujudan Ketua Kampung masih relevan dan bermakna pada masa ini kerana mereka lebih dekat dengan masyarakat kampung serta lebih memahami permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung berbanding Ahli Majlis yang hanya bertanggungjawab di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari segi pentadbiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : PEMBINAAN SKATEPARK ATAS NAMA PBT

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan berhasrat untuk membangunkan pusat-pusat *skatepark* berpandukan piawaian MBPJ dan MBSA?
- b) Apakah piawaian-piawaian kebersihan, keselamatan dan mesra alam sekitar yang akan digunakan?
- c) Berapakah kos sesuatu *skatepark* dan jumlah setiap tahun bermula 2008?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini kerajaan negeri belum mempunyai perancangan khusus untuk membina pusat skatepark namun kerajaan negeri sedia untuk mengkaji cadangan untuk membina kemudahan ini. Walau bagaimanapun, terdapat PBT-PBT khususnya di kawasan bandar telah menyediakan kemudahan ini seperti di MBSA, MBPJ dan MPSJ. Terdapat juga beberapa buah PBT seperti MPK, MPS, MPAJ yang mempunyai perancangan untuk membina pusat skatepark namun kesesuaian lokasi dan perancangan peruntukan perlu diambil kira bagi memastikan kemudahan ini dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat.
- b) Piawaian keselamatan, kebersihan dan mesra alam sekitar perlu diutamakan dalam penyediaan pembinaan pusat skatepark. Kemudahan ini perlu ada pemantauan berkala bagi memastikan pengguna yang menyertai aktiviti ini tidak mendapat kecederaan. Penyelenggaraan juga perlu dibuat secara berkala kerana struktur pembinaan tersebut mudah rosak akibat faktor cuaca dan penggunaan yang kerap.

- c) Tiga buah PBT di Negeri Selangor telah menyediakan kemudahan ini dan butiran perbelanjaan adalah seperti berikut:

BIL	PBT	LOKASI	KOMPONEN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	MBSA	Taman Sukan Lasak (Extreme Park) Seksyen 13, Shah Alam	<ul style="list-style-type: none">• wall climbing,• boulder park,• gelanggang papan selaju,• gelanggang basikal BMX dan paintball.	5,422,021.77
2.	MBPJ	Kompleks Rakan Muda, Arena Petaling Jaya	Skatepark	50,000
3.	MPSJ	Laman Sukan USJ 1, Subang Jaya	Skatepark	200,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : POLISI " *VALUE FOR MONEY* "

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kejayaan polisi ini dalam mengurus kewangan negeri?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri mahu menerapkan polisi ini dalam bajet dan perbelanjaan negeri akan datang?

JAWAPAN:

- a) Kejayaan polisi *value for money* ini diterapkan dalam dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal yang dipraktikkan di mana Kerajaan Negeri dapat menjimatkan wang melalui perbandingan harga anggaran dan sebenar, tanpa mengabaikan faktor kualiti perkhidmatan/bekalan dalam membuat sesuatu perolehan. Melalui dasar harga terendah juga, Jabatan dapat membuat penjimatan dan lebih peruntukan boleh digunakan oleh Jabatan berkenaan bagi keperluan lain.
- b) Dasar harga terendah ini akan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan dan Kerajaan Negeri berpandangan kesinambungan dasar memainkan peranan penting dalam penyediaan perbelanjaan Kerajaan Negeri, di samping memberi fokus kepada Jabatan dalam menyediakan kos-kos bagi projek dan program lain di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di Ijok ada 7 sekolah rendah agama rakyat. Ijok perlukan satu sekolah menengah agama rakyat. Adakah kerajaan negeri merancang untuk membina satu?

JAWAPAN:

- a) Ada rancangan pembinaan Maahad Tahfiz Selangor di Dun Ijok.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : E-CONSENT

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terangkan cara-cara kegunaan *e-consent* secara ringkas
- b) Berapakah permohonan yang telah diproses setiap tahun sejak tahun 2007?
- c) Adakah pengguna sistem ini perlu mengemukakan permohonan secara manual walaupun telah melengkapkan seluruh proses permohonan melalui *e-consent*?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 2 kaedah menggunakan eConsent terhadap permohonan pindahmilik tanah iaitu :
 - 1) Melalui Consent2u (<http://consent2u.selangor.gov.my>)
 - Permohonan pindahmilik tanah diisi oleh pemohon secara atas talian menggunakan sistem Consent2u di alamat url <http://consent2u.selangor.gov.my> . Selepas mengisi dan menghantar permohonan secara atas talian, pemohon perlu mencetak slip pengesahan tersebut dan hadir ke pejabat tanah berkenaan dengan membawa slip pengesahan beserta butiran pemohon dan penerima pindahmilik tanah yang telah ditandatangani bersama dokumen sokongan untuk urusan pejabat selanjutnya.
 - Kerani akan membuat semakan ke atas data-data permohonan yang telah dimasukkan oleh pemohon.
 - Permohonan seterusnya diproses ke peringkat perakuan dan kelulusan secara *online*.
 - 2) Melalui Kaunter
 - Pemohon perlu hadir ke kaunter Pejabat Tanah Dan Daerah berkaitan dan menghantar borang permohonan dan dokumen sokongan yang diperlukan iaitu borang senarai semak permohonan, butiran pemohon, butiran penerima, surat akuan pemohon dan surat akuan penerima.
 - Kerani akan membuat kemasukan data ke dalam sistem eConsent dan proses seterusnya akan dibuat secara *online*.

- b) Sejak tahun 2007, sebanyak 74,020 permohonan telah diproses melalui eConsent dan Consent2u. Statistik bilangan permohonan adalah seperti jadual berikut:

Bil	Tahun	Jumlah Permohonan
1	2007	1,057
2	2008	1,096
3	2009	3,514
4	2010	8,618
5	2011	10,914
6	2012	13,587
7	2013	17,285
8	2014 (Jan-7 Nov)	17,949
	JUMLAH (2007-2014)	74,020

- c) Pemohon tidak perlu lagi kemukakan permohonan pindahmilik tanah secara manual dengan menggunakan borang. Pemohon hanya perlu membawa slip pengesahan beserta butiran pemilik dan penerima yang dicetak melalui sistem Consent2u yang telah ditandatangani oleh pemilik dan penerima beserta dokumen sokongan lain iaitu borang senarai semak permohonan, butiran pemohon, butiran penerima, surat akuan pemohon dan surat akuan penerima ke kaunter untuk disemak dan disimpan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Daerah atau PTG Selangor. Ini adalah bagi tujuan keselamatan dan rujukan di masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini PWB seperti yang dijanjikan untuk diberi elaun kepada pengurus di setiap DUN.
- b) Masih terdapat DUN yang tiada PWB. Apakah masalahnya.
- c) Nyatakan PWB DUN manakah yang boleh dijadikan ikon untuk PWB yang lain.

JAWAPAN:

- a) Pusat Komuniti Wanita (PKW) atau kini dikenali sebagai Pusat Wanita Berdaya (PWB) diselia oleh seorang penyelia yang bertindak sebagai penggerak kepada pertubuhan tersebut. Para penyelia PWB tersebut tidak dijanjikan apa-apa bayaran elaun kerana pada asalnya ianya adalah secara sukarela.

Walau bagaimanapun, atas dasar prihatin, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju memberikan saguhati berbentuk elaun bagi tempoh enam (6) bulan sahaja mulai Jun 2013 sehingga Disember 2013 melalui peruntukan Geran Selangorku di bawah Menteri Besar Incorporated (MBI). Selepas tempoh tersebut tiada apa-apa saguhati atau bayaran yang diberikan.

Buat masa ini satu kajian terperinci sedang dilaksanakan bagi menambahbaik pelaksanaan PWB sehingga ke akar umbi meliputi semua aspek bagi memastikan kelancaran PWB.

- b) Sehingga kini sebanyak 12 DUN yang masih belum mewujudkan PWB di DUN masing-masing. Ini kerana 12 DUN tersebut masih dalam proses mengenal pasti lokasi bersesuaian dan kesediaan DUN sebelum permohonan dikemukakan kepada pihak Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

c) Daripada jumlah keseluruhan 56 DUN, sebanyak 44 PWB telah ditubuhkan. Walau bagaimanapun, keaktifan PWB adalah bergantung kepada penyelia dan wanita-wanita setempat. Namun begitu, terdapat beberapa PWB yang aktif dalam melaksanakan program-program wanita. Antara PWB yang boleh dijadikan ikon untuk PWB yang lain iaitu:-

- PWB DUN Sungai Air Tawar;
- PWB DUN Selat Klang;
- PWB DUN Sijangkang;
- PWB DUN Morib; dan
- PWB DUN Lembah Jaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PENINGKATAN HASIL PESAWAH PADI

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu pesawah padi meningkatkan mutu & hasil pendapatan mereka?
- b) Perincikan bentuk bantuan yang telah disalurkan kepada pesawah padi sepanjang tahun 2013 sehingga suku terakhir 2014 & sila nyatakan jumlahnya mengikut kawasan yang terlibat?

JAWAPAN:

- a) Perancangan kerajaan negeri untuk membantu pesawah padi meningkatkan mutu hasil dan pendapatan mereka adalah seperti berikut:
 1. Pengamalan Pakej Teknologi Padi
Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada :
 - Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin atau benih
 - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
Pembajaan
 - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
 2. Perladangan Persis
Membangun dan menilai teknologi pengurusan tanaman padi yang bersesuaian dan ke arah amalan pertanian baik. Kearah itu, data asas dan maklumat kesuburan tanah dikumpul dan dianalisa untuk mengetahui tahap kesuburan tanah pada masa tersebut dengan menggunakan teknologi pertanian persis atau teknologi '*Remote Sensing*'.
 3. Pengurusan Perosak Bersepadu
Salah satu faktor yang mempengaruhi peningkatan hasil padi adalah pengurusan perosak dan penyakit tanaman padi. Keadaan ini memerlukan pemerhatian dan penumpuan khusus kepada pengurusan secara bersepadu perosak dan penyakit, terutamanya bila berlaku wabak (*outbrake*).
 4. Automasi dan mekanisasi

Aktiviti ini bertujuan mempromosi automasi dan mekanisasi serta aktiviti persawahan dengan memperluaskan penggunaan mesin dan jentera oleh pengusaha sawah. Mesin, jentera dan peralatan terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa yang sesuai akan diperolehi sebagai kaedah mempromosi penggunaan di kalangan pengusaha.

5. Pembangunan institusi petani
Memperkasakan modal insan dan meningkatkan keupayaan R & D pegawai dan petani dalam sektor tanaman padi melalui latihan amali dan teori oleh pakar. Juga melalui kursus, *hands-on*, lawatan, seminar dan sesi kerja.
 6. Pengurusan Berpusat Padi.
Menggalakkan pesawah dalam satu kawasan atau blok untuk bergabung dan berfungsi sebagai satu unit pengeluaran supaya semua aktiviti berkaitan tanaman padi dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Serta menggalakkan penubuhan kumpulan-kumpulan pesawah yang mengamalkan Pertanian Lestari. Pesawah akan diberi insentif berdasarkan kecekapan pengurusan yang mematuhi 10 faktor penentu meningkatkan hasil padi, aktiviti-aktiviti pertanian lestari serta pensijilan Amalan Pertanian Baik (MyGAP).
- b) Bantuan Projek Tanaman Padi yang telah disalurkan kepada pesawah di Negeri Selangor sepanjang tahun 2013 dan 2014 mengikut kawasan terlibat adalah seperti berikut:

Daerah	Peruntukkan 2013		Peruntukkan 2014	
	Pembangunan (RM)	Mengurus (RM)	Pembangunan (RM)	Mengurus (RM)
Sabak Bernam	1,740,280.00	-	151,489.00	1,253,205.00
Kuala Selangor	916,920.00	-	80,000.00	925,425.00
Jumlah	2,657,200.00	-	231,489.00	2,178,630.00

Manakala bentuk bantuan Projek Tanaman Padi adalah seperti berikut:

01-Skop Projek Tanaman Padi

(i) Pengamalan Pakej Teknologi Padi Terkini
<ul style="list-style-type: none">• Bantuan input benih padi CL• Bantuan input seperti baja kimia, urea dan baja organik/natural farming dan bahan pereput jerami.
(ii) Perladangan Persis
<ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan model Perladangan Persis dengan membangunkan teknologi pengurusan tanaman padi melalui kerjasama UPM untuk membuat Soil EC Mapping Plot (pemetaan kesuburan tanah)
(iii) Pengurusan Perosak Bersepadu
<ul style="list-style-type: none">• Bantuan dalam bentuk input racun (rumpai, serangga dan kulat) untuk pengurusan perosak dan penyakit tanaman padi secara bersepadu dengan penumpuan kepada kawasan berlaku wabak (outbrake).• Bantuan untuk pembinaan rumah burung pungguk bagi kawalan biologi perosak tikus.
(iv) Automasi dan mekanisasi
<ul style="list-style-type: none">• Perolehan mesin, jentera dan peralatan yang dapat mempercepat dan memudahkan operasi ladang. Pembelian mesin-mesin terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa.• Bantuan kaedah penanaman secara '<i>transplanter</i>' atau '<i>row seeder</i>'.
(v) Pembangunan institusi petani
<ul style="list-style-type: none">• modal insan dan meningkatkan keupayaan R & D pegawai dan petani dalam sektor tanaman padi melalui latihan amali dan teori oleh pakar. Juga melalui kursus, hands-on, lawatan, seminar dan sesi kerja.
(vi) Perolehan peralatan saintifik
<ul style="list-style-type: none">• Peralatan ini membantu aktiviti kutipan data dan pertanian persis melalui penggunaan peralatan seperti Leaf Color Chart, pH meter, Auger dan SPAD Meter with Data Logger atau peralatan terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa
(vii) Pengurusan Berpusat Padi
<ul style="list-style-type: none">• Pembinaan bengkel untuk menghasilkan produk pertanian lestari• Pemberian insentif peralatan pertanian untuk kumpulan petani yang telah mendapat pensijilan MyGAP

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : BELANJAWAN 2014 DAN RIZAB NEGERI UNTUK BELIA DAN SUKAN

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan penggunaan sebenar berbanding perancangan terhadap peruntukan sektor sosial untuk Belia RM3.5 juta dan Sukan RM8 juta bagi tahun 2014?
- b) Apakah pecahan penggunaan sebenar Rizab Negeri tahun 2014 berbanding perancangan, RM50 juta bagi pembangunan usahawan dan pemerksaan belia?

JAWAPAN:

a) dan b)

Peruntukan keseluruhan Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM11,500,000.00. Pecahan penggunaan peruntukan adalah seperti berikut:

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI (%)
<u>07014</u>	PROJEK PEMBANGUNAN BELIA	3,500,000.00	5,192.00	99%
<u>07015</u>	MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN	800,000.00	52,776.95	93%

<u>07016</u>	PEMBANGUNAN SUKAN (SUKMA/SUKSES)	7,200,000.00	363.04	98%
JUMLAH		11,500,000.00	58,334.99	99%

1. P01-07014 –Pembangunan Belia

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
	PERUNTUKAN TAHUN 2014		3,500,000.00
1.	Peruntukan Elaun Dan Program PeBT	2,782,000.00	
2.	Watikah Perlantikan Pebt 2014/15	46,150.00	
3.	Pertandingan Video Klip Senamrobik	26,480.00	
4.	Bengkel Kepimpinan Asas Pebt	99,862.00	
5.	Hari Sukan Dan Pelancaran Walkthon 2014	91,750.00	
6.	Program Jelajah <i>Walkathon</i> Bes Peringkat PBT	110,000.00	
7.	Hari Belia Peringkat Negeri Selangor	157,800.00	
8.	Insentif Perkahwinan Belia	50,000.00	
9.	Program Karnival Belia Bersama Komuniti Daerah Hulu Langat.	43,432.00	

10.	Program Woman Marathon World	10,000.00	
11.	Program Adun Muda Selangor	37,334.00	
12.	Program Perkahwinan Belia Perdana	40,000.00	
	JUMLAH PERBELANJAAN	3,494,808.00	5,192.00

2. Peruntukan P01-07015 (Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Sukan)

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
	PERUNTUKAN TAHUN 2014		800,000.00
1.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	58,476.00	
2.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	98,500.00	
3.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	79,714.00	
4.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	171,344.30	
5.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)	39,600.00	
6.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	55,558.75	
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	99,500.00	
8.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	80,000.00	

9.	Pejabat Daerah Kuala Langat	64,530.00	
JUMLAH		747,223.05	52,776.95

3. Peruntukan P01-07016 (SUKMA/SUKSES).

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
	PERUNTUKAN TAHUN 2014		7,200,000.00
1.	Persediaan Sukan Sukma Malaysia (Sukma) Ke-17	1,984,806.25	
2.	Perbelanjaan SUKMA Perlis 2014	5,068,830.71	
3.	Penganjuran Kejohanan Bola Sepak Piala mas Raja-raja Tahun 2014	20,000.00	
4.	Sukan Selangor (SUKSES)	126,000.00	
Jumlah		7,199,636.96	363.04

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : PENGAMBILALIHAN SYABAS

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pengambilalihan SYABAS oleh Kerajaan Negeri?
- b) Bilakah kerja-kerja penggantian paip atau CAPEX dijangka akan bermula semula, terutamanya untuk mengatasi masalah "*non revenue water*" (NRW)
- c) Bilakah tarif air dijangka akan meningkat?

JAWAPAN:

(a) (b) dan (c) dijawab bersekali

Melalui penelitian saya, terdapat banyak soalan-soalan yang telah ditanyakan tentang perkara berkaitan penstrukturan industri bekalan air Negeri Selangor serta yang melibatkan perjanjian air yang telah ditandatangani sebelum ini. Antara soalan tersebut datangnya dari :

- i) Y.B. Sekinchan;
- ii) Y.B. Permatang;
- iii) Y.B. Bukit Gasing;
- iv) Y.B. Lembah Jaya; dan
- v) Y.B. Kuang

Saya yakin dan percaya semua Ahli Yang Berhormat juga sangat berminat berkaitan isu yang melibatkan penstrukturan dan perjanjian air ini.

Izinkan saya untuk menjawab bersekali semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi.

Saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut:

- i) Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Bekalan Air Negeri Selangor
- ii) Terma-terma Perjanjian
- iii) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat
- iv) Projek Langat 2
- v) Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water ,NRW*)

1) **Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya**

Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (Perjanjian Induk Atau *Master Agreement*) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai diantara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor.

Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB). Dengan persetujuan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri yang telah diberi amanah oleh rakyat, akan mentadbirnya dengan penuh hemah demi kebaikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua (2) lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

2) **Terma-terma Perjanjian**

Pada umumnya terma-terma umum perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya adalah:

- i) Persetujuan untuk saling memudahcara bagi menjayakan penstrukturan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- ii) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuti syarikat-syarikat konsesi;
- iii) Persetujuan untuk sewa-pajak aset-aset bekalan air;
- iv) Penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan (*operation and maintenance*) industri perkhidmatan air kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Pemberian lesen perkhidmatan kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor; dan

- vi) Kebenaran pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) serta penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

3) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat

Usaha dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah bertujuan semata-mata untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa Air Selangor beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memantau agar Air Selangor mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampaui. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, Air Selangor dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, Air Selangor akan beroperasi secara holistik dan ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) bagi tujuan memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh Air Selangor akan dipantau secara langsung melalui kuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi bagi pembelian air terawat seperti mana keadaan pada masa ini.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

4) Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL 2)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangn Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor pada 4 September 2014, telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kebenaran Merancang telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana Projek Langat 2 ini.

Pada ketika ini, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAAB adalah masih diperingkat Kerja Awal seperti Kerja-kerja pembersihan tapak.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor akan mencari dan mengguna ruang yang ada untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat secara menyeluruh. Ruang yang saya maksudkan ini termasuklah memastikan pembinaan LRAL2 yang melibatkan kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan, akan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur pembaziran yang kelak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pewujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

5) **Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water ,NRW*)**

Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor antaranya untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kadar NRW. Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa NRW adalah sesuatu yang merugikan rakyat. Oleh itu wajarlah tumpuan diberikan untuk menurunkan kadar NRW.

Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

TAJUK : HADIAH PENGAJIAN IPT

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peserta yang mendapat manfaat?
- b) Apakah syarat-syarat pendapatan isi rumah yang melebihi RM3000.00 sekiranya mempunyai tanggungan yang ramai?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 Oktober 2014, iaitu dalam tempoh enam (6) tahun sejumlah **45,076 orang** pemohon mendapat manfaat dengan kos yang terlibat sebanyak **RM45.076 juta**.
- b) Mengikut dasar semasa, untuk melayakkan pemohon menerima HPIPT, pendapatan isi rumah mestilah tidak melebihi RM3,000.00.

Syarat pendapatan ini sebenarnya telah diubah daripada syarat asal iaitu RM1,500.00 sejak tahun 2012 bagi memberi manfaat kepada lebih ramai pemohon.

Bagi pendapatan isi rumah melebihi RM3,000.00, pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada pihak Urus Setia. Rayuan ini akan di kemukakan kepada YB EXCO Pendidikan untuk pertimbangan dan kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : BAHU JALAN RENDAH - JABATAN KERJA RAYA

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa jalan-jalan negeri yang telah diturap semula dengan premix, dibiarkan bahu jalannya rendah?
- b) Apakah tiada peruntukan yang disediakan untuk bina semula bahu jalan selepas di premix semula jalan berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Jalan-jalan negeri yang telah diturap semula dengan premix, bahu jalannya juga akan dibina supaya searas dengan jalan.
- b) Peruntukan bina semula bahu jalan selepas di premix semula termasuk dalam kos penyelenggaraan jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PERUMAHAN

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peraturan/syarat-syarat utama mengenai pembangunan perumahan oleh para pemaju di kawasan-kawasan yang telah diluluskan untuk pembinaan rumah kediaman, khususnya dalam pembinaan rumah kos rendah?
- b) Apakah tindakan terhadap para pemaju yang gagal menyiapkannya dalam jangkamasa yang ditetapkan seperti di Bukit Saga?

JAWAPAN:

- a) Antara syarat utama yang dikenakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi memastikan pemaju membina Rumah Selangorku khususnya Jenis A (Rumah Kos Rendah) sebagaimana yang telah diluluskan adalah :
 - i. Rumah Selangorku perlu dibina terlebih dahulu atau bersekali dengan pembangunan jenis lain dan PBT tidak dibenarkan meluluskan Kebenaran Merancang (KM) bagi fasa lain / kos bebas selagi sekurang-kurangnya sebahagian daripada Rumah Selangorku tidak dibina.
 - ii. Pembinaan Rumah Selangorku diletakkan di Fasa Awal Pembangunan.
 - iii. Senarai pembeli diperolehi daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR)
 - iv. Memasukkan syarat nuyata tanah sebagai 'Rumah Selangorku' di dalam suratan hak milik tanah.
 - v. Pemaju disyaratkan untuk membina Rumah Selangorku dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan MMKN dan Kebenaran Merancang oleh PBT dan sekiranya pemaju gagal memulakan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh 2 tahun daripada kelulusan tersebut ianya akan ditarik balik.
 - vi. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diarahkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan arahan "Stop Work Order" kepada pembangunan fasa lain / kos bebas sekiranya pemaju gagal menyiapkan pembinaan rumah kos rendah.

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas para pemaju yang gagal menyiapkan projek dalam jangkamasa yang ditetapkan dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Di samping itu nama-nama pemaju yang disenaraihitamkan ini tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah syarikat pemaju lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : PERKHIDMATAN WIFI PERCUMA

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan telah disalurkan dalam perkhidmatan setakat ini?
- b) Dimanakah lokasinya perkhidmatan ini?
- c) Adakah rancangan tersebut diperluaskan ke bahagian selatan Selangor iaitu DUN Sg Pelek?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan yang disalurkan bagi menyediakan kemudahan WiFi Selangorku ini adalah sebanyak RM 2,747,959.86 yang melibatkan sewaan kemudahan internet sebanyak 112 lokasi selama 2 tahun di seluruh negeri Selangor. Peruntukan ini dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI) menerusi Geran Selangorku
- b) Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.
- c) Daripada program perkhidmatan WiFi Selangorku ini dua lokasi WiFi di DUN Sg. Pelek setakat ini adalah di
 - i) PKM Bandar Baru Salak Tinggi
 - ii) Pusat Penjaja Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : MAAHAD TAHFIZ SAINS

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Maahad Tahfiz Sains yang sudah dibina oleh Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah sasaran pembinaan menjelang 2017?

JAWAPAN:

- a) 3 buah Maahad telah dibina dan 3 buah lagi dalam perancangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : TANAH REZAB MELAYU

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan keseluruhan tanah Rizab Melayu di negeri Selangor
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Dalam Mengekal Dan Mempertahankan Tanah Rizab Melayu Di Negeri Selangor

JAWAPAN:

- a) Sehingga **30 Oktober 2014**, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor adalah seluas **402,755.42 ekar** dan pecahannya mengikut daerah seperti di **Lampiran A**.
- b) Bagi mengekalkan dan mempertahankan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap tanah yang dibatalkan hendaklah digantikan terlebih dahulu sebelum proses pengambilan diluluskan seperti mana yang termaktub di bawah Perkara 89 Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan iaitu "*mana-mana tanah yang terhenti menjadi tanah Rizab Melayu maka mana-mana tanah lain yang serupa keadaannya dengan tanah yang terhenti itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu hendaklah dengan serta merta diisytiharkan sebagai Rizab Melayu*".

Melalui Pekeliling PTGS Bilangan 7/2001, Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan Dasar dan Garis Panduan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Negeri Selangor yang menekankan tentang penggantian TRM perlu dilaksanakan dengan segera tanpa mengambil kira jenis tanah, sama ada tanah pekan, bandar atau desa dan guna tanah pertanian, kawasan zon kediaman/ perniagaan dan industri yang belum diberi milik.

Selain itu, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (JKPPTRM) pada 28 Ogos 2014 yang dianggotai oleh semua Pentadbir Tanah Daerah yang bertanggungjawab ke atas hal-hal pengurusan dan penggantian TRM agar ianya selaras dengan Enakmen Rizab Melayu serta peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN A

KEDUDUKAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM) DI SEMBILAN (9) DAERAH
SEHINGGA 30 OKTOBER 2014

DAERAH	KELUASAN TRM (a)	KELUASAN PEMBATALAN (b)	KELUASAN PENGGANTIAN (c)	KELUASAN BELUM DIGANTI (d=b-c)	KELUASAN PADA 30/10/14 (e=a-b+c)
Ekar					
Petaling	2,617.88	0	0	0	2,617.88
Gombak	12,895.05	6.38	0	6.38	12,888.67
Klang	23,474.88	5.99	0	5.99	23,468.89
Sepang	28,500.94	4,621.93	2,325.60	2,296.33	26,204.61
Hulu Selangor	36,850.83	1,539.37	1,002.00	537.37	***36,313.46
Hulu Langat	33,325.79	22.34	23.61	-1.27	33,327.06
Kuala Langat	39,577.00	4,822.33	3,800.37	1,021.96	**38,555.04
Kuala Selangor	56,895.19	0	0	0	56,895.19
Sabak Bernam	172,485.00	59.53	59.15	0.38	172,484.62
JUMLAH	406,622.56	11,077.87	7,210.73	3,867.14	402,755.42

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PDT)

Nota:

* Seluas 1,024.20 ekar daripada 3,800.37 ekar TRM telah diganti di Daerah Hulu Selangor, iaitu TRM Bukit Tarek.

** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Kuala Langat adalah 37,530.84 ekar kerana perkara seperti di *.

*** Keluasan pada 30/10/2014 bagi Daerah Hulu Selangor adalah 37,337.66 ekar kerana perkara seperti di *.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : MASALAH PENDAPATAN PETANI NEGERI SELANGOR

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah purata pendapatan petani Negeri Selangor mengikut bidang pertanian seperti penanam kelapa sawit, penanam padi, sayur-sayuran dan nelayan?
- b) Apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani dan nelayan?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk program ini?

JAWAPAN:

- a) Purata pendapatan petani yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Selangor pada tahun 2013 bagi sektor utama tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan adalah seperti berikut:

Tanaman	Bilangan Petani	Purata Pendapatan RM/Bulan
Padi	9084	1200.00
Sayur-sayuran	345	4900.00
Buah-Buahan	588	1729.00

Bagi tanaman kelapa sawit dan perikanan bukan di bawah fungsi Jabatan Pertanian

- b) Langkah Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani adalah seperti berikut:
 1. Memastikan pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berterusan melalui Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Melalui program ini peningkatan hasil padi adalah memberangsangkan, manakala program natural farming membantu dalam mengurangkan kos operasi petani serta menjana pendapatan tambahan hasil jualan produk natural farming.
 2. Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Melalui

program ini, petani dibimbing untuk melaksanakan projek pertanian secara komersil , hasil pertanian yang dipersijilkan dengan MyGAP dan SOM , untuk mencapai sasaran purata pendapatan bulanan sebanyak RM3000/bulan.

3. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah melaksanakan Program Pemulihan dan Penanaman Semula Kelapa sejak tahun 1998. Program ini masih diteruskan sehingga kini dengan memberi tumpuan kepada kaedah integrasi tanaman dimana penanaman kelapa diselingkan dengan tanaman kontan atau integrasi dengan kelulut sebagai usaha bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil kelapa melalui hasil tanaman kontan dan madu kelulut.
 4. Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan MyGap dan SOM. Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia. Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang tinggi atau premium.
 5. Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman contohnya seperti kerepek, minyak kelapa dara, kuih tradisional, pastri, bakeri dan lain-lain lagi.
- c) Pada tahun 2014, jumlah peruntukkan yang disediakan bagi menyokong program peningkatan pendapatan adalah seperti berikut:

Tahun	Pembangunan (RM)	Mengurus (RM)
2014	10,000,000.00	19,963,754.00

Rasional peruntukkan tersebut diagihkan adalah untuk menyokong program-program Jabatan untuk membangunkan petani di Selangor seperti berikut:

1. Pembangunan Taman Agroteknologi
2. Pembangunan Tanaman Makanan (Buah, Sayur, Padi dan Kelapa)
3. Pembangunan Tanaman Industri (Umbisi dan Nanas)
4. Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan
5. Pembangunan Industri Asas Tani
6. Pengurusan Perosak Bersepadu
7. Pembangunan Agropelancongan
8. Pembangunan Pertanian Bersepadu (Intergrasi Tanaman, Cendawan, Herba dan Lebah)
9. Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan (Khidmat Nasihat, Kursus, Seminar)

10. Program Pengurusan Tanah Bermasalah
11. Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar
12. Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian
13. Penyelidikan dan Perolehan Teknologi Baru Tanaman

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : RIZAB PBT

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah rizab kewangan secara bersih bagi PBT masing-masing
- b) Nyatakan perancangan untuk menggunakan rizab untuk projek berkepentingan orang awam mengikut PBT masing-masing

JAWAPAN:

- a) Jumlah Rizab kewangan PBT setelah mengambil kira Liabiliti semasa berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2013 yang telah diaudit adalah seperti berikut:

PBT	TUNAI DAN BANK (RM JUTA) (a)	SIMPANAN TETAP (RM JUTA) (b)	LIABILITI SEMASA (RM JUTA) (c)	RIZAB (RM JUTA) (a+b-c)
MBSA	20.67	301.70	284.80	37.57
MBPJ	36.46	365.53	93.74	308.25
MPK	10.30	29.25	107.70	(68.15)
MPAJ	30.73	68.41	29.71	69.43
MPSJ	19.48	185.81	138.26	67.03
MPS	19.87	82.00	95.86	6.01
MPKj	30.75	272.02	204.99	97.78
MPSp	14.18	132.29	62.35	84.12
MDHS	13.38	26.00	27.80	11.58
MDKS	6.87	7.00	20.25	(6.38)
MDKL	1.71	33.00	22.41	12.30
MDSB	5.19	8.70	5.90	7.99
JUMLAH	209.59	1,511.71	1,093.77	627.53

- b) Projek berkepentingan orang awam di rancang oleh PBT dengan menggunakan peruntukan Pembangunan seperti mana ianya diamsukan kedalam anggaran belanjawan setiap PBT. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri sedang melihat semula jumlah rizab PBT berikutan ianya perlu bersesuaian dengan keperluan PBT tersebut dan perkara ini akan dilaksanakan melalui anggaran belanjawan PBT tahun 2015 ianya bersesuaian dengan fungsi PBT memberi perkhidamtan terbaik kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN BANGUNAN PANGSAPURI KOS RENDAH
OLEH JMB KHUSUSNYA DI SRI PERANTAU**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semua maklum bahawa majoriti JMB yang mengendalikan pangsapuri kos rendah tidak mampu. Bagaimanakah kerajaan negeri merungkai masalah berangkai keadaan ini secara praktikal?
- b) Pembeli rumah jenis ini menghadapi masalah rumah di lelong kepada pembeli yang BUKAN MISKIN. Apa tindakan kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri dengan ruang dan kuasa yang terhad bagi membantu JMB pangsapuri kos rendah seperti berikut:-
 - i) Melaksana program-program pendidikan dan pemberdayaan penduduk pangsapuri kos rendah secara bersepadu bersama pelbagai agensi melalui *Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria dan Harmoni*;
 - ii) Memberi insentif dan galakan kepada komuniti pangsapuri kos rendah supaya bekerjasama dalam aktiviti keselamatan dan pencegahan jenayah melalui *Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor (SEROJA)*;
 - iii) Melaksana program pemberian air percuma bagi pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal yang dikenali sebagai *Selangor Free Water Scheme (SAFWA)*;
 - iv) Melaksana program pemberian diskaun cukai pintu kepada penduduk pangsapuri kos rendah yang bertujuan mengurangkan beban penduduk pangsapuri kos rendah sekaligus membantu JMB mengutip caj penyenggaraan;
 - v) Memberi bantuan baikpulih kerosakan harta bersama melalui *Skim Caring Government for Residents Improvement Aid (CERIA)* yang berkonsepkan perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk;
 - vi) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) seringkali bertindak sebagai mediator dalam membantu

menyelesaikan pelbagai masalah dan pertikaian yang dihadapi oleh JMB melalui *Mesyuarat Pemudah Isu-Isu Hartanah Bertingkat (PRIHATIN)*;

vii) Kerajaan Negeri melalui LPHS juga telah menjalankan proses pendakwaan terhadap pembeli yang engkar membayar caj di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 (Penyenggaraan dan Pengurusan) (Akta 663) sejak dari Jun 2012; dan

viii) Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif dengan melancarkan kursus Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata (FOKUS) bermula 2 Mac 2014 yang bertujuan melengkapkan Ahli-Ahli Jawatankuasa JMB serta Ahli-Ahli Majlis Perbadanan Pengurusan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan dalam mendepani cabaran dalam mengurus pangsapuri.

Khusus kepada Pangsapuri Seri Perantau, Kerajaan Negeri telah menjalankan Kempen Pangsapuri Kita Bersih Ceria dan Harmoni berserta pelancaran Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan pada tahun 2010. Manakala Pangsapuri Seri Perantau Blok B, C, D, E dan F yang telah mempunyai JMB telah pun ditawarkan bantuan baikpulih lif di bawah Skim CERIA pada 11 Julai 2014. Walau bagaimanapun tiada maklumbalas yang diterima daripada setiap JMB sehingga kini.

b) Kerajaan Negeri amat memandang serius masalah unit-unit rumah kos rendah yang dilelong kerana kegagalan pembeli/peminjam membayar semula ansuran pinjaman yang telah ditetapkan sebagaimana di dalam akujanji pinjaman perumahan yang ditandatangani dengan bank atau sumber pinjaman kewangan lain.

Dalam perkara ini, pihak bank atau pemegang gadaian mempunyai hak untuk mengambil pemilikan rumah sekiranya pembeli atau penggadaian melanggar apa-apa perjanjian termasuk gagal membayar ansuran pinjaman perumahan. Tindakan melelong rumah kos rendah ini adalah selaras dengan Seksyen 260 Kanun Tanah Negara di mana pemegang gadaian memohon kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi mendapatkan suatu perintah supaya tanah yang tergedai itu dijual secara lelongan awam.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor telah menyediakan garis panduan kelayakan pembeli rumah kos rendah, namun bagi kes lelongan ianya tertakluk kepada Kanun Tanah Negara di mana pembeli merupakan pembida semasa lelongan awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan dengan beberapa bank bagi mengenalpasti mekanisme untuk mengurangkan masalah rumah kos rendah dilelong termasuk cadangan pembelian semula unit-unit rumah tersebut. Selain itu, sebagai langkah jangka panjang Kerajaan Negeri telah menubuhkan skim Dana Sel khusus untuk pembeli-pembeli rumah kos rendah yang tidak mampu atau layak mendapat pinjaman bank di samping mengurangkan kes-kes lelongan rumah kos rendah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : PERJANJIAN AIR SELANGOR

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini isu perjanjian air?
- b) Adakah kerajaan negeri meneruskan perjanjian yang telah ditandatangani oleh mantan Menteri Besar dalam menangani krisis air ini?
- c) Apakah langkah yang boleh diusulkan supaya krisis air ini tidak timbul lagi?

JAWAPAN:

(a) (b) dan (c) dijawab bersekali

Melalui penelitian saya, terdapat banyak soalan-soalan yang telah ditanyakan tentang perkara berkaitan penstrukturan industri bekalan air Negeri Selangor serta yang melibatkan perjanjian air yang telah ditandatangani sebelum ini. Antara soalan tersebut datangnya dari :

- i) Y.B. Sekinchan;
- ii) Y.B. Permatang;
- iii) Y.B. Bukit Gasing;
- iv) Y.B. Lembah Jaya; dan
- v) Y.B. Kuang

Saya yakin dan percaya semua Ahli Yang Berhormat juga sangat berminat berkaitan isu yang melibatkan penstrukturan dan perjanjian air ini.

Izinkan saya untuk menjawab bersekali semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi.

Saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut:

- i) Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Bekalan Air Negeri Selangor
- ii) Terma-terma Perjanjian
- iii) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat
- iv) Projek Langat 2
- v) Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water ,NRW*)

1) **Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya**

Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (Perjanjian Induk Atau *Master Agreement*) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai diantara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor.

Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB). Dengan persetujuan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri yang telah diberi amanah oleh rakyat, akan mentadbirnya dengan penuh hemah demi kebaikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua (2) lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

2) **Terma-terma Perjanjian**

Pada umumnya terma-terma umum perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya adalah:

- i) Persetujuan untuk saling memudahcara bagi menjayakan penstrukturan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- ii) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuti syarikat-syarikat konsesi;
- iii) Persetujuan untuk sewa-pajak aset-aset bekalan air;
- iv) Penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan (*operation and maintenance*) industri perkhidmatan air kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Pemberian lesen perkhidmatan kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor; dan

- vi) Kebenaran pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) serta penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pengujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

3) Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat

Usaha dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah bertujuan semata-mata untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa Air Selangor beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memantau agar Air Selangor mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampaui. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, Air Selangor dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, Air Selangor akan beroperasi secara holistik dan ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) bagi tujuan memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh Air Selangor akan dipantau secara langsung melalui kuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi bagi pembelian air terawat seperti mana keadaan pada masa ini.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

4) Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL 2)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangn Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor pada 4 September 2014, telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kebenaran Merancang telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana Projek Langat 2 ini.

Pada ketika ini, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAAB adalah masih diperingkat Kerja Awal seperti Kerja-kerja pembersihan tapak.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor akan mencari dan mengguna ruang yang ada untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat secara menyeluruh. Ruang yang saya maksudkan ini termasuklah

memastikan pembinaan LRAL2 yang melibatkan kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan, akan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur pembaziran yang kelak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pewujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

5) **Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water* ,NRW)**

Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor antaranya untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kadar NRW. Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa NRW adalah sesuatu yang merugikan rakyat. Oleh itu wajarlah tumpuan diberikan untuk menurunkan kadar NRW.

Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : AGENDA PEMBERDAYAAN WANITA

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri nyatakan jumlah statistik golongan ibu tunggal yang menerima manfaat daripada skim mikrokredit kerajaan.
- b) Apakah rancangan untuk memartabatkan kaum wanita dalam bidang keusahawanan dan profesionalisme?
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membantu NGO wanita membanteras keganasan rumah tangga?

JAWAPAN:

- a) Skim mikrokredit (SkimSel) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri telah memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan terutama golongan ibu tunggal. Berdasarkan rekod, statistik golongan ibu tunggal yang menerima manfaat daripada skim mikrokredit Selangor adalah seperti berikut :

Cawangan	Ibu Tunggal	Jumlah
Sabak Bernam	339	339
Hulu Selangor	139	139
Kuala Selangor	497	497
Hulu Langat	222	222
Kuala Langat	213	213
Sepang	288	288
Gombak	121	121
Petaling	102	102

Cawangan	Ibu Tunggal	Jumlah
Klang	82	82
Jumlah	2003	2003

- b) Peranan SKIMSEL dalam membantu kerajaan negeri memartabatkan kaum wanita ibarat serampang dua mata. Melalui dana RM50 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri dapat disalurkan kepada lebih 10,000 orang wanita di negeri Selangor melalui pembiayaan ekonomi. Seramai 6,644 orang aktif meminjam dan sehingga kini 4,829 orang atau 73% memperolehi pendapatan dari RM1,000.00 hingga RM5,000.00.

Melalui pendekatan ekonomi yang dilaksanakan oleh SKIMSEL ia akan dapat menjana pendapatan keluarga seterusnya membantu isi rumah dalam mencukupkan keperluan harian. Dengan kemampuan kewangan yang ada keluarga dapat berbelanja keperluan asas dan merancang masa depan yang lebih terjamin melalui pemilikan harta.

Selain itu juga SKIMSEL menawarkan pembiayaan pelbagai serta pendidikan agar dapat menampung keperluan keluarga terutama memperbaiki kemudahan asas seperti rumah manakala pembiayaan pendidikan boleh membantu persekolahan anak dari peringkat rendah hinggalah tinggi.

Bagi memartabatkan lagi kaum wanita dalam keusahawanan SKIMSEL dalam tempoh masa penubuhan empat tahun telah menjalankan hari keluarga, latihan, jamuan hari raya serta karnival jualan produk Sadiq untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran hasil keluaran peserta. Namun cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh SKIMSEL melibatkan sumber kewangan yang terhad dan kemahiran kakitangan dalam menjayakan program-program tersebut.

Cadangan pada masa akan datang SKIMSEL merancang membina sahsiah diri peserta melalui seminar, team building dan juga acara penganugerahan tahunan untuk meraikan peserta yang keseluruhannya adalah wanita. Harapan kita semoga wanita ini bukan sahaja menjadi ibu tetapi juga mempunyai ilmu sebagai usahawan yang bukan sahaja dapat membantu diri serta keluarga malahan mampu membantu ahli lain keluar dari situasi yang serba kekurangan. Diharapkan pada masa hadapan mereka ini mempunyai aset dan mercu tanda yang boleh dibanggakan hasil pemerintahan Pakatan Rakyat.

- c) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga dengan kerjasama NGO di Negeri Selangor telah merangka pelbagai program/kempen dalam usaha membenters keganasan rumahtangga. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah *Women Against's Crime (WAC)* dan *One Stop Crisis Centre (OSCC)*. Manakala *Advokasi Gender Dan Hormat Wanita* masih dalam proses pelaksanaan. Program ini akan ditambah baik dan

akan dijadikan program tetap Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga dalam membanteras keganasan rumah tangga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengeluarkan garis panduan untuk menambahbaikkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan?
- b) Nyatakan kekerapan mesyuarat pemilihan penerima bantuan program tersebut diadakan?
- c) Apakah sebabnya penerimaan bantuan mesin memakan masa 6 hingga 12 bulan selepas permohonan diluluskan?

JAWAPAN:

- a) Paras Garis Kemiskinan bagi negeri Selangor secara dasarnya telah ditetapkan sebanyak RM1,500.00 seisi rumah melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 1/2009 pada 7 Januari 2009. Di antara program utama bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang dijalankan dalam usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan adalah Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Program tersebut bertujuan membantu meningkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup golongan berpendapatan rendah menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Kerajaan Negeri amat prihatin dalam meringankan beban rakyat terutamanya yang melibatkan golongan berpendapatan rendah. Justeru itu, Kerajaan Negeri bersedia menambahbaik Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat cadangan-cadangan atau syor-syor penambahbaikan. Selain itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga akan membuat kajian secara menyeluruh bagi menambahbaik program ini dalam memastikan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu sejajar dengan peningkatan taraf hidup dan perkembangan ekonomi semasa serta berupaya menghasilkan impak positif dan berkesan secara berterusan.

- b) Berdasarkan perancangan tahunan, Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Penerima Bantuan Peralatan di bawah bantuan Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor diadakan sebanyak 9 kali setahun mengikut daerah. Walau bagaimanapun, ianya juga bergantung kepada keperluan semasa. Sebagai contoh, pemilihan penerima bantuan bagi dua (2) daerah diadakan secara

bersekali di dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang bertujuan untuk mempercepatkan proses pemilihan. Bagi tahun 2013, sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan, manakala bagi tahun 2014, sebanyak empat (4) mesyuarat telah dijalankan.

- c) Pada tahun 2008 sehingga 2013, proses keseluruhan kelulusan bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dikendalikan sepenuhnya oleh Seksyen Sektor, UPEN. Proses dan prosedur terlibat meliputi lawatan tapak dan siasatan, penyediaan laporan siasatan berserta senarai pendek penerima bantuan yang layak menerima bantuan, urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Peralatan di bawah Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dan proses perolehan secara sebutharga bagi pembelian peralatan. Keseluruhan proses ini kebiasaannya mengambil masa enam (6) bulan sehingga setahun memandangkan bilangan permohonan yang diterima adalah tinggi. Namun begitu, bagi mempercepatkan kelulusan permohonan, atas desakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan pada Disember 2013, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan melalui pihak UPEN telah menurunkan kuasa kepada Pejabat Daerah/ Tanah bagi melaksanakan beberapa proses/ prosedur meliputi siasatan dan lawatan tapak, penyediaan laporan siasatan berserta senarai pendek penerima bantuan yang layak dipertimbangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dan proses perolehan secara sebutharga bagi pembelian peralatan. Berdasarkan penambahbaikan yang telah dijalankan ini, didapati bahawa proses keseluruhan mengambil masa kira-kira tiga (3) bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : TEMPOH LANJUTAN PAJAKAN TANAH DAN KADAR PREMIUM

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah Kerajaan Negeri melanjutkan tempoh pajakan tanah bagi pemilikan yang sudah tamat tempoh 99 tahun dan berapakan kadar premiumnya.

JAWAPAN:

- a) Tempoh pajakan tanah di Negeri Selangor adalah berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan tempoh pelanjutan bagi pajakan yang sudah tamat adalah selama 99 tahun, atau bergantung kepada permohonan bagi kegunaan tanah yang dipohon.

Kadar premium tanah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- 1) Mengikut Kaedah Tanah Selangor 2003 (pindaan 2005), iaitu:

Jenis	Kadar Premium
i. Perniagaan	$\frac{3}{4} \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x 99 tahun x luas
ii. Industri	$\frac{3}{4} \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan x 99 tahun x luas
iii. Pertanian	Kelapa Sawit (Industri) Dalam Bandar : RM2,000.00 sehektar Luar Bandar : RM1,000.00 sehektar
	Jangka Panjang (Dusun) Dalam Bandar : RM 800.00 sehektar Luar Bandar : RM 500.00 sehektar
	Jangka Pendek (Padi)

Jenis	Kadar Premium
	Dalam Bandar : RM 300.00 sehektar Luar Bandar : RM 100.00 sehektar
	Ternakan Dalam Bandar : RM2,000.00 sehektar Luar Bandar : RM 1,000.00 sehektar

- 2) Walau bagaimanapun, berkuat kuasa mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri telah memberi insentif kepada pemilik tanah yang telah tamat tempoh pajakan melalui Pekeliling PTGS Bilangan 6 Tahun 2011 seperti berikut:

Jenis	Kadar Premium
i. Kediaman	$\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$ <ul style="list-style-type: none"> * Bayaran premium hendaklah dibayar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Notis Borang 5A diterima. * Pemohon diberi insentif ke atas bayaran yang dibuat secara sekaligus dalam tempoh masa 6 bulan dengan pemberian diskaun sebanyak 30% daripada premium yang dikenakan ATAU ; * Pemohon menjelaskan bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hakmilik dan bayaran khas akan dikenakan apabila tanah tersebut hendak dipindahmilik melalui proses jual beli seperti formula di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : PORTFOLIO HAL EHWAL WANITA

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan portfolio Hal Ehwal Wanita bagi tahun 2015?
- b) Bagaimanakah prestasi pencapaian EXCO Hal Ehwal Wanita sepanjang tahun 2014?
- c) Apakah pencapaian ini memuaskan kerana berlakunya kemelut kerusi Menteri Besar dan pemecatan EXCO?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, akan meneruskan dasar-dasar wanita Negeri Selangor yang telah pun dilaksanakan sehingga kini. Perancangan pada tahun 2015, adalah untuk meningkatkan pemberdayaan wanita Selangor dengan program-program yang telah dirangka khusus untuk wanita melalui PWB berdasar 12 fokus/ bidang. Antara fokus utama :-
 - i) menaikkan taraf ekonomi wanita atau disebut sebagai ekonomi hawa;
 - ii) Ke arah mencapai 30% kepimpinan wanita di peringkat pembuat keputusan.
 - iii) Program-program advokasi gender seperti Belanjawan Responsif Gender dan Mengarus perdana Gender.

Manakala antara program *high-impact* adalah :

- i) *Selangor International Muslimah Fashion Festival*
 - ii) Konvensyen Wanita Selangor
 - iii) Jejak MammoSel (Saringan Mammogram Bergerak)
- b) Prestasi program adalah seperti **dilampiran 1**
- c) Walaupun berlaku kemelut kerusi MB dan pemecatan Exco sepanjang pertengahan bulan Ogos sehingga hujung bulan September, pencapaian program-program Exco tidak terjejas kerana dipangku tugas oleh YB Exco Pendidikan, YB Dr. Halimah Binti Ali ketika itu, bagi memastikan penerusan program-program berjalan lancar mengikut sasaran kerja yang telah ditetapkan. Antaranya :

- i) Program WAC di Sabak Bernam
- ii) Program Keusahawanan Wanita
- iii) Program Mammogram bersama MAKNA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 Seri Andalas)**

TAJUK : SISTEM TENDER TERENDAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kaji semula sistem tender 'Harga Terendah' di Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan, kerana ia tidak menghasilkan perkhidmatan yang cekap dan baik.

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan arahan YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 14 Oktober 2014 iaitu semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Negeri Selangor, Perbendaharaan Negeri Selangor telah menyediakan kertas ringkasan bagi mengkaji semula dasar perolehan semasa tanpa mengetepikan aspek integriti dan *Value for Money*. Kertas ringkasan berkaitan akan di bawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk persetujuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR MENTAH

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan projek HORAS (*Hybrid Off River Augmentation Storage*)? Bilakah projek boleh disiapkan?
- b) Apakah rancangan kerajaan negeri dalam pengurusan air mentah? Memandangkan banyak empangan Selangor masih pada paras yang rendah jika dibandingkan dengan masa yang sama tahun-tahun lepas.

JAWAPAN:

- a) Data limpahan di *River Gate* SSP1/Baraj Bestari Jaya menunjukkan penghasilan air di hiliran lembangan Sungai Selangor berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air terawat dan jika tidak digunakan sebagai sumber air, ia akan terbang ke sungai dan laut serta boleh meningkatkan risiko banjir.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan pembangunan penakungan air larian di hiliran sungai melalui konsep *Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS)*. Sistem HORAS ini akan melibatkan penakungan *stormwater* dari Sungai Selangor di kawasan *tailing ponds* atau bekas lombong bijih Bestari Jaya (Batang Berjuntai) yang luas berdekatan dengan UNISEL dan loji rawatan air SSP 1, SSP 2 dan SSP 3. Bagi fasa pertama, projek HORAS yang dikenali sebagai HORAS600 telah diperkenalkan dan dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Komponen utama yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi tujuan melaksanakan projek HORAS600 adalah:-

- a) Pembinaan Kolam Takungan HORAS dengan keluasan 166 hektar hingga mencapai kedalaman 23.5 meter dari paras tanah bagi tujuan penyambungan kepada akuifer bawah tanah bagi mendapatkan kapasiti air sejumlah 600 JLH.
- b) Pembinaan Kolam Penapisan (*Filter Ponds*) bagi mengalirkan air lebihan/air larian (*storm water*) dari sungai untuk ditakung dalam Kolam Takungan;
- c) Kerja-kerja perlindungan tebing kolam takungan menggunakan *geo-textiles*;

d) Pembinaan stesen mengepam air mentah

Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Tetuan Juruperunding Zaaba Sdn. Berhad (JPZ) sebagai perunding bagi menjalankan kajian reka bentuk dan pemantauan projek bagi kerja pembinaan kolam takungan, kolam penapisan (*filter ponds*) dan *ancillary works* manakala Tetuan SMHB Sdn. Bhd. telah dipertanggungjawab untuk mereka bentuk dan memantau komponen bagi kerja-kerja pembinaan stesen mengepam air mentah.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melantik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan Kolam Takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan oleh KSSB telah bermula semenjak 15 Mac 2014 dan dijangka akan siap pada 30 September 2015.

Bagi memudahkan pemantauan dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri, projek HORAS600 ini telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut dan ianya dilaksanakan secara berperingkat:

Fasa	Tajuk	Catatan
1	Cadangan Kerja-Kerja Mengorek Dan Menyiapkan Takungan Melalui Konsep Penakungan Air Larian Di Hiliran Sungai Melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Sg Darah, Bestari Jaya	Dilaksanakan oleh KSSB
2	<u>Pakej 1</u> – Cadangan membina dan menyiapkan kerja-kerja pengukuhan tebing sungai dan tebing kolam takungan melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Sg Darah, Bestari Jaya	Akan ditender
	<u>Pakej 2</u> – Pembinaan Stesen Pam Air Mentah	Kajian reka bentuk dan pemantauan oleh SMHB Sdn. Bhd.
3	<u>Pakej 1</u> - Cadangan Kerja-Kerja Mengorek Dan Menyiapkan Takungan Melalui Konsep Penakungan Air Larian Di Hiliran Sungai Melalui Konsep <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Hang Tuah, Mukim Bestari Jaya	Dilaksanakan oleh KSSB
	<u>Pakej 2</u> – Cadangan Membina Dan Menyiapkan Muka Sauk, Pembentong Sambungan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Projek <i>Hybrid Off River Augmentation Storage</i> (HORAS) Di Kg Hang Tuah, Mukim Bestari Jaya	Akan ditender

Sehingga 25 September 2014, dilaporkan kemajuan di tapak telah mencapai 19.88% berbanding jadual sebanyak 22.83%. Setakat ini, kerja-kerja pengorekan yang dijalankan oleh KSSB tertumpu kepada kawasan bagi Fasa 1 sahaja. Bagi Fasa 2 dan 3, kerja-kerja masih belum dilaksanakan kerana terlibat dalam proses pengambilan tanah.

Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor telah pun mengemukakan pelan pengambilan balik tanah bagi 141 ekar kawasan yang terlibat dengan pembinaan kolam takungan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor untuk diproses. Dijangka Borang K akan dikeluarkan pada akhir bulan Januari 2015.

Berdasarkan perancangan, projek HORAS600 ini akan disiapkan pada akhir bulan September 2014. Dengan selesainya projek ini, Negeri Selangor akan mempunyai sumber air tambahan sebanyak 600 JLH untuk digunakan sekiranya berlaku musim kemarau yang berpanjangan.

- b) Keadaan hujan yang berlaku sejak bulan Ogos yang lepas secara tidak langsung telah membantu meningkatkan paras empangan terutamanya Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. Data menunjukkan pada 10 November 2014, paras Empangan Sungai Selangor adalah pada 53.2% manakala paras Empangan Sungai Tinggi pula pada tahap 50.02%.

Walaupun bagaimanapun, peratusan tersebut masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan jika dibandingkan dengan tahun-tahun terdahulu di mana pada keadaan normal, paras empangan adalah penuh apabila bermulanya tahun baru. Oleh yang demikian, sebagai langkah mitigasi, Kerajaan Negeri telah bersedia dengan melaksanakan beberapa langkah mitigasi bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pelepasan air empangan sebagai sumber air mentah untuk membantu pengabstrakan air di loji-loji rawatan air.

Operasi pengepaman air kolam ke Sungai Selangor telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri sebagai langkah untuk memastikan Negeri Selangor mempunyai air mentah yang mencukupi apabila menghadapi musim kemarau kelak. Sebanyak 18 unit pam dengan kapasiti 960 JLH telah ditempatkan di kolam-kolam untuk menjalankan operasi pengepaman air kolam ke Sungai Selangor bagi membantu meningkatkan kapasiti air mentah. Secara tidak langsung, operasi pengepaman ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pelepasan air dari empangan untuk diabstrak oleh loji-loji rawatan air bagi tujuan pemprosesan rawatan air. Sebanyak sembilan (9) kolam-kolam alternatif di sekitar kawasan Kuala Selangor telah dikenalpasti untuk membantu dalam operasi pengepaman.

Pada peringkat awal operasi pengepaman dilaksanakan sekitar Jun 2014, kapasiti pengeluaran air kolam yang diperolehi dari kesemua kolam adalah sebanyak 300MLD sahaja. Namun, dengan perancangan rapi dan pemantauan berkala yang dibuat, keupayaan operasi pengepaman telah berjaya mencapai sasaran pengeluaran sebanyak 800MLD pada 10 Ogos 2014.

Walaupun bagaimanapun, sepanjang bulan Ogos 2014, Lembangan Sungai Selangor telah menerima taburan hujan yang banyak. Oleh yang demikian, operasi pengepaman air dari kolam ke sungai telah dihadkan pengeluarannya berikutan hujan yang berterusan telah membantu meningkatkan *baseflow* sungai. Pada waktu ini, operasi pengepaman air lebihan sungai ke kolam dilaksanakan bagi mengisi kolam takungan untuk digunakan sewaktu musim kering kelak.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah memberi persetujuan kepada pelaksanaan Projek Langat 2 dan bersetuju untuk membangunkan projek *Hybrid Off River Augmentation Storage* yang dikenali sebagai HORAS600 di kawasan Kuala Selangor. Melalui pembangunan dua projek ini, kerajaan Negeri yakin masalah ketidakcukupan air mentah dapat diatasi sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : PROGRAM WARGA EMAS SIHAT & PRODUKTIF

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan tempat tertentu yang mempunyai kemudahan dan peralatan kesihatan bagi warga emas bertemu, beriadah dan menjalankan aktiviti bermanfaat bagi mengekalkan kecerdasan dan terus produktif.

JAWAPAN:

- a) Selain kemudahan dewan dan taman yang disediakan. Kerajaan Negeri melalui PBT telah melaksanakan Projek Padang Cergas di bawah Pelan Tindakan Lima (5) Tahun Kerajaan Tempatan bermula tahun 2013. Lokasi Projek Padang Cergas ini dipilih oleh PBT di kawasan DUN masing-masing sebagai tempat beriadah untuk pelbagai peringkat umur termasuklah warga emas. Elemen-elemen padang cergas ini adalah:-
- i. Sebuah pondok;
 - ii. Lima (5) buah kerusi batu;
 - iii. Sebuah lampu solar / lampu LED;
 - iv. Empat (4) jenis Peralatan senaman *gym* (sky walker, Multi-Function Gym, Arm Cycler dan Steering Wheel); dan
 - v. Satu (1) set permainan kanak-kanak (buaian dan papan gelongsor).

Sehingga kini PBT telah membina 118 buah Padang Cergas di seluruh PBT Negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan satu Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan untuk membantu golongan yang layak termasuklah warga emas untuk rawatan dialisis antaranya penyakit buah pinggang, katarak mata, pembedahan kecil, ubat-ubatan, pampers, kerusi roda, kaki palsu dan lain-lain bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan warga emas. Selain peralatan riadah dan bantuan kesihatan, PBT juga telah membina trek basikal khas untuk orang awam termasuk warga emas beriadah seperti berbasikal dan berjogging. PBT juga telah mensyaratkan pemaju agar menyediakan sebuah taman/tempat beriadah di kawasan perumahan baru yang akan dibina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : CAWANGAN KERAJAAN TEMPATAN

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan cawangan-cawangannya di setiap PBT bagi memudahkan rakyat melakukan sebarang urusan?
- b) Nyatakan bilangan kakitangan dan kos penyelenggaraan di setiap cawangan berikut?
- c) Adakah kerajaan negeri melakukan kajian perkhidmatan efektif di setiap PBT memandangkan populasi penduduk bertambah, terutama kepada kawasan yang luas?

JAWAPAN:

(a) dan (b) di jawab bersekali.

Berikut adalah cawangan-cawangan PBT berdasarkan bilangan dan alamat cawangan tersebut. Jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan adalah sebanyak **RM1,411,714.96** .

BIL.	PBT	BIL. CAWANGAN	JUMLAH STAF	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	SENARAI LOKASI (SEPERTI DI LAMPIRAN)
1.	MBSA	3	91	201,935.96	Lampiran A
2.	MBPJ	Tiada	0	0.00	Lampiran B
3.	MPK	4	1,700	450,000.00	Lampiran C
4.	MPAJ	Tiada	0	0.00	Lampiran D
5.	MPSJ	2	6	553,090.00	Lampiran E

BIL.	PBT	BIL. CAWANGAN	JUMLAH STAF	JUMLAH KOS PENYELENGGARAAN (RM)	SENARAI LOKASI (SEPERTI DI LAMPIRAN)
6.	MPS	3	8	18,539.00	Lampiran F
7.	MPKj	2	8	29,150.00	Lampiran G
8.	MPSp	3	7	150,000.00	Lampiran H
9.	MDKL	1	10	9,000.00	Lampiran I
10.	MDKS	Tiada	0	0.00	Lampiran J
11	MDHS	1	1	0.00	Lampiran K
12.	MDSB	Tiada	0	0.00	Lampiran L
JUMLAH		18	1,833	1,411,714.96	

LAMPIRAN A

PBT : MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1.	MBSA	3	Pejabat Cawangan Sungai Buloh No 6, JAlan BRP ½, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh.	47	45,736.00
			Pejabat Cawangan Kota Kemuning No. 2A, Persiaran Anggerik Vanilla, Seksyen 31, Kota Kemuning 40460 Shah Alam.	37	72,199.96
			Pejabat Cawangan Setia Alam Persiaran Setia Impian, Seskyen U13, 40710 Shah Alam.	7	84,000.00
JUMLAH				91	201,935.96

LAMPIRAN B

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
MBPJ tidak mempunyai cawangan kerajaan tempatan.					

LAMPIRAN C**PBT : MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1.	MPK	4	Bangunan Sultan Alam Shah, Jalan Perbandaran	702	200,000.00 (termasuk sivil dan elektrik)
			Pejabat Cawangan MPK, Jalan Tengku Kelana	137	100,000.00 (termasuk sivil dan elektrik)
			Pejabat Cawangan MPK, Jalan Raya Barat	227	100,000.00 (termasuk sivil dan elektrik)
			Pejabat Cawangan MPK, Jalan Tepi Sungai	634	50,000.00 (termasuk sivil dan elektrik)
JUMLAH				1700	450,000.00

LAMPIRAN D

PBT : MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Tiada					

LAMPIRAN E

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1.	MPSJ	Pejabat Cawangan Serdang	Jalan 7/1 Serdang Jaya 43300 Seri Kembangan	3	Bil elektrik – anggaran sebulan RM 5,000.00 Setahun RM 60,000.00 Bil Air – anggaran sebulan RM 1,700.00 Setahun RM 24,400.00 Pembersihan – RM 146,690.40 bagi dua (2) tahun
		Pejabat Cawangan Bandar Puteri	Persiaran Puteri 1, Bandar Puteri 47100 Puchong	3	Bil elektrik – anggaran sebulan RM 14,300.00 Setahun RM 171,600.00 Bil Air – anggaran sebulan RM 200.00 Setahun RM 2,400.00 Pembersihan – RM 148,000.00 bagi dua (2) tahun
JUMLAH				6	553,090.00

LAMPIRAN F

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1.	MPS	3	Cawangan Rawang Jalan Bandar Rawang 2, Bandar Baru Rawang, 48000 Rawang, Selangor	4	11,067.00 sebulan
			Cawangan Wangsa Permai Jalan Utama, Taman Wangsa Permai, 52200 Kepong, Selangor	2	4,717.00 sebulan
			Cawangan Gombak Dewan Beringin, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor	2	2,755.00 sebulan
JUMLAH				8	18,539.00

LAMPIRAN G**PBT : MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)**

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1.	MPKJ	1	Kompleks Hentian Kajang, Jalan Reko, Kajang	4	9,250.00
		1	No. 1, Jalan Suasana 2/7, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras	4	19,900.00
		2		8	29,150.00

LAMPIRAN H

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1.	MPSp	3	Pejabat Cawangan Bandar Baru Salak Tinggi Persiaran BBST, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang.	2	Sebanyak RM50,000.00 telah dibelanjakan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di Pejabat- pejabat Cawangan MPSepang.
			Pejabat Cawangan Taman Putra Perdana GM24A, Jalan 5D/1, Taman Putra Perdana, 47100 Puchong.	2	
			Pejabat Cawangan Sg Pelek 45A, Jalan Pasar, Pekan Sg Pelek, 43950 Sg Pelek.	3	
JUMLAH				7	150,000.00

LAMPIRAN I

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1	MDKL	1	Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra No.72, Jalan SP8/1, Bandar Saujana Putra, 42610 Jenjarom	10	750.00 sebulan (RM 750.00 X 12 bulan = 9,000.00)
JUMLAH				10	9,000.00

LAMPIRAN J

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
<p>MDKS masih belum ada pejabat cawangan secara sepenuh masa. MDKS ada mengadakan Kaunter Bergerak secara berjadual di kawasan-kawasan tertentu.</p>					

LAMPIRAN K

PBT : MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
1	MDHS	1	Terminal Bas Bukit Sentosa	1	Tiada
JUMLAH				1	0

LAMPIRAN L

PBT : MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

BIL	PBT	BIL CAWANGAN	ALAMAT CAWANGAN	BIL. STAF	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Tiada					

- c) Ya, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Kajiselidik Penilaian Asas (*Baseline Study*) Untuk Menambahbaik Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dilaksanakan oleh Merdeka Centre For Opinion Research Sdn. Bhd. Pada 16 Mei 2014 sehingga 6 Julai 2014 di lapan (8) PBT yang berstatus Bandaraya dan Perbandaran bagi mengkaji prestasi PBT dan seterusnya mengenalpasti isu-isu, masalah serta langkah penyelesaian bagi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya. Responden kepada kajiselidik menyatakan bahawa prestasi PBT adalah memuaskan di mana 62% responden menyatakan berpuas hati prestasi keseluruhan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

**TAJUK : PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERJUMLAH RM413 JUTA
KEPADA KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pinjaman yang telah dibayar balik oleh KDEB kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan kadar bunga sebanyak 4%?
- b) Senaraikan jumlah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan anak syarikat pada tahun 2008-2014.

JAWAPAN:

- a) Pinjaman sebanyak RM413.20 juta daripada Kerajaan Negeri kepada KDEB akan matang pada 28 November 2014. KDEB akan membuat pembayaran balik sebanyak RM5.0 juta pada 28 November 2014. Majlis Tindakan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya bertarikh 13 November 2014 secara dasarnya telah meluluskan cadangan KDEB agar pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah akan ditanggungkan selama satu tahun sehingga 28 November 2015 bagi membolehkan KDEB meneruskan pelan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB. Sehingga 31 Oktober 2014, KDEB memegang 94.80% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.
- b) Senarai pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan anak syarikat pada tahun 2008-2014 adalah seperti di **Lampiran**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : KEMISKINAN DI DESA DAN KAMPONG

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan dasar kerajaan negeri untuk mengurangkan paras kadar kemiskinan di Kawasan desa dan kampung?
- b) Nyatakan jumlah penerima dari tahun 2008 hingga kini jenis bantuan yang telah diterima oleh setiap kaum dibawah *Blueprint* pembasmian kemiskinan.

JAWAPAN:

- a) Pelbagai rancangan dan program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dalam mengurangkan paras kadar kemiskinan di kawasan desa di samping meningkatkan taraf hidup bagi golongan berpendapatan rendah. Antaranya adalah Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS, Program Pemberian Baucer sempena Perayaan dan Program *Back to School*. Selain itu, di antara program lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Ianya merupakan salah satu program di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin dalam usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu rakyat Selangor yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh. Jenis bantuan adalah terbahagi kepada membina baru rumah dan membaikpulih rumah sedia ada. Bantuan membina baru rumah tiga (3) bilik dan satu (1) tandas dengan keluasan 660 kaki persegi dan dua (2) bilik satu (1) tandas dengan keluasan 600 kaki persegi serta membaik pulih rumah sedia ada yang mengalami kerosakan dengan kos tidak melebihi RM20,000.00.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa- jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas, Skim Mikrokredit Selangor, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mikrokredit Wanita Ladang dan pelbagai lagi.

- b) Sehingga 10 November 2014, kaum Melayu mencatatkan penerima bantuan seramai 1,749 orang (86.97%), manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 197 orang (9.80%) dan 65 orang (3.23%). Statistik penerima bantuan Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan di negeri Selangor adalah seperti di **JADUAL 6**.

JADUAL 6:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PELAJAR MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	179	90.86%	7	3.55%	11	5.59%	197
2.	2009	322	96.41%	2	0.60%	10	2.99%	334
3.	2010	209	85.31%	4	1.63%	32	13.06%	245
4.	2011	295	83.57%	12	3.40%	46	13.03%	353
5.	2012	227	90.08%	4	1.59%	21	8.33%	252
6.	2013	155	83.33%	-	-	31	16.67%	186
7.	2014	362	81.53%	36	8.11%	46	10.36%	444
JUMLAH		1,749	86.97%	65	3.23%	197	9.80%	2,011

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2008			TAHUN 2009			TAHUN 2010		
		MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA
1.	Petaling	2	0	0	2	-	-	40	3	1
2.	Klang	1	1	0	-	3	-	33	8	
3.	Gombak	10	2	0	21	2	-	-	-	-
4.	Hulu Langat	2	0	0	-	-	-	40	3	-
5.	Kuala Langat	8	1	2	57	1	-	45	1	3
6.	Sepang	4	0	0	2	-	-	25	3	-
7.	Hulu Selangor	46	3	2	23	-	-	26	4	-
8.	Kuala Selangor	13	2	1	9	4	-	-	10	-
9.	Sabak Bernam	93	2	2	208	-	2	-	-	-
JUMLAH		179	11	7	322	10	2	209	32	4
PERATUS (%)		90.87%	5.58%	3.55%	96.41%	2.99%	0.60%	85.31%	13.06%	1.63%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2011			TAHUN 2012			TAHUN 2013			TAHUN 2014		
		MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA
1.	Petaling	-	-	-	47	1	-	-	-	-	34	-	-
2.	Klang	33	25	-	-	-	-	121	29	-	33	9	1
3.	Gombak	36	2	-	-	-	-	34	2	-	36	1	-
4.	Hulu Langat	-	-	-	18	3	-	-	-	-	30	2	-
5.	Kuala Langat	81	3	5	-	-	-	-	-	-	112	29	32
6.	Sepang	-	-	-	19	6	2	-	-	-	36	6	3
7.	Hulu Selangor	38	7	2	41	4	1	-	-	-	40	2	1
8.	Kuala Selangor	34	9	4	52	7	1	-	-	-	65	2	1
9.	Sabak Bernam	73	-	1	50	-	-	-	-	-	46	1	1
JUMLAH		295	46	12	227	21	4	155	31	-	362	46	36
PERATUS (%)		83.57%	13.03%	3.40%	90.08%	8.33%	1.59%	83.33%	16.67%	0%	81.53%	10.36%	8.11%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : KEBAJIKAN DAN PELUANG MELANJUTKAN PEMBELAJARAN UNTUK
GURU-GURU KAFA DAN SEKOLAH AGAMA JAIS**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat cadangan untuk membiayai pendidikan guru-guru KAFA untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA?
- b) Adakah IPT milik penuh kerajaan negeri akan bekerjasama untuk menawarkan program pendidikan kepada guru KAFA?
- c) Adakah terdapat cadangan kerajaan negeri untuk menyerap guru kafa dalam kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini belum ada cadangan pembiayaan.
- b) Telah ada hubungan kerjasama dengan KUIS dan UNISEL dalam program diploma dan ijazah pendidikan.
- c) Tidak ada. Walau bagaimanapun, guru-guru KAFA yang telah memenuhi syarat lantikan termasuk Diploma Perguruan Lepas ijazah (DPLI) layak untuk memohon ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Kontrak/ Tetap).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PORTFOLIO PEMBANGUNAN USAHAWAN

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan program untuk memantapkan pembangunan usahawan tahun 2015?
- b) Bagaimanakah pencapaian portfolio ini sejak tahun 2008?
- c) Apakah pencapaian usahawan-usahawan yang telah dibantu selama ini?

JAWAPAN:

- a) Tahun 2015 merupakan tahun pelaksanaan AEC (ASEAN Economic Community). Dengan kewujudan AEC ini pasaran bukan sahaja tertumpu kepada Malaysia sebaliknya terbuka kepada hampir 600 juta pengguna dengan KDNK sebanyak USD 3 trillion. Adalah menjadi kerugian kepada usahawan-usahawan jika tidak mengambil kesempatan yang ada ini. Sehubungan itu, bagi tahun 2015, Dasar Pembangunan Usahawan Negeri Selangor adalah Usahawan Digital (Digital Entrepreneur). Dengan dasar ini dipercayai usahawan-usahawan Negeri Selangor akan mampu mempromosikan dan memasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka bukan sahaja di Negara ASEAN tetapi ke segenap pelusuk dunia selagi ianya boleh dihubungi dengan rangkaian telefon dan internet. Bagi bergerak seiring dengan dasar yang telah ditetapkan dan mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri akan memperbanyakkan lagi kursus-kursus dan bengkel-bengkel peningkatan pasaran melalui Facebook Marketing (Simplified Facebook Marketing). Disamping itu juga, Kerajaan Negeri akan menaik taraf portal usahawan sedia ada kepada platform pemasaran produk dan perkhidmatan usahawan negeri Selangor (Selangor Entrepreneur Marketing Platform) Dengan ini, semua usahawan Negeri Selangor boleh mempromosikan dan memasarkan produk mereka di Selangor Entrepreneur Marketing Platform. Dalam masa yang sama, Selangor Entrepreneur Marketing Platform ini juga merupakan laman web mini usahawan tersebut. Untuk menarik kepercayaan pembeli-pembeli dari luar dan memudahkan urusan jual beli, usahawan kemudiannya perlulah membina laman web mereka sendiri yang dilengkapi dengan kemudahan "*payment gateway*" dan "*chat*". Bagi usahawan yang berkemampuan, selain daripada membangunkan laman web mereka sendiri, mereka juga boleh turut mempunyai aplikasi telefon pintar dan tablet untuk laman web mereka. Untuk ini, usahawan perlu mendapatkan khidmat pembangun laman web dan ini secara tidak sengaja turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan usahawan yang menawarkan

perkhidmatan pembangunan laman web dan aplikasi telefon pintar serta tablet. Dengan dasar ini dan perancangan ini, diharap ia juga akan turut menyumbang kepada industri logistik.

- b) Pencapaian portfolio Pembangunan Usahawan sejak tahun 2008 sangat membanggakan dan memberangsangkan. Jumlah usahawan yang telah berjaya dibantu adalah seramai 24,794 orang. Hasil daripada temuduga dan lawatan yang dijalankan, majoriti semua penerima bantuan, usahawan yang menyertai pameran dan peserta-peserta kursus berpuas hati.
- c) Hasil daripada lawatan dan temuduga yang dijalankan, majoriti usahawan yang menyertai pameran, menerima bantuan dan mengikuti kursus mengesahkan terdapat peningkatan pendapatan sebanyak 30% hingga 40%, lebih memahami konsep keusahawanan, asas-asas keusahawanan, berkeyakinan untuk berinteraksi dan mempromosikan produk / perkhidmatan mereka, mempunyai kemahiran “presentation” dan lebih terdedah dengan perniagaan dunia luar seperti istilah Free Trade Agreement (FTA), ASEAN Economic Community (AEC), Globalization dan open market.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 Sri Muda)**

**TAJUK : MASALAH RUMAH URUT HARAM YG TERLALU BANYAK SEOLAH-
OLAH TIADA KAWALAN**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi mengatasinya supaya ia dapat di bendung
- b) Apakah wujud kerjasama dengan agensi lain seperti pihak polis dan jika ada nyatakan operasi yang telah dilakukan mengikut PBT

JAWAPAN:

- a) Tindakan sitaan telah diambil dibawah Peruntukan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan kepada premis yang menjalankan perniagaan rumah urut tanpa lesen dan sekiranya melanggar syarat lesen, tindakan penutupan premis akan dilakukan.
- a) Kerjasama antara agensi lain turut diadakan bagi membanteras permasalahan yang berlaku bersama pihak PDRM, IMIGRESEN, dan JAIS iaitu dengan menjalankan operasi bersama dan mengambil tindakan kepada pengusaha yang melanggar syarat lesen. Operasi PBT yang mendapat kerjasama agensi lain seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran 1

PBT	Operasi yang Mendapat Kerjasama Agensi Lain
MBSA	65 operasi bersama PDRM, Imigresen dan JAIS
MBPJ	1) 31 operasi bersama PDRM 2) 43 operasi bersama Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia 3) 1 operasi bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan 4) 1 operasi bersama Jabatan Agama Islam
	8 operasi 1) PDRM -2 operasi 2) Imigresen – 1 operasi 3) JAIS – 5 operasi
MPAJ	Tiada Operasi Bersepadu
MPSJ	24 operasi bersama PDRM, Imigresen dan JAIS
MPS	1) Operasi Bersepadu Bersama PDRM Bulan Januari 2014 <ul style="list-style-type: none"> - 5 Premis - Kawasan Selayang - Semua ada lesen perniagaan 2) Operasi Bersepadu Bersama PDRM bagi bulan Jun 2014 <ul style="list-style-type: none"> - 4 Premis - Kawasan Rawang dan Gombak - 2 NPK (Kompaun) telah dikeluarkan sebab langgar syarat lesen. - 2 sitaan – tiada lesen perniagaan.

MPKJ	1) Operasi Pusat Hiburan/ Karaoke <ul style="list-style-type: none"> I. PDRM II. Jabatan Imigresen III. SPRM 2) Operasi Rumah Urut/ Lesen Perniagaan <ul style="list-style-type: none"> I. Jabatan Imigresen II. PDRM
MPSP	1) PDRM – Operasi Judi 2) Imigresen – Operasi Warga Asing
MDKL	Imigresin dan PDRM - Ops PATI
MDHS	Tiada Operasi Bersepadu
MDKS	1) Ops Zina. 2) Ops Lesen.
MDSB	Operasi bersama PDRM , Imigresen dan Pejabat Agama Islam Daerah

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : PERHUTANAN NEGERI

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan negeri Selangor daripada hasil hutan bagi tahun 2008 hingga 2014?
- b) Nyatakan keluasan hutan simpanan kekal yang telah diwartakan setakat tahun 2014
- c) Senaraikan pemegang permit penggunaan yang masih aktif serta aktiviti yang dijalankan setakat tahun 2014

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan pendapatan Negeri Selangor daripada hasil hutan bagi tahun 2008 sehingga bulan Oktober 2014 adalah berjumlah RM143,381,202.00. Pecahan jumlah hasil hutan mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Hasil Kutipan
2008	11,186,401.00
2009	9,604,190.00
2010	13,204,557.00
2011	27,609,638.00
2012	29,928,370.00
2013	29,868,915.00
Sehingga 30.10 2014	21,979,131.00
JUMLAH	143,381,202.00

- b) Pada masa kini terdapat 70 kawasan Hutan Simpanan Kekal telah diwartakan di seluruh Negeri Selangor dengan jumlah keluasan lebih kurang 250,129 ha atau pun 31.54% daripada keluasan Negeri Selangor.
- c) Setakat tahun 2014, jumlah pemegang Permit Penggunaan yang masih aktif adalah 67 permit. Jumlah bilangan Permit Penggunaan mengikut kategori adalah seperti berikut:
 - i- Infrastruktur - 16 permit
 - ii- Pertanian di bawah talian elektrik TNB - 31 permit

iii-	Rekreasi	- 8 permit
iv-	Infrastruktur di bawah talian elektrik TNB	- 1 permit
v-	Pertanian Ladang	- 3 permit
vi-	Akuakultur	- 3 permit
vi-	Penternakan	- 1 permit
vii-	Kuari	- 4 permit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : PENEMPATAN

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan bagi membantu mengatasi masalah pemilikan tanah dan rumah kediaman untuk pekerja-pekerja ladang?
- b) Berapakah jumlah kawasan penempatan pekerja ladang di Selangor?
- c) Adakah kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang wajar bagi menyelesaikan masalah kemudahan asas di penempatan pekerja-pekerja ladang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor tiada dasar khusus untuk membantu mengatasi masalah pemilikan tanah dan rumah kediaman bagi pekerja – pekerja ladang di Negeri Selangor. Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, telah mengambil beberapa langkah dalam menangani masalah ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang – ladang di Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu menjaga kebajikan pekerja ladang dan secara tidak langsung dapat meringankan beban yang dihadapi dari segi kewangan, pendidikan, sosial serta membantu dalam menyuarakan permasalahan yang dihadapi demi mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan manfaat kepada semua pihak.

Selain itu, secara tidak langsung, Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengadakan perjumpaan bersama para penduduk ladang seperti Ladang Bukit Rajah, Ladang Bangi, Ladang Tumbok dan Ladang *Inche Canon* dalam usaha untuk menjaga hak pekerja ladang seperti memberi bantuan untuk mendapatkan rumah serta bantuan baik pulih rumah, pendidikan dan hal – hal lain bagi menyelesaikan masalah dan isu yang timbul. Ini adalah salah satu kejayaan Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dalam membantu para penduduk ladang. Begitu juga dengan penganjuran '*Job Fair*' pada 2013 dengan tujuan membantu golongan pekerja ladang yang kurang dari segi pendidikan untuk mendapatkan pekerjaan dan pengetahuan di dalam menyuarakan hak mereka. Hal ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dalam membantu mengatasi masalah pemilikan dan rumah kediaman yang dihadapi oleh pekerja ladang secara tidak langsung.

- b) Secara amnya, pekerja ladang di negeri Selangor ditempatkan di kawasan – kawasan ladang oleh pemilik ladang berkenaan. Di kawasan ladang ini pemilik ladang telah menyediakan penempatan kuarters bagi kegunaan pekerja ladang. Segala kemudahan disediakan oleh pemilik ladang seperti kuarters, tempat sembahyang, kemudahan air dan elektrik, dan juga terdapat tempat persekolahan bagi beberapa ladang di negeri Selangor. Senarai penempatan pekerja ladang di Selangor adalah seperti di LAMPIRAN.

Walaupun bagaimanapun, jawatankuasa ini sedang dalam usaha untuk mendapatkan maklumat – maklumat yang berkaitan dan terkini bagi jumlah penempatan pekerja ladang di ladang – ladang di Negeri Selangor dengan kerjasama agensi dan jabatan kerajaan bersama pertubuhan – pertubuhan yang berkaitan bagi tahun semasa.

- c) Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dibawah Kerajaan Negeri Selangor tidak menyediakan sebarang peruntukan kewangan bagi menyelesaikan masalah kemudahan asas di penempatan pekerja – pekerja ladang di ladang masing – masing. Ini kerana perkara ini merupakan tanggungjawab kepada pemilik ladang untuk memastikan kemudahan asas yang diperlukan oleh pekerja ladang seperti kemudahan air, elektrik dan lain – lain dipenuhi demi menajga kepentingan dan hak mereka sebagai pekerja. Secara tidak langsung, dengan adanya kemudahan asas ini, para pekerja ladang dapat bekerja dengan lebih efisien dan selesa tanpa perlu risau kepada perkara berkenaan.

Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tidak memandang remeh akan hal tersebut kerana ia merupakan keperluan umum tidak kira dimana kita berada. Sekiranya kemudahan – kemudahan asas yang dinyatakan diatas dapat dipenuhi, nescaya pekerja ladang dapat memberi khidmat yang terbaik kepada majikan sebagai balasan. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang juga telah mengadakan beberapa siri lawatan ke ladang – ladang bagi beramah mesra, sesi soal jawab dan taklimat mengenai kebajikan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PERUNTUKAN DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jenis-jenis peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah untuk setiap jenis peruntukan tersebut?
- c) Adakah peruntukan MARRIS dan peruntukan-peruntukan lain ini dimasukkan ke dalam akaun rizab Kerajaan Negeri yang disatukan?

JAWAPAN:

- a) Merujuk pada Akta Perlembagaan Persekutuan terdapat 7 pemberian tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Perincian Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Akta Perlembagaan
1.	Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan
2.	Geran Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan
3.	Geran Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant)	Akta Pemberian Bilangan Orang 2002 , Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan
4.	Geran Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	Perkara 95B(1)(a), Senarai III – Senarai Bersama
5.	Geran Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Selangor	Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Akta Perlembagaan
6.	Geran Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan
7.	Geran Pemberian Pertambahan Hasil	Akta Pertambahan Hasil 1977 dan Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007

- b) Jumlah terimaan Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 adalah seperti jadual dibawah:

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Terimaan Tahun 2014 (RM)
1.	Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	475,620,745.75 (Januari - November 2014)
2.	Geran Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	15,959,000.00
3.	Geran Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant)	64,282,680.00
4.	Geran Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	53,100,986.00
5.	Geran Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Selangor	25,805,600.00
6.	Geran Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	9,441,416.00
7.	Geran Pemberian Pertambahan Hasil	35,491,040.00
Jumlah Terimaan		679,701,467.75

- c) Semua Peruntukan Tahunan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dimasukkan/ diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor. Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) dan Geran Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrstruktur dan Kesejahteraan Hidup diakaunkan di dalam Akaun Amanah Disatukan manakala lain-lain Pemberian Kerajaan Persekutuan diakaunkan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : JALAN RAYA

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di Kawasan Ijok, banyak jalan raya yang berlubang-lubang. aduan telah di buat tetapi tindakan tidak diambil. Apakah strategi baru kerajaan negeri untuk selesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Strategi baru kerajaan negeri adalah :-
- i. Melaksanakan kerja selenggaraan jalan negeri secara kontrak berpusat mulai Mac 2015.
 - ii. Penilaian kerosakan pavemen jalan akan dilaksanakan oleh kontraktor pakar mulai Januari 2015 bagi tujuan kerja-kerja pembaikan jalan.
 - iii. Senarai jalan-jalan yang akan dibaiki telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : WANITA DAN MASYARAKAT

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah program PWB telah dilaksanakan di Selangor setakat Oktober 2014?
- b) Berapakah bajet 2015 yang dicadangkan untuk hal ehwal Wanita?
- c) Berapakah peruntukan Negeri telah dibelanjakan untuk Hal Ehwal Wanita di DUN Teratai setakat Oktober 2014?

JAWAPAN:

- a) Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah mengadakan pelbagai aktiviti sejak penubuhannya hingga kini. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah berbentuk berstruktur dan tidak berstruktur bagi memenuhi permintaan wanita-wanita setempat selaras dengan 12 bidang keutamaan yang telah ditetapkan. Antaranya adalah seperti berikut:-

BERSTRUKTUR (Teori/Syarahan/Pembentangan)	TIDAK BERSTRUKTUR (Praktikal)
Program Kesihatan	Bengkel Masakan
Program Pengurusan Kewangan	Bengkel Kraftangan
Program Aplikasi ICT	Bengkel Jahitan
Program Kepimpinan	

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita di seluruh Selangor dalam Belanjawan Tahun 2015.
- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi melaksanakan program yang memberi manfaat kepada semua golongan wanita di setiap DUN mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, peruntukan kepada PWB DUN

Teratai tidak disalurkan menggunakan peruntukan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga kerana PWB di DUN Teratai masih belum mempunyai lokasi yang bersesuaian dan tiada sebarang permohonan peruntukan kepada UPEN. Namun begitu, bagi program lain seperti Mammogram penglibatan DUN Teratai adalah seramai 433 orang sepanjang program ini diadakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SRA & MASJID DI DUN MERU

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan khas bagi pembangunan Hal Ehwal Agama di bawah EXCO?
- b) Senaraikan penerima dan pembangunan yang telah diluluskan di DUN Meru?
- c) Berapakah had maksima atau peratus kelulusan bagi setiap permohonan?

JAWAPAN:

- a) Tiada.
- b) Senarai penerima dan pembangunan yang telah diluluskan di DUN Meru.

BIL	LOKASI	SKOP	ANGGARAN
1	SRA Meru 2	Pintu, Bumbung, Gutter, Pam	RM 65,000.00
2	SRA Pekan Kapar	Gate Value	RM 13,000.00
3	SRA Pekan Kapar Timur	Aircond	RM 18,000.00
4	SRA Pekan Kapar Barat	Bumbung, Pintu, Tingkap, Siling, Lantai	RM 53,000.00
5	SRA Batu Belah	Bumbung, Siling, Pintu, Tingkap	RM 100,000.00
6	SRA Pekan Meru	Pintu, Tingkap, Lantai, Gutter dll	RM 50,000.00
7	SRA Tok Muda	Pam Penggalak	RM 16,000.00
8	SRA Tok Muda	Bumbung, Siling, Tandas, Letaan	RM 20,000.00
9	Masjid Batu 4, Jln. Kapar	BP Retak, Tandas, Cat, Elektrik	RM 120,000.00
10	Masjid Batu 3, Jln. Kapar	Ganti Fitting, Baikpulih kecil	RM 20,000.00

- c) Ikut keperluan dan kerosakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan MARRIS bagi daerah Sabak Bernam pada tahun 2014?
- b) Berapa peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan pada tahun 2014?
- c) Berapakah pula jumlah peruntukan MARRIS untuk DUN Sungai Air Tawar dan DUN Sabak yang terlaksana tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS bagi daerah Sabak Bernam pada tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Bil	Perkara	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan	
	a) DUN	12,000,000.00
	b) Panjang Jalan	324,800.00
2.	Peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah	
	c) Tahun 2014	500,000.00
	d) Tambahan Tahun 2014	1,000,000.00
Jumlah Keseluruhan		13,824,800.00

- b) Perbelanjaan peruntukan MARRIS untuk daerah Sabak Bernam tahun 2014 setakat 7 November 2014 :-

Bil	Perkara	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1.	Peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan	
	a) DUN	8,449,704.32
	b) Panjang Jalan	181,602.00
2.	Peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah	
	c) Tahun 2014	367,581.60
	d) Tambahan Tahun 2014	0.00
Jumlah Keseluruhan		8,998,887.92
Peratus Perbelanjaan (%)		65.09%

- c) Berikut merupakan perbelanjaan MARRIS untuk DUN Sungai Air Tawar dan DUN Sabak yang terlaksana pada tahun 2014 setakat 7 November 2014 :-

Bil	Perkara	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan			
	a) DUN Sg Air Tawar	3,000,000.00	2,177,781.42	73%
	b) DUN Sabak	3,000,000.00	2,326,807.26	78%
2.	Peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah			
	DUN Sg Air Tawar			
	a) Tahun 2014	77,025.00	79,210.00	102%
	b) Tambahan Tahun 2014	170,600.00	0.00	0%
	DUN Sabak			
	a) Tahun 2014	213,040.00	206,806.60	97%
	b) Tambahan Tahun 2014	307,170.00	0.00	0%
Jumlah Keseluruhan		6,767,835.00	4,790,605.28	71%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : DASAR "SETIAP INDIVIDU MILIKI KEDIAMAN"

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dasar kerajaan negeri Selangor tentang "Setiap individu miliki kediaman sendiri"?
- b) Berapakah jumlah permohonan kepada rumah mampu milik Rumah Selangorku dan bagaimana kerajaan memenuhi permintaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bermula 1 Januari 2014, Kerajaan Negeri telah mula memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang mana telah menetapkan harga jualan rumah mampu milik diantara RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bergantung kepada saiz binaan, jenis rumah dan lokasi. Dasar yang diperkenalkan ini dijangka mampu membantu golongan berpendapatan rendah di bawah RM3,000 sebulan untuk memiliki Rumah Kos Rendah (Rumah Selangorku Jenis A) dan juga golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan sekeluarga di bawah RM8,000 sebulan untuk memiliki Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku Jenis B atau C atau D). Rumah Selangorku ini berupaya mencapai visi Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu keluarga satu kediaman yang sempurna.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat jumlah permohonan Rumah Selangorku yang berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sejak tahun 2008 hingga kini adalah seramai 40,319 orang pemohon manakala jumlah pemohon yang telah ditawarkan adalah sebanyak 15, 678 orang mengikut daerah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan	Jumlah Tawaran
1.	Petaling	12,377	5,298
2.	Klang	7,372	4,512
3.	Hulu Langat	5,545	2,524
4.	Gombak	10,872	1,126
5.	Sepang	1,751	1,175
6.	Kuala Langat	198	4
7.	Kuala Selangor	811	903

8.	Hulu Selangor	1,147	129
9.	Sabak Bernam	246	7
	JUMLAH	40,319	15,678

Sejak pelaksanaan polisi Rumah Selangorku didapati 51 pemaju telah memohon melaksanakan Rumah Selangorku. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,682 unit telah dibina dan 2,224 unit sedang dalam pembinaan sementara 12,638 unit masih belum diambil tindakan oleh pemaju. Jabatan ini sentiasa memantau pembinaan rumah-rumah harga kawalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR (PKPS)

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan projek-projek yang sedang dijalankan oleh PKPS mengikut pecahan daerah?
- b) Apakah perkembangan terkini dan prestasi pencapaian ladang-ladang kelapa sawit PKPS?
- c) Sila senaraikan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah PKPS sejak 2010- 2014 dan gaji, elaun serta semua kemudahan yang dinikmati?

JAWAPAN:

- a) Senarai projek-projek yang sedang dijalankan oleh PKPS mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	PROJEK	KELUASAN (Hektar)
1.	Petaling	a. Kompleks Pasar Borong Selangor. b. Kompleks Bazaar Rakyat PKPS. c. Kilang Pusat Pemprosesan Dan Pembungkusan	21.0 1.2 0.2
2.	Kuala Langat	a. Tanaman Kelapa Sawit b. Pengeluaran Pasir (Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.)	101.0 49.0
3.	Kuala Selangor	a. Tanaman Kelapa Sawit b. Ternakan Ayam Daging c. Pengeluaran Tanah Liat (Ball Clay) d. Ladang Buah-buahan e. Pengeluaran Pasir (Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.)	243.0 13.0 342.0 607.0 41.0
4.	Hulu Selangor	a. Tanaman Kelapa Sawit b. Ternakan Ikan Air Tawar	565.0 128.0
5.	Sabak Bernam	a. Penternakan Lembu Tenusu & Ayam b. Tanaman Kelapa Sawit	63.0 2,127.0

b) 1. Peningkatan Keluasan Ladang Kawasan Matang

1.1 Peningkatan keluasan matang ladang-ladang PKPS adalah seperti berikut:-

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Hektar	2,995	3,171	2,986	2,981	2,955	3,207	3,972

1.2 Jumlah peningkatan keluasan sebanyak 977 hektar pada tahun 2014 berbanding 2008 adalah sebanyak 33 %.

Penurunan sebanyak 185 hektar dari tahun 2009 ke tahun 2010 adalah kerana :

1.2.1 Penanaman semula di Ladang PKPS Editas, Gua Musang, Kelantan seluas 110 hektar

1.2.2 Kawasan banjir dan pembinaan ban di tebing sungai di Ladang PKPS Sg. Panjang seluas 85 hektar

1.3 Keluasan kawasan matang dijangka akan bertambah mulai tahun 2015 hingga 2017 seperti Jadual di bawah:-

Bil	Ladang	Belum Matang (Ha)	Akan Matang (Ha)	Akan Matang (Ha)	Akan Matang (Ha)
			2015	2016	2017
1	Sg. Panjang, Selangor	346	68	116	162
2	Jelutung Jati, Selangor	52	11	-	41
3	Kerling, Hulu Selangor	-	-	-	-
4	Irat, Sabah	-	-	-	-
5	Jagoharmoni, Sabah	-	-	-	-
6	Editas, Kelantan	110	-	110	-
7	Tanjung 12, Selangor	-	-	-	-
8	Badak, Sg Panjang	335	-	-	335
9	Ulu Yam, Selangor	-	-	-	-
10	Ulu Tinggi, Selangor	196	196	-	-
11	Sungai Tenggi	-	-	-	-
12	Sungai Tengar	-	-	-	-
	JUMLAH	1,039	275	226	538

1.4 Anggaran jumlah keluasan kawasan matang sehingga tahun 2017 adalah seluas 5,011 hektar.

2. Peningkatan Hasil Keluaran Ladang

Pencapaian prestasi hasil ladang di dapati meningkat dari setahun ke setahun. Pencapaian hasil ladang pada tahun 2013 adalah sebanyak 52,730 mt manakala pada tahun 2014, hasil ladang dijangka meningkat kepada 68,323 mt. Peningkatan hasil ladang (BTS) dari tahun ke setahun adalah seperti jadual berikut :

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Anggaran 2014	Bajet 2015
M/T	31,076	37,011	43,608	45,639	44,727	52,730	68,323	76,815
% Kenaikan	-	19%	18%	5%	-2%	18%	30%	12%

Prestasi keuntungan tahunan hasil kelapa sawit adalah seperti jadual di bawah :-

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Anggaran 2014
Keuntungan (RM juta)	10.4	7.2	13.1	19.6	12.2	10.1	17.1
Harga CPO (RM/mt)	2,872	2,247	2,747	3,285	2,866	2,377	2,454

3. Kawasan Tanaman Baru Kelapa Sawit

Pada tahun 2015 PKPS dijangka akan melaksanakan beberapa lagi projek tanaman baru kelapa sawit di kawasan-kawasan berikut:-

- a. Hala Cara Baru, Sabak Bernam seluas 158 hektar
- b. Parit Baru Baruh, Sabak Bernam seluas 40 hektar

4. Lain-lain

Projek kilang kelapa sawit dengan keluaran 30 mt sejam akan dibina di Ladang PKPS Jelutong Jati, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam. Pembinaan akan dimulakan pada tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2016.

- c) 1. Senarai Ahli Jemaah PKPS bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

Bil	Ahli Jemaah	Tahun
1.1	<p><u>Pengerusi</u></p> <p>a. YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (YAB Dato' Menteri Besar Selangor)</p> <p>b. YAB Tuan Mohamed Azmin b. Ali (YAB Dato' Menteri Besar Selangor)</p>	<p>(2010 – Jul 2014)</p> <p>(Sept 2014 - Kini)</p>
1.2	<p><u>Timbalan Pengerusi</u></p> <p>a. YB Dato' Ramli b. Mahmud (YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)</p> <p>b. YB Dato' Hj. Mohamad Khusrin b. Hj. Munawi (YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)</p>	<p>(2010 – Dis 2010)</p> <p>(Feb 2011 – Kini)</p>
1.3	<p><u>Ahli Jemaah</u></p> <p>a. YB Dato' Mohd Arif bin Ab. Rahman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor)</p> <p>b. YB Dato' Noordin b. Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor)</p> <p>c. YBhg Dato' Abd. Nasir bin Hassan (Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor)</p> <p>d. YBhg Tuan Hj. Kamarulzaman b. Jamil (Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor)</p> <p>e. YB Tuan Dr. Hj. Yaakob b. Sapari (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan)</p>	<p>(2010 – Sept 2014)</p> <p>(Dis 2010 – Kini)</p> <p>(2010 – Jun 2014)</p> <p>(Dis 2010 – Kini)</p> <p>(2010-Mac 2014)</p>

<p>f. YBhg Dato' Hj. Mohammed b. Ismail (Timbalan Ketua Pengarah (Pusat Transformasi Penyampaian), Jabatan Perdana Menteri)</p>	<p>(2010 – Kini)</p>
<p>g. YBhg Puan Khodijah bt. Abdullah (Timbalan Kanan Setiausaha Bahagian Analisa Cukai (Dasar), Perbendaharaan Malaysia, Pusat Pentadbiran Persekutuan)</p>	<p>(2010 – Kini)</p>
<p>h. YBhg Puan Zainon bt. Hj. Md. Nasir (Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah)</p>	<p>(2010 – Ogos 2014)</p>
<p>i. YBhg Encik Ahmad b. Sulaiman (Setiausaha Bahagian Pengupayaan Komuniti & Info Desa, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah)</p>	<p>(Dis 2011 – Dis 2012)</p>
<p>j. YBhg Dato' Nursiah bt. Arshad (Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah)</p>	<p>(Mac 2013 – Dis 2014)</p>
<p>k. YBhg Dato' Rahim b. Abu Bakar (Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah)</p>	<p>(Feb 2014 – Kini)</p>

2. Selain daripada elaun kehadiran mesyuarat, tiada gaji dan kemudahan lain yang diberikan kepada Ahli Jemaah PKPS kecuai, elaun bulanan kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor selaku Pengerusi PKPS. Jumlah elaun bulanan yang dibayar kepada mantan Pengerusi PKPS dari tahun 2010 hingga 2014 adalah sebanyak RM 236,000.

3. Perincian bayaran elaun kehadiran mesyuarat mengikut tahun adalah seperti berikut :

a. Tahun 2010

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		16 MAC	6 JUL	3 SEPT	6 DIS	
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	1,000	1,000	1,000	1,000	4,000
2	YB Dato' Ramli b. Mahmud	-	-	800	800	1,600
3	YB Dato' Mohd Arif b. Ab. Rahman	-	800	800	-	1,600
4	YB Dato' Hj. Abdul Nasir b. Hassan	800	800	800	-	2,400
5	YB Tuan Dr. Hj. Yaakob b. Sapari	800	800	800	800	3,200
6	YBhg Dato' Hj. Mohammed b. Ismail	800	800	800	-	2,400
7	YBhg Puan Khodijah bt. Abdullah	800	-	800	-	1,600
8	YBhg Puan Zainon bt. Hj Md. Nasir	-	-	-	-	-
	JUMLAH	4,200	4,200	5,800	2,600	16,800

b. Tahun 2011

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		18 FEB	17 JUN	19 OGOS	20 DIS	
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	1,000	1,000	1,000	1,000	4,000
2	YB Dato' Hj. Mohamad Khusrin b. Hj. Munawi	800	800	800	800	3,200
3	YB Dato' Mohd Arif b. Ab. Rahman	800	800	800	800	3,200

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		18 FEB	17 JUN	19 OGOS	20 DIS	
4	YB Dato' Hj. Abdul Nasir b. Hassan	800	800	-	-	1,600
5	YBhg Tuan Hj. Kamarulzaman b. Jamil	-	-	-	800	800
6	YB Tuan Dr. Hj. Yaakob b. Sapari	800	-	800	800	2,400
7	YBhg Dato' Hj. Mohammed b. Ismail	-	-	800	800	1,600
8	YBhg Puan Khodijah bt. Abdullah	-	-	800	800	1,600
9	YBhg Puan Zainon bt. Hj Md. Nasir	800	-	800	-	1,600
10	YBhg Encik Ahmad b. Sulaiman	-	-	-	800	800
	JUMLAH	5,000	3,400	5,800	6,600	20,800

c. Tahun 2012

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		13 MAC	26 JUN	28 SEPT	31 DIS	
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	1,000	1,000	1,000	1,000	4,000
2	YB Dato' Hj. Mohamad Khusrin b. Hj. Munawi	800	800	800	-	2,400
3	YB Dato' Mohd Arif b. Ab. Rahman	-	800	800	-	1,600
4	YBhg Tuan Hj. Kamarulzaman b. Jamil	-	800	800	800	2,400
5	YB Dato' Noordin b. Sulaiman	-	-	-	800	800
6	YB Tuan Dr. Hj. Yaakob b. Sapari	800	-	800	-	1,600

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		13 MAC	26 JUN	28 SEPT	31 DIS	
7	YBhg Dato' Hj. Mohammed b. Ismail	800	800	800	800	3,200
8	YBhg Puan Khodijah bt. Abdullah	800	800	-	-	1,600
9	YBhg Encik Ahmad b. Sulaiman	800	800	800	800	3,200
	JUMLAH	5,000	5,800	5,800	4,200	20,800

d. Tahun 2013

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		15 MAC	7 JUN	6 SEPT	6 DIS	
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	1,000	1,000	1,000	1,000	4,000
2	YB Dato' Hj. Mohamad Khusrin b. Hj. Munawi	800	800	800	800	3,200
3	YB Dato' Noordin b. Sulaiman	800	800	800	800	3,200
4	YBhg Tuan Hj. Kamarulzaman b. Jamil	800	800	800	800	3,200
5	YB Tuan Dr. Hj. Yaakob b. Sapari	800	-	-	-	800
6	YBhg Dato' Hj. Mohammed b. Ismail	800	800	800	800	3,200
7	YBhg Puan Khodijah bt. Abdullah	800	800	800	800	3,200
8	YBhg Dato' Nursiah bt. Arshad	800	800	800	-	2,400
	JUMLAH	6,600	5,800	5,800	5,000	23,200

e. Tahun 2014

BIL	AHLI JEMAAH	TARIKH				JUMLAH (RM)
		10 FEB	4 JUL	-	-	
1	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	1,000	1,000	-	-	2,000
2	YB Dato' Hj. Mohamad Khusrin b. Hj. Munawi	-	800	-	-	800
3	YB Dato' Noordin b. Sulaiman	800	800	-	-	1,600
4	YBhg Tuan Hj. Kamarulzaman b. Jamil	800	800	-	-	1,600
5	YBhg Dato' Hj. Mohammed b. Ismail	800	800	-	-	1,600
6	YBhg Puan Khodijah bt. Abdullah	800	800	-	-	1,600
7	YBhg Dato' Rahim b. Abu Bakar	-	800	-	-	800
	JUMLAH	4,200	5,800	-	-	10,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : SKATEPARK DI DUN HULU KELANG

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah *Skatepark* di Lembah Keramat AU5C di bawah MPAJ?
- b) Dari sumber manakah *skatepark* yang dibangunkan di MPAJ mendapat dana daripada kerajaan?
- c) Apakah jenis-jenis sukan lasak yang akan dibangunkan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kawasan padang permainan ini di bawah penyelenggaraan MPAJ.
- b) MPAJ telah menggunakan peruntukan sendiri pada tahun 1996 bagi pembangunan skatepark.
- c) MPAJ dalam perancangan membangunkan Extreme Park / Skate Board Park di Taman Bandar, Pusat Bandar Taman Melawati yang terdiri dari komponen berikut:
 - Take Off Ramps
 - Fly Boxes
 - Half Pipe]

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : HOTEL BAJET TAWAR KHIDMAT SEKS

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri kepada pemilik hotel bajet yang menawarkan khidmat seks dan urut khasnya di Jalan Pasar Baru, Semenyih?
- b) Bagaimanakah kaedah yang digunakan kerajaan negeri bagi memastikan ia tidak berulang pada masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Daripada tindakan pemantauan yang dibuat pihak Polis Kontinjen Selangor terdapat (9) buah Hotel Bajet dan (2) buah Pusat Reflexology di Jalan Pasar Baru, Semenyih, Kajang. Pemeriksaan yang dijalankan terhadap kesemua premis ini didapati beroperasi secara sah dan mempunyai lesen perniagaan.

Pada tahun 2013 sejumlah (111) serbuan / pemeriksaan telah dilakukan di Jalan Pasar Baru, Semenyih, Kajang. Dalam serbuan tersebut terdapat (4) kes premis yang menawarkan perkhidmatan seks dimana seramai (15) tangkapan warganegara asing telah dilakukan. Walaubagaimanapun hanya (2) kes yang dituduh di bawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan. Hukuman denda sebanyak RM3,000/- terhadap penjaga premis. (2) kes telah di (NFA) atau tiada tindakan lanjut kerana kekurangan bukti untuk tujuan pendakwaan, manakala (15) pekerja warganegara asing telah diusir ke Negara asal.

Bagi tempoh 01 Jan - 12 Nov 2014 sebanyak (23) serbuan / pemeriksaan telah dilakukan terhadap Hotel Bajet dan Pusat Reflexology bagi tujuan membanteras kegiatan pelacuran. Dalam serbuan / pemeriksaan terdapat hanya (1) kes yang melibatkan penawaran khidmat seks. Di dalam kes ini, tangkapan adalah melibatkan (1) (L) India tempatan dan telah dituduh dibawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 (Menggaji Pekerja Asing Tanpa Permit). Tangkapan juga melibatkan (2) (P) warganegara India dan (2) (L) warganegara Nepal dan telah dituduh dibawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63. Kes masih dalam perbincangan.

**STATISTIK PENDAKWAAN OPS. NODA
(BAGI TEMPOH TAHUN 2013 DAN JANUARI – 12 NOVEMBER 2014)
KAWASAN SEMENYIH, KAJANG**

PERKARA	2013	01 JAN - 12 NOV 2014
JUMLAH SERBUAN	111	23
SERBUAN BERJAYA	4	1
TANGKAPAN PENJAGA	4	1
TANGKAPAN LELAKI WARGA ASING	0	2
TANGKAPAN WANITA WARGA ASING	15	2
PERTUDUHAN	2	1
NFA	2	0

- b) Pendekatan yang diambil PDRM khususnya pihak Polis Kontinjen Selangor bagi membendung perkhidmatan seks dan rumah urut adalah melalui tindakan penguatkuasaan berasaskan kepada undang-undang yang berkuatkuasa seperti Kanun Keseksaan, Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan 2013) (POCA).

PDRM sentiasa menjalankan pemantauan, serbuan dan pemeriksaan di seluruh Negeri Selangor terutama melalui risikan dan maklumat yang disalurkan oleh orang awam kepada pihak Polis. Ops Bersepadu diantara PDRM bersama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen, PBT dan RELA dijalankan dari masa kesemasa bagi mambanteras perkhidmatan seks dan rumah urut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah objektif Taska di rumah boleh memberi impak jauh lebih baik dari Taska Permata?
- b) Apakah perancangan masa depan Taska di rumah dan bagaimanakah kesinergian bersama JKM dan PBT dapat diteruskan dan dipertingkatkan?

JAWAPAN:

- a) Di bawah Seksyen 5, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, terdapat empat (4) kategori Taska di Malaysia iaitu :
 - i. **Taska Institusi**
 - menerima 10 orang atau lebih kanak-kanak dalam jagaan; dan
 - ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
 - ii. **Taska Tempat Kerja**
 - menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan; dan
 - ditubuhkan di tempat kerja.
 - iii. **Taska Komuniti@1Malaysia**
 - menerima 10 orang atau lebih dalam jagaan;
 - menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri; dan
 - ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.
 - iv. **Taska Di Rumah**
 - menerima kurang daripada 10 orang kanak-kanak dalam jagaan; dan
 - Dijalankan di kediaman sendiri.

Taska Permata adalah taska di bawah kendalian Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menyediakan kurikulum khusus mengenai Program

PERMATA dalam bidang asuhan dan didikan awal kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun menggunakan teknik Pembelajaran **PERMATA**.

Objektif Taska Permata mempunyai impak yang jauh lebih baik berbanding Taska di rumah atas sebab-sebab berikut :

- i. Taska Permata mengguna pakai kurikulum PERMATA yang telah diiktiraf dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Manakala Taska di rumah lebih tertumpu kepada jagaan kepada kanak-kanak secara yang tidak formal tetapi perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JKM.
- ii. Taska Permata mempunyai tenaga pendidik yang mengikuti kursus PERMATA dan berkemahiran mengendalikan kurikulum PERMATA. Tiada syarat kepada pengasuh Taska di rumah untuk mengendalikan kurikulum PERMATA. Namun pengasuh Taska di rumah juga hendaklah hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Kanak-kanak PERMATA mengikut syarat JKM.
- iii. Taska Pemata mempunyai kemudahan fizikal dan peralatan pembelajaran yang lengkap sesuai dengan objektifnya untuk merangsang pertumbuhan kanak-kanak. Manakala Taska Di Rumah tidak mempunyai kemudahan fizikal dan pembelajaran yang lengkap kepada kanak-kanak.

Nota Tambahan :

Kurikulum PERMATA kini telah diperluaskan kepada kepada semua Taska Institusi / Komersial dan Taska di Rumah, di mana semua pengusaha / pengasuh diwajibkan untuk hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Kanak-kanak PERMATA.

- b) Taska Di Rumah merupakan salah satu alternatif kerajaan untuk membantu golongan ibu bapa yang ingin meletakkan anak mereka di bawah jagaan pengasuh dengan jumlah kanak-kanak yang minima dan kos yang lebih rendah berbanding Taska Institusi / Komersial.

Taska Di Rumah juga dapat membantu suri rumah yang tidak bekerja untuk memperolehi pendapatan sampingan bagi membantu menjana ekonomi keluarga.

Di samping itu Taska di Rumah juga memberi kemudahan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka berdekatan dengan tempat tinggal mereka sekiranya kawasan tersebut tidak mempunyai Taska Institusi / Komersial.

Penubuhan bagi sesebuah Taska Di Rumah tidak mempunyai had bilangan tertentu yang ditetapkan berbanding Taska Institusi/Komersial yang perlu mendapat kebenaran PBT mengikut kehendak keperluan penduduk setempat.

Perancangan masa depan Taska Di Rumah agar kesinergian bersama JKM dan PBT dapat diteruskan dan dipertingkatkan adalah seperti berikut:

- Menjalankan usaha sama secara berterusan untuk memastikan semua Taska Di Rumah di negeri Selangor berdaftar melalui kempen pendaftaran Taska dan gala;
- Mengadakan mesyuarat di bawah *One Stop Centre* untuk membuat penyelarasan berkaitan dengan langkah-langkah mempermudah pendaftaran Taska Di Rumah;
- Menjalankan seliaan dan pemantauan secara bersepadu di antara JKM dan PBT agar Taska Di Rumah sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 Pandamaran)**

**TAJUK : MASALAH PEMINDAHAN PENGHUNI-PENGHUNI DI JALAN PAPAN DAN
JALAN BUKIT KERAYONG**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong, Pandamaran?

JAWAPAN:

- a) Perkara ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat STANCO Kehidupan Bandar Negeri Selangor Bil. 3/2014 bertarikh 27hb Oktober 2014. Status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong adalah seperti berikut :-

I. Penempatan peneroka bandar (setinggalan)

- Senarai-senarai nama tersebut dikemukakan kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan dibentangkan di Mesyuarat Exco MTES untuk makluman dan pengesahan.
- Seramai 181 penama setinggalan Jalan Papan yang wajar ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM99,000.00.
- Seramai tujuh (7) penama setinggalan Jalan Bukit Kerayong dipertimbangkan untuk ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM99,000.00.
- Sejumlah 35 keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak (Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong) ditawarkan rumah kos sederhana dengan harga pasaran.
- Senarai nama tersebut tidak akan dipamerkan semula untuk pandangan awam.
- Pemaju dikehendaki untuk mengemukakan cadangan kepada Majlis berhubung kaedah penyelesaian yang bersesuaian bagi menempatkan penduduk tersebut mengikut jumlah yang telah ditetapkan dengan

menambah bilangan unit rumah daripada 123 unit kepada 223 unit merujuk kepada keperluan penempatan tersebut.

- Pemaju perlu membina rumah kos sederhana dalam tempoh dua (2) tahun di tapak yang telah dikhaskan di Jalan Papan mengikut pelan lulus MPK bil.MPK/KS/87A/2007. Peneroka Bandar (setinggan) perlu diberi keutamaan untuk ditawarkan dengan pengesahan daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor melalui Mesyuarat Stanco Setinggan, Negeri Selangor.
- Segala urusan pemindahan adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya.

II. Penempatan pengusaha bengkel dan pekedai.

- Isu ini akan dibentangkan di Mesyuarat EXCO MTES untuk pertimbangan:-
 - Pihak Majlis Perbandaran Klang tidak dilibatkan lagi di dalam menyelesaikan isu setinggan di Bukit Kerayong, sebaliknya perlu ditanggung dan diselesaikan oleh pemilik tanah (pemaju).
 - Pemaju dikehendaki mengemukakan pelan kebenaran merancang dengan meminda satu (1) blok kedai kos rendah kepada blok industri (ringan/sederhana) bagi menyesuaikan jenis/aktiviti oleh pengusaha sediaada di tapak.
 - Pemaju perlu membina kedai kos rendah dalam tempoh dua (2) tahun di tapak yang telah dikhaskan di Jalan Papan mengikut pelan lulus MPK bil.MPK/KS/87A/2007. Pengusaha (setinggan) perlu diberi keutamaan untuk ditawarkan dengan pengesahan daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor melalui Mesyuarat Stanco Setinggan, Negeri Selangor.
 - Segala urusan pemindahan adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya.
 - Pengusaha bengkel dan pekedai dibenarkan berada di tapak sediaada sehingga penempatan baru (kedai kos rendah) disediakan oleh pemaju.
 - Sekiranya struktur bengkel atau kedai tersebut perlu dipindahkan atau tujuan penyediaan rezab awam seperti pelebaran jalan utama atau penyediaan jajaran simpanan parit maka penempatan sementara harus disediakan oleh pihak pemajuan dan segala urusan serta kos di bawah tanggungjawab pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : TANAH TERBIAR

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di Hulu Langat Agrotech terdapat banyak tanah-tanah pertanian terbiar. Berapakah luasannya.
- b) Kenapakah kerajaan PR tidak memanfaatkan tanah tersebut.
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk memberi TOL kepada yang berminat disebabkan ramai pengusaha yang berminat.

JAWAPAN:

- a) Tanah Agrotech yang dimaksudkan merupakan Taman Teknologi Pertanian di Mukim Hulu Langat yang terdiri daripada hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Keluasan Tanah bagi keseluruhan kawasan adalah lebih kurang 167.22 hektar.
- b) Tanah-tanah yang dimaksudkan merupakan hakmilik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) . Segala pembangunan dan perusahaan tanah tersebut adalah di bawah kuasa pemilik tanah berkenaan.
- c) Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tidak akan dikeluarkan bagi tanah yang telah mempunyai hak milik. LPS hanya dikeluarkan di atas tanah kerajaan yang bukan rizab sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PENEMPATAN DESA EHSAN

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan-bantuan yang diberikan kepada penghuni penempatan Desa Ehsan di Kampung Simpang Tiga Jeram?
- b) Siapakah yang layak menduduki penempatan Desa Ehsan berkenaan?
- c) Berapa lamakah seseorang penghuni dibenarkan mendiami penempatan Desa Ehsan?

JAWAPAN:

- a) Sekiranya penghuni di penempatan Desa Ehsan merupakan asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS, maka mereka turut menerima bantuan zakat sebagaimana asnaf fakir dan miskin yang lain bergantung kepada keperluan keluarga masing-masing. Antara bantuan yang diterima termasuklah bantuan kewangan dan makanan bulanan, bantuan pendidikan, bantuan ekonomi dan bantuan Hari Raya.
- b) Mereka yang terpilih untuk menghuni di penempatan Desa Ehsan, terdiri daripada asnaf fakir dan miskin LZS atau peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah menjalani temuduga oleh jawatankuasa pemilihan yang diwujudkan. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada LZS, Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sehingga kini, terdapat 6 buah keluarga asnaf fakir dan 23 buah keluarga asnaf miskin yang tinggal di penempatan itu.
- c) Untuk makluman, LZS hanya bertanggungjawab menguruskan asnaf fakir dan miskin di penempatan Desa Ehsan. Oleh itu, LZS tiada maklumat tentang tempoh penghuni dibenarkan mendiami penempatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

**TAJUK : DI MUSIM BUAH-BUAHAN TERDAPAT LAMBAKAN BUAH-BUAHAN
TEMPATAN YANG TIDAK DI DAPAT DIJUAL**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Jabatan Pertanian untuk membantu memasarkan buah-buah ini.
- b) Apakah rancangan Kerajaan supaya buah-buahan ini boleh di export.
- c) Berapa peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membantu penanam buah-buahan

JAWAPAN:

- a) Langkah jabatan membantu memasarkan buah-buahan adalah dengan menemusuakan petani tersebut dengan usahawan industri asas tani bimbingan Jabatan Pertanian yang bersesuaian supaya hasil buah-buahan yang berlebihan tersebut dapat digunakan untuk industri hiliran seperti pembuatan jus, bakeri dan lain-lain produk hiliran berasaskan buah-buahan. Selain itu Jabatan Pertanian mendapatkan kerjasama agensi FAMA untuk membantu petani yang memerlukan pasaran hasil buah-buahan tersebut.
- b) Antara usaha-usaha supaya buah-buahan ini boleh dieksporth adalah dengan memastikan pengeluaran hasil yang bermutu tinggi dan mempunyai pensijilan MyGAP atau SOM. MyGAP merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia

SOM pula ialah sebuah program pensijilan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan dalam Standard Skim Organik Malaysia (SOM). Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan berhak menggunakan Organik Malaysia di atas produk mereka. Dengan label ini, produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang setimpal.

Melalui Program Ladang Kontrak Jabatan Pertanian, luang-luang pasaran untuk eksport hasil pertanian dapat dikenalpasti dengan kerjasama agensi-agensi

di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Petani yang terlibat akan dibantu untuk mencapai standard yang diperlukan untuk tujuan eksport.

- c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memperuntukkan insentif sebanyak RM480,000.00 pada tahun 2014 untuk membantu penanam buah-buahan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

**TAJUK : PINJAMAN RM80 JUTA KEPADA PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
SELANGOR (PKNS)**

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pinjaman RM80 juta telah diberi kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi pengambilan tanah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk tujuan Pembangunan Projek Datum In-City. Apakah perkembangan terkini pengambilalihan ini dan adakah PKNS mula membayar balik kepada kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) PKNS telah memperolehi hakmilik tanah pada 4 September 2014 tersebut dan kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada 15 September 2014. Pembinaan 2 blok bangunan akan dilaksanakan secara berfasa iaitu Blok 1 dijangka akan siap pada pertengahan 2016 dan Blok 2 pada akhir 2016.

PKNS telah pun menerima pinjaman daripada kerajaan negeri sebanyak RM80 juta pada 19 September 2014. Pembiayaan jangka pendek ini adalah selama lima (5) tahun sehingga 2019 dengan caj pembiayaan dikenakan pada kadar 4% setahun. Bayaran akan dibuat secara berperingkat RM16 juta setahun mulai 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

TAJUK : PROJEK BAZAR DARUL EHSAN KANCHONG DARAT, KUALA LANGAT

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status projek Bazar Darul Ehsan Kampung Kanchong Darat Kuala Langat?

JAWAPAN:

a) Kerja-kerja tambahan Bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat, Daerah Kuala Langat telah siap dilaksanakan dan sedia untuk dilengkapi dengan peralatan-peralatan perniagaan di dalamnya. Perolehan bagi peralatan tersebut akan diuruskan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bersama-sama Pejabat Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : PELABURAN NEGERI

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan yang diterima dari dalam dan luar Negara tahun 2014?
- b) Apakah Kedudukan pelaburan negeri berbanding negeri-negeri lain di Malaysia?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh bulan **Januari hingga Julai 2014**, sebanyak **153 projek** perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 4.588 bilion**.
- b) Secara perbandingan dengan Negeri lain, **Selangor berada di kedudukan ke lima dari segi jumlah nilai pelaburan**. Namun begitu, **Selangor mencatatkan bilangan kelulusan projek tertinggi berbanding negeri lain**.

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Negeri Bagi Tempoh January-Julai 2014

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	116	12,141	12,713,306,382	5,947,039,161	18,660,345,543
Sarawak	12	1,489	324,820,131	7,460,919,196	7,785,739,327
Pahang	8	3,906	159,382,531	4,830,387,912	4,989,770,443
Penang	95	13,097	1,328,930,242	3,294,161,314	4,623,091,556
Selangor	153	9,659	2,706,991,219	1,881,102,933	4,588,094,152
Kedah	29	3,837	328,548,559	4,099,690,316	4,428,238,875
Sabah	16	1,333	2,074,513,106	544,022,280	2,618,535,386
Negeri Sembilan	23	1,937	564,698,507	1,384,384,627	1,949,083,134
Kelantan	4	618	1,223,746,684	0	1,223,746,684
Perak	15	1,873	570,054,739	358,016,598	928,071,337
Melaka	15	2,052	150,983,789	577,927,564	728,911,353
Terengganu	7	459	76,260,311	349,880,915	426,141,226

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Perlis	1	91	210,000,000	0	210,000,000
W. P. Kuala Lumpur	3	121	12,771,700	14,541,114	27,312,814
W. P. Labuan	1	8	3,965,000	0	3,965,000
Jumlah	498	52,621	22,448,972,900	30,742,073,930	53,191,046,830

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : DASAR KEBAJIKAN

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan beban ekonomi rakyat Selangor berikutan peningkatan harga minyak dan barangan keperluan
- b) Minta nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk membantu menaiktaraf rumah kebajikan orang tua dan anak-anak yatim

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memandang berat mengenai masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat dari kesan peningkatan harga minyak dan barang keperluan walaupun kawalan ke atas perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Melalui program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri, sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban rakyat untuk menjalani kehidupan seharian. Sebagai contoh Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah melaksanakan program pemberian sumbangan kepada golongan yang kurang berkemampuan sempena perayaan bagi membantu meringankan beban dalam membuat persiapan perayaan.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga turut melaksanakan program Jom Shopping kepada individu yang telah dikenalpasti untuk menerima bantuan baucar perayaan sebanyak RM100.00 bagi setiap keluarga yang layak mengikut perayaan kaum.

Bantuan-bantuan lain juga turut disediakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tetap Negeri Selangor seperti bantuan peralatan, mesin dan sebagainya kepada golongan yang layak menerima bantuan untuk membantu mereka menjana pendapatan sendiri untuk jangka masa yang panjang tanpa mengharapkan sepenuhnya bantuan daripada Kerajaan Negeri, Lembaga Zakat Selangor atau lain-lain agensi. Melalui jaringan ini, sedikit sebanyak akan mampu untuk mengurangkan beban ekonomi rakyat Selangor untuk meneruskan kehidupan yang sempurna.

- b) Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan untuk membantu menaiktaraf rumah kebajikan orang tua dan anak-anak yatim yang terdapat di Negeri Selangor. Pada masa kini, projek menaiktaraf rumah kebajikan orang tua dan anak yatim dilaksanakan di peringkat daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekiranya terdapat permohonan mengenai perkara ini, pihak berkenaan boleh mengemukakan permohonan terus ke Pejabat Daerah atau PBT untuk dinilai dan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : LEBUHRAYA KINRARA DAMANSARA (KIDEX)

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kelulusan yang masih belum diberikan kepada KIDEX yang diperlukan sebelum pembinaan dapat dilaksanakan. Sila perincikan seksyen undang-undang yang berkaitan?
- b) Jika perjanjian konsesi tidak didedahkan kepada masyarakat umum, adakah kelulusan akan diberi pertimbangan?

JAWAPAN:

- a) Projek lebuh raya Kinrara-Damansara *Expressway* (KIDEX) belum dimuktamadkan pelaksanaannya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah meminta dan menetapkan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) supaya terus mengadakan dialog, perbincangan ataupun *Town Hall Meeting* bagi berkongsi semua maklumat berhubung perancangan ini dan ia mestilah dikemukakan kepada semua *stakeholders*.

Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuh raya di Negeri Selangor seperti yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2015 dengan syarat-syarat ketat seperti berikut:

- i. Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment* - TIA) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuh raya dan juga penduduk sekitar dengan mengambilkira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;
- ii. Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (return of investement - ROI); dan
- iii. Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensinya teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan

seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

Dalam hal ini, pandangan dan pendapat awam serta pihak yang berkepentingan perlu diambilkira dan diberi pertimbangan supaya keutamaan atau kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
 - ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
 - iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal; dan
 - iv. Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan *Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)*.
- b) Perjanjian konsesi telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dan syarikat konsesi lebuhraya (KIDEX Sdn. Bhd.) pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian tersebut merupakan dokumen terkawal di bawah klasifikasi Sulit dan Terhad.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses kepada perjanjian tersebut kerana bukanlah salah satu daripada pihak yang menandatangani perjanjian itu. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak dapat memberi pendedahan perjanjian tersebut kepada masyarakat umum.

Kerajaan Negeri mengamalkan ketelusan dalam pengurusan dan pentadbiran negeri terutamanya apabila melibatkan projek-projek pembangunan. Maka, Kerajaan Negeri menyokong supaya setiap perjanjian konsesi dapat didedahkan kepada umum. Oleh itu, Kerajaan Negeri mendesak supaya perjanjian konsesi didedahkan sebagai syarat dalam memberi pertimbangan dan kelulusan bagi permohonan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : BANJIR KILAT DUN GOMBAK SETIA

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kawasan yang masih belum diatasi masalah banjir di DUN Gombak Setia?
- b) Apakah tindakan yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah menyenaraikan beberapa kawasan yang dicadangkan untuk pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir seperti berikut :
 - i. Kerja-kerja Kecemasan Memperkukuh Tebing Sungai Yang Runtuh Menggunakan 'Soft Rock' serta lain-lain Kerja Berkaitan di Hulu Sungai (Punca Air) Sungai Pusu, Mukim Setapak, Daerah Gombak
 - ii. Kerja-kerja Penggalian Semula untuk Mendalamkan Dasar Sungai bagi Melancarkan Saliran Sg.Gombak di Sungai Pusu bermula dari Sempadan UIAM membawa ke Hilir, Batu 8 Gombak, Mukim Setapak, Daerah Gombak
 - iii. Kerja-kerja Penggalian Semula untuk Mendalamkan Dasar Sungai bagi Melancarkan Saliran Sg.Gombak di Kg.Sungai Chincin Batu 7 1/2 Mukim Setapak, Daerah Gombak
- b) Bagi mengatasi masalah banjir di DUN Gombak Setia, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Gombak dalam perancangan dan penyediaan 'Bill of Quantity' bagi pembinaan 'pump sump' yang berukuran 2m x 2m dan ianya merupakan pam mudah alih dengan kapasiti 280 liter/s atau 6m/turus. Walaubagaimanapun, ianya masih diperingkat proses kelulusan rekabentuk oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor. Lokasi dan kedudukan pam akan dikenalpasti selepas kelulusan rekabentuk serta keperluan lain telah diterima.

Maklumat Tambahan :

Berikut di bawah adalah maklumat tambahan secara terperinci berhubung senarai kerja-kerja yang akan dilaksanakan di beberapa kawasan yang mengalami masalah banjir di Dun Gombak Setia :

- i. Kerja-kerja Kecemasan Memperkukuh Tebing Sungai Yang Runtuh Menggunakan 'Soft Rock' serta lain-lain Kerja Berkaitan di Hulu Sungai (Punca Air) Sungai Pusu, Mukim Setapak, Daerah Gombak
Kos Projek : RM 107,100
Kontraktor yang dilantik : Purnama Enterprise
Mula : 10.Nov 2014
Siap : 22.Dis 2014

- ii. Kerja-kerja Penggalian Semula untuk Mendalamkan Dasar Sungai bagi Melancarkan Saliran Sg.Gombak di Sungai Pusu bermula dari Sempadan UIAM membawa ke Hilir, Batu 8 Gombak, Mukim Setapak, Daerah Gombak
Kos Projek : RM 19,550.00
Kontraktor yang dilantik : Syarikat Jasa Sepadu
Mula : 24 Nov 2014
Siap : 8 Dis 2014

- iii. Kerja-kerja Penggalian Semula untuk Mendalamkan Dasar Sungai bagi Melancarkan Saliran Sg.Gombak di Kg.Sungai Chincin Batu 7 1/2 Mukim Setapak, Daerah Gombak
Kos Projek : RM 19,800.00
Kontraktor yang dilantik : Junjung Enterprise
Mula : 24 Nov 2014
Siap : 8 Dis 2014

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : DASAR KERAJAAN NEGERI

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri hari ini akan meneruskan dasar-dasar yang sedia telah dilaksanakan dibawah pentadbiran YAB Menteri Besar yang lalu?
- b) Apakah dasar-dasar dan perancangan baru kerajaan negeri dalam memajukan negeri Selangor pada masa akan datang?

JAWAPAN:

a) dan b)

Dasar Kerajaan Negeri yang peduli rakyat digubal mengikut keperluan rakyat dan tuntutan semasa. Kerajaan Negeri akan melaksanakan dasar-dasar yang berteraskan prinsip keadilan sosial demi menjamin pembangunan yang berkualiti sepertimana yang telah dibentangkan dalam Belanjawan Negeri Selangor 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik bagi 5 tahun akan datang?
- b) Apakah kriteria penentuan lokasi untuk pembinaan rumah mampu milik dan jawatankuasa manakah yang menentukan?
- c) Senaraikan projek rumah mampu milik yang dikenal pasti untuk 5 tahun akan datang.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk membina sekurang-kurangnya sebanyak 35,000 unit bagi tempoh 5 tahun. Daripada jumlah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) manakala baki 30,000 unit lagi akan dibangunkan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- b) Lokasi penentuan Rumah Selangorku adalah ditentukan berdasarkan kawasan pembangunan perumahan yang mana dipecahkan kepada tiga (3) Zon iaitu Zon 1, Zon 2 dan Zon 3. Pecahan Zon ini dibuat bagi memastikan pengagihan dan pembinaan dapat dijalankan secara seimbang mengikut kesediaan pembangunan di mana kemudahan pengangkutan, kemudahan awam dan infrastruktur telah tersedia. Setiap zon tersebut pula akan dipecahkan mengikut keluasan tapak cadangan pembangunan untuk ditentukan peratusan penyediaan Rumah Selangorku yang perlu dibina. Penentuan keperluan penyediaan Rumah Selangorku ini dibuat berdasarkan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan bukannya jawatankuasa khusus.
- c) Berikut merupakan senarai projek Rumah Selangorku akan dibangunkan dalam tempoh 5 tahun yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri:

i) Syarikat Milik Kerajaan Negeri

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
1.	MPAJ	MBI & Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	Taman Ukay Indah, Sg. Sering, Daerah Gombak.	2,496	2020
2.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. & SAP Holding Berhad	Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	276	2017
3.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Taman Keruing Rasa, Daerah Hulu Selangor.	<i>Belum Dimuktamadkan</i>	2017
4.			Seksyen 1 Antara Gapi, Daerah Hulu Selangor.	80	2017
JUMLAH				2,852	

ii) Syarikat Swasta

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
1.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	453	2017
2.		Paramount Property Development Sdn. Bhd.	Daerah Klang, Mukim Klang.	650	2017
3.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	24	2018
4.		Gapadu Harta	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	298	2019
5.	MPSJ	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	Taman Puchong Utama, Daerah Petaling.	236	2018

6.		Leo Vista Sdn. Bhd.	Daerah Petaling.	316	2018
7.		Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Mukim Petaling.	120	2018
8.		Basco Sdn. Bhd.	Mukim Petaling, Daerah Petaling.	232	2018
9.		Dr. Nik Zamri Majid	Mukim Petaling.	1,300	2018
10.	MPK	Selaman Sdn. Bhd.	Mukim Klang, Daerah Klang.	84	2016
11.		Sutera Bangsa Sdn. Bhd.	Mukim Kapar Daerah Klang.	548	2018
12.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2017
13.		D-Hill Sdn. Bhd.	Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2019
14.		Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90	2017
15.		Hamzah Bin Abdul Majid	Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	53	2018
16.		Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	628	2018
17.		Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	148	2018

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
18.	MPKj	Avipolitan Development Sdn. Bhd.	Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	183	2018
19.		Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	306	2018
20.		Tanming Management Sdn Bhd	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	144	2018
21.		Savana Tiara Sdn. Bhd.	Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	40	2018

22.		K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Mukim Kajang Daerah Hulu Langat.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2018
23.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28	2017
24.		Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	176	2017
25.		Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	376	2018
26.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Mukim Rawang, Daerah Gombak.	600	2017
27.		Major Land Development Sdn. Bhd.	Bandar Kundang, Daerah Gombak.	488	2016
28.		Alimach Holding Sdn. Bhd.	Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	76	2017
29.		Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. & YKT Lands Sdn. Bhd.	Bandar Kundang, Daerah Gombak.	96	2017
30.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	405	2016
31.		Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	<i>Belum dimuktamadkan</i>	2017

Bil.	PBT	Pemaju / Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Jangkaan Siap
32.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Mukim Hujong Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34	2018
33.		Puncak Alam Resources JV Dengan TM Facilities Sdn. Bhd. (Pemilik Tanah)	Mukim Ijok Dan Mukim Jeram, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	1,034	2016
34.		Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	180	2018
35.	MDKL	TS Development Sdn. Bhd.	Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.	440	2017
JUMLAH				9,786	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : KAWASAN LUAR BANDAR

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan kawasan luar bandar seperti menaiktarafkan infrastruktur umpamanya di kawasan Sungai Pelek ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dari dulu hingga kini memberi tumpuan spesifik kepada Pembangunan Desa tidak kira kepada Kampung Baru, Kampung Tersusun, Kampung Bagan atau Kampung Tradisi. Matlamat Kerajaan Negeri secara amnya adalah untuk meningkatkan pendapatan serta taraf ekonomi penduduk desa. Ini sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup serta merapatkan jurang ekonomi masyarakat bandar dan desa.

Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan khusus tahunan untuk pembangunan infrastruktur kampung Melayu dan kampung tradisi di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan khas untuk kawasan Sungai Pelek. Selain penyediaan peruntukan khusus tersebut, Kerajaan Negeri juga sedia mempertimbangkan permohonan dari semasa ke semasa sekiranya keperluan pelaksanaan projek pembangunan tersebut adalah mendesak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK MEMBERDAYAKAN PUSAT WANITA BERDAYA

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai peruntukan khas untuk memastikan pusat aktiviti wanita dilengkapi dengan operasinya untuk berjalan lancar DAN TIDAK MENGHARAP SUMBER kewangan lain (seperti program PTRS)?
- b) Adakah PWB mempunyai program '*outreach*' kepada wanita marhaen?

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini PWB sedia ada telah dibekalkan dengan peralatan dari Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM15,000.00 di setiap DUN. Walau bagaimanapun, bagi PWB yang aktif, Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM10,000.00 bagi pembelian pertambahan peralatan.

Selain itu, PWB yang ada boleh membuat aktiviti tambahan dengan mendapatkan peruntukan tambahan melalui ADUN Kawasan atau Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri ketika ini dalam proses untuk menambah baik PWB sedia ada yang mana kertas cadangan sedang disediakan bagi memastikan kelancaran PWB sehingga ke akar umbi.

Nota Tambahan:

Ketika ini terdapat 9 PWB yang aktif yang telah menerima peruntukan sebanyak RM25,000.00 untuk peralatan asas.

- b) Pusat aktiviti wanita atau dikenali sebagai PWB yang bergerak aktif tidak disediakan dengan satu peruntukkan khas. Namun demikian, peruntukan ada disediakan, tetapi mengikut keperluan semasa.

PWB sedang dipergiatkan aktiviti-aktiviti di peringkat komuniti dengan penglibatan dari Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita di Peringkat Daerah mahupun PBT. Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti berbentuk tidak berstruktur seperti Kelas Jahitan, Kelas Memasak dan juga Kelas Kraftangan. Selain dari itu, kelas-kelas pengajian agama juga sedang rancak dilaksanakan.

Di bawah PWB tiada lagi penglibatan oleh pihak UNISEL, namun begitu, PWB yang juga di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sedia bekerjasama dengan mana-mana agensi atau Institusi-institusi Pengajian Awam atau Swasta (IPTA atau IPTS) seperti UNISEL sekiranya terdapat cadangan yang diutarakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

**TAJUK : PERANCANGAN MDKS KE ATAS TANAH LAPANG DI HADAPAN RUMAH
MURAH PKNS JALAN KLANG DAN TAMAN SERI PIAI**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Majlis Daerah Kuala Selangor setelah kawasan-kawasan berkenaan dibersihkan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tujuan meningkatkan imej bandar, tapak-tapak yang terlibat akan dilandskapkan bagi mencantikkan kawasan sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 Sri Muda)**

TAJUK : USAHAWAN MELALUI SKIM MIMBAR

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah usahawan yang telah dapat dilahirkan? Nyatakan pecahan mengikut daerah

JAWAPAN:

- a) MIMBAR berperanan untuk memberi pinjaman mikro kepada peniaga kecil di kawasan bandar-bandar di Selangor. Pinjaman MIMBAR memberi kemudahan pinjaman yang mudah kepada peniaga-peniaga kecil bagi mendapatkan pinjaman tambahan modal.

Ini kerana MIMBAR:


- tidak mengenakan birokrasi yang banyak seperti institusi kewangan di luar
- mengelakkan masalah sosial di mana masyarakat yang mencari jalan mudah untuk terjebak dengan peminjam tak berlesen “ah-long”
- membantu mempermudah urusan pinjaman, kelulusan permohonan dan bayaran semula

Kalangan peserta MIMBAR masih belum boleh dikategorikan lagi sebagai usahawan kerana dengan modal dan pulangan margin yang kecil untuk meneruskan kelangsungan berniaga dan hidup, mereka ini dilihat masih bertarung dan berusaha untuk mengubah kehidupan dan pendapatan yang stabil. Dengan bantuan MiMBAR, bukan sahaja memberikan bantuan melalui pinjaman perniagaan akan tetapi turut membantu memberikan pendidikan melalui kursus dan latihan bagi mengembangkan perniagaan di samping meningkatkan pendapatan peserta ini supaya mampu membawa diri dan perniagaan keluar dari industri kecil-kecilan yang menuju ke arah usahawan.

Justeru, sehingga Oktober 2014, MiMBAR telah berjaya membiayai seramai 5,038 orang peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM 10, 495,978. Berikut adalah pembahagian pembiayaan yang diterima mengikut daerah dengan mengambil kira kawasan Dewan Undangan Negeri di bandar sahaja.

DAERAH	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
GOMBAK	1,452	3,125,741
HULU LANGAT	283	536,000
KLANG	1,284	2,605,243
PETALING	1,648	3,429,704
SEPANG	371	799,290
JUMLAH	5,038	10,495,978

Jadual 1: Statistik peserta dan jumlah pembiayaan mengikut daerah



Carta 1: Statistik peserta dalam peratusan mengikut daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan KLIA merupakan pintu antarabangsa Negara, apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan sektor pelancongan di kawasan sekelilingnya?

JAWAPAN:

- a) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) merupakan salah satu hab penerbangan yang terpenting di rantau Asia Tenggara selain Lapangan Terbang Suvarnabhumi di Bangkok, Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong dan Lapangan Terbang Changi Singapura. Lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang utama di Malaysia dan merupakan yang terbesar di negara ini. Ia terletak di daerah Sepang, Selangor dan hampir 50 kilometer jaraknya dari ibu negara, Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Pemandaran Sepang telah merancang beberapa pembangunan baru untuk membangunkan sektor pelancongan di sekelilingnya. Manakala Tourism Selangor pula berperanan untuk mempromosikan tempat pelancongan tersebut.

Terdapat beberapa cadangan pembangunan baru oleh pemaju seperti berikut :

- i. Kompleks Membeli Belah 2 tingkat
- ii. Bandar Aeronautikal atas tanah milik Sime Darby Sdn.bhd.
- iii. Factory Outlet, (Mitsui Factory Outlet) – Kuala Lumpur International Outlet di atas sebahagian Plot 8, di sebahagian Lot 31489 dan sebahagian Lot 6919, Ampar Tenang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : 'CITIZEN JOURNALIST DAN PEMASANGAN 'BILLBOARD'

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah pelaksanaan terhadap cadangan mewujudkan '*citizen journalist*' Selangorkini dan pemasangan dua buah '*billboard*' di setiap kawasan DUN bagi merencanakan program penerangan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Rancangan mewujudkan '*citizen journalist*' yang juga disebut pemberita sambilan atau pemberita daerah dimula pada zaman pentadbiran Tan Sri Khalid Ibrahim tetapi telah tergendala. Beberapa siri kursus kewartawanan secara mingguan telah dilaksanakan selama lebih kurang satu (1) bulan bagi melatih individu yang berpotensi tetapi sambutan masih belum memuaskan. Usaha meneruskan mewujudkan '*citizen journalist*' akan diteruskan dalam masa terdekat bagi memastikan Selangor Kini memiliki Pemberita di segenap pelusuk negeri.

Pemasangan dua (2) unit *billboard* di setiap kawasan DUN telah dilaksanakan di semua PBT yang bertujuan untuk memaparkan iklan berkaitan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan memberi penerangan yang berkesan kepada rakyat mengenai perancangan dan aktiviti Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCORPORATED

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah fungsi dan peranan Menteri Besar Incorporated dalam pentadbiran Menteri Besar sekarang?
- b) Siapakah yang menerajui operasinya dan jumlah gaji yang diterima?
- c) Senaraikan jumlah kakitangan dengan pangkat,kadar gaji serta elaun yang diterima.

JAWAPAN:

- a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ditubuhkan di bawah Enakmen No. 3, Tahun 1994 Negeri Selangor di bawah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 18hb Mei 1994. Antara kegiatan utama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) adalah bertindak sebagai "investment arm" bagi pihak Kerajaan Negeri di mana objektif penubuhannya adalah bagi melaksanakan pengawasan bersepadu yang berkesan ke atas pelaburan yang dibuat bagi pihak Kerajaan Negeri. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) juga berperanan sebagai medium pelaksana bagi agenda Kerajaan Negeri Selangor melalui arahan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor di samping mengambil alih fungsi Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI) sepenuhnya setelah badan itu di "dormankan". Namun fungsi dan peranan di bawah pentadbiran YAB Dato' MB baru masih belum diputuskan.

Buat ketika ini jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi MBI masih lagi belum diisi dan kekosongan ini akan dipenuhi dalam masa terdekat. Segala operasi dan pentadbiran MBI dipantau oleh Lembaga Pengarah MBI yang terdiri daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor selaku Pengerusi, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri.

- c) Sehingga kini jumlah kakitangan MBI adalah seramai dua puluh lima (25) orang. Senarai nama serta butiran maklumat yang diperlukan adalah seperti di Lampiran 1.

LAMPIRAN 1**SENARAI NAMA DAN JAWATAN PENTADBIRAN MBI**

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	PN. IZARINA BINTI ISHAK	SETIAUSAHA SYARIKAT (KUMPULAN) / AKAUNTAN
2.	EN.RASHIDI BIN JONID	PENGURUS AKAUN / AKAUNTAN
3.	PN. NORAL IZLEEN BINTI AHMAD LATFFI	PENGURUS HAL EHWAL TANAH & HARTANAH
4.	EN. AHMAD FUAD BIN NOOR	PENGURUS PROJEK & KEJURUTERAAN
5.	EN. MOHD ZAINU BIN SAAT	PENGURUS AUDIT DALAM & PENGURUSAN RISIKO
6.	PN. MUDIRAH BINTI MUHAMMAD NOR	PENOLONG SETIAUSAHA / AKAUNTAN
7.	CIK SAFANORLAILA BINTI SALEHUDDIN	EKSEKUTIF KANAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
8.	EN. SHARUDIN BIN ISMAIL	EKSEKUTIF KANAN UNDANG-UNDANG
9.	PN. NUR ASYIKIN BIN ARIFIN	EKSEKUTIF KANAN AKAUN
10.	CIK MASLIHA BINTI AHMAD JAJULI	EKSEKUTIF PENGURUSAN ASET
11.	PN. SURIYA SUKMA WIRDANINGSEH BINTI SUDIRMAN	EKSEKUTIF PENGURUSAN ASET
12.	PN. FARAH AZREEN BINTI MISNUN @ HJ. ANUAR	EKSEKUTIF PENGURUSAN ASET
13.	PN. NURUL KHAIRIYYAH BINTI ISMAIL	EKSEKUTIF AKAUN
14.	CIK NURASHIKIN BINTI JAPLUS	PEMBANTU PERIBADI KEPADA KPO MERANGKAP EKSEKUTIF PENTADBIRAN PROJEK
15.	EN. MUHAMMAD AKMAL NAZWAN BIN A AZIZ	EKSEKUTIF PENTADBIRAN (PROJEK KEJURUTERAAN & PENYELENGGARAAN)
16.	PN. HARDIANA BINTI NAIB	EKSEKUTIF PENTADBIRAN
17.	CIK NUR ATIQAH BINTI OSMAN	EKSEKUTIF PENTADBIRAN
18.	PN. SITI ROHANI BINTI MAT WAZIR	PEMBANTU PENTADBIRAN KANAN
19.	EN. SHAHIRU BIN SEMAN	PEMBANTU PENTADBIRAN III (SEKRETARIAT)

20.	EN. MUHAMAD HAIRULRUZI BIN MUHAMAD TERMIDI	PEMBANTU PENTADBIRAN II
21.	EN. HISZAIDI BIN NAIM	PEMANDU SYARIKAT CUM DESPATCH

SENARAI NAMA DAN JAWATAN KHIDMAT SOKONGAN MBI UNTUK PEJABAT YAB DATO' MB

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	TENKU MARAZIYAH BINTI TENKU SULAIMAN	PENGURUS KANAN TUGAS-TUGAS KHAS KEPADA YAB DATO' MB
2.	EN. MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM	SETIAUSAHA POLITIK (TUGAS-TUGAS KHAS) MERANGKAP SETIAUSAHA SULIT KEPADA YAB DATO' MB
3.	EN. AZMAN BIN ABIDIN	SETIAUSAHA POLITIK II (KAW)
4.	MOHD RADZI BIN ABDUL RAZAK	PEGAWAI AKHBAR

Gaji dan elaun adalah satu maklumat yang rahsia serta persendirian untuk didedahkan. Namun pihak YB ADN boleh mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat tersebut sekiranya diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 Ijok)**

TAJUK : LEMBU-LEMBU KORBAN AIDUL ADHA

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa saiz lembu-lembu yang diberi oleh negeri kurus-kurus sahaja?

JAWAPAN:

- a) Pada Jun 2014, PKPS telah membeli lembu jenis "Brahman Cross" dengan anggaran berat minima 220 kg seekor dan dibesarkan/digemukkan dalam masa 3 bulan untuk mencapai berat badan 250 kg. PKPS memohon maaf atas kekurangan dan kesulitan yang timbul akibat daripada beberapa ekor lembu yang tidak mencapai berat 250kg.

Oleh kerana kesesakan di kandang, terdapat beberapa ekor lembu ini tidak dapat makan secara sempurna dan menyebabkan berat minima 250 kg seekor tidak dapat dicapai.

Bagi menangani masalah ini, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan oleh PKPS pada pembekalan yang akan datang:

1. PKPS akan memastikan kesemua lembu yang dibekalkan adalah daripada jenis "Brahman Cross". Lembu-lembu ini akan mula dibawa masuk pada bulan Mac 2015 dengan berat minima 230 kg seekor untuk proses pembesaran/penggemukan.
2. PKPS akan membeli mesin penimbang dan akan menimbang setiap ekor lembu-lembu yang diterima sebelum digemukkan di dalam Ladang PKPS.
3. Pengasingan lembu antara lembu kecil dan lembu besar akan dilaksanakan terlebih dahulu.
4. PKPS akan menimbang sekali lagi setiap ekor lembu-lembu tersebut sebelum diagihkan kepada penerima dan berat lembu akan di "tagging" pada telinga lembu tersebut.
5. PKPS akan mengundang wakil daripada Pejabat Menteri Besar atau Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menyaksikan proses penimbangan lembu tersebut dimana ianya akan dilaksanakan 4-5 hari sebelum penghantaran.

6. PKPS akan melantik pakar pemakanan dan seorang Dr. Veterinar dalam memastikan pemakanan dan kesihatan lembu-lembu tersebut dipantau dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PELABURAN DALAM NEGERI

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kedudukan pelaburan dalam negeri mengikut kawasan DUN masing-masing.
- b) Nyatakan sasaran pelaburan bagi tahun 2015 dan perancangan Kerajaan untuk mencapai sasaran tersebut.

JAWAPAN:

- a) Nyatakan kedudukan pelaburan dalam negeri mengikut kawasan DUN masing-masing. Secara dasarnya, maklumat pelaburan yang disediakan adalah maklumat pecahan pelaburan mengikut daerah dan tiada mengikut kawasan DUN

Bagi tempoh Januari hingga Julai 2014, Sebanyak 153 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 4.588 bilion. Dari jumlah ini sebanyak RM 2.71 bilion daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 1.88 daripada pelaburan asing. Pecahan pelaburan mengikut kawasan dan daerah seperti berikut:-

Lokasi / Daerah	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling					
Sungai Way FTZ / Seri Setia FTZ	1	9	0	1,627,000	1,627,000
Seri Kembangan IE					0
Petaling Jaya	10	356	53,592,152	29,923,008	83,515,160
Puchong	11	227	151,565,288	320,481	151,885,769
Sungai Buloh Kuala Lumpur	3	107	18,259,000	0	18,259,000
Seri Kembangan / Serdang	5	263	124,828,811	14,401,474	139,230,285
Serdang					0
Shah Alam Sect. 23 IE					0

Lokasi / Daerah	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Subang Hi-Tech Ind. Park	1	36	0	11,494,000	11,494,000
Shah Alam Sect. 16 IE	1	45	41,728,090	65,321,910	107,050,000
Batu Tiga	1	4	370,000	0	370,000
Damansara	1	20	8,387,000	0	8,387,000
Paya Jaras					0
Shah Alam Ph. IX (MIEL)					0
Subang	3	176	1,002,000	33,875,486	34,877,486
Hicom Valley	3	655	13,041,452	31,670,396	44,711,848
Berjaya Industrial Park					0
Shah Alam	24	2,226	512,048,773	303,070,981	815,119,754
Jumlah	64	4,124	924,822,566	491,704,736	1,416,527,302
Klang					
Klang	19	1,709	378,507,419	44,791,418	423,298,837
Pelabuhan Klang	6	370	174,983,383	189,276,541	364,259,924
Pandamaran IE	3	127	10,302,000	18,960,400	29,262,400
Pandamaran	1	10	857,490	0	857,490
Selat Kelang Utara IE					0
Rantau Panjang Kelang					0
Kapar	4	203	15,240,000	112,742,872	127,982,872
Bukit Rajah IE	1	17	330,072,000	9,928,000	340,000,000
Pulau Lumut / Pulau Indah	8	681	108,270,098	651,378,158	759,648,256
Taiwan Industrial Park (SKU) IE					0
Jumlah	42	3,117	1,018,232,390	1,027,077,389	2,045,309,779
Kuala Selangor					
Kuala Selangor	1	29	5,586,456	0	5,586,456
Jeram					0
Tanjung Karang	1	50	6,300,000	0	6,300,000
Batang Berjuntai / Bestari Jaya					0
Sungai Buloh Kuala Selangor	2	94	107,179,219	0	107,179,219
Jumlah	4	173	119,065,675	0	119,065,675

Lokasi / Daerah	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Hulu Langat					
Bangi IE (Ph. 1 & Ph. 2)					0
Hulu Langat					0
Cheras Jaya IE / Inch Kenneth / Balakong					0
Balakong IE	2	202	16,572,808	0	16,572,808
Bangi	4	159	50,091,890	0	50,091,890
Kajang	2	174	43,379,720	140,280	43,520,000
Beranang	1	24	19,850,000	0	19,850,000
Cheras					0
Beranang IE	1	26	0	9,948,260	9,948,260
Balakong	2	75	12,000,000	13,961,813	25,961,813
Semenyih	4	312	46,878,267	0	46,878,267
Jumlah	16	972	188,772,685	24,050,353	212,823,038
Gombak					
Batu Caves	1	30	4,000,000	0	4,000,000
Batu Caves IE	1	6	3,965,000	0	3,965,000
Gombak					0
Selayang					0
Ampang Hulu Klang FTZ					0
Ampang Hulu Klang IE					0
Batu Arang					0
Rawang IE	2	96	25,880,000	7,056,000	32,936,000
Rawang Batu 16					0
Rawang	5	234	90,403,326	25,158,721	115,562,047
Jumlah	9	366	124,248,326	32,214,721	156,463,047
Kuala Langat					
Telok Panglima Garang FTZ					0
Banting					0
Olak Lempit - Kuala Langat	1	65	4,000,000	0	4,000,000
Telok Panglima Garang IE	1	8	32,291,893	32,291,893	64,583,786
Banting IE					0

Lokasi / Daerah	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Jenjarom	1	182	27,000,000	18,000,000	45,000,000
Kuala Langat					0
Tanjung Sepat					0
Telok Panglima Garang	1	41	0	8,385,600	8,385,600
Pulau Carey					0
Jumlah	4	296	63,291,893	58,677,493	121,969,386
Hulu Selangor					
Sungai Choh Rawang-Hulu Selangor	2	142	18,261,726	120,919,650	139,181,376
Batang Kali					0
Kelumpang Ulu Selangor	1	54	3,212,607	0	3,212,607
Serendah	2	101	88,976,790	1,968,910	90,945,700
Batang Kali Ph. II (MIEL)					0
Kerling					0
Rasah	2	38	21,686,081	7,228,694	28,914,775
Kuala Kubu Bharu	1	3	8,050,000	0	8,050,000
Jumlah	8	338	140,187,204	130,117,254	270,304,458
Selangor					
Selangor	2	185	103,990,481	117,260,987	221,251,468
Dengkil					0
Selangor Science Park II					0
Pulau Merantai					0
Jumlah	2	185	103,990,481	117,260,987	221,251,468
Sabak Bernam					
Sekinchan					0
Sabak Bernam					0
Sungai Besar					0
Jumlah	0	0	0	0	0
Lain-Lain Kawasan	4	88	24,380,000	0	24,380,000
Jumlah Keseluruhan	153	9,659	2,706,991,220	1,881,102,933	4,588,094,153

Sumber : MIDA

- b) Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri mensasarkan pelaburan sebanyak RM 8 bilion. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri melalui SSIC akan melaksanakan beberapa program promosi seperti;-
- a. Misi pelaburan ke luar negara.
 - b. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
 - c. Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
 - d. Program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
 - e. Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : KERJA-KERJA HARTANAH DI HULU LANGAT

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan tanah pertanian yang telah ditukar status menjadi kawasan lot perumahan di Hulu Langat mengikut tahun 2010 hingga 2014?
- b) Apakah bentuk kawalan ke atas projek pembangunan hartanah bagi mengelak : berlaku banjir lumpur; tanah runtuh; dan penipuan terhadap pembeli.

JAWAPAN:

- a) Keluasan tanah pertanian yang telah ditukar status tanah menjadi kawasan lot perumahan di Hulu Langat daripada tahun 2010 hingga tahun 2014 ialah 1,112.840 hektar.
- b) Segala pengawalan dan pencegahan amat dititikberatkan oleh pihak PBT sebelum sesuatu kelulusan projek atau pembangunan dibuat. Pihak PBT akan mensyaratkan pihak pemaju dan kontraktor supaya mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan sesuatu kerja terutamanya yang melibatkan kerja-kerja tanah. Sekiranya pihak pemaju didapati gagal dan tidak mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan maka pihak PBT akan melaksanakan tindakan berlandaskan undang- undang yang digunapakai secara berperingkat seperti pengeluaran notis, kompaun dan mengarahkan pemberhentian kerja serta merta.

Kawalan ke atas kes penipuan terhadap pembeli, Pejabat Daerah/ Tanah menasihatkan agar pembeli membuat laporan polis dan memasukkan kaveat persendirian atau kaveat pendaftar bagi mengelakkan transaksi berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : PENGURUSAN SUMBER ALAM

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan kerajaan bagi portfolio Pengurusan Sumber Alam tahun 2015?
- b) Bagaimanakah pencapaian portfolio ini di tahun 2014?
- c) Apakah status pengurusan sumber alam negeri kini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan dasar dan perancangan portfolio Pengurusan Sumber Alam bagi tahun 2015 seperti berikut:-
 - i) Cadangan Penambahan Pendapatan Hasil Negeri Bagi Bahan Batuan Menerusi Kaedah *Profit Sharing Concept (PSC)*;
 - ii) Kenaikan Kadar Royalti Bagi Bahan Batuan Granite;
 - iii) Kajian Pelaksanaan Deposit / Caruman Pemulihan Tanah Yang Terlibat Dalam Aktiviti Perkuarian Yang Telah Diluluskan Secara Dasar Dalam Majlis Tanah Negara Ke-70; dan
 - iv) Kajian Semula Enakmen Mineral (Selangor) 2000 Bagi Menambahbaik Perundangan Sedia Ada Dalam Pengeluaran Mineral Di Dalam Negeri Selangor.

Kesemua perancangan ini adalah bertujuan bagi meningkatkan pulangan kepada Kerajaan Negeri serta dirangka agar setiap pengeluaran sumber alam ini dapat dilaksanakan secara majir dan mapan.

Perancangan ini akan dimuktamadkan melalui Retreat Tahunan EXCO yang dijangka akan diadakan pada awal tahun 2015.

- b) Pencapaian Jawatankuasa Tetap Pengurusan Sumber Alam setiap bagi tahun 2014 adalah seperti di **Lampiran A**.

- c) Sehingga kini, Portfllo Pengurusan Sumber Alam Negeri Selangor adalah memuaskan di mana setiap hasil sumber alam seperti contoh bahan batuan dimaksimakan pulangan hasilnya kepada Negeri Selangor melalui bayaran royalti sebanyak **RM 34 juta** (sehingga 21 November 2014).

KRA & KPI bagi Jawatankuasa Tetap : PENGURUSAN SUMBER ALAM
Pengerusi Jawatankuasa & Pemilik KPI : YAB. TN. MUHAMMAD AZMIN BIN ALI

Portfolio	Teras KNS	KRA	Objektif	KPI	Sasaran	Pencapaian
PENGURUSAN SUMBER ALAM	Menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah	Pengurusan sumber alam yang mapan dan holistik	Mentadbir urus industri pasir dari aspek penawaran dan permintaan	% pengeluaran pasir / bulan.	20% daripada permintaan pasir di Lembah Klang.	50% - pengeluaran KSSB 50% - dari Negeri bersempadan
			Melaksanakan perancangan bersepadu guna tanah bagi mengelakkan kemajiran sumber	% kelulusan bahan batuan dan mineral	100%	90% - kelulusan 10 % - tidak menepati syarat-syarat kelulusan.
			Melaksanakan langkah-langkah kawal selia dan kawal selia sendiri dalam Pengurusan Alam Sekitar	% laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar / Audit	100% (mengikut permohonan yang diterima)	90% - mendapat kelulusan EIA / EMP 10% - masih dalam tindakan kelulusan.
			Memperuntukan lebih banyak kawasan bagi penjelajahan dan pembangunan perlombongan	% keluasan kawasan perlombongan	50% daripada keluasan berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh JMG	Tiada

KRA & KPI bagi Jawatankuasa Tetap : PENGURUSAN SUMBER ALAM
Pengerusi Jawatankuasa & Pemilik KPI : YAB. TN. MUHAMMAD AZMIN BIN ALI

Portfolio	Teras KNS	KRA	Objektif	KPI	Sasaran	Pencapaian
PENGURUSAN SUMBER ALAM	Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan	Pengagihan semula hasil sumber alam untuk kegunaan dan kebajikan rakyat	Meningkatkan kutipan hasil melalui bayaran royalti bahan batuan dan mineral	% royalti yang di kutip.	100%	RM 33,938,085.32 [kutipan royalti bagi tahun 2014] <small>* maklumat dikemaskini sehingga [21/11/2014]</small> RM 38,545,442.00 [kutipan royalti bagi tahun 2013]
			Memantau kutipan royalti Pejabat Tanah Daerah	Bilangan laporan kutipan royalti (dikemukakan oleh PTD)	12 kali	11 kali

KRA & KPI bagi Jawatankuasa Tetap : PENGURUSAN SUMBER ALAM
Pengerusi Jawatankuasa & Pemilik KPI : YAB. TN. MUHAMMAD AZMIN BIN ALI

Portfolio	Teras KNS	KRA	Objektif	KPI	Sasaran	Pencapaian
PENGURUSAN SUMBER ALAM	Menambahbaik Tadbir Urus	Pelaksanaan perundangan bahan batuan dan mineral yang seragam secara efisien, berkesan dan telus.	Menjalankan penguatkuasaan undang-undang mengikut peruntukan di dalam KTN	Bilangan rondaan / pemantauan	365 kali (setiap hari)	100%
				Bilangan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426 KTN	12 kali / tahun	8 kali
				Bilangan kompaun yang dikeluarkan	4 kompaun / bulan	33
				Bilangan kes pendakwaan	12 kes / tahun	Tiada
				% Notis 7A dikeluarkan	100% notis dikeluarkan kepada tuan tanah.	100%
			Menyelesaikan aduan yang diterima	% siasatan yang dilakukan	100% aduan diselesaikan	100%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : AGENDA PEMBERDAYAAN WANITA

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kedudukan terkini peruntukan RM1.3 juta dalam Belanjawan 2014 untuk Agenda Pemberdayaan Wanita
- b) Apakah penggunaan dana rizab negeri yang diperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk pelaksanaan program Menjana & Meningkatkan Pendapatan Wanita?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Belanjawan Tahun 2014 adalah hanya sebanyak RM1juta sahaja, manakala RM1.3 juta yang dimaksudkan oleh YB adalah peruntukkan yang dibelanjakan untuk PWB dari tempoh Jun 2012 sehingga Mac 2013 melalui Geran Selangorku yang dibiayai oleh MBI. Sejumlah RM700,000.00 telah dibelanjakan untuk penubuhan PWB bagi 35 DUN, manakala RM630,000.00 adalah bagi tujuan pengembangan PWB di setiap DUN yang sudah beroperasi.
- b) Buat masa kini, penggunaan Dana Rizab Negeri yang diperuntukkan sebanyak RM30 juta, masih belum digunakan. Dana ini untuk digunakan sepanjang penggal ini (5 tahun) untuk dimanfaatkan bagi pelaksanaan program-program wanita. Pelbagai program di bawah jawatankuasa Wanita akan dilaksanakan melalui PWB bagi memberdayakan wanita-wanita di negeri Selangor. Melalui dana inilah, kita akan melestarikan program-program wanita di bawah PWB bermula pada tahun hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : KEMUDAHAN WIFI PERCUMA

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menambahkan lokasi kemudahan WIFI percuma selain daripada 112 lokasi melalui peruntukan Geran Selangorku? Jika tidak, nyatakan sebabnya
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk WIFI Selangorku pada tahun 2013 dan tahun 2014

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini tiada penambahan lokasi WiFi Selangorku dibuat, cuma perubahan lokasi WiFi Selangorku telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap penggunaan internet percuma ini kepada lokasi yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi. Seperti yang sedia maklum Geran Selangorku tidak lagi membiayai dan mengeluarkan dana untuk program-program seperti WiFi Selangorku ini untuk tujuan perluasan.

Namun begitu beberapa usaha sedang dijalankan dengan mengadakan perbincangan bersama pihak penyedia rangkaian internet bagi membolehkan perluasan capaian perkhidmatan internet ke seluruh negeri Selangor. Hasil perbincangan ini nanti akan di bentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor.

- b) Peruntukan yang disalurkan bagi menyediakan kemudahan WiFi Selangorku ini adalah sebanyak RM 2,747,959.86 yang melibatkan sewaan kemudahan internet sebanyak 112 lokasi selama 2 tahun di seluruh negeri Selangor. Peruntukan ini dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI) menerusi Geran Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : MASALAH PELANTIKAN KONTRAKTOR PEMBINAAN KELAS F RUMAH
PPRT DI DAERAH PETALING**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan terhadap kontraktor-kontraktor daerah ini yang enggan membantu kerajaan negeri untuk menyiapkan rumah pprt yang telah diluluskan?
- b) Apakah kerajaan negeri akan menyemak semula harga pembinaan rumah PPRT?
- c) Apakah pihak kerajaan negeri bersedia melantik kontraktor dari luar daerah Petaling?

JAWAPAN:

- a) Sehingga hari ini, tiada aduan yang dikemukakan berkenaan kontraktor yang enggan membantu Kerajaan Negeri bagi menyiapkan rumah bina baru di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Sekiranya perkara ini berlaku, Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk menyenarai hitamkan kontraktor tersebut dari menggunakan perkhidmatan mereka di masa akan datang.
- b) Kerajaan Negeri masih dalam kajian dan semakan semula berkenaan harga pembinaan rumah di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.
- c) Kerja-kerja melantik kontraktor adalah terletak di bawah Pentadbiran Pejabat Daerah. Namun begitu, kelulusan bagi sesebuah rumah untuk dibina baru dan dibaikpulih pula adalah di bawah kuasa Portfolio Kerajaan Prihatin.

Apa yang difahamkan, proses buka tender yang dijalankan oleh Pejabat Daerah dibuka untuk kontraktor daerah berkenaan sahaja dengan tujuan untuk memberi peluang kepada kontraktor tempatan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih di peringkat perbincangan untuk melantik kontraktor dari luar daerah Petaling. Sekiranya dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), perkara ini akan diperluaskan lagi ke daerah-daerah yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : MANFAAT CARUMAN TAKAFUL BERNILAI RM2500

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik bilangan warga emas, orang kurang upaya dan anak yatim yang telah menerima manfaat ini dari tahun 2008 hingga 2014.
- b) Apakah mekanisme kerajaan untuk memastikan seluruh rakyat Negeri Selangor yang layak menerima caruman ini?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 31hb Oktober 2014, sejumlah 231,941 orang Warga Emas telah berjaya didaftarkan ke dalam Skim Mesra Usia Emas. Sejumlah 5,000 orang kelainan upaya juga telah berjaya didaftarkan ke dalam skim ini. Sementara anak-anak yatim pula tidak termasuk ke dalam golongan yang layak untuk didaftarkan ke dalam skim ini.
- b) Kerajaan negeri telah berusaha untuk memastikan setiap rakyat Negeri Selangor yang layak dapat didaftarkan ke dalam skim ini. Pelbagai saluran telah digunakan bagi tujuan tersebut.

Selain pelbagai program taklimat, penerangan, pameran dan pendaftaran yang telah dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan, Pejabat Daerah/Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah turut memainkan peranan mempromosikan program-program MES. Bukan sahaja PDT dan PBT turut menyediakan ruang dan booth pameran serta pendaftaran khusus berkaitan program-program MES, malahan rakyat juga boleh membuat pendaftaran di sana.

Peranan semua Penghulu, Ketua Kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Ahli-ahli Majlis juga tidak kurang pentingnya dalam membantu menyampaikan maklumat yang berkaitan. Ahli-ahli Dewan Negeri juga senantiasa dari semasa ke semasa secara berterusan akan turut serta membantu menyampaikan maklumat berkaitan di kawasan masing-masing dalam setiap ruang dan peluang yang ada.

Dalam masa yang sama, radio dan TV Web Selangor senantiasa digunakan sepenuhnya untuk mewar-warkan program MES dan menyampaikan maklumat terkini dan berkaitan. Malahan, saluran radio swasta juga turut digunakan bagi menyampaikan maklumat seperti iklan program-program MES dalam Sinar FM pada waktu puncak iaitu pada sebelah pagi dan petang bilamana ramai pendengar

akan disalurkan maklumat yang berkaitan secara berulang-ulang sepanjang perjalanan mereka ke tempat kerja dan pulang ke rumah.

Maklumat serta aktiviti berkaitan program MES juga disampaikan secara tetap melalui akhbar SelangorKini, Portal Merakyatkan Ekonomi Selangor, portal-portal rasmi kerajaan dan agensinya serta edaran-edaran kerajaan yang lain dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaiannya.

Tindakan proaktif juga telah dilakukan oleh agensi yang berkaitan dengan melakukan lawatan dan turun padang. Kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan termasuk persatuan penduduk, rumah-rumah kebajikan dan rumah-rumah ibadat juga sering dilakukan bagi memastikan rakyat di lokaliti-lokaliti sasaran mendapat maklumat dan boleh didaftarkan jika sekiranya mereka layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Lawatan ke rumah orang tua-tua sebagai contoh, telah banyak memudahkan urusan mereka yang layak untuk mendaftar sebagai ahli skim ini. Begitu juga lawatan ke pusat-pusat jagaan orang-orang kelainan upaya juga telah banyak membantu memudahkan urusan pendaftaran dilakukan dengan sebaiknya. Dengan cara ini, kekangan yang mereka hadapi seperti kesukaran untuk bergerak dan masalah-masalah logistik lain untuk berurusan dengan pusat-pusat pendaftaran telah sedikit sebanyak dapat diatasi dan dipermudahkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR : HADIAH KE IPT

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Syarat kelayakan untuk permohonan hadiah IPT adalah jelas. Namun, ada kes-kes permohonan yang ditolak kerana anak menuntut di sekolah-sekolah berasrama di luar Selangor. Kenapa dan berapakah bilangan kes seumpama itu yang telah ditolak permohonannya?

JAWAPAN:

- a) Kes seumpama ini ditolak apabila pemohon tidak memenuhi syarat kedua dalam dasar untuk kelayakan permohonan HPIPT iaitu:
- a. Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - i) Pemohon lahir di negeri Selangor; atau
 - ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di negeri Selangor; atau
 - iii) Pemohon tidak lahir di negeri Selangor tetapi telah MENETAP dan BERSEKOLAH di Negeri Selangor melebihi tempoh 11 tahun.

Dalam kes-kes tersebut, urus setia mendapati bahawa pemohon dan ibu bapa tidak lahir di Selangor tetapi telah bermastautin melebihi tempoh 11 tahun. Namun begitu, pemohon tidak bersekolah di Selangor selama tempoh tersebut.

Contoh: Pemohon dan ibu bapa lahir di luar Selangor tetapi telah bermastautin di Selangor. Pelajar menuntut di sekolah rendah di negeri Selangor tetapi menyambung persekolahan peringkat menengah di sekolah di luar Selangor. Oleh itu, pelajar tidak memenuhi syarat 2(i), (ii) atau (iii) dasar HPIPT.

Sistem yang diguna pakai sekarang tidak dapat menjana bilangan kes. Walau bagaimanapun, sistem yang sedang dibangunkan akan dapat memenuhi keperluan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS UNTUK 2014

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan negeri untuk tahun 2014?
- b) Berapakah yang telah dibelanja untuk kerja penyelenggaraan dari Januari 2014 sehingga sekarang?
- c) Apakah peratus perbelanjaan? Sila jelaskan prestasi perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS yang diterima bagi tahun 2014 sehingga 30 November 2014 adalah berjumlah **RM475,620,745.75** dan perincian terimaan peruntukan adalah seperti berikut:

BULAN	JUMLAH TERIMAAN PERUNTUKAN MARRIS (RM)
Januari	41,502,833.00
Februari	41,502,833.00
Mac	41,502,833.00
April	41,502,833.00
Mei	41,502,833.00
Jun	41,502,833.00
Julai	41,502,833.00
Ogos	41,502,833.00
September	47,866,027.25

BULAN	JUMLAH TERIMAAN PERUNTUKAN MARRIS (RM)
Oktober	47,866,027.25
November	47,866,027.25
JUMLAH	475,620,745.75

- b) Berikut merupakan jumlah perbelanjaan untuk kerja penyelenggaraan dari Januari 2014 sehingga 7 November 2014 :-

Bil	Agensi	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	384,142,110.97	271,145,701.52	70.95%
2	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	11,800,000.00	3,705,451.08	31.40%
3	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR)	156,000,000.00	53,465,021.78	34.27%
4	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)	4,000,000.00	2,129,151.50	53.23%
Jumlah Keseluruhan		555,942,110.97	330,445,325.88	

- c) Rekod perbelanjaan di atas adalah berdasarkan tuntutan jabatan / agensi yang dikemukakan bersama-sama salinan Surat Setuju Terima (SST). Pada asasnya, kesemua agensi pelaksana telah melaksanakan proses perolehan di jabatan masing-masing mengikut siling peruntukan yang telah diluluskan.

Justeru, tuntutan dijangka dibuat secara berterusan sehingga hujung tahun 2014. Prestasi tuntutan yang lemah oleh Jabatan Kerja Raya Selangor (JKR) disebabkan oleh proses pengukuran semula kuantiti akhir di tapak. Dalam masa sama, prestasi perbelanjaan juga dipengaruhi oleh dasar perolehan semasa iaitu harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal yang mana kebiasaannya mewujudkan penjimatan peruntukan pada kadar 20% hingga 30%.

Agensi pelaksana perlu mengemukakan semula senarai projek dan mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal serta Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir MARRIS bagi menggunakan baki penjimatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : USAHAWAN

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah kos yang telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan sepanjang 2012 - 2014?
- b) Berapakah bilangan usahawan baru yang telah berjaya dilahirkan sepanjang May 2012 - September 2014?
- c) Apakah kriteria utama dalam memilih usahawan untuk dibantu oleh kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan sepanjang 2012-2014 adalah sebanyak RM86,438,792.04. Perincian pecahan perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Anggaran bilangan usahawan baru yang telah berjaya dilahirkan (berdaftar) sepanjang Mei 2012 hingga September 2014 adalah seramai 8144 orang.
- c) Setiap bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kriteria-kriteria pemilihan tersendiri. Diantara kriteria utama dalam memilih usahawan untuk dibantu adalah seperti berikut:-
 - i. Pemohon adalah anak kelahiran / telah bermastautin lebih dari 10 tahun di Selangor;
 - ii. Aktiviti perniagaan tidak melanggar peraturan undang-undang;
 - iii. Pemohon hendaklah memenuhi had umur yang ditetapkan;
 - iv. Mempunyai perusahaan yang telah berdaftar dengan SSM dan sedang beroperasi;
 - v. Premis yang tetap dan beroperasi di Selangor;
 - vi. Bantuan diberikan berdasarkan pendapatan tahunan sesebuah perusahaan;
 - vii. Memiliki Lesen/Permit Perniagaan daripada PBT di Selangor; dan
 - viii. Merupakan ahli berdaftar/usahawan bimbingan dalam mana-mana agensi yang dimohon.

LAMPIRAN 1

JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN / AGENSI

BIL	JABATAN / AGENSI	2012 (RM)		2013 (RM)		2014 (RM)	
		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
1.	UPEN SELANGOR	2,050,000.00	1,324,179.71	2,200,000.00	1,552,007.00	2,200,000.00	678,312.00
2.	JAB. PER. VETERINAR	460,000.00	457,121.00	215,000.00	197,620.20	1,450,000.00	1,450,000.00
3.	PERTANIAN	2,050,000.00	2,036,721.66	1,206,033.00	1,249,549.79	1,208,046.00	792,867.68
4.	KDEB		141,857.00		159,393.00		1,096,850.00
5.	PKNS	2,552,400.00	2,589,560.00	2,557,400.00	2,595,210.00	3,893,000.00	2,285,200.00
6.	MIMBAR						
7.	SKIMSEL	4,000,000	26,431,500.00	4,966,600	19,599,950.00	2,000,000	21,942,750.00
JUMLAH		11,112,400.00	32,839,082.37	11,145,033.00	25,353,729.99	10,751,046.00	28,245,979.68

Peruntukan. RM33,008,479.00

Perbelanjaan RM86,438,792.04

Bilangan usahawan baru Jabatan/agensi

BIL	JABATAN / AGENSI	Bilangan usahawan
1.	UPEN SELANGOR	615
2.	JAB. PER. VETERINAR	4
3.	PERTANIAN	873
4.	KDEB	446
5.	PKNS	2210
6.	MIMBAR	254
7.	SKIMSEL	6398
TOTAL		8144

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : GERAI TEPI JALAN

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah tahap keselamatan penjaja di tepi jalan ini?
- b) Adakah PBT memantau gerai-gerai ini dan apakah nasihat yang diberikan kepada mereka?
- c) Adakah PBT mengambil tindakan kepada peniaga yang bukan warganegara Malaysia dan sejauh mana penguatkuasaan lesen perniagaan di titik-beratkan?

JAWAPAN:

- a) Penjaja di tepi jalan mempunyai tahap risiko keselamatan yang tinggi dan boleh membahayakan pengunjung dan peniaga. Kebanyakan penjaja di tepi jalan ini merupakan penjaja yang tidak memiliki permit penjaja sementara yang di keluarkan oleh pihak majlis. Kelulusan tidak diberikan kerana PBT amat menitikberatkan tahap keselamatan terutamanya penjaja di tepi jalan sama ada keselamatan peniaga mahupun keselamatan orang awam. Oleh itu, sebelum permohonan diluluskan, PBT akan mengenalpasti kesesuaian lokasi sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan permit.
- b) PBT sering memantau gerai-gerai yang berada di dalam kawasan pentadbirannya dengan mengenakan tindakan notis, kompaun dan sitaan kepada mana-mana penjaja yang gagal mematuhi syarat-syarat PBT seperti yang terkandung di dalam undang-undang kecil penjaja 2007. PBT juga sentiasa menasihatkan agar berpindah ke lokasi yang sesuai dan selamat.
- c) PBT sentiasa menitikberatkan penguatkuasaan terhadap peniaga warga asing yang mengusahakan gerai haram. Antara tindakan yang boleh diambil ialah:-
 - i. PBT mengadakan operasi bersepadu di antara PBT, Pejabat Daerah Tanah dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi mengambil tindakan pencerobohan peniaga warga asing yang mengusahakan premis-premis haram contohnya di Jalan Teratai Meru serta Gerai Haram di Bandar Sultan Suleiman , Pelabuhan Klang;
 - ii. Tindakan sitaan ke atas peralatan perniagaan peniaga tersebut sekiranya terbukti; dan

- iii. Tindakan perobohan dilakukan sekiranya mereka berniaga di gerai atau struktur yang didirikan tanpa kebenaran PBT.
- iv. Tindakan kepada pengusaha gerai yang menyewakan gerai mereka kepada warga asing ialah sekiranya terbukti, pengusaha akan dikenakan kompaun oleh PBT dan permit akan dibatalkan serta akan menyita premis dan peralatan perniagaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

**TAJUK : KEMISKINAN BANDAR BEGITU KETARA ANTARA PENDAPATAN
GOLONGAN ORANG KAYA DAN MISKIN**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk memperbaiki jurang pendapatan ini.
- b) Senaraikan program-program yang telah dan sedang dilaksanakan.
- c) Berapa ramai penerima bantuan mengikut kaum di Negeri Selangor

JAWAPAN:

- a) Dan b)

Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan memfokuskan kepada program yang berupaya menjana pendapatan serta memberi kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup yang semakin meningkat. Pelbagai rancangan dan program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dalam menangani dan membasmi kemiskinan di samping meningkatkan taraf hidup bagi golongan berpendapatan rendah. Antaranya adalah Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS, Program Pemberian Baucar sempena Perayaan dan Program *Back to School*. Walau bagaimanapun, usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan dan mengecilkan jurang pendapatan ini juga turut memerlukan penglibatan dan kerjasama strategik daripada pelbagai sektor swasta dan masyarakat setempat selaras dengan agenda pembangunan yang dirancang secara menyeluruh.

- c)
 - i. **Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Sehingga 10 November 2014, kaum Melayu mencatatkan penerima bantuan seramai 1,749 orang (86.97%), manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 197 orang (9.80%) dan 65 orang (3.23%). Statistik penerima bantuan Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan di negeri Selangor adalah seperti di **JADUAL 2**.

ii. **Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS**

Sehingga 10 November 2014, kaum Melayu mencatatkan penerima bantuan seramai 1,315 orang (64.49%), manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 570 (28.15%) dan 140 orang (6.91%). Statistik penerima bantuan Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS di negeri Selangor adalah seperti di **JADUAL 3**.

iii. **Program Pemberian Baucer sempena Perayaan**

Sehingga 10 November 2014, kaum Melayu mencatatkan penerima bantuan seramai 1,233,424 orang (78.82%), manakala kaum India dan Cina masing-masing mencatatkan seramai 189,325 (12.10%) dan 142,026 orang (9.08%). Statistik jumlah penerima bantuan Program Pemberian Baucer sempena Perayaan di negeri Selangor adalah seperti di **JADUAL 4**.

iv. **Program *Back to School***

Sehingga Januari 2013, penerima bantuan adalah seramai 577,200 orang. Statistik jumlah penerima bantuan Program *Back to School* di negeri Selangor adalah seperti di **JADUAL 5**.

JADUAL 2:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PELAJAR MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	179	90.86%	7	3.55%	11	5.59%	197
2.	2009	322	96.41%	2	0.60%	10	2.99%	334
3.	2010	209	85.31%	4	1.63%	32	13.06%	245
4.	2011	295	83.57%	12	3.40%	46	13.03%	353
5.	2012	227	90.08%	4	1.59%	21	8.33%	252
6.	2013	155	83.33%	-	-	31	16.67%	186
7.	2014	362	81.53%	36	8.11%	46	10.36%	444
JUMLAH		1,749	86.97%	65	3.23%	197	9.80%	2,011

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2008			TAHUN 2009			TAHUN 2010		
		MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA
1.	Petaling	2	0	0	2	-	-	40	3	1
2.	Klang	1	1	0	-	3	-	33	8	
3.	Gombak	10	2	0	21	2	-	-	-	-
4.	Hulu Langat	2	0	0	-	-	-	40	3	-
5.	Kuala Langat	8	1	2	57	1	-	45	1	3
6.	Sepang	4	0	0	2	-	-	25	3	-
7.	Hulu Selangor	46	3	2	23	-	-	26	4	-
8.	Kuala Selangor	13	2	1	9	4	-	-	10	-
9.	Sabak Bernam	93	2	2	208	-	2	-	-	-
JUMLAH		179	11	7	322	10	2	209	32	4
PERATUS (%)		90.87%	5.58%	3.55%	96.41%	2.99%	0.60%	85.31%	13.06%	1.63%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2011			TAHUN 2012			TAHUN 2013			TAHUN 2014		
		MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA	MELAYU	INDIA	CINA
1.	Petaling	-	-	-	47	1	-	-	-	-	34	-	-
2.	Klang	33	25	-	-	-	-	121	29	-	33	9	1
3.	Gombak	36	2	-	-	-	-	34	2	-	36	1	-
4.	Hulu Langat	-	-	-	18	3	-	-	-	-	30	2	-
5.	Kuala Langat	81	3	5	-	-	-	-	-	-	112	29	32
6.	Sepang	-	-	-	19	6	2	-	-	-	36	6	3
7.	Hulu Selangor	38	7	2	41	4	1	-	-	-	40	2	1
8.	Kuala Selangor	34	9	4	52	7	1	-	-	-	65	2	1
9.	Sabak Bernam	73	-	1	50	-	-	-	-	-	46	1	1
JUMLAH		295	46	12	227	21	4	155	31	-	362	46	36
PERATUS (%)		83.57%	13.03%	3.40%	90.08%	8.33%	1.59%	83.33%	16.67%	0%	81.53%	10.36%	8.11%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 3:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM TAJAAN KEMAHIRAN TEKNIKAL MELALUI KOLEJ ANTARABANGSA INPENS
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PELAJAR MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	189	100%	-	0%	-	0%	189
2.	2009	231	100%	-	0%	-	0%	231
3.	2010	195	47.56%	40	9.76%	175	42.68%	410
4.	2011	160	46.51%	39	11.34%	145	42.15%	344
5.	2012	217	61.13%	32	9.01%	106	29.86%	355
6.	2013	190	60.13%	24	7.59%	102	32.28%	316
7.	2014	292	70.53%	17	4.11%	105	25.36%	414
JUMLAH		1,315 orang	64.94%	140 orang	6.91%	570 orang	28.15%	2,259 orang

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 4:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM PEMBERIAN BAUCER SEMPENA PERAYAAN
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PELAJAR MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	39,200	33.33%	39,200	33.33%	39,200	33.33%	117,600
2.	2009	-	-	-	-	-	-	-
3.	2010	39,200	33.33%	39,200	33.33%	39,200	33.33%	117,600
4.	2011	560,000	93.46%	-	-	39,200	6.54%	599,200
5.	2012	560,000	87.72%	39,200	6.14%	39,200	6.14%	638,400
6.	2013	22,292	40.45%	16,800	30.49%	16,012	29.06%	55,104
7.	2014	12,732	34.53%	7,626	20.68%	16,513	44.79%	36,871
JUMLAH		1,233,424	78.82%	142,026	9.08%	189,325	12.10%	1,564,775

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 5:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM *BACK TO SCHOOL* BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2008	39,200
2.	2009	40,000
3.	2010	50,000
4.	2011	56,000
5.	2012	56,000
6.	2013	336,000
JUMLAH		577,200

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

**TAJUK : KERJA-KERJA BAIK PULIH INFRASTRUKTUR DAN JALAN OLEH
JABATAN KERJA RAYA DAERAH KUALA LANGAT**

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan wang digunakan oleh JKR untuk turap dan tampal Jalan Sungai Buaya dan Jalan Norton, Kg sg jarom, jenjarom sejak tahun 2008 hingga kini?
- b) Nyatakan jumlah wang perbelanjaan yang diperlukan untuk menurap semula kedua dua jalan itu?

JAWAPAN:

- a) Perbelanjaan yang digunakan oleh JKR untuk turap jalan sejak tahun 2008 hingga kini di jalan Sg. Buaya adalah sebanyak RM 730,000.00 dan Jalan Norton sebanyak RM 20,000.00
- b) Perbelanjaan yang diperlukan untuk menurap semua kedua-dua jalan, bagi Jalan Norton adalah sebanyak RM20,000.00 dan Jalan Sg.Buaya RM 110,000.00 (sedang dilaksanakan dengan peruntukan MARRIS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : NAIK TARAF PARIT JPS JALAN HAMZAH ALANG.

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Merujuk jawapan Mesyuarat Pertama Penggal kedua, Julai 2014 akan dikeluarkan tender. Sehingga kini tiada tanda kerja bermula. Mengapa?
- b) Apakah spesifikasi naiktaraf parit tersebut?
- c) Berapakah perbelanjaan yang diluluskan?

JAWAPAN:

- a) Secara umumnya, tender bagi menaiktaraf saluran Persiaran Hamzah Alang telah dikeluarkan pada 4/11/2014 dan tutup pada 26/11/2014
- b) Skop kerja-kerja yang terlibat dalam projek menaiktaraf parit di Jalan Hamzah Alang adalah seperti berikut :
 - i. Pembinaan Flood wall 1.5km
 - ii. Jalan Susur 1.5km
 - iii. Melebarkan parit tanah 5.2 km
 - iv. Membina jambatan 4 nos
 - v. Membuka lintasan/jambatan 23 nos
- c) Peruntukan sebanyak RM10.3 juta telah diterima melalui Akaun Amanah Caruman Parit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PORTFOLIO HAL EHWAL PENGGUNA

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan program portfolio Hal Ehwal Pengguna di tahun 2015?
- b) Apakah terdapat perbezaan berbanding perancangan sebelum ini?
- c) Bagaimanakah prestasi dan pencapaian portfolio ini di tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Dasar Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna adalah untuk memastikan kepentingan dan kebajikan pengguna di Negeri Selangor di titik beratkan terutama berkaitan isu-isu semasa kepenggunaan seperti pelaksanaan GST yang akan bermula pada tahun hadapan. Selain itu juga, Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan program-program kepenggunaan serta menyelia dan memantau dasar-dasar berkaitan kepenggunaan.

Untuk tahun 2015, Jawatankuasa ini telah dan sedang merancang pelbagai program berbentuk pendidikan termasuk kempen kesedaran berkaitan hal berkaitan kepenggunaan kepada setiap golongan lapisan masyarakat iaitu dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat tertinggi.

Program yang telah dijalankan pada tahun 2014 juga akan di teruskan ke tahun 2015 bagi memastikan ianya berkesinambungan seperti Program Kitar Semula Minyak Masak, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik, Program Fahami GST, Kempen Jimat Air, Kesedaran Logo Halal dan Program Bazar Ramadhan Mampun.

Pada tahun 2015 juga, Jawatankuasa ini juga dijangka akan memperhebatkan lagi penganjuran program-program kesedaran berkaitan GST yang mana ianya akan dilaksanakan pada April 2015.

- b) Tiada perbezaan yang ketara berbanding perancangan sebelum ini di mana Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar dan Program seperti yang telah dilakukan sebelum ini dengan beberapa penambahbaikan dari segi pelaksanaan. Jawatankuasa ini akan mempertingkatkan lagi usaha-usaha kesedaran terhadap isu-isu kepenggunaan dengan lebih proaktif.

Pada tahun 2015 juga, Jawatankuasa ini bercadang untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan bagi melaksanakan program-program yang dirancang termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri serta bersama pihak NGO.

Memandangkan peranan dan skop Jawatankuasa ini adalah luas, maka Jawatankuasa ini berusaha untuk menjalankan program yang dapat memenuhi segala aspek berkaitan kepenggunaan daripada pelbagai peringkat masyarakat serta memberi manfaat kepada rakyat terutama di Negeri Selangor.

- c) Program-program Kepenggunaan yang dirancang sejak awal tahun yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa adalah seperti berikut :

BIL	PROGRAM / SEMINAR / KEMPEN / LAWATAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Siri Taklimat Fahami GST Selangorku	23 Januari 2014	Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya
2.	Lawatan Kerja Ke Pusat Kitar Semula MBSA	10 Februari 2014	Seksyen 6, 11 & 17 Shah Alam
3.	Program "Kajang Jom Bersih" Dan Pelancaran Kitar Semula Minyak Masak	9 Mac 2014	Padang Taman Sri Jenaris, Kajang
4.	Kempen Bazar Ramadhan Mampan 2014	9 Julai 2014	Bazar Ramadhan USJ 4 (MPSJ)
		10 Julai 2014	Bazar Ramadhan Selayang Utama (MPS)
		16 Julai 2014	Bazar Ramadhan Kuala Selangor 1 (MDKS)
5.	Taklimat Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) Peringkat Negeri Selangor	1 Julai 2014	Dewan Annex, Bangunan SUK

6.	Taklimat Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) Untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	8 Julai 2014	Dewan Annex, Bangunan SUK
7.	Sesi Pendaftaran Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) Untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	25 September 2014	Perkarangan Foyer, Bangunan SUK
8.	Kempen Kutipan Minyak Masak Terpakai Di Bangunan SUK Selangor	8 Julai 2014 12 Ogos 2014 9 September 2014 7 Oktober 2014 4 November 2014 9 Disember 2014	Perkarangan Kedai Puspanita, Bangunan SUK
9.	Forum Belanjawan 2015	14 Oktober 2014	Empire Hotel
10.	Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik	Disember 2014	Akan ditentukan
11.	Program Kitar semula <i>bunting</i> dan <i>banner</i> terpakai	6-7 November 2014	Gombak dan Klang
12.	Kempen Jimat Air	Disember 2014	Akan ditentukan
13.	Kempen Kesedaran Logo Halal	Disember 2014	Akan ditentukan
14.	Kempen Menabung	Disember 2014	Akan ditentukan
15.	Program Kitar Semula Minyak Masak Peringkat Agensi Kerajaan Negeri Selangor	Disember 2014	Akan ditentukan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan perancangan program yang dijalankan di bawah geran Selangorku
- b) Sila nyatakan senarai-senarai projek yang telah dilaksanakan menerusi geran Selangorku sehingga Disember 2013
- c) Minta kerajaan negeri jelaskan keberkesanan geran Selangorku sejak ia mula diperkenalkan

JAWAPAN:

- a) Geran Selangorku telah ditamatkan pada tahun 2013 dan program-program selepas tarikh tersebut pada dasarnya untuk diteruskan perlaksanaannya di bawah portfolio Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap (Standco) yang terlibat.
- b) Status Perbelanjaan Geran Selangorku setakat 1 Oktober 2013, adalah seperti berikut:-

STATUS KESELURUHAN PROGRAM GERAN SELANGORKU

BIL	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN	lo Program Projek	KOMITMEN	BAKI PERUNTUKAN
1	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000.00	1	50,000.00	9,950,000.00
2	PEMBASMIAN RASUJAH & PENYELEWENGAN	15,000,000.00	1	250,000.00	14,750,000.00
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000.00	14	3,434,019.63	26,565,980.37
4	DARI KEBAJIKAN KEPADA PEKERJA	20,000,000.00	0	0.00	20,000,000.00
5	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000.00	7	1,770,757.20	28,229,242.80
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000.00	6	3,038,062.71	26,961,937.29
7	INFRASTRUKTUR	50,000,000.00	213	31,576,873.86	18,423,126.14
8	INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000.00	30	5,325,005.50	24,674,994.50
9	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	5,000,000.00	8	318,548.50	4,681,451.50
10	PROGRAM JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000.00	1	248,741.67	9,751,258.33
11	PROGRAM PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000.00	1	1,944,033.60	18,055,966.40
12	PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000.00	5	335,930.00	2,664,070.00
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000.00	5	4,120,472.02	879,527.98
14	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000.00	5	1,681,300.12	8,318,699.88
15	PENINGKATAN KEHIDUPAN HIDUP RAKYAT	5,000,000.00	4	190,000.00	4,810,000.00
16	PENINGKATAN KEWAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000.00	0	0.00	5,000,000.00
17	PENGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000.00	1	202,276.38	21,797,723.62
		300,000,000.00	302	54,486,021.19	245,513,978.81

ii. Bukan Fizikal:

Bil.	GERAN	UMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
1	KEUSAHAWAN MUDA	30,000,000	7	1,770,757.20	1	Program Selangor Motor Race 2012	647,850.00
					2	Pertandingan Bola Keranjang antara Kampung-Kampung Baru Cina di Seluruh Negeri Selangor	59,050.00
					3	Program Belia	150,000.00
					4	Program Pembangunan Remaja	125,000.00
					5	Program Gotong Royong Anak Muda Prihatin Masjid - Pembaikan & Pemulihan Tandas Masjid	125,857.20
					6	Program Pembangunan Belia, Masyarakat & Pencerdasan Rakyat tahun 2012-2013	200,000.00
					7	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 1-4)	159,200.00
					8	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 5-7)	203,800.00
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	6	3,038,062.71	1	Shopping Tawas	1,600,000.00
					2	Skim Tunas	1,016,600.00
					3	Program Amal oleh Persatuan Pembantuan Kristian Malaysia	10,000.00
					4	Membaikpulih Perpustakaan Awam Sg Pelek	195,000.00
					5	T-Shirt Tuisyen Rakyat	122,659.00
					6	Pembiayaan van untuk pelajar-pelajar Sekolah Agama Menengah Rawang	93,803.71
9	PEMULIHAN ALAM	5,000,000	8	318,548.50	1	State Wide Photography Competition as a Fundraising Tool to Reforest Selangor	53,600.00
					2	Mangrove Patch Mapping Gezetterment and Conservation	47,000.00
					3	Karnival Hijau Sempena Hari Bumi Sedunia	20,000.00
					4	Program Climate Change Awareness Seminars and Briefing by CETDEM	50,000.00
					5	Program Pekan Frinjan 2012 di Shah Alam	50,000.00
					6	Community Outreach Claw	80,000.00
					7	Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan DUN Skinchan	10,000.00
					8	Program Perlindungan Alam Sekitar	7,948.50
10	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	1	248,741.67	1	Program Wifi Selangor	248,741.67
11	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	1	1,944,033.60	1	Penyediaan Bilik Simpanan Fail Tanah di Stadium MBSA	1,944,033.60

Bil.	GERAN	JUMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
12	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	5	335,930.00	1	Program Pameran Pusat Kebudayaan N.Selangor & Menandatangani Memorandum Persefahaman Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang	77,530.00
					3	Peralatan Nasyid, Kompang, Marhaban untuk Pusat Kebudayaan, Surau, Maajad Tahfiz & Masjid (8 Persatuan)	63,400.00
					4	Program Ilmuan Budaya Bersama Rakyat (9 Daerah)	180,000.00
					5	Pertandingan Kompang Berirama peringkat Negeri Selangor	15,000.00
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	5	4,120,472.02	1	Pembiayaan Kos Guaman dan Ikat Jamin	380,500.00
					2	Program Pendemokrasian di 56 DUN Selangor (Semakan Daftar Pemilih & Batahan)	3,506,232.86
					3	Mobilisasi Himpunan Kebangkitan Rakyat	7,550.00
					4	Forum Air Untuk Rakyat	196,776.16
					5	Program Manifesto Kepada Rakyat	29,413.00
14	PENERANGAN MAKLUMAT MFGFR1	10,000,000	5	1,681,300.12	1	Program Penerangan Melalui Iklan (Akhbar & Laman Web), Banner, Bunting	967,450.27
					2	SMS Blast untuk Hari Perayaan	63,661.85
					3	Kempen T-Shirt Selangorku / Karnival	486,000.00
					4	Program Merakytakan Informasi Selangor	45,900.00
					5	Pameran Katun Zunar	32,500.00
					6	Program Penerangan Isu Talam	51,375.00
					7	Program Pengenalan Disleksia Selangor	5,000.00
					8	Program Manifesto Rakyat	29,413.00
15	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	4	190,000.00	1	Pertubuhan ILTC Malaysia - sumbangan untuk OKU	10,000.00
					2	Peruntukan Projek Spirulina	150,000.00
					3	Program Kesihatan Bersama Rakyat oleh Hope On Wheels	10,000.00
					4	Peruntukan Kejohanan Sukan Paralimpik Peringkat Kebangsaan 2012 di Pahang	20,000.00
16	KEMAHIRAN PENJAWAT	5,000,000	0	0.00			
17	PEMBANGUNAN LUAR	22,000,000	1	202,276.38	1	Program System of Rice Intensification (SRI) untuk Pesawah Selangor	202,276.38
JUMLAH KESELURUHAN		20,000,000	59	17,584,141.83			

iii. Fizikal:

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGOR KU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan					
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutarga	RM	No. Prj	RM	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutarga	RM	No. Prj
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	9	10	19	760,021	9	760,021	0	20	20	0	0	0			
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	8	11	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0			
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	1	0	1	146,250	1	146,250	0	1	1	0	0	0			
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0			
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	11	14	222,586	3	222,586	0	0	0	0	0	0			
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	13	15	366,715	2	366,715	0	2	2	0	0	0			
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	14	14	0	0	0	1	9	10	175,721	1	175,721			
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	3	0	3	160,098	3	160,098	1	2	3	197,302	1	197,302			
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	11	2	13	1,096,260	11	1,096,260	1	3	4	184,179	1	184,179			
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	5	1	6	740,681	5	740,681	0	0	0	0	0	0			
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	10	1	11	828,519	10	828,519	1	15	16	180,546	1	180,546			
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	27	35	938,332	8	938,332	1	6	7	188,430	1	188,430			
14		PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	1	0	1	42,861	1	42,861	0	0	0	0	0	0			
15	13	PTD Gombak	Kuang	3	0	3	506,618	3	506,618	1	0	1	198,058	1	198,058			
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	2	5	258,641	3	258,641	1	2	3	197,317	1	197,317			
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	3	41	44	451,675	3	451,675	1	13	14	187,874	1	187,874			
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	6	66	72	913,510	6	913,510	1	6	7	169,106	1	169,106			
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	4	8	12	500,740	4	500,740	0	1	1	0	0	0			
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	8	10	18	1,540,583	8	1,540,583	1	20	21	194,502	1	194,502			
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	3	2	5	966,158	3	966,158	1	0	1	200,000	1	200,000			
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	5	7	663,013	2	663,013	1	1	2	196,396	1	196,396			
24	21	PTD Gombak	Cempaka	2	11	13	398,752	2	398,752	1	2	3	190,792	1	190,792			
25	22	PTD Gombak	Teratai	2	13	15	467,640	2	467,640	1	3	4	144,507	1	144,507			
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	3	5	8	155,085	3	155,085	1	7	8	182,716	1	182,716			
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000			

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGORKU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan		
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga	RM	No. Prj	RM	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan
25	PTD	Hulu Langat	Kajang	7	11	18	1,195,970	7	1,195,970	1	11	12	184,294	1	184,294
26	PTD	Hulu Langat	Bangi	2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575
27	PTD	Hulu Langat	Balokong	2	6	8	443,210	2	443,210	0	2	2	0	0	
28	PTD	Petaling	Sri Kembangan	1	1	2	485,722	1	485,722	0	2	2	0	0	
29	PTD	Petaling	Sri Serdang	2	10	12	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843
30	PTD	Petaling	Kinrara	2	10	12	731,781	2	731,781	0	2	2	0	0	
31	PTD	Petaling	Subang Jaya	2	9	11	679,310	2	679,310	0	2	2	0	0	
32	PTD	Petaling	Sri Setia	1	0	1	253,509	1	253,509	0	1	1	0	0	
33	PTD	Petaling	Taman Medan	4	6	10	629,290	4	629,290	0	16	16	0	0	
34	PTD	Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
35	PTD	Petaling	Kampung Tunku	1	4	5	411,470	1	411,470	0	7	7	0	0	
36	PTD	Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
37	PTD	Petaling	Bukit Lanjan	3	0	3	186,586	3	186,586	1	2	3	168,041	1	168,041
38	PTD	Petaling	Paya Jeras	2	3	5	435,960	2	435,960	1	2	3	167,180	1	167,180
39	PTD	Petaling	Kota Damansara	3	5	8	847,788	3	847,788	1	2	3	151,836	1	151,836
40	PTD	Petaling	Kota Anggerik	1	6	7	225,485	1	225,485	1	4	5	154,727	1	154,727
41	PTD	Petaling	Batu Tiga	2	0	2	343,030	2	343,030	0	0	0	0	0	
42	PTD	Petaling	Meru	10	37	47	1,052,554	10	1,052,554	1	0	1	160,164	1	160,164
43	PTD	Klang	Sementa	1	14	15	222,600	1	222,600	0	0	0	0	0	
44	PTD	Klang	Sungai Pinang	5	39	44	1,185,785	5	1,185,785	0	3	3	0	0	
45	PTD	Klang	Selat Klang	2	82	84	622,015	2	622,015	0	5	5	0	0	
46	PTD	Klang	Pelabuhan Klang	2	1	3	162,848	2	162,848	0	1	1	0	0	
47	PTD	Klang	Pandamaran	1	3	4	135,413	1	135,413	0	0	0	0	0	
48	PTD	Klang	Kota Alam Shah	1	9	10	342,705	1	342,705	0	0	0	0	0	
49	PTD	Petaling	Sri Andeles	7	2	9	922,125	7	922,125	1	4	5	158,749	1	158,749
50	PTD	Petaling	Sri Muda	16	89	105	2,392,787	16	2,392,787	0	9	9	0	0	
51	PTD	Kuala Langat	Sijangkang	9	5	14	984,060	9	984,060	1	1	2	179,853	1	179,853
52	PTD	Kuala Langat	Telok Detok	9	32	41	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698
53	PTD	Kuala Langat	Monib	8	25	33	947,676	8	947,676	1	0	1	171,020	1	171,020
54	PTD	Kuala Langat	Tanjung Sepat	2	4	6	166,614	2	166,614	1	0	1	183,895	1	183,895
55	PTD	Selangor	Dengkil	3	31	34	505,717	3	505,717	0	0	0	0	0	
56	PTD	Selangor	Sungai Pelek	3	50	53	308,120	3	347,597	1	12	13	169,686	1	169,686
				213	755	968	31,576,874	213	31,616,351	30	207	237	5,325,006	30	5,325,006
				Bilangan S/Harga	Tawaran Sebenar	% Jimat	Anggaran Jabatan								
				213	31,576,874	18%	38,350,197								

c) Program-program di bawah Geran Selangorku telah banyak membantu pembangunan fizikal di Selangor terutamanya infrastruktur jalan raya dan sukan yang menjurus kepada mempertingkatkan kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Memandangkan program-program ini melibatkan kolaborasi pelbagai pihak termasuk PBT, PTD, JKR, UPEN ia berjaya memupuk kerjasama di antara semua pihak yang terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MAHASISWA

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan satu platform kepada mahasiswa bagi meningkatkan penglibatan dan kepekaan mereka terhadap dasar-dasar kerajaan melalui program *internship* kepada Menteri Besar dan barisan EXCO?
- b) Adakah kerajaan akan menyediakan sejumlah peruntukan bagi menyokong perjalanan pertubuhan-pertubuhan mahasiswa?

JAWAPAN:

- a) Bagi menggalakkan partisipasi dan mendedahkan golongan muda terhadap dasar-dasar kerajaan, Kerajaan Negeri menerusi Dewan Negeri Selangor telah mempunyai Program ADUN Muda yang dijalankan untuk belia berusia antara 18 hingga 24 tahun daripada IPT awam dan swasta (IPTA/IPTS), penggerak belia tempatan (PeBT) serta persatuan mahasiswa. Kerajaan negeri akan melihat cadangan *internship* sebagai satu pilihan lain.
- b) Kerajaan telah pun menampung kebanyakan program yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan mahasiswa melalui usahasama yang dijalankan khususnya menerusi Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor yang menghimpunkan pelbagai pertubuhan mahasiswa. Dengan tumpuan dan peruntukan lebih besar dalam bidang pendidikan bagi tahun ini, perjalanan pertubuhan-pertubuhan mahasiswa akan berjalan dengan lebih lancar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : PINDAAN RANCANGAN TEMPATAN PBT

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah panduan dan peraturan zoning dalam Rancangan Tempatan PBT?
- b) Apakah kategori zon dalam sesuatu Rancangan Tempatan?
- c) Berapakah kos yang terlibat dalam membangunkan sesuatu Rancangan Tempatan?

JAWAPAN:

- a) Ahli-ahli Yang Berhormat, Rancangan Tempatan merupakan suatu dokumen yang mengandungi peta cadangan dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan terperinci cadangan-cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkenaan. Kebiasaannya peta cadangan juga dirujuk sebagai **zoning** yang merupakan perancangan fizikal seperti gunatanah, alam sekitar, infrastruktur dan utiliti, lanskap, lalulintas dan lain-lain sektor mengikut kesesuaian Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkenaan. Penyediaan Rancangan Tempatan adalah mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Rancangan Tempatan akan menjadi dokumen perancangan di peringkat tempatan dan sebagai panduan untuk memastikan pembangunan pada masa hadapan dirancang secara holistik dengan melihat kesesuaian gunatanah dengan kawasan sekitar. Rancangan Tempatan akan meliputi pelan gunatanah semasa dan pelan gunatanah cadangan pada tahun unjuran yang ditetapkan, ianya juga disokong oleh kelas kegunaan tanah mengikut blok-blok perancangan yang dikenalpasti.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, panduan dan pertimbangan dalam penyediaan pelan gunatanah Rancangan Tempatan akan mengambilkira beberapa perkara seperti keperluan setiap sektor gunatanah berdasarkan analisis tahun unjuran seiring dengan peningkatan tampungan penduduk, penyelarasan dengan Dasar-dasar di peringkat Negeri dan dasar-dasar di peringkat Persekutuan yang berkaitan, kawasan-kawasan galakkan pembangunan seperti koridor pelancongan atau kawasan pemeliharaan semulajadi, projek-projek infrastruktur utama yang berkepentingan awam, projek-projek komited semasa dan lain-lain pertimbangan mengikut kesesuaian Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan. Bagi memastikan penyediaan Rancangan Tempatan memenuhi keperluan semasa juga, sesi dialog atau *focus group discussion* dengan izin perlu dipenuhi bersama

pihak awam dan pihak-pihak berkepentingan sebagai menggalak penyertaan dan penglibatan awam selaras dengan keperluan Akta 172.

- b) Secara umumnya, terdapat beberapa kategori gunatanah utama yang telah ditetapkan seperti perumahan, perniagaan dan perkhidmatan, industri, kemudahan awam, institusi, pertanian, hutan, infrastruktur dan utiliti, badan air dan jalan di dalam sesebuah kajian Rancangan Tempatan yang disediakan. Ketetapan bagi kategori gunatanah utama ini akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bergantung kepada kesesuaian hasil daripada kajian yang dijalankan.
- c) Penyediaan Rancangan Tempatan adalah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan, selaras dengan Akta 172. Kos yang terlibat bagi penyediaan sesebuah Rancangan Tempatan adalah melibatkan kos perunding dan kos pengurusan. Kos penyediaan Rancangan Tempatan ini adalah ditanggung oleh PBT berkenaan yang dipohon melalui bajet tahunan PBT sekiranya terdapat keperluan untuk mengadakan penggantian atau perubahan. Namun demikian, terdapat beberapa PBT bertaraf Majlis Daerah yang tidak mempunyai peruntukkan yang mencukupi, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menanggung kos perunding berkenaan di bawah bajet Pembangunan P16 yang dipohon sekiranya terdapat keperluan mengikut bajet RMK setiap lima tahun sekali.

Bagi RMK10, dua buah PBT iaitu Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam telah diberi peruntukkan ini dengan penyediaan Rancangan Tempatan penggantian melibatkan dua Rancangan Tempatan. Kos dan sektor kajian yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Kajian	Sektor Kajian	Kos perunding
1.	Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025	<ul style="list-style-type: none"> a. Perspektif Makro dan Pembangunan Kawasan Sempadan b. Asas Sosio Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> i. Penduduk dan Gunatenaga ii. Asas dan prospek ekonomi iii. Perihal hartanah/status potensi c. Perancangan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> i. Gunatanah fizikal ii. Perumahan, Petempatan Desa dan Pembangunan Rizab Melayu iii. Pertanian, Perhutanan dan Perlombongan iv. Perindustrian, Perdagangan dan Pelancongan 	RM 715,770.30

		<ul style="list-style-type: none"> v. Institusi dan Kemudahan Masyarakat vi. Landskap dan Rekreasi 	
		<ul style="list-style-type: none"> d. Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Semula Jadi e. Infrastruktur dan Utiliti <ul style="list-style-type: none"> i. Perhubungan dan Pengangkutan ii. Perparitan dan saliran iii. Pelupusan Sisa Pepejal iv. Utiliti f. Sektor Sokongan <ul style="list-style-type: none"> i. Sustainability Assessment (SA) ii. Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) Pengurusan dan Perlaksanaan 	
2.	Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2025	<ul style="list-style-type: none"> a. Perspektif Makro dan Pembangunan Kawasan Sempadan b. Asas Sosio Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> i. Penduduk dan Gunatanaga ii. Asas dan prospek ekonomi iii. Perihal hartanah/status potensi c. Perancangan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> i. Gunatanah fizikal ii. Perumahan, Petempatan Desa dan Pembangunan Rizab Melayu iii. Pertanian, Penternakan dan Perikanan iv. Perindustrian, Perdagangan dan Pelancongan v. Landskap, Rekreasi dan Rekabentuk Bandar vi. Institusi dan Kemudahan Masyarakat 	RM 680,037.70

Bil	Kajian	Sektor Kajian	Kos perunding
		<ul style="list-style-type: none"> d. Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Semula Jadi <ul style="list-style-type: none"> i. Perancangan Kawasan Persisiran Pantai ii. Kualiti Alam Sekitar iii. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) iv. Kawasan Tadahan Air v. Pengurusan Hutan e. Infrastruktur dan Utiliti <ul style="list-style-type: none"> i. Perhubungan dan Pengangkutan ii. Perparitan dan saliran iii. Pelupusan Sisa Pepejal iv. Utiliti f. Sektor Sokongan <ul style="list-style-type: none"> i. Sustainability Assessment (SA) ii. Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) iii. Pengurusan dan Perlaksanaan 	

Pelantikan perunding ini melibatkan kepakaran dari pelbagai profesion seperti perancang bandar, pereka bentuk bandar, arkitek landskap, jurutera dan pakar ekonomi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PORTFOLIO ADAT-ADAT MELAYU

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan program portfolio Adat-adat Melayu tahun 2015 ?
- b) Apakah strategi untuk merealisasikan dasar dan perancangan tersebut ?
- c) Bagaimanakah tahap pencapaian portfolio sebelum ini ?

JAWAPAN:

- a) Dasar dan perancangan program potfolio Adat-adat Melayu adalah seperti berikut:
 - i. Menjadikan adat, warisan dan sejarah Melayu Islam sebagai khazanah warisan generasi akan datang;
 - ii. Membina citra jati diri Negeri Selangor beeteraskan adat, warisan dan sejarah Melayu;
 - iii. Mengkaji dan membangun (R&D) aspek-aspek adat, warisan dan sejarah;
 - iv. Memajukan sector ekonomi rakyat jelata dan Negeri Selangor melalui pembangunan adat, warisan dan sejarah Melayu-Islam;
 - v. Mengangkat adat, warisan dan sejarah Selangor sebagai produk pelancongan.

Senarai program Adat-adat Melayu tahun 2015

Bil	Program 2015	Tarikh	Penganjur
1.	School Attack	Februari 2015	PADAT / Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
2.	Temasya Tari Selangor	Februari 2015	PADAT / MAJLIS Kebudayaan Negeri Selangor

Bil	Program 2015	Tarikh	Penganjur
3.	Seminar dan Bengkel Konservasi	Februari 2015	PADAT / Jabatan Muzium Malaysia
4.	Program Kenali Warisanku Bersama PADAT (Hulu Selangor)	Mac 2015	PADAT / Majlis Daerah Hulu Selangor
5.	Pameran Telepuk, Kelingkan dan Kebaya Selangor & Seminar Tekstil Antarabangsa	Mac 2015	PADAT
6.	Seminar Permuziuman	Mac 2015	PADAT / Jabatan Muzium Malaysia
7.	Hari Muzium Antarabangsa (Peringkat Negeri Selangor)	Mei 2015	PADAT
8.	Program Kenali Warisanku Bersama PADAT (Petaling Jaya)	Mei 2015	PADAT / Majlis Bandaraya Petaling Jaya
9.	Pameran Terkenang Semasa Dulu "Zaman Kanak-Kanak" & Majlis Berkhatan	September 2015	PADAT
10.	Seminar Memperkasakan Identiti Selangor	September 2015	PADAT / Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor
11.	Seminar Salasia Melayu Bugis	September 2015	PADAT / Persatuan Bugis Selangor
12.	Seminar dan Bengkel Penerapan Identiti Selangor	September 2015	PADAT / Unit Perancang Ekonomi Negeri

- b) Strategi untuk merealisasikan dasar dan perancangan tersebut adalah:
- i. Menjalankan penyelidikan sains yang inovatif dan mencipta nilai.
 - ii. Pengurusan konservasi yang cekap dan berkesan
 - iii. Mempromosi Adat Melayu dan Warisan Ke Arah Kegemilangan
 - iv. Warga kerja yang kompeten dalam bidang adat Melayu dan warisan Negeri Selangor.
- c) Sehingga kini, tahap pencapaian portfolio untuk Adat Melayu bolehlah dibanggakan oleh kita semua. Pelbagai program telah berjaya dilaksanakan seperti program turun ke padang bersama masyarakat, pelbagai program pameran berkaitan budaya dan kesenian bersama pelbagai agensi kerajaan dan swasta, persembahan kesenian dan sebagainya. Selain itu, pelbagai kajian yang

dilaksanakan oleh staf Padat kini di peringkat akhir dan akan diterbitkan oleh pihak Padat untuk dijadikan rujukan kepada para pelajar dan masyarakat. Pihak Padat juga akan berterusan menerbitkan buku jurnal ilmiah yang memuatkan pelbagai kajian berkaitan adat, budaya dan kesenian di negeri Selangor ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : KESELAMATAN DAN JENAYAH

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah anggota polis bantuan yang ditugaskan untuk membantu menjaga keselamatan penduduk mengikut pecahan PBT.
- b) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri bagi membantu mengurangkan kadar jenayah melalui Jawatankuasa Bandar Selamat yang ditubuhkan di setiap PBT?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, tiada anggota polis bantuan yang ditugaskan untuk membantu menjaga keselamatan penduduk. Ini kerana Kerajaan Negeri telah mengemukakan sebanyak dua (2) kali permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi cadangan penubuhan Polis Bantuan di PBT Negeri Selangor namun tiada maklumbalas daripada pihak KDN. Anggota Penguatkuasa di PBT yang ditugaskan pula hanya boleh bertindak untuk memantau dan menjaga aset milik PBT.
- b) Antara pendekatan Kerajaan Negeri adalah:-
 - i. Bahagian Penguatkuasa telah bekerjasama dengan pihak Ibu Pejabat Daerah Polis bagi menjalankan rondaan dan operasi bersepadu cegah jenayah seperti lumba haram, curi kenderaan dan anti dadah di kawasan PBT;
 - ii. Mengimplemtasikan pemasangan fizikal langkah segera program bandar selamat seperti laluan pejalan kaki, *railing*, *bollard*, papan tanda keselamatan, cermin keselamatan, tempat letak motosikal berkumci, CCTV, pencahayaan dan lain-lain;
 - iii. Membuat hebahan melalui media, risalah dan seminar kesedaran berhubung penjagaan keselamatan diri individu dan aspek keselamatan sesebuah kawasan; dan
 - iv. Menggalakkan penglibatan penduduk dalam penjagaan keselamatan kawasan mereka dengan menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetangga (RT), kumpulan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : STATUS PELABURAN ASING KE SELANGOR

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Selangor merupakan negeri yang dapat pelaburan asing yang tertinggi di Malaysia setakat Oktober 2014?
- b) Berapa kerapnya Kerajaan Selangor melakukan program menarik pelabur asing di luar negara?
- c) Adakah Kerajaan Persekutuan memberi sebarang bantuan untuk menarik pelabur asing ke Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Julai 2014, Negeri Selangor menduduki tempat ke lima dengan nilai pelaburan berjumlah RM 4.588 bilion

Negeri	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	116	12,141	12,713,306,382	5,947,039,161	18,660,345,543
Sarawak	12	1,489	324,820,131	7,460,919,196	7,785,739,327
Pahang	8	3,906	159,382,531	4,830,387,912	4,989,770,443
Penang	95	13,097	1,328,930,242	3,294,161,314	4,623,091,556
Selangor	153	9,659	2,706,991,219	1,881,102,933	4,588,094,152
Kedah	29	3,837	328,548,559	4,099,690,316	4,428,238,875
Sabah	16	1,333	2,074,513,106	544,022,280	2,618,535,386
Negeri Sembilan	23	1,937	564,698,507	1,384,384,627	1,949,083,134
Kelantan	4	618	1,223,746,684	0	1,223,746,684
Perak	15	1,873	570,054,739	358,016,598	928,071,337
Melaka	15	2,052	150,983,789	577,927,564	728,911,353
Terengganu	7	459	76,260,311	349,880,915	426,141,226

Negeri	Bilangan projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Perlis	1	91	210,000,000	0	210,000,000
W. P. Kuala Lumpur	3	121	12,771,700	14,541,114	27,312,814
W. P. Labuan	1	8	3,965,000	0	3,965,000
					0
Jumlah	498	52,621	22,448,972,900	30,742,073,930	53,191,046,830

- b) Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2014, Kerajaan Negeri melalui SSIC telah mengadakan lima (5) misi promosi penggalakkan pelaburan ke Luar Negara bagi menarik pelaburan. Antara negara-negara yang terlibat adalah seperti:-
- a. Jepun (Osaka & Tokyo)
 - b. Taiwan
 - c. Australia
 - d. China (Xiamen & Shanghai)
 - e. Singapura
 - f. Jerman
- c) Secara dasarnya, pihak Kerajaan Persekutuan melalui MITI/MIDA sentiasa membantu dalam menarik pelaburan ke Negeri Selangor. Antara bantuan yang diberikan seperti:-
- a. Membantu pihak delegasi negeri Selangor sewaktu lawatan ke Luar Negara dengan menyelaras lawatan-lawatan ke syarikat yang berpotensi untuk melabur di Malaysia.
 - b. Membantu mengedarkan jemputan kepada syarikat-syarikat di Negara yang dilawati untuk hadir dalam seminar promosi pelaburan yang diadakan.
 - c. Menyediakan sejumlah peruntukan bagi menaiktaraf kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Selangor. Pada tahun 2013, Negeri Selangor telah menerima peruntukan sebanyak RM 23,169,530.00 dan sebanyak RM 7,541,425 pada tahun 2014.
 - d. Menyelaras lawatan pelabur berpotensi ke Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PROJEK RUMAH MAMPU MILIK

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Syarikat SP Setia telah dilantik secara runding terus sebagai pemaju. Apakah keistimewaan syarikat ini.
- b) Demi ketelusan, terangkan mengapa syarikat ini dipilih.
- c) Berapakah modal berbayar yang dimiliki syarikat ini.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang pengetahuan saya sebagai EXCO Perumahan Syarikat SP Setia tidak pernah dilantik sebagai pemaju bagi Projek Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi Projek Perintis Rumah Selangorku di Ukay Indah, Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Kerajaan Negeri sebenarnya melantik Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sebagai pemaju projek. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2014 bertarikh 5 Februari 2014 telah bersetuju untuk melantik Syarikat Eco World Development Group Berhad sebagai Perunding Pengurusan Projek (PMC) dan MMKN ke 12/2014 bertarikh 26 Mac 2014 pula telah bersetuju supaya Eco World Development Group Berhad (Eco World Ukay Sdn. Bhd.) dilantik sebagai Kontraktor '*Industrial Building System*' (IBS) Secara '*Design & Build*' bagi Bangunan Utama Pangsapuri Rumah Selangorku.

Pemilihan ini dibuat setelah mengambilkira pengalaman yang dimiliki oleh Syarikat Eco World dalam membangunkan Perumahan Mampu Milik pada kuantiti yang banyak dengan menggunakan Konsep IBS secara *in-situ* yang secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pengangkutan dan berkepakaran dalam menganalisa kos projek selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri melalui ucapan Bajet 2014 yang lalu untuk membina rumah mampu milik dengan menggunakan teknologi pembinaan IBS.

- b) Sebelum pemilihan Syarikat Eco World dibuat, beberapa siri perbincangan bersama-sama dengan lima (5) buah syarikat pembinaan yang terlibat secara langsung dengan IBS untuk melihat kemampuan syarikat, teknologi pembinaan yang digunapakai, kos yang efektif dan pengalaman membina rumah mampu milik telah dilakukan. Di samping itu juga lawatan tapak ke projek-projek pembinaan turut diadakan untuk melihat gambaran sebenar operasi pembinaan, kemampuan kuantiti pengeluarannya dan kualiti yang dihasilkan.

Setelah penilaian dibuat ke atas kelima-lima syarikat tersebut, barulah Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengunapakai teknologi IBS yang dimiliki oleh Eco World Development Group Berhad berdasarkan pertimbangan pengalaman Eco World dalam membangunkan Perumahan Mampu Milik dengan kuantiti yang banyak yang mengunapakai Konsep IBS secara *in-situ* yang secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pengangkutan dan berkepakaran dalam menganalisa kos projek.

- c) Berdasarkan kepada carian yang dibuat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati modal berbayar bagi syarikat Eco World Development Group Berhad adalah sebanyak RM253,317,000.00 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : BANJIR KILAT KAWASAN BANDAR

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan insiden-insiden banjir kilat dalam kawasan bandar di Selangor untuk tempoh 2013-2014?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini?
- c) Apakah penyelesaian kerajaan negeri untuk memastikan kejadian ini tidak berulang pada masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Berikut di bawah adalah jumlah kumulatif dan senarai kawasan-kawasan yang terlibat dengan masalah banjir bagi daerah-daerah di Negeri Selangor dari Januari hingga Disember 2013 :

Bil	Nama Daerah	Jumlah Kawasan
1	Petaling	22 kawasan : Pekan Bt 3 Lama/Lrg Motosikal Menghala ke KL, Pers. Jubli Perak (Depan Central Sugar), Kg. Paya jaras Hilir, Kg. Merbau Sempak, Kg. Baru Hicom, Kg. Tengah, Kg. Kuala Sg. Baru, Tmn Seri Serdang, Kg. Baru Sg. Buloh, Sek.Ren.Seri Serdang, Kg. Kubu Gajah, Uitm Shah Alam, Kondominium One Evenue USJ1, Tmn Alam Indah, Kg. Lanchong Jaya, IOI Business Centre, IOI Mall, Puchong, Bt.12 Puchong,Jln.Seri serdang Utara, Stesen Komuter Bt 3, Tmn Intan Bt 3, Tmn Mutiara Subang
2	Klang	16 kawasan : Pekan Meru/Pers.Jln Hamzah Alang, Jln Kopi, Kg. Jln Kenangan, Jln Bkt. Cerakah, Kg. Bukit Kapar, TuguKeris/Kwsn Taman Rashna, Kwsn Pandamaran Indah, Jln Kempas, Tmn Sentosa, Kwsn Sg. Rasah, Bukit Rimau, Bandar Puteri, Jln.Bt 3 Lama, Jln Khamis, Pusat Komersil Sek. 7, Kg. Air Kuning
3	Sepang	4 kawasan : Tmn. Murni, Dewan Org Ramai Pekan Sepang, Tmn Desa Indah Lama, Taman Desa Indah
4	Hulu Langat	9 kawasan : Kg. Sg. Ramal Dalam/Luar, Kg. Batu 16, Dusun Tua, Kg. Sg. Serai, Kg. Tasik Permai Jaya, Kg. Rinching hulu/Hilir, Kg. Tanjung, Kg. Tanjung, Kg. Bangi Lama, Kg. Wangsa Keringat, Tmn Langat Jaya

Bil	Nama Daerah	Jumlah Kawasan
5	Hulu Selangor	2 kawasan : Kg. Sekolah Batang Kali, Kg. Rumah Murah Batu 30
6.	Kuala Langat	6 Kawasan : Kg. Sg. Tongkah, Kg. Batu 9 Kebun Baru, Kg. Sg. Buaya, Kg. Sg. Nangka, Kg. Kanchong Darat.
7.	Kuala Selangor	8 Kawasan : Kg. Rantau Panjang, Kg. Sri Tiram Jaya, Pekan Sekinchan, Taman Aman, Taman Indah, Taman Sekinchan Jaya, Taman Ria, Kg, Sawah Ban.
8.	Gombak	3 Kawasan : Jalan Batu. Arang Berhampiran Country Homes, Pekan Batu Arang, Auto City Selayang
9.	Sabak Bernam	2 Kawasan : Kg. Sekendi, Bagan Nakhoda Omar

Jumlah Kawasan-kawasan Yang Terlibat Dengan Banjir Bagi Daerah Di Negeri Selangor Dari Januari Hingga Oktober 2014

Bil	Nama Daerah	Jumlah Kawasan
1	Petaling	8 kawasan : Pekan Bt. 3 Lama / Lrg. Motosikal Menghala ke KL, Sek Ren. Sri Serdang, Landasan Keretapi ,Komuter Serdang, Kg. Melayu Subang,di Jln. Jati,Jln.2,Jln. Badak Jln. Tembusu, Tmn Mesra, Menara Jam USJ, Tmn Kembanghari, Stsn Komuter Serdang
2	Klang	8 Kawasan : Tmn Sri Muda Sek.25 S. Alam/Persiaran Budiman, Pekan Meru/Pers.Jln Hamzah Alang, Jln. Paip, Kg. Budiman, Kg. Padang Jawa, Taman Maznah, Tol Sungai Rasau, Bandar Puteri
3	Sepang	0 kawasan : Tiada
4	Hulu Langat	2 kawasan : Bandar Kajang, Kg. Sg. Serai
5	Hulu Selangor	2 kawasan : Kg. Sg. Masin, Kg. Rumah Murah Batu 30
6	Kuala Langat	5 kawasan : Kg. Sg Tongkah, Kg Batu 9 Kebun Baru, Kg. Sg Rambai, Pekan Banting, Taman Aman

Bil	Nama Daerah	Jumlah Kawasan
7	Kuala Selangor	4 kawasan : Kg. Seri Aman, Kg. Seri Sentosa, Kg. Bkt. Hijau, Kg Cerakah ijok
8	Gombak	7 kawasan : Tmn Garing, Kg. Sg. Bakau, Kg. Sg. Gong, Sg. Rajah(Jln Maxweel,Pekan Rawang), UIAM, Kg. Sg. Terentang, Kg. Sg. Pusu
9	Sabak Bernam	4 kawasan : Pekan Sabak Bernam, Kg Tebuk Pulai, Kg. Sekendi, Bagan Nakhoda Omar

- b) Di antara faktor-faktor kepada punca banjir yang sering dikesan yang mengakibatkan berlakunya kejadian banjir adalah seperti berikut:
- i) Hujan lebat selama 2 – 3 jam mengakibatkan sistem sediaada tidak cukup untuk menampung pertambahan kuantiti air.
 - ii) Sungai cetek, sempit dan hakisan tebing
 - iii) Masalah 'Backflow' dari 'Downstream'
 - iv) Masalah sistem saliran/perparitan dalaman
 - a) Sampah sarap yang tidak diselenggara.
 - b) 'Crossing Utilities' seperti TNB, Telekom, paip Syabas dan sebagainya yang tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan.
 - c) Saiz longkang dan saliran perparitan yang tidak lagi mampu menampung kadar aliran air terutama di bahagian hulu akibat dari kepesatan pembangunan.
- c) Antara penyelesaian dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir supaya tidak berulang pada masa akan datang adalah seperti berikut:
- i) Pada masa ini JPS Negeri Selangor telah menjalankan kajian-kajian bagi tebatan banjir serta menaik taraf sistem saliran di kebanyakan bandar dalam Negeri Selangor. saha yang bersepadu perlu dijalankan di antara pihak PBT, PTD serta jabatan-jabatan teknikal yang lain bagi mencari jalan penyelesaian bersama.
 - ii) Mendalamkan dan melebarkan sungai untuk aliran sungai yang sempurna.
 - iii) Membina kolam takungan banjir.
 - iv) Pengukuhan tebing bagi mengelak dan mengawal hakisan tebing.
 - v) Menaik taraf sistem perparitan di kawasan padat penempatan dan kawasan yang sering banjir.

- vi) Mewajibkan syarat-syarat MASMA dalam mana-mana permohonan pembangunan.
- vii) Mematuhi dan mewajibkan syarat-syarat kelulusan teknikal bagi permohonan lintasan (paip, kabel, jalan raya, jambatan dan lain-lain) yang melintasi sungai .
- viii) Larangan pencerobohan/binaan bangunan di atas rizab sungai serta dalam kawasan dataran banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : MB INCOPORATED (MBI)

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program bawah Geran Selangorku yang memperuntukkan RM 300 juta?
- b) Senaraikan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk semua 17 perkara.

JAWAPAN:

- b) Geran Selangorku telah ditamatkan pada tahun 2013 dan program-program selepas tarikh tersebut pada dasarnya untuk diteruskan perlaksanaannya di bawah portfolio Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap (Standco) yang terlibat.

STATUS KESELURUHAN PROGRAM GERAN SELANGORKU

BIL	TAJUK GERAN	PERUNTUKAN	lo Program Projek	KOMITMEN	BAKI PERUNTUKAN
1	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000.00	1	50,000.00	9,950,000.00
2	PEMBASMIAN RASUJAH & PENYELEWENGAN	15,000,000.00	1	250,000.00	14,750,000.00
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000.00	14	3,434,019.63	26,565,980.37
4	DARI KEBAJIKAN KEPADA PEKERJA	20,000,000.00	0	0.00	20,000,000.00
5	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000.00	7	1,770,757.20	28,229,242.80
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000.00	6	3,038,062.71	26,961,937.29
7	INFRASTRUKTUR	50,000,000.00	213	31,576,873.86	18,423,126.14
8	INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000.00	30	5,325,005.50	24,674,994.50
9	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	5,000,000.00	8	318,548.50	4,681,451.50
10	PROGRAM JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000.00	1	248,741.67	9,751,258.33
11	PROGRAM PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000.00	1	1,944,033.60	18,055,966.40
12	PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000.00	5	335,930.00	2,664,070.00
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000.00	5	4,120,472.02	879,527.98
14	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000.00	5	1,681,300.12	8,318,699.88
15	PENINGKATAN KEHIDUPAN HIDUP RAKYAT	5,000,000.00	4	190,000.00	4,810,000.00
16	PENINGKATAN KEWAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000.00	0	0.00	5,000,000.00
17	PENGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000.00	1	202,276.38	21,797,723.62
		300,000,000.00	302	54,486,021.19	245,513,978.81

iv. Bukan Fizikal:

Bil.	GERAN	UMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
1	KEUSAHAWAN MUDA	30,000,000	7	1,770,757.20	1	Program Selangor Motor Race 2012	647,850.00
					2	Pertandingan Bola Keranjang antara Kampung-Kampung Baru Cina di Seluruh Negeri Selangor	59,050.00
					3	Program Belia	150,000.00
					4	Program Pembangunan Remaja	125,000.00
					5	Program Gotong Royong Anak Muda Prihatin Masjid - Pembaikan & Pemulihan Tandas Masjid	125,857.20
					6	Program Pembangunan Belia, Masyarakat & Pencerdasan Rakyat tahun 2012-2013	200,000.00
					7	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 1-4)	159,200.00
					8	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 5-7)	203,800.00
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	6	3,038,062.71	1	Shopping Tawas	1,600,000.00
					2	Skim Tunas	1,016,600.00
					3	Program Amal oleh Persatuan Pembantuan Kristian Malaysia	10,000.00
					4	Membaikpulih Perpustakaan Awam Sg Pelek	195,000.00
					5	T-Shirt Tuisyen Rakyat	122,659.00
					6	Pembiayaan van untuk pelajar-pelajar Sekolah Agama Menengah Rawang	93,803.71
9	PEMULIHAN ALAM	5,000,000	8	318,548.50	1	State Wide Photography Competition as a Fundraising Tool to Reforest Selangor	53,600.00
					2	Mangrove Patch Mapping Gezetterment and Conservation	47,000.00
					3	Karnival Hijau Sempena Hari Bumi Sedunia	20,000.00
					4	Program Climate Change Awareness Seminars and Briefing by CETDEM	50,000.00
					5	Program Pekan Frinjan 2012 di Shah Alam	50,000.00
					6	Community Outreach Claw	80,000.00
					7	Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan DUN Skinchan	10,000.00
					8	Program Perlindungan Alam Sekitar	7,948.50
10	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	1	248,741.67	1	Program Wifi Selangor	248,741.67
11	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	1	1,944,033.60	1	Penyediaan Bilik Simpanan Fail Tanah di Stadium MBSA	1,944,033.60

Bil.	GERAN	JUMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
12	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	5	335,930.00	1	Program Pameran Pusat Kebudayaan N.Selangor & Menandatangani Memorandum Persefahaman Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang	77,530.00
					3	Peralatan Nasyid, Kompang, Marhaban untuk Pusat Kebudayaan, Surau, Maajad Tahfiz & Masjid (8 Persatuan)	63,400.00
					4	Program Ilmuan Budaya Bersama Rakyat (9 Daerah)	180,000.00
					5	Pertandingan Kompang Berirama peringkat Negeri Selangor	15,000.00
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	5	4,120,472.02	1	Pembiayaan Kos Guaman dan Ikat Jamin	380,500.00
					2	Program Pendemokrasian di 56 DUN Selangor (Semakan Daftar Pemilih & Batahan)	3,506,232.86
					3	Mobilisasi Himpunan Kebangkitan Rakyat	7,550.00
					4	Forum Air Untuk Rakyat	196,776.16
					5	Program Manifesto Kepada Rakyat	29,413.00
14	PENERANGAN MAKLUMAT MFGFR1	10,000,000	5	1,681,300.12	1	Program Penerangan Melalui Iklan (Akhbar & Laman Web), Banner, Bunting	967,450.27
					2	SMS Blast untuk Hari Perayaan	63,661.85
					3	Kempen T-Shirt Selangorku / Karnival	486,000.00
					4	Program Merakytakan Informasi Selangor	45,900.00
					5	Pameran Katun Zunar	32,500.00
					6	Program Penerangan Isu Talam	51,375.00
					7	Program Pengenalan Disleksia Selangor	5,000.00
					8	Program Manifesto Rakyat	29,413.00
15	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	4	190,000.00	1	Pertubuhan ILTC Malaysia - sumbangan untuk OKU	10,000.00
					2	Peruntukan Projek Spirulina	150,000.00
					3	Program Kesihatan Bersama Rakyat oleh Hope On Wheels	10,000.00
					4	Peruntukan Kejohanan Sukan Paralimpik Peringkat Kebangsaan 2012 di Pahang	20,000.00
16	KEMAHIRAN PENJAWAT	5,000,000	0	0.00			
17	PEMBANGUNAN LUAR	22,000,000	1	202,276.38	1	Program System of Rice Intensification (SRI) untuk Pesawah Selangor	202,276.38
JUMLAH KESELURUHAN		20,000,000	59	17,584,141.83			

v. Fizikal:

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGOR KU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan					
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutarga	RM	No. Prj	RM	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutarga	RM	No. Prj
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	9	10	19	760,021	9	760,021	0	20	20	0	0	0			
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	8	11	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0			
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	1	0	1	146,250	1	146,250	0	1	1	0	0	0			
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0			
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	11	14	222,586	3	222,586	0	0	0	0	0	0			
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	13	15	366,715	2	366,715	0	2	2	0	0	0			
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	14	14	0	0	0	1	9	10	175,721	1	175,721			
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	3	0	3	160,098	3	160,098	1	2	3	197,302	1	197,302			
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	11	2	13	1,096,260	11	1,096,260	1	3	4	184,179	1	184,179			
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	5	1	6	740,681	5	740,681	0	0	0	0	0	0			
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	10	1	11	828,519	10	828,519	1	15	16	180,546	1	180,546			
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	27	35	938,332	8	938,332	1	6	7	188,430	1	188,430			
14		PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	1	0	1	42,861	1	42,861	0	0	0	0	0	0			
15	13	PTD Gombak	Kuang	3	0	3	506,618	3	506,618	1	0	1	198,058	1	198,058			
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	2	5	258,641	3	258,641	1	2	3	197,317	1	197,317			
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	3	41	44	451,675	3	451,675	1	13	14	187,874	1	187,874			
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	6	66	72	913,510	6	913,510	1	6	7	169,106	1	169,106			
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	4	8	12	500,740	4	500,740	0	1	1	0	0	0			
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	8	10	18	1,540,583	8	1,540,583	1	20	21	194,502	1	194,502			
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	3	2	5	966,158	3	966,158	1	0	1	200,000	1	200,000			
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	5	7	663,013	2	663,013	1	1	2	196,396	1	196,396			
24	21	PTD Gombak	Cempaka	2	11	13	398,752	2	398,752	1	2	3	190,792	1	190,792			
25	22	PTD Gombak	Teratai	2	13	15	467,640	2	467,640	1	3	4	144,507	1	144,507			
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	3	5	8	155,085	3	155,085	1	7	8	182,716	1	182,716			
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000			

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGORKU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan			
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga	RM	No. Prj	RM	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutharga
25	PTD	Hulu Langat	Kajang	7	11	18	1,195,970	7	1,195,970	1	11	12	184,294	1	184,294	
26	PTD	Hulu Langat	Bangi	2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575	
27	PTD	Hulu Langat	Balakong	2	6	8	443,210	2	443,210	0	2	2	0	0		
28	PTD	Petaling	Sri Kembangan	1	1	2	485,722	1	485,722	0	2	2	0	0		
29	PTD	Petaling	Sri Serdang	2	10	12	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843	
30	PTD	Petaling	Kinrara	2	10	12	731,781	2	731,781	0	2	2	0	0		
31	PTD	Petaling	Selang Jaya	2	9	11	679,310	2	679,310	0	2	2	0	0		
32	PTD	Petaling	Sri Setia	1	0	1	253,509	1	253,509	0	1	1	0	0		
33	PTD	Petaling	Taman Medan	4	6	10	629,290	4	629,290	0	16	16	0	0		
34	PTD	Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
35	PTD	Petaling	Kampung Tunku	1	4	5	411,470	1	411,470	0	7	7	0	0		
36	PTD	Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		
37	PTD	Petaling	Bukit Lanjan	3	0	3	186,586	3	186,586	1	2	3	168,041	1	168,041	
38	PTD	Petaling	Paya Jeras	2	3	5	435,960	2	435,960	1	2	3	167,180	1	167,180	
39	PTD	Petaling	Kota Damansara	3	5	8	847,788	3	847,788	1	2	3	151,836	1	151,836	
40	PTD	Petaling	Kota Anggerik	1	6	7	225,485	1	225,485	1	4	5	154,727	1	154,727	
41	PTD	Petaling	Batu Tiga	2	0	2	343,030	2	343,030	0	0	0	0	0		
42	PTD	Petaling	Meru	10	37	47	1,052,554	10	1,052,554	1	0	1	160,164	1	160,164	
43	PTD	Klang	Sementa	1	14	15	222,600	1	222,600	0	0	0	0	0		
44	PTD	Klang	Sungai Pinang	5	39	44	1,185,785	5	1,185,785	0	3	3	0	0		
45	PTD	Klang	Selat Klang	2	82	84	622,015	2	622,015	0	5	5	0	0		
46	PTD	Klang	Pelabuhan Klang	2	1	3	162,848	2	162,848	0	1	1	0	0		
47	PTD	Klang	Pandamaran	1	3	4	135,413	1	135,413	0	0	0	0	0		
48	PTD	Klang	Kota Alam Shah	1	9	10	342,705	1	342,705	0	0	0	0	0		
49	PTD	Petaling	Sri Andeles	7	2	9	922,125	7	922,125	1	4	5	158,749	1	158,749	
50	PTD	Petaling	Sri Muda	16	89	105	2,392,787	16	2,392,787	0	9	9	0	0		
51	PTD	Kuala Langat	Sijangkang	9	5	14	984,060	9	984,060	1	1	2	179,853	1	179,853	
52	PTD	Kuala Langat	Telok Detok	9	32	41	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698	
53	PTD	Kuala Langat	Monib	8	25	33	947,676	8	947,676	1	0	1	171,020	1	171,020	
54	PTD	Kuala Langat	Tanjung Sepat	2	4	6	166,614	2	166,614	1	0	1	183,895	1	183,895	
55	PTD	Sepang	Dengkil	3	31	34	505,717	3	505,717	0	0	0	0	0		
56	PTD	Sepang	Sungai Pelek	3	50	53	308,120	3	347,597	1	12	13	169,686	1	169,686	
				213	755	968	31,576,874	213	31,616,351	30	207	237	5,325,006	30	5,325,006	
				Bilangan S/Harga	Tawaran Sebenar	% Jimat	Anggaran Jabatan									
				213	31,576,874	18%	38,350,197									

c) Peruntukan yang telah dibelanjakan untuk 17 perkara tersebut adalah seperti di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PELABURAN

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2014?
- b) Bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi tempoh yang sama secara perbandingan dengan negeri-negeri yang lain ?
- c) Sila nyatakan apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan ?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh bulan **Januari hingga Julai 2014**, sebanyak **153 projek** perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 4.588 bilion**. Dari jumlah ini sebanyak **RM 2,706,991,219** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 1,881,102,933** daripada pelaburan asing.
- b) Secara perbandingan dengan Negeri lain, **Selangor berada di kedudukan kelima dari segi jumlah nilai pelaburan.** Namun begitu, **Selangor mencatatkan bilangan kelulusan projek tertinggi berbanding negeri lain**

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Negeri Bagi Tempoh January-Julai 2014

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	116	12,141	12,713,306,382	5,947,039,161	18,660,345,543
Sarawak	12	1,489	324,820,131	7,460,919,196	7,785,739,327
Pahang	8	3,906	159,382,531	4,830,387,912	4,989,770,443
Penang	95	13,097	1,328,930,242	3,294,161,314	4,623,091,556
Selangor	153	9,659	2,706,991,219	1,881,102,933	4,588,094,152
Kedah	29	3,837	328,548,559	4,099,690,316	4,428,238,875
Sabah	16	1,333	2,074,513,106	544,022,280	2,618,535,386
Negeri Sembilan	23	1,937	564,698,507	1,384,384,627	1,949,083,134

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Kelantan	4	618	1,223,746,684	0	1,223,746,684
Perak	15	1,873	570,054,739	358,016,598	928,071,337
Melaka	15	2,052	150,983,789	577,927,564	728,911,353
Terengganu	7	459	76,260,311	349,880,915	426,141,226
Perlis	1	91	210,000,000	0	210,000,000
W. P. Kuala Lumpur	3	121	12,771,700	14,541,114	27,312,814
W. P. Labuan	1	8	3,965,000	0	3,965,000
Jumlah	498	52,621	22,448,972,900	30,742,073,930	53,191,046,830

Sumber : MIDA

- c) Insentif-insentif perkilangan yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-
- a. Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan
 - i. Taraf Perintis
 - ii. Elaun Cukai Pelaburan
 - b. Insentif bagi Syarikat Teknologi Tinggi
 - c. Insentif bagi Projek Strategik
 - d. Insentif bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana
 - e. Insentif bagi Industri Jentera dan Peralatan
 - f. Insentif bagi Industri Automotif
 - i. Insentif bagi Pengeluaran Bahagian dan Komponen Kritikal dan Nilai Ditambah Tinggi untuk Industri Automotif
 - ii. Insentif bagi Pemasangan atau Pengilangan Kenderaan-Kenderaan Hibrid dan Elektrik
 - g. Insentif bagi Penggunaan Biojisim Kelapa Sawit
 - h. Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan
 - i. Elaun Pelaburan Semula
 - ii. Elaun Modal Dipercepat
 - iii. Elaun Modal Dipercepat ke atas Peralatan bagi Mengekal Kualiti Bekalan Tenaga
 - iv. Elaun Modal Dipercepat bagi Peralatan Kawalan Keselamatan
 - v. Insentif bagi Sistem Bangunan Perindustrian
 - vi. Pengecualian Cukai ke atas Nilai Peningkatan Eksport
 - vii. Pelepasan Kumpulan

Manakala di peringkat Kerajaan Negeri, walaupun tiada sebarang insentif berbentuk kewangan yang ditawarkan tetapi pihak Kerajaan Negeri telah mewujudkan agensi khusus bagi menjaga hal-ehwal pelaburan di Negeri ini. SSIC bukan sahaja berperanan untuk mempromosi peluang-peluang pelaburan

tetapi juga turut menjadi agensi rujukan dan pemudahcara pelaburan bagi membantu para pelabur dalam aktiviti pelaburan mereka di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

TAJUK : TANAH WAKAF KUALA LANGAT

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon disenaraikan tanah-tanah wakaf di daerah Kuala Langat di bawah pemantauan Pejabat Agama Islam Kuala Langat?
- b) Berapakah keluasan di setiap satu lokasi?
- c) Adakah sebarang hasil diperolehi dari tanah-tanah wakaf tersebut?

JAWAPAN:

- a) Senarai Tanah Wakaf Kuala Langat; dan
- b) Keluasan tanah

MUKIM	EKAR	
	KESELURUHAN	MAIS
Batu	73.6752	24.1252
Telok Panglima Garang	107.368	36.5368
Tanjung 12	111.7371	47.9366
Morib	25.7324	7.0581
Kelanang	47.0445	11.5706
Bandar	10.3071	3.4087
Jugra	4.09	3.4087
Kanchong	0.4304	0.4304

- c) Tanah-tanah wakaf ini diwakafkan sebagai tapak masjid dan surau manakala bagi tanah wakaf yang mempunyai hasil, manfaatnya adalah untuk masjid dan surau yang telah dinamakan oleh pewakaf.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PERUNTUKAN SISTEM MAKLUMAT JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS dari 2008 hingga 2014 mengikut tahun?
- b) Berapakah peruntukan MARRIS yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri dari 2008 hingga 2014 mengikut tahun?
- c) Senaraikan projek yang telah dilaksanakan dari 2008-2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS dari 2008 hingga 2014 kepada Agensi Pelaksana adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Jumlah peruntukan MARRIS yang **dibelanjakan** dari 2008 hingga 2014 kepada Agensi Pelaksana adalah seperti di **Lampiran B**.
- c) Senaraikan projek yang telah dilaksanakan dari 2008-2014 mengikut PBT adalah seperti di **Lampiran C**.

2014)

PBT	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
MBSA	22,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,277,030.00	9,200,000.00	15,816,789.20	78,688,226.28
MBPJ	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	6,567,748.85	14,000,000.00	21,625,738.25	39,297,696.86
MPSJ	9,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,990,900.00	10,750,000.00	13,420,744.30	30,046,844.43
MPAJ	12,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,837,625.50	12,000,000.00	16,501,729.90	27,732,573.33
MPKj	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,809,708.00	12,000,000.00	20,072,734.60	38,540,746.59
MPS	22,000,000.00	7,000,000.00	6,750,000.00	6,443,452.72	13,800,000.00	18,774,667.90	23,956,134.35
MPK	14,000,000.00	7,000,000.00	7,500,000.00	9,307,662.00	18,250,000.00	28,966,178.80	57,818,310.08
MPSp	7,000,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	3,066,177.95	6,200,000.00	7,255,630.35	11,706,359.05
MDKS	7,000,000.00	5,000,000.00	4,500,000.00	5,919,995.00	12,000,000.00	17,101,815.50	20,027,750.00
MDKL	6,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,179,841.70	9,800,000.00	15,604,707.75	34,257,870.00
MDHS	7,000,000.00	5,000,000.00	7,000,000.00	3,911,680.00	8,000,000.00	10,640,479.70	9,744,800.00
MDSB	4,000,000.00	5,000,000.00	4,000,000.00	4,955,383.60	10,000,000.00	12,881,692.70	12,324,800.00
JUMLAH	130,000,000.00	76,000,000.00	61,923,960.00	66,267,205.32	136,000,000.00	198,662,908.95	384,142,110.97

* Nota: Baki lebih daripada peruntukan dan perbelanjaan tersebut merupakan penjimatan yang diperolehi daripada pelaksanaan harga terendah yang diaplikasikan di Kerajaan Negeri. Jabatan/Agensi Pelaksana juga akan menggunakan baki penjimatan sediaada secara optimum berdasarkan skop di bawah Garis Panduan Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri.

Perbelanjaan Sebenar Peruntukan MARRIS Mengikut PBT Negeri Selangor (2008 – 2014)

PBT	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
MBSA	22,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,277,030.00	8,506,413.55	9,246,499.00	54,617,861.60
MBPJ	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	6,567,748.85	10,592,737.99	19,216,769.18	28,784,691.95
MPSJ	9,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,990,900.00	9,460,233.69	10,327,005.25	30,046,844.43
MPAJ	12,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,837,625.50	11,830,638.70	15,671,230.30	17,615,216.05
MPKj	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,809,708.00	10,738,592.00	16,498,254.50	26,977,707.00
MPS	22,000,000.00	7,000,000.00	6,750,000.00	6,443,452.72	13,045,287.49	16,438,833.77	20,324,893.85
MPK	14,000,000.00	7,000,000.00	7,500,000.00	9,307,662.00	15,054,881.40	27,012,831.50	40,636,016.00
MPSp	7,000,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	3,066,177.95	4,926,746.62	6,262,130.75	7,620,600.11
MDKS	7,000,000.00	5,000,000.00	4,500,000.00	5,160,291.00	11,183,260.30	13,675,460.80	7,886,876.28
MDKL	6,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	4,352,847.40	8,933,843.56	14,309,492.70	20,624,398.70
MDHS	7,000,000.00	5,000,000.00	7,000,000.00	1,892,701.00	5,927,171.00	9,817,173.00	7,379,289.23

PBT	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
MDSB	4,000,000.00	5,000,000.00	4,000,000.00	4,955,383.60	9,079,759.82	7,097,007.76	8,631,306.32
JUMLAH	130,000,000.00	76,000,000.00	61,923,960.00	62,661,528.02	119,279,566.12	165,572,688.51	271,145,701.52

* Nota: Baki lebih daripada peruntukan dan perbelanjaan tersebut merupakan penjimatan yang diperolehi daripada pelaksanaan harga terendah yang diaplikasikan di Kerajaan Negeri. Jabatan/Agensi Pelaksana juga akan menggunakan baki penjimatan sediaada secara optimum berdasarkan skop di bawah Garis Panduan Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri.

**SENARAI PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN MENGIKUT
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SELANGOR
TAHUN 2008 – 2014**

PBT	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
MBSA				63	54	50	139
MBPJ				104	63	75	107
MPSJ				20	33	28	45
MPAJ				55	47	71	84
MPKj				56	187	166	127
MPS				156	136	118	110
MPK				100	86	72	100
MPSp				90	52	51	40
MDKS				54	127	103	68
MDKL				95	78	71	96
MDHS				70	80	54	48
MDSB				94	99	101	72
JUMLAH				957	1,042	960	1036

*Peruntukan secara Direct Grant (DG) diberikan
terus kepada PBT. Senarai projek terdapat di
Agensi Pelaksana*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

**TAJUK : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA: KEBAJIKAN KAKITANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan negeri Selangor yang merangkumi kebajikan para imam dan kakitangan masjid seperti Imam Masjid Negeri Selangor?
- b) Apakah skim gaji dan jaringan keselamatan kewangan untuk mereka dan keluarga mereka?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, hanya masjid daerah dan masjid diraja yang mempunyai skim sepertimana di masjid negeri selangor. Manakala masjid kariah, belum ada skim dan imam hanya mendapat imbuhan daripada kerajaan persekutuan sebanyak 750 sebulan.
- b) Imam Masjid Daerah dan Diraja dilantik dan dibayar mengikut skim perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27.

Walaupun bagaimanapun, tiada skim tertentu untuk imam-imam selain Masjid Daerah dan Diraja dan kakitangan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : PUSAT GIAT MARA SELAYANG

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan Pusat Giat Mara Selayang telah berada di tapak berkenaan sejak 21 tahun yang lalu, adakah kerajaan akan mempertimbangkan memberi hak milik tanah kepada Pusat Giat Mara Selayang?
- b) Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan apakah perkembangannya sekarang?

JAWAPAN:

- a) Pentadbir Tanah Gombak telah menyediakan Kertas Ringkasan kepada EXCO MTES pada 5 September 2014 dengan syor tapak yang telah diusahakan lebih kurang 1 ekar dipertimbangkan untuk kelulusan kepada Majlis Amanah Rakyat.
- b) Syarat-syarat permohonan ialah :
 - i. Warganegara Malaysia
 - ii. Berusia 18 tahun ke atas; dan
 - iii. Siuman
 - iv. Borang Jadual 1
 - v. Maklumat syarikat Memorandum And Articles, Borang 24, Borang 49 dan Borang 11 yang diakui sah.

Status permohonan sehingga kini ialah menunggu keputusan dari Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PERSATUAN SUKAN & BOLA SEPAK

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah pemantauan telah dilaksanakan terhadap persatuan-persatuan sukan dan tahap kerjasama yang diberikan dalam memajukan sukan-sukan tersebut?
- b) Apakah langkah segera yang akan diambil untuk memulihkan dan mengembalikan kegemilangan bola sepak Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pihak kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah menjalankan program sukan prestasi tinggi bersama pihak persatuan sukan negeri yang bergabung. Pemantauan yang dibuat adalah melalui program persediaan pasukan yang merangkumi program latihan setiap pasukan sekitar Selangor, penyertaan kejohanan peringkat kebangsaan, program-program binaan pasukan seperti bengkel-bengkel dan seminar. Selain itu juga, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor juga sentiasa mengadakan ujian penilaian prestasi kepada pasukan-pasukan melalui persatuan dan termasuklah mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa kerja bersama persatuan, pengurus pasukan dan juga jurulatih-jurulatih yang terlibat.

Bagi memastikan program-program pembangunan sukan dapat berjalan dengan baik, MSN Selangor telah menyediakan sejumlah peruntukan kewangan bagi membantu pihak persatuan untuk menjalankan program tersebut. Selain dari bantuan kewangan MSN Selangor juga telah menyediakan perkhidmatan Sains Sukan dari sudut mempertingkatkan kecergasan atlet, rawatan kecederaan, kursus kejurulatihan, gimnasium dan makanan kesihatan. Majlis Sukan Negeri Selangor dengan pihak persatuan sukan sentiasa bersama-sama menjalankan program pembangunan akar umbi serta program prestasi tinggi, samada perancangan yang dilaksanakan untuk jangka masa panjang ataupun jangka masa pendek dalam memastikan persediaan pasukan dapat diberikan ketahap maksimum. Ini bagi memastikan kesinambungan kegemilangan dan kecemerlangan sukan tersebut akan berjalan dengan baik dan sempurna seperti yang telah dirancang.

Majlis Sukan Negeri Selangor melalui Bahagian Pembangunan Sukan telah melantik Pegawai Penyelaras (LO) bagi setiap sukan. Mereka inilah yang bertanggungjawab bertindak sebagai pegawai pemantau bagi pihak MSNS dalam membantu pihak persatuan dalam sebarang bentuk urusan dengan pihak pengurusan MSN Selangor. Pegawai tersebut juga akan bersama pasukan ke kejohanan yang melibatkan atlet negeri Selangor bagi memantau dan memastikan pencapaian atlet mencapai tahap yang telah ditetapkan. Bahagian Pembangunan Sukan juga akan memastikan pihak persatuan menghantar laporan melalui jurulatih yang telah dilantik pada setiap bulan berhubung pencapaian atlet, keperluan pasukan, permasalahan dari kecederaan, kemudahan peralatan dan sebagainya. Disamping itu juga, mesyuarat bersama persatuan juga kerap dijalankan untuk menerima maklumbalas tentang sebarang permasalahan yang timbul bagi sama-sama mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

- b) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap pencapaian bola sepak di Negeri Selangor ketika ini dan tidak akan berdiam diri bagi mengelakkan Selangor terus ketandusan untuk menjulang piala dalam Kejohanan Liga Malaysia. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah yang sewajarnya untuk memulihkan kegemilangan bolasepak di Negeri Selangor. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah membantu dengan memperbanyakkan lagi program-program pembangunan sukan bolasepak di peringkat akar umbi seperti penganjuran Kejohanan Bolasepak Piala Menteri Besar Bawah 16 Tahun, Sukan Selangor (SUKSES), Piala Raja Muda, Piala Mokhtar Dahari, dan lain-lain program pembangunan sukan bolasepak dengan tujuan mencari bakat-bakat baru untuk digilap.

Dalam membantu pihak Persatuan untuk mengembalikan dan memulihkan kegemilangan bola sepak negeri Selangor MSN Selangor telah membantu pihak FAS dalam mempertingkatkan program akar umbi. Ini termasuklah memperbanyakkan lagi penganjuran kejohanan diperingkat bawah umur. Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama pihak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Selangor dalam memastikan atlet diperingkat sekolah mendapatkan latihan yang terbaik dan secukupnya melalui pendedahan kejohanan sepanjang tahun di Liga Bola Sepak Piala Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : TEKNOLOGI PERUSAHAAN PRODUK HALAL

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan kerajaan negeri dalam membangunkan teknologi perusahaan produk halal?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu memasarkan perusahaan produk halal?

JAWAPAN:

- a) Bagi memastikan sektor halal di negeri Selangor berjalan dengan lebih sistematik, komprehensif dan bersifat holistik, satu pendekatan baharu telah diwujudkan melalui penubuhan Halal International Selangor (HIS). HIS akan mengkoordinasi dan melaksanakan projek-projek berkaitan industri halal berdasarkan 10 program teras yang telah dikenalpasti sebagai mempunyai nilai komersil dan memberi kesan yang positif kepada sosio-ekonomi rakyat Negeri Selangor khususnya dan negara amnya.

Program teras yang khusus kepada pembangunan teknologi perusahaan produk halal adalah Program Pembangunan Kapasiti dan Program Pembangunan Industri. Salah satu projek yang telah diluluskan adalah projek kluster Bio-IT yang akan membangunkan produk melalui penggunaan teknologi dan inovasi, dengan peruntukan khusus melalui portfolio Sains Teknologi & Inovasi.

- b) Kerajaan Negeri bakal merencanakan lagi pasaran industri halal dengan menyediakan peluang bagi produk halal menembusi pasaran global. Selaras dengan arus globalisasi, Halal International Selangor (HIS) memperkenalkan konsep "Halal Digital Economy", sebagai satu pelantar pemasaran produk halal era baru.

Konsep digital ini disasarkan akan dapat membantu pengusaha produk halal memasarkan produk menggunakan kaedah yang sejajar dengan aliran/trend abad ke-21, di mana pembelian produk secara terus dan on-line semakin mendapat tempat di hati pelanggan, baik secara "business-to-business (B2B), mahupun "business –to-consumer" (B2C). Selain dapat berinteraksi secara terus dengan pelanggan, pengusaha produk halal dapat menembusi pasaran produk global, dengan sokongan penjenamaan Halal International Selangor (HIS) yang

menggandingkan ciri-ciri patuh-Syariah (Syariah-compliance) bagi memastikan integriti produk halal yang dipasarkan kekal terpelihara.

Selaras dengan matlamat ini juga, usaha untuk meningkatkan kecekapan serta memantapkan proses pensijilan halal turut diusahakan bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), bagi memastikan lebih ramai pengusaha, terutamanya dari golongan IKS mendapat peluang untuk memperolehi produk berstatus halal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : GERAI-GERAI HARAM DALAM KAWASAN PBT.

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah gerai-gerai ini mempunyai lesen perniagaan
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk menyusun semua gerai-gerai ini.
- c) Bagaimana pihak Kerajaan dapat membantu peniaga-peniaga gerai-gerai ini .

JAWAPAN:

- a) Tidak. Gerai-gerai haram tidak mempunyai lesen perniagaan.
- b) Bagi gerai-gerai yang didirikan secara haram, pihak PBT ada menyediakan pusat-pusat penjaja khas, gerai dan kiosk dan mereka diarahkan untuk berpindah ke tapak yang telah disediakan mengikut kekosongan.
- c) Pihak PBT membantu peniaga-peniaga ini dengan mengeluarkan lesen bagi memastikan golongan peniaga tersebut dapat menjalankan perniagaan tanpa halangan dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBT dan menawarkan lot-lot gerai yang masih kosong untuk menjalankan perniagaan secara sah. Sesetengah PBT telah mensyaratkan kepada setiap pemaju untuk menyediakan tapak penjaja minima 2% dari luas tapak cadangan pembangunan semasa kelulusan kebenaran merancang. Berkenaan insentif modal atau peruntukkan kewangan, terdapat agensi-agensi yang berkaitan secara langsung memberi kemudahan ini sebagai contoh MIMBAR, Pembiayaan Mikro Kredit dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : GAJI MINIMA

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pekerja Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Kerajaan & Badan Berkanun Negeri yang mendapat gaji dibawah RM1100, iaitu gaji minimum yang dicadangkan oleh Manifesto Pakatan Rakyat?
- b) Apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk memastikan semua pekerja mendapat gaji minima ini

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod yang dikemas kini, jumlah penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri yang mendapat gaji di bawah RM1,500.00 adalah seperti berikut:

- i) Data yang menunjukkan jumlah pecahan mengikut julat gaji (*mengambil kira gaji pokok sahaja*):

Agensi	Julat Gaji	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (meliputi Pejabat Daerah / Pihak Berkuasa Tempatan / Jabatan / Agensi)	RM0 - RM500.00	0	0
	RM500.01 - RM1000.00	955	576
	RM1000.01 - RM1500.00	5585	1247
JUMLAH		6540	1823
JUMLAH KESELURUHAN		8363 orang	

- ii) Data yang menunjukkan jumlah pecahan mengikut gred jawatan (*mengambil kira gaji pokok sahaja*):

Gred	Kelayakan Minimum	Skim Perkhidmatan	Jumlah	
			Tetap	Kontrak
1-16	Tamat Darjah Enam / PMR / SRP	Pelbagai Skim	3526	581

Gred	Kelayakan Minimum	Skim Perkhidmatan	Jumlah	
			Tetap	Kontrak
17-26	SPM / Sijil		2987	1226
27-40	Diploma / STPM		27	16
Jumlah			6540	1823
Jumlah Keseluruhan			8363 orang	

Untuk makluman, anggota Kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga 40) juga berkelayakan menikmati elaun-elaun tetap bulanan seperti berikut:

i)	Elaun Tetap Perumahan (ITP)	-	RM180.00
ii)	Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM95.00 - RM220.00
iii)	Bantuan Sara Hidup (BSH)	-	RM150.00 - RM300.00
	Jumlah anggaran bulanan	-	RM425.00 (min) RM700.00 (maks)

Selain itu, anggota Kumpulan Pelaksana juga diberikan **Kadar Kenaikan Gaji Tahunan** berjumlah **RM80.00 (minimum) hingga RM180.00 (maksimum) setahun**. Secara perbandingannya, hanya sekitar **1,500 orang (6.5%)** anggota sahaja yang menikmati emolumen bulanan di bawah kadar RM1,500.00 berbanding 23,000 orang anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Negeri Selangor buat masa ini.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memberikan **latihan-latihan pembangunan kemajuan kerjaya** kepada semua Penjawat Awam Negeri Selangor. Ini bertujuan bagi melahirkan Penjawat Awam yang kompeten dan mempunyai nilai tambah agar lebih kompeten untuk menyandang jawatan-jawatan yang lebih tinggi demi kemajuan kerjaya di masa akan datang.

Di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM), anggota Kumpulan Pelaksana (Gred 1-40) diberikan kelebihan untuk **dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)** selepas 13 tahun berkhidmat. Secara tidak langsung, inisiatif ini mampu meningkatkan jumlah emolumen bulanan dan motivasi kerja anggota yang berkenaan. Pelaksanaan perkara ini diperjelaskan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bertarikh 14 Mei 2009.

Berdasarkan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013, **gaji minimum anggota perkhidmatan awam secara keseluruhannya telah dinaikkan** dengan mengambil kira perkembangan keadaan ekonomi semasa. Selain itu, kelayakan minimum pelantikan anggota perkhidmatan awam juga telah dinaikkan ke Penilaian Menengah Rendah (PMR) daripada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai pelan khusus untuk membangunkan ekonomi belia di setiap kawasan DUN.
- b) Apakah insentif yang disediakan oleh kerajaan bagi organisasi seperti JKKK, MASJID, SURAU/NGO yang membantu program pembangunan holistik belia agar mereka mampu berjaya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta dari jumlah Rizab Negeri bagi projek pembangunan usahawan dan pemerkasaan belia. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan telah merancang untuk mengadakan program dengan kerjasama daripada INPENS dan Jabatan-jabatan Kerajaan serta NGO seperti mewujudkan Yayasan BES, Program-program kemahiran dan teknikal, program-program keusahawanan dan program Pemerkasaan Belia. Program-program tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan anak muda untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan, kepimpinan dan kemahiran dalam usaha untuk melahirkan generasi yang berpendidikan dan berpengetahuan.

Disamping itu Kerajaan Negeri sedang dalam pengambilan pelajar seramai 40 orang dalam Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM376,000.00 bagi meningkatkan pengetahuan serta melahirkan Belia Ehsan Selangor melalui pelbagai aktiviti dan program yang akan memberikan manfaat kepada para belia di Negeri Selangor.

- b) Insentif yang disediakan oleh kerajaan bagi organisasi seperti JKKK yang membantu program pembangunan holistik belia agar mereka mampu berjaya iaitu:
 - i) Program yang ditawarkan bagi manfaat penduduk dan warga desa iaitu Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan Program Kemahiran Teknikal Belia Desa bagi golongan remaja di desa yang merupakan Projek Percubaan (Pilot Project). Ini selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri bagi memastikan para belia di desa tidak terabai dan mempunyai peluang untuk maju dan meningkatkan taraf hidup mereka.

- ii) Dengan adanya Program Kemahiran Teknikal Belia Desa, belia muda yang menetap di desa diberi peluang untuk menceburi bidang kemahiran seperti Perpaipan, Penyelenggaraan Elektrik dan Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin.

- iii) Pada masa ini, para belia yang telah mengikuti program ini adalah 61 buah kampung dan kini akan diikuti oleh semua kampung di seluruh Negeri Selangor. Para belia ini dihantar ke IKRAM Skills Academy, Bangi bagi mengikuti kursus Program Kemahiran Teknikal Belia Desa setelah kajian pasaran dibuat mengenai pengiktirafan institut pengajian ini berserta harga yang ditawarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PROSPEK EKONOMI NEGERI 2015

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prospek ekonomi Selangor tahun 2015?
- b) Apakah strategi untuk meningkatkan prestasi ekonomi negeri?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2015, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor diunjurkan tumbuh 5.5% kepada RM208,881 juta. Nilai ditambah sektor pembuatan diunjurkan tumbuh 5.6% manakala nilai ditambah sektor perkhidmatan diunjurkan tumbuh 5.4%. Sektor pembinaan diunjurkan tumbuh 11.2%. Sementara itu nilai ditambah sektor pertanian diunjurkan tumbuh 1.6%.
- b) Kerajaan akan terus komited dalam melaksanakan perancangan dan strategi ke arah peningkatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Selaras dengan itu, fokus perancangan ekonomi akan dilaksanakan berdasarkan konsep Ekonomi Peduli Rakyat. Berdasarkan konsep ini, Kerajaan akan terus berusaha merangka strategi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi membantu rakyat menghadapi keadaan ekonomi yang semakin mencabar. Kerajaan Negeri telah menggariskan inisiatif-inisiatif seperti berikut :
 - i) Melindungi hak rakyat Selangor untuk mendapatkan air bersih pada harga yang berpatutan menerusi penstrukturan semula industri air;
 - ii) Dasar Perumahan Mampu Milik

Kerajaan akan memanfaatkan rizab Negeri Selangor untuk penyediaan perumahan berkualiti dan mampu milik. Perumahan mampu milik adalah isu strategik kerajaan yang berhadapan dengan permintaan perumahan mampu milik yang tinggi di Negeri Selangor. Penyediaan rumah mampu milik ini juga seiring dengan perancangan Kerajaan ke arah menyediakan sebuah persekitaran yang kondusif sekaligus meningkatkan kualiti hidup rakyat. Bagi pelaksanaan strategi ini, kerajaan akan memanfaatkan sumber tanah negeri untuk membina kemudahan perumahan dengan harga yang lebih rendah daripada Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Harga yang lebih rendah dapat ditawarkan kepada rakyat melalui strategi pengurangan kos harga tanah dan *Industrialised Building System* (IBS) yang menjimatkan kos dan masa pembinaan rumah.

- iii) Dasar Keusahawanan dan Inovasi bagi memberikan peluang kepada rakyat menambahbaik taraf kehidupan melalui penubuhan dana khas serta penyediaan kemudahan latihan dan pendidikan keusahawanan yang kondusif;
- iv) Penyediaan kemudahan pengangkutan awam percuma serta mesra pengguna dan pembinaan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu;
- v) Memperkasa Pendidikan Rakyat Selangor

Pendidikan merupakan salah satu elemen penting dalam memacu ekonomi Negeri Selangor bagi memastikan kelangsungan terhadap modal insan berkualiti tinggi dan berdaya saing untuk memenuhi kehendak dan pasaran industri dan perkhidmatan.

Universiti Selangor (UNISEL) akan terus diperkasakan sebagai sebuah institusi pendidikan terulung Negeri Selangor. Kerajaan akan menggunakan keuntungan daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri untuk disalurkan kepada UNISEL bagi pembangunan pendidikan berkualiti ke arah matlamat sebagai sebuah institusi pendidikan terbaik di Malaysia.

Selain itu, adalah menjadi hasrat kerajaan bagi Kerajaan akan terus meningkatkan program-program yang mengangkat darjat dan martabat rakyat negeri Selangor. Salah satu yang akan difokuskan oleh kerajaan ialah merapatkan kesenjangan ekonomi antara kaya dan miskin. Perancangan ke arah itu memerlukan strategi untuk mengembangkan kebolehan rakyat dari segi pengeluaran, penciptaan dan produktiviti. Rakyat yang berkembang kebolehannya akan menjadikan Selangor sebagai negeri yang produktif, mengeluarkan barangan perkhidmatan termasuk produk intelektual dan kebudayaan sekaligus meningkatkan pendapatan dan status ekonomi rakyat. Kerajaan Negeri akan merangka strategi Ekonomi Peduli Rakyat berdasarkan teori yang dinyatakan Thomas Piketty di dalam bukunya yang bertajuk *Capital In The 21st Century* yang menyebut kepentingan dan keperluan membina ekonomi yang lebih seimbang dengan pekerjaan lebih berkualiti dan pertumbuhan yang sekata dalam setiap sektor. Ke arah matlamat tersebut, usaha-usaha berikut akan dilaksanakan :

- i) Memperkasa sektor pertanian

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor utama yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor. Pada tahun 2013, sektor pertanian menyumbangkan 1.7% kepada KDNK negeri Selangor.

Pada tahun 2014 pula, dianggarkan nilai ditambah sektor pertanian negeri ialah RM2,923 juta iaitu menyumbang 1.5% kepada KDNK negeri (RM197,949 juta).

Walaupun nilai sektor ini adalah sedikit berbanding sektor lain, namun peranannya tidak dapat dinafikan memandangkan sektor pertanian turut menyumbangkan peluang pekerjaan terutama kepada penduduk luar bandar.

Sehubungan itu, kerajaan akan terus meningkatkan keupayaan industri pertanian terutama kepada dua daerah utama negeri Selangor iaitu Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor ke arah industri berasaskan pertanian. Penggunaan teknologi baru dan inovasi pertanian dipergiatkan bagi pengeluaran hasil pertanian secara besar-besaran. Peningkatan sektor pertanian secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan luar bandar.

ii) Kemapanan sektor ekonomi terutama sektor perindustrian dan perdagangan

Sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri malah ia merupakan nadi ekonomi negara. Sehubungan itu, adalah menjadi strategi kerajaan negeri untuk melonjakkan negeri Selangor sebagai negeri perindustrian dan perdagangan. Untuk makluman, Negeri Selangor mempunyai sektor pembuatan seperti elektronik, bahan kimia dan kenderaan automotif yang terbesar di Malaysia seperti kereta Proton dan Perodua. Kilang-kilang kereta import juga banyak beroperasi di negeri ini seperti Toyota, Nissan, Volkswagen dan banyak lagi. Selain itu, banyak juga kilang-kilang dari luar negara yang bertapak di negeri yang antaranya adalah kilang Panasonic dari Jepun, Procter & Gamble dari Amerika Syarikat dan lain-lain. Manakala antara kawasan perindustrian yang terkenal ialah di Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Kajang, Rawang dan Petaling Jaya.

iii) Peningkatan kualiti hidup dan pembasmian kemiskinan

Peningkatan kualiti hidup rakyat merupakan agenda utama kerajaan negeri bagi membolehkan Selangor menuju ke arah kemodenan dan kemajuan yang mapan. Sehubungan itu, harapan ini direalisasikan dengan memenuhi keperluan kehidupan asasi rakyat melalui kemajuan taraf pendidikan, keamanan yang berterusan, hak untuk memiliki harta dan jaminan generasi masa depan yang cemerlang.

vi) Pengurusan Perbandaran dan Alam Sekitar

Pengurusan perbandaran yang teratur mencerminkan kualiti hidup yang sihat. Oleh itu, penyediaan kemudahan awam yang sempurna serta kawasan perbandaran yang bersih dan indah menjadi strategi kerajaan negeri sejajar dengan peredaran semasa. Dalam memastikan kecemerlangan ini diteruskan pada masa-masa akan datang, kerajaan negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa

memastikan aspek asas perbandaran diberi perhatian yang serius.

Perancangan dan pengurusan alam sekitar secara mampan akan diberi penekanan di setiap PBT bagi mengelakkan bencana alam dan kesan pembangunan kepada alam sekitar daripada berlaku dan memberi kesan kepada rakyat.

iv) Pembangunan Desa

Pembangunan Desa bukan merupakan satu projek yang boleh dilihat secara sendiri. Kerajaan Negeri ingin mengutarakan matlamat untuk menjalankan pembangunan desa secara holistik ini dengan kaedah mengambil kira soal pandangan dari kumpulan pelaksana, kerjasama daripada pembuat dasar dan juga agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian dan Pejabat Daerah. Pada masa yang sama, matlamat utama yang ingin diutarakan oleh Kerajaan Negeri ialah untuk mengurangkan jurang pendapatan serta menanam nilai keempunyaan projek tersebut dalam diri masyarakat kampung. Pada masa ini, kaedah yang dilaksanakan dalam membantu membangunkan masyarakat kampung ialah dengan memberi insentif dan bantuan. Kerajaan Negeri ingin mengubah konsep ini kea rah satu konsep yang menyeluruh dan holistik bagi memastikan pembangunan kampung setanding dengan pembangunan di kawasan bandar.

Konsep ekonomi Peduli Rakyat yang digariskan seperti di atas merupakan antara usaha Kerajaan Negeri yang bertujuan merapatkan kesenjangan antara kaya dan miskin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 Kajang)**

TAJUK : PENDIDIKAN KANAK-KANAK

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta kerajaan negeri nyatakan rancangan untuk menyediakan kemudahan taska dan pusat asuhan kanak-kanak di Selangor
- b) Minta kerajaan negeri mengemukakan statistik dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan menerusi skim TUNAS
- c) Minta nyatakan rancangan untuk memperbaiki sistem pendidikan kanak-kanak secara komprehensif

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan telah mengendalikan dan menguruskan sendiri Taska Pejabat SUK yang beroperasi di bawah Pentadbiran Pengurusan Sumber Manusia khusus untuk kakitangan pejabat SUK. Di Bawah kendalian 11 orang tenaga pentadbiran, Taska SUK ini menggunakan modul pra sekolah yang bersesuaian dengan tahap perkembangan dan minda kanak-kanak. Untuk kemudahan yang lebih meluas, ia masih dalam kajian Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri buat masa ini bekerjasama dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor di dalam pelaksanaan skim TUNAS.
- b) Statistik dan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan menerusi Skim Tunas adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Tadika Berjaya	Penerima Manfaat	Peruntukan Tahunan Skim Tunas	Jumlah pembayaran
1	2012	196	1,277 Orang	RM1,016,600.00	RM210,475.00
2	2013	273	3,086 Orang	RM3,000,000.00	RM1,491,802.00
3	2014	243	6,823 Orang	RM3,329,560.00	RM3,329,555.00
Jumlah Keseluruhan		710 Tadika	11,186 Orang	RM7,346,160.00	RM5,043,762.00

- c) Isu pendidikan kanak-kanak akan dijadikan salah satu isu yang dikaji di dalam Temurapat Standco Pendidikan yang dijadualkan berlangsung Januari nanti. Tumpuan utama ialah bagi menetapkan halatuju dan memperbaiki sistem pendidikan kanak-kanak di Selangor secara komprehensif.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)

TAJUK : ISU BANJIR KILAT KAMPUNG LABU LANJUT

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu banjir kilat di kawasan Kampung Labu Lanjut masih belum mendapat penyelesaiannya. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah merangka beberapa langkah untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Labu Lanjut, Daerah Sepang. Antaranya ialah:
- i. Menyediakan '*Master Plan Drainage System*' kawasan Labu Lanjut bagi mengenalpasti sistem saliran sediaada dan penambahbaikan kepada sistem tersebut.
 - ii. Merancang dan mencadangkan bagi pembinaan rumah pam kekal bagi setiap saluran keluar air larian hujan di kawasan Labu Lanjut.
 - iii. Permohonan peruntukan tambahan bagi penyelenggaraan parit sebanyak 4 pusingan setahun sedang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : PENAMBAHAN ANGGOTA PENGUATKUASA PBT

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi merealisasikan cadangan menambah anggota penguatkuasa di PBT demi mengekang kejadian jenayah, khususnya jenayah di jalan raya.

JAWAPAN:

- a) PBT telah melaksanakan penyusunan semula penempatan anggota penguatkuasa dan penambahan bagi melancarkan lagi perkhidmatan anggota penguatkuasa. Cadangan menambah anggota penguatkuasa di PBT adalah salah satu teras strategik di bawah Pelan Tindakan lima (5) tahun Kerajaan Tempatan yang dilaksanakan pada tahun 2013 yang bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan berdasarkan peraturan dan Undang-Undang Kecil PBT disamping menjalankan rondaan bersama pihak polis. Walau bagaimanapun, bagi kejadian jenayah khususnya jenayah di jalan raya adalah di bawah bidang kuasa dan kawalan pihak Polis DiRaja Malaysia. Bilangan keseluruhan penambahan anggota Penguatkuasa pada tahun 2014 adalah sebanyak 111 orang. Sila rujuk **Lampiran 1**.

Lampran 1

PBT	Bilangan Penguatkuasa PBT		Pertambahan	Catatan
	2013	2014 (sehingga November)		
MBSA	200	243	43	
MBPJ	321	360	39	
MPSJ	296	296	-	
MPS	153	168	15	
MPAJ	155	174	19	
MPKj	109	110	1	
MPK	268	255	-13	Pengurangan 13 orang kerana telah melaksanakan penyusunan semula tugas
MPSp	99	101	2	
MDKS	54	54	-	
MDKL	50	50	-	
MDSB	26	31	5	
MDHS	50	50	-	
Jumlah	1781	1892	111	

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : PORTFOLIO PEMODENAN PERTANIAN

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan program dan dasar portfolio Pemodenan Pertanian tahun 2015?
- b) Apakah ada kelemahan pada dasar dan pelaksanaan program sebelum ini?
- c) Nyatakan pencapaian portfolio di tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Dasar portfolio Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani tahun 2015 adalah Merakyatkan Pertanian Selangor iaitu dengan memberikan penumpuan kepada perkara-perkara seperti berikut :-
 - i. Memastikan keperluan bekalan makanan yang cukup, selamat dan berkualiti tinggi;
 - ii. Meningkatkan hasil pengeluaran ke tahap maksima dengan mengoptimumkan penggunaan sumber secara lebih efisien;
 - iii. Mengurangkan penggunaan tenaga buruh dengan penggunaan peralatan moden seperti sistem hidroponik;
 - iv. Memaksimumkan penggunaan tanah seperti penggabungan penternakan dan tanaman;
 - v. Meningkatkan pemasaran hasil pertanian dan hasil produk hiliran (Industri Asas Tani) dengan mewujudkan pusat-pusat pengumpulan dan mempertingkatkan kualiti pembungkusan produk selain dari penjenamaan produk; dan
 - vi. Melibatkan lebih ramai golongan generasi muda untuk menceburi sektor pertanian dan industri asas tani (IAT) melalui program-program seminar, kursus dan skim-skim bantuan asas pertanian dan industri asas tani (IAT).
- b) Secara keseluruhannya, pelaksanaan program-program yang berkaitan dengan dasar sebelum ini telah berjalan dengan lancar dan penambakan untuk memantapkan lagi dasar dan pelaksanaan program akan sentiasa dilakukan dari masa ke semasa.

- c) Pencapaian portfolio di tahun 2014 ini adalah seperti berikut :-
- i. Telah melaksanakan Program Bantuan Nelayan, Petani Dan Penternak kepada seramai 601 dengan jumlah RM1,111,560.00.
 - ii. Program lawatan ke kawasan-kawasan pertanian khususnya ke Taman Kekal Pertanian Makanan dan kawasan pertanian PKPS.
 - iii. Melaksanakan Program Jelajah Tani Selangor 2014 di 4 daerah yang berkaitan dengan pertanian iaitu di Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Kuala Langat. Melalui program tersebut juga, diadakan sesi bertemu dengan para petani, nelayan dan penternak bagi mendengar dan mengenalpasti masalah serta cadangan secara terus dari golongan sasar. Program tersebut juga melibat jabatan-jabatan dan agensi di bawah Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani (IAT).
 - iv. Program Selangor Agrofest 2014 yang akan di adakan bermula dari 18 hingga 21 Disember 2014 dengan melibatkan kesemua jabatan dan agensi bawah Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani (IAT) serta 100 usahawan tani dan industri asas tani (IAT).
 - v. Terlibat secara langsung di dalam Program MAHA 2014 di MAEPS Serdang yang berlangsung pada 20 hingga 30 November 2014, juga melibatkan jabatan dan agensi bawah Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani (IAT) serta 12 usahawan tani dan industri asas tani (IAT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : CERUN

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pinjaman pembaikan cerun yang diberikan oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2014.
- b) Senaraikan jumlah pinjaman pembaikan cerun yang bertukar menjadi grant mengikut pecahan PBT.
- c) Apakah rasional Kerajaan Negeri mengenakan kadar bunga 2% atas pinjaman pembaikan cerun?

JAWAPAN:

- a) Senarai jumlah pinjaman pembaikan cerun yang diberikan oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2014 adalah seperti berikut:

NO	NAMA PROJEK	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	Kerja-kerja Penstabilan Cerun Di Kawasan MPAJ	2,168,620.00
2.	Pembaikan Cerun dan Pembinaan Jambatan - MPKj	3,893,230.00
3.	Kerja-kerja Membaik Pulih Cerun Runtuh Di Jalan Utama Berhadapan Apartment Lily – Rawang - MPS	1,078,000.00
	Jumlah Keseluruhan (RM)	7,139,850.00

- b) Sehingga kini, tiada pinjaman bagi pembaikan cerun yang dihapusira atau ditukarkan kepada geran.
- c) Caj pembiayaan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri ke atas pinjaman pembaikan cerun adalah pada kadar tetap 4% setahun.

Kerajaan Negeri menetapkan dasar kenaan caj pembiayaan pada kadar 4% setahun bagi setiap pinjaman yang diluluskan di mana caj pembiayaan tersebut merupakan hasil kepada Kerajaan Negeri untuk dipulangkan kepada rakyat jua. Pembaikan cerun juga boleh meningkatkan nilai pasaran ke atas tanah-tanah yang berhampiran cerun tersebut. Secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil Pihak Berkuasa Tempatan terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan Negeri yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan jumlahnya mengikut daerah
- b) Senaraikan jumlah permohonan dan jumlah permohonan yang berjaya mengikut daerah. Nyatakan sebab bagi permohonan yang gagal
- c) Adakah Kerajaan akan meningkatkan jumlah pemberian bantuan kebajikan ini

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan Negeri yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebanyak RM14,269,551.85 . Pengagihan peruntukan bantuan kewangan mengikut daerah bagi Januari hingga Oktober 2014 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Pengagihan Peruntukan bantuan kerajaan Negeri Bagi Januari hingga Oktober 2014

BIL	DAERAH	BANTUAN AM (RM)	BANTUAN LATIHAN BELIA (RM)	BANTUAN BENCANA (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Klang	1,612,060.00	19,500.00	57,750.00	1,689,310.00
2.	Gombak	1,032,825.00	6,000.00	0	1,038,825.00
3.	Petaling Jaya	713,965.00	1,750.00	1,780.00	717,495.00
4.	Hulu Langat	616,495.00	7,150.00	0	623,645.00
5.	Kuala Langat	1,409,420.00	0	24,506.00	1,433,926.00
6.	Hulu Selangor	1,554,855.00	11,200.00	21,670.00	1,587,725.00
7.	Sepang	1,053,350.00	0	0	1,053,350.00

BIL	DAERAH	BANTUAN AM (RM)	BANTUAN LATIHAN BELIA (RM)	BANTUAN BENCANA (RM)	JUMLAH (RM)
8.	Kuala Selangor	1,272,575.00	13,500.00	31,240.00	1,317,315.00
9.	Sabak Bernam	831,220.00	6,500.00	20,350.00	858,070.00
10.	Subang Jaya	412,210.00	6,750.00	28,425.00	447,385.00
11.	Shah Alam	290,250.00	7,700.00	37,000.00	334,950.00
	JUMLAH	10,799,225.00	80,050.00	222,721.00	11,101,996.00

- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menerima permohonan Bantuan Am sebanyak 9,490 kes. Jumlah permohonan Bantuan Am yang diterima oleh JKMN Selangor mengikut daerah Sehingga bulan Oktober 2014 seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah permohonan Bantuan Am yang diterima oleh JKMN Selangor mengikut daerah sehingga bulan Oktober 2014.

Bil	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	Permohonan	Lulus	Gagal
1.	KLANG	1394	1292	102
2.	GOMBAK	758	742	16
3.	PETALING JAYA	681	450	231
4.	HULU LANGAT	755	442	313
5.	KUALA LANGAT	1462	962	500
6.	HULU SELANGOR	1289	1047	242
7.	SEPANG	765	660	105
8.	KUALA SELANGOR	978	787	191
9.	SABAK BERNAM	726	621	105
10.	SUBANG JAYA	388	260	128
11.	SHAH ALAM	294	224	70
	JUMLAH	9490	7487	2003

Alasan gagal adalah seperti berikut:

- a) Bukan warganegara.
- b) Pendapatan isi rumah melebihi had kelayakan RM 720.00 sebulan

- c)** Masih sihat dan berupaya untuk bekerja serta berdikari untuk menyara kehidupan sendiri.
 - d)** Mempunyai harta yang mengeluarkan hasil/sumber kewangan sampingan seperti rumah sewa, pencen, bantuan perkeso, bantuan baitul-mal dan zakat.
- c) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk menaikkan kadar Bantuan Am daripada RM 75.00, RM150.00 dan RM 175.00 sebulan kepada RM300.00 sebulan mulai Januari 2015. Kadar seragam telah dicadangkan bagi memudahkan pengurusan pembayaran bantuan dan mengelakkan kekeliruan di kalangan penerima bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 Dusun Tua)**

TAJUK : JENAYAH RAGUT

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Statistik jenayah ragut di Selangor: penjenayah mengikut kaum dan kumpulan (remaja & dewasa) bagi 3 tahun yang lepas;
- b) Apakah faktor yang dikesan berlakunya jenayah ragut?
- c) Apakah langkah-langkah yang boleh Kerajaan Negeri sumbangkan untuk membendung jenayah ini?

JAWAPAN:

a)

1. Statistik kes jenayah ragut yang berlaku di Negeri Selangor bagi tempoh 3 tahun kajian iaitu tahun 2011, 2012, 2013 dan tempoh bagi bulan Januari hingga Oktober 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	2011	2012	2013	2014 (Jan – Okt)	Jumlah
Jumlah Kes ragut	799	726	984	760	3,269

2. Statistik kes tangkapan jenayah ragut yang dituduh di Mahkamah mengikut pecahan kaum bagi tahun kajian seperti berikut:

Tahun	2011	2012	2013	2014 (Jan – Okt)	Jumlah
Kaum					
Melayu	21	19	24	18	82
Cina	0	4	2	0	6
India	9	10	7	6	32
Lain Bangsa	5	7	3	8	23
Jumlah	35	40	36	32	143

3. Statistik tangkapan kes jenayah ragut melibatkan remaja dan orang dewasa yang dituduh di Mahkamah mengikut kategori umur bagi tahun kajian adalah seperti berikut:

Umur (Tahun) \ Tahun	2011	2012	2013	2014 (Jan – Okt)	Jumlah
13 – 15	2	1	3	1	7
16 – 18	9	8	9	5	31
19 – 28	15	25	18	19	77
29 ke atas	9	6	6	7	28
Jumlah	35	40	36	32	143

- b) Jenayah ragut merupakan jenayah yang dikategorikan sebagai jenayah indeks hartabenda yang berlaku di jalanan sehingga boleh menyebabkan kecederaan dan kematian. PDRM memandang serius jenayah ragut dan berusaha bersungguh - sungguh untuk membanteras kes ragut dari berlaku khususnya di Negeri Selangor.

PDRM telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya jenayah ragut. Faktor – faktor berlakunya jenayah ragut adalah seperti berikut:-

i. Niat Dan Peluang

Penjenayah mempunyai niat untuk melakukan jenayah ragut. Penjenayah sentiasa menunggu peluang dan ruang yang terbuka terhadap sasaran terutama kaum wanita. Sebagai contoh kaum wanita yang mempamerkan barangan kemas dan membawa beg tangan dengan cara yang mudah diragut.

ii. Penyalahgunaan Dadah

Penagih dadah dikenalpasti melakukan jenayah ragut bagi mendapatkan wang dengan cara mudah untuk membeli bekalan dadah. Pengaruh penyalahgunaan dadah akan menyebabkan penjenayah bertindak kejam terhadap mangsa. Sebagai contoh peragut akan merentap beg tangan mangsa hingga terjatuh yang boleh menyebabkan kecederaan dan kematian.

iii. Gejala Sosial

Penjenayah melakukan jenayah ragut dikenalpasti terlibat dengan gejala sosial seperti kegiatan lumba haram, penyalahgunaan dadah, curi motosikal dan gangsterism.

iv. **Pengangguran**

Penjenayah melakukan jenayah ragut dikenalpasti sebagai penganggur, malas bekerja dan mempunyai masalah kekeluargaan.

v. **Penjenayah Berulang (Residevis)**

Penjenayah yang telah ditangkap dan dituduh akan dibebaskan dengan jamin oleh Mahkamah sehingga perbicaraan kes. Penjenayah akan melakukan jenayah ragut berulang (residevis) untuk mendapatkan wang bagi membayar hukuman atau denda di Mahkamah.

vi. **Mangsa Kes Ragut**

Mangsa kes ragut dikenalpasti mendedahkan diri kepada jenayah di atas kecuaiian seperti berikut:-

- a. Berjalan berseorangan di lorong sunyi.
 - b. Membawa beg tangan dengan cara yang mudah diragut.
 - c. Meletakkan beg tangan di raga motosikal semasa menunggang.
 - d. Meletakkan beg tangan di tempat duduk sebelah semasa memandu (Passanger Seat) dan pintu kereta tidak berkunci.
 - e. Berebut menaiki kenderaan awam atau berada di kawasan sesak.
 - f. Menggunakan telefon mudah alih dan tidak peka keadaan persekitaran.
- c) Polis Kontinjen Selangor telah mengambil langkah untuk membanteras jenayah ragut melalui program 'Community Policing' merangkumi kerjasama di antara polis dan masyarakat dengan mengadakan dialog, pameran, ceramah, kempen kesedaran dan bertukar – tukar maklumat dengan masyarakat berkaitan jenayah ragut. Program 'Community

Policing' diadakan secara berterusan samada di peringkat Ibupejabat Polis Kontinjen Selangor mahupun di peringkat daerah.

Langkah yang dicadangkan :

I. 'Smart Partnership'

Mempertingkatkan program pencegahan jenayah ragut dengan melibatkan semua lapisan masyarakat melalui aktiviti Persatuan Penduduk, aktiviti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Program Pencegahan Jenayah di sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta penglibatan Agensi Kerajaan Negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui program Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS).

II. Perkongsian Maklumat

Menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat jenayah ragut melalui medium sosial (Facebook, WhatsApp, Instagram, Tweeter), media elektronik dan media cetak seperti Selangor Kini dan Radio Selangor FM.

III. Program Motivasi

Mewujudkan program motivasi, kesedaran agama / moral dan peluang pekerjaan kepada bekas penjenayah ragut supaya mereka tidak terlibat dan mengulangi jenayah ragut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAMPUNG BAHARU

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faedah yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk pembangunan Kampung Baharu
- b) Berapakah jumlah Kampung Baharu Di Selangor dari 2008 hingga 2014 mengikut daerah?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada seluruh Kampung Baharu dari tahun 2008-2014?

JAWAPAN:

- a) Bagi pembangunan Kampung Baharu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan yang besar setiap tahun melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baharu kepada Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor bagi menjalankan program-program serta projek-projek pembangunan di Kampung Baru sama ada pembangunan fizikal atau bukan fizikal. Peruntukan tersebut dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang telah ditetapkan.
- b) Jumlah Kampung Baru di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2014 adalah sebanyak 77 kampung yang terdiri dari kampung baru, kampung bagan dan kampung tersusun. Pecahan lengkap kampung baru, kampung bagan dan kampung tersusun mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	JUMLAH KG.		
		BARU	BAGAN	TERSUSUN
1.	Petaling	6	-	1
2.	Klang	1	3	-
3.	Gombak	5	-	8
4.	Hulu Langat	10	-	2
5.	Sepang	4	-	-
6.	Kuala Selangor	3	7	-
7.	Kuala Langat	2	-	-

BIL.	DAERAH	JUMLAH KG.		
		BARU	BAGAN	TERSUSUN
8.	Sabak Bernam	3	9	-
9.	Hulu Selangor	8	-	5
JUMLAH KESELURUHAN		42	19	16

- c) Jumlah peruntukan yang diberikan kepada seluruh kampung baru dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2008	200,000.00
2.	2009	5,476,000.00
3.	2010	5,400,000.00
4.	2011	5,000,000.00
5.	2012	5,000,000.00
6.	2013	5,000,000.00
7.	2014	5,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		31,076,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 Taman Medan)**

TAJUK : ASEAN ECONOMIC COMMUNITY (AEC)

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persiapan Selangor dalam menjadi ASEAN *Economic Community* (AEC) pada 2015?
- b) Bagaimana Selangor boleh memanfaatkan AEC dalam sektor-sektor yang ada?
- c) Apakah risiko yang perlu ditangani apabila wujud AEC kelak?

JAWAPAN:

- a) Kerjasama antara negara ASEAN telah lama bermula sejak tahun 1967 lagi. AEC merupakan platform yang terbaik bagi Malaysia untuk mencari halatuju ekonomi pada ketika itu. Platform tersebut merupakan titik tolak perbincangan hubungan kerjasama perdagangan dan industri antara negara ASEAN. Pewujudan kerjasama yang erat adalah penting bagi negara-negara ASEAN yang kebanyakannya bermula tanpa ekonomi yang kukuh dan stabil. Kerjasama AEC melibatkan penglibatan 10 buah negara ASEAN.

Sasaran *ASEAN Economic Community* (AEC) 2015 ialah mengurangkan jurang ekonomi negara-negara ahli, melaksanakan pembangunan ekonomi yang seimbang dan mampan serta meningkatkan kerjasama erat antara negara-negara ahli. Empat (4) halatuju dirancang bagi mencapai matlamat tersebut iaitu pusat pengeluaran tunggal (*single market and production base*), wilayah ekonomi berimpak tinggi (*high competitive economic region*), pembangunan wilayah ekonomi yang seimbang dan mampan (*region of equitable economic*) dan integrasi ekonomi antara wilayah secara global (*a region fully integrated into global economic*).

Pada tahun 2015, AEC berhadapan dengan cabaran dalam menangani isu-isu ekonomi serantau. Ke arah persediaan AEC 2015, kerajaan telah mengadakan *AEC 2015 Forum : Selangor Gateway to AEC 2015* pada 3 Disember 2013. Forum tersebut disertai oleh semua penggiat industri perdagangan dan industri, institusi perbankan, wakil negara ahli ASEAN, badan korporat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan serta ahli akademik bertujuan untuk memberi pendedahan awal berkaitan AEC 2015. Selain itu, melalui forum tersebut, perbincangan telah dibuat antara pihak swasta dan agensi kerajaan supaya pihak terlibat dapat mengupayakan diri untuk bersaing bagi mencapai halatuju AEC 2015.

- b) Selangor merupakan penyumbang utama ekonomi Malaysia. AEC 2015 merupakan platform untuk meningkatkan lagi pasaran ekonomi domestik ke pasaran serantau melalui bidang politik, ekonomi, sosial budaya dan alam sekitar berdasarkan pelan-pelan perdagangan, perindustrian dan pelaburan. AEC 2015 akan membuka peluang pasaran perniagaan dan perdagangan pelbagai sektor-sektor penting. Antara bidang-bidang yang berpotensi bagi mewujudkan kerjasama dan perkongsian teknologi ialah bidang pertanian, perlombongan, hartanah dan perumahan, kesihatan, pelancongan, pendidikan, teknologi maklumat dan telekomunikasi, sumber tenaga, perbankan dan pembuatan.

Menjelang tahun 2015, Negeri Selangor akan berhadapan dengan pelbagai cabaran bagi mengekal dan meningkatkan momentum ekonomi negeri. Sehubungan itu, melalui AEC 2015, kerajaan dan pemain industri akan mendapat manfaat seperti berikut :

- i) Membuka peluang pasaran perkhidmatan dan barangan dengan lebih luas bagi tujuan perdagangan antara wilayah ASEAN;
 - ii) Mewujudkan ekonomi pasaran harga yang lebih kompetitif yang akan meningkatkan pengeluaran produk secara besar-besaran;
 - iii) Pengurangan kos berdasarkan pasaran harga yang lebih kompetitif dan menguntungkan pengguna;
 - iv) Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan sektor perkhidmatan, perindustrian, logistik serta telekomunikasi. Pewujudan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dengan bayaran gaji yang lebih baik dan peluang untuk meningkatkan kemahiran diri. Ini akan memberikan impak sosial yang positif bagi mengurangkan jurang perbezaan antara kaya dan miskin. Peningkatan taraf hidup akan menjadikan kuasa membeli semakin baik dan seterusnya menyumbang kepada keutuhan ekonomi Negeri Selangor;
 - v) Peluasan pasaran ekonomi akan mewujudkan satu persekitaran yang inovasi, kreatif dan berdaya saing terhadap keperluan perkhidmatan dan produk. Situasi ini akan mewujudkan persekitaran ekonomi yang sihat di mana pemain industri akan lebih produktif dan inovatif bagi menyediakan kepelbagaian perkhidmatan dan produk bagi memenuhi keperluan pengguna; dan
 - vi) Mewujudkan integrasi pasaran yang kukuh antara negara-negara ahli yang seterusnya memacu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi.
- c) Pasaran ekonomi ASEAN bersifat dinamik dan pesat membangun di dunia. AEC 2015 dijangka akan memberi prospek pertumbuhan yang besar kepada ASEAN dan dunia. Namun demikian, kebimbangan terhadap sebarang risiko yang timbul dan kesan terhadap negeri khususnya tidak dapat dinafikan.

Pelaksanaan ACE 2015 dijangka akan mencatatkan kemampuan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh masa lima (5) tahun. Selari dengan itu, corak demografi akan turut berubah kesan daripada kepesatan pembangunan. Penduduk berpendapatan pertengahan dijangka akan meningkat dan mengubah persekitaran pengguna. Perubahan ini mungkin akan memberi kesan terhadap corak sosial dan

kepenggunaan dan seterusnya mengubah corak keperluan dan kehendak masyarakat secara keseluruhannya.

Selain itu, perkembangan pasaran perdagangan yang luas akan menyumbang kepada pertumbuhan positif ekonomi Selangor dan memberi peluang yang besar terhadap perniagaan dan perdagangan. Ini membawa kepada perkembangan sektor keusahawanan dan perniagaan domestik ke tahap lebih tinggi. Perkembangan ini seterusnya membawa kepada permintaan terhadap kemudahan infrastruktur dan prasarana yang lebih baik bagi sebagai sokongan untuk mengukuhkan lagi aktiviti ini. Sehubungan itu, adalah menjadi cabaran yang besar kepada kerajaan bagi memenuhi perubahan corak demografi dan sosial penduduk. Kerajaan akan terus peka dengan setiap perubahan dan mengambil inisiatif secara berterusan bagi berhadapan dengan perkara ini.

Namun demikian, di sebalik risiko-risiko tersebut, wujud pelbagai peluang besar yang terbuka luas kepada sektor korporat, syarikat dan peniaga tempatan dalam pelbagai sektor perdagangan dan perniagaan. Pihak tersebut perlu berusaha meningkatkan keupayaan diri untuk menembusi pasaran serantau yang seterusnya meningkatkan aktiviti pemerolehan merentas sempadan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal yang beroperasi di Selangor dengan butir-butir seperti tarikh pewartaan, keluasan dan sebagainya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menaik taraf tapak-tapak pelupusan sampah bagi menampung peningkatan kapasiti sisa pepejal? Jika ya, nyatakan butir-butir.

JAWAPAN:

pir setahun

LAMPIRAN A**RINGKASAN MAKLUMAT MENGENAI TAPAK PELUPUSAN DI SELANGOR**

Tapak Pelupusan	Tarikh Operasi	Keluasan, Ekar	Penerimaan Harian Semasa, Tan	Operator
Tapak Pelupusan Sanitari Jeram	Januari 2007	160	2,500	WHB
Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung 12	Januari 2010	160	950	WHB
Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar	April 2005	700	3,000	KUB-Berjaya Enviro
Tapak Pelupusan Terbuka Bkt. Beruntung	Oktober 2004	30	150	MDHS
Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena	Januari 1984	25	60	MDSB
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	Disember 2004	145	250	WHB
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	Jun 2007	27	150	WHB
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg Kertas	Januari 2011	14.1	100	WHB

- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri masih dalam proses untuk mengambilalih tanah seluas 100-140 ekar yang terletak bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram sedia ada. Oleh kerana situasi yang mendesak di Jeram dengan kapasiti penghantaran seharian menjadi hampir sekali ganda, pengambilalihan tanah tersebut akan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan daripada tahun 2016 ke 2025. Dengan penambahan tanah ini ianya dapat menambah kapasiti keseluruhan yang mampu ditampung oleh tapak pelupusan tersebut daripada 7.8 juta tan ke 15 juta tan.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk menaiktaraf dan memulihara Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena di Sabak Bernam seluas 10 ekar. Tanah bersebelahan seluas 15 ekar juga akan dibangunkan sebagai tapak pelupusan sanitari bagi memastikan pelupusan sisa pepejal dilakukan mengikut piawaian alam sekitar yang sewajarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : GERAN SELANGORKU USAHAWAN MUDA RM30 JUTA

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak peruntukan yang disediakan sebanyak RM30 juta telah dibelanjakan?
- b) Adakah belia dalam negeri ini telah mendapat manfaat daripada penyediaan geran tersebut?
- c) Apakah peruntukan Geran tersebut akan ditambah?

JAWAPAN:

- a) Daripada peruntukan sebanyak RM30 juta, sebanyak RM1.771 juta telah dibelanjakan sepertimana berikut :

Bil.	GERAN	JUMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	Bil.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
1	KEUSAHAWAN MUDA	30,000,000	7	1,770,757.20	1	Program Selangor Motor Race 2012	647,850.00
					2	Pertandingan Bola Keranjang antara Kampung-Kampung Baru Cina di Seluruh Negeri Selangor	159,050.00
					3	Program Belia	150,000.00
					4	Program Pembangunan Remaja	125,000.00
					5	Program Gotong Royong Anak Muda Prihatin Masjid - Pembaikan & Pemulihan Tandas Masjid	125,857.20
					6	Program Pembangunan Belia, Masyarakat & Pencerdasan Rakyat tahun 2012-2013	200,000.00
					7	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 1-4)	159,200.00
					8	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 5-7)	203,800.00

- b) Geran usahawan ini telah dikembangkan bagi merangkumi program-program belia yang lain memandangkan kesukaran mendapatkan cadangan-cadangan keusahawanan yang memberangsangkan serta berdaya saing.
- c) Sepertimana tajuk-tajuk lain, program ini tidak lagi diteruskan di bawah Geran Selangorku yang telah ditamatkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : RAKYAT BERPENDAPATAN TINGGI

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah perancangan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri untuk melahirkan rakyat berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi Persekutuan?
- b) Apakah pandangan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri terhadap wawasan Kerajaan Persekutuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Karya ahli ekonomi Perancis, Thomas Piketty bertajuk '*Capital in the Twenty-First Century*' telah mengkaji tentang bagaimana herotnya tumpuan kekayaan di negara-negara yang dilabelkan sebagai negara maju seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea. Keherotan kekayaan ini juga tidak terkecuali berlaku di Malaysia. Kenyataan bahawa 20% penduduk menguasai 80% kekayaan negara adalah sukar untuk dinafikan. Oleh kerana itu, wujud keperluan untuk membina ekonomi yang lebih seimbang dengan pekerjaan lebih berkualiti dan pertumbuhan yang lebih sekata dalam semua sektor. Isu kemaslahatan rakyat seperti meningkatkan pendapatan, pembasmian kemiskinan, mengurangkan jurang ekonomi antara golongan kaya dengan miskin, membina perumahan mampu milik serta menangani bencana alam sekitar harus menjadi teras pembangunan.

Ahli falsafah dan ekonomi dari India, Amartya Sen juga telah menegaskan bahawa pembangunan adalah *capability expansion* yang bermaksud pengembangan kebolehan rakyat dari segi pengeluaran, penciptaan dan produktiviti. Rakyat yang berkembang kebolehannya akan menjadikan negeri Selangor sebagai negeri yang produktif, pengeluar barangan dan perkhidmatan bermutu termasuk produk intelektual dan kebudayaan sekaligus meningkatkan pendapatan dan status ekonomi rakyat.

Negeri Selangor perlu mengekalkan peranannya sebagai penyumbang terbesar KDNK kepada Malaysia. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor perlu memastikan ia mampu untuk terus mendahului dengan langkah yang mampu dilaksanakan dengan perancangan inovatif dan terkehadapan. Pembangunan negeri Selangor yang pesat mengundang penghijrahan dari luar, ditambah dengan pertambahan penduduk secara semulajadi menuntut perumahan rakyat dan rumah mampu milik dijadikan keutamaan untuk

meningkatkan kualiti hidup rakyat serta membangunkan masyarakat yang kohesif dengan penempatan dan persekitaran yang baik. Keperluan pengangkutan awam juga akan meningkat dan akan dilihat secara bersepadu antara Lembah Klang dan Kuala Lumpur.

- b) Definisi sebuah negara maju tidak boleh hanya diukur berdasarkan corak pendapatan sahaja. Walaupun sesebuah negara itu telah mencapai negara berpendapatan tinggi, ia tidak menggambarkan keadaan sebenar kemajuan pembangunan sesebuah negara dan kesejahteraan rakyat. Thomas Piketty, melalui karya beliau bertajuk '*Capital in the Twenty-First Century*' menyatakan, kajian pendapatan dan kesaksamaan kekayaan di lebih 20 buah negara termasuk negara berpendapatan tinggi menunjukkan bahawa, wujudnya ketidaksamaan pendapatan negara-negara maju di dunia. Beliau juga menyatakan, terdapat tiga (3) corak ekonomi yang berlaku dalam tempoh 15 tahun kepada negara berpendapatan tinggi, iaitu pewujudan penguasaan ekonomi secara tidak adil (*wealth-based society*), kewujudan jurang pendapatan antara kaya dan miskin yang tinggi berikutan penguasaan ekonomi yang tidak sama rata dan ketidaksamaan pembahagian pendapatan negara di Amerika Syarikat yang mana ia juga merupakan contoh kesan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh negara berpendapatan tinggi. Kajian tersebut turut menyatakan ketidaksamaan struktur ekonomi Amerika dan Eropah yang berbeza. Sebagai contoh, Amerika Syarikat mengalami ketidaksamaan jumlah pendapatan (*labour cost*) yang ketara manakala Eropah mengalami ketidaksamaan perkongsian kekayaan negara yang lebih tinggi. Ketidaksamaan tersebut memberi kesan yang buruk kepada masyarakat secara keseluruhan. Ketidaksamaan pendapatan dan kekayaan menyebabkan kemudahan infrastruktur dan pendidikan tidak dapat dinikmati sama rata oleh rakyat. Kesan tersebut akan turut mempengaruhi struktur sosial negara dalam jangka masa panjang sekiranya tidak ditangani seperti yang berlaku kepada negara-negara maju tersebut.

Kajian bersama antara Universiti Malaya dan Institut Penyelidikan Khazanah mendapati bahawa jurang pendapatan dan pemilikan rumah adalah semakin tinggi. Ini berdasarkan nilai harta yang dibeli pembeli atasan berkembang lebih cepat berbanding nilai harta yang dibeli golongan berpendapatan rendah.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor mengambil pendekatan untuk memperkukuhkan kestabilan ekonomi terlebih dahulu melalui perkongsian kekayaan sama rata berdasarkan konsep Ekonomi Peduli Rakyat. Antara yang perlu diberi perhatian ialah pewujudan modal insan yang menyeluruh berintensif pengetahuan bagi menerajui inovasi ke arah keutuhan pertumbuhan ekonomi. Negeri Selangor akan mengoptimumkan keupayaan modal insan bagi meningkatkan produktiviti secara maksimum. Strategi tersebut akan dilaksanakan bagi merapatkan kesenjangan ekonomi rakyat kaya dan miskin di negeri Selangor. Status sebuah negara berpendapatan tinggi tidak ada apa-apa erti sekiranya masih terdapat jurang yang besar antara kaya dan miskin serta

bandar dan kampung yang membawa ketidakpayaan rakyat untuk menikmati kemudahan asas, pendidikan dan rumah secara adil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 Batu Tiga)**

TAJUK : BELANJAWAN RESPONSIF GENDER

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri Selangor akan melaksanakan Belanjawan Responsif Gender (GRB)?
- b) Jika ya, apakah usaha agar memastikan GRB dilaksanakan di semua peringkat kerajaan, khususnya PBT di negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Pelaksanaan Belanjawan Responsif Gender (GRB) di Negeri Selangor. Ini merupakan antara agenda besar dan komitmen kita dalam mengurusperdanakan gender di peringkat Kerajaan Negeri selaras dengan Agenda wanita Malaysia.

Buat masa ini Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian bagi membolehkan proses pengumpulan data dan analisa dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan MARRIS kepada agensi-agensi pelaksana pada tahun 2014.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan jalan-jalan yang tidak diluluskan oleh UPEN di bawah MARRIS seperti kawasan FELDA dan jalan yang belum kenal pasti siapakah agensi pelaksana disebabkan pemaju gulung tikar?

JAWAPAN:

- a) Perbendaharaan Negeri Selangor telah meluluskan surat kuasa belanja bagi penyelenggaraan jalan-jalan negeri kepada agensi-agensi pelaksana pada tahun 2014 sebanyak **RM 555,942,110.97** seperti berikut:-

BIL.	JABATAN / AGENSI	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN TAMBAHAN (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	156,000,000.00	0.00
2.	Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Negeri Selangor	4,000,000.00	0.00
3.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	382,142,110.97	2,000,000.00
4.	Pejabat Daerah / Tanah	4,500,000.00	7,300,000.00
JUMLAH		546,642,110.97	9,300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		555,942,110.97	

- b) Perincian kepada agihan ini ditunjukkan seperti di **Lampiran A.**

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI MENGIKUT AGENSI
PELAKSANA NEGERI SELANGOR (ASAL TAHUN 2014)

BIL	AGENSI PELAKSANA	ANGGARAN PERUNTUKAN 2014 (RM)
A	JABATAN KERJA RAYA	
1	Ibu Pejabat	156,000,000.00
2	Petaling	
3	Gombak	
4	Klang	
5	Kuala Langat	
6	Hulu Langat	
7	Sepang	
8	Kuala Selangor	
9	Hulu Selangor	
10	Sabak Bernam	
	JUMLAH	156,000,000.00
B	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	
1	Hulu Langat	4,000,000.00
2	Kuala Langat	
3	Sabak Bernam	
4	Klang	
5	Hulu Selangor	
6	Kuala Selangor	
7	Sepang	
	JUMLAH	4,000,000.00
C	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	39,297,696.86
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	78,688,226.28
3	Majlis Perbandaran Klang	57,818,310.08
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	30,046,844.43
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	25,732,573.33
6	Majlis Perbandaran Kajang	38,540,746.59
7	Majlis Perbandaran Selayang	23,956,134.35
8	Majlis Perbandaran Sepang	11,706,359.05
9	Majlis Daerah Kuala Langat	34,257,870.00
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	9,744,800.00
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	12,324,800.00
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	20,027,750.00
	JUMLAH	382,142,110.97

BIL	AGENSI PELAKSANA	ANGGARAN PERUNTUKAN 2014 (RM)
D	PEJABAT DAERAH / TANAH	
1	Pejabat Daerah / Tanah Klang	500,000.00
2	Pejabat Daerah / Tanah Gombak	500,000.00
3	Pejabat Daerah / Tanah Petaling	500,000.00
4	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	500,000.00
5	Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor	500,000.00
6	Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam	500,000.00
7	Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat	500,000.00
8	Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat	500,000.00
9	Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor	500,000.00
	JUMLAH	4,500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		546,642,110.97

**PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI MENGIKUT AGENSI PELAKSANA
NEGERI SELANGOR (TAMBAHAN TAHUN 2014)**

BIL	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH(RM)
1	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling	2,000,000.00
2	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	300,000.00
3	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	2,000,000.00
4	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	1,000,000.00
5	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	500,000.00
6	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	500,000.00
7	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	1,000,000.00
8	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2,000,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	9,300,000.00

- b) Kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri yang dibenarkan di bawah MARRIS adalah tertakluk kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri. Walaubagaimanapun, cadangan kerja penyelenggaraan jalan yang tidak selari dengan garis panduan tersebut dan tidak diluluskan oleh UPEN di bawah MARRIS boleh dibuat menggunakan peruntukan pembangunan yang dikawal selia oleh pihak Seksyen Agihan dan Pembangunan (UPEN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DESA

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program yang ditawarkan bagi manfaat penduduk dan warga desa?
- b) Apakah petunjuk aras pencapaian bagi menilai kejayaan program di bawah Pembangunan Desa?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dimanfaatkan bagi tujuan melaksanakan di bawah Program Pembangunan Desa?

JAWAPAN:

- a) Program yang ditawarkan bagi manfaat penduduk dan warga desa iaitu Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan Program Kemahiran Teknikal Belia Desa bagi golongan remaja di desa. Ini selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri bagi memastikan para belia di desa tidak terabai dan mempunyai peluang untuk maju dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Dengan adanya Program Kemahiran Teknikal Belia Desa, belia muda yang menetap di desa diberi peluang untuk menceburi bidang kemahiran seperti Perpaipan, Penyelenggaraan Elektrik dan Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin.

Pada masa ini, para belia yang telah mengikuti program ini adalah 61 buah kampung dan kini akan diikuti oleh semua kampung di seluruh Negeri Selangor. Para belia ini dihantar ke *IKRAM Skills Academy*, Bangi bagi mengikuti kursus Program Kemahiran Teknikal Belia Desa setelah kajian pasaran dibuat mengenai pengiktirafan institut pengajian ini berserta harga yang ditawarkan.

Setelah mengikuti kursus ini, para belia akan ditawarkan untuk bekerja di agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor dengan gaji bulanan sebanyak RM1,500.00. Sekiranya mereka ingin bekerja di luar, tiada halangan dari Kerajaan Negeri Selangor.

- b) Petunjuk aras pencapaian yang boleh digunakan untuk menilai kejayaan atau kegagalan projek pembangunan desa adalah pengurangan jurang perbezaan pendapatan antara kawasan bandar dan desa. Walau bagaimanapun

pengukuran ini tidak dapat dibuat di dalam tempoh yang singkat. Program yang berterusan perlu dilaksanakan di dalam satu jangka masa yang panjang untuk memastikan keberkesanan sesebuah projek pembangunan dilaksanakan.

- c) Peruntukan yang telah dimanfaatkan bagi tujuan melaksanakan di bawah Program Pembangunan Desa iaitu:

Bentuk-bentuk pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi kampung-kampung terbabit iaitu:

BIL	JENIS PROJEK
1	Penyelenggaraan Jalan Kampung
2	Longkang / Perparitan
3	Dewan / Balairaya
4	Surau / Sekolah / Masjid
5	Kemudahan Sukan
6	Bangunan
7	Pagar
8	Dataran
9	Jambatan / Titi
10	Pelbagai

Bagi pembangunan infrastruktur, Kerajaan Negeri telah membelanjakan keseluruhan peruntukan berjumlah RM75,884,142.28 bagi setiap daerah di seluruh Selangor dari tahun 2008 - 2013. Pecahan peruntukan adalah seperti di bawah:

Tahun	Bil Projek	Kos (RM)
2008	202	2,672,280.00
2009	139	3,371,073.50
2010	456	8,389,470.61
2011	979	26,903,524.97
2012	1,214	30,059,244.15
2013	204	4,488,549.05
Jumlah	3,194	75,884,142.28

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : PORTFOLIO KEBAJIKAN

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan EXCO bagi portfolio Kebajikan tahun 2015?
- b) Bagaimanakah pencapaian portfolio ini di tahun 2014 dan tahun sebelumnya?
- c) Berapakah jumlah dan peratusan rakyat Selangor yang telah menerima bantuan kebajikan sejak tahun 2008?

JAWAPAN:

- a) Dalam menjaga aspek kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri menggunakan Dasar Kebajikan Negara yang mana ianya memberi peluang kepada semua rakyat di Negeri Selangor untuk menikmati dan menjalani kehidupan yang sama rata. Sehubungan itu, bagi menghubungkan dasar berkenaan, Kerajaan Negeri turut membuat perancangan bagi tempoh lima (5) tahun melalui RMK-10, yang merangkumi pelbagai golongan sasaran dalam memastikan kebajikan rakyat terjaga. Perancangan bagi portfolio Kebajikan adalah seperti berikut :-
 - 1. Program sumbangan sempena perayaan yang melibatkan pelbagai kaum seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Perayaan Deepavali dan sebagainya;
 - 2. Lawatan kebajikan ke rumah-rumah kebajikan dan rumah-rumah NGO;
 - 3. Program pembangunan dan pemberdayaan kanak-kanak serta Orang Kurang Upaya (OKU) yang dilaksanakan untuk membantu golongan ini membentuk jati diri;
 - 4. Program kerjasama yang dilaksanakan bersama NGO-NGO atau rumah kebajikan OKU bagi menggalakkan mereka bergerak aktif tanpa mengharapkan bantuan dari Kerajaan Negeri sepenuhnya;
 - 5. Program memasyarakatkan kebajikan yang mana program ini akan mempromosikan produk-produk kebajikan melalui Jelajah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang melibatkan agensi-agensi MES;
 - 6. Program sambutan perayaan akan dilaksanakan seperti Sambutan Hari Kanak-kanak, Hari Warga Emas, dan Hari OKU di peringkat Negeri Selangor;
 - 7. Lawatan Kebajikan ke Hospital-hospital Kerajaan;

8. Lawatan kebajikan dan penyerahan sumbangan kebajikan kepada mangsa bencana;
9. Ziarah Medik untuk pesakit terlantar dan OKU di rumah individu dengan kerjasama ADUN kawasan, Pekawanis dan NGO yang berkaitan; dan
10. Pembangunan OKU yang memfokuskan kepada golongan *autism* dan *dyslexia*.

b) Secara keseluruhan, pencapaian bagi portfolio kebajikan bagi tahun 2013 dan 2014 telah dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan menggunakan peruntukan yang telah disediakan. Pelbagai bentuk program telah dilaksanakan bagi memastikan penglibatan semua golongan sasaran turut serta dalam program yang dianjurkan.

Di antara pencapaian portfolio Kebajikan bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut :-

(i) Program sumbangan perayaan

Program ini telah dilaksanakan bagi meringankan beban golongan orang kurang berkemampuan. Seramai 200 orang penerima sumbangan diberikan setiap tahun mengikut daerah yang dikenalpasti.

(ii) Lawatan kebajikan

Program lawatan ilmiah ini telah dilaksanakan melalui lawatan seperti berikut :-

- 1) Lawatan ke rumah-rumah kebajikan ;
- 2) Lawatan ke persatuan-persatuan kebajikan ; dan
- 3) Lawatan ke hospital.

(iii) Ziarah Medik

Program ini telah dilaksanakan di rumah-rumah pesakit terlantar dan golongan OKU terlantar dengan kerjasama pihak ADUN kawasan, Pekawanis dan NGO yang berkaitan

(iv) Program Pembangunan Kanak-kanak dan OKU

Program ini telah dilaksanakan untuk membantu golongan ini membentuk jati diri. Program kursus pengasuhan kanak-kanak iaitu Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK) turut diberikan kepada pengasuh kanak-kanak sama ada di rumah atau di institusi bagi memastikan kanak-kanak diberikan penjagaan, teknik asuhan, keselamatan, pemakanan yang baik dan betul kepada kanak-kanak.

Sehingga hari ini, seramai 180 orang pengasuh kanak-kanak yang telah berjaya mengikuti kursus ini dan mendapat sijil serta diiktiraf oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

(v) Program Kerjasama

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai rumah kebajikan dan NGO kebajikan serta mempromosikan produk-produk yang Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dalam usaha memasyarakatkan kebajikan.

Sehingga kini, portfolio Kebajikan telah berjaya melaksanakan program kerjasama dengan 12 buah NGO kebajikan.

- c) Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sebanyak 246,957 orang penerima dari tahun 2008 hingga September 2014 telah menerima bantuan kewangan yang disalurkan kepada mereka. Peratusan yang penerima yang telah menerima bantuan kewangan adalah sebanyak 4.83% daripada populasi penduduk. Unjuran penduduknya pada tahun 2010 adalah seramai 5,102,600 orang.

TAHUN	JUMLAH PENERIMA BANTUAN KEWANGAN JKM		
	PERSEKUTUAN	NEGERI	JUMLAH
2008	13,640	3,510	17,150
2009	16,506	6,374	22,880
2010	29,966	8,245	38,211
2011	29,800	9,228	39,028
2012	38,070	10,482	48,552
2013	33,497	8,186	41,683
Januari Sehingga sept 2014)	32,070	7,383	39,453
JUMLAH	193,549	53,408	246,957

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 Rawang)**

TAJUK : KAWASAN TADAHAN AIR SELANGOR

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kawasan tadahan air dalam Selangor mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi menjamin penjanaan air yang mampan (*water security and sustainability*) bagi menampung keperluan 50 tahun akan datang mengambil kira faktor perubahan iklim yang drastik?

JAWAPAN:

- a) Di Negeri Selangor terdapat tujuh (7) lembangan sungai utama dan ia melibatkan beberapa daerah dalam sesuatu lembangan sungai seperti jadual berikut:

Bil.	Lembangan	Empangan	Daerah
1.	Lembangan Sungai Selangor	Sungai Selangor dan Sungai Tinggi	Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Gombak
2.	Lembangan Sungai Bernam	-	Sabak Bernam
3.	Lembangan Sungai Klang	Klang Gates, Batu dan Tasik Subang	Gombak, Petaling, Klang
4.	Lembangan Sungai Langat	Empangan Sungai Langat, Empangan Semenyih	Hulu Langat dan Kuala Langat
5.	Lembangan Sungai Tenggi	-	Kuala Selangor
6.	Lembangan Sungai Buloh	-	Kuala Selangor Petaling
7.	Lembangan Sungai Sepang	-	Sepang

- b) Terdapat beberapa perancangan Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS bagi menjamin keperluan air dan penjanaan air yang mampan (*water security and sustainability*) untuk menampung keperluan dalam tempoh 50 tahun akan datang disamping perubahan iklim (*climate change*) seperti berikut:
 - i) Lembaga telah menjalankan Kajian Kolam Bekas Lombong Sebagai Kolam Takungan Aliran Air Banjir di Lembangan Sungai Selangor pada tahun 2013 dengan kerjasama perunding. Objektif utama kajian ialah menjalankan kajian

kebolehlaksanaan penggunaan kolam bekas lombong secara dwifungsi iaitu sebagai kolam takungan bagi tebatan banjir dan juga kolam takungan sumber air yang akan berfungsi sebagai sumber air tambahan jika berlakunya masalah kekurangan sumber air atau kemarau.

Lanjutan daripada itu, pembangunan projek penggunaan kolam bekas lombong tersebut juga dikenali sebagai Kolam Takungan Hiliran (*Hybrid off River Augmented System, (HORAS)*) merupakan fasa pertama daripada keseluruhan projek pembangunan sumber air di Kuala Selangor. Ia melibatkan penakungan lebihan air dari Sungai Selangor dan juga air dari akuifer bawah tanah. Bagi Fasa Pertama keluasan kolam yang terlibat ialah 163 hektar dengan kedalaman 27 meter yang akan disambung dengan akuifer bawah tanah. Anggaran kapasiti air mentah ialah 600 Juta Liter/Hari (JLH). Projek ini dijangka siap pada bulan April 2015. Kolam takungan hiliran tersebut akan menjadi sumber air tambahan bagi muka sauk Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 di hilir Sungai Selangor;

- ii) Pembangunan Fasa Kedua melibatkan kolam takungan aliran banjir Bestari Jaya dengan melibatkan keluasan 3,924 hektar. Ia bertindak secara dwifungsi iaitu sebagai kolam mitigasi banjir dan juga kolam takungan sumber air. Kapasiti takungan sumber air mentah dianggarkan sebanyak 500 juta meter padu (MCM) dan ianya juga mengurangkan 50% kawasan yang dilanda banjir di bahagian hilir Sungai Selangor ketika aliran tinggi (*high flow*). Perancangan untuk replikasi projek kolam takungan ini juga diperingkat kajian kebolehlaksanaan bagi kolam tebatan banjir Sungai Rasau;
- iii) Pelaksanaan Kajian Sumber Air Bumi Negeri Selangor bagi mengenalpasti akuifer yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber bekalan air dengan langkah pengawalan yang ketat; dan
- iv) Pembangunan *Decision Support System, (DSS)* bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik di mana pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : KEMUDAHAN NURSERI DAN TADIKA

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan bagi memenuhi janji manifesto bahawa SEMUA bangunan negeri akan disediakan dengan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun?
- b) Berapakah bangunan negeri yang sudah disediakan dengan kemudahan tersebut setakat ini? Berapakah peratusan secara keseluruhannya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang melakukan kajian dan penyelidikan untuk melaksanakan hasrat tersebut.
- b) Setakat ini dianggarkan 15 daripada 42 bangunan kerajaan menyediakan kemudahan tadika dan taska. Oleh itu, peratus keseluruhan adalah sebanyak 36 peratus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR JALAN RAYA RUMPUT DAN BAHU JALAN DUN MERU

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah jadual potong rumput 6 minggu bagi Utama dan 8 minggu bagi sekunder, ia amat lama?
- b) Mengapakah masih berlaku pemotongan yang tidak mengikut spesifikasi standard?
- c) Mengapakah masih banyak kerosakan bahu jalan tanpa baikpulih?

JAWAPAN:

- a) Jadual pemotongan rumput adalah dua (2) kali sebulan bagi kawasan penyelenggaraan Majlis Perbandaran Klang dan pemotongan rumput di jalan utama di kawasan DUN Meru dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).
- b) Pihak Majlis mengikut standard spesifikasi pemotongan rumput seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis adalah:-
 - i. Had ketinggian rumput puratanya ½ inci dari permukaan bumi;
 - ii. Rumput di tepi longkang dan bahu jalan hendaklah dipotong dengan kemas;
 - iii. Sampah selepas memotong rumput hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan dilupuskan segera dalam tempoh 24 jam;
 - iv. Semua sampah atau daun-daun yang ada di atas bahu jalan atau tanah lapang hendaklah dibersihkan semasa kerja pemotongan rumput dijalankan. Jalan hendaklah disapu setelah kerja-kerja pemotongan rumput;
 - v. Kerja-kerja hendaklah dilakukan mengikut pusingan dan kakitangan yang ditugaskan hendaklah mencukupi;
 - vi. Bagi kawasan taman permainan dan jalan utama, menyapu/mencakar sampah dan daun kering dalam taman dan bahu jalan hendaklah dilakukan setiap hari;
 - vii. Rumput selepas bahu jalan hendaklah dipotong seluas kawasan yang telah ditetapkan oleh Majlis; dan
 - viii. Meracun rumput adalah dilarang (kecuali setelah mendapat kebenaran atau arahan daripada Majlis).

- c) Kesemua bahu jalan di bawah seliaan Majlis akan diselenggara sekiranya terdapat kerosakan yang dikenal pasti dan aduan melainkan bahu jalan tersebut adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : INDUSTRI NURSERI, LANDSKAP DAN POKOK HIASAN

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan kerajaan untuk industri nurseri, landskap dan pokok hiasan?
- b) Berapakah nilai industri dan sumbangannya kepada ekonomi negeri?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini pihak Kerajaan Negeri tiada mempunyai dasar dan perancangan khusus untuk pembangunan industri nurseri, landskap dan pokok hiasan.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri tetap membantu usahawan-usahawan industri nurseri, landskap dan pokok hiasan dengan memberi kebenaran menggunakan tanah-tanah milik Kerajaan secara TOL sebagai tapak bagi perniagaan mereka. Sebagai contoh, usahawan-usahawan industri nurseri, landskap dan pokok hiasan menggunakan rizab jalan di sepanjang Jalan sungai Buloh sebagai tapak perniagaan.

- b) Pihak Kerajaan Negeri tiada maklumat berkenaan sumbangannya kepada Ekonomi Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PERTUKARAN MENTERI BESAR

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kewajaran dan kenapakah Menteri Besar sebelum ini perlu ditukar dari sudut pentadbiran negeri?
- b) Apakah pencapaian signifikan Dato Menteri Besar lalu?

JAWAPAN:

- a) YB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim meletak jawatan sebagai Dato' Menteri Besar Selangor pada 23 September 2014. Maka itu, proses lantikan Dato' Menteri Besar baru adalah perlu setelah Menteri Besar meletakkan jawatan.

Pertukaran Menteri Besar berlaku apabila telah ada surat akuan daripada tiga puluh (30) orang Ahli Dewan Negeri yang tidak lagi mempunyai kepercayaan kepada YB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim.

- b) Pencapaian yang dilakukan adalah mewakili Pakatan Rakyat. Jadi sebarang bentuk pencapaian itu pastinya membawa mandat parti dan bukan pencapaian peribadi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 Kota Anggerik)**

TAJUK : JALAN-JALAN MARRIS DI BAWAH DUN KOTA ANGGERIK

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa KM jalan-jalan di DUN Kota Anggerik yang di daftarkan di bawah MARRIS.
- b) Berapa kos keseluruhan untuk menurap jalan-jalan ini.
- c) Berapa KM yang telah dibaiki pada tahun 2013.

JAWAPAN:

JAWAPAN DARIPADA MBSA

- a) Sehingga November 2014 sepanjang 3,126.09 km panjang jalan telah didaftarkan di dalam sistem MARRIS online meliputi jalanraya bandaran (JRB) di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam. Manakala di kawasan DUN Kota Anggerik sepanjang 1,012.43km panjang di jalan telah direkodkan.

Jumlah panjang jalan tersebut akan terus meningkat dari masa ke semasa dengan pendaftaran jalan baru yang diterima dari pihak pemaju.

- b) Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengenalpasti jalan-jalan yang masih belum diturap di kawasan DUN Kota Anggerik pada tahun 2014 adalah sepanjang 102.08 km dan kos menurap jalan tersebut adalah sebanyak RM 43,657,834.00.
- c) Jumlah panjang jalan yang telah dibaiki dan diturap bagi tahun 2013 oleh pihak Majlis bagi DUN Kota Anggerik adalah seperti berikut:-

Bil	DUN	Panjang Jalan Yang Diturap (KM)
1.	Kota Anggerik	27.082

JAWAPAN DARIPADA JKR

- a) Berdasarkan kepada rekod daftar MARRIS JKR panjang jalan di bawah DUN Kota Anggerik yang di daftarkan adalah 21.62 km.
- b) Kos keseluruhan untuk menurap jalan-jalan ini ialah RM 5.5 juta
- c) Jalan yang telah dibaiki pada tahun 2013 adalah sepanjang 2 km.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

**TAJUK : KEROSAKAN RUMAH-RUMAH DALAM KAWASAN PERUMAHAN
BERNAM PURCHASE BAGI PENEMPATAN ORANG ASAL DI
SEBAHAGIAN LOT PROJEK TEBATAN BANJIR MUKIM TANJONG DUA
BELAS DAERAH KUALA LANGAT OLEH B - LEE ARCHITECT DAN
TETUAN CANAL CITY CONSTRUCTION SDN BHD.**

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membantu kumpulan orang asal tinggal di situ?
- b) Apakah tindakan undang2 dan penguatkuasaan boleh diambil terhadap pemaju perumahan dan pihak2 terlibat?
- c) Mengapakah sijil menduduki belum diluluskan oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Pemaju iaitu Tetuan Canal City Construction Sdn. Bhd. (CCCSB) sedang melaksanakan kerja-kerja membaikpulih kerosakan rumah-rumah terlibat. Kerajaan Negeri melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) akan memastikan pemaju akan bertanggungjawab menyelenggara dan membaikpulih rumah-rumah yang terlibat.
- b) Tindakan undang-undang boleh dilaksanakan kepada pemaju sekiranya pemaju enggan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan membaikpulih rumah-rumah yang rosak.
- c) Sijil Layak Menduduki bangunan hanya akan dikeluarkan oleh PBT selepas status tanah diselesaikan. Kerajaan Negeri dalam prosesewartakan tanah tersebut di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebagai kawasan awam untuk penempatan Orang Asli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : PERMATANG KUARTZA BUKIT TABUR HULU KELANG

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pewartaan Permatang Kuartza di Bukit Tabur?
- b) Apakah kos-kos yang terlibat untuk mengekalkan lokasi ini sebagai taman negeri dan warisan dunia?
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk menjadikan lokasi ini pusat pelancongan bertaraf dunia?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat komited untuk memastikan khazanah alam semulajadi Permatang Kuarza ini terus terpelihara dan mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Bagi maksud itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26hb Jun 2013 telah menimbang dan meluluskan cadangan pencalonan Permatang Kuarza Genting Kelang (PKGK) sebagai tapak warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. **Borang Penamaan Sebagai Warisan Kebangsaan** di bawah Seksyen 68 Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah dikemukakan kepada Jabatan Warisan Negara pada 18hb Oktober 2013.

Seterusnya, Jabatan Warisan Negara pada 26 Disember 2013 telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pakar di Jabatan Warisan Negara dan telah bersetuju untuk mencadangkan tapak ini diangkat sebagai Tapak Warisan Kebangsaan. Walaubagaimanapun, ianya mesti terlebih dahulu diangkat sebagai **Tapak Warisan** sebelum diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan.

Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara mengeluarkan Notis Niat di bawah Seksyen 27, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan seterusnya melaksanakan proses-proses di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Sebagai pendidikan dan pendedahan awal kepada pihak-pihak berkepentingan, satu Seminar Pemeliharaan Tapak Warisan Semulajadi Negeri Selangor telah diadakan pada 18hb November 2014 sebagai langkah awal dan input untuk merangka penyediaan 'Conservation Management Plan' (CMP) dengan izin. Seterusnya, Kerajaan Negeri akan terus merangka program dan penerbitan bagi

menyokong proses-proses ke arah pengiktirafan yang telah ditetapkan Jabatan Warisan Negara dan badan dunia UNESCO.

b) Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi kriteria dan syarat pengiktirafan oleh UNESCO, keperluan pengumpulan maklumat, pembuktian, penerbitan, dokumentasi dan usaha-usaha sebaran dalam usaha PKGK ke arah Tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya Tapak Warisan Dunia perlu diadakan dan dijalankan. Sehingga Disember 2014 kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Laporan Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Klang - kos terlibat adalah kos perunding sebanyak RM 75,000.00 Perlantikan ke atas SEADPRI - UKM;
2. Ekspedisi Saintifik Permatang Kuarza Genting Klang diadakan pada 11hb Februari 2014 - 14 Februari 2014 yang melibatkan seramai lebih 96 orang peserta - kos terlibat adalah sebanyak RM 30,000.00;
3. Seminar Pemeliharaan Tapak Warisan Semulajadi Negeri Selangor diadakan pada 18hb November 2014 yang melibatkan seramai lebih 200 orang peserta – kos terlibat sebanyak RM 30,000.00. Seminar ini merupakan langkah awal dalam memberi kesedaran dan hebahan umum tentang keunikan Permatang Kuarza Genting Klang;
4. Kajian Penilaian Saintifik Ciri-ciri Fizikal Permatang Kuarza Genting Klang menggunakan teknologi LIDAR – kos terlibat adalah kos perunding sebanyak RM 159,000.00 (Sedang dijalankan oleh Dr. Khamarrul Azahri Bin Razak dari UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology); dan
5. Penyediaan 'Coffee Table' fakta saintifik Permatang Kuarza Genting Klang untuk mendokumen hasil penemuan dan sebagai usaha promosi - kos terlibat sebanyak RM47,000.00.

c) Bagi menjadikan lokasi ini sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia, Kerajaan Negeri akan berusaha dalam memelihara khazanah alam ini supaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya merancang ke arah Tapak Warisan Dunia (UNESCO). Secara tidak langsung tapak Permatang Kuarza Genting Klang tersebut akan dilindungi dengan penguatkuasaan oleh semua pihak yang berkaitan. Seterusnya pihak Kerajaan Negeri juga akan terus merencana program-program serta kemudahan pelancongan bagi memperkenalkan dan mempromosikan keunikan Permatang Kuarza Genting Klang di mata dunia.

Dalam usaha untuk mendapat pengiktirafan dunia sebagai Tapak Warisan Dunia, satu laporan 'Conservation Management Plan' (CMP) dengan izin untuk tujuan pengawalan pembangunan akan disediakan. Kekuatan dan potensi daripada 'Outstanding Universal Value' dengan izin, yang telah dikenalpasti melalui Kajian Saintifik PKGK yang dijalankan oleh SEADPRI-UKM akan menjadi panduan dalam merangka penyediaan CMP.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai syarat utama pihak UNESCO, pelbagai program dan penerbitan perlu dijalankan bagi menyokong penyediaan 'DOSSIER' kelak iaitu satu laporan lengkap perlu disediakan secara komprehensif berpandukan format dan kriteria yang ditetapkan sebagaimana yang telah dilaksanakan bagi pengiktirafan Tapak Warisan Dunia Melaka dan Bandar Georgetown. Perlaksanaan ini kelak memerlukan kos-kos tambahan dan peranan secara bersepadu oleh semua pihak harus digembling bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan untuk membangunkan para belia negeri?
- b) Bagaimanakah profil para belia Selangor ketika ini?
- c) Apakah karakter dan perwatakan belia yang ingin dibangunkan?

JAWAPAN:

- a) Perancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan para belia adalah sebagaimana berikut :-
 - i) Mempertingkatkan promosi dan penawaran terhadap program-program keusahawanan belia;
 - ii) Melibatkan lebih ramai belia dalam perancangan program-program belia termasuklah program pendidikan bagi memastikan kesesuaian program dengan keperluan belia;
 - iii) Penekanan yang lebih mendalam kepada pembangunan kemahiran sosial dan insaniah dalam semua program pendidikan belia ; dan
 - iv) Meningkatkan jumlah profesional pegawai belia negeri dan pembekal perkhidmatan belia dalam meningkatkan kualiti dan daya tarikan belia serta masyarakat .
- b) Profil Belia Selangor pada masa kini adalah melalui kumpulan sasaran yang sangat signifikan dalam menentukan halatuju pembangunan Negeri Selangor. Belia adalah kelompok terbesar dengan peratusan sebanyak 49.4% daripada keseluruhan populasi Negeri Selangor. Kumpulan sasarannya adalah seperti berikut :-
 - i) Belia Minoriti
(Kumpulan Minoriti, Orang Asli, OKU dan Gelandangan)
 - ii) Belia Berisiko
(Mati Rempit, Trangender dan Penagih Dadah)

- iii) Belia Berpendapatan Rendah
 - iv) Belia IPT
(Pelajar, Sekolah Kerajaan / Swasta/ Madrasah)
 - v) Belia Berpesatuan
 - vi) Belia Profesional
 - vii) Belia Usahawan
 - viii) Belia Berpotensi
- c) Melalui Dasar Belia Selangor, Kerajaan Negeri merangka untuk membangunkan karakter dan perwatakan generasi belia yang bersatupadu, berilmu, berkepimpinan, berdisiplin, berakhlak, bergerak maju dalam bidang sosial dan ekonomi serta membina masyarakat yang sihat, cergas dan berbudaya positif ke arah kelestarian pembangunan Negeri Selangor di peringkat Serantau dan Antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk membuka PTRS kepada murid-murid darjah enam yang bakal menduduki peperiksaan UPSR?
- b) Jelaskan statistik yang menunjukkan prestasi peserta-peserta (PTRS) dalam peperiksaan SPM pada tahun 2013
- c) Apakah tindakan kerajaan terhadap aduan para KPMI mengenai kelewatan dibayar elaun?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini belum ada cadangan tersebut.
- b) Statistik prestasi peserta PTRS pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

SUBJEK/GRED	A	B	C	D	E	GAGAL
BAHASA MELAYU	32%	44.3%	11%	7.9%	2.3%	2%
BAHASA INGGERIS	9%	23%	27.2%	23%	8.8%	9.3%
MATEMATIK	30.2%	23.4%	21.1%	12.3%	9.8%	3.2%
SEJARAH	27%	29.1%	22%	10.6%	5.3%	5.7%

- c) Kerajaan Negeri kini sedang mengkaji semula sistem pembayaran elaun KPMI dengan mempercepatkan lagi proses kelulusan pembayaran dan kaedah pembayaran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah dirancang tetapi tidak dibina oleh pemaju.
- b) Apakah tindakan yang akan diambil bagi "pemaju-pemaju ingkar" ini.
- c) Apakah yang menyebabkan kelewatan pembinaan rumah kos rendah ini berlaku.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan inventori maklumat yang diperolehi daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor keseluruhannya terdapat lebih 48,645 unit rumah kos rendah yang telah diluluskan Pelan Kebenaran Merancang oleh PBT tetapi masih belum dibina oleh pemaju sejak tahun 1990-an sehingga kini.
- b) Bagi mengatasi permasalahan tersebut, LPHS telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu jawatankuasa '*task force*' yang dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah / Rumah Kos Sederhana yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 35 / 2013 bertarikh 13 November 2013. Keahlian Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pengarah Eksekutif LPHS

Ahli –Ahli :

- 1) Wakil Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)
- 2) Wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD)
- 3) Wakil Pejabat EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar
- 4) Wakil Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan
- 6) Wakil Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan

Urusetia : Bahagian Pembangunan LPHS

Selain bertindak sebagai Jawatankuasa Pemantauan, ia juga bertindak sebagai 'one stop agency' bagi membantu pemaju dalam menyelesaikan isu-isu berkenaan pembangunan rumah harga kawalan, pemudahcara kepada permohonan kelulusan di peringkat PBT dan memberi syor untuk meminda kepada syarat Rumah Selangorku (bagi pemaju yang masih belum membangunkan rumah-rumah harga kawalan).

Bagi memastikan pemaju-pemaju membina Rumah-Rumah Selangorku termasuk Rumah Selangorku Jenis A (Rumah Kos Rendah) sebagaimana yang telah ditetapkan, LPHS telah menetapkan kaedah kawalan seperti berikut:

- i) Rumah Selangorku perlu dibina terlebih dahulu atau bersekali dengan pembangunan jenis lain dan PBT tidak dibenarkan meluluskan Kebenaran Merancang (KM) bagi fasa lain / kos bebas selagi sekurang-kurangnya sebahagian daripada Rumah Selangorku tidak dibina.
 - ii) Pembinaan Rumah Selangorku diletakkan di Fasa Awal Pembangunan
 - iii) Memasukkan syarat nyata tanah sebagai 'Rumah Selangorku' di dalam suratan hak milik tanah.
 - iv) Pemaju disyaratkan untuk membina Rumah Selangorku dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan MMKN dan Kebenaran Merancang oleh PBT dan sekiranya pemaju gagal memulakan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh 2 tahun daripada kelulusan tersebut ianya akan tarik balik.
 - v) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diarahkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan arahan "Stop Work Order" kepada pembangunan fasa lain / kos bebas sekiranya pemaju gagal menyiapkan pembinaan rumah kos rendah.
 - vi) Sekiranya langkah-langkah pencegahan yang telah diambil ini masih tidak dihiraukan oleh pemaju-pemaju, Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk menyenaraihitamkan syarikat termasuk juga ahli-ahli lembaga pengarahnya daripada membangunkan sebarang pembangunan hartanah di seluruh Negeri Selangor.
- c) Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat, antara faktor menyebabkan kelewatan pembinaan rumah kos rendah oleh pemaju adalah disebabkan perkara seperti berikut :-
- i) Pemaju lebih mengejar keuntungan dengan membina rumah harga bebas terlebih dahulu berbanding dengan membina rumah kos rendah di fasa awal pembangunan.

- ii) Kos pembangunan yang tinggi berbanding dengan pulangan yang bakal diperolehi adalah lebih rendah memandangkan rumah-rumah kos rendah merupakan harga subsidi.
- iii) Peletakan lokasi rumah-rumah kos rendah di kawasan yang jauh dari kemudahan awam dan infrastruktur serta peletakan kurang sesuai sehingga menyebabkan ianya memerlukan kos yang tinggi untuk dibangunkan.
- iv) Kurangnya penekanan dan pemantauan daripada Pihak Berkuasa selepas kelulusan Pelan Kebenaran Merancang diberikan.
- v) Kenaikan kos bahan binaan dan kos tenaga mahir buruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : PORTFOLIO ALAM SEKITAR

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan portfolio ini untuk menangani pelbagai masalah alam sekitar di tahun 2015?
- b) Bagaimanakah pencapaian EXCO portfolio ini sejak tahun 2008 hingga 2014?
- c) Apakah langkah-langkah penting yang telah dilakukan untuk memelihara alam sekitar sepanjang tempoh tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar akan meneruskan perancangan dan dasar sedia ada dengan beberapa penambahbaikan bagi tahun 2015. Kerajaan Negeri juga merujuk kepada **Dasar Alam Sekitar Negara** sebagai panduan bagi memastikan keselarasan seterusnya memastikan kualiti Alam Sekitar di Negeri Selangor adalah yang terbaik. Bagi tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar telah merangka dan akan melaksanakan aktiviti atau program seperti berikut:-
 - i- Seminar atau Bengkel Pemahaman & Kesedaran Alam Sekitar
 - ii- Kem Kesedaran Alam Sekitar
 - iii- Program 'Green Selangor'
 - iv- Program atau Projek Alam Sekitar (selaras dengan Pelan Tindakan Kejiranan Hijau)
 - v- Program Pemanasan Global (bagi mencegah pembakaran terbuka)
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai aktiviti dan program berkaitan Alam Sekitar telah di jalankan bagi tempoh 2008 – 2014 antaranya adalah seperti berikut: -
 - i. Kempen Kesedaran Pemanasan Bumi
 - ii. Program Kesedaran Alam Sekitar Peringkat Sekolah
 - iii. Kurikulum Khas tentang Kesedaran Alam Sekitar khas untuk pelajar sekolah bagi umur 12 tahun dan ke bawah
 - iv. Selangor State Greenhouse Gas Inventory Study
 - v. "Eco Green Week exhibition"
 - vi. "Green Governance Talk"

- vii. Program Penanaman Pokok
 - viii. Seminar Pengurusan Barangan Kitar Semula
 - ix. Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Negeri Dan AEON Co. (M) Bhd. Serta Pelancaran Tabung Amanah Pemuliharaan Kelip-Kelip Selangor
 - x. Kempen Kesedaran Kitar Semula & Pengurangan Penggunaan Beg Plastik Serta Polisterin
 - xi. Penambahbaikan Pengurusan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Simpan di Negeri Selangor
 - xii. Pemantauan dan Pengazettan sungai-sungai utama melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
 - xiii. Pemantauan dan Promosi Pelan Tindakan Kejiranan Hijau
- c) Di antara langkah-langkah penting yang telah dilakukan untuk memelihara alam sekitar sepanjang tempoh tersebut adalah seperti berikut: -
- i. Kempen Tanpa Beg Plastik bagi setiap hari Sabtu di kesemua pusat membeli-belah di Negeri Selangor
 - ii. Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Negeri Dan AEON Co. (M) Bhd. Serta Pelancaran Tabung Amanah Pemuliharaan Kelip-Kelip Selangor
 - iii. Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di Bangunan Dewan Jubli Perak, SUK Selangor
 - iv. Dasar mewajibkan pemasangan Sistem SPAH untuk bangunan baru di Negeri Selangor
 - v. Pembelian Produk Memadam Kebakaran Peatfire-X bagi mengatasi isu kebakaran Hutan Tanah Gambut di Negeri Selangor yang pertama di Malaysia.
 - vi. Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Negeri dengan Global Environment Centre (GEC) bagi Program Pemuliharaan Hutan Simpan Raja Musa
 - vii. Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC & I) iaitu Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Selangor diurus berpandukan kepada prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*). Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah memperoleh 'zero CAR (*Corrective Action Respond*)' di dalam audit Pensijilan Pengurusan Hutan melalui skim MC & I selama tiga (3) tahun berturut-turut.

- viii. Pensijilan MS ISO 9001: 2008 bagi Pengurusan Pengeluaran Kayu di Hutan Darat Asli di Hutan Simpanan Kekal
- ix. Peningkatan peratusan Hutan Simpan di Negeri Selangor dari tahun 2007 – 2014, iaitu daripada 30.5% pada tahun 2007 dengan keluasan 241,568 ha kepada 31.5% pada tahun 2014 dengan keluasan 250,129 ha.

TAHUN	KELUASAN HSK (HA)	KELUASAN NEGERI (HA)	PERATUS KELUASAN HSK (%)
2007	241,568	791,084	30.5
2008	241,568	791,084	30.5
2009	241,568	793,020	30.5
2010	250,129	793,020	31.5
2011	250,129	793,020	31.5
2012	250,129	793,020	31.5
2013	250,129	793,020	31.5
2014	250,129	793,020	31.5

- x. Penggazetan semula Hutan Simpan Sg. Buloh yang sekarang dikenali sebagai Hutan Simpan Kota Damansara pada tahun 2010.
- xi. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat pindaan berkaitan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011. Enakmen ini berkaitan pindaan Seksyen 11 yang mengehendaki Penyiasatan Awam (*Public Inquiry*) sebagaimana ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di adakan sebelum sesuatu Hutan Simpanan Kekal dimansuhkan; dan
- xii. Program-program kesedaran dan pendidikan mengenai pemuliharaan Sungai oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta penguatkuasaan peraturan-peraturan baru tentang pencemaran sungai oleh LUAS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

**TAJUK : PERBELANJAAN DAN BAJET UNTUK PEMBANGUNAN USAHAWAN
DUN TERATAI**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bajet 2015 untuk pembangunan usahawan orang muda dan ibu tunggal, terutamanya di DUN Teratai?
- b) Berapakah perbelanjaan Kerajaan Negeri telah digunakan untuk pembangunan usahawan orang muda dan ibu tunggal setakat Oktober 2014 untuk DUN Teratai?

JAWAPAN:

- a) Berpandukan kepada perancangan dan permohonan awal yang telah dibentangkan di dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES), seperti biasa, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan peruntukan pembangunan bagi pembangunan usahawan tahun 2015. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak diagihkan mengikut DUN sebaliknya diagihkan mengikut jabatan dan agensi dan kemudiannya akan disalurkan mengikut daerah kerana pegawai pengawal dan pegawai pelaksana adalah mengikut jabatan-jabatan dan agensi-agensi di daerah seperti Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah, Pejabat Pertanian Daerah dan Pejabat Perikanan Daerah. Y.B ADUN bolehlah bekerjasama dengan jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi pelaksana di peringkat daerah untuk merancang dan mencadangkan bantuan-bantuan dan program-program keusahawanan yang sesuai bagi DUN mereka.

Peruntukan yang disediakan juga adalah terbuka kepada semua termasuk usahawan muda dan ibu tunggal. Had kelayakan sesuatu permohonan bantuan usahawan dikira mengikut kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

- b) Kerajaan Negeri tidak menyalurkan peruntukan ke DUN. Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan ke Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti Jabatan dan agensi seperti UPEN, Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan MiMBAR serta SKIMSEL. Kerajaan Negeri juga tidak mengkhususkan peruntukan ataupun bantuan khas kepada usahawan orang muda dan ibu tunggal, sebaliknya kategori perusahaan yang digunapakai di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah mengikut kategori perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Mulai dari tahun 2010 sehingga 2014, jumlah perbelanjaan yang terlibat di dalam program bantuan usahawan adalah sebanyak RM85,004,542.20.

Bil.	Jabatan / Agensi	2012	2013	2014
1	UPEN	1,324,179.71	1,552,007.00	678,312.00
2	Jab. Perkhidmatan Veterinar	457,121.00	19,620.20	1,450,000.00
3	Jabatan Pertanian	2,036,721.66	1,249,549.79	792,867.00
4	PKNS	2,589,560.00	2,595,210.00	2,285,200.00
5	SKIMSEL	26,431,500.00	19,599,950.00	21,942,750.00
Jumlah		32,839,082.40	25,016,336.79	27,149,129.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 Morib)**

**TAJUK : PENEMPATAN SEMULA KAMPUNG DARUL MUJAHIDIN BATU 9 KEBUN
BHARU, SIJANGKANG KUALA LANGAT**

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan penempatan semula Kampung Darul Mujahidin Batu 9 Kebun Bharu, Sijangkang Kuala Langat

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat : Cadangan penempatan semula penduduk Kg. Darul Mujahidin adalah di Batu 8, Sijangkang Mukim Telok Panglima Garang seluas 12 ekar.

Majlis Daerah Kuala Langat : Penyediaan pelan pembanggunan kampung yang baru seluas 12 ekar dengan mengambil kira keluasan tapak asal pemilik di atas tanah sedia ada, kemudahan Jalan, longkang, surau dan sekolah agama rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : OKTOBERFEST

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian portfolio Hal Ehwal Islam terhadap program Oktoberfest ?
- b) Sejauh manakah respons masyarakat Islam Selangor terhadap program ini ?
- c) Siapakah pihak yang bertanggungjawab dalam mengawal dan meluluskan program tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Dasar portfolio Hal Ehwal Islam di bawah pentadbiran baru ialah seperti berikut;
 - i) Meneruskan dasar-dasar hal ehwal Islam sedia ada yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS),
 - ii) Meneruskan dasar-dasar yang berhubung kait dengan hal ehwal Islam yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, dan;
 - iii) Meningkatkan kerjasama MAIS dan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan dasar-dasar hal ehwal Islam dan yang berhubung kait dengannya.

- b) dan c)

Kerajaan Negeri memainkan peranannya dengan memastikan perkara-perkara berhubung hal ehwal Islam dijaga dan dilaksanakan dengan baik. Ini termasuk penyediaan infrastruktur, pelaksanaan program keagamaan dan penguatkuasaan undang-undang Syariah yang berkuatkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : KUMPULAN PERANGSANG (KPS)

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan terkini KPS?
- b) Sila nyatakan senaraikan aktiviti dan pelaburan utama yang diceburi oleh KPS?
- c) Sila senaraikan Nama-nama Ahli Lembaga Pengarah KPS dan nyatakan nama Ketua Biro Agama serta semua gaji, elaun dan kemudahan lain yang diperolehi ?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan kewangan syarikat KPS bagi tempoh berakhir 30 Jun 2014 adalah seperti berikut:-

Akaun	Peringkat Kumpulan (RM'000)	Peringkat Syarikat (RM'000)
Keuntungan / Kerugian selepas cukai	60,783	(4,419)
Dana Pemegang Saham	1,134,117	704,754

- b) Senarai aktiviti dan pelaburan utama yang diceburi oleh KPS adalah seperti berikut:

1. Infrastruktur dan Utiliti

KPS memegang kepentingan strategik dalam syarikat-syarikat air, seperti Konsortium ABASS Sdn Bhd melalui anak syarikat 90.83% dimiliki, Titisan Modal (M) Sdn Bhd dan kepentingan saham sebanyak 30% di dalam Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad melalui anak syarikat milik penuh, Viable Chip (M) Sdn Bhd.

KPS juga mempunyai pelaburan dalam infrastruktur seperti 20% kepentingan ekuiti dalam lebuhraya SPRINT dan 30% kepentingan ekuiti dalam KPS-HCM Sdn Bhd, sebuah syarikat yang terlibat dalam penyelenggaraan jalan dan pembaikan bagi negeri Selangor.

2. Hospitaliti dan Rekreasi

Di dalam bidang hospitaliti dan rekreasi, KPS memiliki dan menguruskan Quality Hotel City Centre (QHCC) dan Brisdale International Hotel (BIH).

3. Minyak dan Gas

KPS melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Perangsang Oil and Gas Sdn Bhd memegang 40% kepentingan ekuiti dalam NGC Energy Sdn Bhd ("NGC"), satu usaha sama antara Perangsang Selangor dan Syarikat Gas Nasional, Oman. NGC terlibat dalam pengeluaran dan pengedaran Liquefied Petroleum Gas ("LPG") untuk sektor perdagangan dalam negeri di bawah nama "Mira" dan juga kepada sektor industri dan komersil.

4. Telekomunikasi

KPS melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Perangsang Telco Sdn Bhd, memegang 30% pegangan ekuiti di dalam Ceres Telecom Sdn Bhd ("Ceres"). Ceres, merupakan satu kerjasama antara KPS dan Virgin Mobile MEA, memberikan perkhidmatan telefon mudah alih prabayar dan data mudah alih. Ceres melancarkan perkhidmatan mudah alih prabayar yang pertama di bawah jenama mudah alih Friendi pada pertengahan bulan September 2013.

c) Maklumat tersebut adalah seperti berikut:

KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD			
Pengarah	Yuran Pengarah (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Perjalanan Percutian (RM)
YM Raja Idris Raja Kamarudin	70,000.00	3,000.00	50,000.00
Encik Suhaimi bin Kamaralzaman	-	-	-
YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas	55,000.00	2,000.00	35,000.00
YB Sivarasa a/l Rasiah	55,000.00	2,000.00	35,000.00
Encik Mustaffa Kamil bin Ayub	55,000.00	2,000.00	35,000.00
YBhg Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton	55,000.00	2,000.00	35,000.00
Encik Rosely @ Mohamed Ross bin Mohd Din	55,000.00	2,000.00	35,000.00
YBhg Dato' Idris bin Mohd Tahir	55,000.00	2,000.00	35,000.00
<i>*Elaun mesyuarat dibayar pada setiap mesyuarat yang dihadiri</i>			

Nota:

- Sejak Polisi Pengarah Bekerja dikuatkuasakan mulai 28 Jun 2011, Pengarah yang memegang jawatan "Pengarah Bekerja" tidak layak menerima yuran pengarah, elaun mesyuarat dan perjalanan percutian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : GAZET JALAN DAN MARRIS

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah masih terdapat jalan-jalan di Selangor yang belum didaftarkan bagi tujuan peruntukan MARRIS dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN:

- a) Masih terdapat lagi jalan-jalan negeri yang belum didaftarkan oleh agensi-agensinya pelaksana. Bagi mengatasi masalah tersebut, JKR Selangor mengambil beberapa pendekatan, antaranya seperti;
- i. Bengkel pemutihan data MARRIS
 - ii. Mesyuarat penyelarasan data MARRIS
 - iii. Bengkel mencerap jalan menggunakan alat GPS yang dibekalkan.
 - iv. Bengkel perkongsiaan ilmu mencerap jalan menggunakan teknik 'digitizing' melalui Google Map.
 - v. Bengkel perkongsiaan ilmu penggunaan perisian MapInfo sebagai database jalan untuk setiap agensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : PORTFOLIO KERAJAAN TEMPATAN

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan EXCO bagi portfolio Kerajaan Tempatan tahun 2015?
- b) Apakah pencapaian EXCO portfolio ini bagi tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Dasar dan Perancangan EXCO bagi portfolio Kerajaan Tempatan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut :-
 - 1) Mewujudkan pelan tindakan jangka panjang 3 hingga 4 tahun bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor.
 - 2) Memastikan agar Pihak Berkuasa Tempatan bekerjasama dengan lebih rapat bersama ADUN dalam menyelesaikan isu-isu penduduk yang timbul. Kaedah penyelesaian bagi isu-isu sensitif pula perlulah dibincang bersama ADUN di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing agar keputusan yang dibuat bersama tersebut dapat disampaikan oleh ADUN kepada rakyat.
 - 3) Mengkaji semula kadar baharu fi lesen untuk dikuatkuasakan pada tahun 2016.
 - 4) Setiap Pihak Berkuasa Tempatan pula perlu fokus dalam menjalankan perkhidmatan teras dan Kerajaan Negeri akan sedia membantu sebaik mungkin dalam menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi.
- b) Antara pencapaian EXCO Kerajaan Tempatan sepanjang 2014 adalah seperti berikut:-

Mantan EXCO Kerajaan Tempatan sepanjang Januari-Julai 2014, telah merancang pelaksanaan projek Selangorku Sejahtera di mana sebanyak RM 16.9 juta diperuntukkan kepada semua PBT seluruh Negeri Selangor. Selain itu, melalui Pelan Tindakan 5 Tahun yang diperkenalkan sejak tahun 2013, beberapa pencapaian dari segi pembinaan padang cergas dan penubuhan Pasukan PANTAS di PBT. Melalui pelaksanaan padang cergas sejak tahun 2013, sebanyak 118 padang cergas telah dibina yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang sihat. Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan

RM1,165,040.00 bagi pembinaan padang cergas dalam membantu PBT yang mempunyai kekangan kewangan. Setiap PBT juga menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) sebagai pasukan awalan yang membantu semasa keadaan bencana alam. Dalam hal ini Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan bagi pembelian kelengkapan uniform anggota PANTAS sebanyak RM 109,650.00. Selain itu, pelbagai dasar demi kepentingan rakyat telah diperkenalkan dari semasa ke semasa.

EXCO Kerajaan Tempatan di bawah pentadbiran baharu sejak September 2014 telah merancang program bagi mengatasi masalah kebersihan di PBT di mana sebanyak RM 19 juta disalurkan kepada PBT bagi menangani isu sampah dan kebersihan melalui Pelan Tindakan 3 Bulan (Oktober – Disember 2014).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : MASALAH KEKURANGAN TANAH PERKUBURAN BUKAN ISLAM

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peratusan perkembangan terkini proses perwartaan Tanah Perkuburan Bersepadu yang bakal diadakan di seluruh Selangor?
- b) Berapakah banyak caruman kubur dikutip kerajaan sehingga sekarang dan berapa banyak telah diperuntukkan untuk memelihara tanah-tanah perkuburan bukan Islam di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui JPBD telah kenalpasti empat (4) tapak/lokasi yang berpotensi untuk diwartakan/dibangunkan sebagai Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) Negeri Selangor. Untuk tujuan tersebut, dua tapak cadangan iaitu RRIM, Petaling Jaya (MBPJ) dan Lot 3366, Mukim Sepang (MPSpg) masih belum dilakukakan sebarang proses cadangan pemajuan. Walaubagaimanapun, untuk dua tapak cadangan di Hulu Langat dan Sepang telah ada kemajuan proses cadangan di laksanakan diperingkat PBT iaitu:

Bil.	Daerah	Mukim	Lot Terlibat	Luas	Status
1.	Hulu Langat	Hulu Semenyih	29 Lot (Lampiran A)	119.944 ekar	Permohonan Pengambilan Tanah telah dihantar kepada Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat pada 8.8.2014
Bil.	Daerah	Mukim	Lot Terlibat	Luas	Status
2.	Selangor	Selangor	1 Lot (Sebahagian Lot 5758)	25 ekar	Telah warta pada 12 Julai 2012 Islam - WKNS No : 2927 Hindu - WKNS No : 2958

					Cina - WKNS No : 2930
--	--	--	--	--	--------------------------

Sumber : Inventori Tanah Perkuburan Bersepadu Negeri Selangor, April 2011

- b) Status Semasa Kutipan Terkumpul Caruman Akaun Amanah Perkuburan sehingga **31 Oktober 2014** adalah berjumlah RM 39,901,659.91. Jumlah kutipan berdasarkan daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah (RM)
1.	Petaling	7,717,384.75
2.	Gombak	4,785,953.81
3.	Hulu Langat	14,709,745.45
4.	Klang	2,905,900.75
5.	Sepang	6,097,347.50
6.	Kuala Langat	1,726,676.30
7.	Kuala Selangor	1,213,272.30
8.	Hulu Selangor	119,490.50
9.	Sabak Bernam	625,888.55
JUMLAH		39,901,659.91

Sumber : Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN Selangor

Penggunaan Wang Caruman Bagi Tanah-Tanah Perkuburan Bukan Islam

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa bagi tujuan penggunaan wang caruman Akaun Amanah Perkuburan sehingga **31 Oktober 2014** adalah berjumlah **RM573,995.58** Perincian adalah seperti berikut (mengikut daerah):

BIL	JABATAN	PERKARA	TAHUN	JUMLAH (RM)
Petaling				
1.	Persatuan Perkuburan Orang Cina Batu 3 Shah Alam	Pembinaan Calibrium	2011	70,000.00
JUMLAH				70,000.00
Hulu Selangor				

BIL	JABATAN	PERKARA	TAHUN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Tembok Penahan Tebing di Tanah Perkuburan Hulu Bernam	2014	157,374.00
2.		Membina Crematorium di Tapak Perkuburan Kaum Hindu	2014	36,195.80
3.		Membina Jalan Premix di Tapak Perkuburan Cina KKB	2014	9,258.00
4.		Membina Jalan Premix dan Pagar di Kubur Cina Hokkien	2014	52,629.00
5.		M dibaiki Infrastruktur di Tanah Perkuburan Guang Xi	2014	75,882.00
6.		Membina Pagar dan M dibaiki Semula Jalan dan Longkang di Tanah Perkuburan Cina Kalumpang	2014	112,238.00
7.		M dibaiki Jalan Raya, Longkang dan Pagar di Tanah Perkuburan Cina Serendah	2014	60,419.00
JUMLAH				503,995.80

Sumber : Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : SISTEM PERPARITAN

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan sistem perparitan di Kampung Delek di naiktarafkan agar kejadian banjir besar boleh di elakkan?
- b) Dengan mengambil kira Kampung Delek/Sg Udang dikelilingi oleh Sg. Klang, apakah ada pelan holistik mitigasi banjir?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor sentiasa memastikan sistem perparitan khususnya di Daerah Klang dalam keadaan baik dan dapat mengalirkan air dengan lancar. Kejadian banjir besar yang berlaku di dalam kawasan Kampung Delek adalah disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak mampu menampung kapasiti air yang banyak akibat daripada pertambahan kawasan tidak telap air. Di samping itu terdapat lintasan-lintasan kecil yang menghalang aliran air yang melalui parit-parit dan keluar ke outlet berhampiran.

Memandangkan Kampung Delek berada di bawah seliaan dan tanggungjawab pihak PBT, jabatan ini mengesyorkan semua parit di dalam Kampung Delek perlu dinaiktaraf dan menggantikan lintasan-lintasan yang berada di sepanjang parit bagi mengatasi masalah banjir dari berlaku sekali lagi.

- b) Secara umumnya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor telah menyediakan pelan mitigasi banjir secara menyeluruh di dalam Daerah Klang. Pelan mitigasi tersebut diadakan bertujuan bagi mengenal pasti lokasi mudah dinaiki air dan terancam dengan masalah banjir. Beberapa langkah pencegahan dan mitigasi untuk jangka pendek dan panjang turut dirancang bagi mengelak atau mengurangkan impak bencana banjir yang berlaku khususnya di Kampung Delek/Sungai Udang. Antara pelan mitigasi banjir yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

1. Pembinaan benteng sungai bagi mengelakkan air pasang memasuki Kg. Delek/Kg. Sg. Udang
2. Kerja-kerja penyelenggaraan parit sentiasa dilaksanakan secara berkala
3. Pemantauan dan pemeriksaan ke atas sistem perparitan di dalam Kampung Delek/Sungai Udang sentiasa dijalankan bagi memastikan kelancaran aliran air.
4. Pembersihan kolam-kolam takungan dsb.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos penyelenggaraan terkini pengurusan sisa buangan (terjadual dan tidak terjadual) di Selangor ?
- b) Adakah kerajaan negeri melakukan pemantauan ke atas kontraktor yang dilantik bagi menguruskan sisa pepejal tersebut?

JAWAPAN:

- a) PBT tidak mempunyai rekod kos penyelenggaraan sisa buangan berjadual kerana diurus sendiri oleh pihak industri. Sisa industri yang dikategorikan sebagai sisa berjadual adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS). Walau bagaimanapun, di dalam syarat perlesenan, pihak Majlis telah menetapkan bahawa setiap premis industri berlesen perlu melantik kontraktor kutipan sampah sendiri. Kontraktor yang dilantik hendaklah berdaftar dengan pihak PBT dan membuang sampah tersebut ke pusat pelupusan sampah yang dibenarkan sahaja. Manakala kos penyelenggaraan pengurusan sisa buangan tidak berjadual adalah seperti di bawah:-

BIL.	PBT	PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2014 (RM)
1.	MBSA	45,160,638.56
2.	MBPJ	56,000,000.00
3.	MPS	3,637,061.42
4.	MPK	27,553,613.98
5.	MPAJ	17,654,677.37
6.	MPSp	9,813,600.00
7.	MDKS	1,111,798.44
8.	MDSB	2,040,000.00
9.	MDKL	6,330,000.00
10.	MPSJ	32,000,000.00
11.	MPKj	20,820,102.37
12.	MDHS	8,212,490.04
Jumlah Keseluruhan		226,696,920.76

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- b) Pihak PBT telah menetapkan bahawa setiap premis industri berlesen perlu melantik kontraktor bagi tujuan pelupusan sisa terjadual sendiri. Kontraktor tersebut hendaklah berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar dan sisa buangan tersebut hendaklah dihantar ke syarikat Kualiti Alam. Selain itu, bagi tujuan pemantauan, pihak Majlis telah mengarahkan setiap premis industri berlesen menghantar laporan pelupusan sisa buangan terjadual secara bulanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : RUMAH TERBIAR

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan setakat ini terhadap rumah terbiar di 1283 Jln 17/31 Petaling Jaya?
- b) Apakah tindakan susulan supaya masalah ini diatasi?
- c) Adakah Kerajaan bercadang untuk merampas tanah ini kerana terbiar untuk lebih 5 tahun?

JAWAPAN:

- a) Ini merupakan rumah terbiar yang tidak dihuni dan dalam keadaan kerosakan yang teruk. Pemilik rumah ini melakukans endiri kerja-kerja pemotongan rumput secara berkalar atau setelah menerima notis arahan pemotongan rumput daripada Majlis.
- b) Bagi kes-kes yang ingkar mematuhi notis arahan pemotongan rumput di bawah undang-undang kecil mencegah kekotoran (MBPJ) 1999 dan di bawah seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1974, Setakat ini sebanyak 6 kes telah di dakwa dijatuhkan hukuman di bawah seksyen ini. Bagi pemilik yang tidak dapat di kesan Majlis akan melakukan kerja-kerja pemotongan rumput untuk mengatasi masalah ini.
- c) Sebanyak 13 rumah/lot tanah terbiar yang tidak dapat di kesan pemilik telah dihantar ke Pejabat Tanah Daerah Petaling untuk tindakan rampasan atau lain tindakan dalam bidang kuasa Pejabat Tanah Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN BAGI YANG TIDAK
MELUNASKAN BAYARAN PENYELENGGARAAN.**

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan terhadap pemilik-pemilik rumah bertingkat yang tidak melunaskan bayaran penyelenggaraan sehingga menyumbang kepada kegagalan tertubuhnya *Joint Management Body* di sesebuah perumahan.

JAWAPAN:

- a) Seksyen 23, Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 (Penyenggaraan dan Pengurusan) [Akta 663] mewajibkan pembeli membayar caj penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama. Kegagalan pembeli untuk membayar caj adalah satu kesalahan di bawah seksyen 34, Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 (Penyenggaraan dan Pengurusan) [Akta 663].

Seksyen 43, Akta Bangunan Harta Bersama 2007 (Penyenggaraan dan Pengurusan) [Akta 663] memperuntukkan pendakwaan hanya boleh dimulakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau dengan mendapat keizinan daripadanya. LPHS telah memperolehi keizinan tersebut bagi menjalankan pendakwaan di bawah Akta 663.

Setakat dari Januari 2013 sehingga 31 Oktober 2014, LPHS telah menerima **sebanyak 500 notis** peringatan (yang lengkap) daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Selangor untuk menuntut tunggakan caj penyelenggaraan dan pengurusan terhadap pembeli. Daripada 500 notis tersebut, **395 kes pendakwaan telah difailkan**, 24 masih menunggu izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya (TPR) Negeri Selangor dan baki 81 adalah di dalam penyempurnaan kertas siasatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 Batang Kali)**

TAJUK : PORTFOLIO PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan strategi peningkatan sektor perindustrian dan perdagangan negeri kini?
- d) Bagaimanakah dasar dan strategi ini melimpahkan manfaat kepada rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dasar dan strategi sektor perindustrian dan perdagangan kini adalah seperti berikut:

Bil.	Dasar	Strategi
1.	Mengekalkan sektor perindustrian dan perdagangan sebagai sektor penyumbang utama kepada KDNK Negeri.	Mengekalkan prestasi pelaburan dengan sasaran pelaburan sebanyak RM 8 bilion setahun.
2.	Meningkatkan program promosi	Penambahan peruntukan Jawankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Pengangkutan sebanyak RM 10 juta bagi tahun 2015.
3.	Menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru.	i. Menggalakkan penglibatan pemaju swasta. ii. Cadangan pembukaan kawasan industri baru oleh pihak Kerajaan Negeri dan pemaju swasta dengan berkonsepkan gated & guarded.
4.	Menjadikan Selangor sebagai Pusat Perdagangan	Menggalakkan pertumbuhan aktiviti perdagangan menerusi program-program pameran dan kerjasama dengan dewan-dewan perniagaan tempatan.

Bil.	Dasar	Strategi
5.	Membantu Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) meluaskan pasaran ke peringkat global	Menggalakkan penglibatan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dalam aktiviti <i>e-commerce</i> .
6.	Konsep Mesra Pelabur	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="781 401 1438 579">i. Mengadakan pertemuan dengan pihak pelabur, kedutaan asing serta dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi mendapatkan maklum balas dan mewujudkan networking. <li data-bbox="781 621 1438 695">ii. Membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. <li data-bbox="781 726 1438 831">iii. Membantu mempercepatkan proses kelulusan projek dan pelaksanaan pembangunan. <li data-bbox="781 842 1438 915">iv. Menyediakan maklumat sebagai bahan rujukan para pelabur. <li data-bbox="781 947 1438 1020">v. Menyediakan kawasan industri yang selesa dan kondusif <li data-bbox="781 1052 1438 1192">vi. Mempertingkatkan keberkesanan Industrial Park Management Committee dalam membantu menyelesaikan isu berbangkit.

b) Dasar dan strategi ini mampu memberikan limpahan manfaat kepada rakyat Selangor melalui:-

- i. Memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
- ii. Membantu PKS tempatan mengembangkan perniagaan ke peringkat global.
- iii. Mewujudkan peluang-peluang perniagaan seperti perkhidmatan berkaitan pembuatan (*Manufacturing Related Services*) seperti logistik, latihan, industri makanan dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 Sungai Pelek)**

TAJUK : KEMUDAHAN AWAM

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan aduan rakyat berhubungan dengan jalan dan longkang yang tidak diselenggara dengan sempurna serta tidak mengikut jadual yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a. Kerajaan Negeri komited dalam menyelesaikan aduan rakyat termasuk hal berkaitan penyelenggaraan jalan dan longkang. Talian Bebas Tol Aduan (**1-800-88-2824**) yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat SUK Selangor akan menyalurkan aduan awam dengan tuntas kepada agensi / jabatan berkaitan supaya tindakan segera dapat diambil.

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor pula memaklumkan bahawa jalan protokol, jalan primer dan jalan sekunder sentiasa dipantau agar diselenggara dengan kekerapan sekali sebulan. Perancangan Kerajaan Negeri melalui JKR bagi tujuan penyelenggaraan jalan adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan kerja selenggaraan jalan negeri secara kontrak berpusat mulai Mac 2015.
- ii. Penilaian kerosakan pavement jalan akan dilaksanakan oleh kontraktor pakar mulai Januari 2015 bagi tujuan kerja-kerja pembaikan jalan.
- iii. Senarai jalan-jalan yang akan dibaiki telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pada tahun 2015

Manakala di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pasukan "Road Gang" iaitu unit khas *in-house* dengan kemahiran dan kepakaran khusus penyelenggaraan jalan sentiasa bersedia untuk menyelesaikan aduan rakyat. Selain daripada itu, tindakan tegas juga akan diambil oleh setiap PBT terhadap mana-mana kontraktor yang gagal mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan seperti pemotongan bayaran.

Kerajaan Negeri Selangor sangat memberi perhatian serius dan mengambil peduli tentang aduan-aduan berkaitan penyelenggaraan jalan, pembersihan awam serta pengurusan sampah. Oleh sebab itu dalam tempoh tiga (3) bulan bermula Oktober 2014 peruntukan sebanyak **RM31,238,692.70** telah diberikan kepada semua PBT melalui peruntukan MARRIS dan peruntukan am untuk tujuan meningkatkan **penyelenggaraan jalan** serta **pembersihan awam** yang

meliputi pemotongan rumput, cucian longkang dan sapuan jalan dan **pengurusan sisa pepejal.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : PROGRAM *BLUEPRINT* MEMBASMI KEMISKINAN

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah proses permohonan program ini terlalu lambat sampai kepada pemohon?
- b) Berapakah had nilai bantuan program ini?
- c) Apakah ada sebarang kawalan kepada penerima yang menjual peralatan yang telah dibekalkan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Pada tahun 2008 sehingga 2013, proses keseluruhan kelulusan bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dikendalikan sepenuhnya oleh Seksyen Sektorial, UPEN. Proses dan prosedur terlibat meliputi lawatan tapak dan siasatan, penyediaan laporan siasatan berserta senarai pendek penerima bantuan yang layak menerima bantuan, urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Peralatan di bawah Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dan proses perolehan secara sebut harga bagi pembelian peralatan. Keseluruhan proses ini kebiasaannya mengambil masa enam (6) bulan sehingga setahun memandangkan bilangan permohonan yang diterima adalah tinggi. Namun begitu, bagi mempercepatkan kelulusan permohonan, atas desakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan pada Disember 2013, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan melalui pihak UPEN telah menurunkan kuasa kepada Pejabat Daerah/ Tanah bagi melaksanakan beberapa proses/ prosedur meliputi siasatan dan lawatan tapak, penyediaan laporan siasatan berserta senarai pendek penerima bantuan yang layak dipertimbangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dan proses perolehan secara sebut harga bagi pembelian peralatan. Berdasarkan penambahbaikan yang telah dijalankan ini, didapati bahawa proses keseluruhan mengambil masa kira-kira tiga (3) bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PRESTASI EKONOMI NEGERI 2014

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi dan indikator utama pencapaian ekonomi negeri tahun 2013 dan status sehingga sekarang?
- b) Bagaimanakah tahap sumbangan Selangor terhadap ekonomi negara?

JAWAPAN:

- b. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan prestasi ekonomi Negeri Selangor pada tahun 2013 mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.8% dengan nilai RM186,548 juta. Pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor adalah selari dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia memandangkan Negeri Selangor menyumbangkan 23.7% KDNK iaitu sumbangan hampir satu perempat KDNK Negara.

Prestasi tersebut diukur berdasarkan prestasi 6 (enam) sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, import duti, perlombongan dan kuari serta pertanian. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2013 menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan menyumbang 58.8% ekonomi Negeri Selangor berjumlah RM109,673 juta diikuti sektor pembuatan 30.8% dengan nilai RM57,388 juta, pembinaan 5.4% berjumlah RM10,144, import duti 3.5% sebanyak RM6,295 juta, perlombongan dan kuari 1.5% berjumlah RM174 juta manakala pertanian memberi sumbangan 0.5% dengan jumlah RM2,874 juta.

Sektor-sektor tersebut berkembang dengan peningkatan nilai ditambah dalam setiap sektor utama. Nilai ditambah sektor pembuatan tumbuh 3.4% manakala nilai ditambah sektor perkhidmatan tumbuh 6.7%. Sektor pembinaan tumbuh 15.4%. Walau bagaimanapun nilai ditambah sektor pertanian menguncup 1.6%.

Bagi aspek pelaburan pada tahun 2013, jumlah projek pelaburan di Negeri Selangor ialah sebanyak 228 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM9,833,006,852.00. Jumlah tersebut adalah bilangan terbesar bagi projek yang dilaksanakan diikuti Johor dan Pulau Pinang. Pelaburan Negeri Selangor disumbangkan melalui pelaburan domestik sebanyak 63% (RM6,207,711,908.00) dan pelaburan asing 36.8% (RM3,625,294,944.00). Pada tahun 2013 sahaja, pelaburan domestik dan asing telah menyumbangkan 23,519 jumlah pekerjaan di Negeri Selangor.

- c. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa sumbangan negeri Selangor terhadap ekonomi negara adalah konsisten dalam tempoh lima (5) tahun lepas. Pada tahun 2009, sumbangan Negeri Selangor terhadap KDNK Negara ialah 22.3%, diikuti 23% pada tahun 2010, tahun 2011 mencatatkan penurunan kepada 22.1% dan pada tahun 2012 meningkat kepada 23.5%. Pada tahun 2013, sumbangan KDNK Negeri Selangor kepada ekonomi Negara meningkat kepada 23.7% dengan nilai RM787,611 juta.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** negeri Selangor sebanyak RM57,388 juta telah menyumbang 29.7% kepada nilai ditambah sektor pembuatan negara (RM193,237 juta) manakala nilai ditambah **sektor perkhidmatan** negeri Selangor (RM109,673 juta) menyumbang 25.2% kepada nilai ditambah sektor perkhidmatan negara (RM434,460 juta).

Jumlah tersebut menunjukkan Negeri Selangor merupakan penyumbang tertinggi KDNK Negara pada tahun 2013 dan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh ekonomi negeri Selangor terhadap prestasi ekonomi negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : KAKITANGAN PBT

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kakitangan PBT masing-masing mengikut jabatan dan jenis pengambilan (kontrak/tetap)

JAWAPAN:

- a) Jumlah kakitangan PBT secara keseluruhan adalah sebanyak **10,838 orang** yang terdiri daripada **lantikan tetap seramai 7,738 orang** dan **lantikan kontrak seramai 3,100 orang**. Pecahan mengikut setiap PBT adalah seperti jadual berikut:

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak	Jumlah
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	1,226	540	1,766
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	802	569	1,371
3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	629	125	754
4	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	629	232	861
5	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	1,273	415	1,688
6	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	665	349	1,014
7	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	367	161	528
8	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	922	592	1,514
9	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	366	0	366
10	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	333	69	402
11	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	274	27	301
12	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	252	21	273

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak	Jumlah
	Jumlah Keseluruhan	7,738	3,100	10,838

Perincian jumlah kakitangan Tetap dan Kontrak mengikut Jabatan di PBT disertakan di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**1. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya****Status sehingga 30 Oktober 2014**

Bil	Jabatan	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Datuk Bandar	1	1
2	Pejabat Setiausaha	1	0
3	Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	5	3
4	Unit Audit Dalam	8	7
5	Unit Perhubungan Awam & Korporat	25	17
6	Unit Perundangan	18	1
7	Unit Pusat Seheniti (OSC)	9	3
8	Jabatan Kawalan Bangunan	50	7
9	Jabatan Kesihatan Persekitaran	148	94
10	Jabatan Khidmat Pengurusan	122	47
11	Jabatan Landskap	103	10
12	Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan	182	67
13	Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan	98	88
14	Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan	301	117
15	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	43	17
16	Jabatan Perancangan Pembangunan	34	23
17	Jabatan Perbendaharaan	78	39
	Jumlah Keseluruhan	1,226	540

2. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Shah Alam

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Datuk Bandar	4	1
2	Pejabat Timbalan Datuk Bandar	3	0
3	Bahagian Audit Dalam Dan Pengaduan Awam	7	7
4	Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	4	3
5	Jabatan Undang-Undang	21	9
6	Bahagian Pengurusan Stadium	7	12
7	Jabatan Bangunan	39	15
8	Jabatan Kejuruteraan	140	53
9	Jabatan Kesihatan Persekitaran	55	23
10	Jabatan Kewangan	35	31
11	Jabatan Khidmat Pengurusan	40	23
12	Jabatan Korporat Dan Pembangunan Komuniti	47	51
13	Jabatan Pelesenan Dan Penjaja	21	12
14	Jabatan Penguatkuasaan	110	105
15	Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan	15	17
16	Jabatan Pengurusan Kontrak Dan Projek Khas	9	8
17	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam	32	47
18	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	41	31
19	Jabatan Perancangan	40	25
20	Jabatan Pusat Setempat	10	3
21	Jabatan Taman Dan Rekreasi	62	46
22	Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	17	16
23	Pejabat Cawangan Kota Kemuning	18	13
24	Pejabat Cawangan Setia Alam	3	0
25	Pejabat Cawangan Sungai Buloh	19	17
26	Urusetia Mesyuarat	3	1
	Jumlah Keseluruhan	802	569

3. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	1	0
2	Pejabat Timbalan Yang Dipertua	2	0
3	Jabatan Bangunan Dan Senibina	27	6
4	Jabatan Kejuruteraan	55	7
5	Jabatan Kemasyarakatan	58	18
6	Jabatan Khidmat Pengurusan	34	10
7	Jabatan Pelesenan	25	6
8	Jabatan Penguatkuasa	119	37
9	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	65	4
10	Jabatan Perancang Bandar	31	2
11	Jabatan Perbendaharaan	46	3
12	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan	91	20
13	Pejabat Yang Dipertua	3	1
14	Bahagian Audit Dalam	7	
15	Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan	5	3
16	Bahagian OSC	7	1
17	Bahagian Pensurujaya Bangunan	6	2
18	Jabatan Perancangan Korporat	32	4
19	Jabatan Undang-Undang	15	1
	Jumlah Keseluruhan	629	125

4. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Perbandaran Kajang

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	5	0
2	Pejabat Timbalan Yang Dipertua (Setiausaha)	1	0
3	Jabatan Kawalan Bangunan	18	17
4	Jabatan Kejuruteraan	83	39
5	Jabatan Khidmat Pengurusan	91	16
6	Jabatan Pelesenan	44	7
7	Jabatan Pembangunan Masyarakat	14	1
8	Jabatan Penguatkuasaan	92	15
9	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	43	21
10	Jabatan Perancangan Bangunan	104	68
11	Jabatan Perbendaharaan	49	10
12	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan	71	31
13	Jabatan Undang-Undang	11	0
14	Unit Audit Dalam	3	2
15	Unit OSC	3	4
16	Unit Perancangan Korporat Dan Perhubungan Awam	2	1
	Jumlah Keseluruhan	629	232

5. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Perbandaran Klang

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	2	0
2	Pejabat Setiausaha	1	0
3	Bahagian Sekretariat	9	2
4	Jabatan Penguatkuasaan	242	49
5	Jabatan Bangunan	55	8
6	Jabatan Kejuruteraan	232	12
7	Jabatan Kesihatan	75	25
8	Jabatan Kewangan	126	18
9	Jabatan Khidmat Pengurusan	41	24
10	Jabatan Korporat & Kemasyarakatan	49	35
11	Jabatan Pelesenan Dan Penjaja	44	16
12	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	69	13
13	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	41	7
14	Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	99	172
15	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	6	2
16	Jabatan Pusat Setempat	11	0
17	Jabatan Taman Dan Rekreasi	90	9
18	Jabatan Teknologi Maklumat	35	11
19	Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak	3	1
20	Jabatan Undang-Undang	37	10
21	Ketua Juruaudit Dalam	8	1
	Jumlah Keseluruhan	1,273	415

6. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Perbandaran Selayang

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	2	0
2	Pejabat Timbalan Yang Dipertua	5	0
3	Bahagian Perundangan	16	9
4	Bahagian Urusetia	3	4
5	Jabatan Korporat	12	13
6	Jabatan Audit Dalam	6	2
7	Jabatan Bangunan	33	8
8	Jabatan Kejuruteraan	49	36
9	Jabatan Kesihatan	74	32
10	Jabatan Khidmat Pengurusan	42	29
11	Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan	6	4
12	Jabatan Landskap	53	16
13	Jabatan Pelesenan	23	19
14	Jabatan Pembangunan Masyarakat	9	4
15	Jabatan Penguatkuasa Dan Keselamatan	122	53
16	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	88	51
17	Jabatan Perancang Bandar	28	6
18	Jabatan Perbendaharaan	42	28
19	Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	23	24
20	Jabatan Pesuruhjaya Bagunan (COB)	6	2
21	Jabatan Pusat Setempat (OSC)	9	2
22	Jabatan Teknologi Maklumat	14	7
	Jumlah Keseluruhan	665	349

7. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Perbandaran Sepang

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	1	0
2	Pejabat Timbalan Yang Dipertua	3	0
3	Jabatan Perancangan Korporat	40	21
4	Jabatan Bangunan	19	5
5	Jabatan Kejuruteraan	15	13
6	Jabatan Khidmat Pengurusan	56	23
7	Jabatan Landskap	39	3
8	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	15	4
9	Jabatan Perancangan Pembangunan	18	8
10	Jabatan Perbendaharaan	21	1
11	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan	23	12
12	Jabatan Perlesenan Dan Penguatkuasaan	66	51
13	Unit Audit Dalam	6	0
14	Unit Cawangan Suruhanjaya Bangunan	5	1
15	Unit Pengurusan Sistem Maklumat	10	1
16	Unit Perkhidmatan Bandar	13	14
17	Unit Pusat Setempat	8	2
18	Unit Undang-Undang	9	2
	Jumlah Keseluruhan	367	161

8. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Perbandaran Subang Jaya

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	1	0
2	Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha Perbandaran	1	0
3	Bahagian Landskap	38	11
4	Bahagian Perkhidmatan Bandar	58	30
5	Jabatan Bangunan	49	33
6	Jabatan Hasil	46	20
7	Jabatan Kejuruteraan	103	28
8	Jabatan Kesihatan	63	23
9	Jabatan Khidmat Pengurusan	99	34
10	Jabatan Pelesenan	24	6
11	Jabatan Pembangunan Masyarakat	49	135
12	Jabatan Penguatkuasaan	159	129
13	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	39	21
14	Jabatan Perancangan Bandar	39	19
15	Jabatan Perancangan Korporat	38	30
16	Jabatan Perbendaharaan	33	2
17	Jabatan Teknologi Maklumat	20	16
18	Bahagian Audit Dalam	6	1
19	Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan	12	9
20	Jabatan Undang-Undang	28	26
21	Mahkamah	2	6
22	Sekretariat Pusat Semakan Setempat (OSC)	9	4
23	Sekretariat Suruhanjaya Bangunan (COB)	6	9
	Jumlah Keseluruhan	922	592

9. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Daerah Hulu Selangor

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	2	0
2	Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	5	0
3	Jabatan Belia Dan Kemasyarakatan	5	0
4	Jabatan Kawalan Bangunan	7	0
5	Jabatan Khidmat Pengurusan	85	0
6	Jabatan Landskap	17	0
7	Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	14	0
8	Jabatan Penilaian	21	0
9	Jabatan Perancangan Pembangunan	10	0
10	Jabatan Perbendaharaan	22	0
11	Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Persekitaran	156	0
12	Unit Aduan, Perhubungan Awam Dan Korporat	6	0
13	Unit Audit Dalam	4	0
14	Unit Perundangan	7	0
15	Unit Pusat Setempat (OSC)	5	0
	Jumlah Keseluruhan	366	0

10. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Daerah Kuala Langat

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	3	0
2	Cawangan Bandar Saujana Putra	6	3
3	Jabatan Belia Dan Kemasyarakatan	9	0
4	Jabatan Kawalan Bangunan	15	4
5	Jabatan Khidmat Pengurusan	78	15
6	Jabatan Landskap	28	4
7	Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	21	9
8	Jabatan Penilaian	58	7
9	Jabatan Perancangan Pembangunan	27	4
10	Jabatan Perbendaharaan	28	7
11	Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Persekitaran	38	16
12	Unit Aduan, Perhubungan Awam Dan Korporat	11	0
13	Unit Audit Dalam	5	0
14	Unit Perundangan	6	0
	Jumlah Keseluruhan	333	69

11. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Daerah Kuala Selangor

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	3	0
2	Jabatan Belia Dan Kemasyarakatan	3	1
3	Jabatan Kawalan Bangunan	13	0
4	Jabatan Khidmat Pengurusan	84	24
5	Jabatan Landskap	18	0
6	Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	25	0
7	Jabatan Penilaian	17	1
8	Jabatan Perancangan Pembangunan	14	0
9	Jabatan Perbendaharaan	20	0
10	Jabatan Perkhidmatan Bandar & Persekitaran	66	0
11	Unit Perundangan	4	0
12	Unit Audit Dalam	3	0
13	Unit Perhubungan Korporat	4	1
	Jumlah Keseluruhan	274	27

12. Senarai Lantikan Tetap dan Kontrak di Majlis Daerah Sabak Bernam

Status sehingga 30 Oktober 2014

Bil	Agensi	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak
1	Pejabat Yang Dipertua	1	0
2	Jabatan Belia Dan Kemasyarakatan	3	1
3	Jabatan Kawalan Bangunan	10	0
4	Jabatan Khidmat Pengurusan	64	3
5	Jabatan Landskap	18	8
6	Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	24	0
7	Jabatan Penilaian	13	0
8	Jabatan Perancangan Pembangunan	10	0
9	Jabatan Perbendaharaan	13	1
10	Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Persekitaran	85	8
11	Unit Aduan Perhubungan Awam Dan Korporat	6	0
12	Unit Audit Dalaman	3	0
13	Unit Perundangan	2	0
	Jumlah Keseluruhan	252	21

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 Tanjung Sepat)**

TAJUK : PRASARANA DAN KEMUDAHAN AWAM

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah jeti-jeti yang berdaftar (sah) di perairan Negeri Selangor?
- b) Adakah kerajaan bersedia untuk membina sebuah jeti baru di Pantai Tanjung Sepat bagi kegunaan nelayan-nelayan?
- c) Apakah kerajaan menyediakan peruntukan munasabah untuk membaikpulih dewan orang ramai dan balai raya di kampung-kampung tradisi?

JAWAPAN:

- a) Kawasan aktiviti jeti di dalam Negeri Selangor terdiri daripada kawasan had pelabuhan dan kawasan luar had pelabuhan. Kawasan had pelabuhan merupakan kawasan di bawah pentadbiran Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) manakala kawasan di luar had pelabuhan merupakan kawasan di bawah pentadbiran Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

LUAS telah mengeluarkan Lesen Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) kepada dua (2) operator jeti persendirian di luar kawasan had pelabuhan. LPK telah mengeluarkan sebanyak 14 lesen pengoperasian kepada operator jeti persendirian di dalam kawasan had pelabuhan.

Berdasarkan kajian pengurusan jeti Negeri Selangor yang dijalankan, pendaftaran jeti akan dibuat selaras dengan hasil kajian tersebut di mana aspek sosioekonomi dan kesesuaian lokasi diambilkira. LUAS sedang menyediakan pelan tindakan penyelesaian yang melibatkan pewartaan dan pendaftaran bagi jeti yang memenuhi kriteria dan syarat seperti peruntukan Seksyen 43, Enekmen LUAS, 1999. Jeti yang tidak memenuhi kriteria dan syarat akan dirobuhkan.

- b) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor pada 4 Mac 2014 telah diadakan bagi membincangkan penyelarasan berkenaan Jeti Nelayan Tanjung Sepat dan penyediaan Kertas Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dibuat oleh LUAS.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 25/2014 yang bersidang pada 25 Jun 2014 memutuskan untuk menangguhkan pembinaan semula jeti nelayan Tanjung Sepat sehingga permohonan rasmi pembinaan diterima daripada mana-mana pihak.

LUAS merupakan badan yang menguruskan dan menguatkuasakan aktiviti jeti melalui Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor di mana setiap pembinaan jeti perlu mendapatkan Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) daripada LUAS selaras dengan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999. LUAS bukan agensi yang bertanggungjawab dalam penyediaan fasiliti dan pembangunan jeti.

- c) Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan khusus tahunan untuk membaiki dewan orang ramai dan balai raya di kampung-kampung tradisi. Setiap tahun, sejumlah RM4 juta peruntukan pembangunan khusus disediakan bagi tujuan tersebut bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Pelaksanaan projek-projek membina baru / membaikpulih / menaiktaraf dewan serbaguna dan balai raya kampung tradisi adalah berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui pejabat daerah sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) / Ketua Komuniti, aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah/Tanah dan permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan keperluan untuk baikpulih dan tahap kritikal sesuatu permohonan projek.

Selain peruntukan khusus tersebut, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program pembangunan Hasil Negeri Untuk Rakyat (HNUR) pada tahun 2011 dan inisiatif tersebut telah membelanjakan sejumlah RM6,107,752.91 (**Ringgit Malaysia: Enam Juta Satu Ratus Tujuh Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Dua dan Sen Sembilan Puluh Satu Sahaja**) bagi menampung pelaksanaan **215** projek membaiki dewan serbaguna dan balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Secara keseluruhan, sejak 2008 sehingga Oktober 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah **RM 15,703,323.34 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Juta Tujuh Ratus Tiga Ribu Tiga Ratus Dua Puluh Tiga dan Sen Tiga Puluh Empat Sahaja)** dengan melaksanakan **772** buah projek pembangunan dewan serbaguna dan balai JKKK di sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Perincian pelaksanaan projek dari tahun 2008 sehingga Oktober 2014 mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

**LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI DAERAH-DAERAH DI NEGERI SELANGOR TAHUN 2008 - 2014
(BALAI RAYA DAN DEWAN SERBAGUNA)**

BIL.	DAERAH	PERUNTUKAN 2008			PERUNTUKAN 2009			PERUNTUKAN 2010			PERUNTUKAN 2011		
		JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	PETALING	- Dewan/Balairaya	4	70,000.00	- Dewan/Balairaya	3	70,000.00	- Dewan/Balairaya	3	80,000.00	- Dewan/Balairaya	6	337,050.00
			4	70,000.00		3	70,000.00		3	80,000.00		6	337,050.00
2	KLANG	- Dewan/Balairaya	4	76,000.00		0	0.00	- Dewan/Balairaya	18	248,500.00	- Dewan/Balairaya	34	766,541.18
			4	76,000.00		0	0.00		18	248,500.00		34	766,541.18
3	GOMBAK	- Dewan/Balairaya	4	47,000.00		0	0.00	- Dewan/Balairaya	33	426,766.45	- Dewan/Balairaya	35	984,199.70
			4	47,000.00		0	0.00		33	426,766.45		35	984,199.70
4	HULU	- Dewan/Balairaya	6	38,300.00	- Dewan/Balairaya	1	38,000.00	- Dewan/Balairaya	19	255,584.42	- Dewan/Balairaya	45	1,348,274.86
			6	38,300.00		1	38,000.00		19	255,584.42		45	1,348,274.86
5	SEPANG	- Dewan/Balairaya	19	120,000.00		0	0.00		0	0.00	- Dewan/Balairaya	36	1,043,395.00
			19	120,000.00		0	0.00		0	0.00		36	1,043,395.00
6	KUALA LANGAT	- Dewan/Balairaya	3	30,000.00		0	0.00	- Dewan/Balairaya	3	30,000.00	- Dewan/Balairaya	56	1,128,072.70
			3	30,000.00		0	0.00		3	30,000.00		56	1,128,072.70
7	KUALA	- Dewan/Balairaya	8	135,000.00	- Dewan/Balairaya	1	20,000.00	- Dewan/Balairaya	18	292,819.29	- Dewan/Balairaya	32	869,684.92
			8	135,000.00		1	20,000.00		18	292,819.29		32	869,684.92
8	HULU SELANGOR	- Dewan/Balairaya	4	55,000.00	- Dewan/Balairaya	3	60,000.00	- Dewan/Balairaya	17	296,137.65	- Dewan/Balairaya	31	799,750.24
			4	55,000.00		3	60,000.00		17	296,137.65		31	799,750.24
9	SABAK BERNAM	- Dewan/Balairaya	2	30,000.00	- Dewan/Balairaya	3	78,140.00	- Dewan/Balairaya	1	11,966.60	- Dewan/Balairaya	33	630,914.65
			2	30,000.00		3	78,140.00		1	11,966.60		33	630,914.65
JUMLAH MENGIKUT TAHUN PERUNTUKAN		2008	54	601,300.00	2009	11	266,140.00	2010	112	1,641,774.41	2011	308	7,307,883.15

BIL.	DAERAH	PERUNTUKAN 2012			PERUNTUKAN 2013			PERUNTUKAN 2014		
		JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	PETALING	- Dewan/Balairaya	7	199,234.50	- Dewan/Balairaya	10	340,818.90	- Dewan/Balairaya	6	118,500.00
			7	199,234.50		10	340,818.90		6	118,500.00
2	KLANG	- Dewan / Balairaya	7	125,341.12	-Dewan/Balairaya	6	127,800.50	- Dewan/Balairaya	8	140,569.30
			7	125,341.12		6	127,800.50		8	140,569.30
3	GOMBAK	- Dewan / Balairaya	10	141,533.62	-Dewan/Balairaya	5	124,202.06	- Dewan/Balairaya	16	320,000.00
			10	141,533.62		5	124,202.06		16	320,000.00
4	HULU LANGAT	- Dewan / Balairaya	14	381,486.00	-Dewan/Balairaya	4	56,613.10	- Dewan/Balairaya	10	200,000.00
			14	381,486.00		4	56,613.10		10	200,000.00
5	SEPANG	- Dewan / Balairaya	4	73,900.00	-Dewan/Balairaya	3	81,298.00	- Dewan/Balairaya	13	264,400.00
			4	73,900.00		3	81,298.00		13	264,400.00
6	KUALA LANGAT	- Dewan / Balairaya	16	300,366.05	-Dewan/Balairaya	7	122,435.00	- Dewan/Balairaya	15	300,000.00
			16	300,366.05		7	122,435.00		15	300,000.00
7	KUALA SELANGOR	- Dewan / Balairaya	2	54,757.10				- Dewan/Balairaya	20	400,001.00
			2	54,757.10					20	400,001.00
8	HULU SELANGOR				-Dewan/Balairaya	18	318,476.43	- Dewan/Balairaya	13	298,451.00
						18	318,476.43		13	298,451.00
9	SABAK BERNAM				-Dewan/Balairaya	43	496,042.10	- Dewan/Balairaya	30	300,000.00
						43	496,042.10		30	300,000.00
JUMLAH MENGIKUT TAHUN		2012	60	1,276,618.39		96	1,667,686.08		131	2,341,921.30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : BEKALAN IKAN

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini permintaan dan bekalan ikan di negeri Selangor?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk meningkatkan bekalan ikan untuk rakyat Selangor pada harga patut?

JAWAPAN:

- a) Ikan merupakan makanan utama penduduk Malaysia termasuk di negeri Selangor. Namun begitu, permintaan terhadap ikan laut sentiasa tinggi dari semasa ke semasa berbanding ikan air tawar. Pendaratan ikan laut di Negeri Selangor pada 2013 adalah sebanyak 106,943 matrik tan dan sehingga September 2014 sebanyak 51,000 matrik tan. Manakala hampir 30,000 matrik tan bagi ikan air tawar pada 2013 dan 21,545 matrik tan sehingga September 2014. Pengurangan dalam pendaratan ikan laut adalah disebabkan semua nelayan pukut tunda kini telah menggunakan pukut tunda dengan mata keroncong bersaiz tidak kurang 38mm sebagaimana dikuatkuasa oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Penguatkuasaan ini telah dapat mengurangkan pendaratan ikan baja sebanyak 30% yang mana sumber ikan marin akan terus mapan.
- b) Kerajaan negeri Selangor melalui Jabatan Perikanan Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap permintaan bekalan ikan oleh penduduk. Antara strategi yang dilaksanakan dengan memberi bantuan input kepada nelayan dan penternak bagi mengurangkan beban mereka. Sokongan dan galakan menceburi bidang akuakultur bagi sumber bekalan ikan air tawar juga merupakan strategi yang dijalankan. Rakyat Selangor juga kini semakin menggemari makan ikan air tawar dan ini dapat memberi keseimbangan terhadap permintaan terhadap ikan laut. Pembukaan pasar-pasar nelayan akan memberi lebih manfaat kepada nelayan di samping penawaran harga yang lebih murah kepada pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Baharu)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 1 TANJUNG MALIM - RAWANG (FT001)

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan JKR Selangor untuk membantu menyelesaikan kesesakan Jalan FT001 ke Genting Highland memandangkan punca masalah adalah jambatan yang sempit?
- b) Status terkini kajian JKR Selangor untuk dinaiktaraf simpang Pekan Rasa keluar ke Jalan FT001 yang sering berlaku kemalangan.

JAWAPAN:

- a) JKR Selangor telah memohon untuk jalan FT001 ini dinaiktaraf dari Templer Park ke sempadan Perak dalam RMK-11.
- b) Kajian akan dilaksanakan setelah projek ini diluluskan dalam RMK-11. Buat sementara waktu, pihak JKR akan mengambil tindakan dengan memasang papan tanda amaran dan lain-lain kerja berkaitan untuk mengatasi masalah kemalangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : KERJA PEMBANGUNAN TANAH DISEKITAR JALAN TERATAI DAN DAHLIA.

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah *Top Glove* mendapat kelulusan membina kilang atas tanah pertanian?
- b) Bagaimanakah tindakan kerajaan mengatasi masalah ini?
- c) Bagaimanakah binaan parit konkrit yang kecil daripada saiz asal diluluskan dan punca banjir di kawasan sekitarnya. Apakah tindakan mengatasi?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sebanyak 23 buah kilang membuat sarung tangan dimiliki oleh Top Glove Sdn dan 15 buah kilang daripada bilangan tersebut telah mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada Majlis manakala bakinya lapan (8) unit kilang tidak mendapat kelulusan kebenaran merancang. Permohonan kebenaran merancang untuk membina kilang tersebut dikemukakan secara serentak dengan permohonan tukar syarat nyata tanah dan pecah sempadan lot daripada pertanian kepada perindustrian.
- b) Pihak Majlis mengambil tindakan penguatkuasaan dan melaksanakan pemantauan secara bersepadu di sekitar Jalan Teratai dan Dahlia sekali seminggu. Jika didapati ada lot-lot yang memulakan kerja tanah atau pembinaan tanpa kebenaran merancang maka tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan kecuali jika kilang di bawah program pemutihan.
- c) Binaan parit konkrit (saiz) adalah berdasarkan kepada kiraan rekabentuk hidraulik yang mengambilkira jumlah kawasan tadahan dahulunya. Pelan rekabentuk dimajukan oleh Juruperunding ketika permohonan pemajuan pelan pembangunan dibuat. Punca banjir yang berlaku disebabkan oleh beberapa faktor iaitu :-
 - i. Terdapat kawasan rendah semulajadi yang belum dibangunkan berada di bawah paras banjir.
 - ii. Terdapat pembangunan yang dibina terdahulu.

- iii. Parit alir keluar utama di sepanjang Jalan Abdul Manan ke Sungai Kapar Kecil juga dikawal oleh sistem kunci air di hilir yang terlibat dengan kesan pasang surut laut.
- iv. Halangan aliran air oleh sampah-sampah yang tersekat.

Pelan tindakan Majlis dalam mengatasinya adalah :-

- i. Majlis melaksanakan penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah, kawalan pembangunan dan penyelenggaraan pembersihan sistem saliran yang berjadual oleh semua agensi MPK, JPS dan JKR bagi pelan jangka pendek dan panjang.
- ii. Melaksanakan perancangan berdasarkan Pelan Induk Tebatan Banjir Klang iaitu "*Stormwater Management And Drainage Masterplan Study For The Town Of Klang*" bagi pelan jangka panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : PORTFOLIO PENDIDIKAN

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan Program EXCO bagi portfolio Pendidikan Negeri Tahun 2015?
- b) Apakah perancangan dan dasar turut menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025?
- c) Bagaimanakah pencapaian portfolio Pendidikan Tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Rancangan portfolio pendidikan akan bertunjangkan meningkatkan kualiti dan akses pendidikan sepanjang hayat bagi semua rakyat Selangor. Dasar-dasar sedia ada seperti TUNAS; Peruntukan Sekolah Agama Rakyat, Cina dan Tamil; Hadiah Anak Masuk IPT; Tabung Biasiswa Negeri Selangor; dan Tabung Biasasiswa dan Sara Diri Khas UNISEL akan diteruskan. Jawatankuasa Tetap Pendidikan akan mengadakan temurapat pada bulan Januari bagi merancang dasar pendidikan jangka panjang bagi Negeri Selangor.
- b) Ada idea baik di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Namun pelan tersebut tidak mempunyai prioriti yang jelas dan masih membawa pendekatan pemusatan kuasa. Kuasa kerajaan negeri misalnya, atau pihak berkuasa tempatan dan sekolah sendiri dalam menentukan dasar hampir tidak wujud sama sekali. Model Perlembagaan yang mungkin relevan pada zaman kemerdekaan dari sudut pendidikan masih lagi menjadi pendekatan Kerajaan Persekutuan.
- c) Pencapaian portfolio pendidikan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Program	Jumlah peruntukan	Penerima manfaat
1	Program Tuisyen Rakyat Selangor	RM 3.4 juta	3650 orang
2.	Skim Tunas Selangor	RM 3,329,555	6823 orang
3.	Program Pendidikan	RM 1.5 juta	10,000 orang
4.	Program Bantuan Sekolah	RM 16 juta	491 buah sekolah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS TERKUMPUL

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah dana terkumpul peruntukan MARRIS yang tidak dibelanja oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri supaya dapat menggunakan wang MARRIS dengan lebih efektif?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan diberi secara terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan senarai projek dan perbelanjaan dipantau oleh pihak PBT masing-masing.
- b) Kerajaan Negeri telah membuat perancangan yang komprehensif seperti berikut:-
 - i. Memastikan semua Jabatan/Agensi Pelaksana memahami keperluan sebenar dalam membuat permohonan pelaksanaan kerja-kerja di bawah MARRIS yang selari dengan Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan;
 - ii. Memastikan semua Jabatan/Agensi Pelaksana mengemaskini data di dalam Sistem MARRIS *Online* untuk semua jalan di bawah seliaan Jabatan/Agensi Pelaksana;
 - iii. Membuat semakan ke atas jalan-jalan yang berdaftar dan tidak berdaftar;
 - iv. Mengemaskini rekod perubahan taraf jalan (fokus kepada semakan taraf jalan kerana ia memberi kesan kepada per km jalan yang didaftarkan);
 - v. Memastikan Agensi pelaksana menyediakan perancangan awal untuk suku tahun pertama;
 - vi. Selain aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan

permohonan-permohonan tambahan yang selaras dengan skop MARRIS berdasarkan kepada keperluan tambahan; dan

- vii. Penambahbaikan ke atas tatacara pengurusan Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri ini dibuat dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian di Pihak Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sentiasa berpandukan kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri seperti tertakluk pada perenggan 11, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersedia untuk meningkatkan peruntukan MARRIS tertakluk kepada keupayaan agensi pelaksana manakala kelulusan peruntukan selain daripada jalan dan longkang akan dipertimbang mengikut permohonan atau *case by case basis*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : KEMUDAHAN PADANG AWAM DAN MINI STADIUM

301. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan padang bola sepak menurut DUN di bawah pentadbiran MPAJ?
- b) Apakah sistem penyelenggaraan yang dilaksanakan?
- c) Apakah rancangan MPAJ untuk membangunkan sebuah mini stadium di setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Bilangan padang bola sepak menurut DUN di bawah pentadbiran MPAJ adalah seperti berikut:

BIL.	DUN	JUMLAH
1.	Dun Hulu Kelang	8
2.	Dun Cempaka	7
3.	Bukit Antarabangsa	4
4.	Lembah Jaya	9
5.	Teratai	10

- b) Pemantauan mengikut jadual.
- c) 2015 MPAJ telah merancang untuk membina satu mini stadium di kawasan DUN Teratai iaitu di Taman Pandan Perdana walau bagaimana pun MPAJ kekurangan peruntukan untuk membina mini stadium di DUN lain dan kawasan yang sesuai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 Kuang)**

TAJUK : IKRAR PERLANTIKAN EXCO

302. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah isi kandungan ikrar barisan EXCO ketika menerima watakah pelantikan?
- b) Bagaimanakah barisan EXCO menterjemahkan ikrar tersebut dalam bentuk dasar dan tindakan?

JAWAPAN:

- a) Isi kandungan ikrar barisan EXCO ketika menerima watakah pelantikan adalah seperti berikut:

AKU JANJI Y.B. AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (AMMKN)

- 1. Memelihara dan menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara;

AMMKN Beragama Islam

Memelihara dan melindungi kesucian dan keagungan agama Islam sebagai agama Negeri dan kepercayaan orang Islam dari diganggu gugat oleh mana-mana pihak lain. Pada masa yang sama menghormati hak agama lain diamalkan oleh orang bukan beragama Islam;

AMMKN Bukan Islam

Menghormati kedudukan agama Islam sebagai agama Negeri dan juga kepercayaan orang beragama Islam serta memelihara hak agama lain diamalkan oleh orang bukan beragama Islam;

- 2. Memelihara kedaulatan institusi Raja dan mempertahankannya dari dicemari dan dari diganggu gugat oleh mana-mana pihak;
- 3. Mematuhi segala arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh DYMM Sultan Selangor dari semasa ke semasa termasuk adab dan tata tertib semasa berada di Istana dan ketika istiadat rasmi Istana dilangsungkan;
- 4. Memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan pada masa yang sama kepentingan sah kaum lain sepertimana yang termaktub dalam

Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959;

5. Melaksanakan tugas dengan integriti yang tinggi, penuh rasa tanggungjawab, amanah, jujur dan ikhlas;
 6. Mendahulukan rakyat selagimana ianya tidak menjejaskan kepentingan, kestabilan, kemakmuran dan keselamatan Negeri;
 7. Memastikan kestabilan, kemakmuran dan keselamatan Negeri di tahap yang tertinggi dan memelihara hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan dan juga dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan;
 8. Memelihara jawatan yang dipegang dari dicemari dengan pelakuan-pelakuan yang menyalahi undang-undang; dan
 9. Memastikan perpaduan antara kaum dengan menitikberatkan semangat muhibah, tolak ansur dan kerjasama antara kaum, demi menjamin kestabilan dan keharmonian rakyat berbilang kaum di Negeri Selangor.
- b) Penterjemahan ikrar taat setia ini dilaksanakan melalui pendekatan permuafakatan dan persepakatan antara anggota-anggota Pentadbiran dan penjawat-penjawat awam. Kajian-kajian, penelitian dan amalan-amalan terbaik daripada organisasi-organisasi lain merupakan rujukan dalam formulasi ke arah perancangan perkhidmatan dasar dan tindakan Kerajaan Negeri. Setiap program dan projek yang dilaksanakan lahir berdasarkan keperluan rakyat daripada pelbagai peringkat akar umbi di samping ianya selaras dengan kemampuan kewangan, pengalaman dan kepakaran pegawai Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor serta ketua-ketua jabatan peringkat negeri dan daerah termasuk seluruh penjawat awam giat berusaha meneruskan dan menambahbaik agenda "Merakyatkan Ekonomi Selangor" atau ringkasnya MES. Melalui MES, Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai program dan projek dengan membangunkan pelbagai sumber supaya rakyat semua kaum tanpa mengira perbezaan agama mahupun fahaman politik dapat sama-sama menikmati impak hasil kekayaan selari dengan pertumbuhan pesat ekonomi negeri. Agenda MES sememangnya dirancang dan dilaksanakan supaya ia benar-benar memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat Selangor.

Objektif utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri adalah memastikan Selangor menjadi negeri idaman dengan kemajuan dikekalkan dan kebajikan rakyat diutamakan. Di samping itu, kualiti hidup rakyat dipertingkatkan seterusnya merakyatkan ekonomi untuk menikmati hidup yang lebih sejahtera. Kejayaan Negeri Selangor maju diterjemahkan dengan erti kata sebenar agar rakyat menerima limpahan kekayaan Negeri Selangor yang melimpah ruah, mewujudkan keseimbangan hidup dalam semua aspek pembangunan fizikal dan spiritual ke arah mengekalkan status negeri maju dan terus disegani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : BAZAR DARUL EHSAN, KANCHONG, KUALA LANGAT

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan perkembangan penggunaan bazar Darul Ehsan di Kanchong Kuala Langat?
- b) Berapakah jumlah kos dibelanjakan untuk naik taraf bangunan tersebut?
- c) Apakah Barang yang akan di jual di bangunan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja tambahan Bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat, Daerah Kuala Langat telah siap dilaksanakan dan sedia untuk dilengkapi dengan peralatan-peralatan perniagaan di dalamnya. Perolehan bagi peralatan tersebut akan diuruskan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bersama-sama Pejabat Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi.
- b) Kos yang dibelanjakan untuk kerja naik taraf bangunan tersebut adalah sebanyak RM106, 100.00.
- c) Konsep Bazar Darul Ehsan adalah merupakan tempat penjualan produk-produk berasaskan hasil pertanian dan ternakan yang akan dikelolakan oleh pengusaha IKS yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Pada peringkat awal sebanyak 4 pengusaha utama dipilih untuk memasarkan produk-produk IKS seperti kerepek, hasil perikanan, hasil ternakan dan perkhidmatan daripada Pusat Wanita Berdaya (PWB) Daerah Kuala Langat.

Dalam masa yang sama, perancangan bagi menempatkan usahawan-usahawan belia di Daerah Kuala Langat akan dilaksanakan secara berperingkat di tempat yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PINJAMAN PENGAJIAN

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan pinjaman kepada yang layak. Sejak diperkenalkan, berapakah tunggakan hutang yang belum dijelaskan oleh peminjam.
- b) Apakah kaedah yang digunakan untuk menuntut hutang tersebut.
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk melupuskan hutang tersebut.

JAWAPAN:

- a) Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor telah ditubuhkan pada tahun 1987 berpandukan kepada "State of Selangor Enactment No. 4 of 1949 (Enakmen Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (Pindaan) 2001). Peruntukan tahunan adalah di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri.

Sehingga Oktober 2014 tunggakan hutang pinjaman pelajaran adalah sebanyak **RM12.61 juta** yang melibatkan peminjam tahun 1995 sehingga kini.

- b) Kaedah yang digunakan untuk mengurangkan tunggakan pinjaman adalah seperti berikut:
 - i. Surat Berdaftar;
 - ii. Surat Peringatan Pertama;
 - iii. Surat Peringatan Kedua;
 - iv. Notis Tanpa Prejudis; dan
 - v. Notis Penyenaraian Hitam (RAMCI).
-paparan maklumat peminjam dan penjamin di institusi kewangan.

Selain daripada kaedah di atas, Pentadbiran ini juga membuat pencarian melalui:

- i. Panggilan Telefon/Pesanan Ringkas;
- ii. Semakan maklumat peminjam melalui senarai perjawatan kakitangan awam yang berkhidmat di Negeri Selangor (pinjaman kepada anak-anak kakitangan);
- iii. Semakan maklumat peminjam melalui aplikasi Human Resource Management Information System (HRMIS); dan
- iv. Semakan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

- c) Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk melakukan kutipan balik terhadap pinjaman-pinjaman tersebut sesuai dengan kontrak atau perjanjian asal yang dipersetujui kedua belah pihak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan giat melaksanakan hebahan tentang manfaat “Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah” yang kurang diketahui oleh para peminjam.

Program Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini membolehkan penerima pinjaman pelajaran yang telah menamatkan pengajian selepas 31 Disember 2002 dengan perolehan CGPA / PNGK 3.20 ke atas mengurangkan bayaran pinjaman mereka mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT (PDR)

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan PDR yang baharu dilancarkan pada tahun 2014?
- b) Berapakah imbuhan yang diberikan kepada syarikat perunding perubatan yang membantu kerajaan negeri dalam pelaksanaan PDR ?
- c) Nyatakan perbelanjaan yang telah dikeluarkan kerajaan negeri sepanjang pelaksanaan PDR?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri melalui Gedung Penawar Sdn Bhd telah merancang untuk menubuhkan sebuah Pusat Dialisis Rakyat yang bertempat di Sri Muda. Pada perancangan awal, Pusat Dialisis Rakyat ini akan dilancarkan pada bulan Jun 2014, namun disebabkan perolehan lesen yang terlalu ketat dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyebabkan pelancaran Pusat Dialisis Rakyat baru pada tahun ini tidak dapat dilaksanakan.
- b) Kerajaan Negeri telah mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak swasta bagi melaksanakan Pusat Dialisis Rakyat. Pusat Dialisis Rakyat ini telah beroperasi di bawah sebuah entiti iaitu Gedung Penawar Sdn Bhd dengan seluruh kos penubuhan dan pengoperasian ditanggung sendiri oleh entiti tersebut. Tiada sebarang imbuhan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Gedung Penawar Sdn Bhd. Namun di atas keprihatinan dan jasa baik, pihak Gedung Penawar Sdn Bhd masih berminat untuk menggunakan nama "Pusat Dialisis Rakyat" sebagai nama pusat dialisis.
- c) Kerajaan Negeri tidak menanggung sebarang kos atau perbelanjaan bagi pelaksanaan PDR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : GRADUAN UNISEL

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah graduan UNISEL mengikut program pengajian bagi tempoh tahun 2013 hingga 2014.
- b) Jelaskan statistik kebolehan pasaran pekerjaan bagi graduan UNISEL setakat tahun 2014.
- c) Nyatakan lima industri yang paling tinggi diceburi oleh graduan UNISEL.

JAWAPAN:

a)

**JUMLAH GRADUAN UNIVERSITI SELANGOR MENGIKUT PROGRAM BAGI
TEMPOH TAHUN 2013 DAN 2014**

Bil.	Programme	2013	2014
	Post Graduate Programme		
1	> Doctor of Education	5	16
2	> Doctor of Philosophy in Social Science	2	1
3	> Doctor of Philosophy (Biotechnology)	0	2
4	> Master of Business Administration	22	20
5	> Master of Management (By Research)	0	1
6	> Master in Computer Science (Software Engineering)	0	2
7	> Master of Science (Biotechnology)	0	1
8	> Master of Information Technology	4	0
9	> Master of Education (Discipline Management)	9	0
10	> Master of Education (Co-Curriculum & Sports Management)	1	0
	TOTAL	43	43

	Faculty of Business		
11	> Bachelor of Finance (Hons)	72	81
12	> Bachelor of Accountancy (Hons)	59	67
13	> Bachelor of Marketing (Hons)	39	56
14	> Bachelor of Business Management (Hons)	84	137
15	> Bachelor of Human Resource Management (Honours)	113	201
16	> Bachelor of Industrial Management (Honours)	8	41
17	> Diploma in Business Management	48	123
18	> Diploma in Accountancy	23	72
19	> Diploma in Administrative Management	116	142
20	> Diploma in Sports Industry Management	19	98
	TOTAL	581	1018
	Faculty of Education and Social Science		
21	> Bachelor of Education (Honours) Teaching English as a Second Language	111	62
22	> Bachelor of Industrial Psychology (Hons)	46	54
23	> Diploma in Library Science	40	28
24	> Diploma in Education (Preschool Studies)	293	333
25	> Diploma in Education (Islamic Studies)	35	79
26	> Diploma In Teaching English as a Second Language	55	143
	TOTAL	580	699
	Faculty of Art and Design		
27	> Bachelor (Hons) in Digital Graphic Design	80	69
28	> Diploma in Digital Graphic Design	39	49
29	> Diploma in Photography Technology	33	63
	TOTAL	152	181
	Faculty of Communication and Media		
30	> Bachelor of Communication (Honours) (Corporate Communication)	58	41
31	> Bachelor in Communication (Journalism) (Hons)	0	37
32	> Diploma in Media and Communication	46	138
	TOTAL	104	216
	Faculty of Science and Biotechnology		
33	> Bachelor of Biotechnology Industry (Hons)	43	43

34	> Bachelor of Science (Honours) Mathematics with Statistics	12	3
35	> Bachelor of Bioinformatics (Hons)	0	6
36	> Bachelor of Environmental Science (Kepelbagaian Biologi Dan Pemuliharaan)	0	1
37	> Diploma in Industrial Technology	33	38
38	> Diploma in Biotechnology Industry	25	22
39	> Diploma in Aquaculture	7	5
	TOTAL	120	118
	Faculty of Biomedical & Health Sciences		
40	> Bachelor of Medical Laboratory Science (Hons)	34	22
41	> Bachelor of Occupational Safety & Health (Hons)	0	11
42	> Diploma in Medical Imaging	3	15
43	> Diploma in Physiotherapy	1	6
44	> Diploma in Medical Laboratory Technology	8	16
45	> Diploma in Environmental Health	0	5
	TOTAL	46	75
	Faculty of Engineering		
46	> Bachelor of Engineering (Hons) Electrical	36	21
47	> Bachelor of Engineering (Hons) Electronics	10	6
48	> Bachelor of Engineering (Hons) Mechanical	67	49
49	> Bachelor of Engineering (Hons) Mechatronics	27	21
50	> Bachelor of Engineering (Hons) Civil	15	22
51	> Diploma in Electrical and Electronics Engineering	8	2
52	> Diploma in Mechatronics Engineering	4	1
53	> Diploma in Mechanical Engineering	35	9
	TOTAL	202	131
	Faculty of Computer Science and Information Technology		
54	> Bachelor in Computer Science (Software Engineering) (Hons)	20	13
55	> Bachelor in Information Technology (Hons)	17	18
56	> Bachelor of Computer Science (Hons)	10	31
57	> Bachelor of Science in Information Technology with Supply Chain Management (Hons)	22	8
58	> Bachelor of Industrial Multimedia (Hons)	14	11
59	> Bachelor in Information Technology (Knowledge Management) (Hons)	32	12

60	> Diploma in Multimedia Industry	25	19
61	> Diploma in Information Technology	40	48
62	> Diploma in Computer Science (Industrial Computing	13	17
63	> Diploma in Information Technology (Mobile Technology)	8	9
64	> Diploma Computer Application in Business	19	7
	TOTAL	220	193
	GRAND TOTAL	2048	2674

- b) Statistik kebolehpasaran pekerjaan bagi graduan UNISEL setakat tahun 2014 adalah seperti berikut :

Bil	Tahun	Peratusan
1	2013	82.5
2.	2012	71.8
3.	2011	73.5

Bagi tahun 2014, statistik akan diberikan pada awal tahun 2015. Statistik ini dikeluarkan oleh KPM.

Nota : Sumber rujukan – Kajian Pengesahan Graduan IPT, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kebolehpasaran graduan dikira dalam masa 6 bulan selepas bergraduati.

- c) Lima industri yang paling tinggi diceburi oleh graduan UNISEL adalah seperti berikut :

1. Sastera & Sains Sosial
2. Pendidikan
3. Teknologi Maklumat & Komunikasi
4. Teknik
5. Sains

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PROGRAM PENERANGAN

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Boleh nyatakan program penerangan Kerajaan Negeri dan perbelanjaan pada tahun 2014?
- b) Apakah perancangan untuk meningkatkan program penerangan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mempunyai sistem penyampaian penerangan media melalui akhbar Selangor Kini dan Portal Selangorkini. Akhbar Selangor Kini mempunyai tiga versi iaitu Bahasa Melayu, Cina dan Tamil .

Sehingga Oktober 2014, perbelanjaan bagi merealisasikan penyampaian penerangan kepada rakyat khususnya di Negeri Selangor adalah sebanyak RM3,504,746

- b) Sebaran maklumat untuk Kerajaan Negeri Selangor disebarkan menerusi media sama ada secara atas talian, televisyen ataupun akhbar. Kerajaan Negeri turut memiliki agensi berita di bawah CCSB untuk memastikan maklumat mengenai Selangor direkod dan disebarkan. Setakat ini tiada masalah untuk menyebarkan maklumat yang diperlukan kepada orang awam dan rakyat Selangor.

Kerajaan Negeri turut akan menyalurkan maklumat terus kepada ADUN – ADUN dan Penyelaras Dun masing-masing untuk memastikan maklumat program terkini disampaikan dan difahami pimpinan peringkat bawahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : PORTFOLIO PENGURUSAN BANGUNAN

308. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan program bagi portfolio Pengurusan Bangunan tahun 2015?
- b) Apakah pencapaian yang signifikan bagi portfolio ini pada tahun 2014 dan sebelumnya?

JAWAPAN:

- a) Dasar dan perancangan program bagi Portfolio Pengurusan Bangunan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:
 - a. Geran Projek Kemasyarakatan dan Pembangunan JMC, MC dan Persatuan Penduduk
 - b. Bantuan Pinjaman Penyelesaian Tunggakan Utiliti (TNB & SYABAS)
 - c. Program-Program Di Bawah Kelab Interaktif Komuniti (Klik) Termasuk Program Motivasi, Tuisyen, Kaunseling Dan Sukan

Kerajaan Negeri masih meneruskan program-program Memberdayakan Komuniti Pangsapuri Negeri Selangor seperti berikut:

- CERIA [Bantuan Baikpulih Bangunan]
- SAFWA [Rebet Air Percuma]
- PERMAI [Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu]
- K-STAR [Komuniti Bestari]
- Diskaun 25% Cukai Taksiran Pangsapuri Kos Rendah
- FOKUS [Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata]
- SEROJA [Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri]
- Kempen BCH [Pangsapuri Bersih, Ceria Dan Harmoni]

- b) Pencapaian yang signifikan bagi Portfolio Pengurusan Bangunan pada tahun 2014 dan sebelumnya adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	
		TAHUN 2014	TAHUN SEBELUM
1.	CERIA 'Caring Government For Residents Improvement Aid'	64 baikpulih yang telah dilaksana mengikut PBT bagi Fasa 4	103 baikpulih yang telah dilaksana mengikut PBT Fasa 1 sehingga Fasa 3 (Tahun 2011-2013)
2.	SAFWA 'Selangor Free Water Scheme'	Jumlah tuntutan RM6,095,739.88 melibatkan 234 pangsapuri kos rendah	Jumlah tuntutan RM7,724,750.85 melibatkan 234 pangsapuri kos rendah
3.	Diskaun 25% Cukai Taksiran Pangsapuri Kos Rendah	Jumlah nilai diskaun RM7,0527.83 melibatkan 230 kawasan dan 2731 pemilik	Jumlah nilai diskaun RM5,9198.39 melibatkan 167 kawasan dan 2101 pemilik
4.	Pendakwaan di bawah Akta 663	Jumlah kes di failkan ke mahkamah 58 daripada 119 Jumlah kes yang diterima daripada COB)	Jumlah kes di failkan ke mahkamah 396 daripada 510 Jumlah kes yang diterima daripada COB (Tahun 2012-2013)
5.	SEROJA 'Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri Negeri Selangor'	5 Pangsapuri berjaya menubuhkan SEROJA	5 pangsapuri Pilot Projek SEROJA
6.	FOKUS [Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata]	13 kali latihan JMB/MC telah dilaksanakan di peringkat PBT	Kelulusan MMKN ke 13 / 2014 pada 2 April 2014 (rujuk Kertas MMK. No. 42 / 13 / 2014).
7.	Kempen BCH 'Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni'	6 Program BCH telah dilaksanakan	4 Program BCH telah dilaksanakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : BAJET SELANGOR 2015

309. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah cadangan bajet kerajaan negeri untuk aspek keselamatan bandar tahun 2015?
- b) Sejauh manakah perbelanjaan untuk aspek keselamatan bandar setakat Oktober 2014?
- c) Adakah Kerajaan Negeri sedia menggunakan rizab negeri untuk aspek keselamatan bandar untuk tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sejumlah RM 5,862,240.00 bagi tahun 2015 di mana ia adalah bagi bayaran sewaan 414 CCTV yang telah dipasang di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah dikenal pasti.
- b) Perbelanjaan untuk aspek keselamatan bandar sehingga Oktober 2014 adalah projek pemasangan 414 buah CCTV sebanyak RM 4.54 juta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM36,500.00 bagi pelaksanaan lima (5) siri Kursus Asas Pantas PBT Selangor dengan kerjasama pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan pembelian Pakaian Seragam Dan Kasut Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) PBT Selangor sebanyak RM 109,650.00. Pasukan PANTAS di PBT berperanan untuk :
 - i. Memberi bantuan awalan terhadap aduan kecemasan dan bencana mengikut tempoh masa yang ditetapkan;
 - ii. Penyelarasan awalan bantuan bersama jabatan dalaman, agensi keselamatan dan penyelaras Bencana Daerah selaras dengan Arahan No 20, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebelum diambil alih oleh Jawatankuasa Pengurusan Kecemasan & Bencana; dan
 - iii. Memastikan operasi bantuan dilaksanakan mengikut Pelan Tindakan Tetap Pengurusan Kecemasan dan Bencana dan mematuhi Arahan Keselamatan yang telah digariskan.
- c) Semua Anggaran Perbelanjaan Tahunan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri mengambil kira anggaran hasil dan terimaan tahun tersebut serta jumlah rizab negeri supaya ia dapat diagihkan dengan tepat berdasarkan keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 Selat Klang)**

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI PULAU KETAM

310. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pulau Ketam berjaya pelancong menarik 4-8 ribu pelancong hujung minggu. Dewan orang ramai sangat uzur. Bilakah kerajaan membaik pulih atau membina semula dewan ini?
- b) Berapakah anggaran peruntukan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sukacita dimaklumkan bahawa UPEN telahpun meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM151,240.00 bagi kerja pembaikan Dewan Orang Ramai Pulau Ketam Klang.

PDT Klang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras perkara ini. Pelantikan kontraktor sedang dilaksanakan dan kerja-kerja baikpulih dijangkakan selesai pada awal tahun 2015.

- b) Anggaran peruntukan bagi tujuan tersebut adalah RM151,240.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : BAS BERHENTI-HENTI

311. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat yang menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti di Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memperkasakan perkhidmatan bas berhenti-henti?

JAWAPAN:

- a) Senarai syarikat yang menjalankan perkhidmatan bas henti-henti di Negeri Selangor mengikut PBT seperti yang dibekalkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai pihak yang berwajib dalam hal perkhidmatan pengangkutan awam darat adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Pendaftaran dan pelesenan perkhidmatan pengangkutan awam darat termasuk pengusaha perkhidmatan bas adalah di bawah bidang kuasa dan fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Buat masa ini, TIADA inisiatif dalam menambah bilangan pengusaha perkhidmatan bas henti-henti di Selangor kerana perkara ini terletak di luar bidang kuasa dan perundangan Kerajaan Negeri. Sebaliknya, usaha lebih tertumpu kepada penambahbaikan pelan rangkaian bas, operasi dan infrastruktur bas serta penyelarasan perkhidmatan pengusaha bas henti-henti sedia ada dengan kerjasama pihak SPAD.

Walaupun, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan penambahbaikan dalam memastikan sistem pengangkutan awam Negeri Selangor dipertingkatkan. Inisiatif yang dirangka bagi menambahbaik pengangkutan awam adalah dengan:

- i. Menubuhkan Majlis Pengangkutan Awam Selangor (MPAS) yang bertindak sebagai pengendali/pelaksana induk atau penggubal dasar bagi sistem pengangkutan awam Selangor. Melalui penubuhan MPAS juga, satu Jawatankuasa Khas dibentuk khususnya untuk mengendalikan isu-isu teknikal dan membincangkan cadangan-cadangan baru pengangkutan awam yang dikemukakan untuk diputuskan oleh MPAS.
- ii. Memperluaskan lagi pelaksanaan program pengangkutan awam percuma iaitu perkhidmatan bas komuniti secara berperingkat melalui Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dan memastikan program ini kekal untuk jangka masa yang panjang.

- iii. Memastikan pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam darat seperti LRT 3 dan MRT 2 diselaraskan dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN).
- iv. Menyokong pelaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) yang dijangka dapat membantu usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian yang menyebabkan masalah kesesakan jalanraya di kawasan Bandar.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui Jawatankuasa Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) dengan pelaksanaan projek perintis di daerah Kuala Langat iaitu **Projek Penambahbaikan Bas Henti-henti atau *Commuter Bus Improvement Project* (CBIP)**. Pihak SPAD sebagai pihak yang berwajib dalam hal perkhidmatan pengangkutan awam darat telah memaklumkan bahawa *Projek Perintis* ini berada di fasa pelaksanaan iaitu proses tender untuk projek bas henti-henti di daerah Kuala Langat dijangka bermula pada awal tahun 2015. Bagi daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor, pula berada di dalam proses akhir rangka Pelan Rangkaian Bas dan Operasi Bas.

Lampiran 1

SENARAI SYARIKAT PENGUSAHA BAS AWAM DI NEGERI SELANGOR

BIL.	PBT	PENGUSAHA BAS AWAM
1.	MBSA Empat (4) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rapid KL Sdn. Bhd. 2. Seranas Sdn. Bhd. 3. City Liner Sdn. Bhd. 4. Selangor Omnibus Co. Bhd
2.	MBPJ Satu (1) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rapid KL Sdn. Bhd.
3.	MPSJ Dua (2) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Metrobus Nationwide Sdn. Bhd. 2. Rapid KL Sdn. Bhd.
4.	MPKj Lapan (8) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rapid KL Sdn. Bhd. 2. Metrobus Nationwide Sdn. Bhd 3. Perkhidmatan Hafeena Sdn. Bhd. 4. Desa Melenia 5. Road Liner Sdn. Bhd. 6. City Liner Sdn. Bhd. 7. Uptownace (M) Sdn Bhd 8. Le Trans (Bas Bakti Sdn. Bhd.)
5.	MPS Enam (6) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Setara Jaya Bhd. 2. Komuniti Transport Sdn. Bhd. 3. Uptownace (M) Sdn. Bhd. 4. Metrobus Nationwide Sdn. Bhd. 5. Kenderaan Bas Mara Selangor 6. Ashaco Sdn. Bhd.
6.	MPK Lima (5) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. City Liner Sdn. Bhd. (Transnasional) 2. Rapid KL Sdn. Bhd. 3. Seranas Sdn. Bhd. 4. Wawasan Sutera Travel & Tours Sdn. Bhd.
7.	MPAJ Dua (2) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rapid KL Sdn. Bhd. 2. Metrobus Nationwide Sdn Bhd

BIL.	PBT	PENGUSAHA BAS AWAM
8.	MPSp Empat (4) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Eco Coach & Tours (M) Sdn. Bhd. 2. Sepang Omnibus Co Sdn. Bhd. 3. Wawasan Sutera Travel & Tours Sdn. Bhd. 4. DTS Cyberjaya - Cyberview Sdn. Bhd.
9.	MDKS Dua (2) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. City Liner Sdn. Bhd. 2. Selangor Omnibus Co Bhd.
10.	MDKL Dua (2) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mara Holding (MaraCorp Sdn. Bhd.) 2. Seranas Sdn. Bhd.
11.	MDSB Satu (1) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sri Theven Travel & Tours Sdn. Bhd.
12.	MDHS Dua (2) syarikat bas	<ol style="list-style-type: none"> 1. City Liner Sdn. Bhd. 2. Mara Liner Sdn. Bhd.

****Sumber: Semua PBT Negeri Selangor**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN (KDEB)

312. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan kedudukan kewangan terkini KDEB ?
- b) Sila senaraikan aktiviti dan pelaburan utama KDEB serta keuntungan dan kerugian sejak 2010 - 2013?
- c) Sila senaraikan Nama-nama Ahli Lembaga Pengarah KDEB sejak 2010-2014 dan gaji ,elaun serta lain-lain kemudahan yang dinikmati?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan kewangan syarikat KDEB bagi tempoh berakhir 30 Jun 2014 adalah seperti berikut:-

Akaun KDEB	Peringkat Kumpulan (RM'000)	Peringkat Syarikat (RM'000)
Keuntungan / Kerugian selepas cukai	20,894	(13,914)
Dana Pemegang Saham	216,979	115,817

- b) Senarai aktiviti dan pelaburan utama KDEB serta keuntungan dan kerugian selepas cukai sejak 2010 – 2013 adalah seperti berikut:-

Syarikat	Aktiviti	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2012 (RM'000)	2013 (RM'000)
Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Kumpulan)	Syarikat pelaburan induk pembangunan hartanah dan perkhidmatan pengurusan	40,312	45,236	60,108	264,151
Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (Kumpulan)	Pembangunan hartanah dan perkhidmatan pengurusan	(35,058)	(29,628)	(3,986)	5,811
Konsortium Air Selangor Berhad	Operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air Sg Labu	(2)	(2)	12	(312)
KDEB Waste Management Sdn Bhd	Syarikat pelaburan induk dan pembelian kompaktor	2,415	1,964	10,474	(1,448)
Hebat Abadi Sdn Bhd	Pengangkutan dan pengumpulan sampah	141	149	263	1,253

Nota:

- i. Keuntungan selepas cukai yang tinggi direkodkan oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad pada tahun 2013 disebabkan oleh keuntungan penjualan 56.57% saham KHSB kepada KDEB
 - ii. Konsortium Air Selangor Berhad memulakan operasi perniagaan bermula Jun 2012
 - iii. Keuntungan selepas cukai yang tinggi direkodkan oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd pada tahun 2012 berikutan daripada keuntungan penjualan 21% saham di dalam Alam Flora Sdn Bhd kepada Hicom Holdings Berhad.
- c) Sila senaraikan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah KDEB sejak 2010-2014 dan gaji, elaun serta lain-lain kemudahan yang dinikmati?

Bil.	Pengarah KDEB	Jawatan	Tarikh Pelantikan	Tarikh Perletakan Jawatan
1	YB Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali	Pengerusi	23-Sep-14	-
2	YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim	Pengerusi	13-Mar-08	22-Sep-14
3	YB Dato' Noordin bin Sulaiman	Pengarah Biasa	01-Nov-12	-
4	Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi	Pengarah Biasa	11-Apr-11	-
5	YM Raja Idris Raja Kamarudin	Pengarah Biasa	04-Apr-11	-
6	Encik Suhaimi bin Kamaralzaman	Presiden / Pengarah Biasa	11-Apr-11	-
7	Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman	Pengarah Biasa	16-Oct-06	01-Nov-12
8	Dato' Ramli bin Mahmud	Pengarah Biasa	13-Mar-06	10-Feb-11
9	Dato' Haji Abd Karim bin Munisar	Presiden	06-Sep-04	08-Nov-10
10	Dato' Haji Abd Karim bin Munisar	Pengarah Biasa	06-Sep-04	18-Mar-11

Jawatan KDEB	Yuran (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Perjalanan Percutian (RM)	Elaun Bulanan Pengerusi (RM)
Pengerusi	100,000.00	5,000.00	100,000.00	10,000.00
Pengarah Biasa	70,000.00	3,000.00	70,000.00	-
Presiden (<i>Sehingga 28 June 2011</i>)	70,000.00	3,000.00	70,000.00	-
Presiden / Pengarah Bekerja (<i>Selepas 28 Jun 2011</i>)	-	-	70,000.00	-

**Elaun mesyuarat dibayar pada setiap mesyuarat yang dihadiri.*

Nota:

- Presiden diperuntukkan faedah "Perjalanan Percutian" berjumlah RM70,000, seperti mana yang disyaratkan dalam kontrak pelantikan.

- Sejak Polisi Pengarah Bekerja dikuatkuasakan mulai 28 Jun 2011, Presiden yang memegang jawatan “Pengarah Bekerja” tidak layak menerima yuran pengarah dan elaun mesyuarat.
- Yuran kepada bekas Pengerusi atau Pengarah dibayar sehingga tarikh peletakan jawatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

TAJUK : MASALAH PERPARITAN GUNASAMA DI LOT-LOT PERSENDIRIAN

313. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan peruntukan khas setiap tahun bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di dalam lot-lot persendirian?
- b) Adakah terdapat kawal selia sistem perparitan guna sama di lot-lot persendirian?
- c) Adakah cadangan untuk pengambilalihan tanah di sepanjang jajaran longkang guna sama di lot-lot persendirian?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan peruntukan khas setiap tahun bagi menyelesaikan masalah banjir di dalam lot persendirian kerana longkang konkrit di dalam lot persendirian adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Dari semakan dan pemantauan sistem perparitan di lot-lot persendirian, hanya parit utama sahaja yang dikawalselia dan bagi sistem perparitan yang terdapat di lot-lot persendirian ianya adalah di bawah tanggungjawab pemilik-pemilik lot terbabit, namun demikian pihak jabatan sentiasa akan memberi khidmat nasihat kepada pemilik-pemilik lot persendirian tentang keperluan rekabentuk sistem perparitan mengikut garis panduan yang dibenarkan.
- c) Cadangan untuk pengambilan tanah di sepanjang jajaran longkang gunasama di lot-lot persendirian perlu di mana ianya akan mewujudkan sistem saliran yang lebih teratur dan bersesuaian mengikut keperluan dan rekabentuk rezab parit bagi memudahkan Kerajaan menaiktaraf kemudahan infrastruktur di masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

**TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR DAN KEJIRANAN BERPENGAWAL DI TAMAN
WARISAN SETIA, KOTA WARISAN**

314. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semasa Penduduk Taman Warisan Setia membeli rumah dikawasan tersebut perjanjian jual beli rumah menyatakan kemudahan komuniti berpagar dan kejiranan berpengawal. Adakah kemudahan ini dikekalkan setelah pemaju lain mengambil alih pembangunan kawasan tersebut?
- b) Apakah polisi dan penyelesaian PBT mengenai perkara ini?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan Taman Warisan Setia telah diluluskan secara 'individu tittle' semasa permohonan kebenaran merancang di Majlis Perbandaran Sepang. Pendirian pondok pengawal Taman Warisan Setia terletak di jalan utama pembangunan (Persiaran Maju) dan telah memperolehi kelulusan sementara bagi tujuan 'Gated And Guarded Community' pada tahun 2010.

Merujuk kepada garis panduan Gated Community dan Neighbourhood 2010, pembinaan pondok pengawal adalah bersifat sementara dalam tempoh 2-3 tahun sahaja dan tidak menghalang lalu lintas. Pengekalan pondok pengawal ini akan dipertimbangkan semula berdasarkan garis panduan tersebut.

- b) Polisi di Majlis Perbandaran Sepang adalah selaras dengan garis panduan Gated Community dan Neighbourhood 2010 oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu tiada halangan fizikal di laluan utama dibenarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : TUNGGAKAN CUKAI TANAH DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH

315. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca-punca sebenar kegagalan Pejabat Daerah dan Tanah mencapai sasaran 75% kutipan cukai tunggakan setiap tahun dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tunggakan hasil cukai tanah sepatut kutip adalah berkurangan setiap tahun berikutan tunggakan telah dapat dikurangkan pada tahun-tahun sebelum. Secara tidak langsung jumlah kutipan semakin berkurangan dan sasaran sebanyak 75% ke atas baki tunggakan cukai tanah yang bermasalah sukar dicapai.

Tunggakan cukai tanah yang sukar dikutip adalah berusia 6 tahun ke atas dan berpunca daripada hak milik yang bermasalah seperti berikut:-

- (1) Hak milik bermasalah yang memerlukan tindakan siasatan mengikut peraturan dan perundangan yang sedang berkuatkuasa iaitu:-
- (i) hak milik belum dibatalkan atas sebab bertindih, serah balik, sambungan dan pecah sempadan;
 - (ii) hak milik dalam kes mahkamah;
 - (iii) hak milik mendapat remitan cukai;
 - (iv) suratan *Approve Application* (AA);
 - (v) hak milik lama (EMR);
 - (vi) geran hancur;
 - (vii) syarikat telah digulung (*winding up*);
 - (viii) syarikat telah dibubarkan (*dissolved*);
 - (ix) kolam oksidasi;
 - (x) pencawang elektrik atas tanah milik bukan TNB; dan
 - (xi) projek terbengkalai.
- (2) Hak milik bermasalah yang memerlukan kerjasama pemaju, pemilik tanah, pembeli hartanah dan Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body*) iaitu:
- (i) belum dibuat pindah milik kepada pembeli hartanah;
 - (ii) belum dipindah milik kepada hak milik strata individu bagi bangunan berbilang tingkat (*strata*).

Langkah-langkah yang telah diambil dan diteruskan bagi menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut :-

1. Pemantauan secara langsung ke atas prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah Semasa dan Tunggakan Cukai Tanah semua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor dilaksanakan melalui:-
 - (i) Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil, Penyusunan Strategi dan Kewangan Unit Hasil Daerah;
 - (ii) Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dan di peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2010.
 - (iii) Jawatankuasa Tunggakan Cukai Tanah Anak Syarikat bagi memantau cukai tanah tertunggak Anak Syarikat/Agensi Kerajaan Negeri.
 - (iv) Lantikan pasukan *Taskforce* bagi tujuan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) Pejabat Daerah dan Tanah kawasan Lembah Klang iaitu Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak. *Taskforce* ini telah diwujudkan pada tahun 2012.
2. Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip) dengan pendekatan berikut:-
 - (i) Mengenalpasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - (ii) Program Ketuk Pintu (Knock Door) dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - (iii) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - (iv) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - (v) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah dan Tanah akan menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan

sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan, maka Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN PARIT JPS

316. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kepesatan pembangunan tanah pertanian, DUN MERU menerima kesan banjir. Berdasarkan apakah peratus kelulusan bajet diberi?
- b) Bagaimanakah jadual membersih dan peruntukan perlu dipertingkatkan?
- c) Apakah pelan pembangunan parit-parit selain parit jalan Hamzah Alang?

JAWAPAN:

- a) Peratus kelulusan bajet penyelenggaraan untuk kawasan Meru yang diberi oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada senarai inventori parit/sungai yang berada di bawah penyelenggaraan JPS.
- b) Perlaksanaan bagi kerja-kerja pembersihan parit di kawasan Dun Meru adalah mengikut jadual pembersihan iaitu 2 kali setahun (April dan Oktober) bergantung kepada peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Sekiranya ada peruntukan yang mencukupi penyelenggaraan sebaik-baiknya adalah 4 kali setahun
- c) Dari kajian pelan induk saluran Daerah Klang yang disediakan oleh JPS Malaysia, dianggarkan RM86.5 juta diperlukan untuk kawasan tadahan Sg. Kapar Besar bagi menaiktaraf saluran, membina kolam takungan yang juga merangkumi DUN Meru .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : KAJIAN ADAT-ADAT MELAYU

317. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri melakukan kajian terhadap adat-adat Melayu Selangor?
- b) Apakah sumbangan adat-adat Melayu selama ini kepada pembangunan negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri ada melakukan kajian adat-adat Melayu Selangor seperti berikut:
 - i. Penyelidikan pantang larang masyarakat di Selangor;
 - ii. Penyelidikan tatacara adat istiadat perkahwinan Melayu Selangor dan sejarah/masyarakat etnik Melayu serumpun;
 - iii. Seminar adat dan adap pemangkin jati diri pusaka Melayu.
- b) Adat merupakan peraturan yang sudah diamalkan turun temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum yang harus dipatuhi. Perkataan adat berasal daripada bahasa Arab bermaksud kebiasaan. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Jilid 1 m/s 83, 1999). Adat kelahiran, adat kematian, adat mengaruk (mengalu alukan pemimpin), adat perkahwinan dan adat perayaan merupakan amalan yang sudah menjadi kebiasaan bagi orang Melayu. Umumnya segala perlakuan dan tindak-tanduk diliputi oleh undang-undang adat. Tujuan diadakan undang-undang adat ini adalah untuk kesejahteraan masyarakat. (Wan Ramli Wan Mohammad, 2000). Dengan adanya kefahaman serta kejelasan mengenai adat-adat Melayu, agenda pembangunan negeri lebih tersusun dan terarah dalam konteks memelihara keharmoniaan dan sensitiviti masyarakat khususnya di negeri Selangor. Hasil penyelidikan berkaitan adat-adat Melayu akan dijadikan bahan penerbitan bagi rujukan para pengkaji, para pelajar dan masyarakat umum seterusnya dihebahkan dan dipertontonkan melalui pameran yang akan dianjurkan di PADAT secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat negeri Selangor yang berilmu pengetahuan setanding dengan negeri maju yang lain.

Jawapan tambahan:

BIL	PERKARA	SUMBANGAN
1.	Penyelidikan Seni Telepuk	1. Meningkatkan peranan PADAT dalam aspek mendokumentasi, menyebarkan, memperkasakan dan membertabatkan adat, senibudaya dan warisan negeri Selangor kepada orang ramai termasuk di persada antarabangsa.
2.	Penyelidikan Kebaya Selangor	
3.	Penyelidikan Seni Kelingkan	2. Meningkatkan fungsi dan peranan PADAT dalam aspek memperkasa dan memartabatkan adat, senibudaya sejarah dan warisan negeri Selangor menerusi hasil-hasil penyelidikan, penerbitan dan percetakan untuk rujukan semua peringkat golongan masyarakat.
4.	Penyelidikan permainan Wau Kapal	
5.	Penyelidikan Pantang larang Masyarakat Selangor	3. Sumbangan kepada ekonomi Negeri Selangor dalam merencanakan perusahaan IKS melalui produk-produk kesenian dan warisan.
6.	Penyelidikan Adat Istiadat Perkahwinan Melayu Selangor	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : UNIVERSITI MALAYA HEALTH METROPOLIS

318. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini permohonan dan kelulusan yang telah diberi untuk projek Universiti Malaya Health Metropolis yang dicadangkan di Seksyen 12, Petaling Jaya?

JAWAPAN:

- c) Status permohonan untuk projek Universiti Malaya Health Metropolis yang dicadangkan di Seksyen 12, Petaling Jaya sedang dalam pertimbangan Majlis. Perkara ini akan dikemukakan ke Mesyuarat MTES untuk pertimbangan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA 18 BLOK RUMAH PANGSA PKNS DI
KERAMAT AU2 HULU KELANG**

319. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah pembangunan semula rumah pangsa yang dijadualkan pada 2010 ini tidak diteruskan?
- b) Apakah melalui PKNS kerajaan akan melaksanakan semula projek ini?
- c) Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan dan PKNS bagi penyertaan pemaju swasta dalam projek ini?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan semula 18 blok rumah pangsa di Keramat AU2 Hulu Klang yang dijadualkan pada 2010 ini tidak dapat diteruskan kerana:-
 - i) PKNS tidak dapat memenuhi syarat perundangan Akta Hakmilik Strata 1985 dimana persetujuan sebulat suara daripada pemilik adalah diperlukan untuk PKNS meneruskan sesuatu cadangan pembangunan semula. Setakat ini PKNS hanya berjaya mendapat sokongan sebanyak 30% sahaja.
 - ii) Permintaan pampasan pemilik yang terbaru adalah agak tinggi di mana mereka mahu rumah baru bersaiz 1,000 kaki persegi berbanding tawaran PKNS seluas 850 kaki persegi. Permintaan ini menyebabkan PKNS perlu mengkaji semula viabiliti projek.
- b) PKNS sebagai agensi pemaju Kerajaan Negeri bersedia meneruskan cadangan pembangunan jika Kerajaan Negeri memberi kepercayaan dan jika kajian viabiliti projek memberi petunjuk yang munasabah .
- c) PKNS mempunyai kapasiti untuk melaksanakan projek ini secara dalaman. Bagaimanapun jika ada pihak swasta yang berminat untuk turut serta , PKNS boleh membuat jemputan secara "Request For Proposal", di mana pihak swasta tersebut perlu mengemukakan cadangan dan konsep pembangunan dengan bisnes model yang menarik. Dalam pada itu pihak swasta tersebut perlu mempunyai pengalaman sebagai kontraktor dan pemaju serta mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN

320. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan setahun bagi menaik taraf sistem perparitan di Selangor dari tahun 2013 hingga 2014?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengatasi masalah sistem perparitan yang kerap tersumbat hingga berlakunya banjir kilat apabila hujan?

JAWAPAN:

- a) Berikut di bawah adalah senarai peruntukan tahunan bagi menaik taraf sistem perparitan di Selangor dari tahun 2013 hingga 2014 :

Peruntukan Tahun 2013	
Peruntukan yang Diluluskan	RM 5,350,260.00
Peruntukan Tambahan	RM 4,070,030.00
Jumlah Peruntukan Tahun 2013	RM 9,420,290.00
Peruntukan Tahun 2014	
Peruntukan yang Diluluskan	RM 7,508,690.00
Peruntukan Tambahan	RM 8,354,326.00
Jumlah Peruntukan Tahun 2014	RM 15,863,016.00
Jumlah Keseluruhan Peruntukan 2013-2014	RM 25,283,306.00

- b) Dalam menghadapi masalah banjir yang terjadi sama ada secara semulajadi atau akibat pembangunan yang tidak terancang, maka program tebatan banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih pantas. Bagi mempercepatkan pencapaian sasaran untuk mengurangkan kawasan yang berekonomi sering dilanda banjir khususnya di dalam Dun Semenyih, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah pencegahan dengan mengadakan program-program tebatan banjir bagi cadangan jangka panjang melalui kajian pencegahan banjir yang merangkumi:

- Pembinaan kolam takungan,

- Menaiktaraf parit tanah ke longkang konkrit mengikut saiz dan jenis yang sesuai di tapak.
- Proses pengambilan balik tanah turut akan dijalankan.
- Pembinaan perangkap sampah secara 'Offline' akan dijalankan bagi menggantikan perangkap sampah sediaada.

Manakala untuk cadangan jangka pendek :

- Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan ke atas parit-parit yang berada di dalam kawasan berisiko banjir.
- Kerja-kerja penyelenggaraan parit dijalankan mengikut kepada penjadualan pengorekkan iaitu dalam tempoh paling kurang setahun sekali mengikut keadaan semasa di tapak.
- Pemantauan dan pemeriksaan ke atas parit-parit di dalam kawasan Pekan Banting secara lebih kerap.
- Pembersihan perangkap sampah secara berkala

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : PENGGUNAAN AIR

321. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bekalan air mentah dan terawat didalam Negeri
- b) Nyatakan jumlah penggunaan air per kapita dalam Negeri dan Negara
- c) Nyatakan perancangan komprehensif untuk menangani masalah kekurangan bekalan air

JAWAPAN:

- a) Terdapat 34 Loji Rawatan Air di Negeri Selangor yang beroperasi untuk merawat air mentah dari sungai-sungai utama di Negeri Selangor antaranya seperti Sungai Selangor, Sungai Semenyih, Sungai Langat bagi membekalkan air terawat kepada SYABAS untuk diagihkan kepada pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dari segi reka bentuk, 34 loji boleh mengeluarkan sebanyak 4,606 JLH air terawat. Keupayaan optimum berdasarkan kepada rekod pengeluaran tertinggi yang pernah dicapai oleh kesemua loji ini adalah sebanyak 5,282 JLH. Namun jumlah air terawat yang boleh diagihkan oleh SYABAS kepada pengguna adalah berubah-ubah seperti berikut:-

Bil	Tarikh	Keupayaan Agihan Air Terawat (JLH)
1	12 Mac 2012	4371JLH
2	19 Julai 2012	4411 JLH
3	01 September 2012	4436 JLH
4	22 Januari 2013	4546 JLH
5	05 Mac 2013	4566 JLH
6	01 April 2013	4661JLH
7	01 Julai 2013	4686 JLH

Manakala, purata jumlah air terawat yang dibilkan kepada pengguna setakat tahun 2013 adalah sebanyak 3014JLH sahaja.

Berdasarkan data pengeluaran oleh 34 Loji Rawatan Air yang direkodkan sebanyak 4686 JLH dan data pengebilan yang direkodkan oleh SYABAS

sebanyak 3014JLH, dianggarkan sebanyak 1672JLH atau 35% air terawat hilang sebagai air tidak berhasil (NRW). Justeru itu, sekiranya masalah NRW tidak diatasi, maka sebanyak mana jua air terawat dari mana-mana sumber yang dimasukkan ke dalam sistem agihan, sebanyak 35% akan hilang sebagai NRW sedangkan kos setiap meter padu air tersebut telah pun dikira dan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif.

Di dalam beberapa perbincangan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), adalah dicadangkan bahawa rizab bekalan air yang terbaik perlu disediakan adalah pada tahap 10% - 20% bagi mengurangkan gangguan bekalan air kepada pengguna.

Berdasarkan kepada rizab bekalan air yang tipis, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa selain dari menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk menyediakan kapasiti bekalan air yang mencukupi, adalah juga menjadi tanggung jawab Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bahawa SYABAS selaku operator tunggal yang dipertanggungjawabkan dalam membekal dan mengagihkan air bersih kepada pengguna merupakan operator yang benar-benar berkemampuan dan kompeten dalam memenuhi tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Konsesi.

Kegagalan SYABAS dalam menurunkan NRW kepada 19.98% seperti dijanjikan dalam perjanjian konsesi menunjukkan bahawa SYABAS merupakan operator yang tidak kompeten dan tidak berkemampuan dalam melaksanakan obligasi sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perjanjian Konsesi. Kegagalan SYABAS menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan SYABAS. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

- b) Berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2012 adalah 212 liter/orang/hari. Manakala bagi Negeri Selangor, penggunaan domestik adalah sebanyak 235 liter/orang/hari.

Dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan air ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mencadangkan supaya surcaj digunakan. Walaupun cadangan tersebut baik, namun pelaksanaannya akan diperhalus oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selain langkah mengenakan surcaj, Kerajaan Negeri Selangor juga akan menggalakkan pengguna melaksanakan pemasangan alat-alat penjimatan air (*Water Saving Devices (WSD)*) yang dapat mengurangkan penggunaan air secara automatik. WSD adalah termasuk sistem penjimatan pancuran air (heads,

handsets dan sistem kawalan), peralatan paip (heads, sinki, bibs and mixers) dan sistem tandas (sistem dwi-siram, tangki curahan dan bidet) serta mesin basuh dan mesin membasuh pinggan.

Kempen-kempen yang akan dibuat adalah usaha-usaha bagi memberi kesedaran kepada pengguna agar menggunakan air secara berhemah dan memastikan tiada unsur-unsur pembaziran dalam penggunaan harian. Kempen-kempen ini akan dijalankan melalui media massa.

Sekiranya penggunaan domestik di Negeri Selangor sebanyak 235 liter/orang/hari dapat dijimatkan sebanyak 20% daripada kadar penggunaan air semasa, ia boleh memberikan penjimatan yang dianggarkan sebanyak 850 JLH pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada. Usaha-usaha lebih giat akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan penggunaan air per kapita.

- c) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa berterusan dan tidak terganggu untuk digunakan oleh pengguna adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pelbagai usaha telah diambil bagi tujuan tersebut. Gangguan bekalan air boleh disumbangkan oleh beberapa faktor seperti berikut:-
- a) Gangguan yang disebabkan oleh ketidakcukupan air mentah;
 - b) Gangguan akibat penutupan loji disebabkan oleh penyelenggaraan berjadual;
 - c) Gangguan akibat penutupan loji disebabkan oleh faktor luar jangka seperti pencemaran sumber air, gangguan bekalan elektrik kerosakan peralatan loji, atau kerosakan paip induk yang disebabkan oleh pihak ketiga.

Kerajaan Negeri maklum bahawa masalah gangguan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk memastikan masalah gangguan ini dapat diatasi dan seterusnya dikurangkan.

Dalam usaha untuk memastikan air mentah sentiasa cukup untuk dirawat oleh 34 Loji Rawatan Air di Negeri Selangor, selain dari memberikan persetujuan kepada pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk membangunkan projek yang dinamakan *Hybrid of River Augmentation Storage/System* (HORAS) di kawasan Kuala Selangor. Melalui pembangunan dua projek ini, Kerajaan Negeri yakin masalah ketidakcukupan air mentah dapat diatasi sepenuhnya.

Selain dari penambahan sumber air mentah, Kerajaan Negeri juga telah menggariskan dasar bagi memastikan sumber air mentah dari sungai-sungai sedia ada tidak dicemari. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan semua agensi yang berkaitan sentiasa berganding bahu memantau supaya semua

penyumbang kepada pencemaran sumber air mentah dapat dihukum melalui kuat kuasa undang-undang dan peraturan sedia ada.

Masalah gangguan bekalan air juga berkait rapat dengan sistem paip utama dan paip komunikasi yang ada di negeri Selangor. Kebanyakan paip utama dan paip komunikasi di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah dari jenis Galvanise Iron (G.I) dan Asbestos Cement (AC). Paip-paip ini kebanyakannya telah pun mencapai usia 40 tahun dan akibat faktor usia tersebut, pengarat dalam paip berlaku menyebabkan saluran paip menjadi sempit dan kecil yang turut menyumbang kepada masalah paip bocor dan paip pecah hingga menyebabkan gangguan kepada pengguna.

Selain dari masalah usia paip, kadar permintaan yang telah meningkat akibat dari pembangunan kawasan baru dan pertambahan populasi penduduk di sesetengah kawasan. Disebabkan permintaan air yang berbeza mengikut kawasan terutamanya di kawasan yang padat penduduknya, yang mana ada kalanya kadar permintaan itu melebihi tahap pembekalan sedia ada dan secara tidak langsung telah mengakibatkan kekurangan bekalan air berlaku di kawasan tersebut.

Gangguan bekalan air yang disebabkan oleh penutupan loji atau disebabkan oleh paip pecah adalah merupakan sebahagian dari masalah operasi yang dihadapi oleh operator rawatan air dan operator pengagihan air. Di Negeri Selangor ini, terdapat empat operator rawatan air iaitu SPLASH, ABASS, Puncak Niaga dan KASB manakala operator agihan air adalah diletakkan di bawah kendalian SYABAS.

Keadaan industri yang dikendalikan oleh operator swasta tanpa penglibatan Kerajaan Negeri menyulitkan Kerajaan Negeri untuk membuat kawalan dari segi operasi. Oleh yang demikian, salah satu tujuan Kerajaan Negeri memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan operasi loji rawatan air dan pengagihan air kepada pengguna dapat dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri. Dengan mempunyai kawalan secara langsung ke atas operasi tersebut, Kerajaan Negeri boleh mempunyai kawalan secara langsung di dalam operasi dan seterusnya mengurangkan lagi keadaan gangguan bekalan air kepada pengguna. Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor ini sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sebagaimana yang telah dicapai di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : KOLEJ INPENS

322. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah ikon graduan contoh yang telah dilahirkan oleh kolej ini. Sila nyatakan.
- b) Apakah penambahbaikan yang telah diambil oleh kerajaan Pakatan Rakyat terhadap kolej ini.
- c) Bidang kursus apakah yang menjadi kepakaran kolej ini.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh sepanjang 2012-2014, sebanyak 2 orang ikon graduan contoh yang dilahirkan oleh kolej ini. Graduan-graduan ini telah berjaya mencipta nama di peringkat nasional dan antarabangsa.

Graduan pertama ialah Saudari Nor Suriyani binti Musa dari bidang pembuat pakaian (jahitan). Beliau telah berjaya memenangi **Anugerah Tangan Emas** pada Pertandingan Kemahiran Malaysia 2012. Anugerah tersebut merupakan anugerah tertinggi dan utama di dalam pertandingan tersebut. Kini beliau berkhidmat sebagai pereka fesyen di sebuah butik di Brunei Darussalam.

Graduan kedua ialah Saudari Nursyazwani Amirah binti Sumali dari bidang dandanan rambut. Beliau telah memenangi pingat perak di Pertandingan Kemahiran Malaysia 2013 dan turut dipilih panel pertandingan untuk mewakili Malaysia di Pertandingan Kemahiran ASEAN 2014. Pertandingan tersebut telah diadakan di Hanoi, Vietnam pada Oktober 2014 yang lalu dan graduan ini berjaya mendapat tempat ke-4 di kalangan semua peserta yang bertanding.

Secara keseluruhannya, semenjak pentransformasian kolej ini kepada kolej kemahiran pada tahun 2008, kolej ini telah melahirkan seramai kira-kira 7000 orang graduan kemahiran. Purata tahunan graduan kemahiran yang dihasilkan ialah sebanyak 1000 orang.

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah memberi pinjaman sebanyak **RM 4,316,500.00** pada 2014 bagi menaik taraf pembangunan INPENS dari segi peralatan dan kelengkapan pembelajaran, serta baik pulih bangunan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga turut meluluskan pewartaan 2 lot tanah seluas 8.88 hektar sebagai Tapak Institusi Pendidikan pada 9 September 2014. Tanah ini dilulus oleh Pegawai Pengawal Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan diselenggara oleh INPEN (Selangor) Sdn. Bhd. untuk dijadikan kampus tetap.

- c) INPENS International College pada keseluruhannya menawarkan 9 bidang kemahiran sebagai pilihan kepada pelajar. Kesemua 9 bidang kemahiran tersebut merupakan kepakaran INPENS International College, bidang-bidang tersebut ialah:-
- i) kejuruteraan automotif;
 - ii) kejuruteraan motosikal;
 - iii) kejuruteraan elektrik;
 - iv) teknologi elektronik;
 - v) sistem komputer;
 - vi) kejuruteraan penyamanan udara;
 - vii) dandanan rambut;
 - viii) kosmetologi (kecantikan) dan
 - ix) teknologi fesyen (jahitan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PORTFOLIO KEMISKINAN

323. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian EXCO portfolio Kemiskinan di tahun 2014?
- b) Bagaimanakah perancangan dasar dan program tahun 2015 dapat dimantapkan untuk terus membantu golongan miskin?

JAWAPAN:

- a) Program-program utama pada tahun 2014 yang telah dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan merangkumi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Tajaan Kemahiran Teknikal dan Program Pemberian Baucer sempena Perayaan. Melalui program-program pembasmian kemiskinan yang telah dijalankan, jumlah penerima program bantuan Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan bagi tahun 2014 adalah seramai 444 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM1,523,990.00. Manakala jumlah penerima bantuan Program Tajaan Kemahiran Teknikal bagi tahun 2014 adalah seramai 414 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM1,851,009.00 dan jumlah penerima bantuan Program Pemberian Baucer sempena Perayaan adalah seramai 36,871 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM6,245,161.00. Berdasarkan kepada pencapaian tersebut, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan amat berkeyakinan bahawa perancangan dan penambahbaikan yang dibuat berupaya mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan akan mengkaji dan menambahbaik perancangan dasar dan program yang akan dilaksanakan pada tahun 2015 dari semasa ke semasa dengan mempelbagai dan memperluaskan skop bantuan kepada golongan sasaran. Ini termasuk merancang dan menyediakan program-program sokongan yang lain bagi memastikan ianya memberikan impak bersifat jangka panjang dan ketara dari segi pengurangan kadar kemiskinan, pengecilan jurang pendapatan dan penyertaan yang lebih seimbang dalam aktiviti ekonomi. Di samping itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sentiasa bersedia menambahbaik proses dan prosedur sedia ada bagi mempermudah dan mempercepat pemberian bantuan kepada rakyat dalam memainkan peranan penting membantu Kerajaan Negeri menangani dan membasmi kemiskinan sehingga ke akar umbi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 Balakong)**

TAJUK : BOMBA SUKARELA

324. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu pertubuhan Bomba Sukarela yang sering bertungkus lumus membantu masyarakat tempatan.
- b) Adakah Kerajaan bersedia membekalkan tapak kepada Bomba Sukarela untuk dijadikan tempat meletak kenderaan dan peralatan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli- ahli Yang Berhormat, penubuhan Pasukan Bomba Sukarela adalah di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat yang menerima peruntukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus bagi menyalurkan peruntukan khas kepada Pasukan Bomba Sukarela. Walau bagaimanapun di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan melalui Pelan Tindakan 5 Tahun telah menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di semua PBT bagi tujuan sebagai pasukan tindak/gerak balas dalam memberikan pertolongan cemas awal kepada orang awam. Skwad PANTAS PBT Selangor juga berperanan sebagai pusat informasi bencana dalam menerima, merekod dan menyelaras aduan kritikal perkhidmatan PBT serta aduan kecemasan dan bencana seperti jalan kerosakkan jalan, tanah mendap, runtuhan, kebakaran dan lain- lain.
- b) Buat masa ini, kerajaan negeri belum merancang untuk menyediakan tapak khusus kepada pasukan Bomba Sukarela. Walau bagaimanapun kerajaan negeri sedia untuk mengkaji dan mengenalpasti keperluan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PENDIDIKAN : SPIES, TUNAS & TAWAS

325. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah program SPIES, TUNAS & TAWAS yang telah dijalankan mencapai objektif dan membawa kesan kepada Kerajaan Negeri?
- b) Adakah terdapat bayaran tertunggak untuk program-program terlibat.

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, sejumlah 154,017 pendaftaran telah diluluskan daripada 178,195 permohonan. Antara aktiviti yang dijalankan seperti:
 - i. Seramai 14,381 ahli TAWAS telah menikmati manfaat baucer membeli-belah bernilai RM100 untuk program 'Jom Shopping Bonus Selangorku' yang dikhususkan kepada ahli TAWAS kelahiran 2008 pada tahun 2012.
 - ii. Selain dari itu, bonus sebanyak RM30 diperuntukkan kepada ahli TAWAS kelahiran 2009 & 2010.
 - iii. YAWAS juga telah memperoleh kelulusan pengecualian cukai pendapatan.
 - iv. Sehingga 19hb November 2014, sejumlah 35,212 penyata telah diserahkan kepada ahli TAWAS berdasarkan program kerjasama bersama PKM Dun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD).
 - v. YAWAS telah memperkenalkan Skim Khairat Kematian YAWAS, dimana kematian yang berlaku pada 1hb Mac 2014 YAWAS akan membayar RM1500 kepada waris ahli TAWAS dan ianya telah dinikmati seramai 27 waris ahli TAWAS sehingga kini.
 - vi. Terbaru dari YAWAS adalah Program Bantuan Masuk Sekolah merupakan pemberian baucer RM50 kepada ahli TAWAS kelahiran 2008 yang telah dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor pada 16hb November 2014 dan seramai 218 ahli TAWAS telah menikmati manfaat ini.

Berdasarkan pencapaian di atas, YAWAS telah mencapai objektif dan secara keseluruhannya seramai 58,632 orang ahli TAWAS yang juga merupakan rakyat Selangor telah menikmati manfaat TAWAS.

- b) Tiada bayaran tertunggak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : PENERANGAN NEGERI

326. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar penerangan negeri agar rakyat mendapat maklumat yang sahih dan semasa?
- b) Berapakah peruntukan dan perbelanjaan untuk program penerangan sepanjang tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah pun berikrar untuk membudayakan nilai integriti, kebertanggungjawaban dan tata kelola yang baik dalam pentadbiran. Semua anggota perkhidmatan awam dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri perlu mempunyai jati diri merangkumi sikap amanah, keterbukaan dan ketelusan. Selain itu, Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat sebagai usaha untuk membolehkan rakyat mendapatkan akses maklumat secara munasabah dari setiap jabatan Kerajaan Negeri Selangor bagi menunjukkan ketelusan dan pentadbiran amanah.
- b) Jumlah peruntukan untuk program penerangan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM5,764,116. Manakala, perbelanjaan program penerangan sehingga Oktober 2014 adalah sebanyak RM3,504,746. Jumlah ini termasuk belanja terbitan dan edaran Selangor Kini serta Portal Selangor Kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 Kuala Kubu Bharu)**

TAJUK : JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

327. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor kepada setiap JPS Daerah di Selangor pada tahun 2013 dan 2014.
- b) Status terkini Pelan Tebatan Banjir Batang Kali dan kerja-kerja menaiktaraf sistem saluran di perumahan Bt 30, Batang Kali.

JAWAPAN:

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut di bawah adalah senarai peruntukan pembangunan yang dipohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor pada tahun 2013 dan 2014 dan diluluskan daripada Kerajaan Selangor dan Persekutuan :

Sumber Peruntukan		2013	2014	Catatan
Kerajaan Negeri : Pembangunan	Peruntukan dipohon	RM71 juta	RM56 juta	
	Peruntukan diluluskan	RM47.75 juta	RM45 juta	
Kerajaan Negeri : Mengurus (Penyelenggaraan)	Peruntukan dipohon	RM36.4 juta	RM76.7 juta	
	Peruntukan diluluskan	RM34.56 juta	RM34.56	
Kerajaan Persekutuan :	Peruntukan dipohon	RM161.5 juta	RM72 juta	Peruntukan diberi berdasarkan daripada senarai Rolling Plan RMK10
	Peruntukan diluluskan	RM20 juta	RM6 juta	

Maklumat Tambahan :

i) Permohonan dan kelulusan peruntukan bagi **Kerajaan Negeri** tahun 2013 :

Butiran (Kod Projek)	Nama / Tajuk Projek	Peruntukan Yang Dipohon Tahun 2013	Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2013
01000	Program Pengurusan Banjir	41,500,170.00	27,418,310.00
02000	Menaiktaraf Saliran	5,650,200.00	4,070,030.00
03000	Program Pengurusan Lembangan Sungai	6,000,020.00	3,610,160.00
04000	Program Pengurusan Sumber Air Dan Hidrologi	1,600,060.00	1,600,060.00
05000	Program Pengurusan Saliran Mesra Alam	3,250,100.00	2,390,160.00
06000	Program Pengurusan Pantai	4,316,140.00	3,681,240.00
07000	Program Pengurusan Mekanikal Dan Elektrikal	700,010.00	1,250,000.00
08000	Program Pengurusan Infrastruktur Dan Bangunan	3,300,080.00	1,583,550.00
09000	Program Pengairan Dan Saliran Pertanian	5,100,140.00	2,146,490.00
	JUMLAH KESELURUHAN	71,416,920.00	47,750,000.00

ii) Permohonan dan kelulusan peruntukan bagi **Kerajaan Negeri** tahun 2014 :

Butiran (Kod Projek)	Nama / Tajuk Projek	Peruntukan Yang Dipohon Tahun 2014	Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2014
01000	Program Pengurusan Banjir	18,800,370.00	21,200,420.00
02000	Menaiktaraf Saliran	11,134,570.00	7,508,690.00
03000	Program Pengurusan Lembangan Sungai	9,100,040.00	4,450,060.00
04000	Program Pengurusan Sumber Air Dan Hidrologi	1,400,040.00	1,400,040.00
05000	Program Pengurusan Saliran Mesra Alam	4,440,030.00	2,490,120.00
06000	Program Pengurusan Pantai	2,695,780.00	2,150,210.00
07000	Program Pengurusan Mekanikal Dan Elektrikal	500,010.00	500,010.00
08000	Program Pengurusan Infrastruktur Dan Bangunan	3,800,080.00	1,800,090.00
09000	Program Pengairan Dan Saliran Pertanian	4,245,350.00	3,500,360.00
	JUMLAH KESELURUHAN	56,116,270.00	45,000,000.00

iii) Permohonan Projek Baru RMK-10 Bagi Tahun **2013** dan **2014** JPS (Persekutuan)

:

Bil	Nama Projek	Kos Yang Dipohon	Keperluan Peruntukan (RM)	
			2013	2014
1	Pelaksanaan Projek Saliran Mesra Alam Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Bandar Klang, Selangor	15,000,000.00	15,000,000.00	0.00
2	Pelaksanaan Projek Saliran Mesra Alam Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Bandar Kajang, Selangor	15,000,000.00	15,000,000.00	0.00
3	Membaikpulih Struktur Kawalan Hakisan Benteng Pantai Tanjung Sauh, Daerah Sabak Bernam, Selangor	10,000,000.00	5,500,000.00	0.00
4	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Semenyih	25,000,000.00	0.00	7,200,000.00
5	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Selangor	39,500,000.00	15,000,000.00	0.00
6	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Langat	4,000,000.00	25,000,000.00	4,000,000.00
7	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Bernam (Menaiktaraf Benteng Sg. Bernam Daerah Hulu Selangor)	25,000,000.00	11,500,000.00	1,000,000.00
8	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Selangor (Menaiktaraf, Membina Benteng, Mengorek Dan Penstabilan Tebing Sg.Selangor)	2,000,000.00	15,000,000.00	1,000,000.00
9	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jinjang, Daerah Gombak	2,000,000.00	0.00	5,000,000.00
10	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kundang (Dari Pekan Kundang Ke Sungai Garing), Daerah Gombak	3,000,000.00	0.00	5,000,000.00
11	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bernam	35,000,000.00	11,500,000.00	16,500,000.00

12	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Buloh (Kerja -Kerja Menaiktaraf Sungai Buloh Di Antara Ch34900 Hingga Ch35700, Daerah Petaling)	20,000,000.00	0.00	500,000.00
13	Kerja-Kerja Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Sg. Damansara Di Antara Ch 6500 Hingga Ch 10000, Daerah Petaling	0.00	0.00	800,000.00
14	Kerja-Kerja Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Sg. Kayu Ara, Daerah Petaling	9,500,000.00	0.00	500,000.00
15	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Langat, Daerah Sepang	8,000,000.00	0.00	2,000,000.00
16	Menaiktaraf Dan Memulihara Sungai-Sungai Di Negeri Selangor Ke Arah Persekitaran Mesra Alam Semulajadi, Daerah Sepang	6,000,000.00	0.00	2,000,000.00
17	Projek Menaiktaraf Benteng Pantai Dari Tanjung Karang Ke Sekinchan (Sg. Kajang, Parit 3, Parit 4, Parit 5, Dan Parit 6) Daerah Kuala Selangor.	4,000,000.00	5,000,000.00	1,000,000.00
18	Projek Kawalan Hakisan Pantai Di Pantai Remis, Jeram, Daerah Kuala Selangor.	27,000,000.00	0.00	7,000,000.00
19	Menaiktaraf Dan Memulihara Sungai-Sungai Di Negeri Selangor Ke Arah Persekitaran Mesra Alam Semulajadi	14,000,000.00	14,000,000.00	9,000,000.00
20	Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Remis, Jeram	47,650,000.00	0.00	9,650,000.00
21	Mencegah Hakisan Pantai Kelanang, Kuala Langat, Selangor	7,500,000.00	7,500,000.00	0.00
22	Rancangan Tebatan Banjir Klang	40,500,000.00	16,000,000.00	0.00
23	Pembersihan Dan Rawatan Air Sungai PENCHALA Fasa II, Selangor	5,500,000.00	5,500,000.00	0.00
	JUMLAH KESELURUHAN		161,500,000.00	72,150,000.00

Manakala berikut di bawah adalah senarai permohonan yang telah diluluskan daripada Kerajaan Selangor dan Persekutuan :

i) Peruntukan yang diluluskan oleh **Kerajaan Persekutuan** bagi tahun **2013**:

Sumber	Nama Program	Peruntukan
Persekutuan JPS MALAYSIA (WARAN DI JPS SELANGOR)	Pengambilan Balik Tanah	239,959.41
	Kerja-Kerja Kecil	1,510,000.00
	Projek Sistem Saliran Mesra Alam Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Kajang, Selangor	800,000.00
	Sistem Saliran Mesra Alam Di Kawasan Operasi Pelabuhan Klang Dan Sekitarnya	725,000.00
	Membaikpulih Struktur Kawalan Hakisan Tanah Di Pantai Tanjung Sauh, Daerah Sabak Bernam	94,700.00
	Rancangan Tebatan Banjir Msc	449,600.33
	Kolam Takungan Banjir Sungai Damansara	610,596.67
	Pengawalan Tanah-Tanah Milik Kerajaan Persekutuan (Kos Pemagaran Dan Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Setinggan) Di Negeri Selangor	4,300,000.00
JUMLAH		8,729,856.41
Persekutuan JABATAN LUAR	Projek Pembinaan Dan Menaiktaraf Infrastruktur Bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu Tahun 2013	70,000.00
	Projek Menaiktaraf Kebajikan Haiwan Di Zoo Negara	6,700,000.00
JUMLAH		6,770,000.00
Persekutuan ROL (PENYELENGG ARAAN)	Inisiatif 4 A KI : Kerja-Kerja Penyelenggaraan "Gross Pollutant Trap (Gpt)" Dan Kerja Berkaitan Berkaitan Di Klang, Daerah Gombak Dan Hulu Langat.	291,400.00
	Inisiatif 4 A KI : Kerja-Kerja Penyelenggaraan 'Automatik Trash Rake' Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Lembangan Sungai Klang, Daerah Gombak Dan Hulu Langat.	50,000.00

	Inisiatif KI 9 : Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan Taman Bukit Mulia, Bukit Antarabangsa Untuk Program River Of Life(ROL) EPP,Gombak.	96,100.00
JUMLAH		437,500.00
Sumber	Nama Program	Peruntukan
Persekutuan	Inisiatif KL 4 A: Pembinaan Trash Rake Di Hulu Langat	1,814,000.00
ROL (PEMBINAAN)	Membekal Dan Memasang GPT Dari Persimpangan Lebuhraya DUKE-MRR2, AU2 Sungai Klang Sehingga Kuala Ampang, Daerah Gombak	3,307.20
	Membekal Dan Memasang Automatic Trash Rake & Kerja Berkaitan Di Lembangan Sungai Klang, Gombak & Hulu Langat Bagi Projek River Of Life (ROL)	45,536.81
	Kerja-Kerja Penyediaan Bilik Exhibit 1NRE JPS Selangor	25,455.00
JUMLAH		1,888,299.00
Persekutuan MOA (P21)	Projek Menaiktaraf Jalan Pertanian Di Negeri Selangor.	400,000.00
Persekutuan MOA (B21)	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Pengairan Dan Saliran Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu, Saliran Pertanian	1,000,000.00
JUMLAH		1,400,000.00
Persekutuan ICU (P06)	Projek Mendalamkan Kuala Di Kuala Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam	730,600.00
JUMLAH		730,600.00
JUMLAH KESELURUHAN		19,956,255.41

ii) Peruntukan yang diluluskan oleh **Kerajaan Persekutuan** bagi tahun **2014** :

Sumber	Nama Program	Peruntukan
Persekutuan	Peruntukan Untuk Kerja-kerja Kecemasan di Luar Jangka JPS Selangor	200,000.00
JPS MALAYSIA (WARAN DI JPS SELANGOR)	Peruntukan Di Lembangan Sungai Penchala, Selangor.	500,000.00
	Pembinaan Projek Sistem Saliran Mesra Alam Bagi Mengatasi Banjir Kilat di Kajang, Selangor.	1,000,000.00
	Peruntukan untuk Pembinaan Saliran Mesra Alam di Kawasan operasi Pelabuhan Klang dan sekitarnya	3,000,000.00
	Peruntukan Untuk Kolam Takungan Banjir Sg. Damansara- RTB	100,000.00
JUMLAH		4,800,000.00
Persekutuan	Projek Menaiktaraf Kebajikan Haiwan Di Zoo Negara	7,000.00
JABATAN LUAR	Projek Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur bagi Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk mengatasi Jerebu tahun 2014	7,000.00
JUMLAH		14,000.00
Persekutuan	Projek National Key Economic Areas (NKEA) Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley : (EPP5) River Of Life - River Cleaning- Key Iniatif 4a.	500,000.00
ROL (PENYELENGG ARAAN)	Projek National Economic Areas (NKEA) Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley : (EPP5) River Of Life - River Cleaning ke JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	122,672.00
JUMLAH		622,672.00
Persekutuan ICU (P06)	Memperkukuhkan Dan Meninggikan Benteng Di Bagan Sungai Besar Oleh JPS Sabak Bernam.	1,000,000.00
JUMLAH		1,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		6,436,672.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : LANGKAH MENARIK PELANGGAN KE PERPUSTAKAAN AWAM.

328. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon diperjelaskan langkah-langkah menarik pelanggan (pengguna) bagi perpustakaan awam di daerah-daerah.

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan perpustakaan di negeri Selangor bermula pada tahun 1971. Sehingga kini, PPAS mempunyai 1 perpustakaan ibu pejabat, 7 buah Perpustakaan Daerah, 6 Perpustakaan Cawangan, 8 Perpustakaan Pekan, 55 buah Perpustakaan Desa Negeri dan 16 Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia, 3 unit Perpustakaan Bergerak. Perpustakaan ini telah memberikan perkhidmatan meliputi semua keperluan pembacaan, pembelajaran, penyelidikan dan rujukan serta perkhidmatan IT.

Bermula dari tahun 2009 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menempuh satu era perubahan yang dinamakan penjenamaan semula perpustakaan (*rebranding*).

1. PENJENAMAAN SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN.

Perpustakaan kini telah ditransformasikan menjadi hub ilmunan, hub pendidikan dan pusat tumpuan komuniti (*community centric*) dengan konsep Penjenamaan Semula Perpustakaan (*rebranding*) dan Perpustakaan sebagai Rumah Kedua Ku (*Library My Second Home*).

Matlamat utama adalah bagi membantu kerajaan mengurangkan kadar jenayah dan gejala sosial. Bermula pada tahun 2009, bangunan-bangunan perpustakaan mula dijenama, dengan konsep yang lebih menarik melibatkan:-

1. Buku-buku dan bahan penyelidikan terkini (termasuk pembangunan koleksi bahasa cina dan Tamil di sebahagian perpustakaan yang dijenama semula)
2. Infrastruktur
3. Ruang bacaan yang lebih santai
4. Perabot yang serba moden
5. Perkhidmatan multimedia
6. Internet dan wifi percuma
7. Pusat siber rakyat
8. Kemudahan kafeteria dan surau serta tandas yang bersih.

Konsep penjenamaan semula perpustakaan melibatkan kepada 3 elemen perubahan yang meliputi:

Pertama:

Perubahan Hati, Minda dan Sikap Kakitangan

Pembangunan dan penerimaan masyarakat terhadap perpustakaan haruslah bermula dari perubahan minda, sikap dan layanan kakitangan terhadap pengguna secara sopan, penuh hikmah dan professional.

Kedua :

Pembangunan Infrastruktur Perpustakaan (Selesa, Cantik & Kondusif)

Penekanan seterusnya adalah pembangunan infrastruktur yang kondusif dan menarik. Melaluinya, kami memberikan penekanan kepada perabut yang selesa, tandas yang bersih, ruang solat, kafe perpustakaan, perkakasan IT yang terkini, WiFi percuma dan dekorasi dalaman yang cantik dan ceria berkonsepkan 'My Second Home' atau 'Rumah Keduaku'

Ketiga :

Pembangunan Koleksi (Menarik, Terkini & Berkualiti)

Penjenamaan ini diperkuatkan lagi dengan pembelian buku-buku yang terkini dan menarik. Kaedah susun aturnya juga berbeza dari yang biasa, dengan berkonsepkan *book store* seperti *Kinokuniya* dan MPH, buku-buku ini disusun dengan lebih menarik dan memudahkan pengguna untuk mengetahui buku-buku yang terbaru.

Berikut adalah perpustakaan komuniti yang ditubuhkan bermula dari tahun 2010 dan telah mengalami perubahan melalui penjenamaan semula perpustakaan:

BIL	PERPUSTAKAAN	TARIKH OPERASI
1.	Perpustakaan Pekan Semenyih, Hulu Langat	15 Mac 2010
2.	Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung, Hulu Selangor	14 April 2010
3.	Perpustakaan Komuniti Taman Seri Manja, Petaling Jaya	18 Oktober 2010
4.	Perpustakaan Komuniti Seri Perantau, Pelabuhan Klang	31 Mei 2011
5.	Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront, Hulu Langat	17 Oktober 2011
6.	Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Ampang	9 Jun 2012
7.	Perpustakaan Komuniti Kajang	21 Februari 2013

8.	Perpustakaan Komuniti Rawang	24 Mac 2013
9.	Perpustakaan Komuniti Lembah Jaya	2 September 2014
10.	Perpustakaan Komuniti Sungai Udang, Klang	15 September 2014
11.	Perpustakaan Komuniti Sg. Pelek, Sepang	Akan dibuka

Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menyenaraikan beberapa tindakan berikut untuk memperkasakan perkhidmatan perpustakaan daerah di seluruh negeri Selangor. Antaranya ialah:-

1. Kempen keahlian ke sekolah-sekolah / tadika berdekatan (setiap Bulan)
2. Menyertai karnival/ program yang dianjurkan oleh jabatan lain
3. Mempergiatkan pinjaman berkelompok (setiap Bulan)
4. Hari Bertemu Pelanggan diperluaskan ke peringkat cawangan, pekan dan desa (1 kali Setahun: Bulan November)
5. Anugerah peminjam terbanyak di semua peringkat
6. Sambutan Hari Perpustakaan (Bulan Oktober)
7. Bulan Pengampunan: Bayaran denda dikurangkan (Bulan Jun)
8. Promosi Pusat Siber Rakyat (PSR) & perkhidmatan IT Jabatan Kerajaan dan Sekolah-sekolah
9. Peserta lawatan diwajibkan mendaftar sebagai ahli perpustakaan.

2. PROGRAM GALAKAN MEMBACA, GALAKGUNA PERPUSTAKAAN DAN PEMBUDAYAAN ILMU

Di dalam skala sederhana dan kecil semua pusat perkhidmatan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan:

Diantara aktiviti dan program menuntut ilmu yang dilaksanakan adalah:

1. Bicara buku (karya penulis tempatan)
2. Kuiz/uji /ekplorasi minda
3. Pertandingan bercerita, membaca pantas dan tulisan jawi,
4. Pidato, deklamasi sajak dan puisi.
5. Seminar Sejarah Lisan
6. Sambutan Hari Buku Kanak-kanak Antarabangsa
7. Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia
8. Bengkel Jejak Maklumat
9. Bengkel ICT
10. Pengkisahan sejarah

11. Ulasan Buku
12. Kelas Al Quran & Tajwid
13. Bina Minda melalui permainan
14. Pameran Sempena Sambutan hari Kemerdekaan
15. Sebagai usaha menggalakan pembacaan dalam kalangan masyarakat Anugerah Pembaca Aktif diadakan sebagai penghargaan kepada pengunjung yang kerap membaca dan meminjam buku perpustakaan

Berikut adalah statistik program dan aktiviti yang dijalankan diseluruh negeri Selangor perbandingan 2010 sehingga 2014 (Jan-Sept):

Tahun	Jumlah Aktiviti
2010	522 aktiviti
2011	1,021 aktiviti
2012	1,824 aktiviti
2013	2,629 aktiviti
2014 (JAN-SEPT)	2,825 aktiviti

2.1 Diantara program-program utama yang telah dilaksanakan dan mendapat sambutan dari rakyat Selangor adalah:

Perpustakaan secara berterusan melaksanakan pelbagai program yang memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat dan telah mendapat sambutan menggalakan. Diantaranya seperti berikut:

Bil	Program	Keberkesanan/ Pencapaian
1.	Program Bicara Karya Lima (5) siri program bicara buku-buku terbitan tempatan dengan tokoh pembicara seperti Sasterawan Negara, Doktor dan Professor.	625 peserta
2.	Pertandingan berzanji dan marhaban	350 peserta

Bil	Program	Keberkesanan/ Pencapaian
3.	Aktiviti Dalaman di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam -Melukis, mewarna, bercerita -Permainan interaktif minda -Buku skrap -Origami	148 aktiviti 6,660 peserta
4.	Aktiviti Pesta Buku Selangor Tahun 2014	63 Aktiviti 5,966 peserta
5.	Aktiviti dan Program Galakan Membaca di perkhidmatan perpustakaan di seluruh Selangor	1,716 aktiviti 128,700 peserta
6.	Program Hari Buku dan Kanak-kanak Sedunia dijalankan serentak di 9 daerah	2,250 peserta
7.	Seminar Sejarah Lisan Negeri Selangor	175 peserta
8.	Seminar Kompas Penetapan Kalender Hijrah.	215 peserta

2.2 Statistik aktiviti di setiap perpustakaan Daerah (Jan-Sept 2014):

Bil.	Daerah	Jumlah	
		Dalaman	Usahasama
1.	Sabak Bernam	403	
		384	19
2.	Kuala Selangor	754	
		718	36

Bil.	Daerah	Jumlah	
		Dalam	Usahasama
3.	Hulu Langat	465	
		419	46
4.	Kuala Langat	159	
		155	4
5.	Klang	246	
		190	56
6.	Hulu Selangor	125	
		116	9
7.	Petaling	95	
		83	6
8.	Gombak	85	
		81	4
9.	Selangor	115	
		111	4

AKTIVITI DALAMAN	2,263
KERJASAMA DENGAN JABATAN LAIN	184
JUMLAH AKTIVITI	2,447

2.3. Senarai program kempen di setiap DUN sejak ia dilancarkan.

1. Jelajah Generasi Muda (GEMS)
2. Karnival anjuran DUN kawasan
3. Karnival Cinta Seni Cantik di Dewan Orang Ramai Bestari Jaya
4. Latihan Kebakaran oleh Pihak Bomba untuk kakitangan di Perpustakaan Daerah Sabak Bernam
5. Sambutan Hari Bumi di Perpustakaan Daerah Hulu Langat
6. Jom Bercerita di Perpustakaan Cawangan Rawang
7. Program Mencegah Gejala Sosial di Perpustakaan Daerah Klang

8. Kempen Keahlian di seluruh perpustakaan di negeri Selangor
9. Pinjaman berkelompok bahan-bahan bacaan

2.4 Jom Membaca Bersama 10 Minit

- Diadakan secara serentak seluruh Malaysia pada 22 April 2014 pada jam 10.00 Hingga 10.10 pagi.
- Jumlah keseluruhan di Selangor adalah sebanyak **610,000** pembaca.
- Jumlah keseluruhan di Malaysia adalah sebanyak **2.5 juta** pembaca.

Sahabat Perpustakaan

Sahabat perpustakaan salah satu inisiatif Majllis Pengarah–Pengarah Perpustakaan Awam Semalaysia (MPAM). Ia dilaksanakan di setiap perpustakaan awam seluruh Malaysia.

Objektif :

Membina perpustakaan yang kondusif, moden dan terkini, suasana yang ceria, memberi servis yang baik dan relevan kepada kehidupan masyarakat.

Untuk mendapatkan sumbangan dan bantuan dari pelbagai pihak

Perpustakaan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat.

Apa yang diperlukan untuk beri servis yang terbaik?

Sukarelawan – 3 peringkat umur:

Remaja 15-25 Tahun

Belia 25-40 Tahun

Warga Emas

Derma/ sumbangan – memerlukan 3 perkara :

Buku

Kewangan

Peralatan

Perkongsian Ilmu – melalui perkongsian pengalaman, kepakaran dan ilmu dari golongan akademik, Persatuan Pesara dan sebagainya

Memori Kemerdekaan

Pameran Memori Kemerdekaan

Tema : logo , Tema Hari Kemerdekaan & Pembangunan Malaysia 1970-2014

Pameran Buku mengenai Kemerdekaan

Perkongsian ilmu: Perspektif Lukisan dan Filatelli oleh En Mustafa Yahya (Tokoh Budaya Negeri Selangor) dan Ybhg. Dato' Anura Basha (Persatuan Filateli Malaysia)

Tayangan VCD mengenai sejarah hari kemerdekaan

3. HARI ILMU DAN GERAKAN MEMBACA PERDANA NEGERI SELANGOR

Bermula pada 26 Jun 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah **mengisytiharkan Hari Ilmu Negeri Selangor**, majlis perasmian telah disempurnakan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor. Program ini mengajak rakyat meneruskan budaya membaca dengan menjenama gerakan membaca. Saban tahun, hari ilmu akan diisi dengan program-program bermanfaat seperti membaca serentak beramai-ramai melalui kempen “15 minutes reading break”, bacaan kegemaran saya, puisi, pidato, kuiz dan sebagainya.

Tahun	Tema	Pencapaian	Catatan
2010	Gerakan Membaca Perdana - 'The Largest Outdoor Reading Event in Malaysia'	15,271 peserta/ Diiktiraf oleh Malaysia Book of Records	Disempurnakan oleh: D.Y.M.M. Sultan Selangor
	Pelancaran Gerakan Menulis Perdana 2010 Tema : Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan'		Di Tasik Shah Alam
2011	- Konvensyen Penulis	300 penulis	Di Pusat konvensyen Shah Alam
	- Tokoh Penulis Selangor 2011		
	- Berhenti Sebentar, Jom Baca (15 minutes reading break)	2,125 peserta	

2012	- Tokoh Penulis Selangor 2012	Seorang	Anjuran EXCO Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan
	- Tokoh Pustakawan Selangor 2012	Seorang	
	- Baca & Amalkan (15 minutes reading break)	7,275 penyertaan	Dilaksanakan di 9 daerah Negeri Selangor
2013	- Baca, Amal dan Sumbangkan	741 naskah sumbangan buku	Sumbangan buku oleh pengunjung pesta buku.
	- Gerakan Menulis Perdana Ke 2 Tema: Mengehsankan Insan Di Negeri Selangor'		Program masih berjalan
2014	- Gerakan Menulis Perdana Ke 3 Tema : Mengehsankan Insan Di Negeri Selangor"	4,887 orang penyertaan	
	- Jom Membaca Bersama 10 Minit	610,000 Penyertaan	
	- Program "15 minutes reading break"	2,100 Penyertaan	Di Pusat konvensyen Shah Alam

4. PESTA BUKU NEGERI SELANGOR

Pesta Buku negeri Selangor telah bermula pada tahun 2006 dan telah mendapat sambutan dari masyarakat sehinggalah ia dinamakan sebagai Pesta Buku ke 2 terbesar selepas Pesta buku Kuala Lumpur. Pesta Buku Selangor bertujuan bagi memberi peluang kepada komuniti untuk memilih dan memperolehi bahan bacaan berkualiti tinggi serta terkini.

Perkara	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
Tarikh	24 Julai – 3 Ogos	25 Jun – 5 Julai	24 Jun – 3 Julai	29 Jun- 9 Julai	24 Mei – 3 Jun	29 Ogos- -8 Sept
Tempat	Kompleks	Kompleks	Pusat	Pusat	Pusat	Pusat

	PKNS	PKNS	Konvensyen Shah Alam	Konvensyen Shah Alam	Konvensyen Shah Alam	Konvensyen Shah Alam
Pempamer	64	58	75	86	81	80
Gerai/Booth	114	114	157	163	163	140
Pengunjung	390,961	423,315	353,530	348,235	312,290	317,896
Kempen Kahlian Baru	2,027	904	1,661	3,161	3,225	3,821

5. PROGRAM GALAKAN MEMBACA KEBANGSAAN TAHUN 2014

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bersama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se Malaysia yang juga dianggotai oleh Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis, Sabah dan Sarawak merancang untuk menjalankan Program Galakan Membaca Kebangsaan secara serentak diseluruh Negara bagi memberi impak yang lebih meluas kepada masyarakat.

Diantara program ialah:

- i. Kempen Berhenti Sebentar, Jom Baca (lets read together)
(Sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia)
- ii. Pelancaran Sahabat Perpustakaan (Friends of Library)
(Sempena Hari Belia Negara)
- iii. Pameran Memori Korporat
(Sempena Hari Kemerdekaan)
- iv. Pelancaran: 'Kids For Nation' – Ilmu diJunjung, Warga Emas diSanjung
(Sempena Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak Sedunia)
- vii. Kempen berhenti sebentar, jom baca (Let's read together)
Diadakan secara serentak seluruh Selangor pada 22 April 2014 pada jam 10.00 hingga 10.10 pagi.
 - i. Mengumpulkan hampir 2,000 penyertaan di Perp. Raja Tun Uda, Shah Alam
 - ii. Melibatkan 500 Buah sekolah di sekitar Selangor
 - i. Melibatkan lebih 50 buah jabatan di seluruh Selangor

- ii. Jumlah keseluruhan penyertaan 610,000 penyertaan
- iii. Jumlah keseluruhan di Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta pembaca.

CABARAN

Peranan perpustakaan adalah amat penting dalam melaksanakan program/aktiviti galakan membaca secara berterusan.

Sejajar dengan itu, perpustakaan akan meneruskan jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan serta berganding bahu melaksanakan program/aktiviti galakan membaca dengan lebih kreatif. Program promosi dan publisiti akan ditambah, kerana peranan media massa khususnya media elektronik dan media cetak penting dalam membantu meningkatkan keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : PORTFOLIO INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

329. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan portfolio Infrastruktur dan Kemudahan Awam tahun 2015?
- b) Sejauh manakah pencapaian portfolio ini pada tahun 2014?
- c) Apakah infrastruktur dan kemudahan awam penting yang telah dibina sepanjang lima tahun lalu?

JAWAPAN:

- a) Penyelarasan dan pemantauan setiap pencapaian projek pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan di Negeri Selangor merupakan asas portfolio Infrastruktur dan Kemudahan Awam. Ia merangkumi pelaksanaan dan perbelanjaan peruntukan secara berhemah dalam membangunkan infrastruktur dan kemudahan awam. Sehubungan itu, pada tahun 2015, portfolio infrastruktur dan kemudahan awam akan memastikan penyelarasan agensi dan jabatan yang terlibat dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan penyampaian yang berkesan kepada masyarakat. Dasar dan perancangan juga akan menitikberatkan perkara berikut:
 - i) Projek pembangunan dan jaringan pengangkutan awam yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat.
 - ii) Memantau pelaksanaan projek tebatan banjir dalam usaha mengurangkan masalah banjir yang berlaku.
 - iii) Memastikan capaian jaringan telekomunikasi di negeri Selangor lebih baik dan meluas.
 - iv) Mengurangkan isu dan masalah berkaitan sampah dengan memastikan sistem pengurusan sisa pepejal dapat dilaksanakan dengan baik dan terkawal.
 - v) Mengelakkan masalah gangguan talian elektrik di Negeri Selangor dengan memastikan projek menaiktaraf dan pengukuhan grid talian penghantaran elektrik dapat dilaksanakan.

- vi) Membantu menyelaras isu dan masalah berkaitan pelaksanaan projek-projek lebuhraya di Negeri Selangor.
 - vii) Meningkatkan taraf sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dengan pelaksanaan program bas percuma di kawasan bandar secara berperingkat melalui Pihak Berkuasa Tempatan, menyediakan kemudahan berbasikal seperti laluan khas trek basikal serta memantau pelaksanaan projek perintis *Commuter Bus Improvement Project* (CBIP) yang akan dilaksanakan di daerah Kuala Langat.
 - viii) Mengawal masalah pencemaran air sungai dan pantai berlaku disebabkan oleh pengurusan loji sisa kumbahan yang tidak cekap dengan merancang pelan sistem pembentungan yang lebih baik seperti pembinaan loji-loji serantau yang moden dan berkapasiti besar serta rangkaian paip pembentungan di kawasan perkhidmatan yang lebih luas.
- b) Secara keseluruhan, pencapaian portfolio ini dapat dilihat melalui penyelarasan dan kerjasama di antara agensi dan jabatan yang terlibat dalam menangani isu dan masalah yang berlaku. Secara ringkas, beberapa sasaran telah dicapai sepanjang proses penambahbaikan portfolio.
- c) Dalam perancangan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, Kerajaan Negeri sentiasa mempertimbangkan cadangan-cadangan projek serta program yang mampu memberi impak kepada masyarakat untuk jangkamasa panjang. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan hanya dapat dilaksanakan mengikut keupayaan Kerajaan Negeri. Ini kerana, Kerajaan Persekutuan juga mempunyai tanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur di negeri-negeri yang telah memberi sumbangan ke atas pertumbuhan ekonomi Negara.

Berdasarkan sumbangan Negeri Selangor yang sangat signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Negara, maka Kerajaan Persekutuan wajar untuk membantu dalam menyediakan infrastruktur yang baik dan prasarana serta kemudahan awam yang cukup kepada negeri Selangor untuk menjamin peningkatan pelbagai sektor ekonomi.

Antara projek fizikal yang berjaya direalisasikan oleh Kerajaan Negeri adalah Projek Pembinaan Jambatan Ketiga Klang yang akan dibina sepanjang 2525meter. Projek ini dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri setelah penangguhan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 Damansara Utama)**

TAJUK : TANAH CANAL CITY

330. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah tender terbuka diadakan apabila kerajaan negeri menjual tanah *Canal City* yang seluas 1,172 ekar untuk RM1.3 bilion? Jika tidak, mengapa?
- b) Adakah "*power of attorney*" telah diberi kepada pembeli tanah? Jika ya, mengapa?
- c) Sila nyatakan perkembangan baru penjualan tanah ini.

JAWAPAN:

- a) Ya, tender terbuka telah dilaksanakan melalui 'Request For Proposal' bagi cadangan untuk memaju dan membangunkan kawasan tersebut.
- b) Ya, "Power of Attorney" diberikan kepada Sapphire Index Sdn. Bhd. bagi membolehkan segala perancangan dan cadangan pelaksanaan pembangunan dapat dijalankan dengan teratur. Walaupun "Power of Attorney" diberi adalah "Power of Attorney" yang terhad (Limited PA). "Consent Transfer" dipegang oleh PNSB.
- c)
 - i) Kelulusan permohonan Kebenaran Merancang telah diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan pada 21 Januari 2014.
 - ii) Satu perjanjian jual beli tanah seluas 308.72 ekar pada harga keseluruhan RM 470,674,512.00 di antara Sapphire Index Sdn Bhd. Dengan Prominent Stream Group Berhad (anak syarikat Eco World Development Group Berhad) telah dimeterai pada 19 Mac 2014.
 - iii) Satu "Supplementary Agreement" di antara MBI, PNSB dan Sapphire Index Sdn Bhd. Telah dimeterai pada 7 Ogos 2014.
 - iv) Permohonan penyerahanbalik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 10 September 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 Paya Jaras)**

**TAJUK : PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN KEPADA BELIA YANG
TELAH BEKERJA SELEPAS SPM**

331. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat peluang kedua untuk belia yang berkelulusan SPM untuk melanjutkan pelajaran di IPT milik Kerajaan?
- b) Apakah ada pembiayaan pendidikan yang minima untuk golongan belia yang sedang bekerja?
- c) Apakah terdapat program pengajian tinggi selain daripada kemahiran untuk belia yang bekerja?

JAWAPAN:

- a) Peluang kedua bagi belia yang berkelulusan SPM untuk melanjutkan pelajaran di IPT milik kerajaan adalah di Kolej Antarabangsa INPENS yang merupakan institusi pengajian tinggi pertama yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dengan 15 tahun pengalaman, INPENS menyediakan kursus yang pelbagai yang melibatkan kemahiran, seperti bidang Juruteknik Elektronik Industri, Mekanikal Elektronik Industri, Pembantu Juruteknik Komputer, Juruteknik Sistem Komputer, Bidang Jahitan, Juruteknik Automatif Kenderaan Motor, Pelukis Pelan Kejuruteraan Mekanikal, Juruteknik Elektrik, Penyejukbekuan dan Penghawa Dingin, Dandan Rambut dan Kecantikan serta Jurupulih Estetik.

Kebanyakan pembelajaran di INPENS menekankan tentang kemahiran setiap bidang yang telah dinyatakan. Kursus-kursus yang diadakan juga memberi peluang kepada anak-anak Selangor yang kurang di dalam aspek pendidikan, tetapi kemahiran-kemahiran ini mampu memberikan mereka peluang pekerjaan yang luas setanding dengan graduan-graduan IPT yang lain.

- b) Tiada pembiayaan pendidikan yang minimum bagi golongan belia yang sedang bekerja.
- c) Buat masa ini, masih belum dijalankan sebarang program pengajian tinggi selain daripada kemahiran untuk belia yang bekerja. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa cadangan program untuk dilaksanakan di masa hadapan bagi memastikan golongan belia yang bekerja dapat

meningkatkan taraf pendidikan mereka dengan pembelajaran secara separuh masa melalui kaedah atas talian “online” dan juga melalui pusat-pusat pendidikan separuh masa yang boleh diakses dengan mudah di kawasan-kawasan yang mempunyai permintaan tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : LESEN OPERASI KILANG

332. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan lesen operasi kilang di Selangor
- b) Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan dari 2008 hingga 2014 mengikut PBT?
- c) Apakah tindakan yang diambil kerajaan sekiranya kilang gagal mematuhi prosedur yang digariskan

JAWAPAN:

- a) Setiap permohonan yang dibuat bagi operasi kilang akan melalui proses 14 hari bekerja seperti yang telah digariskan di peringkat PBT iaitu di bawah ketetapan prosedur MS:ISO 9001/2008. Proses melibatkan penerimaan permohonan, semakan dokumen, semakan ke tapak, ulasan jabatan teknikal luaran dan dalaman dan status kelulusan.
- b) Jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 29548 permohonan dan diluluskan sebanyak 25103 permohonan bagi lapan (8) buah PBT untuk aktiviti industri sejak 2008 sehingga Oktober 2014. Manakala empat (4) PBT iaitu MPSJ, MPS, MPKj dan MDHS tidak memberi maklumbalas. Sila rujuk Jadual 1 seperti di bawah:-

Jadual 1

PBT	JUMLAH PERMOHONAN LESEN OPERASI KILANG													
	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014	
	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus	Terima	Lulus
MBSA	744	336	729	346	661	411	829	477	874	571	530	438	473	405
MBPJ	11	11	21	21	7	7	19	19	34	34	13	13	25	25
MPK	373	308	354	304	334	314	373	339	404	366	323	266	237	55
MPAJ	50	46	74	70	40	39	44	42	36	29	39	38	28	27
MPS	1539	1535	2191	2185	1957	1953	2217	2215	1771	1763	1832	1829	1469	1467
MPKJ	638	391	624	230	636	372	720	568	845	714	720	502	632	524
MPSJ	442	408	396	364	415	381	482	447	468	374	491	423	394	354
MPSP	44	27	64	47	43	32	62	25	94	47	69	24	59	42
MDKL	49	47	23	16	28	25	20	15	26	21	21	15	15	7
MDKS	10	10	7	7	25	23	21	18	34	29	20	19	11	6
MDSB	-	-	-	-	3	3	5	5	6	6	-	-	-	-
MDHS	30	30	30	30	43	43	31	31	45	45	34	34	18	18
Jumlah	3930	3149	4513	3620	4192	3603	4823	4201	4637	3999	4092	3601	3361	2930

****Sumber: Semua PBT Negeri Selangor**

- c) Surat arahan patuhi syarat pelesenan akan dikeluarkan. Sekiranya didapati arahan daripada notis tersebut tidak dipatuhi, tindakan kompaun, sitaan dan pembatalan lesen akan dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : KEMISKINAN DAN PELUANG PEKERJAAN DI NEGERI SELANGOR

333. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis peluang pekerjaan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk golongan miskin dan kurang berpendidikan?
- b) Apakah garis panduan guna mengukur jumlah pendapatan keluarga dikategorikan sebagai miskin?
- c) Sejauh manakah kejayaan program MES disifatkan berkesan mengurangkan kadar miskin di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, tiada peluang pekerjaan khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk golongan miskin dan kurang berpendidikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah memperkenalkan program yang dikenali sebagai Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS yang bertujuan untuk membantu golongan generasi muda daripada keluarga berpendapatan seisi rumah sebulan di bawah RM3,000.00 dengan memberikan penajaan kos yuran bagi melanjutkan pelajaran dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Melalui program ini, ianya diharap membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan dan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan keluarga setelah tamat pengajian.
- b) Paras Garis Kemiskinan (PGK) merupakan pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah (IR) bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. PGK digunakan untuk mengenalpasti bilangan isi rumah miskin dan mengukur insiden kemiskinan. PGK keseluruhan terdiri daripada PGK makanan dan PGK bukan makanan. Sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Sebagai makluman, PGK peringkat Nasional bagi tahun 2007 bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM720 seisi rumah. Manakala bagi Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM830 dan RM960 seisi rumah. Bagi tahun 2012 pula, PGK di peringkat Nasional adalah selaras dengan Rancangan Ekonomi Kesepuluh (RMK-10), yang mana PGK makanan dan bukan makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin berdasarkan kepada kiraan adalah RM830.00 seisi rumah. Manakala bagi Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM920 dan RM1,090 seisi rumah.

PGK yang digunapakai di Selangor pula adalah sebanyak RM1,500.00. Ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 1/2009 pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dan memutuskan supaya PGK Negeri Selangor dinaikkan ke RM1,500.00. Namun begitu, tiada satu asas pengiraan yang dibuat.

- c) Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program bagi mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor. Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan masyarakat berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menjana serta meningkatkan pendapatan keluarga.

Selain itu, terdapat pelbagai program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap yang lain seperti Program Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR). Program Skimsel bermatlamat untuk membantu golongan miskin memperoleh dana bagi menjalankan perniagaan sebagai salah satu usaha membebaskan mereka dari kitaran kemiskinan. Manakala program MIMBAR pula merupakan pinjaman mikrokredit Qardul Hasan iaitu pinjaman tanpa faedah dan caj pengurusan yang bertujuan untuk membantu menambahkan pendapatan seisi keluarga bagi melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK).

Melalui pelaksanaan program-program MES ini, ianya dilihat berupaya mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor. Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2012 (seperti di **JADUAL 7**), negeri Selangor mencatatkan peratusan kadar kemiskinan sebanyak 0.4% manakala 0.0% bagi kemiskinan tegar. Ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di negeri Selangor adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Sehubungan dengan itu, menerusi pelaksanaan program-program MES yang telah dijalankan, ianya diharap dapat membantu keluarga yang berpendapatan rendah bagi meringankan beban kos sara hidup serta membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan melalui penjana pendapatan.

JADUAL 7

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI DAN STRATA DI MALAYSIA TAHUN 2012

Jadual 2.2: Insiden kemiskinan mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2012

Table 2.2: Incidence of poverty by state and strata, Malaysia, 2012

Negeri State	Insiden kemiskinan/Incidence of poverty					
	Miskin/Poor			Miskin tegar/Hardcore poor		
	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
	Total	Urban	Rural	Total	Urban	Rural
Malaysia	1.7	1.0	3.4	0.2	0.1	0.6
Johor	0.9	0.7	1.4	0.1	0.1	0.0
Kedah	1.7	1.1	2.6	0.1	0.0	0.4
Kelantan	2.7	1.8	3.4	0.3	0.2	0.4
Melaka	0.1	0.2	0.0	0.0	0.0	0.0
Negeri Sembilan	0.5	0.5	0.3	0.1	0.1	0.0
Pahang	1.3	1.1	1.4	0.2	0.2	0.2
Pulau Pinang	0.6	0.5	1.0	0.0	0.1	0.0
Perak	1.5	1.1	2.2	0.2	0.0	0.4
Pertis	1.9	0.9	2.6	0.5	0.2	0.6
Selangor	0.4	0.2	2.3	0.0	0.0	0.0
Terengganu	1.7	1.5	2.0	0.2	0.2	0.2
Sabah	8.1	5.3	12.7	1.6	0.6	3.2
Sarawak	2.4	1.1	4.0	0.3	0.3	0.4
W.P. Kuala Lumpur	0.8	0.8	n.a.	0.1	0.1	n.a.
W.P. Labuan	1.1	0.6	2.7	0.0	0.0	0.0
W.P. Putrajaya	-	-	n.a.	-	-	n.a.

(%)

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 Meru)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KEDAI PLB DI BAWAH PEJABAT DAERAH

334. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit kedai baru dan bina semula dilaksana sejak tahun 2008 di Selangor?
- b) Berapakah bilangan yang uzur dan perlu dibangunkan semula di DUN Meru?
- c) Berapakah yang telah diserahkan dan belum serah kepada MPK? Senaraikan.

JAWAPAN:

- a) Tiada kedai baru dan bina semula dilaksanakan. Bangunan kedai telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Klang pada 2 April 2007.
- b) Pentadbiran ini tiada maklumat berhubung bilangan bangunan yang uzur dan perlu dibangunkan di DUN Meru memandangkan bangunan kedai akhir sekali telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Klang.
- c) Butiran bagi bangunan kedai yang telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Klang adalah pada 2 April 2007 adalah seperti berikut :

BIL	LOKASI	UNIT
1.	Mukim Klang	28
2.	Mukim Kapar	41
3.	Kawasan Pulau Indah	24
4.	Kawasan Bukit Raja	21
5.	Kawasan Rantau Panjang	36
Jumlah Keseluruhan		150

Dalam masa yang sama, butiran bagi bangunan kedai yang belum diserahkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut :

BIL	LOKASI	UNIT
1.	Kawasan Jalan Kebun	7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : SAHAM AIR

335. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini cadangan untuk mewujudkan saham air bagi manfaat rakyat Selangor?
- b) Bagaimanakah kaedah pengagihan saham air ini kepada rakyat Selangor?
- c) Adakah rakyat yang kurang berkemampuan layak untuk memiliki saham air ini?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Dengan mengambil kira mandat yang diberikan oleh rakyat Negeri Selangor dan dalam usaha untuk merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor untuk kepentingan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah merancang sekiranya penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan, rakyat Negeri Selangor yang juga merupakan pengguna perkhidmatan air akan diberikan pegangan saham di dalam SPV Air yang ditubuhkan.

Pemberian saham tersebut adalah untuk memberi peluang kepada semua rakyat untuk turut mempunyai suara di dalam memberikan pandangan dan penambahbaikan dalam industri perkhidmatan air Negeri Selangor. Nilai dan mekanisme pemberian saham air kepada rakyat akan diperhalusi setelah penstrukturan semula dimuktamadkan.

Pada ketika ini, penstrukturan semula air Negeri Selangor masih belum dimuktamadkan sepenuhnya. Perjanjian Utama yang ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Berhad (Air Selangor) pada 12 September 2014 adalah merupakan langkah awal ke arah memuktamadkan penstrukturan semula industri air Negeri Selangor.

Dalam Perjanjian Utama tersebut, terdapat terma dan syarat yang perlu dipenuhi oleh semua pihak kepada perjanjian tersebut antaranya adalah pengambilalihan saham ekuiti oleh Air Selangor ke atas keempat-empat Syarikat Konsesi Air sedia ada.

Dalam hal ini, Air Selangor pada 11 November 2014 baru mematerai Perjanjian Pembelian Saham dengan Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) untuk menjual 100% saham ekuiti yang dipegang di dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan SYABAS kepada Air Selangor.

Bagi memuktamadkan usaha penstrukturan semula ini, pengambilalihan saham ekuiti di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd dan SPLASH hendaklah turut diselesaikan terlebih dahulu.

Pada masa yang sama juga, rundingan sedang dijalankan dengan PAAB bagi memuktamadkan Perjanjian Faciliti dan Perjanjian Pemindahan Aset. Penyusunan semula di antara Puncak Niaga (M) Sdn Bhd, SYABAS, Konsortium ABASS Sdn Bhd dan SPLASH oleh Air Selangor hanya boleh dimuktamadkan sepenuhnya setelah semua Syarikat Konsesi Air sedia ada (PNSB, SYABAS, ABASS dan SPLASH) diambilalih oleh Air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : MENGURANGKAN PENGGUNAAN BEKAS POLISTERENA

336. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah persediaan kerajaan serta pejabat agensi kerajaan negeri dalam melarangkan penggunaan bekas Polisterena?
- b) Apakah usaha kerajaan dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap produk mesra alam bagi menggantikan bekas Polisterena?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Kempen Kesedaran Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistrena sejak tahun 2011. Pelaksanaan Kempen ini telah diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2011 bagi memberi kesedaran kepada penjawat awam tentang pengurangan penggunaan beg plastik dan polistrena terutama yang berada di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pelaksanaan Kempen ini adalah lanjutan kejayaan Kerajaan Negeri melaksanakan Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Sabtu yang melibatkan pengusaha pasaraya dan pengguna di Selangor.

Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam penganjuran Program-Program kesedaran untuk mengurangkan penggunaan polistrena seperti Persatuan Pengguna dan pihak ADUN. Dalam menggalakkan pengurangan penggunaan polistrena, Kerajaan Negeri telah mengadakan Kempen guna bekas makanan yang boleh di kitar semula yang dibawa dari rumah. Kempen ini telah dilaksanakan sempena bulan Ramadhan yang lalu dan akan diteruskan di setiap PBT di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri sedang menyediakan satu garis panduan bagi melaksanakan pengharaman penggunaan bekas makanan berunsurkan polistrena. Lanjutan itu, satu perbincangan dengan pihak Persatuan Pengusaha Plastik Malaysia (MPMA) juga telah dijalankan bagi mencari kesepakatan serta mendapatkan maklumbalas daripada persatuan tersebut sebelum ianya dilaksanakan.

Beberapa Kempen Kesedaran untuk mengurangkan penggunaan polistrena telah dilakukan oleh pelbagai pihak terutama pihak NGO Alam Sekitar. Pihak PBT seperti MBPJ juga telah mula melaksanakan pengharaman penggunaan bekas polistrena.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam penyediaan Enakmen Sisa Pepejal dimana iainya akan meliputi segala isu berkaitan sisa pepejal termasuk perkara berkaitan polistrena.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk dari pihak akademik terhadap pembangunan produk mesra alam bagi menggantikan polistrena. Kerajaan Negeri juga akan merujuk kajian tersebut atau melantik penyelidik yang boleh membantu Kerajaan Negeri untuk mendapatkan maklumat berkaitan sebelum satu dasar digubal.

Pelbagai usaha Kerajaan Negeri dalam menjalankan menganjurkan kempen seperti menggunakan bekas makanan dari rumah apabila membeli makanan di Pasar Juadah. Kempen ini telah dilaksanakan sempena Bulan Ramadhan yang lalu bagi menggalakan masyarakat untuk menggunakan bekas makanan yang dibawa dari rumah dan digunakan apabila membeli makanan di Bazar Ramadhan. Dengan menggunakan bekas makanan ini, ianya dapat mengurangkan penggunaan polistrene.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 Hulu Kelang)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT (PDR)

337. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pihak manakah yang bertanggungjawab dalam memastikan PDR beroperasi menurut piawaian?
- b) Apakah piawaian-piawaian kebersihan, mesra alam sekitar dan keselamatan yang digunakan dalam operasi PDR?
- c) Berapakah perbelanjaan dan pendapatan dari kelima-lima PDR yang beroperasi di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pusat Dialisis Rakyat (PDR) telah beroperasi di bawah sebuah entiti iaitu Gedung Penawar Sdn Bhd. Matlamat utama sewaktu penubuhan PDR ini adalah untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor seterusnya menyediakan pusat perkhidmatan dialisis yang terbaik.

Sehubungan itu, pihak Gedung Penawar Sdn Bhd adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan semua Pusat Dialisis Rakyat beroperasi mengikut standard piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

- b) Antara standard piawaian yang di amalkan oleh operasi PDR adalah seperti berikut:-
 - I. Infstruktur dan pelan bangunan Pusat Dialisis Rakyat perlu mengikut keperluan standard Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - II. Mesin hemodialisis di Pusat Dialisis Rakyat perlu mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - III. Kakitangan dan *staff nurse* perlu mendapat latihan kejururawatan dan berpengalaman dalam bidang dialisis;
 - IV. Doktor yang bertugas perlu mempunyai pengalaman dan latihan di dalam bidang dialisis;

- V. Meletakkan seorang pakar buah pinggang *nefrologi* yang akan melawat Pusat Dialisis Rakyat secara berkala bagi merawat pesakit.
- c) Perbelanjaan bagi Pusat Dialisis Rakyat yang beroperasi di Selangor adalah RM 1,237,638.84 manakala pendapatan bagi Pusat Dialisis Rakyat adalah RM 1,207,399.00 Butiran lengkap adalah seperti di dalam Jadual 1:-

PUSAT DIALISIS	PERBELANJAAN (RM)	PENDAPATAN (RM)
Ampang	391,887.00	454,645.00
Taman Medan	283,744.40	238,257.00
Sementa	306,495.64	253,220.00
Lembah Keramat	255,511.80	261,277.00
JUMLAH	1,237,638.84	1,207,399.00

Jadual 1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : KEGIATAN TEKSI HARAM

338. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan PBT terhadap kebanjiran teksi haram di bandar-bandar utama di Selangor?
- b) Adakah PBT mengambil kira kesulitan yang dihadapi oleh pemandu teksi berkaitan dengan hentian teksi untuk mengambil penumpang?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan teksi haram adalah dibawah bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Walau bagaimanapun, PBT di Negeri Selangor turut terlibat dengan operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh SPAD dalam usaha menangani kebanjiran teksi haram.
- b) Di dalam setiap perancangan pembangunan, kemudahan infrastruktur awam seperti hentian teksi telah diambil kira. Selain itu, PBT juga mensyaratkan pembinaan hentian teksi dan bas di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai seperti di kompleks membeli belah, hospital, stesen komuter serta kawasan lain yang bersesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : PROGRAM ADAT KAUM

339. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan digunakan untuk mempromosikan adat-adat Melayu dan lain tahun 2014?
- b) Berapakah cadangan bajet 2015 untuk mempromosikan adat Melayu dan yang lain?
- c) Adakah Kerajaan Selangor merancang untuk membina Balairaya mempromosikan adat Melayu dan lain dalam tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Perbelanjaan yang telah digunakan untuk mempromosi adat-adat Melayu dan lain tahun 2014

BIL	NAMA PROGRAM	PERBELANJAAN
1.	Festival Silat dan Senjata Warisan Negeri Selangor	RM70,000.00
2.	Penerbitan <i>Shoppers Map</i>	RM6,000.00
3.	Penerbitan Iklan di dalam majalah <i>Expatriate Lifestyle</i>	RM6,000.00
4.	Program Moreh Puisi di Bukit Kapar, Klang	RM3,000.00
5.	Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Negeri Selangor	RM300,000.00
6.	Sembang-sembang Warisan	RM3,000.00
7.	Seminar Kesultanan Selangor dalam arus Sejarah Malaysia	RM17,000.00
8.	Seminar pantang larang masyarakat Negeri Selangor	RM42,000.00
9.	Pameran kanak-kanak	RM10,000.00
	JUMLAH	RM457,000.00

b) Cadangan Bajet 2015

BIL	PROGRAM 2015	PERBELANJAAN
1.	School Attack	RM33,600.00
2.	Temasya Tari Selangor	RM100,000.00
3.	Seminar dan Bengkel Konservasi	RM20,000.00
4.	Program Kenali WarisanKu Bersama PADAT (Hulu Selangor)	RM30,000.00
5.	Pameran Telepuk, Kelingkan dan Kebaya Selangor & Seminar Tekstil Antarabangsa	RM159,250.00
6.	Seminar Permuziuman	RM17,500.00
7.	Hari Muzium Antarabangsa (Peringkat Negeri Selangor)	RM139,000.00
8.	Program Kenali WarisanKu Bersama PADAT (Petaling Jaya)	RM30,000.00
9.	Pameran Terkenang Semasa Dulu "Zaman Kanak-Kanak" & Majlis Berkhatan	RM130,750.00
10.	Seminar Memperkasakan Identiti Selangor	RM47,200.00
11.	Seminar Salasiah Melayu Bugis	RM30,000.00
12.	Seminar dan Bengkel Penerapan Identiti Selangor	RM20,000.00
	JUMLAH	RM757,300.00

c) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR

340. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Kerajaan Selangor bersetuju memeterai perjanjian dengan kerajaan Persekutuan.
- b) Adakah perjanjian ini bakal mengakibatkan kenaikan tarif air.
- c) Bilakah pengurusan air di negeri ini akan dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

JAWAPAN:

a) b) dan c)

1) Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya

Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (Perjanjian Induk Atau *Master Agreement*) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor.

Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB). Dengan persetujuan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri yang telah diberi amanah oleh rakyat, akan mentadbirnya dengan penuh hemah demi kebaikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua (2) lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

2) **Terma-terma Perjanjian**

Pada umumnya terma-terma umum perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya adalah:

- i) Persetujuan untuk saling memudahcara bagi menjayakan penstrukturan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- ii) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuti syarikat-syarikat konsesi;
- iii) Persetujuan untuk sewa-pajak aset-aset bekalan air;
- iv) Penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan (*operation and maintenance*) industri perkhidmatan air kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Pemberian lesen perkhidmatan kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor; dan
- vi) Kebenaran pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) serta penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

3) **Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat**

Usaha dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah bertujuan semata-mata untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa Air Selangor beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memantau agar Air Selangor mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampau. Dengan keuntungan yang tidak melampau, Air Selangor dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, Air Selangor akan beroperasi secara holistik dan ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) bagi tujuan memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh Air Selangor akan dipantau secara langsung melalui kuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi bagi pembelian air terawat seperti mana keadaan pada masa ini.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

4) Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL 2)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangan Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor pada 4 September 2014, telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kebenaran Merancang telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana Projek Langat 2 ini.

Pada ketika ini, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAAB adalah masih di peringkat Kerja Awalan seperti Kerja-kerja pembersihan tapak.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor akan mencari dan mengguna ruang yang ada untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat secara menyeluruh. Ruang yang saya maksudkan ini termasuklah memastikan pembinaan LRAL2 yang melibatkan kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan, akan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur pembaziran yang kelak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pewujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

5) Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water* ,NRW)

Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor antaranya untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kadar NRW. Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa NRW adalah sesuatu yang merugikan rakyat. Oleh itu wajarlah tumpuan diberikan untuk menurunkan kadar NRW.

Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : DASAR PENDIDIKAN TINGGI

341. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar pendidikan tinggi negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan untuk melaksanakan dasar tersebut?
- c) Bagaimanakah peranan institusi pendidikan sedia ada 2014?

JAWAPAN:

- a) Dasar pendidikan tinggi negeri Selangor ialah ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan berfikiran kritis. Menerusi proses ini, diharap IPTA dan IPTS yang ada dapat menyumbang kepada kemajuan negeri secara berterusan. Kerajaan Negeri menekankan kualiti dan akses pendidikan. Selain IPTA dan IPTS yang lazim wujud di negeri-negeri lain, Kerajaan Negeri juga mempunyai keistimewaan dengan tiga buah IPT negeri iaitu UNISEL, KUIS dan INPENS. Ketiga-tiga institusi ini mempunyai peranan strategik di dalam pembangunan negeri Selangor.
- b) Bagi IPT-IPT di bawah Kerajaan Negeri, tumpuan khusus akan diberikan terhadap isu meningkatkan kualiti pendidikan. Akses pendidikan pula telah dititikberatkan menerusi Program Hadiah Anak Masuk IPT, Tabung Kumpulan Biasiswa Negeri Selangor, dan peruntukan baru RM22 juta khas untuk mahasiswa UNISEL menerusi Tabung Biasiswa dan Dana Bantuan Sara Diri.
- c) Peranan yang dimainkan oleh institusi pendidikan di Selangor pada tahun 2014 adalah memuaskan. UNISEL juga berjaya melahirkan golongan pendidik berkualiti yang diiktiraf badan antarabangsa. Prof. Madya Dr. Nazil Salleh, Dekan Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan telah diberikan anugerah Chartered Scientist (C.Sci) pada 3 September 2014 oleh Science Council United Kingdom dan merupakan Saintis pertama dari Malaysia yang diiktiraf IBMS Chartered Scientist. INPENS pula terus cemerlang apabila pada tahun ini pelajarnya mewakili Malaysia di Asean Skills Competition-ASC dan World Skills Competition. Begitu juga dengan KUIS yang menunjukkan prestasi yang baik.

Pun begitu diakui masih wujud beberapa cabaran di dalam institusi-institusi pendidikan negeri. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha penambahbaikan

terhadap semua institusi yang berkenaan dari masa ke semasa dan memperluaskan akses pendidikan kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN DAN PERJANJIAN AIR

342. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan perkembangan terkini penstrukturan industri air Negeri Selangor?
- b) Sila Kemukakan terma-terma perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan KETTHA?
- c) Sila nyatakan apakah kesan jangka pendek dan jangka panjang terhadap kepentingan rakyat Selangor?

JAWAPAN:

a) b) dan c)

1) Perkembangan Terkini Penstrukturan Industri Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya

Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Induk Penstrukturan Air Selangor (Perjanjian Induk Atau *Master Agreement*) bertarikh 12 September 2014 yang dimeterai di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor.

Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB). Dengan persetujuan pembelian saham ini, sebahagian besar operasi dan aset bekalan air akan kembali kepada rakyat. Kerajaan Negeri yang telah diberi amanah oleh rakyat, akan mentadbirnya dengan penuh hemah demi kebaikan rakyat. Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan mula mengambil alih dan menyusun semula operasi SYABAS dan PNSB.

Langkah seterusnya di dalam proses penstrukturan industri air ini ialah memuktamadkan pengambilalihan dua (2) lagi syarikat konsesi iaitu ABASS dan SPLASH yang juga akan mengikut kerangka dasar yang menjamin kepentingan rakyat Selangor.

2) **Terma-terma Perjanjian**

Pada umumnya terma-terma umum perjanjian air di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan antaranya adalah:

- i) Persetujuan untuk saling memudahcara bagi menjayakan penstrukturan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- ii) Penyaluran pembiayaan untuk urusan pengambilalihan ekuti syarikat-syarikat konsesi;
- iii) Persetujuan untuk sewa-pajak aset-aset bekalan air;
- iv) Penyerahan pengendalian dan penyelenggaraan (*operation and maintenance*) industri perkhidmatan air kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Pemberian lesen perkhidmatan kepada SPV milik Kerajaan Negeri Selangor; dan
- vi) Kebenaran pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) serta penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

3) **Isu Tarif dan Manfaat Jangka Pendek dan Jangka Panjang kepada Rakyat**

Usaha dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah bertujuan semata-mata untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Kesemua operator rawatan air dan operator agihan yang ada pada ketika ini adalah merupakan syarikat swasta yang mana bagi syarikat swasta keuntungan merupakan matlamat utama di dalam setiap perniagaan.

Melalui penstrukturan semula ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) yang merupakan anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan bahawa Air Selangor beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memantau agar Air Selangor mendapat *one time profit*, yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melampau. Dengan keuntungan yang tidak melampau, Air Selangor dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan munasabah.

Selain dari itu, Air Selangor akan beroperasi secara holistik dan ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing*) bagi tujuan memastikan kos operasi yang tidak membebankan kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh Air Selangor akan dipantau secara langsung melalui kuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air, 2006 (Akta 655). Air Selangor tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi bagi pembelian air terawat seperti mana keadaan pada masa ini.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

4) Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL 2)

Selepas sahaja MOU ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengeluarkan Kebenaran Merancang bagi pelaksanaan Projek Langat 2 untuk komponen kerja Loji Rawatan Air, Tangki Imbangan Hulu Langat, Tangki Imbangan Bukit Enggang, Kolam Sg Besi, Outlet Portal dan Loji Rawatan Enap Cemar dan Tapak Pelupusan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor pada 4 September 2014, telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Kebenaran Merancang telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pelaksana Projek Langat 2 ini.

Pada ketika ini, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAAB adalah masih di peringkat Kerja Awalan seperti Kerja-kerja pembersihan tapak.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor akan mencari dan mengguna ruang yang ada untuk memastikan penstrukturan industri air ini memberi nilai terbaik kepada rakyat secara menyeluruh. Ruang yang saya maksudkan ini termasuklah memastikan pembinaan LRAL2 yang melibatkan kapasiti, kos kejuruteraan dan pembinaan, akan dinilai secara objektif oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak ada unsur pembaziran yang kelak membebankan rakyat.

Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*. Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

Pada ketika ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan akan pewujudan Jawatan Kuasa Pemandu dan Jawatan Kuasa Kerja Teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneliti pelaksanaan pembangunan Projek LRAL 2 ini.

Dalam hal ini, saya telah menegaskan pendirian supaya Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan secara langsung dalam proses membuat keputusan berkaitan pelaksanaan pembangunan LRAL2 dan Sistem Agihan.

5) Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water ,NRW*)

Setelah berjaya memuktamadkan penstrukturan industri air ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan tugas utama yang perlu digalas oleh Air Selangor antaranya untuk memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan kadar NRW. Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa NRW adalah sesuatu yang merugikan rakyat. Oleh itu wajarlah tumpuan diberikan untuk menurunkan kadar NRW.

Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya semasa permulaan Perjanjian Konsesi SYABAS pada 01 Januari 2005 adalah pada tahap 42.78%. Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS telah memberikan aku janji untuk menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW) sehingga 15% menjelang tahun 2015. Sasaran NRW yang perlu diturunkan oleh SYABAS berdasarkan kepada tarikh semakan tarif adalah seperti berikut:-

Tarikh Semakan Tarif	NRW disasarkan	Penurunan NRW
01 Januari 2006	37.78%	5%
01 Januari 2009	27.98%	9.80%
01 Januari 2012	19.98%	8.00%
01 Januari 2015	15.48%	4.50%
01 Januari 2018	15.00%	0.48%
01 Januari 2021	15.00%	Kekal
01 Januari 2024	15.00%	Kekal
01 Januari 2027	15.00%	Kekal
01 Januari 2030	15.00%	kekal

Namun demikian, NRW yang berjaya dicapai oleh SYABAS sehingga 2013 adalah pada tahap 34.5% sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 Gombak Setia)**

TAJUK : PEMAJU DAN PEMBANGUNAN HARAM

343. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemaju-pemaju yang telah melakukan kerja-kerja pembangunan tanpa kebenaran di Sg. Pusu Gombak dan mohon senaraikan pemaju tersebut.

JAWAPAN:

- a) Pemaju-pemaju yang telah melakukan kerja-kerja pembangunan tanpa kebenaran di Sg. Pusu Gombak adalah seperti berikut :
- a) Masgenuine
 - b) Darul Hebat
 - c) Mercu Pusu
 - d) Imej Unggul

Pejabat ini telah menghantar 7A kepada pemaju yang terlibat seperti nama di atas dan terkini pemaju tersebut telah membuat permohonan tukar syarat di unit Pembangunan Tanah,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PORTFOLIO BELIA DAN SUKAN

344. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar portfolio Belia dan Sukan kini?
- b) Apakah ada sebarang perubahan berbanding pentadbiran lalu?
- c) Bagaimanakah dasar ini dapat memacu pembangunan Belia dan Sukan negeri?

JAWAPAN:

- a) Dasar Pembangunan Generasi Muda dan Sukan kini memberi penumpuan yang jelas kepada membangunkan potensi supaya wujudnya penglibatan belia yang aktif di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga telah merangka Dasar Pembangunan Generasi Muda Selangor yang meliputi 10 bidang keutamaan yang lengkap dengan strategi dan pelan tindakan. Bidang keutamaan tersebut adalah sebagaimana berikut :-

- i) Pendidikan dan Latihan Kemahiran;
- ii) Keusahawanan dan Pekerjaan;
- iii) Kepimpinan dan Organisasi;
- iv) Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- v) Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan;
- vi) Kebudayaan dan Kesenian;
- vii) Kesejahteraan dan Kesihatan;
- viii) Sukan dan Kecergasan;
- ix) Agama dan Spiritualiti ; dan
- x) Pengantarabangsaan.

Manakala Dasar Sukan pula, Kerajaan Negeri akan mengfokuskan kepada pembinaan bakat-bakat baru terutama sekali dalam acara-acara sukan yang penting misalnya acara sukan yang diiktiraf Olimpik. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri akan mewujudkan program sukan di peringkat akar umbi agar rakyat Negeri Selangor dapat membudayakan gaya hidup yang sihat di dalam kehidupan mereka.

b) Pewujudan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah bermula pada tahun 2008 sejak Pakatan Rakyat mengambilalih Negeri Selangor daripada Kerajaan Barisan Nasional. Belia di Selangor pada mulanya diurus oleh Jawatankuasa Kerja Belia (JKB). Pada tahun 2008, Sekretariat Belia mengambilalih urusan pemerkasaan belia-belia di Selangor. Bermula pada tarikh 1 Julai 2011, Bahagian Pembangunan Belia diwujudkan bagi menggantikan Sekretariat Belia dan ditempatkan di bawah urus tadbir Majlis Sukan Negeri Selangor dengan cogan kata “Gen-S” yang bermaksud Generasi Selangor. Pada tahun 2008 juga telah ditubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi menjadi ejen perubahan kepada golongan belia serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Pada tahun 2013, satu Dasar Belia Selangor dibentuk melalui Kajian dan Penyelidikan dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengorak langkah proaktif untuk merangka dasar yang menjadi manual dan rujukan pembangunan belia kepada pemegang tokoh berkepentingan dalam bidang belia di Selangor. Melalui “re-branding”, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda akan mempergiat dan membangunkan generasi muda dengan lebih proaktif.

c) Dasar Pembangunan Generasi Muda dan Sukan yang menyeluruh ini dapat dikembangkan dan disesuaikan dengan perkembangan terkini. Strategi dan pelan tindakan yang fleksibel memberi ruang kepada Kerajaan Negeri mencari pendekatan yang canggih sesuai dengan maklumat dan data-data terkini. Pengembangan keupayaan ini juga bermaksud Kerajaan Negeri akan menumpukan perhatian juga kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada belia minoriti, belia berisiko dan juga belia berpendapatan rendah.

Pembangunan Sukan yang berstrategi dengan penumpuan terhadap pengembangan bakat, pemantapan kejurulatihan dan prasarana dapat membangunkan bidang sukan di Negeri Selangor. Dasar Sukan yang bermula dari peringkat akar umbi dan pembudayaan gaya hidup sihat dapat melahirkan ahli sukan yang berwibawa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

TAJUK : PEMBINAAN SEMULA GERAI-GERAI, MEDAN-MEDAN SELERA DAN PASAR AWAM PBT

345. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan besar-besaran untuk membina semula atau menaik taraf gerai, medan selera dan pasar awam milik PBT untuk mempertingkatkan daya tarikannya?
- b) Berapa banyak peruntukan telah dibelanjakan untuk tujuan ini di kawasan MBPJ pada tahun 2013 dan 2014?

JAWAPAN:

- a) Cadangan kerja-kerja pembaikan dan naiktaraf Gerai, Medan Selera dan Pasar milik PBT dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan di tapak dan peruntukan PBT. Walau bagaimanapun, setiap PBT mempunyai perancangan projek / kerja naiktaraf aset-aset tersebut dan dimasukkan dalam bajet PBT masing- masing dan pelaksanaan adalah bergantung kepada keupayaan kewangan / peruntukan PBT bagi tahun tersebut.
- b)

PBT	Peruntukan Yang Telah Dibelanjakan (RM)	
	2013	2014
MBPJ	123,810.00	690,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : PERUMAHAN GENERASI KEDUA DI FELDA.

346. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi membina perumahan generasi kedua di FELDA, terutama di Hulu Bernam.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah merancang untuk menyediakan rumah kediaman bagi generasi kedua Felda. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tanah milik Kerajaan Negeri (Plot A) dengan keluasan lebih kurang 20 ekar di Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor. Kertas cadangan pelan pembangunan bagi perumahan tersebut sedang disediakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : POLISI TANDER TERENDAH

347. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan projek-projek Kerajaan Negeri yang dapat disiapkan mengikut jadual berdasarkan polisi ini?
- b) Nyatakan projek-projek sakit yang terpaksa ditender semula disebabkan kegagalan kontraktor menyiapkannya mengikut jadual dan spesifikasi keson dari pelaksanaan polisi ini.

JAWAPAN:

- a) Semakan terhadap rekod semasa projek-projek yang ditender pada tahun 2013-2014 mendapati tiada projek Kerajaan Negeri yang dapat disiapkan mengikut jadual asal. Ini kerana, kesemua projek telah diberi perakuan *Extension of Time* (EOT) di mana pemberian EOT ini adalah sesuatu yang dibenarkan di bawah peraturan semasa (1Pekeliling Perbendaharaan – PK4/2013 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan).

Oleh yang demikian, faktor harga terendah tidak menjadi punca EOT ini. Sebaliknya, ianya dipengaruhi faktor seperti berikut:-

- i. Keburukan cuaca luar biasa;
- ii. Penangguhan kerja sebagaimana Fasal 50 Syarat-syarat kontrak PWD 203 A (Rev. 2007);
- iii. Arahan yang diberi oleh Pegawai Penguasa berbangkit dari pertikaian dengan tua-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perubahan kecuaiian atau kemungkiran di pihak kontraktor atau mana-mana Subkontraktor yang Dinamakan atau selainnya;
- iv. Arahan-arahan Pegawai Penguasa yang dikeluarkan, selagi mana arahan tersebut bukan berpunca daripada kelalaian dan kecuaiian, kemungkiran atau pecah Kontrak oleh Kontraktor Utama, Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan;
- v. Kontraktor telah tidak menerima dalam masa yang wajar daripada Pegawai Penguasa;

- vi. Kelambatan memberi milik Tapak Bina dan bukannya disebabkan kelewatan/kegagalan kontraktor menyediakan Insurans dan Bon Pelaksanaan;
- vii. Kelambatan di pihak artisan, tukang-tukang atau orang-orang lain yang ditugaskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan kerja yang tidak menjadi sebahagian dari kontrak;
- viii. Kontraktor tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal dan diramalkan olehnya dengan munasabahnyanya pada tarikh penutupan tender untuk mendapatkan apa-apa barang atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan Kerja dengan sewajarnya; dan
- ix. Kelambatan di pihak Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan melaksanakan kerja mereka dan kelambatan yang menjejaskan kerja mereka itu adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang sama sebagaimana dinyatakan dalam perkara (i) hingga (ix) di atas tetapi kelambatan tidak disebabkan oleh Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan sendiri.

b) Senarai projek sakit dari Tahun 2011 – 2014 yang terpaksa ditender semula diperincikan seperti berikut:-

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
1.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	Hisniaga Bina Sdn. Bhd.	4,216,512.95	Projek lewat kerana hak milik tanah belum selesai.
2.	Kerja-kerja Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Asas Kasturi (M) Sdn. Bhd	2,550,209.00	Projek lewat kerana Kontraktor lewat menerima lukisan pembinaan.
3.	Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Blok 4 Tingkat, sebuah bangunan	Trisaga Construction Sdn Bhd	6,250,000.00	Tarikh tamat : 26 November 2010

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
	kantin dan kerja-kerja lain yang berkaitan di SRA Bandar Bukit Puchong, Daerah Sepang Selangor			
4.	Membina dan Menyiapkan SRA Seksyen 24, Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Base Fokus Sdn Bhd	4,772,722.00	Tarikh tamat : 18 Julai 2012
5.	Menaiktaraf Laluan Negeri B58 Jalan Banting-Raba, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	Inspirasi Perkara Sdn Bhd	32,950,004.80	Tarikh tamat : 9 Julai 2012
6.	Membina dan Menyiapkan Masjid Dato' Haji Kamaruddin, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Mywa Synergy Sdn Bhd	7,100,500.00	Tarikh tamat : 31 Oktober 2012
7.	Membina dan Menyiapkan Blok 4 Tingkat Bangunan Sekolah, Kantin dan lain-lain kerja untuk SRA Sungai Tangkas dalam Daerah Hulu Langat Selangor	Mamfor Construction Sdn Bhd	5,272,420.00	Tarikh tamat : 1 Februari 2013
8.	Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Masjid Jamek Raja Uda, Seksyen 16 Shah Alam, Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	Cater Construction Enterprise Sdn Bhd	1,572,680.00	Tarikh tamat : 28 September 2012

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
9.	Membina Jalan Penyambung Dan Menaiktaraf Jalan Abdul Manan di Antara Jalan Kapar dan Jalan Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	UA Construction Sdn Bhd	3,300,113.50	Tarikh tamat : 16 Mei 2013
10.	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Seksyen 7, Di Jalan Kristal 7/70, Seksyen 7, Shah Alam, Daerah Petaling, Shah Alam	Lanhill Consolidated (M) Sdn Bhd	7,305,208.60	Tarikh tamat : 17 Mei 2013
11.	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Kunci Air Bagi Menaiktaraf Sistem Saliran Di Bagan Nakhoda Omar (BNO) Daerah Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan	Myasas Engineering Sdn Bhd	1,233,838.00	Tarikh tamat : 22 Ogos 2011
12.	Membina Dan Menyiapkan Parit Konkrit Berbentuk 'U' Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Panchang Bedena, Sungai Besar, Daerah Sabak Bernam, Selangor	Sole Resources Sdn Bhd	2,496,320.00	Tarikh tamat : 14 Ogos 2012
13.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Seputeh di Kampung Tasik Permai Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan – Fasa 1	Lestari Services Sdn Bhd	746,270.00	Tarikh tamat : 23 November 2012

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
14	Kerja-kerja Membaikpulih Cerun Runtuh, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Pelita Maintenance Resources Sdn. Bhd	2,186,642.00	Tarikh tamat : 26 Jun 2013
15	Cadangan Membina dan Menyiapkan Kuarters Jurutera Daerah JKR Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan	Yasdam Enterprise	710,900.80	Tarikh tamat : 3 Januari 2014
16	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Al-Hidayah Kampung Johan Setia, Daerah Klang, Selangor	Merger Netwrok Sdn Bhd	6,272,000.00	Tarikh tamat : 21 Mac 2014
17	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Taman Ukay Perdana, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	A.Rahis Sdn Bhd	8,396,698.00	Tarikh tamat : 3 April 2014
18	Cadangan Membina dan Mengubahsuai dan Menaiktaraf satu (1) unit incubator (IAT) di bangunan sediaada untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor	Syarikat Sri Delima	537,500.00	Tarikh tamat : 17 Mei 2014

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

348. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan?
- b) Siapakah yang akan mengetuai agensi pelaksanaan pilihanraya kerajaan tempatan ini?

JAWAPAN:

- a) Mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan yang telah memutuskan bahawa Kerajaan Pulau Pinang tidak berkuasa untuk mengadakan pilihanraya bagi memilih Ahli Majlis Kerajaan Tempatan dalam prosiding mahkamah mengenai petisyen bagi mencabar kesahihan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan (Akta 1976) yang menghalang badan perundangan negeri daripada mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dalam sesuatu negeri, Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek perintis Ahli Majlis PBT di kalangan rakyat pada akhir tahun 2015 melalui kaedah pilihanraya.
- b) Agensi yang akan mengetuai pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan belum diputuskan lagi setakat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : INSTITUSI MASJID

349. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan strategi kerajaan untuk memperkasa institusi masjid ?
- b) Bagaimanakah boleh direalisasikan hasrat masjid sebagai zon yang aman dari elemen politik kepartian ?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasa institusi masjid ialah:
 - i) Menetapkan rancangan pembangunan masjid baru secara konsisten setiap tahun melalui RMK ke 11,
 - ii) Memperuntukkan kewangan tahunan dari sumber Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk membaik pulih dan menyelenggara kerosakan masjid,
 - iii) Melantik kontraktor-kontraktor penyelenggaraan pembersihan dan kawasan di 36 buah masjid terpilih berdasarkan kemampuan kewangan jabatan,
 - iv) memperkasa jawatankuasa dan pegawai masjid dengan kursus-kursus dan latihan yang sesuai dengan jawatan dan pegawai masjid,
 - v) meneruskan pelaksanaan KPI pengurusan masjid,
 - vi) meneruskan pemantauan tandas bersih masjid,
 - vii) mengadakan pertandingan pengurusan masjid terbaik di peringkat daerah dan negeri Selangor, dan;
 - viii) mempelbagaikan program masjid agar lebih bersifat interaktif untuk menarik lebih ramai jemaah.
- b) Langkah-langkah direalisasikan hasrat masjid sebagai zon yang aman dari elemen politik kepartian;
 - i) Memastikan penceramah dan khatib yang dijemput oleh pihak masjid mesti memiliki tauliah mengajar dari pihak JAIS,
 - ii) Membuat pemantauan ceramah dan khutbah pada hari Jumaat setiap minggu 4 buah masjid setiap daerah,
 - iii) Memanggil nazir atau setiausaha yang didapati tidak mematuhi arahan JAIS dan pegawai masjid,

- iv) Mengeluarkan pekeling penceramah yang didapati membawa fahaman yang boleh memecahbelahkan perpaduan supaya tidak diberi ruang dan dijemput oleh pihak masjid, dan;
- v) Menyalurkan maklumat penceramah-penceramaah yang tidak bertauliah sekiranya berceramah di masjid kepada penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 Bangi)**

TAJUK : BIDANG KUASA LUAS - JETI PENDARATAN IKAN

350. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon diperjelaskan peranan dan bidang kuasa Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) :
- a) Dalam meluluskan tempoh pembinaan sesebuah jeti.
 - b) Dalam menyediakan inventori jumlah jeti bagi seluruh negeri Selangor.
 - c) Dalam penguatkuasaan terhadap pembinaan jeti yang tidak lengkap.

JAWAPAN:

- a) Pengurusan jeti di Negeri Selangor adalah tertakluk di bawah Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS) berdasarkan peruntukan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999 dan Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Negeri Selangor), 2013. Peranan dan bidang kuasa LUAS berdasarkan perkara di bawah;
- i. Lesen Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) akan dikeluarkan selepas Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor bersidang bagi menimbang dan meluluskan permohonan yang diterima. Piagam Pelanggan bagi tempoh lesen dikeluarkan adalah 35 hari tertakluk kepada kecukupan maklumat yang diterima. Lesen Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) dikeluarkan secara tahunan.
 - ii. LUAS menjalankan inventori bagi mendapatkan maklumat lengkap berkenaan jeti sedia ada. Inventori jeti dijalankan mendapati pembinaan jeti tanpa kawalan di atas tanah kerajaan dan tanah yang diwartakan tanpa pemilikan yang sah. Pembinaan jeti tanpa kawalan ini menyebabkan berlakunya kepadatan jeti dan kesesakan bagi peletakan bot dan sampan. Pembinaan tanpa kawalan ini juga mengganggu morfologi sungai dan pantai dan menyebabkan kemusnahan ekologi seperti penebangan pokok bakau.
 - iii. Selain itu, pembinaan jeti dibuat tidak mengikut kriteria dan mengambil kira langkah keselamatan. Aktiviti pemantauan tidak dapat dijalankan kerana tiada laluan masuk ke jeti. Sehubungan itu, LUAS menjalankan inventori dan kajian selaras dengan Seksyen 6(1)(g), Enakmen LUAS, 1999 di mana permasalahan yang wujud disebabkan pembinaan jeti ini dikaji bagi memastikan pembangunan jeti tidak menjejaskan pemeliharaan sumber air.

Tindakan lanjut penyelesaian bagi isu pembinaan jeti tanpa kebenaran ini adalah berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 43, Enakmen LUAS 1999, seperti mana yang disebutkan di atas.

- iv. Berdasarkan peruntukan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999, sebarang aktiviti perubahan sumber perlu mendapatkan kebenaran daripada Pengarah LUAS dan kegagalan mendapatkan Kebenaran Bertulis adalah satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak RM50,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih daripada dua (2) tahun atau kedua-keduanya sekali.

Kegagalan mendapatkan Kebenaran Bertulis daripada Pengarah LUAS boleh dikenakan Notis Pemberitahuan Kesalahan, Notis Am dan seterusnya Notis Amaran.

Selain itu, LUAS juga boleh mengeluarkan arahan-arahan berikut;

- i) Arahan henti kerja, pengubahsuaian, pemindahan atau pengalihan berdasarkan peruntukan Seksyen 43(2);
- ii) Arahan berkaitan dengan pencemaran air, halangan/pelencongan sumber air, kerja yang tidak dibenarkan atau perlindungan alam sekitar berdasarkan peruntukan Seksyen 43(2) yang dibaca bersama Seksyen 41(3)(d), (e), (f), (g) dan (i); atau
- iii) Arahan pengalihan, henti kerja atau pemulihan tapak berdasarkan peruntukan Seksyen 50(2).

Sekiranya masih tidak patuh kepada notis dan arahan yang dikeluarkan, Kompaun boleh dikenakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 Kinrara)**

TAJUK : KENDERAAN TERBIAR

351. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kenderaan terbiar yang telah disita oleh MPSJ?
- b) Apakah kaedah pelupusan terhadap kenderaan-kenderaan terbiar tersebut?
- c) Apakah kesulitan PBT dalam menyelesaikan masalah kenderaan terbiar dan rancangan jangka panjang terhadap masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kenderaan buruk / terbiar yang telah disita oleh MPSJ pada tahun 2014 berjumlah 328 dan pada tahun 2013 berjumlah 206. Jumlah keseluruhan kenderaan buruk / terbiar yang telah disita oleh MPSJ adalah sebanyak 534.
- b) Kaedah pelupusan kenderaan buruk / terbiar dijalankan melalui proses sebut harga.
- c) Terdapat beberapa kesulitan dalam menyelesaikan masalah ini:-
 - i. Aduan kenderaan buruk yang terlalu banyak setiap hari.
 - ii. Tempat penyimpanan kenderaan buruk yang sangat terhad.
 - iii. Kenderaan buruk / terbiar tidak dituntut walaupun sudah dimaklumkan melalui surat pos kepada pemilik kenderaan.
 - iv. Kenderaan yang bersabit dengan kes polis seperti kereta curi.

Rancangan jangka panjang terhadap masalah ini seperti:-

- i. Meletakkan syarat kepada pemilik bengkel-bengkel kereta supaya tidak meletakkan kenderaan terbiar di tempat letak kereta.
- ii. Tindakan undang-undang dan pendakwaan kepada pemilik kereta terbiar di tempat awam.
- iii. Kajian dasar pelesenan ke atas bengkel-bengkel kenderaan yang menjalankan aktiviti tuntutan insuran kemalangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

**TAJUK : PERUNTUKAN RIZAB TUNAI MELALUI GERAN SISTEM MAKLUMAT
REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)**

352. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS bagi tahun 2014 yang diterima oleh kerajaan negeri untuk membaikpulih dan menyelenggara prasarana bawah PBT Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS bagi tahun 2014 untuk membaikpulih dan menyelenggara prasarana di DUN Semenyih?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS bagi tahun 2014 yang diterima khusus bagi membaik pulih dan menyelenggarakan prasarana di bawah PBT Negeri Selangor adalah sebanyak RM 275,297,755.00. Jumlah ini dikira berdasarkan panjang jalan yang direkodkan dalam Sistem MARRIS *Online* pada 31 Disember 2013 di kesemua PBT Negeri Selangor iaitu 11,018.21 km. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 382,142,110.97 khusus untuk PBT Negeri Selangor sepanjang tahun 2014.
- b) Peruntukan MARRIS tahun 2014 bagi membaikpulih dan menyelenggarakan prasarana di DUN Semenyih adalah sebanyak **RM 7,706,400.00** berdasarkan peruntukan DUN dan peruntukan Panjang Jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 Teratai)**

TAJUK : BAJET UNTUK BELIA SELANGOR

353. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah Bajet yang diperuntukkan untuk Belia bagi tahun 2015?
- b) Adakah Bajet Tahun 2014 untuk Belia telah dibelanjakan sepertimana yang dirancang?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan telah digunakan untuk DUN Teratai untuk aspek Belia setakat Oktober 2014?

JAWAPAN:

- a) Tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan atau nama baru Pembangunan Generasi Muda dan Sukan diperuntukkan sebanyak RM3.42 juta bagi program-program yang telah dirancang di bawah Projek Pembangunan Belia.
- b) Pada tahun 2014, sebanyak RM3.5 juta telah diperuntukkan untuk Pembangunan Generasi Muda di mana peruntukan tersebut telah dibelanjakan mengikut perancangan yang telah dirancang. Sebanyak RM2.8 juta telah diperuntukkan untuk Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi peruntukan elaun & program PeBT. Seterusnya, peruntukan sebanyak RM700,000.00 telah digunakan untuk menjalankan program-program di peringkat negeri. Di antara program-program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
 - (a) Program Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Selangor;
 - (b) Program Perkahwinan Perdana Belia Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - (c) Program Jelajah *Walkathon* BES Negeri Selangor; dan
 - (d) Hari Sukan Peringkat Negeri Selangor.
- c) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.8 juta daripada keseluruhan peruntukan Pembangunan Generasi Muda bagi peruntukan elaun & program Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Sehubungan itu, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diberikan sebanyak RM120,000.00 setahun bagi menjalankan program-program belia dengan kerjasama PeBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 Sekinchan)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR

354. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran terperinci bagaimanakah prestasi kewangan Negeri Selangor bagi tempoh 9 bulan yang pertama tahun 2014 ?
- b) Apakah tempias kelembapan ekonomi global terhadap kedudukan kewangan Negeri ?
- c) Apakah kaedah yang dilakukan bagi memastikan kedudukan kewangan Negeri terus kukuh ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah wang awam yang terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Oktober 2014 adalah berjumlah RM3,328.03 juta berbanding RM2,907.10 juta pada 31 Disember 2013 dengan perincian seperti berikut:-

Penyata Kedudukan Kewangan

	31.10.2014	31.12.2013	Peratus Peningkatan / Penurunan (%)
	RM Juta	RM Juta	
Wang Awam			
Wang Tunai	113.80	335.88	-66.12%
Pelaburan	3,214.23	2,571.22	+25.01%
	<u>3,328.03</u>	<u>2,907.10</u>	+14.48%
Dipegang Bagi :			
Kumpulan Wang Disatukan			
Akaun Hasil Disatukan	1,476.31	1,090.40	+35.39%
Akaun Pinjaman Disatukan	11.94	0.00	+100.00%
Akaun Amanah Disatukan	1,839.78	1,816.70	+1.27%
	<u>3,328.03</u>	<u>2,907.10</u>	+14.48%

- b) Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua tahun 2014. Di Asia, aktiviti ekonomi dalam kebanyakan negara terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku kedua tahun 2014 disokong oleh eksport yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri swasta yang terus meningkat. Seterusnya, bagi tahun 2014 KDNK negeri Selangor diunjurkan tumbuh 6.1% dan dianggarkan menyumbang 23.77% kepada KDNK negara.

Secara dasarnya, kelembapan ekonomi global secara tidak langsung menjejaskan ekonomi negeri Selangor terutamanya dari sudut kuasa beli pengguna dan aliran wang dalam pasaran negara. Walau bagaimanapun, impak kelembapan tersebut adalah sangat minima ke atas prestasi kewangan dan dana yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri disebabkan tiadanya risiko pelaburan luar negara dan instrumen-instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberi kesan negatif secara langsung ke atas kewangan Kerajaan Negeri.

- c) Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan kewangan Negeri Selangor terus kukuh telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-
- i) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK sebagai satu pasukan (Ops. Kutip). Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
- a) Polisi '*Knock Door*' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - b) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - c) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - d) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Daerah/Tanah akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.
- ii) Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah/Tanah sentiasa

berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-

- a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
 - b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah/Tanah di kawasan pedalaman;
 - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
 - d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- iii) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah/Tanah;
- iv) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) Pejabat Daerah/Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah;
- v) Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa masing-masing pada 1 Januari 2014 dan 1 April 2014 bagi memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna;
- vi) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan; dan
- vii) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G)

kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki.

Peningkatan rizab Kerajaan Negeri Selangor ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur di samping mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ianya juga menunjukkan usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : KAWASAN RUMAH TERBIAR DAN TIDAK BERPENGHUNI

355. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Puncak Alam dan Saujana Utama pesat pembangunannya ketika ini. Apakah bentuk tindakan yang boleh diambil oleh PBT bagi menangani kawasan rumah-rumah yang terbiar, semak samun dan tidak berpenghuni?
- b) Apakah tindakan yang sudah diambil ke atas rumah-rumah terbiar?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah mengeluarkan surat berbentuk ***Notis Lot Semak*** untuk rumah-rumah terbiar.

Pihak Majlis akan memberi tempoh kepada pemilik untuk menyelesaikan semak samun tersebut atau pihak Majlis yang membersihkan kawasan tersebut dengan mengenakan caj pembersihan kepada pemilik

- b) Pihak Majlis telah mengeluarkan surat berbentuk ***Notis Lot Semak*** atau ***Notis Pembersihan Awam*** untuk rumah-rumah terbiar.

- Pihak Majlis akan memberikan tempoh kepada pemilik untuk menyelesaikan semak samun tersebut dengan mengenakan caj pembersihan kepada pemilik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 Kampung Tunku)**

**TAJUK : PINJAMAN SEBANYAK RM 423 JUTA KEPADA KUMPULAN DARUL
EHSAN BERHAD (KDEB)**

356. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pinjaman RM 423 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bagi pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) telah diluluskan pada tahun 2013. Apakah perkembangan terkini pengambilalihan ini dan adakah KDEB telah mula membayar balik kepada kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pinjaman sebenar daripada Kerajaan Negeri kepada KDEB bagi pengambilalihan KHSB adalah sebanyak RM413.20 juta dan bukan RM423 juta.

Berkenaan perkembangan terkini pengambilalihan KHSB, sehingga 31 Oktober 2014 KDEB telah mengambil alih 94.80% pegangan saham KHSB. KDEB masih lagi meneruskan objektifnya untuk mengambil alih 100% kepentingan di dalam KHSB. Setelah pemilikan 100% ekuiti KHSB berjaya dilakukan, KDEB akan lebih mudah untuk melaksanakan rancangan rasionalisasi dan penyusunan semula perniagaan, operasi, serta aset-aset milik KHSB.

Pada 13 November 2014, KDEB telah membentangkan cadangan penangguhan dan penyelesaian pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.20 juta kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor ("MTES") yang mana cadangan adalah seperti berikut:-

- i) Pembayaran balik pinjaman sebanyak RM5.0 juta oleh KDEB pada 28 November 2014; dan
- ii) Pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah akan ditanggungkan selama satu tahun sehingga 28 November 2015. Ini bagi membolehkan KDEB meneruskan pelan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.

Berikutan daripada pembentangan tersebut, MTES secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan penangguhan dan penyelesaian pinjaman sebanyak RM413.20 juta seperti di atas.

Pembayaran balik baki pinjaman akan diselesaikan melalui opsyen-opsyen berikut (berdasarkan yang mana lebih awal):-

(a) Opsyen 1:-

Penyelesaian baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah melalui terbitan RULS pada Oktober 2015 selepas selesai pengambilalihan 100% saham di dalam KHSB.

ATAU

(b) Opsyen 2:-

Penyelesaian baki pinjaman RM408.2 juta berserta faedah berserta melalui hasil penjualan 100% saham KHSB kepada syarikat berkaitan kerajaan negeri dalam sektor hartanah.

Bagi mengurangkan risiko KNS berkenaan pembayaran balik pinjaman, KDEB telah mencadangkan kepada MTES untuk mencagarkan baki saham-saham KHSB yang bebas dari cagaran sebanyak 371,502,285 unit saham iaitu bersamaan 82.56% ekuiti saham di dalam KHSB sebagai sekuriti kepada pinjaman dari KNS. Berikutan itu, KNS akan mempunyai cagaran bernilai RM297.2 juta berdasarkan nilai aset sesaham ("*net assets per share*") KHSB sebanyak RM0.80 sesaham pada 31 Disember 2013 iaitu bersamaan 72% daripada nilai baki pinjaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

**TAJUK : FUNGSI PENASIHAT EKONOMI NEGERI DI MAJLIS TINDAKAN
EKONOMI NEGERI**

357. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah fungsi Penasihat Ekonomi Negeri dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negeri?
- b) Apakah perbezaan fungsi Penasihat Ekonomi Negeri berbanding Majlis Tindakan Ekonomi Negeri?

JAWAPAN:

a) dan b)

Soalan ini tidak dapat dijawab oleh MBI kerana di luar bidang kuasa MBI>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : STATUS PENUBUHAN POLIS BANTUAN MBPJ

358. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penubuhan polis bantuan MBPJ?
- b) Adakah tindakan susulan kerajaan negeri supaya unit Polis Bantuan ini dapat ditubuhkan secepat mungkin

JAWAPAN:

a),b)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengemukakan semula permohonan unit Polis Bantuan pada 19 Jun 2013. Sehingga ke hari ini pihak Majlis masih menunggu kelulusan bertulis daripada pihak Polis DiRaja Malaysia. Pihak Majlis dimaklumkan secara lisan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia telah mempertimbangkan kelulusan unit Polis Bantuan untuk bangunan Majlis sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : TEKNOLOGI PEMODENAN PERTANIAN

359. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan negeri untuk memajukan teknologi pertanian bagi meningkatkan hasil para petani?
- b) Senaraikan inisiatif dan hasil teknologi yang telah dimajukan dan digunakan sejak tahun 2008 hingga kini?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha kerajaan negeri dalam permodenan pertanian di Negeri Selangor adalah:
 - 1) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada :
 - Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
 - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
 - Pembajaan
 - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
 - Pertanian Lestari (Natural Farming)
 - 2) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri Memperuntukkan RM7,560,000 dibawah RMK10 (Tahun 2011-2015)
 - 3) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut dibawah RMK10 (Tahun 2011-2015). Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertisasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan

tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

- 4) Menggalakkan dan membimbing petani kearah Pertanian Lestari dengan objektif:
 - Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
 - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna Meningkatkan hasil dan pendapatan petani melalui pengurangan penggunaan bahan agro kimia
 - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam
- 5) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) , melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan.
- 6) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian melalui seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan kearah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.
- 7) Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia dimana aktiviti-aktiviti latihan , seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)

- b) Sebagai Negeri Industri dan hampir 80% adalah kawasan bandar, Selangor akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan terutamanya bagi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa. Sejak tahun 2008, teknologi moden, tepat dan sesuai dengan pengeluaran produk tertentu akan digunakan bagi menjaga penjadualan pengeluaran dan kualiti hasil pertanian dan antara inisiatif dan teknologi yang diberi tumpuan:

i. Sistem Fertigasi

Sistem fertigasi adalah sesuai bagi tanaman buah-buahan seperti melon dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Walaupun teknologi pengeluaran ini memerlukan modal yang tinggi, namun ianya sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang

terhad dan pengguna dapat mengawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi. Kini teknologi ini digunakan secara meluas oleh petani di seluruh negeri Selangor. Pihak Jabatan Pertanian dengan kerjasama petani bimbingan telah berjaya mewujudkan inovasi fertigasi secara terbuka dengan kos operasi yang lebih rendah. Kini inovasi ini sedang berkembang dikalangan petani di Selangor.

ii. Teknologi '*Natural Farming*'

Penerokaan terhadap teknologi '*Natural Farming*' dalam penanaman sayur-sayuran dan padi membantu menghasilkan produk-produk pertanian yang selamat dan mesra alam akibat penggunaan racun dan baja kimia yang minima dan berhemah. Penggunaan bahan '*Natural Farming*' menggantikan racun dan baja kimia yang mahal dapat membantu mengurangkan kos operasi petani. Melalui Program Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Asset-Based Community Development (ABCD) yang dilaksana sejak tahun 2010, sebanyak 15 Kumpulan Pertanian Lestari telah berjaya diwujudkan di kawasan padi Barat Laut Selangor dan masih aktif sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 Teluk Datuk)**

TAJUK : MINYAK MASAK KUTIPAN SEMULA

360. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam minyak masak kutipan semula?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan insentif untuk bantu golongan usahawan untuk menjalankan kerja-kerja pungutan semula minyak masak kutipan?
- c) Berapakah lesen dikeluarkan oleh setiap PBT sejak tahun 2013?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong program-program kitar semula minyak masak untuk dijadikan sebagai bahan Biodiesel. Banyak program kitar semula minyak masak yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri termasuk program kutipan minyak masak secara bulanan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejak bulan Julai 2014.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna sedang merancang untuk mewujudkan satu Garis Panduan kutipan Minyak Masak untuk dijadikan bahan Biodiesel untuk digunapakai di dalam program kutipan minyak masak terpakai.

- b) Buat masa ini pihak kerajaan negeri belum mewujudkan sebarang insentif kepada golongan usahawan bagi menjalankan kerja-kerja pungutan minyak masak terpakai. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan negeri sedang di dalam memberi kesedaran di peringkat akar umbi rakyat terhadap kepentingan kitar semula minyak masak terpakai untuk dijadikan bahan biodiesel.

Kerajaan negeri juga sentiasa menyokong usaha-usaha syarikat-syarikat yang menjalankan kerja-kerja mengitar semula minyak masak terpakai untuk dijadikan bahan biodiesel dengan bekerjasama dengan mereka di dalam program-program kerajaan negeri bagi memberi peluang mereka berkomunikasi dan menyampaikan maklumat kepada rakyat berkaitan kewujudan mereka di dalam membantu memelihara alam sekitar dengan cara kitar semula minyak masak tersebut.

Dengan usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka di dalam merencanakan lagi aktiviti kitar semula minyak masak di samping menggalakkan rakyat menjalankan aktiviti ini.

- c) Tiada sebarang lesen yang dikeluarkan oleh PBT bagi syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula minyak masak tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 Permatang)**

TAJUK : ADUAN KILANG HARAM

361. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah aduan berkenaan kilang haram dari 2008 hingga 2014 mengikut PBT
- b) Nyatakan prosedur kerajaan negeri selepas menerima aduan dari rakyat
- c) Senaraikan tindakan yang pernah diambil oleh kerajaan negeri dari 2008 hingga 2014

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, aduan berdasarkan pelanggaran syarat tanah bagi kilang – kilang haram tiada diterima. Ini disebabkan oleh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran yang masih berlangsung menyebabkan tiada tindakan penguatkuasaan boleh diambil sehingga program ini di tamatkan.

Namun begitu aduan – aduan yang berbentuk permasalahan infrastruktur telah diambil tindakan pihak PBT-PBT yang berkenaan dan permasalahan berkaitan alam sekitar telah diambil tindakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

- b) Sekiranya suatu aduan yang diterima yang berkaitan dengan permasalahan kilang haram, Pentadbir Tanah Daerah membuat siasatan tapak bagi mengenalpasti permasalahan dan punca tindakan bagi penyelesaian permasalahan tersebut.

Sekiranya permasalahan tersebut didapati berkaitan dengan pelanggaran syarat tanah, tindakan akan diambil dibawah Seksyen 125 hingga Seksyen 134 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Pemilik tanah akan diberi Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat Tanah (Borang 7A) mengikut syarat nyata di dalam dokumen hakmilik dan didaftarkan. Jika pemilik tanah gagal memulihkan tanah dalam suatu tempoh yang diberikan oleh Pentadbir Tanah tindakan selanjutnya akan diambil sehinggalah pengeluaran Notis Per Kembalian Tanah kepada Kerajaan (Borang 8A) iaitu perampasan tanah.

Sekiranya permasalahan tersebut didapati berkaitan dengan perancangan kawasan (*zoning*), tindakan akan diambil di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172) oleh Jabatan Perancang oleh PBT yang berkaitan.

Sekiranya permasalahan tersebut didapati berkaitan dengan infrastruktur atau struktur bangunan, tindakan akan diambil di bawah Akta Parit, Jalan dan Bangunan (Akta 133) oleh Jabatan Bangunan oleh PBT yang berkaitan

- c) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) belum mengambil sebarang tindakan penguatkuasaan ke atas kilang – kilang haram kerana Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran masih berkuat kuasa dan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2014.

Namun begitu, satu kajian oleh perunding dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sedang dilaksanakan bagi mengkaji pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran. Sebarang keputusan terhadap pelaksanaan dan halatuju program ini akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri selepas kajian ini dibentangkan oleh UIAM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 Bukit Gasing)**

TAJUK : MASALAH BANJIR DI DUN BUKIT GASING

362. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah penyelesaian secara teknikal telah diperolehi untuk menyelesaikan banjir di kawasan DUN Bukit Gasing, iaitu di Jalan 12/14, Jalan Harapan, Taman Kanagapuram, Jalan Carey, Jalan 1/3 dan Jalan 18/11?
- b) Bila penyelesaian ini dapat dilaksanakan?
- c) Apakah kos setiap penyelesaian?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

BIL	JALAN	PENYELESAIAN	KOS (RM)
1.	Jalan 12/14	Majlis akan melaksanakan kerja pembesaran longkang kepada "monsoon drain" pada tahun 2015.	1.8 Juta
2.	Taman Kanagapuram	Masalah banjir ini melibatkan longkang tanah yang perlu dinaiktaraf tetapi ianya terletak di dalam tanah sekolah yang masih belum dibangunkan	-
3.	Jalan Carey	Longkang adalah di bawah bidang kuasa DBKL	-
4.	Jalan 1/3	Kerja menaiktaraf longkang di hadapan rumah akan dilaksanakan pada tahun 2015.	630,000.00
5	Jalan 18/11	Longkang adalah di bawah bidang kuasa DBKL	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 Kota Damansara)**

TAJUK : PORTFOLIO PERUMAHAN

363. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan perancangan EXCO portfolio Perumahan di tahun 2015?
- b) Adakah perancangan dan dasar sebelum ini gagal dilaksanakan dan bagaimanakah pencapaiannya?

JAWAPAN:

- a) Terdapat dua (2) perancangan utama yang akan difokuskan oleh portfolio Perumahan bagi tahun 2015 iaitu:
 - i) Sasaran untuk membina sekurang-kurangnya sebanyak 10,000 unit Rumah Selangorku yang terdiri daripada pelbagai jenis dari Jenis A hingga Jenis D yang akan dibangunkan sama ada daripada oleh Kerajaan Negeri (LPHS), anak syarikat Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta.
 - ii) Penubuhan Tabung Khas yang dikenakan sebagai Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai Negeri Selangor (TEPAT) dengan peruntukan permulaan sebanyak RM20 juta bagi membantu projek-projek defisit agar projek berkenaan berupaya dipulihkan dan seterusnya dapat mengurangkan jumlah projek terbengkalai di Negeri Selangor dan di samping dapat membantu pembeli memiliki rumah idaman mereka yang sekian lama terbengkalai atau terbiar tanpa tindakan pemulihan
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar dan Perancangan yang digariskan bagi tahun 2015 bukan bermaksud apa yang disasarkan pada tahun 2014 adalah gagal. Ini kerana bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri telah berjaya memperkenalkan Dasar Rumah Selangorku yang lebih komprehensif dan menyeluruh dari segi pengagihan dan pengawalannya berbanding Dasar 20:20:10 atau 20:10:10 sebelum ini. Oleh itu, dasar dan perancangan yang bakal diperkenalkan pada tahun 2015 ini merupakan kesinambungan terhadap dasar yang diperkenalkan sebelum ini bagi realisasikan matlamat *'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna'*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 Sungai Panjang)**

TAJUK : PASAR AWAM SUNGAI BESAR

364. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar sewa yang dikenakan kepada setiap peniaga?
- b) Nyatakan kos penyelenggaraan setahun, kekerapan penyelenggaraan setiap 3 bulan dan pihak yang bertanggungjawab menjaga operasi perniagaan di pasar awam ini?
- c) Apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri kepada setiap peniaga di sini?

JAWAPAN:

- a) Kadar sewa yang dikenakan kepada peniaga seperti berikut:-

BIL	PREMIS	JENIS PERNIAGAAN	KADAR SEWA
1	Pasar Awam	Ikan Masin Ikan Runcit Runcit Sayur Daging Ayam Siap Proses Dingin Beku	RM70.00 RM70.00 RM120.00 RM60.00 RM60.00 RM60.00 RM100.00
2	Pusat Penjaja Tepi Pasar Awam	Makanan	RM40.00
3	Gerai Ikan Borong, Pasar Awam	Hasil Laut	RM200.00

- b) Penyelenggaraan pasar dilaksanakan bergantung kepada aduan yang diterima seperti kerosakan pagar pasar, tandas dan lain-lain. Kerja-kerja pembersihan pasar dilaksanakan oleh Bahagian Kawal Selia MDSB. Kerja-kerja penyelenggaraan pula dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan dan penyelenggaraan MDSB.

- c) Buat masa ini tiada bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri kepada setiap peniaga disini. Namun begitu, pihak MDSB ingin memohon agar Kerajaan Negeri dapat menyalurkan bantuan kewangan untuk kerja-kerja pembaikan lantai dan mengecat bangunan Pasar Awam Sungai Besar tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 Dengkil)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

365. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini permohonan TAWAS?
- b) Nyatakan jumlah terkini permohonan TAWAS yang telah diluluskan dan jumlah mereka yang telah menerima hadiah tabung simpanan RM100?
- c) Sudahkah ada plan perancangan pembayaran untuk peserta TAWAS apabila skim ini matang kelak?

JAWAPAN:

- a) Jumlah terkini permohonan TAWAS sehingga 19hb November 2014 ialah 178,195.
- b) Sehingga 19hb November 2014 pendaftaran ahli TAWAS yang layak dan perbelanjaan adalah seperti berikut :

Jumlah Ahli Lulus	Jumlah Ahli Menerima Manfaat
154,017	137,899

- c) YAWAS telah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan mewujudkan satu tabung dana khas dengan diperuntukkan sejumlah wang yang akan diuruskan sepenuhnya oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PROGRAM SENTUHAN ANJING

366. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian pihak berkuasa agama negeri terhadap program tersebut ?
- b) Sejauh manakah penglibatan pihak berkuasa agama negeri sebelum dan ketika program tersebut ?
- c) Apakah tindakan pihak berkuasa pasca program tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima surat bertarikh 3 Oktober 2014 daripada pihak penganjur program yang menerangkan objektifnya adalah untuk memberi pencerahan atau fahaman tentang hukum berkaitan kedudukan anjing dari segi perspektif agama Islam.

Selain itu, penganjur juga berhasrat untuk menerangkan persepsi sebenar kepada umat Islam tentang keperluan menyelamatkan anjing dalam situasi kecemasan seperti kesakitan, kaedah yang betul untuk memegang dan mengendalikan anjing serta kaedah menyamak najis mughallazah.

Justeru, Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui surat bertarikh 9 Oktober 2014 kepada MAIS, telah memberi panduan dari aspek hukum syara' berdasarkan objektif yang dinyatakan pihak penganjur.

Perlakuan memegang, memeluk dan bernesra dengan anjing oleh umat Islam dengan sengaja seperti mana yang berlaku pada hari penganjuran program tersebut amatlah dikesali dan ianya jelas bertentangan dengan hukum syara'.

Perkara tersebut juga didapati tidak seperti mana yang digambarkan oleh pihak penganjur dan tidak menepati objektif program seperti yang dinyatakan dalam surat penganjur kepada MAIS.

- b) Penganjuran program seperti ini tidak seharusnya dilakukan di tempat terbuka kerana keadaan akan menjadi tidak terkawal apabila jumlah pengunjung yang hadir melangkaui jangkauan. Ia perlu dilakukan di tempat tertutup agar mudah untuk membuat pemantauan dan kawalan.

Pihak penganjur perlu lebih bertanggungjawab dengan sebarang aktiviti yang akan dianjurkan lebih-lebih lagi perkara yang melibatkan sensitiviti agama. Sebarang program seumpama ini di masa akan datang, perlu dipantau

sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama agar ianya menepati objektif sebenar penganjuran sesuatu program.

- c) Jabatan Mufti Negeri Selangor dan MAIS telah memanggil pihak penganjur dan memberi teguran serta nasihat agar perkara seperti ini tidak lagi berulang di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 Semenyih)**

TAJUK : KEKERAPAN BERLAKU GANGGUAN AIR DI DUN SEMENYIH

367. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca-punca kekerapan berlaku gangguan bekalan air?
- b) Bagaimanakah cara-cara untuk menangani masalah kekerapan gangguan bekalan air?
- c) Adakah perbelanjaan modal (*capital expenditure*) dalam projek penggantian paip lama daripada simen asbestos (AC) yang menyebabkan kebocoran dan pecah masih dibekukan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Berdasarkan aduan yang selalu diterima oleh pihak SYABAS, kawasan di dalam DUN Semenyih yang kerap mengalami gangguan bekalan air adalah Taman Bukit Semenyih dan Kampung Indah PKNS Semenyih.

Jika dilihat kepada pelan skematik sistem agihan bekalan air, kawasan ini rata-ratanya mendapat bekalan air daripada Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih. Berdasarkan laporan pengeluaran LRA Sungai Semenyih, purata pengeluaran loji adalah sebanyak 670 Juta Liter Sehari yang mana jumlah tersebut adalah melebihi 23% daripada kapasiti yang telah direka bentuk iaitu 545 Juta Liter Sehari. Dengan angka ini, sebarang usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran di LRA Sungai Semenyih adalah mustahil kerana akan memberi kesan negatif kepada peralatan pengepaman di loji.

Setelah air mentah siap dirawat dan diproses menjadi air terawat, air tersebut akan disalurkan ke Kolam Imbangan dan seterusnya ke Kolam Air Terminal Bangi untuk diagihkan kepada pengguna. SYABAS melaporkan paras Kolam Air Terminal Bangi sering berada dalam keadaan yang rendah dan tidak stabil akibat daripada permintaan bekalan air yang tinggi dari kawasan sekitar. Permintaan bekalan air yang semakin meningkat menyukarkan SYABAS untuk memenuhi keperluan penduduk di kawasan sekitar.

Kerajaan Negeri Selangor maklum bahawa masalah gangguan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan prolitik serta imej kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri

Selangor sentiasa berusaha untuk memastikan masalah gangguan ini dapat diatasi dan dikurangkan.

Oleh yang demikian, sekiranya penstrukturan industri air berjaya dimuktamadkan, SPV milik Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan menjadi operator perkhidmatan air yang baru. Pemantauan dan kawalan secara langsung akan diberikan dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada pengguna seterusnya mengurangkan masalah gangguan bekalan air. Dalam masa yang sama, perancangan untuk meningkatkan rezab bekalan air pada kadar 10% akan dibuat dengan teliti. Antara perkara utama yang perlu menjadi keutamaan adalah usaha untuk mengurangkan kadar *non revenue water* (NRW) supaya air terawat yang diagihkan akan sampai terus kepada pengguna tanpa pembaziran.

- c) SYABAS sebagai operator agihan tunggal di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendakwa perbelanjaan modal (*capital expenditure*) yang dibekukan oleh Kerajaan Negeri telah menyebabkan projek penggantian paip lama daripada simen asbestos (AC) tidak dapat dilaksanakan dengan menyeluruh sekaligus mendorong kepada kes kebocoran dan paip pecah. Secara tidak langsung, kadar *non revenue water* (NRW) di Negeri Selangor masih mencatatkan bacaan yang tinggi iaitu pada tahap 34%.

SYABAS dilaporkan memberi penekanan terhadap projek infrastruktur seperti kerja-kerja penggantian paip-paip air dan penukaran meter sebagai usaha untuk menurunkan kadar NRW. Namun, semakan yang dibuat ke atas perbelanjaan CAPEX mendapati perbelanjaan modal (CAPEX) untuk kerja-kerja NRW adalah merupakan komponen perbelanjaan terbesar yang dibelanjakan oleh SYABAS, namun hasilnya adalah tidak setanding perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukkan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : KEBAJIKAN PENJAJA

368. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pantai Remis Sungai Sembilang merupakan pusat riadah yang menjadi tumpuan. Bagaimanapun keindahan tempat riadah ini hilang serinya akibat hakisan pantai yang teruk. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi membantu kebajikan peniaga-peniaga penyewa premis perniagaan yang terjejas pendapatan mereka?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis bersama dengan LUAS dan JPS sedang bekerjasama menyediakan kertas kerja bagi memohon peruntukan Kerajaan Negeri bagi membina benteng untuk mengurangkan kesan hakisan pantai. Pihak Majlis juga telah menyediakan pelan induk bagi menaiktaraf Kawasan Pelancongan Pantai Remis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 Sungai Burong)**

TAJUK : DASAR KEWANGAN DAN BAJET

369. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perbezaan dasar kewangan pentadbiran Menteri Besar sekarang dan dahulu?
- b) Apakah prinsip yang signifikan dalam strategi bajet tahun 2015 berbanding tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Tiada perbezaan dasar kewangan bagi pentadbiran Menteri Besar sekarang dan dahulu. Pentadbiran Kerajaan Negeri digerakkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan sektor kewangan digerakkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.
- b) Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada kemudahan infrastruktur, pembangunan Rumah Selangorku dan bantuan pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 Lembah Jaya)**

TAJUK : PASIR

370. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor merupakan negeri contoh dalam pengurusan pasir namun masih berlaku kecurian. Nyatakan daerah manakah yang paling besar kes kecurian pasir.
- b) Apakah jenis tindakan yang boleh diambil selain menyita jengkaut dan lori.
- c) Setakat ini berapakah jumlah denda/kompaun yang paling toinggi dikenakan.

JAWAPAN:

- a) Kes kecurian pasir telah berkurangan dengan banyaknya semenjak kerajaan negeri Selangor menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Pada tahun 2008 untuk menguruskan industri pasir di Selangor. Buat masa ini, kes-kes kecurian pasir adalah terpencil dan kebanyakannya adalah dalam daerah Hulu Langat.
- b) Tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan/atau Pejabat Tanah/ Daerah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 terhadap kes kecurian pasir adalah penyitaan jentera, pengenaan denda serta perampasan tanah kerana pelanggaran syarat guna tanah sekiranya ianya dijalankan atas tanah hakmilik.

Tindakan juga boleh diambil oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di bawah Enakmen LUAS 1999 sekiranya melibatkan aktiviti perubahan sumber, iaitu mengekstrak pasir dari badan air.
- c) Jumlah kompaun atau denda tertinggi yang boleh dikenakan adalah RM25,000 seperti mana yang dinyatakan dalam Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 7/2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 Bukit Melawati)**

TAJUK : SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN

371. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negeri tahun 2014?
- b) Apakah strategi bagi meningkatkan sumbangan sektor ini di tahun 2015?
- c) Apakah prospek sumbangan sektor ini di tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negeri selangor pada 2014 adalah seperti berikut:

Daerah	Nilai Pengeluaran Tahun 2014 (Sehingga Oktober) RM	<i>Maklumat Tambahan</i> Nilai Pengeluaran Tahun 2013 RM
	GOMBAK / PETALING	3,444,945.93
HULU LANGAT	3,765,816.70	43,368,084.20
HULU SELANGOR	11,857,875.00	97,475,655.68
KLANG	13,055,327.25	83,957,478.88
KUALA LANGAT	6,759,623.20	699,966,706.60
KUALA SELANGOR	14,167,800.50	654,308,595.58
SABAK BERNAM	151,395,275.83	447,339,993.01
SEPANG	8,046,082.90	46,109,630.58
JUMLAH	212,492,747.00	5,247,097,246.93

- b) Strategi bagi meningkatkan sumbangan sektor ini pada tahun 2015 adalah:
 - i. Program Pembangunan Tanah Terbiar
 - Membangunkan tanah terbiar menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha.
 - Meningkatkan pengeluaran bahan makanan bagi memastikan bekalan yang mencukupi serta berkualiti dan selamat dimakan untuk memenuhi keperluan negara.

- Melahirkan usahawan tani komersil dengan mengeluarkan bahan makanan untuk pasaran segar dan pemprosesan makanan bagi menggiatkan industri asas tani
- ii. Mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran makanan yang baru
- Membangunkan kawasan-kawasan baru yang sesuai dan menyediakan kemudahan infrastruktur untuk pertanian yang moden dan intensif serta penggunaan teknologi modern pertanian. Kawasan yang telah dikenalpasti adalah di Johan Setia dan Sg. Kelambu.
 - Menarik pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri yang mempunyai agroteknologi yang sesuai untuk melabur dalam pembangunan ladang secara komersil.
 - Mewujudkan rantai makanan (From farm to table) dalam pembangunan kluster industri tanaman makanan.
 - Pembangunan projek TKPM berdasarkan '*Market driven*' serta menggalakkan sistem pemasaran secara ladang kontrak
 - Pengurusan projek pertanian berdasarkan Amalan Pertanian Baik (APB) dengan pengeluaran produk yang berkualiti dan selamat dimakan berteraskan Skim Amalan Ladang Malaysia MyGAP.
- iii. Mengembangkan Program Pertanian Lestari
- Menghasilkan hasil pertanian yang kurang penggunaan bahan kimia dan memastikan persekitaran terutamanya tanah terpelihara. Mengurangkan kos operasi pengeluaran tanaman dengan menguna semula sisa hasil pertanian
 - Mengeluarkan produk Natural Farming disamping menambah pendapatan petani
 - Kawasan tumpuan adalah kawasan penanaman padi dan sayur-sayuran.
- iv. Sumber Pertanian Baru-Madu Lebah/Kelulut
- Sumber hasil pertanian baru untuk peningkatan bahan mentah dan produk proses.
 - Sumber pendapatan sampingan bagi petani kerana ternakan lebah/kelulut boleh dilaksanakan secara integrasi di ladang
 - Mewujudkan usahawan memproses madu bagi tujuan produk makanan atau kesihatan.
- c) Prospek sumbangan sektor ini tahun 2015 adalah:
- i. Menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian

- ii. Penglibatan petani yang mempunyai ladang tanaman buah-buahan atau tanaman kelapa untuk melaksanakan projek integrasi ternakan lebah/kelulut
- iii. Pemilik tanah terbiar untuk bekerjasama dan menyokong program pembangunan pertanian di tanah terbiar
- iv. Usahawan industri asas tani yang menggunakan hasil-hasil pertanian supaya tidak berlaku lambakan hasil pertanian serta mewujudkan produk-produk hiliran berasaskan pertanian yang mempunyai nilai komersil.
- v. Mensasarkan lebih ramai pesawah dan penanam sayur yang mengamalkan pertanian lestari serta mendapat pensijilan MyGap

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 Hulu Bernam)**

TAJUK : MASALAH DENGGI

372. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme kerajaan negeri untuk memastikan jumlah kes denggi yang tinggi menurun?
- b) Senaraikan tindakan yang kerajaan negeri telah laksanakan untuk membendung wabak ini?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan sangat komited di dalam memastikan jumlah kes denggi di Negeri Selangor dapat diturunkan. Antara mekanisme dan tindakan yang telah di laksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di kategorikan kepada tiga bentuk pendekatan, iaitu: -

- i. Kawalan dan Tindakan
- ii. Aktiviti kesedaran dan promosi
- iii. Pemantauan secara berterusan

Tindakan pencegahan yang melibatkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan semua Pihak Berkuasa Tempatan telah dilaksanakan sejak November 2013 dan ianya telah terbukti berkesan di dalam mengurangkan jumlah kes denggi di Negeri Selangor. Antara aktiviti yang di jalankan oleh pihak PBT dan JKN Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Pemeriksaan ke tapak binaan, premis-premis, rumah-rumah, pusat pelupusan sampah, tanah lot kosong, projek bangunan/ rumah terbengkalai, sekolah, tempat ibadat, kilang, gerai makanan tepi jalan, saliran/ perparitan, parking, padang/ taman permainan, stesen pam minyak, tapak semaian, kedai/ komersial, IPTA/IPTS.
- ii. membuat semburan SRT, ULV, TIFA dan bti,
- iii. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di setiap kawasan berkaitan; dan
- iv. Kempen kesedaran di sekolah-sekolah di seluruh negeri Selangor

Jawatankuasa Tetap Kesihatan turut mengadakan **Mesyuarat Mingguan Denggi** yang dipengerusikan bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan (YB EXCO Kesihatan – YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi) dan semua PBT di Negeri Selangor akan membentangkan aktiviti minggu yang telah dilaksanakan oleh Jabatan masing-masing di dalam aktiviti membanteras aedes.

Selain itu, pada tahun ini, Kerajaan Negeri turut melaksanakan **Pelan Tindakan Denggi PBT** yang telah diperkenalkan oleh KPKT dan dilaksanakan di Lokality Hotspot. Tempoh pelaksanaan Pelan ini adalah 2 bulan bermula **24 Julai sehingga 23 September 2014**. Pelan tersebut telah menetapkan semua PBT perlu melakukan pemantauan ke beberapa kawasan berpotensi tinggi berlaku pembiakan seperti di tempat-tempat berikut:

- i. Kawasan pelupusan sampah,
- ii. Kawasan projek terbengkalai,
- iii. Tempat pembuangan sampah haram,
- iv. Tempat pengumpulan barangan lusoh,
- v. Kawasan rumah atau tanah kosong yang ditinggalkan.

Peruntukkan daripada KPKT turut telah diagihkan kepada semua PBT Selangor yang berjumlah RM 1.04 juta dengan RM 930 ribu diperuntukkan untuk *outsourcing* perkhidmatan kutipan sampah tambahan (sampah haram) dan RM 400 ribu untuk pembelian Temephos EC.

Seterusnya, pada 3 November 2014, Kerajaan Negeri telah melancarkan **Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2014** yang disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor. Pelan ini diwujudkan bagi meneruskan Pelan Tindakan PBT yang telah dianjurkan oleh KPKT yang telah tamat pada 23 September 2014 serta membuktikan mengenai komitmen serius Kerajaan Negeri Selangor di dalam aktiviti membanteras denggi di peringkat negeri Selangor. Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2014 ini akan dilaksanakan oleh semua pihak Negeri Selangor secara berperingkat dan menyeluruh di bawah penyeliaan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor.

Selanjutnya, satu **Program Gotong-Royong Mega: Terjah & Musnah Aedes Negeri Selangor 2014** telah di adakan pada 16 November dengan penyertaan menyeluruh dan **di jalankan serentak** oleh seluruh masyarakat negeri Selangor. Strategi utama program ini adalah **kesedaran** awam dan **aktiviti “cari dan musnah”** kawasan potensi pembiakan nyamuk di dalam dan di luar rumah oleh setiap individu serta masyarakat. Pelaksanaan program seumpama ini akan diteruskan sehingga akhir Disember tahun 2014 dan dijangkakan bilangan kes denggi di Negeri Selangor dapat dikurangkan dengan jayanya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : TABUNG PENDIDIKAN ANAK-ANAK PEKERJA LADANG

373. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima bantuan daripada Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang pada tahun 2008 hingga 2014 ?
- b) Apakah bentuk-bentuk program pembangunan pendidikan anak-anak pekerja ladang yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Tabung Pendidikan Anak – Anak Pekerja Ladang telah ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini terbuka kepada anak – anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Antara program – program di bawah peruntukan ini adalah seperti berikut:
 - i. **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah**
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga. Sehingga Oktober 2014, seramai **2,295 pelajar** telah mendapat manfaat daripada skim ini.
 - ii. **Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa. Sehingga Oktober 2014, seramai **19 pelajar** telah mendapat manfaat daripada skim ini.
 - iii. **Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**
Penyampaian wang adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang. Sehingga Oktober 2014, seramai **3,150 pelajar** telah mendapat manfaat daripada skim ini.
 - iv. **Program – program Pendidikan Bagi Anak – Anak Pekerja Ladang**
Dilaksanakan bagi meningkatkan semangat dan motivasi anak para pekerja ladang dalam menimba ilmu pengetahuan dan meningkatkan keyakinan diri serta menanam semangat untuk bangun dan terus maju

kehadapan. Secara tidak langsung dapat membantu keluarga keluarga daripada belenggu kemiskinan.

Di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang sepertimana yang dapat dilihat dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah bagi tahun 2013.

b) Melalui usahasama yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bersama Badan – Badan Bukan Kerajaan (NGO), mutu pendidikan anak pekerja ladang diharap dapat meningkat dari masa ke semasa dengan program-program yang telah dilaksanakan. Antara program bersama NGO yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Motivasi UPSR, program seminar kepada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah serta program kem motivasi. Antara NGO-NGO yang pernah terlibat di dalam penganjuran program seperti berikut :

1. Pertubuhan Suara Makkal Suara Kita Malaysia
2. Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan & Kebajikan Masyarakat Malaysia
3. Persatuan Pendidikan Wawasan Selangor
4. Persatuan Penganut Samarasa Suttha Sanmargam
5. Persatuan Pendidikan Warisan Selangor
6. Persatuan Kebajikan Penduduk Tamil Kawasan Bukit Rajah
7. Persatuan Pendidikan Variasi UIQ Selangor
8. Persatuan Kebajikan Mahavatar Babaji Selangor

B	JENIS BANTUAN	JUMLAH BANTUAN MENGIKUT TAHUN							JUMLAH
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
1	Bantuan Yuran Pengajian	-	-	-	-	-	16 pelajar	3 pelajar	19 pelajar
2	Bantuan Infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	-	-	-	-	-	7 sekolah	-	7 sekolah
3	Hadiah Kecemerlangan UPSR	-	800 pelajar	400 pelajar	500 pelajar	346 pelajar	-	1104 pelajar	3,150 pelajar
4	Subsidi Tambang Bas Sekolah	-	-	315 pelajar	254 pelajar	579 pelajar	564 pelajar	583 pelajar	2,295 pelajar
PERBELANJAAN (RM)		Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	413,498.00	928,121.00	931,325.00	488,755.00	374,850.00	RM3,136,549.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 Sungai Air Tawar)**

TAJUK : PORTFOLIO HAL EHWAL ISLAM

374. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar portfolio Hal Ehwal Islam di bawah pentadbiran baru?
- b) Bagaimanakah dasar baharu ini dapat memperkasa pengamalan masyarakat Islam negeri?

JAWAPAN:

- a) Dasar portfolio Hal Ehwal Islam di bawah pentadbiran baru ialah seperti berikut:
 - i) Meneruskan dasar-dasar hal ehwal Islam sedia ada yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS),
 - ii) Meneruskan dasar-dasar yang berhubung kait dengan hal ehwal Islam yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, dan;
 - iii) Meningkatkan kerjasama MAIS dan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan dasar-dasar hal ehwal Islam dan yang berhubung kait dengannya.
- b) Kerajaan Negeri memainkan peranannya dengan memastikan perkara-perkara berhubung hal ehwal Islam dijaga dan dilaksanakan dengan baik. Ini termasuk penyediaan infrastruktur, pelaksanaan program keagamaan dan penguatkuasaan undang-undang Syariah yang berkuatkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 Jeram)**

TAJUK : PARAS EMPANGAN AIR

375. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik paras air di semua empangan air Negeri Selangor dari Januari 2013 hingga November 2014?
- b) Nyatakan paras air yang menyebabkan berlaku catuan seperti yang pernah terjadi sebelum ini?

JAWAPAN:

- a) Secara amnya, berdasarkan analisis tren paras air empangan di Negeri Selangor adalah didapati semua empangan akan berada pada kapasiti 80% pada setiap awal tahun dan mencapai kapasiti maksimum 100% pada bulan April berikutan peningkatan kadar hujan semasa Monsun Peralihan. Pada bulan Mei hingga September iaitu Monsun Barat Daya, pengurangan kadar hujan di kawasan tadahan akan menyebabkan peningkatan pelepasan air empangan bagi tujuan bekalan air dan paras air empangan akan menurun. Walau bagaimanapun semasa Monsun Peralihan dan Monsun Timur Laut (November hingga Mac) jumlah kadar taburan hujan adalah tinggi dan seterusnya meningkatkan kembali paras air empangan. Perincian data paras air bagi semua empangan iaitu Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi, Empangan Klang Gates, Empangan Batu, Empangan Sungai Langat, Empangan Tasik Subang dan Empangan Semenyih dari Januari 2013 hingga November 2014 adalah seperti di LAMPIRAN C.
- b) Pelaksanaan Pelan Catuan Bekalan Air Negeri Selangor telah dilaksanakan secara berperingkat berikutan pengurangan pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor daripada 200 Juta Liter Sehari (JLH) kepada 500 JLH dan seterusnya 1,000 JLH yang menyebabkan pengurangan bekalan air terawat. Ini adalah berikutan penyusutan paras air Empangan Sungai Selangor dan kurangnya taburan hujan di kawasan tadahan air empangan. Tindakan catuan ini juga membantu untuk memanjangkan jangka hayat kapasiti empangan tersebut. Pelaksanaan catuan sehingga 30 April 2014 telah dihentikan bagi semua peringkat kerana terdapat taburan hujan yang tinggi dan juga penggunaan sumber air dari kolam-kolam alternatif. Perincian paras air Empangan Sungai Selangor semasa tempoh pelaksanaan peringkat catuan adalah seperti berikut:

Empangan Sungai Selangor	Pelan Catuan Bekalan Air Negeri Selangor		
	Peringkat Kedua (Tarikh : 2 Mac 2014)	Peringkat Ketiga (Tarikh : 10 Mac 2014)	Peringkat Keempat (Tarikh : 4 April 2014)
Paras Air Empangan (m)	195.70	193.2	189.85
Pengurangan pelepasan air mentah	200 JLH	500 JLH	1,000 JLH
Peratus Kapasiti Empangan (%)	45.82%	41.83%	36.88%